

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014

**AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIRI 2

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ini, Sila Baca Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KANDUNGAN



KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN	<i>ix</i>
INTISARI LAPORAN	<i>xiii</i>

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. Pendahuluan

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

2. Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah 3

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

3. Pengurusan Penyenggaraan Kapal/Bot 32

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

4. Pengurusan Cawangan Auditan Syarikat 58

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

5. Projek NKEA Pertanian: EPP 6 - Replikasi IZAQ 82

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA / KEMENTERIAN KERJA RAYA

6. Projek Pembinaan Institut Kanser Negara 109

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

7. Pengurusan Kutipan Hasil Fi Perubatan Di Hospital 133

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

8. Perolehan Peralatan ICT 156
9. Pengurusan Perolehan Peralatan Akademik Dan Sokongan Akademik Politeknik 174
10. Pengurusan Pembangunan Politeknik Premier 210
11. Pengurusan Kerja-Kerja Pembaikan Sekolah Negeri Sabah Di Bawah Perolehan Darurat 245

Institut Pendidikan Guru

12. Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Dan Fasiliti 264

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

13. Projek-Projek Kecil Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 295

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	
14. Pengurusan Projek <i>Pedestrian Network</i>	314
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	
Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia	
15. Pengurusan Perolehan Peralatan Dan Sewaan Pesawat Swasta	335
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
Jabatan Penerbangan Awam	
16. Pengurusan Kuarters	356
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	
17. Pengurusan Bekalan Elektrik Luar Bandar Di Negeri Sarawak	385
BAHAGIAN II	
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN	
18. Pendahuluan	405
19. Pengurusan JKP Sdn. Bhd.	405
20. Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)	441
21. Pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	484
PENUTUP	531

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2014 Siri 2 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan Persekutuan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti perolehan, pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, dan pengurusan hasil. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 16 program/aktiviti/projek di bawah

13 Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengurusan 3 syarikat Kerajaan dan pengurusan terhadap prestasi kewangan dan pengawasan syarikat Kerajaan. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan tidak munasabah; *improper payment*; pembaziran; kelemahan pengurusan aset Kerajaan dan kelemahan pungutan hasil. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek dan kekurangan peruntukan untuk perolehan/penyenggaraan aset.

4. Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan telah diadakan yang turut dihadiri oleh wakil Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan Malaysia. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan berkenaan, saya telah mengemukakan 90 syor untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

5. *Auditor General's Dashboard* yang dilaksanakan mulai 31 Mei 2013 telah mencapai matlamat GTP 2.0 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu Memerangi Rasuah. Ia memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kementerian/Jabatan/Syarikat khususnya Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang telah diambil.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
13 Mei 2015

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

1. Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah

- a. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam sistem kehakiman dan perundangan negara serta meningkatkan kecekapan dan keseragaman dalam sistem pentadbiran kehakiman syariah di seluruh Malaysia. Selain itu, JKSM bertanggungjawab mengekalkan struktur mahkamah syariah negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan termasuk pentauliahian Ketua Hakim Syarie serta pegawai-pegawai syariah. Di bawah RMKe-10, melalui kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, JKSM merancang untuk membina 6 Kompleks Mahkamah Syariah Negeri (Kompleks). Pembinaan kompleks ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan mahkamah syariah yang lebih teratur, adil dan berkesan. Selain itu, projek ini juga berupaya dalam mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik serta mencukupi untuk kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN).
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan pembinaan Kompleks adalah teratur kerana telah mematuhi peraturan-peraturan dari segi pengurusan pelantikan kontraktor, pengenaan denda, pengeluaran dan kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK), lanjutan masa, bon pelaksanaan dan proses pembayaran. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek lain yang masih perlu diambil tindakan pembedulan dan penambahbaikan memandangkan ia boleh memberi kesan kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan projek seperti yang berikut:
 - i. pembinaan lewat disiapkan bagi ketiga-tiga kompleks yang diaudit [Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (KMSNS), Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan (KMSNK) dan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang (KMSNPP)] antara 209 hingga 503 hari dari tarikh siap asal yang mana sebahagian besarnya disebabkan kelemahan pihak Kerajaan;
 - ii. kelewatan menandatangani kontrak/perjanjian bagi perkhidmatan perunding di antara 12 hingga 586 hari;
 - iii. prestasi kerja perunding/Kontraktor/*Non-Sub Contractor* (NSC) kurang memuaskan;
 - iv. lukisan siap bina dan manual operasi penyenggaraan (O&M) belum dikemukakan kepada Jabatan Pelanggan bagi kontrak pembinaan KMSNK dan KMSNS;

- v. terdapat kecacatan dan kerosakan yang belum dibaiki oleh Kontraktor menyebabkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dan Penyata Akaun Muktamad (SOFA) belum dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR);
 - vi. Dewan Bicara di KMSNPP tidak dilengkapi perabot;
 - vii. reka bentuk projek/spesifikasi kerja yang kurang lengkap dan sesuai/kurang praktikal bagi kontrak pembinaan KMSNK dan KMSNS;
 - viii. kerja elektrik dan mekanikal tidak dilaksanakan/diselesaikan dengan sempurna; kerja pembinaan sivil dan struktur yang kurang berkualiti dan kerja pembaikan kecacatan/kerosakan yang tidak diambil tindakan sepenuhnya oleh Kontraktor; kerja penyenggaraan bangunan yang kurang berkesan; dan
 - ix. kemudahan bangunan (ruang kafeteria, ruang pejabat, Bilik MDF/AHU dan rumah sampah) tidak dapat berfungsi/digunakan sebagaimana sepatutnya bagi ketiga-tiga kontrak.
- c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan kepada JKSM, JKSN, JKR dan pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti yang berikut:
- i. setiap kelemahan di peringkat perancangan perlu dikaji semula secara menyeluruh dan dijadikan sebagai *lesson learnt* bagi memastikan kes *Extension Of Time* (EOT) di atas asas kelemahan perancangan diminimumkan demi menjaga kepentingan Kerajaan;
 - ii. memastikan semua kontrak/perjanjian dengan perunding ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan;
 - iii. memandangkan kepada kelemahan perunding seperti mana yang dibangkitkan boleh menjejaskan kualiti dan kecekapan pelaksanaan projek, pihak JKR perlu mempunyai mekanisme untuk memastikan keupayaan dan kewibawaan perunding yang dilantik bagi projek yang akan datang adalah dijamin. Pemantauan terhadap prestasi perunding melalui penyediaan laporan prestasi dan tindakan ke atas perunding bermasalah adalah wajar; dan
 - iv. penyerahan lukisan siap bina, manual operasi penyenggaraan serta senarai katalog peralatan perlu dikaitkan dengan klausa bayaran bagi memastikan pihak kontraktor komited untuk menyediakannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak JKR juga perlu memantau penyediaan dokumen lukisan siap bina, manual operasi penyenggaraan serta senarai katalog peralatan supaya ia dapat diserahkan kepada Jabatan Pengguna secara berperingkat, selari dengan kemajuan pelaksanaan projek bagi memudahkan kerja penyenggaraan dan penggunaan peralatan sebaik projek siap.

JABATAN PERDANA MENTERI

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

2. Pengurusan Penyenggaraan Kapal/Bot

- a. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditubuhkan di bawah Undang-undang Malaysia melalui Akta 633 pada bulan Ogos 2002 dan telah memulakan operasi pada 30 November 2005. APMM melaksanakan fungsi penguatkuasaan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia dengan tujuan melindungi kepentingan maritim dan kepentingan negara lain dalam zon tersebut. Pada peringkat awal, APMM dilengkapi dengan 19 kapal/bot pelbagai kelas/jenis yang diterima daripada jabatan lain yang berusia antara 5 hingga 42 tahun. Kapal/bot berkenaan ditempatkan di 5 Wilayah Maritim seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, APMM kini memiliki 259 aset yang terdiri daripada 90 kapal dan 69 bot yang diperolehi secara ambil alih daripada jabatan lain serta perolehan 100 bot baru yang berusia antara 1 hingga 50 tahun. Kesemua kapal/bot yang diperolehi secara ambil alih perlu melalui proses *make good* di limbungan bagi membolehkan ia digunakan untuk tujuan operasi kecuali bagi 9 kapal di mana diputuskan untuk dilupuskan kerana tidak ekonomik untuk dibaiki. Setakat bulan Disember 2014, kerja penyenggaraan kapal/bot APMM telah dilaksanakan oleh sebanyak 211 vendor yang berdaftar dengan kontraktor dalam bidang tertentu. APMM telah melupuskan sebanyak 18 kapal dan 9 bot sejak penubuhannya pada tahun 2005 menjadikan aset terkini APMM sebanyak 232 buah. APMM telah mengamalkan konsep senggaraan secara penswastaaan bagi kapal/bot sejak dari awal penubuhannya. Konsep senggaraan secara penswastaaan ini dilaksanakan melalui kontrak senggaraan kapal/bot Maritim Malaysia yang ditadbir urus oleh kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan. Pematuhan pelaksanaan kontrak ini dipantau sepanjang masa dengan berpandukan kepada dokumen kontrak. Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM), Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perolehan kontrak penyenggaraan dan pembaikan kapal/bot APMM. Sehubungan itu, kontrak telah dimeterai dengan Syarikat MTU Services Malaysia Sdn. Bhd. (MSM) untuk melaksanakan pengurusan penyenggaraan kapal/bot bagi tempoh 5 tahun dengan harga kontrak berjumlah RM1 bilion atau RM200 juta setahun. MSM adalah merupakan syarikat yang telah menguruskan/menjalankan penyenggaraan kapal/bot APMM sejak tahun 2005 hingga kini.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya kontraktor telah dapat melaksanakan pengurusan penyenggaraan kapal/bot APMM seperti mana yang telah dinyatakan dalam kontrak khususnya berkaitan peratusan kesiagaan kapal/bot APMM serta penyenggaraan pembaikan. Secara keseluruhannya, prestasi kontraktor dan APMM dalam menguruskan penyenggaraan kapal/bot adalah teratur. Bagaimanapun perkara berikut perlu diambil tindakan penambahbaikan supaya tidak menjejaskan kecekapan dan keberkesanan pengurusan penyenggaraan kapal/bot APMM:

- i. sejumlah RM669.10 juta (98.58%) daripada RM678.76 juta yang diperuntukkan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 telah dibelanjakan. *Project commitments* sehingga bulan Disember 2014 berjumlah RM250.61 juta di mana telah melebihi siling peruntukan pembangunan berjumlah RM50.61 juta;
 - ii. peningkatan kos penyenggaraan akibat tiada perancangan bagi melaksanakan kerja pembaikan *make good*;
 - iii. obligasi tambahan oleh kontraktor tidak dinyatakan dalam kontrak tambahan;
 - iv. latihan pelaksanaan penyenggaraan tahap 1 tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang;
 - v. kerja pembaikan senggaraan tahunan (AD) ditawarkan kepada vendor yang tidak berdaftar dengan MSM dan kerja pembaikan AD yang dilaksanakan pada tahun 2012 lewat diselesaikan antara 20 hingga 389 hari;
 - vi. wujud perbezaan dalam penentuan kategori kesiagaan kapal/bot APMM dan MSM;
 - vii. pengurusan aset *mothball* melibatkan kos di mana kos untuk meletakkan kapal/bot akan dikira bersama kerja pembaikan;
 - viii. kelewatan dalam proses pelupusan kapal/bot menyebabkan APMM perlu membayar kos sewaan jeti, bekalan elektrik dan kawalan keselamatan;
 - ix. rancangan bulanan rondaan dan pengawasan bagi 46 buah kapal/bot tidak dapat dicapai;
 - x. sewaan dan tumpangan kapal/bot menyebabkan APMM perlu menanggung kos sewaan, kedudukan jeti agak jauh, jeti tumpangan sempit, penyenggaraan kecil sukar dilaksanakan dan kedudukan kapal/bot agak rapat semasa berlabuh dan kebakaran telah berlaku di limbungan tumpangan di Kuantan yang melibatkan 5 kapal/bot. Akibatnya APMM telah mengalami kerugian berjumlah RM10.36 juta; dan
 - xi. setakat bulan Januari 2015, sebanyak 951 (17.6%) daripada 5,418 jawatan yang diluluskan belum diisi dan sebanyak 525 jawatan adalah melibatkan pengisian secara pentadbiran.
- c. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya APMM dan BHEPMM mengambil tindakan seperti yang berikut:
- i. Kementerian Kewangan Malaysia bersama BHEPM perlu mengkaji semula keperluan peruntukan penyenggaraan kapal/bot APMM dengan turut mengambil kira keperluan peruntukan *make good* kapal/bot yang diambil alih dan pertambahan kapal/bot baru di samping kapal/bot yang sedang dan akan dilupuskan;
 - ii. APMM perlu mewujudkan sistem pemantauan pentadbiran kontrak bagi Pegawai Penguasa dan Wakil Pegawai Penguasa seperti menguruskan pembaharuan, penguatkuasaan terhadap obligasi kontraktor, latihan, pemindahan teknologi dan semakan semula;

- iii. BHEPMM perlu memastikan tindakan penyambungan kontrak dibuat sebelum kontrak tamat supaya kesinambungan kerja penyenggaraan kapal/bot tidak terjejas serta tidak membebankan pegawai APMM sendiri. Sebarang obligasi tambahan dalam kontrak yang disambung perlu dimasukkan segera ke dalam kontrak baru untuk menjaga kepentingan Kerajaan;
- iv. APMM perlu memastikan penyediaan manual penyenggaraan tahap 1 serta proses yang berkaitan dengannya bagi setiap kapal/bot serta merancang dan memastikan latihan diberikan kepada setiap anggota kapal/bot khususnya bagi penyenggaraan tahap 1 agar penyenggaraan tersebut dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan;
- v. APMM perlu memastikan setiap pelantikan vendor dibuat dengan telus dengan mempunyai asas yang kukuh bagi menjamin integriti proses lantikan;
- vi. APMM bersama MSM perlu menetapkan mekanisme yang seragam dalam menentukan status kesiagaan kapal/bot supaya aktiviti operasi dan penyenggaraan dapat dirancang dengan tepat;
- vii. bagi memastikan semua aset jeti Kerajaan digunakan secara optimum, Kerajaan perlu memastikan keputusan yang dicapai semasa penubuhan APMM agar sebahagian aset jeti diserahkan kepada APMM dipatuhi sepenuhnya atau menetapkan mekanisme yang sesuai untuk membolehkan perkongsian aset-aset jeti yang ada; dan
- viii. APMM perlu menyegerakan pengisian jawatan dan perlu memastikan pengisian jawatan secara pentadbiran tidak menjejaskan fungsi asal kapal/bot yang perjawatannya telah dipindahkan.

[muka surat 32 - 57]

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3. Pengurusan Cawangan Auditan Syarikat

- a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan bagi memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, cukai jualan, cukai eksais, cukai perkhidmatan dan levi yang dikenakan ke atas urusan niaga perdagangan serta perindustrian yang dijalankan di Kawasan Utama Kastam di Malaysia. Selain daripada memungut hasil negara, JKDM juga berperanan memberi fasilitasi perkastaman dan memastikan pematuhan perundangan perkastaman. Peranan untuk memastikan pematuhan perundangan ini merupakan elemen yang menyokong ke arah memperkemas dan memperteguh tanggungjawab JKDM sebagai pemungut hasil negara. Peranan tersebut perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, memelihara keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Bahagian Pengurusan Pematuhan JKDM khususnya Cawangan Auditan Syarikat (CAS) di peringkat Ibu Pejabat Putrajaya dan negeri telah melaksanakan pengauditan dan siasatan ke atas pelesen/syarikat/peniaga (entiti) yang dilesen dan ditadbir di bawah Akta Kastam

1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Eksais 1976 dan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Sehingga bulan Disember 2014, terdapat 71,874 entiti yang dilesenkan. Kutipan Duti dan Cukai Dalam Negeri seperti Duti Eksais (Tempatan); Cukai Perkhidmatan; Cukai Jualan (Tempatan) dan Levi Keuntungan Luar Biasa menyumbang sejumlah RM60.630 bilion (60.25%) daripada keseluruhan kutipan hasil JKDM bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014.

- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya pengurusan Cawangan Auditan Syarikat adalah memuaskan di mana prestasi hasil pengauditan yang dijalankan oleh CAS di 6 negeri yang dilawati telah mengeluarkan *Bill of Demand* (BOD) berjumlah RM79.36 juta pada tahun 2013 dan ia meningkat RM122.41 juta (154.2%) kepada RM201.77 juta pada tahun 2014. Selain itu, JKDM juga telah mewujudkan satu struktur organisasi CAS yang baik; memastikan pegawai CAS mempunyai latar belakang akademik yang bersesuaian; menyediakan dan sedang mengemas kini garis panduan pengauditan; menggunakan *Computer-Assisted Audit Tools & Techniques* (CAATTs) bagi membantu pengauditan; dan memastikan keselamatan fail dan dokumen yang diambil dari entiti telah disimpan dengan baik dan selamat. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan CAS seperti yang berikut:
 - i. prestasi pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) terkumpul bagi CAS Negeri yang dilawati tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di mana hanya 75.8% dan 92.3% daripada bilangan fail yang ditetapkan pada tahun 2013 dan 2014 telah siap diaudit;
 - ii. tiada bukti penarafan risiko dilaksanakan terhadap fail/entiti yang dipilih untuk tujuan pengauditan sedangkan penarafan risiko dalam rancangan pengauditan adalah mustahak apabila mengambil kira nisbah bilangan pegawai CAS dengan bilangan entiti yang berdaftar iaitu antara 241 hingga 375 entiti bagi setiap pegawai CAS atau tempoh masa yang perlu diambil oleh CAS Negeri untuk menjalankan pusingan kerja pengauditan yang lengkap melibatkan semua entiti adalah di antara 12 hingga 18 tahun;
 - iii. prosedur pengauditan dalam menyediakan senarai semak sebelum dan semasa pengauditan tidak diamalkan seperti mana yang ditetapkan; dan
 - iv. pemantauan terhadap tempoh menyiapkan pengauditan dan kelulusan perlanjutan tempoh pengauditan tidak diuruskan dengan baik di CAS Negeri Johor, Kedah dan Selangor.
- c. Bagi memastikan pengurusan Cawangan Auditan Syarikat dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan di seluruh negara, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:
 - i. memastikan prestasi pencapaian KPI CAS untuk semua negeri mencapai sasaran yang ditetapkan melalui pemantauan yang lebih efektif;

- ii. mengemas kini penetapan penarafan risiko di dalam PTPem Bil. 1 dan memastikan penarafan risiko dalam pemilihan entiti untuk diaudit kerana penarafan risiko adalah mustahak apabila mengambil kira nisbah bilangan pegawai CAS dengan bilangan entiti yang berdaftar ialah antara 241 hingga 375 entiti bagi setiap pegawai CAS;
- iii. memastikan prosedur pengauditan dalam menyediakan senarai semak sebelum dan semasa pengauditan diamalkan oleh semua CAS Negeri seperti mana yang ditetapkan;
- iv. memantau semua CAS Negeri dalam aspek tempoh menyiapkan pengauditan serta memastikan kelulusan perlanjutan tempoh pengauditan diuruskan dengan teratur; dan
- v. memandangkan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) telah dilaksanakan mulai 1 April 2015 dan nama CAS telah berubah kepada Cawangan Auditan GST, kesemua syor Audit hendaklah diambil kira bagi memastikan pengauditan GST dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

[muka surat 58 - 81]

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

4. Projek NKEA Pertanian : EPP 6 – Replikasi IZAQ

- a. Bidang Ekonomi Utama Negara/*National Key Economic Area* (NKEA) bagi Pertanian dilaksanakan melalui 16 Projek Permulaan/*Entry Point Project* (EPP). Salah satu daripadanya adalah EPP 6 - Replikasi Model Penternakan Akuakultur Yang Bersepadu/*Replicating Integrated Zone for Aquaculture Model* (IZAQ) yang dilaksanakan mulai tahun 2011 dan sasarannya sehingga menjelang tahun 2020. IZAQ merupakan model akuakultur di darat yang disokong oleh syarikat-syarikat peneraju yang kukuh. Komponen projek IZAQ terdiri dari infrastruktur asas (bund, pond, jalan, utiliti dan regulatory requirements), infrastruktur sokongan (Research and Development (R & D), *skills development centre*, *broodstock and production hatchery*, infrastruktur kritikal (seawater/freshwater intake and treatment pond and reservoir) dan menaik taraf fasiliti ladang dari segi biosekuriti untuk memenuhi keperluan negara pengimport *European Union* (EU). Objektif IZAQ menjelang tahun 2020 adalah untuk menghasilkan 100,000 tan metrik/*metric tonne* (mt) udang berkualiti tinggi yang diiktiraf sepenuhnya untuk pasaran premium dan eksport dengan kawasan tanah berkeluasan 10,000 hektar; menjana Pendapatan Negara Kasar/*Gross National Income* (GNI) berjumlah RM1.383 bilion; dan mewujudkan 11,900 peluang pekerjaan baru. Pelaburan bagi setiap projek IZAQ dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 30% daripada jumlah kos projek dan bakinya (70% atau lebih) dibiayai sendiri oleh syarikat peneraju. Berdasarkan 30% tersebut, Kerajaan akan membayar kepada syarikat peneraju dalam 2 peringkat iaitu 70% akan dibayar berdasarkan kemajuan kerja di peringkat pembinaan infrastruktur/*pre-production* yang berasaskan imbuhan balik pelaburan sebenar syarikat peneraju. Manakala bakinya 30% akan hanya dibayar di peringkat pengeluaran

udang berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan bagi 2 tahun tertentu. Mulai tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 11 kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dengan 10 syarikat peneraju melibatkan 11 projek penternakan udang/ikan laut dan pusat penetasan/*hatchery centre*. Kos keseluruhan projek IZAQ adalah berjumlah RM2.142 bilion dan kuantum insentif pembiayaan diluluskan berjumlah RM518.63 juta.

- b. Pengauditan dijalankan mendapati secara umumnya pengurusan projek IZAQ adalah memuaskan kerana projek IZAQ secara keseluruhannya sedang giat dilaksanakan secara konsisten, program pemantauan *Aquaculture Residue Monitoring Plan* (ARMP) dan pemantauan projek serta proses pemilihan syarikat peneraju diuruskan dengan memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:
- i. *targeted analysis output* terhadap objektif projek IZAQ secara keseluruhannya hanya akan mencapai 43.9% menjelang tahun 2020 berdasarkan kontrak yang sedia ada;
 - ii. Pencapaian KPI setakat Disember 2014 bagi pengeluaran udang, kawasan tanah projek IZAQ dan pewujudan pekerjaan baru telah mencapai 2,946.78 mt (3%), 3,712 hektar (37.1%) dan 874 pekerjaan (7.3%) masing-masingnya;
 - iii. dokumen kontrak bernilai melebihi RM100 juta ditandatangani oleh pegawai Kerajaan melebihi had kuasa yang dibenarkan;
 - iv. komponen projek yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat telah dibiayai oleh Kerajaan; dan
 - v. Pelan Pengurusan Alam Sekitar/*Environmental Management Plan* (EMP) kurang memuaskan.
- c. Bagi memastikan pengurusan program Projek NKEA Pertanian : EPP 6 - Replikasi IZAQ dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan supaya PEMANDU, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mempertimbangkan perkara seperti yang berikut:
- i. PEMANDU dan DOF hendaklah meningkatkan pemantauan projek IZAQ agar ia disiapkan mengikut jadual bagi mencapai sasaran berdasarkan tempoh yang ditetapkan dan juga memastikan syarikat peneraju mematuhi syarat-syarat EIA dan EMP seiring dengan kemajuan projek;
 - ii. DOF hendaklah meningkatkan usaha untuk mencapai setiap objektif IZAQ. DOF juga perlu menetapkan sasaran mengikut spesis ternakan bagi memudahkan pengukuran KPI dengan lebih spesifik dan menyelenggarakan rekod eksport untuk setiap syarikat peneraju bagi tujuan analisis pada masa akan datang;
 - iii. bagi tujuan kontrak yang akan datang, DOF hendaklah memastikan penurunan kuasa menandatangani telah dibuat kepada pegawai awam mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 berdasarkan nilai tertentu agar kontrak lebih teratur;

- iv. PEMANDU dan DOF hendaklah menggalakkan syarikat peneraju dalam pengeluaran makanan atau perolehan makanan udang buatan tempatan; dan
- v. DOF hendaklah memastikan ke semua projek IZAQ memperoleh sijil MyGAP dengan segera walaupun projek masih dalam peringkat pelaksanaan.

[muka surat 82 - 108]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA/KEMENTERIAN KERJA RAYA

5. *Projek Pembinaan Institut Kanser Negara*

- a. Institut Kanser Negara (IKN) dibina untuk menampung pesakit kanser yang semakin meningkat di Malaysia dengan menawarkan perkhidmatan kanser yang menyeluruh dan terbaik di negara ini. Skop perkhidmatan IKN meliputi perkhidmatan teras (Core) IKN iaitu Radioterapi & Onkologi, Perubatan Nuklear, Perubatan Paliatif dan juga Pembedahan Onkologi. Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan adalah seperti Anesthesiology & Rawatan Rapi, Pengimejan Diagnostik, Patologi, Farmasi, Fisioterapi, Dietetik & Sajian, Perubatan Tradisional & komplementari juga Kecemasan Kanser. Manakala perkhidmatan 24 jam sehari meliputi perkhidmatan seperti Onkologi (Oncology), Perubatan Nuklear (Nuclear Medicine) dan Perawatan Paliatif (Palliative Care). Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan persetujuan Kementerian Kewangan (MOF) telah melantik Syarikat Kiara Teratai Sdn. Bhd. (Kontraktor) **secara rundingan terus** bagi melaksanakan pembinaan IKN yang bermula pada 1 September 2010 dan dijangka siap pada 31 Ogos 2013. Projek ini dilaksanakan **secara reka dan bina**, beroperasi sepenuhnya pada Januari 2014. Kontraktor tersebut bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua peringkat pelaksanaan projek daripada proses penyiasatan tapak, penyediaan reka bentuk, pembinaan, penyeliaan, pembekalan, pemasangan dan pentauliahan peralatan serta penyenggaraannya sehingga tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan. Projek pembinaan IKN ini merangkumi satu blok bangunan hospital utama termasuk 4 tingkat podium, 2 tingkat *basement* dan 7 tingkat blok wad. Selain itu, IKN juga dilengkapi dengan *radiotherapy bunker*, mesin radioterapi moden, bilik pembedahan, bilik rawatan radioterapi iodine dan unit rawatan harian kemoterapi. IKN merupakan premis perintis yang dibangunkan oleh JKR menggunakan teknologi pintar *Building Information Modelling*. Projek IKN dibiayai melalui *Private Finance Initiative* (PFI) yang disalurkan oleh MOF kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) dan seterusnya disalurkan kepada JKR. Kos asal projek ini bernilai RM690 juta. Peruntukan tambahan diluluskan sejumlah RM14.60 juta menjadikan kos projek keseluruhannya berjumlah RM704.60 juta. MOF juga telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana bagi projek ini di mana Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK) dilantik sebagai Pengarah Projek (PP). Di samping itu, Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan serta IKN juga berperanan dalam memantau, menilai serta menyelaras pelaksanaan projek pembinaan IKN bagi pihak Kementerian. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 16 Ogos 2013. Sehingga tarikh pengauditan, status projek ini adalah dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan yang akan berakhir pada 15 Ogos 2015.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati projek pembinaan IKN telah siap lebih awal dari tempoh yang ditetapkan. Selain itu, semakan terhadap sampel kerja pembinaan

bangunan dan pembekalan peralatan serta pemantauan oleh pihak JKR dan IKN mendapati ia adalah baik. Namun terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti semasa pemeriksaan Audit adalah seperti yang berikut:

- i. terdapat kerja-kerja pembinaan yang kurang memuaskan/tidak sempurna antaranya tangki *cooling tower* bocor, air bertakung di jalan, penggera sentiasa berbunyi dan wayar peralatan ICT berselirat;
 - ii. bilik isolasi tidak dapat digunakan kerana tidak menepati piawaian yang ditetapkan;
 - iii. *cooling tower* dan landskap tidak disenggara dengan sempurna kerana pemantauan kerja penyenggaraan kurang berkesan; dan
 - iv. lukisan siap bina lewat dikemukakan, butiran lukisan siap bina berbeza dengan fizikal dan bayaran penuh telah dibuat walaupun lukisan siap bina tidak lengkap.
- c. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian dan JKR mengambil tindakan seperti yang berikut:
- i. memastikan bilik isolasi mematuhi piawaian yang telah ditetapkan dan dapat digunakan;
 - ii. JKR hendaklah memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna dalam memantau dan menyelia kerja Kontraktor terutamanya kerja-kerja penyenggaraan sehingga tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan; dan
 - iii. JKR perlu memastikan baki kerja yang tidak sempurna dan berkualiti diambil tindakan pembaikan dengan segera bagi menjamin keselamatan bangunan dan pengguna serta memastikan Kerajaan mendapat *best value for money*. Di samping itu, JKR perlu memastikan bayaran bagi lukisan siap bina dibayar mengikut nilai kemajuan kerja sebenar lukisan tersebut.

[muka surat 109 -132]

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

6. *Pengurusan Kutipan Fi Perubatan Di Hospital*

- a. Pengurusan hasil di Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) melibatkan aktiviti mengutip, menerima dan mengakaunkan segala hasil dan wang yang diterima sama ada melalui kaunter secara tunai, pos, penghantaran tangan atau pungutan luar dalam bentuk tunai, wang pos, bank draf, cek, kad kredit dan kad debit. Kementerian telah mewujudkan 6 sistem aplikasi iaitu EM-HIS 5.X (ISOFT), FICISIEN, CERNER MILLENNIUM (CERNER), GCM TAKE CARE HIS (PROFDOC), Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) dan Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD) bagi 31 hospital yang dikelaskan sebagai hospital *Information Technology* (IT). Hospital IT ini adalah sistem yang bersepadu untuk pengurusan pesakit bermula daripada pendaftaran dan kemasukan pesakit ke wad sehinggalah pesakit *discharge*

termasuk caj ujian makmal, radiologi dan farmasi. Manakala 106 hospital lagi dikenali sebagai hospital *non-IT* yang menggunakan sistem *e-billing* yang dibangunkan secara *in-house*. Kuasa bagi menjalankan kutipan hasil fi perubatan Kementerian telah dinyatakan di dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 di bawah Akta Fee 1951. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, keseluruhan kutipan hasil Kementerian berjumlah RM1.284 bilion. Kutipan hasil fi perubatan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM773.70 juta (60%) daripada jumlah keseluruhan hasil Kementerian. Hasil fi perubatan di empat hospital yang diaudit iaitu Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Star; Hospital Bintulu (HBTU); Hospital Queen Elizabeth (HQE) Kota Kinabalu; dan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu bagi tempoh yang sama berjumlah RM30.24 juta.

- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan kutipan hasil fi perubatan melalui sistem aplikasi di hospital yang diaudit secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan khususnya berkenaan dengan pengurusan tunggakan dan hapus kira hasil, kelemahan kawalan capaian dan operasi sistem aplikasi seperti yang berikut:
- i. tunggakan hasil bagi dua hospital yang diaudit meningkat pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya iaitu 21.1% dan 915.3%. Selain itu, peratusan tunggakan yang tidak dapat dikutip semula adalah tinggi iaitu antara 25.5% hingga 47.7% bagi tempoh yang sama;
 - ii. hapus kira hasil keseluruhan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM30.47 juta. Selain itu, berlaku peningkatan amaun hapus kira sejumlah RM6.03 juta (98.2%) pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Bagi tempoh yang sama terdapat hapus kira belum/lewat dibuat berjumlah RM3.41 juta bagi empat hospital yang diaudit;
 - iii. *mapping* antara kos dengan 2,153 prosedur bagi 6 kategori klinikal di HSB masih belum dibuat;
 - iv. wujud kelemahan dalam kawalan terimaan dimana pegawai di kaunter hasil mempunyai pelbagai akses dalam fungsi terimaan;
 - v. Surat Peringatan Pertama (SP1) lewat dikeluarkan antara 7 hingga 124 hari dari tarikh bil, Surat Peringatan Kedua (SP2) lewat antara 16 hingga 120 hari dan Surat Peringatan Ketiga (SP3) lewat antara 17 hingga 48 hari;
 - vi. terdapat kelemahan dalam aspek kawalan capaian logikal, kawalan operasi dan pengurusan bilik server;
 - vii. di HBTU dan HSNZ *temporary data entry media* bagi kemasukan data semasa *downtime* tidak dibuat secara automasi. Manakala di HSNZ sub-modul *Reconciliation* yang dinyatakan dalam klausa kontrak yang diserahkan pada tahun 2012 masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya; dan
 - viii. di HQE peratus kepuasan pengguna adalah sangat rendah terhadap perkakasan (14%) dan modul (11%). Manakala di HSNZ adalah rendah terhadap modul (39.3%), latihan (26.8%) dan *helpdesk* (30.8%).

- c. Bagi memastikan kutipan hasil fi perubatan menggunakan sistem aplikasi beroperasi dengan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang berikut:
- i. *task force* perlu diwujudkan bagi mengenal pasti, meneliti dan menyelesaikan isu tunggakan hasil dan hapus kira supaya pengurusan hasil Kerajaan dapat diurus dengan cekap dan teratur serta Kerajaan memperoleh hasil yang sepatutnya. Selain itu, pengeluaran surat peringatan kepada pesakit yang masih belum menjelaskan bil hendaklah mengikut norma masa yang ditetapkan;
 - ii. padanan antara prosedur dan kos yang belum dilaksanakan perlu disegerakan bagi mengelakkan ketirisan hasil Kerajaan dan menggunakan sepenuhnya sub modul yang telah dibangunkan;
 - iii. koordinasi antara pentadbir sistem ICT dan Unit Hasil hendaklah ditingkatkan bagi menentukan konfigurasi terhadap kawalan akses dalam fungsi penerimaan. Selain itu, kawalan capaian logikal dan operasi serta pengurusan bilik server perlu dipertingkatkan bagi menjamin keselamatan aset ICT, keutuhan dan integriti data; dan
 - iv. mengambil kira maklum balas kepuasan pengguna dalam penambahbaikan terhadap perkakasan, modul, latihan dan *helpdesk*.

[muka surat 133 -155]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

7. Perolehan Peralatan ICT

- a. Perolehan peralatan ICT melalui Kontrak Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) dilaksanakan tiga tahun sekali. Setiap kontrak bermasa berkuat kuasa selama tiga tahun di antara Februari 2012 sehingga Julai 2015 meliputi 45 item terdiri daripada perkakasan dan perisian komputer serta perkhidmatan teknikal. Kontrak ini melibatkan 12 syarikat dan pembekalan adalah mengikut negeri/zon dengan kontrak bernilai RM307.32 juta. Nilai kontrak yang ditawarkan kepada pembekal yang berjaya adalah merupakan anggaran nilai siling kontrak manakala perolehan peralatan ICT tertakluk kepada peruntukan yang diterima. Pemilihan pembekal dalam kontrak ini dibuat melalui proses tender terbuka oleh Lembaga Perolehan KPM. Spesifikasi peralatan ICT yang terdapat dalam kontrak ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi yang dianggotai oleh wakil daripada setiap Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan. Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (BPPA) bertanggungjawab dalam mengumpulkan maklumat berkenaan keperluan peralatan ICT daripada setiap Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan bagi tujuan penyediaan cadangan agihan peralatan ICT.
- b. Pengauditan yang dijalankan di 30 buah Sekolah Kebangsaan (SK) bagi 3 negeri mendapati pelaksanaan perolehan peralatan ICT secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian seperti yang berikut:

- i. kelewatan dalam menandatangani kontrak di antara 158 hingga 208 hari;
 - ii. 12 baucar bayaran bernilai RM28.04 juta tidak disokong dengan Surat Akuan Penerimaan (SAP) yang lengkap pada ruangan tarikh pegawai penerima dan/atau tarikh pegawai pengesah dan Sijil Pengujian dan Pentauliah (SPP) tidak lengkap pada ruangan tarikh kontraktor dan/atau tarikh pengesahan;
 - iii. pegawai penerima peralatan ICT tidak berkelayakan;
 - iv. perolehan kuantiti Spell Checker Software (SPC) melebihi kuantiti komputer sebanyak 270 unit bernilai RM75,600;
 - v. tiada bukti peralatan ICT bernilai RM115,503 telah diuji dan ditauliah di SK Taman Mahsuri tetapi telah dibayar;
 - vi. aduan kerosakan dibuat secara lisan kepada pihak Kontraktor dan tiada rekod yang disimpan mengenai aduan dan status tindakan yang diambil;
 - vii. *preventive maintenance* tidak pernah dilaksanakan oleh pihak Kontraktor; dan
 - viii. daftar rekod aset untuk peralatan ICT dan tanda *engraved* 'Hak Kerajaan Malaysia' tidak dibuat oleh pihak Kontraktor.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Kerajaan memperoleh peralatan ICT yang terbaik serta dimanfaatkan dengan optimumnya adalah disyorkan Kementerian dan pihak sekolah memberi pertimbangan kepada perkara yang berikut:
- i. mengambil perhatian yang serius terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan semua terma yang dinyatakan dalam kontrak dilaksanakan;
 - ii. memastikan SAP dan SPP diisi dengan lengkap sebelum pembayaran dibuat;
 - iii. memastikan semua terma yang dinyatakan dalam kontrak dilaksanakan oleh kontraktor. Kementerian juga perlu memastikan semua terma yang dinyatakan dalam kontrak adalah lengkap dan jelas;
 - iv. menyediakan satu mekanisme aduan yang seragam berkenaan aduan kerosakan peralatan yang masih dalam tempoh waranti bagi membolehkan elemen denda dapat dikuatkuasakan/dikenakan terhadap kontraktor sekiranya maklum balas terhadap aduan yang telah dibuat tidak mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam kontrak; dan
 - v. mempertingkatkan dan memperkemaskan mekanisme pemantauan terhadap penerimaan, penggunaan dan penyimpanan peralatan ICT. Pemantauan secara berjadual perlu dilakukan di peringkat BPPA dan hasil pemantauan hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan supaya isu kelemahan berbangkit dapat diambil tindakan.

[muka surat 156 -173]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**8. Pengurusan Perolehan Peralatan Akademik Dan Sokongan Akademik Politeknik**

- a. Di bawah RMKe-10, sebanyak 7 buah politeknik baru telah diluluskan projek perolehan peralatan yang terdiri daripada peralatan akademik/pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta peralatan sokongan akademik yang meliputi bahan rujukan perpustakaan, kenderaan, perabot, peralatan pejabat dan peralatan sukan. Objektif utama projek perolehan peralatan politeknik tersebut adalah untuk menyediakan dan melengkapkan kemudahan peralatan akademik dan sokongan akademik bagi melancarkan proses P&P serta penyampaian perkhidmatan politeknik. Sehingga Disember 2014, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM149.56 juta untuk perolehan peralatan bagi 7 politeknik tersebut. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM108.46 juta (72.5%) diuruskan oleh Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset [BPPA (Pengajian Tinggi)] **secara rundingan terus dan tender terbuka**. Bakinya sejumlah RM41.10 juta telah disalurkan kepada Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan 7 politeknik terlibat untuk tujuan perolehan **secara sebut harga dan pembelian terus**. Daripada RM149.56 juta tersebut, sejumlah RM135.80 juta (90.8%) telah dibelanjakan.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya perolehan peralatan politeknik telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk menyediakan dan melengkapkan kemudahan peralatan akademik dan sokongan akademik bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran serta penyampaian perkhidmatan politeknik. Namun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki seperti yang berikut:
 - i. 30 item peralatan pejabat bernilai RM0.20 juta dan 28 item peralatan sukan bernilai RM0.12 juta bagi perolehan secara sebut harga di Politeknik Sandakan masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan pada 14 Oktober 2014 walaupun telah dibayar lebih 300 hari;
 - ii. bon pelaksanaan bernilai RM1.08 juta bagi 6 kontrak di Politeknik Nilai dan Politeknik Jeli lewat dikemukakan antara 7 hingga 72 hari;
 - iii. pelaksanaan *Integrity Pact* bagi 2 sebut harga berjumlah RM0.92 juta di Politeknik Sandakan tidak dipatuhi;
 - iv. perolehan bagi peralatan akademik Politeknik Jeli dan Politeknik Sandakan lewat dilaksanakan yang mana mula dibekalkan selepas 335 hingga 341 hari semester satu bermula;
 - v. 2 item peralatan bagi kursus yang sama di Politeknik Jeli dan Politeknik Sandakan telah dibekalkan dengan jenama, model, spesifikasi dan negara pembuat yang berbeza menyebabkan perbezaan harga antara RM20,457 hingga RM22,857. Manakala 3 item peralatan yang mempunyai jenama, model,

- spesifikasi dan negara pembuat yang sama telah dibekalkan dengan harga yang berbeza antara RM12,800 hingga RM18,095;
- vi. 5 unit peralatan bernilai RM0.18 juta yang telah dibekalkan di dua politeknik yang diaudit dan telah dibayar tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak;
 - vii. spesifikasi yang dinyatakan dalam kontrak bagi 6 unit peralatan bernilai RM0.14 juta di Politeknik Sandakan tidak lengkap menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan antara 420 hingga 424 hari daripada tarikh diterima;
 - viii. 20 item peralatan pejabat bernilai RM0.22 juta dan 85 item peralatan sukan bernilai RM0.23 juta telah diaku terima serta dibayar oleh Politeknik Sandakan pada 20 Disember 2013 tetapi cek berkaitan dibatalkan pada 10 Oktober 2014 kerana 19 item peralatan pejabat bernilai RM0.22 juta dan 38 item peralatan sukan bernilai RM0.07 juta masih belum diterima; dan
 - ix. 66 unit peralatan bernilai RM1.24 juta di tiga politeknik yang diaudit tidak digunakan selama 419 hingga 930 hari dari tarikh penerimaan.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Kerajaan memperoleh peralatan politeknik yang terbaik serta dimanfaatkan dengan optimumnya, adalah disyorkan Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara yang berikut:
- i. memastikan peralatan akademik dan sokongan akademik dapat diterima sebelum pelajar mendaftar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas;
 - ii. mewujudkan pangkalan data peralatan yang menyimpan maklumat lengkap bagi memastikan tidak berlaku perbezaan spesifikasi dan harga bagi perolehan peralatan akademik untuk kursus yang sama;
 - iii. memastikan penyediaan spesifikasi dinyatakan dengan jelas supaya peralatan akademik yang dibekalkan boleh dan selamat digunakan serta memastikan spesifikasi penender sama/lebih baik daripada spesifikasi Kementerian;
 - iv. mengambil tindakan menubuhkan Jawatankuasa siasatan untuk menyiasat *improper payment* di mana pegawai telah mengesahkan penerimaan peralatan dan membuat bayaran sebelum peralatan diterima; dan
 - v. mengambil tindakan segera bagi memastikan kekosongan jawatan berkaitan dapat diisi supaya peralatan yang dibekalkan dapat diuruskan oleh pegawai yang berkelayakan.

[muka surat 174 - 209]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**9. Pengurusan Pembangunan Politeknik Premier**

- a. Seiring dengan hasrat negara untuk membangun dalam bidang ekonomi yang baharu serta selaras dengan inisiatif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) melalui Hala Tuju Transformasi Politeknik telah menetapkan bahawa politeknik perlu diperkasakan dengan peranan dan imej baru supaya ia mampu bersaing dan menjadi institusi pilihan utama. Salah satu inisiatif dalam Transformasi Politeknik yang dilancarkan pada 25 Februari 2010 ialah penubuhan Politeknik Premier yang bertujuan untuk menjana graduan yang berkemahiran kebolehdayaan diambil bekerja dan daya keusahawanan yang tinggi. Bagi tujuan tersebut, 3 daripada 32 buah Politeknik telah dinaiktaraf kepada Politeknik Premier. Peranan Politeknik Premier dimantapkan melalui penubuhan Pusat Teknologi (COT – Centre of Technology) yang memberi penekanan khusus kepada bidang terpilih (tujahan) kerana ia menjadi asas kepada kekuatan pelaksanaan program dan aktiviti. Bagi memantapkan bidang tujahan yang dikenal pasti, Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM38.36 juta di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) untuk pembangunan 3 Politeknik tersebut. Pembangunan Politeknik Premier meliputi naik taraf kemudahan fizikal, naik taraf infrastruktur ICT, perolehan perabot, peralatan dan bahan rujukan dalam bidang tujahan, latihan dalam bidang tujahan dan geran penyelidikan dalam bidang tujahan. Kaedah perolehan bagi kerja naik taraf kemudahan fizikal adalah secara tender terbuka manakala perolehan perabot dan peralatan, bahan rujukan dalam bidang tujahan, latihan dan geran penyelidikan dilaksanakan secara sebut harga dan pembelian terus.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan pembangunan Politeknik Premier telah dilaksanakan dengan baik dari aspek pengurusan Bon Pelaksanaan dan Polisi Insurans Tanggungan Awam telah dikemukakan mengikut tarikh dan meliputi tempoh ditetapkan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan pengurusan pembangunan Politeknik Premier telah dikenal pasti dan perlu diperbaiki seperti berikut:
 - i. peruntukan naik taraf infrastruktur ICT berjumlah RM8.83 juta masih belum diagihkan;
 - ii. perolehan perabot dan peralatan di Politeknik Ibrahim Sultan lewat dilaksanakan lebih 9 bulan selepas bangunan disiapkan menyebabkan bangunan tidak dapat digunakan dengan segera;
 - iii. KPI bagi pertukaran pegawai/sangkutan, geran penyelidikan, penerbitan jurnal dan monograf agak rendah iaitu antara 0% hingga 41.7%;
 - iv. geran penyelidikan berjumlah RM1.13 juta bagi Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) ditarik balik kerana tidak sempat digunakan;

- v. dokumen sokongan kepada baucar bayaran bernilai RM299,986 untuk perolehan bahan rujukan di PSA bukan dokumen sebenar dan laporan siasatan berkaitan masih belum diambil tindakan oleh Kementerian;
 - vi. perolehan buku rujukan bernilai RM699,234 di Politeknik Ungku Omar telah dipecah kecilkan melalui pembelian terus; dan
 - vii. 95.6% daripada 45 pegawai yang telah mengembalikan borang soal selidik berpendapat perjawatan di COT adalah tidak mencukupi.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan pembangunan Politeknik Premier pada masa akan datang, Kementerian perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti yang berikut:
- i. membuat perancangan teliti dari aspek perolehan bahan rujukan serta penyaluran geran penyelidikan bagi memastikan peruntukan yang diterima dapat dimanfaatkan;
 - ii. memberi penekanan terhadap pencapaian elemen KPI yang masih rendah seperti penulisan jurnal dan geran penyelidikan;
 - iii. memastikan tindakan diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan;
 - iv. reka bentuk bangunan hendaklah mengambil kira keperluan pengguna dan tidak membahayakan mereka;
 - v. semua perolehan hendaklah mematuhi pekeliling dan peraturan kewangan semasa agar Kerajaan mendapat *best value for money* serta tindakan tatatertib atau surcaj perlu dikenakan terhadap pegawai yang telah melanggar peraturan dalam pengurusan perolehan;
 - vi. pemantauan projek dari segi koordinasi antara pihak yang terlibat perlu dipertingkatkan pada masa hadapan agar projek dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan kualiti binaan dapat ditingkatkan; dan
 - vii. mengkaji semula keperluan perjawatan pegawai di Pusat Teknologi bagi meningkatkan kepuasan dan pencapaian KPI.

[muka surat 210 - 244]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

10. Pengurusan Kerja-Kerja Pembaikan Sekolah Negeri Sabah Di Bawah Perolehan Darurat

- a. Pembaikan sekolah secara kecemasan di bawah perolehan darurat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) dengan tujuan untuk membaiki kerosakan keseluruhan sekolah yang berpotensi mengancam keselamatan murid, guru dan orang awam. Antara jenis kerosakan yang dibaiki melalui peruntukan perolehan darurat ini adalah kerosakan yang disebabkan oleh bencana seperti kebakaran, banjir, ribut, kegagalan cerun ataupun apabila

bangunan sekolah diisytiharkan tidak selamat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Antara skop kerja pembaikan kerosakan yang dilaksanakan di bawah perolehan darurat adalah seperti pembinaan bilik darjah sementara (secara transit); pembaikan kuarters bagi penempatan sementara pelajar; penstabilan sementara struktur bangunan; kerja-kerja membaik pulih struktur bangunan tanpa menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran; dan pembaikan terhadap kemas arkitek yang disebabkan oleh kerja pembaikan struktur. Arahan Perbendaharaan (AP) 173.2, menyatakan perolehan darurat sebagai perolehan yang perlu dibuat segera atau serta merta di mana kelewatan perolehan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam. Pada akhir tahun 2011, Kementerian Kewangan Malaysia telah menjalankan pengauditan perolehan secara darurat yang sedang dilaksanakan di bawah Kementerian. Hasil siasatan dan pengauditan yang dijalankan, Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju meluluskan permohonan Kementerian supaya kerja-kerja pembaikan struktur di 27 buah sekolah yang sedang dilaksanakan diuruskan mengikut kaedah perolehan darurat berdasarkan AP 173.2. Pembaikan sekolah secara kecemasan di negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA), Kementerian. Garis Panduan yang digunakan dalam menguruskan pembaikan sekolah adalah Garis Panduan Penyelenggaraan Bagi Kerja-Kerja Kecemasan Bil.5/2009. Pegawai Penguasa projek bagi semua kerja pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian dan tanggungjawab wakil Pegawai Penguasa dilaksanakan oleh Perunding yang dilantik.

- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat oleh Kementerian adalah baik dari aspek pengurusan perbelanjaan dan pelaksanaan projek. Bagaimanapun, lawatan Audit ke sekolah-sekolah yang dipilih mendapati beberapa kelemahan seperti yang berikut:
 - i. kualiti kerja dilaksanakan tidak memuaskan;
 - ii. kerja dilaksanakan tidak sempurna;
 - iii. kerja dilaksanakan/kemudahan dibekalkan tidak praktikal/tidak sesuai; dan
 - iv. kerosakan kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan belum diambil tindakan pembaikan.
- c. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan mengenai pengurusan projek pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat diberi perhatian, disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti yang berikut:
 - i. Kementerian hendaklah memastikan perunding mengesahkan kerja yang dibuat mengikut standard/spesifikasi dan sempurna sebelum bayaran dibuat;
 - ii. Kementerian perlu memastikan reka bentuk projek/kemudahan dibekalkan mengikut spesifikasi yang sesuai dan praktikal dan memberi kemudahan kepada pengguna;

- iii. Kementerian/Juruperunding perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna atau tidak berkualiti; dan
- iv. Kementerian hendaklah memastikan semua kecacatan dan kerosakan kerja yang dilaporkan telah diambil tindakan pembaikan segera oleh kontraktor sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

[muka surat 245 -263]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Institut Perguruan Guru

11. Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Dan Fasiliti

- a. Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Perguruan merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih bakal guru melalui Kursus Latihan Perguruan Pra Perkhidmatan Sepenuh Masa seperti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah, Kursus Pra Program Sarjana Muda Perguruan dan Kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. IPG juga bertanggungjawab melatih guru-guru bagi meningkatkan pengetahuan antaranya melalui Kursus Dalam Cuti seperti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah, Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah Guru Sandaran Tidak Terlatih dan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan. Selain itu, Kursus Dalam Perkhidmatan turut diadakan antaranya Kursus Bestari Guru Sekolah dan Kursus 6 Minggu *Conversion* Matematik/Sains/Bahasa Inggeris. Sebanyak 27 IPG telah dibina sejak tahun 1935 dan 13 daripadanya telah menerima bangunan/kampus baru sebagai penggantian/penambahan kepada bangunan/kampus sedia ada yang telah uzur, memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi, berisiko jika digunakan dan tidak sesuai beroperasi. Pada tahun 2010, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pengurusan semua IPG. Secara amnya, kampus IPG mempunyai pelbagai bangunan dan kemudahan seperti blok pentadbiran, dewan kuliah, bilik asrama, kuarters dan kemudahan sukan yang memerlukan peruntukan bagi tujuan penyenggaraan atau pembaikan. Penyenggaraan yang dilaksanakan adalah untuk memastikan semua bangunan dan fasiliti sentiasa berfungsi dengan sempurna, selamat, selesa dan mencegah kerosakan berterusan bagi mencapai objektif Jabatan. Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan (KBK) di IPG, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) telah menswastakannya dengan hasrat untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang baik diberikan di semua IPG di bawah kawalannya.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti di IPG telah dilaksanakan dengan memuaskan. Pencapaian prestasi perbelanjaan adalah baik dan kerja-kerja pembaikan telah dijalankan dalam tempoh

yang munasabah. Namun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dan boleh diperbaiki seperti yang berikut:

- i. jumlah aduan kerosakan tidak dapat dipastikan ketepatannya kerana terdapat borang aduan tidak diberi nombor siri dan daftar aduan tidak diselenggara;
 - ii. penyenggaraan pencegahan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan;
 - iii. terdapat banyak kerosakan seperti siling atau atap pecah dan rosak, berlaku kebocoran atau resapan air, keretakan atau rekahan bangunan dan cerun bukit runtuh belum dibaiki;
 - iv. kerja pembersihan kawasan khususnya di IPG Gaya, Sabah kurang memuaskan. Denda terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan kurang dikenakan berjumlah RM136,152 dan tidak mengambil kira bilangan ketidakpatuhan;
 - v. Bon Pelaksanaan berjumlah RM34,850 bagi 4 kontrak KBK lewat dikemukakan antara 29 hingga 111 hari; dan
 - vi. dua kontrak KBK bernilai RM3.47 juta lewat ditandatangani antara 45 hingga 54 hari.
- c. Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti, adalah disyorkan supaya Kementerian/IPG mengambil tindakan seperti yang berikut:
- i. mengadakan daftar aduan kerosakan bagi memantau bilangan dan status aduan;
 - ii. membuat pemeriksaan dan penilaian terhadap kerosakan yang berlaku dan membuat kerja pembaikan sewajarnya. Selain itu, pelaksanaan penyenggaraan pencegahan berjadual hendaklah dilaksanakan seperti yang dirancang;
 - iii. meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap syarikat Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan. Mengenakan denda terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan dan sebarang pelanggaran syarat kontrak; dan
 - iv. meningkatkan pemantauan terhadap tarikh penyerahan bon dan tarikh menandatangani kontrak.

[muka surat 264 - 294]

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

12. Projek-Projek Kecil Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

- a. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN)

di peringkat negeri bagi membiayai pelaksanaan Projek-Projek Kecil (PPK) di kawasan PBT. Tujuan projek-projek tersebut dilaksanakan adalah untuk membantu dan memajukan PBT melalui proses pembangunan fizikal dan sosioekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui penyediaan perkhidmatan yang bermutu tinggi, kemudahan sosial, rekreasi dan peluang ekonomi yang seimbang selaras dengan proses pembangunan negara dan juga matlamat penyusunan semula PBT. Pelaksanaan projek terutama di bawah program sosio-ekonomi adalah juga bertujuan untuk menambah pendapatan dan menjadi sebahagian daripada aset kepada PBT berkenaan. Dalam RMKe-10 iaitu bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, sejumlah RM1.245 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan 15,410 projek di 148 PBT seluruh negara.

- b. Pada keseluruhannya, PPK telah berjaya dilaksanakan dengan memuaskan kerana dari 15,410 projek yang disasarkan di antara tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 14,441 (93.7%) projek telah dilaksanakan oleh PBT dan PPPN dengan menyediakan infrastruktur, kemudahan awam serta projek sosioekonomi yang diperlukan segera oleh orang awam. Bagaimanapun beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki antaranya adalah seperti yang berikut:
 - i. Arahan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1/2013 mengenai *Integrity Pact* didapati tidak dipatuhi sepenuhnya dan ini boleh menyumbang kepada perkara yang menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa;
 - ii. terdapat kelemahan di dalam Pengurusan Kontrak di mana tempoh tanggungan kecacatan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan;
 - iii. sebahagian PPK BP1 di bawah peruntukan Yang Berhormat Menteri yang telah siap dilaksanakan oleh PPPN tidak diserahkan kepada PBT sebaliknya diserahkan kepada komuniti setempat/persatuan atas kehendak komuniti tersebut. Ini menyebabkan projek tidak dapat disenggara dengan sempurna di Negeri Selangor; dan
 - iv. terdapat 4 projek telah siap dilaksanakan tetapi ia tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Situasi ini menyebabkan berlaku pembaziran.
- c. Secara keseluruhannya, PBT telah berjaya melaksanakan projek-projek yang dirancang dan membelanjakan peruntukan yang disalurkan oleh JKT untuk memberi manfaat kepada orang awam khasnya masyarakat setempat. Bagaimanapun untuk tujuan penambahbaikan, berikut adalah syor-syor yang dicadangkan:
 - i. KPKT perlu menyediakan Garis panduan penyerahan projek yang dilaksanakan oleh PPPN kepada PBT;
 - ii. arahan mengenai *Integrity Pact* hendaklah dipatuhi bagi memastikan semua perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelakkan dari berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa;

- iii. PBT perlu menyediakan mekanisme supaya projek yang telah siap perlu disenggara sebaik-baiknya dan mengambil tindakan menangani masalah vandalisme ke atas projek-projek;
- iv. KPKT perlu memastikan pelaksanaan pembangunan PPK di PBT dirancang dengan baik dan projek dimanfaatkan sebaik-baiknya; dan
- v. pemantauan ke atas semua projek hendaklah dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh JKT.

[muka surat 295 - 313]

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

13. Pengurusan Projek Pedestrian Network

- a. Pelaksanaan Projek *Pedestrian Network*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan *Entry Point Project* (EPP) 8 di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*, Program Transformasi Ekonomi. Projek ini adalah usahasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL untuk mewujudkan satu rangkaian laluan pejalan kaki yang bersepadu dan mudah diakses menjelang tahun 2020. Kemudahan pejalan kaki juga direka bentuk berdasarkan konsep Bandar Selamat yang dirangkumkan dalam salah satu program dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan. Konsep Bandar Selamat menekankan penggunaan reka bentuk alam sekitar dan ciri-ciri keselamatan terhadap pengguna laluan pejalan kaki. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, DBKL telah diperuntukkan sejumlah RM55.73 juta oleh Kerajaan Persekutuan bagi pengurusan Projek *Pedestrian Network*. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM51.14 juta (91.8%) telah dibelanjakan sehingga bulan Oktober 2014. Komponen utama projek yang diliputi termasuklah pembinaan/membaik pulih infrastruktur; perolehan dan pemasangan pagar *anti-climb*; perolehan/pembekalan tanah untuk tanaman; pengurusan landskap serta pengalihan halangan di laluan pejalan kaki. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, komponen projek adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran (JKAWS); Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB) dan Jabatan Landskap Dan Rekreasi (JLR). Antara Akta yang diguna pakai dalam pengurusan Projek *Pedestrian Network* adalah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982; Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Di samping itu, Garis Panduan Reka Bentuk Laluan Bebas Halangan yang dikeluarkan pada tahun 2013 juga diguna pakai sebagai panduan bagi reka bentuk laluan pejalan kaki yang dibina.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati objektif projek untuk menerapkan konsep laluan pejalan kaki yang bersepadu dan mudah diakses secara umumnya telah tercapai dalam 8 daripada 11 (73%) pakej yang telah disiapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani seperti berikut:

- i. kelemahan dalam pelaksanaan sebahagian kerja pembinaan seperti rangkaian laluan pejalan kaki masih tidak bebas daripada halangan tetap dan sementara, terutamanya daripada golongan penunggang motosikal. Didapati juga tidak semua laluan pejalan kaki dibina dengan reka bentuk yang menerapkan ciri-ciri keselamatan untuk memudahkan pengguna orang kurang upaya (OKU);
 - ii. penyenggaraan sebahagian infrastruktur dan landskap lembut di laluan pejalan kaki tidak dilaksanakan dengan memuaskan;
 - iii. penyenggaraan terhadap laluan pejalan kaki tidak diselaraskan, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS) dan Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB) menjalankan penyenggaraan masing-masing mengikut tahun pelaksanaan projek; dan
 - iv. tiada pemantauan dan koordinasi antara Jabatan-jabatan DBKL seperti JKAWS serta JPB, DBKL bagi tindakan susulan terhadap masalah seperti kerosakan harta awam oleh pihak ketiga.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan projek laluan pejalan kaki yang lain di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, adalah disyorkan supaya DBKL mempertimbangkan perkara yang berikut:
- i. tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan terhadap kerja penyalahgunaan laluan pejalan kaki. Tindakan penempatan semula halangan laluan pejalan kaki juga perlu dibuat segera bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pejalan kaki;
 - ii. aspek penyenggaraan semua laluan pejalan kaki perlu diselaraskan di bawah satu Jabatan pelaksana iaitu JPB yang pada hakikatnya adalah Jabatan yang bertanggungjawab terhadap semua kemudahan pengangkutan bandar di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur;
 - iii. pemantauan yang lebih rapi perlu dijalankan terhadap penyenggaraan landskap di kawasan yang telah dikontrakkan kepada kontraktor untuk memastikan DBKL mendapat *best value for money* daripada pembayaran yang telah dibuat. Sekiranya kontraktor terlibat tidak menunaikan tanggungjawabnya seperti ketetapan kontrak, tindakan tegas seperti mengenakan potongan bayaran; pengenaan penalti serta menyenaraihitamkan kontraktor perlu dibuat oleh DBKL. Bagi kawasan yang disenggarakan oleh kakitangan DBKL, kajian/analisis perlu dijalankan untuk menetapkan norma produktiviti yang bersesuaian dan menempatkan kakitangan yang optima untuk menjalankan penyenggaraan; dan
 - iv. koordinasi yang lebih bersepadu perlu diwujudkan antara semua Jabatan di DBKL supaya dapat mengurangkan salah laku pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab merosakkan harta dan kemudahan awam Kerajaan. Tindakan tegas perlu diambil oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap pihak berkenaan supaya kerja membaik pulih dapat dijalankan.

[muka surat 314 - 334]

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR***Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia******14. Pengurusan Perolehan Peralatan Dan Sewaan Pesawat Swasta***

- a. Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) berfungsi sebagai penasihat Kerajaan dalam bidang ukur dan pemetaan di samping menjalankan kerja-kerja pengukuran dan pemetaan sebagai asas pembangunan sosioekonomi dan kedaulatan negara. Bagi memastikan kerja ukur dapat dijalankan dengan efektif dan efisien, JUPEM di bawah RMKe-10, telah diperuntukkan sejumlah RM231.59 juta bagi melaksanakan 9 projek utama JUPEM. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM230.44 juta (99.5%) telah dibelanjakan di mana sebahagiannya telah digunakan bagi tujuan pembelian peralatan ukur dan pemetaan serta sewaan pesawat swasta. Pengurusan perolehan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perancangan Dan Korporat JUPEM. Perolehan secara Tender/Rundingan Terus adalah diluluskan oleh Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar manakala perolehan secara sebut harga diluluskan di peringkat JUPEM. Sistem perolehan yang dilaksanakan adalah selaras dengan peraturan kewangan dan terbahagi kepada dua kategori iaitu peralatan ICT dan bukan ICT.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya perolehan peralatan ukur dan sewaan pesawat di bawah kendalian JUPEM telah diurus dengan baik. Peralatan ukur dan sewaan pesawat juga didapati telah dibekalkan dan disediakan sebagaimana yang ditetapkan. Selain itu, pencapaian *outcome* bagi peralatan ukur dan sewaan pesawat yang diterima JUPEM juga adalah memuaskan dan memenuhi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan di dalam aspek pengurusan rekod dan aset yang perlu diberi perhatian oleh JUPEM seperti yang berikut:
 - i. rekod bagi sebahagian transaksi sewaan pesawat tidak disenggara dengan teratur bagi menyokong urusan pembayaran; dan
 - ii. pengurusan aset bagi sebahagian peralatan yang dibeli khususnya dari aspek pendaftaran aset; pelabelan dan penggunaan aset masih perlu dipertingkatkan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, penyimpanan aset oleh pegawai yang bergantung kepada keadaan rumah pegawai dan tempat bermalam pegawai ketika menjalankan kerja pengukuran mendedahkan kepada risiko kehilangan aset. Secara purata, setiap pegawai menyimpan sendiri antara 4 hingga 5 unit peralatan ukur berserta aksesori bernilai antara RM54,049 sehingga RM70,366 bagi memudahkan mobiliti kerja pengukuran.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya JUPEM mempertimbangkan perkara yang berikut:
 - i. memastikan rekod perolehan disenggara dengan baik dan teratur bagi menyokong pengendalian urusan perolehan yang berterusan serta memenuhi keperluan perundangan dan akauntabiliti; dan

- ii. memastikan pengurusan aset khususnya dari aspek pendaftaran, pelabelan, penggunaan, penyimpanan dan kawalan keselamatan aset pada masa akan datang dibuat dengan teratur serta selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

[muka surat 335 - 355]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Penerbangan Awam

15. Pengurusan Kwarters

- a. Pembinaan Kwarters Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) adalah salah satu usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kebajikan dan kualiti kemudahan bagi warga DCA demi meningkatkan prestasi dan penyampaian perkhidmatan keseluruhannya serta mobilisasi anggotanya khususnya bagi Pegawai Kawalan Trafik Udara. Pembinaan kwarters adalah bersekali dengan pembangunan lapangan terbang yang diuruskan oleh pihak Kementerian Pengangkutan (Kementerian) dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Kwarters DCA merangkumi rumah pangsa, rumah berkembar, rumah panjang (kayu) dan rumah banglo. Sehingga bulan September 2014, DCA memiliki sebanyak 541 unit kwarters. Pengurusan kwarters adalah aspek yang penting bagi memastikan ke semua kwarters sentiasa dapat diduduki secara kondusif dan selamat. Penyenggaraan kwarters pula diurus dan diselia oleh Ibu Pejabat DCA di Putrajaya melalui permohonan yang dibuat oleh Pejabat Wilayah I (Semenanjung), Wilayah II (Sabah) dan Wilayah III (Sarawak) dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kwarters adalah memuaskan kerana DCA dapat menyediakan kwarters kepada kakitangannya dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan kebajikan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kwarters yang dikenal pasti seperti yang berikut:
 - i. pengisian kwarters adalah pada kadar 61.6% dan tiada peruntukan khas disediakan bagi kerja penyenggaraan kwarters;
 - ii. pengurusan rekod permohonan, pendaftaran, surat tawaran kwarters tidak seragam dan berlaku kelemahan dalam proses agihan serta penamatan penyewaan kwarters;
 - iii. kwarters yang tidak diduduki dibiarkan kotor, rosak dan bersepah dengan barang peninggalan penghuni;
 - iv. pengubahsuaian kwarters seperti penambahan ruang fizikal di belakang, anjung dan parkir telah dibuat tanpa kebenaran;
 - v. persekitaran kwarters yang kurang memuaskan seperti longkang tersumbat, rumput/lalang yang panjang dan sampah sarap tidak diuruskan dengan baik;

- vi. kelemahan dalam proses penyewaan kuarters kepada pihak luar antaranya tiada perjanjian formal dibuat yang akhirnya tunggakan sewa kuarters sukar dituntut dan memberi kesan terhadap baki Akaun Belum Terima; dan
 - vii. tiada unit/bahagian ditubuhkan untuk memantau pengurusan kuarters secara khusus.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan kuarters DCA, adalah disyorkan DCA mengambil tindakan yang berikut:
- i. mewujudkan unit khusus bagi mengurus hal berkaitan kuarters serta menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan penyenggaraan kuarters dan kemudahannya;
 - ii. memastikan penghuni kuarters mematuhi Perintah Am Bab E dan kuarters sentiasa dalam keadaan selamat, bersih dan terurus;
 - iii. mengambil tindakan segera untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters dan menyiasat hasil yang terkurang kutip serta mengambil tindakan untuk mendapatkannya;
 - iv. menyediakan garis panduan yang komprehensif, polisi/prosedur pengurusan diguna pakai secara seragam, menyedia/memuktamadkan perjanjian penyewaan dan menyelenggara *data base*/rekod kuarters dengan lengkap dan kemas kini; dan
 - v. memastikan arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sentiasa dipatuhi.

[muka surat 356 - 384]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

16. Pengurusan Bekalan Elektrik Luar Bandar Di Negeri Sarawak

- a. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Infrastruktur Asas Luar Bandar merupakan salah satu daripada enam bidang NKRA. Matlamat NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar adalah untuk menambah baik penyediaan infrastruktur asas bagi rakyat di kawasan luar bandar melalui program Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Program Bantuan Rumah (PBR). Projek BELB dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik 24 jam ke rumah di kawasan luar bandar Negeri Sarawak melalui kaedah sambungan berasaskan talian grid dari Sarawak Energy Berhad (SEB). Bagi kawasan luar bandar yang terletak jauh daripada infrastruktur penjanaan dan transmisi elektrik, sistem alternatif seperti mikro hidro dan solar hibrid sedang dipergiatkan pelaksanaannya. Skop projek BELB talian grid merangkumi pembinaan infrastruktur ke had maksima talian penghantaran 33kv, penyambungan talian bekalan voltan rendah ke rumah pemohon dan peningkatan sistem dan kualiti bekalan dari 12 jam kepada 24 jam. Projek BELB mula dilaksanakan pada tahun 1982 di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RMKe-4).

Peruntukan dan perbelanjaan projek BELB bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah berjumlah RM2.15 bilion. Perancangan dan pemilihan projek BELB dijalankan di peringkat daerah dengan penglibatan wakil rakyat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berasaskan kepada Garis Panduan Pemilihan Projek BELB. Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKAS) akan menyelaraskan dan memuktamadkan senarai projek BELB di Negeri Sarawak untuk cadangan pelaksanaan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Peranan SEB ialah sebagai penasihat teknikal untuk KKLW dan KKAS bagi perkara yang berkaitan dengan penyambungan BELB di Sarawak. Di samping itu SEB juga bertanggungjawab meluluskan reka bentuk sistem yang dikemukakan oleh perunding BELB dilantik dan menguji serta mentauliah setelah projek siap dibina. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, KKLW telah melaksanakan 751 projek melibatkan 37,867 pemohon dengan kos RM1.69 bilion di Negeri Sarawak. Pelaksana dan pemantau projek BELB adalah KKLW dan perunding yang dilantik oleh kontraktor. Kaedah perolehan projek BELB adalah **secara rundingan terus** dan **tender terbuka** dan dikendalikan oleh Bahagian Infrastruktur, KKLW.

- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pencapaian pelaksanaan projek BELB di Negeri Sarawak secara fizikal dan kewangan adalah memuaskan. Setakat 31 Oktober 2014, liputan bekalan elektrik 24 jam di luar bandar telah berjaya memberi manfaat kepada seramai 536,278 (92.8%) orang pemohon di Negeri Sarawak. Di samping itu, purata peratusan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2011 hingga 31 Disember 2014 ialah 100%. Bagaimanapun daripada 94 sampel projek yang dipilih untuk pengauditan, terdapat kelemahan seperti yang berikut:
 - i. pengurusan projek kurang memuaskan bagi 9 kontrak kerana dari segi pelaksanaannya tidak disiapkan mengikut jadual dan 5 projek berstatus projek sakit;
 - ii. projek telah dikeluarkan daripada senarai kontrak BELB;
 - iii. tanaman (pokok sawit) di bawah laluan talian grid kabel elektrik tidak ditebang walaupun masalah izin lalu telah diselesaikan dan deretan gerai dibina tidak dirobuhkan;
 - iv. kualiti kerja kurang memuaskan kerana pemantauan projek BELB kurang berkesan; dan
 - v. premis agensi Kerajaan tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam daripada Projek Sistem Mikro Hidro di Long Banga, Ulu Baram.
- c. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan projek BELB di Negeri Sarawak dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan pihak bertanggungjawab melaksanakan perkara seperti berikut:
 - i. KKLW dan kontraktor hendaklah memastikan projek BELB dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak;

- ii. KKLW hendaklah menjalankan kerja survei yang tepat, terperinci serta menyeluruh supaya masalah izin lalu di peringkat awal perancangan projek dapat diselesaikan;
- iii. KKLW hendaklah memastikan laluan bawah talian grid kabel elektrik dibersihkan/dikosongkan daripada deretan gerai dan tanaman (pokok sawit);
- iv. KKLW hendaklah membuat perancangan yang holistik dan rapi untuk memastikan semua premis agensi Kerajaan mendapat bekalan elektrik daripada projek BELB; dan
- v. KKLW perlu mewujudkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan dengan mewujudkan kaedah pemantauan projek menggunakan kaedah sistem komputer serta mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang terhadap kontraktor dan perunding bagi memastikan masalah kelewatan penyiapan projek dapat dikurangkan.

[muka surat 385 - 401]

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

17. Pengurusan JKP Sdn. Bhd.

- a. JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) telah ditubuhkan pada 12 Julai 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan modal dibenarkan berjumlah RM48 juta dan modal berbayar berjumlah RM10.25 juta. Fungsi utama JKPSB adalah untuk melaksanakan projek sosioekonomi yang telah dikenal pasti oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) bagi menjaga kepentingan masyarakat Bumiputera di Pulau Pinang supaya tidak tersisih dari arus pembangunan ekonomi negeri yang berkembang dengan pesat. Objektif utama JKPSB adalah membangunkan projek dengan cekap dan berkesan untuk mencapai minimum 70% penyertaan Bumiputera dalam semua aktiviti utama yang dilaksanakan oleh JKPSB iaitu sebagai pemaju, pengurus dan pemegang hartanah di samping memegang sebanyak 5 syarikat subsidiari yang mempunyai pelbagai kepentingan perniagaan. JKPSB mempunyai 8 orang Ahli Lembaga Pengarah dengan komposisi 3 orang ahli politik dan 5 orang mewakili sektor awam. Pengurusan JKPSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 93 orang pegawai dan kakitangan. Sebagai sebuah syarikat milik penuh Kerajaan, JKPSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Penyata Kewangan JKPSB bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 telah diaudit oleh Tetuan MNZWAJ Associates.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan JKPSB adalah memuaskan. Syarikat JKPSB berjaya mencatatkan peningkatan dalam keuntungan bersih bagi tahun 2012 sebanyak 66.8% (RM1.99 juta)

berbanding tahun 2011 dan sebanyak 26.6% (RM1.32 juta) yang menjadikan keuntungan bersih berjumlah RM6.30 juta pada tahun 2013. Dari tarikh penubuhannya sehingga bulan Julai 2014, JKPSB telah menyiapkan sebanyak 12,653 unit rumah kos rendah/kos sederhana rendah/kos sederhana dan 526 unit komersial/rumah kedai/kedai pejabat. Dari jumlah tersebut sebanyak 10,142 (80%) unit rumah telah dijual kepada Bumiputera. Ini menunjukkan JKPSB telah mencapai 70% penyertaan Bumiputera dalam aktiviti pemaju hartanah. Namun begitu, beberapa kelemahan daripada pelaksanaan aktiviti perlu diberi perhatian oleh pengurusan JKPSB seperti yang berikut:

- i. pengurusan kontrak mengambil masa antara 95 hingga 335 hari untuk ditandatangani;
 - ii. permohonan lanjutan masa lewat diproses dan kelulusan lanjutan masa diberi melebihi tarikh disiapkan dalam kontrak;
 - iii. Pengurus Projek yang dilantik bagi Projek Guar Perahu tidak menjalankan peranan dalam pembangunan projek;
 - iv. *Housing Development Account* (HDA) berasingan tidak dibuka secara berasingan bagi projek yang dijalankan secara berperingkat;
 - v. pengurusan dan penyenggaraan premis perniagaan tidak dilaksanakan dengan sempurna;
 - vi. penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) belum diselesaikan;
 - vii. tindakan hapus kira pendahuluan perbelanjaan pengurusan pangsapuri berjumlah RM6.04 juta masih belum diambil;
 - viii. tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pemantauan tanah milik JKPSB; dan
 - ix. kelemahan dalam pengurusan kewangan yang perlu diperbaiki segera seperti proses perolehan dan pembayaran kurang teratur serta kelemahan dalam pengurusan aset.
- c. Bagi membolehkan JKPSB melaksanakan aktivitinya dengan lebih berkesan dan meningkatkan pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya pengurusan JKPSB mempertimbangkan perkara berikut:
- i. proses penyediaan kontrak perlu diperbaiki agar tidak berlaku lagi kelewatan dalam menyempurnakan dokumen perjanjian;
 - ii. keputusan permohonan lanjutan masa projek oleh kontraktor perlu dikeluarkan sebelum tamat tempoh sesuatu kontrak;
 - iii. memantau pelaksanaan projek yang menggunakan kaedah Pengurus Projek agar diuruskan dengan lebih teratur;
 - iv. mematuhi semua peraturan berhubung pembukaan Akaun Pemajuan Perumahan (HDA);

- v. pengurusan premis perniagaan perlu dipertingkatkan agar tidak berlaku unit yang tidak disewa, tidak disenggara dan tunggakan kutipan sewa;
- vi. mempercepatkan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) rumah pangsapuri/pangsapuri; dan
- vii. menambah baik atau menyediakan prosedur yang jelas berkaitan dengan pengurusan perolehan, perbelanjaan (baucar bayaran) dan aset bagi meningkatkan lagi kawalan dalaman syarikat.

[muka surat 405 - 440]

18. Pengurusan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

- a. Bank Pertanian Malaysia telah dikorporatkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan atas nama Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB). BPMB ditubuhkan melalui Rang Undang-Undang BPMB 2007 yang diluluskan pada 19 Disember 2007. Bagi mempertingkatkan imej korporat, BPMB dijenamakan dengan nama komersialnya sebagai Agrobank. Ia adalah sebuah bank milik Kerajaan (GLC) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Modal dibenarkan berjumlah RM2 bilion manakala modal berbayar berjumlah RM1 bilion. Bagaimanapun, dasar pembiayaan bagi sektor pertanian adalah berpandukan polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA). Agrobank adalah sebuah bank yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan yang menyeluruh di 190 cawangan meliputi 14 negeri di Malaysia. Objektif penubuhan Agrobank antaranya adalah bagi menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan dengan fokus kepada sektor pertanian; meningkat dan menggalakkan pembiayaan pertanian oleh sektor perbankan komersial; menjadi salah satu ejen bagi program pembangunan Kerajaan; menjadi pusat kepakaran pertanian dan menyediakan penarafan kredit pertanian. Jumlah pembiayaan terkumpul Agrobank sehingga Disember 2014 adalah berjumlah RM6.814 bilion. Seramai 7 orang telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Agrobank. Pengurusan Syarikat pula diketuai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 6 Pegawai Pengurusan Eksekutif Kumpulan dan lebih 3,000 pegawai dan kakitangan. Penyata kewangan Agrobank bagi tahun 2011 hingga 2013 telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young. Agrobank mempunyai 6 bahagian terdiri daripada Perkhidmatan Kewangan, Pengurusan Operasi, Kewangan, Sumber Manusia, Pengurusan Kredit dan Pengurusan Risiko. Aktiviti utama Agrobank adalah menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan, dengan kewangan yang mampan untuk kumpulan sasar tertentu; usahawan agro, usahawan mikro, kecil dan sederhana serta individu persendirian yang dikenal pasti selaras dengan dasar pembangunan Negara.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya, Agrobank telah menjalankan perkhidmatan selaras dengan mandat yang diberikan. Namun begitu, terdapat beberapa aspek pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti yang perlu ditambah baik seperti yang berikut:

- i. penurunan pendapatan dengan mencatat keuntungan kasar masing-masingnya berjumlah RM552.55 juta, RM518.23 juta dan RM504.90 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala penurunan baki tunai dan bersamaan tunai bagi tiga tahun berturut-turut iaitu RM3.413 bilion, RM1.827 bilion dan RM1.273 bilion;
 - ii. pembiayaan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dengan peratusan 93.2% dan 87.4% bagi tahun 2012 dan 2013. Penggunaan dana pembiayaan pada kadar 84.2% hingga 93.2% pada tahun 2012 dan 2013. Manakala, keseluruhan pencapaian pada tahun 2013 menurun kepada 87.4% berbanding 93.2% pada tahun 2012. Seterusnya, pencapaian pertumbuhan pembiayaan yang disasarkan pada kadar 17.5% dan 10.9% bagi tahun 2013 dan 2014 tidak dapat dicapai. Pertumbuhan pembiayaan sebenar pada kadar 0.5% dan 7.7%;
 - iii. beberapa hala tuju yang dirancang masih belum dilaksana dan dicapai bagi membolehkan strategi yang dirangka berjaya. Ini mengakibatkan prestasi permohonan pembiayaan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 menunjukkan trend penurunan iaitu sejumlah RM298.44 juta dan seterusnya menurun lagi sejumlah RM450.45 juta. Bagi kelulusan permohonan pembiayaan pula, peratus penurunan yang tinggi bagi tiga tahun berturut-turut dengan kadar 29.2% dan 20.7%; dan
 - iv. penggunaan dana pembiayaan dan geran Kerajaan pada tahun 2012 hingga 2014 bagi *consessionary* pada kadar 83.7% hingga 88% berbanding keseluruhan dana tersebut. Adalah didapati 117,675 peminjam telah diluluskan bagi keseluruhan pembiayaan tersebut dengan nilai RM5.573 bilion dan pengeluaran sejumlah RM4.929 bilion telah dibuat kepada peminjam.
- c. Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus korporat serta memastikan penubuhan Agrobank mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
- i. Lembaga Pengarah serta pengurusan Agrobank perlu merealisasikan setiap strategi yang dirancang dalam meningkatkan pertumbuhan pembiayaan dan memantau pencapaian strategi tersebut;
 - ii. pemasaran produk baru dan penjenamaan semula hendaklah giat dijalankan agar prestasi pembiayaan dapat ditingkatkan di samping hubungan baik terhadap pelanggan diteruskan;
 - iii. pengurusan Agrobank perlu merangka strategi bagi mendapatkan deposit yang rendah sebagai dana pembiayaan agar keuntungan yang ditawarkan berdaya saing berbanding syarikat perbankan yang lain; dan
 - iv. menambah baik proses penilaian yang teliti terhadap permohonan pinjaman supaya risiko pinjaman terjejas dapat dikurangkan.

[muka surat 441 - 483]

19. Pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.

- a. Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSM) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada bulan April 1994 sebagai agensi pelaksana bagi menguruskan hotel kos sederhana. Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) merupakan pemegang saham terbesar RHSM berjumlah RM125.20 juta (78.46%) daripada modal berbayar berjumlah RM159.56 juta. Pemegang saham yang lain terdiri daripada Kerajaan Negeri di mana terletak lokasi Hotel Seri Malaysia (HSM). RHSM bertanggungjawab menentukan dasar pengurusan hotel kos sederhana secara sistem francais bagi menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Antara objektif utama syarikat adalah menggalakkan pengusaha kecil khususnya pengusaha Bumiputera untuk berkecimpung dalam industri pelancongan secara teratur; menyediakan kemudahan penginapan sederhana untuk pelancong tempatan dan antarabangsa; meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberi oleh hotel kategori kos sederhana serta menjadi *catalyst* kepada pengusaha swasta untuk melabur dalam bidang ini. Aktiviti utama RHSM adalah sebagai Francaisor dan juga pemilik HSM. Di bawah Sistem Francais HSM, RHSM adalah Francaisor iaitu pemilik kepada sistem ini dan juga pemilik HSM. Manakala Francaisi (Pengendali Hotel) pula merupakan individu perseorangan Bumiputera yang dilantik menguruskan HSM dengan menggunakan Sistem Francais HSM. Mulai tahun 2009, Lembaga Pengarah membenarkan RHSM menguruskan satu pertiga premis HSM bagi menjana pendapatan RHSM. Sehingga kini, terdapat 21 lokasi Hotel Seri Malaysia (HSM) di seluruh Malaysia iaitu di Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Sebanyak 13 HSM diuruskan oleh francaisi dan 8 HSM diuruskan sendiri oleh RHSM.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi kewangan RHSM bagi tempoh tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah memuaskan dengan mencatatkan keuntungan tiga tahun berturut-turut. Bagaimanapun, secara keseluruhannya prestasi aktiviti adalah kurang memuaskan kerana sasaran yang telah ditetapkan seperti Pendapatan Kasar Operasi (GOR) dan juga Purata Kadar Penginapan (AOR) tidak dapat dicapai. Selain itu, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya juga mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti yang berikut:
 - i. maklumat KPI bagi tahun 2013 yang dikemukakan oleh pihak RHSM kurang jelas kerana kaedah penetapan dan pengiraan pencapaiannya tidak lengkap serta wajaran bagi setiap petunjuk prestasi utama tidak dinyatakan. Selain itu, penetapan KPI bagi tahun 2013 juga tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah;
 - ii. tiada bukti perolehan berjumlah RM1.09 juta menggunakan Dana Iklan dan Promosi (A&P) diluluskan oleh Jawatankuasa A&P dan perolehan melebihi

RM50,000 dengan menggunakan dana A&P telah dibuat mengikut tatacara perolehan RHSM. Selain itu, surat kelulusan perolehan bagi 3 daripada 7 baucar berjumlah RM0.89 juta menggunakan Dana RF tidak dilampirkan bersama baucar bayaran;

- iii. semua francais tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian francais dan perjanjian premis seperti tidak mengemukakan laporan berkala, tidak mengemukakan akaun tahunan, tidak membuka akaun berasingan bagi sumbangan iklan dan promosi, manakala 3 sampel francais yang disemak tidak menyerahkan salinan dokumen insurans kepada RHSM;
- iv. 3 sampel HSM di bawah pengendalian francais yang disemak dan 3 sampel HSM di bawah pengendalian RHSM tidak menyenggara dan menjaga kebersihan premis serta kelengkapan hotel dengan baik dan sempurna;
- v. pengurus HSM tidak menghantar laporan berkala dan pelan perniagaan yang lengkap;
- vi. pemeriksaan pengurusan operasi (MOR) tidak dilaksanakan oleh RHSM bagi tujuan pemantauan terhadap HSM seperti yang ditetapkan dalam Prosedur Kawalan Dalaman. Francaisi juga lewat mengemukakan maklum balas MOR antara 15 hingga 110 hari;
- vii. pindah milik tanah bagi 7 lokasi HSM belum diselesaikan semenjak dari tahun 1997;
- viii. penstrukturan semula organisasi tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah RHSM;
- ix. proses perolehan sewaan penghawa dingin dan televisyen berjumlah RM3.51 juta dan RM3.41 juta masing-masing tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan; dan
- x. perolehan kerja membaik pulih dan menaik taraf HSM Pulau Pinang berjumlah RM3.97 juta tidak mematuhi prosedur dan kemasan perabot yang kurang berkualiti.


Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu ditambah baik terutamanya seperti tiada analisis lanjut terhadap maklum balas pelanggan, proses perolehan yang tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan, fail perolehan yang tidak lengkap, baucar bayaran tidak disahkan mengikut tatacara pengendalian akaun yang ditetapkan dan pengurusan aset tidak mengikut prosedur yang ditetapkan.

- c. Bagi memastikan objektif penubuhan RHSM dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, adalah disyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- i. Lembaga Pengarah RHSM perlu memastikan setiap KPI yang telah ditetapkan dan sasaran KPI dipantau pencapaiannya serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Penetapan KPI syarikat juga perlu dibincangkan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi membantu Lembaga Pengarah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan syarikat serta merangka strategi perniagaan yang lebih relevan dan komprehensif;
- ii. Pengurusan RHSM perlu mengkaji semula *exit policy* francais/pengendali HSM agar dapat memberi peluang kepada francais/pengendali hotel lain yang berpotensi di samping memastikan pengusaha sedia ada terus kekal dalam bisnes perhotelan. Ini seterusnya mencapai objektif RHSM untuk menggalakkan pengusaha Bumiputera terlibat dalam industri perhotelan;
- iii. RHSM juga perlu menguatkuasakan semua terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Di samping itu, kajian semula terma dan syarat perjanjian perlu dilakukan agar bersesuaian dengan keadaan semasa bagi menjaga kepentingan syarikat serta Kerajaan; dan
- iv. pengurusan RHSM perlu menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lebih terperinci berkaitan pengurusan Dana A&P dan Dana RF. Selain itu, Lembaga Pengarah dan pengurusan RHSM perlu mematuhi semua prosedur yang ditetapkan terutamanya prosedur berhubung proses perolehan dan perbelanjaan agar kawalan dalaman proses tersebut dapat dipertingkatkan.

[muka surat 484 - 527]

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN

The background of the page is a complex, abstract geometric pattern composed of numerous overlapping triangles. The color palette is primarily blue and green, with shades ranging from deep navy blue and dark purple to bright cyan and light green. The triangles vary in size and orientation, creating a dynamic and textured visual effect. The top of the page features a solid blue horizontal band, which serves as a backdrop for the white text.

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 16 aktiviti di 13 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 2. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan dan 16 aktiviti tersebut dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA - PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam sistem kehakiman dan perundangan negara serta meningkatkan kecekapan dan keseragaman dalam sistem pentadbiran kehakiman syariah di seluruh Malaysia. Selain itu, JKSM bertanggungjawab mengekalkan struktur mahkamah syariah negeri-negeri dan wilayah-wilayah termasuk pentauliahan Ketua Hakim Syarie serta pegawai-pegawai syariah.

2.1.2. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), melalui kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), JKSM merancang untuk membina 6 Kompleks Mahkamah Syariah Negeri (Kompleks). Pembinaan kompleks ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan mahkamah syariah yang lebih teratur, adil dan berkesan. Selain itu, projek ini juga berupaya dalam mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik serta mencukupi untuk kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) masing-masing selaku Jabatan Pengguna. Butiran projek pembinaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1
SENARAI PROJEK PEMBINAAN
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH DI BAWAH RMKe-10

KOMPLEKS	KONTRAKTOR	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	TARIKH	
			SIAP ASAL (Kontrak)	PENYERAHAN PROJEK
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sembilan*	MBN Consortium Sdn. Bhd.	23.90	31.10.2011	02.04.2013
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka	MLT Resources Sdn. Bhd.	28.36	25.05.2012	30.01.2013
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan*	Shazabina Sdn. Bhd.	21.25	05.12.2011	08.07.2013
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang*	IHS Utara Malaysia Sdn. Bhd.	32.99	01.10.2014	Belum Siap
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pahang	Dalam Peringkat Tandatangani Surat Setuju Terima (SST)			
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sabah	Dalam Peringkat Pelaksanaan Perincian Rekabentuk			

Sumber : *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*

Nota : (*) - *Projek Pembinaan Kompleks Yang Diaudit*

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan Kompleks telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembinaan Kompleks dan kemudahan lain yang berkaitan bagi projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan dalam RMKe-10. Sebanyak 3 daripada 6 projek pembinaan Kompleks telah dipilih sebagai sampel Audit. Dua sampel merupakan projek yang telah siap iaitu projek pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan (KMSNK) dan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (KMSNS). Manakala satu sampel merupakan projek dalam pelaksanaan iaitu Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang (KMSNPP).

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan projek pembinaan Kompleks dan kemudahan lain di peringkat JKSM, JKSN dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Selain itu, pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap 3 projek pembinaan Kompleks yang dipilih. Sesi temu bual serta perbincangan bersama pegawai yang terlibat, Perunding dan Kontraktor telah dilaksanakan. Sesi *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), JPM telah diadakan pada 30 Mac 2015 bersama dengan Ketua Pengarah JKSM, JKR, Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Setiausaha Bahagian Audit Dalam (BAD), JPM.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2013 hingga September 2014 mendapati pengurusan pembinaan Kompleks adalah teratur kerana telah mematuhi peraturan-peraturan dari segi pengurusan pelantikan kontraktor, pengenaan denda, pengeluaran dan kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK), lanjutan masa, bon pelaksanaan dan proses pembayaran. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek lain yang masih perlu diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan memandangkan ia boleh memberi kesan kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan projek seperti yang berikut:

- i. pembinaan lewat disiapkan bagi ketiga-tiga kompleks yang diaudit (Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan dan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang) antara 209 hingga 503 hari dari tarikh siap asal yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor kelemahan dari pihak Kerajaan;
- ii. kelewatan menandatangani kontrak/perjanjian bagi perkhidmatan perunding di antara 12 hingga 586 hari;
- iii. prestasi kerja perunding/Kontraktor/*Non-Sub Contractor* (NSC) kurang memuaskan;
- iv. lukisan siap bina dan manual operasi penyenggaraan (O&M) belum dikemukakan kepada Jabatan Pelanggan (JKSM) bagi kontrak pembinaan KMSNK dan KMSNS;
- v. terdapat kecacatan dan kerosakan yang belum dibaiki oleh Kontraktor menyebabkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dan Penyata Akaun Muktamad (SOFA) belum dikeluarkan oleh pihak JKR;
- vi. Dewan Bicara di KMSNPP tidak dilengkapi perabot;
- vii. reka bentuk projek/spesifikasi kerja yang kurang lengkap dan sesuai/kurang praktikal bagi kontrak pembinaan KMSNK dan KMSNS;
- viii. kerja elektrik dan mekanikal tidak dilaksanakan/diselesaikan dengan sempurna; kerja pembinaan sivil dan struktur yang kurang berkualiti dan kerja pembaikan kecacatan/kerosakan yang tidak diambil tindakan sepenuhnya oleh Kontraktor; kerja penyenggaraan bangunan yang kurang berkesan; dan
- ix. kemudahan bangunan (ruang kafeteria, ruang pejabat, Bilik MDF/AHU dan rumah sampah) tidak dapat berfungsi/digunakan sebagaimana sepatutnya bagi ketiga-tiga kontrak.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan daripada pihak JKSM dan JKR adalah seperti perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Projek

2.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut kontrak, projek pembinaan Kompleks perlu disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dari tarikh milik tapak. Semakan Audit

mendapati ketiga-tiga projek pembinaan Kompleks yang diaudit telah melewati jadual asal yang ditetapkan dan diberi lanjutan masa antara 209 hingga 503 hari dari tarikh penyediaan asal. Projek pembinaan KMSNK telah disiapkan setelah mendapat 4 Lanjutan Masa [*Extension Of Time* (EOT)]. Kontraktor bagi pembinaan KMSNS telah diluluskan 3 EOT dan dikenakan Gantirugi Yang Ditentukan Dan Ditetapkan [*Liquidated Ascertained Damages* (LAD)]. Manakala bagi projek pembinaan KMSNPP telah diluluskan 2 lanjutan masa. Adalah didapati projek KMSNK dan KMSNS telah lewat diserahkan di antara 519 hingga 581 hari dari tarikh asal projek patut disiapkan manakala bagi projek pembinaan KMSNPP, ia masih lagi di dalam tempoh pembinaan. Butiran lanjut mengenai prestasi 3 Kompleks berkaitan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH

KOMPLEKS	TARIKH		TEMPOH EOT (Hari)	TARIKH		TEMPOH SERAH PROJEK DARI TARIKH SIAP ASAL (b) - (a) (Hari)	LAD DIKENAKAN (RM Juta)	STATUS PROJEK
	MILIK TAPAK	SIAP ASAL (Kontrak) (a)		SIAP SEBENAR (CPC)	PENYERAHAN PROJEK (b)			
KMSNK	25.05.2010	05.12.2011	503	21.04.2013	08.07.2013	581	0.00	Selesai
KMSNS	25.05.2010	31.10.2011	270	22.03.2013	02.04.2013	519	1.05	Selesai
KMSNPP	05.01.2012	01.10.2014	209	Masih dalam tempoh pembinaan (Dijangka siap pada 28.04.2015)				

Sumber : Jabatan Audit Negara

- b. Semakan Audit mendapati KMSNK telah diluluskan EOT paling lama iaitu selama 503 hari (4 EOT) berbanding KMSNS dan KMSNPP. Pihak JKR telah meluluskan 3 EOT kepada Kontraktor pembinaan KMSNS selama 270 hari dan mengenakan LAD berjumlah RM1.05 juta (237 hari/RM4,430 sehari). Semakan lanjut juga mendapati tempoh pembinaan yang paling lama adalah bagi KMSNPP (masih dalam pembinaan) iaitu selama 1,210 hari berbanding KMSNK (1,063 hari) dan KMSNS (1,032 hari). Butiran EOT yang diluluskan oleh JKR bagi ketiga-tiga Kompleks adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
EOT YANG DILULUSKAN BAGI PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS

KOMPLEKS	TARIKH PEMBINAAN IKUT KONTRAK	TEMPOH PEMBINAAN IKUT KONTRAK (Hari) (a)	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari) (b)	TEMPOH LAD DIKENAKAN (Hari) (c)	JUMLAH BILANGAN HARI PEMBINAAN KOMPLEKS (Hari) (d = a + b + c)	TARIKH SEBENAR SIAP
KMSNK	25.05.2010 hingga 05.12.2011	560	503 (4 EOT)	0	1,063	21.04.2013

KOMPLEKS	TARIKH PEMBINAAN IKUT KONTRAK	TEMPOH PEMBINAAN IKUT KONTRAK (Hari) (a)	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari) (b)	TEMPOH LAD DIKENAKAN (Hari) (c)	JUMLAH BILANGAN HARI PEMBINAAN KOMPLEKS (Hari) (d = a + b + c)	TARIKH SEBENAR SIAP
KMSNS	25.05.2010 hingga 31.10.2011	525	270 (3 EOT)	237	1,032	22.03.2013
KMSNPP	05.01.2012 hingga 01.10.2014	1,001	209 (2 EOT)	0	1,210	Belum Siap

Sumber : Jabatan Audit Negara

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebahagian besar lanjutan masa adalah atas faktor kelemahan daripada pihak Kerajaan khususnya semasa perancangan projek. Bagi KMSNK, antara faktor lanjutan masa yang dimaksudkan adalah kelewatan menerima lukisan pembinaan; percanggahan ukuran saiz lif; keperluan *raised floor* di Bilik Server; perubahan reka bentuk pada *plinth* tangki air; kabel elektrik ke bangunan STP dan *level* jalan masuk. Manakala bagi KMSNS pula, antara faktor lanjutan masa tersebut adalah percanggahan antara BQ dengan lukisan pembinaan; kelewatan pelantikan NSC; kelewatan mendapatkan lukisan binaan chiller base; memecah dan keperluan *raised floor* di Bilik Server; kerja tambahan memecah lantai untuk bukaan *riser* serta perubahan kedudukan *lift opening*. Lanjutan masa KMSNPP pula adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kelewatan kelulusan '*IBS Shop Drawing*' oleh JKR.

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Kelantan Dan Negeri Sembilan:

JKR akan memastikan tindakan-tindakan berdasarkan peruntukan Syarat-Syarat Kontrak diambil dengan sewajarnya jika berlaku fundamental breach oleh pihak Kontraktor dalam pelaksanaan Kontrak Utama dengan pihak Kerajaan di masa akan datang. Proses kerja dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR dikemas kini dari segi pengurusan projek dan pentadbiran Kontrak. Laporan Prestasi Kontraktor yang tepat dikeluarkan bagi mencerminkan prestasi kerja dan kompetensi sebenar pihak Kontraktor. Bagi kelewatan projek yang berpunca daripada masalah Perunding, dicadangkan agar prestasi perunding di paras 'Lemah' tersebut dilaporkan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia untuk diambil tindakan tatatertib dan Lembaga Profesional bidang berkenaan untuk makluman dan perhatian.

Maklum Balas JKR Pulau Pinang:

Perakuan Kerja Tidak Siap (Certificate of Non Completion) telah dikeluarkan kepada kontraktor utama, IHS Utara Malaysia Sdn. Bhd. pada 29 April 2015 oleh Pengarah JKR Pulau Pinang selaku Pegawai Penguasa. Kontraktor kini dikenakan

LAD sebanyak RM5,090 sehari sehingga siap projek. Pada masa yang sama, JKR dalam proses penyediaan laporan untuk dimajukan kepada Jawatankuasa Projek Sakit bagi tujuan pemansuhan.

Pada pendapat Audit, kelemahan di peringkat perancangan projek hendaklah diberi perhatian bagi mengelakkan kelewatan dalam penyiapan projek.

2.5.1.2. Prestasi Kewangan Projek

- Peruntukan keseluruhan bagi 3 projek pembinaan Kompleks dan kemudahan lain dari tahun 2010 hingga 2014 adalah berjumlah RM96.72 juta dan sejumlah RM61.84 juta (63.94%) telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2014.
- Semakan Audit terhadap Lejar Bayaran Interim bagi ketiga-tiga Kompleks mendapati kos kontrak asal telah berubah disebabkan oleh Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Adalah didapati kos kontrak bagi KMSNK dan KMSNS masing-masing meningkat dari RM21.25 juta dan RM23.90 juta kepada RM22.91 juta dan RM29.45 juta, manakala kos kontrak untuk KMSNPP telah menurun sejumlah RM5.63 juta kepada RM27.36 juta. Butiran lanjut berkaitan bilangan dan nilai perubahan bagi APK dan PHK adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.4
PRESTASI KEWANGAN (KOS KONTRAK) PROJEK PEMBINAAN
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2014**

KOMPLEKS	KOS PROJEK (RM Juta)	KOS KONTRAK				PERBELANJAAN	
		ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	BARU (RM Juta)	PERUBAHAN (%)	(RM Juta)	(%)
		KMSNK	28.29	21.25	1.66	22.91	7.82
KMSNS	31.98	23.90	5.55	29.45	23.23	29.60	92.56
KMSNPP	36.45	32.99	(5.63)	27.36	(17.07)	7.16	19.65

Sumber : Jabatan Kerja Raya

**JADUAL 2.5
BILANGAN DAN NILAI ARAHAN PERUBAHAN
KERJA (APK) DAN PELARASAN HARGA KERJA (PHK)**

KOMPLEKS	BILANGAN APK	NILAI APK	BILANGAN PHK	NILAI PHK	JUMLAH BESAR APK DAN PHK (RM Juta)
		(RM Juta)		(RM Juta)	
KMSNK	30	0.21	15	1.45	1.66
KMSNS	18	0.12	25	5.43	5.55
KMSNPP	2	(0.01)	2	(5.62)	(5.63)

Sumber : Jabatan Kerja Raya

Pada pendapat Audit, peningkatan kos kontrak ini masih berada dalam skop kos projek yang ditetapkan. Bagaimanapun, kelewatan menyiapkan projek turut menyumbang kepada peningkatan kos pembinaan.

2.5.2. Pengurusan Projek Pembinaan

Pembinaan Kompleks dilaksanakan mengikut kaedah konvensional menggunakan perkhidmatan perunding dan juga dibina secara Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialized Building System (IBS)*. Jawatankuasa Penilaian Tender bersetuju memilih Syarikat Shazabina Sdn. Bhd. (KMSNK), MBN Consortium Sdn. Bhd. (KMSNS) dan IHS Utara Malaysia Sdn. Bhd. (KMSNPP) sebagai kontraktor utama dan telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan A, JKR. Semakan Audit mendapati proses pelantikan kontraktor utama adalah teratur. Di samping itu, semakan Audit yang telah dijalankan terhadap proses kelulusan lanjutan masa, Arahan Perubahan Kerja, pengenaan denda, bon pelaksanaan dan proses bayaran interim mendapati ia juga teratur dan mematuhi peraturan serta prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara masih perlu diberi perhatian oleh JKR seperti yang berikut:

2.5.2.1. Perjanjian Perkhidmatan Perunding Lewat Ditandatangani

- a. Mengikut perenggan 20 dalam SPP Bil. 8 Tahun 2006 mengenai Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding dan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 (Manual), pelantikan perunding hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor seperti kepakaran, keupayaan profesional, kedudukan kewangan serta pengalaman firma. Pihak JKR telah melantik Perunding Pembangunan Fizikal bagi skop kerja seni bina, sivil dan struktur, mekanikal dan elektrik serta ukur bahan.
- b. Jawatankuasa Pelantikan Perunding, JKR telah meluluskan pelantikan 14 perunding mengikut skop kerja dengan siling peruntukan berjumlah RM6.26 juta. Sehingga bulan Disember 2014, sejumlah RM5.98 juta (58.11%) telah dibayar kepada perunding. Mengikut Perenggan 20 SPP Bil. 8 Tahun 2006 dan Bab V Manual, menghendaki perjanjian perkhidmatan perunding (MoA) dibuat dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh kos perkhidmatan perunding diluluskan. Semakan Audit mendapati MoA bagi keseluruhan skop kerja pembinaan telah lewat ditandatangani di antara 12 hingga 586 hari dari tempoh yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.6
PERJANJIAN PERUNDING LEWAT DITANDATANGANI**

KOMPLEKS	SKOP KERJA PERUNDING	KOS PERUNDING	TARIKH KOS PERKHIDMATAN DILULUSKAN	TARIKH AKHIR PERJANJIAN PERLU DITANDATANGANI	TARIKH SEBENAR PERJANJIAN DITANDATANGANI	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
		(RM Juta)		(a)	(b)	
KMSNK	Senibina	1.14	24.07.2008	23.08.2008	04.11.2008	72
	Sivil Dan Struktur	0.93	24.07.2008	23.08.2008	14.07.2009	324

KOMPLEKS	SKOP KERJA PERUNDING	KOS PERUNDING	TARIKH KOS PERKHIDMATAN DILULUSKAN	TARIKH AKHIR PERJANJIAN PERLU DITANDATANGANI	TARIKH SEBENAR PERJANJIAN DITANDATANGANI	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
		(RM Juta)		(a)	(b)	(c = b - a)
	Mekanikal	0.24	21.08.2009	20.09.2009	18.04.2011	574
	Elektrik	0.21	21.08.2009	20.09.2009	03.08.2010	316
	Ukur Bahan	0.55	30.06.2009	29.07.2009	26.08.2009	27
KMSNS	Senibina	1.09	24.07.2008	23.08.2008	09.10.2008	46
	Sivil Dan Struktur	0.89	24.07.2008	23.08.2008	27.05.2009	278
	Mekanikal	0.26	05.06.2008	04.07.2008	26.10.2009	480
	Elektrik	0.20	08.05.2008	07.06.2008	13.01.2010	586
	Ukur Bahan	0.37	19.02.2009	18.03.2009	02.04.2009	12
KMSNPP*	Senibina	1.89	13.04.2012	13.05.2010	04.07.2012	53
	Sivil Dan Struktur	1.48	14.06.2011	13.07.2011	26.08.2011	43
	Elektrik	0.64	27.02.2012	26.03.2012	21.05.2012	55
	Ukur Bahan	0.36	06.01.2011	05.02.2011	20.04.2011	73

Sumber : Jabatan Audit Negara

Nota : (*) - Skop Kerja Mekanikal Adalah Di Bawah Tanggungjawab JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (In-House)

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Kelantan, Negeri Sembilan Dan Pulau Pinang:

JKR akan memastikan agar MoA Perunding ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan dengan memperkemas pelaksanaan proses kerja sedia ada bagi pelaksanaan projek pembangunan yang akan datang. Pengeluaran surat amaran kepada Perunding dan disalinkan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga akan diteruskan jika didapati kelewatan adalah berpunca daripada Perunding. JKR telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan rujukan (27) dlm. JKR:UB(BPDI) 061.100/01.1 Jld 3 bertarikh 20 Mei 2013 untuk mengkaji semula tempoh menandatangani Dokumen Perjanjian Perunding dan telah mendapat maklumbalas daripada pihak Kementerian Kewangan Malaysia. JKR dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia, juga telah menyediakan satu format yang seragam bagi semua Perjanjian Perkhidmatan Perunding dalam usaha untuk mempercepatkan proses menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Perunding.

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani MoA dengan perunding perlu diberi perhatian serius kerana ia boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

2.5.2.2. Prestasi Kerja Perunding/Kontraktor/NSC

- Mengikut Bab IV dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006, setiap Agensi hendaklah memberi perhatian kepada aspek pengesanan kualiti perkhidmatan apabila menggunakan perkhidmatan

perunding. Semakan Audit mendapati pihak JKR telah membuat pemantauan yang baik terhadap semua kerja yang dilaksanakan oleh perunding, kontraktor utama dan NSC bagi projek KMSNK dan KMSNS. Pihak Audit juga mendapati kontraktor utama telah membuat pemantauan terhadap kemajuan kerja NSC. Pemantauan oleh JKR dan kontraktor utama dibuat dengan mengeluarkan surat peringatan dan amaran bertulis adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
BILANGAN NOTIS PERINGATAN YANG DIKELUARKAN
OLEH JKR/KONTRAKTOR UTAMA KEPADA PERUNDING/KONTRAKTOR UTAMA/NSC

KOMPLEKS	PENGELUARAN SURAT PERINGATAN/AMARAN					
	DIKELUARKAN OLEH JKR KEPADA PERUNDING		DIKELUARKAN OLEH JKR KEPADA KONTRAKTOR UTAMA/NSC		DIKELUARKAN OLEH KONTRAKTOR UTAMA KEPADA NSC	
	SKOP KERJA	BILANGAN	SKOP KERJA	BILANGAN	SKOP KERJA	BILANGAN
KMSNK	Mekanikal Dan Elektrikal	1	Kontraktor Utama	7	Elektrikal (Extra Low Voltage)	2
					Elektrikal (Low Voltage)	1
					Sistem Lif	2
					ICT	1
					Pencegah Kebakaran	2
					Penyaman Udara	1
KMSPP	Tidak Berkenaan		Kontraktor Utama	3	Elektrikal (Extra Low Voltage)	1
KMSNS	Senibina	1	Kontraktor Utama	2	Tidak Berkenaan	
	Sivil Dan Struktur	2	ICT	1		
	Elektrikal	1	Elektrikal	1		
	Ukur Bahan	1	Mekanikal	1		

Sumber : Jabatan Audit Negara

- b. Walaupun pemantauan telah dilaksanakan oleh semua pihak yang bertanggungjawab, semakan Audit mendapati bahawa perunding/kontraktor/NSC masih lagi kurang memberi komitmen seperti lewat memulakan kerja, pergerakan kerja yang perlahan, kegagalan menghadiri mesyuarat teknikal/tapak, kegagalan menyiapkan kerja-kerja yang tertangguh, kegagalan melaksanakan latihan bagi sistem pencegah kebakaran dan kelewatan mengemukakan *shop drawing*. Keadaan ini telah menyumbang kepada kadar kemajuan kerja yang perlahan sehingga menyebabkan EOT terpaksa dimohon.
- c. Kelewatan kerja NSC bagi kerja-kerja lif di KMSNK juga telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Tapak No. 24 yang diadakan pada 13 Ogos 2012 di mana kontraktor utama diminta untuk mengeluarkan surat amaran kepada NSC tersebut kerana tidak menjalankan kerja-kerja tapak selama 2 bulan. Pihak NSC juga telah melaporkan bahawa *lift shaft* masih belum diserahkan secara

- rasmi kepada mereka dalam Mesyuarat Tapak No. 25. Bagaimanapun, dalam Mesyuarat Tapak No. 28 pada 5 Februari 2013, kemajuan kerja bagi NSC kerja-kerja lif adalah 25% berbanding dengan kemajuan kerja NSC lain.
- d. Semakan Audit bagi KMSNS mendapati NSC bagi sistem *fire fighting* masih belum menyiapkan kerja yang ditetapkan. Merujuk kepada surat (61) dlm JKR[CKM]NS.[123]600-2/1/370/1 bertarikh 7 Julai 2014, pihak JKR menyatakan kegagalan NSC *Fire Fighting* yang masih belum mengambil tindakan membaiki kecacatan dan kerja-kerja penyenggaraan dalam tempoh tanggung kecacatan (DLP) walaupun telah diberi 4 kali teguran. Kerja-kerja kecacatan dan penyenggaraan yang belum dilaksanakan ialah *Clean Agent System* di bilik fail, latihan bagi Sistem BAS, *defect breakglass* dan *smoke/heat detector* serta penyediaan dokumen *Operational And Manual* (O&M) dan *As Built Drawing*.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor utama telah memaklumkan kepada NSC *Fire Fighting* berkaitan kerja-kerja yang masih belum selesai namun tiada maklumbalas yang diterima. Sebagai langkah penyelesaian, pihak JKR telah mengambil tindakan mengikut klausa 45 (c) dengan melantik kontraktor baru melalui sebut harga yang masih dalam proses penjualan borang. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati kerja-kerja yang belum disiapkan iaitu *Switch Board* Bomba belum dipasang di Bilik Kawalan Aras G, kerja pendawaian sistem pencegahan kebakaran masih belum disempurnakan serta kemudahan sistem pencegahan kebakaran tidak berfungsi.

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Negeri Kelantan:

Pihak NSC telah mengambil tindakan untuk menjalankan tanggungjawabnya. Kerja-kerja lif di KMSNK telah selesai dibuat.

Maklum Balas JKR Negeri Sembilan:

JKR telah mengeluarkan surat amaran kepada Perunding dengan salinan kepada pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga apabila kelewatan pelaksanaan projek dapat dibuktikan berpunca daripada Perunding. Penilaian prestasi perunding Struktur yang bermasalah dilaporkan dalam Laporan Penilaian Prestasi Perunding Tahunan dan disalinkan ke dalam laman web Kementerian Kewangan Malaysia (e-Perunding). Tindakan-tindakan berdasarkan peruntukan Syarat-Syarat Kontrak akan terus diambil dengan sewajarnya apabila berlaku fundamental breach oleh pihak Kontraktor dalam pelaksanaan Kontrak Utama dengan pihak Kerajaan. Proses kerja dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR akan sentiasa dikemaskini dari segi pengurusan projek dan pentadbiran Kontrak. Laporan Prestasi Kontraktor akan lebih mencerminkan prestasi kerja dan kompetensi sebenar pihak Kontraktor bagi projek pembangunan yang akan datang.

Keja sistem pencegah kebakaran telah disiapkan dengan melantik pihak ketiga setelah NSC asal tidak dapat menyiapkan kerja. Tempoh siap kerja adalah selama 8 minggu (1 Disember 2014 hingga 30 Januari 2015) dan kerja telah disiapkan pada 26 Januari 2015. Semua kerja membaiki kecacatan termasuk switch board di Bilik Kawalan aras G dan kerja-kerja pendawaian sistem pencegahan kebakaran di Bilik Fail Stor dan Rekod telah disiapkan oleh pihak ketiga melalui proses sebutharga terbuka dan sistem tersebut telah berfungsi dengan baik.

Maklum Balas JKR Pulau Pinang:

Sikap kontraktor/NSC yang kurang memberi komitmen kepada pelaksanaan kerja di tapak akan dikenakan tindakan yang lebih tegas. Surat-surat amaran akan dikeluarkan selaras dengan prosedur pentadbiran kontrak. Punca kelewatan kerja juga berkemungkinan akibat daripada kurangnya koordinasi di antara kontraktor utama dan NSC. Kontraktor utama sepatutnya menghasilkan lukisan koordinasi M&E dan kerja-kerja koordinasi sepatutnya dipantau oleh M&E Coordinator yang dilantik oleh kontraktor utama. Sebarang isu kelewatan atau kurangnya komitmen oleh pihak-pihak berkaitan (NSC/Kontraktor) telah turut diberi peringatan, amaran dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Tapak secara bulanan.

Pada pendapat Audit, Pegawai Penguasa atau wakilnya perlu tegas dalam menguatkuasakan sepenuhnya semua peraturan berkaitan yang ditetapkan dalam kontrak pembinaan untuk memastikan masalah-masalah yang wujud di peringkat perunding, kontraktor utama dan NSC tidak berlarutan.

2.5.2.3. Lukisan Siap Bina Dan Manual Operasi Penyenggaraan (O&M) Belum Dikemukakan Kepada Jabatan Pelanggan

Para 13.7.2 dalam Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia dan perenggan 6.20 dalam Senarai Kuantiti (BQ) Kontrak menetapkan bahawa Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi hendaklah dikemas kini sepanjang perjalanan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa oleh kontraktor secara berperingkat menurut aturan kerja. Dokumen-dokumen ini juga perlu diserahkan sebulan selepas CPC dikeluarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati *As-Built Drawing* dan O&M yang lengkap belum lagi dikemukakan kepada KMSNK dan KMSNS.

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Kelantan:

Semua Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi Penyenggaraan (O&M) telah diterima.

Maklum Balas JKR Negeri Sembilan:

Kesemua dokumen As-Built Drawing telah dikemukakan kepada pihak Pelanggan. As-Built Drawing (Bangunan) diserahkan kepada Pelanggan melalui surat bertarikh 20 November 2014. As-Built Drawing (Sistem Penyaman Udara dan

Sistem Lif) dan Operation & Maintenance Manual (OMM) diserahkan kepada Pelanggan melalui surat bertarikh 4 April 2013. As-Built Drawing (Sistem Pencegah Kebakaran) diserahkan kepada Pelanggan melalui surat bertarikh 26 Januari 2015. OMM dan As-Built Drawing telah diserahkan kepada pegawai JKSN pada 26 Februari 2015. As-Built Drawing (Sistem LV dan ELV) diserahkan kepada Pelanggan melalui surat bertarikh 3 November 2014.

Pada pendapat Audit, penyerahan lukisan siap bina, manual operasi penyenggaraan serta senarai katalog peralatan perlu dikaitkan dengan klausa bayaran bagi memastikan pihak kontraktor lebih komited dalam menyediakannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pemantauan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya terhadap pelaksanaan tanggungjawab kontraktor berdasarkan klausa kontrak perlu dipertingkatkan.

2.5.2.4. Kerosakan Dan Kecacatan Kerja Yang Dilaporkan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

- a. Semakan Audit di KMSNK mendapati kerosakan/kecacatan yang dilaporkan telah selesai dibaiki oleh Kontraktor dan *Certificate of Making Goods Defect (CMGD)* juga telah dikeluarkan oleh pihak JKR. Bagaimanapun sejumlah RM1.06 juta baki masih belum dibuat pembayaran kepada Kontraktor dan kesan dari perkara ini telah menyebabkan Penyata Akaun Muktamad (SOFA) masih belum dapat dikeluarkan.
- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerosakan/kecacatan kerja yang telah dilaporkan di peringkat KMSNS masih belum selesai dibaiki. Oleh yang demikian, perakuan CMGD tidak dapat dikeluarkan oleh pihak JKR dan SOFA masih belum dapat dikemukakan. Sejumlah RM1.38 juta baki amaun kontrak telah dikenal pasti masih belum dibuat pembayaran kepada kontraktor utama.

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Kelantan

Certificate of Making Goods Defect (CMGD) telah dikeluarkan pada 2 November 2014. Daripada baki sejumlah RM1.06 juta, sejumlah RM0.40 juta telah dibayar kepada kontraktor. Bagaimanapun, Penyata Akaun Muktamad masih belum dikeluarkan kerana perunding masih belum mengemukakan dokumen. Satu bengkel bagi menyelesaikan penutupan akaun akan diadakan pada 11-12 Mei 2015.

Maklum Balas JKR Negeri Sembilan:

Kontraktor utama telah gagal membaiki kecacatan/kerosakan kerja yang dilaporkan dalam tempoh DLP. Oleh itu, mengikut Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.3 Tahun 2014 (item 4.8.7) JKR Negeri Sembilan telah melantik

pihak ketiga untuk memperbaiki kecacatan/kerosakan tersebut dan kerja pembaikan tersebut telah selesai dibaiki pada 16 April 2015. JKR dalam proses menyediakan CMGD dan Akaun Muktamad.

2.5.2.5. Dewan Bicara Tidak Dilengkapi Perabot

Objektif pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah adalah bagi pemantapan pengurusan kes yang lebih optimum melalui penambahan kemudahan Dewan Bicara. Setiap projek pembinaan ini dilengkapi dengan pembekalan dan pemasangan *built-in furniture* seperti yang termaktub dalam BQ kontrak utama. Semakan Audit mendapati kesemua 6 Dewan Bicara KMSNPP tidak dilengkapi dengan perabot dan kelengkapan untuk melaksanakan perbicaraan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembekalan *built-in furniture* berjumlah RM1.50 juta telah dikeluarkan dari skop kerja asal berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan Projek pada 1 Disember 2011. Pihak JKSM memaklumkan bahawa pemotongan tersebut dibuat kerana peruntukan tidak mencukupi dan kini sedang dalam proses mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pihak JKSM perlu memberikan keutamaan terhadap penyelesaian masalah ini bagi memastikan kemudahan yang dibangunkan dapat digunakan sebaik sahaja disiapkan.

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKSM dan JKSNPP:

JKSM telah mengeluarkan beberapa surat bagi menyusul isu perolehan perabot kepada SUK Pulau Pinang, antaranya adalah melalui surat bertarikh 21 Julai 2014 dan 6 April 2015. JKSNPP juga telah sekali lagi mengadakan perjumpaan bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 17 April 2015 bagi memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri berkaitan perolehan perabot di KMSNPP. Persetujuan secara lisan telah diberikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Surat Persetujuan akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat. Persetujuan ini juga adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri.

2.5.3. Kualiti Pembinaan

Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004 menyatakan pelaksanaan projek pembangunan yang teratur dan kemas adalah penting bagi memastikan penyediaan kemudahan yang berkualiti serta berada pada tahap piawaian yang boleh diterima. Selain itu, klausa 9 dalam kontrak utama pembinaan juga menyatakan peranan Kontraktor untuk membina dan menyediakan projek dengan menggunakan bahan-bahan dan mutu kerja mengikut standard yang dinyatakan dalam *Bills of Quantities* (BQ) atau/dan spesifikasi.

Secara keseluruhannya, pemeriksaan Audit yang telah dijalankan ke atas sampel item/lokasi mendapati pelaksanaan kerja pembinaan oleh Kontraktor adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi

perhatian seperti kualiti kerja yang kurang sempurna/kemas; kerja yang belum disiapkan; kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak; dan beberapa penggunaan kemudahan tidak dapat dioptimumkan. Antara punca berlakunya keadaan sedemikian adalah disebabkan oleh mekanisme pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak yang bertanggungjawab (JKR/perunding/kontraktor utama). Lawatan fizikal Audit ke Kompleks berkaitan mendapati beberapa kes telah dikenal pasti dan diambil tindakan seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8
BILANGAN KES PENEMUAN AUDIT TERHADAP KUALITI PEMBINAAN KOMPLEKS

JENIS KUALITI PEMBINAAN	STATUS TINDAKAN	BILANGAN KES BAGI KOMPLEKS MAHKAMAH YANG TERLIBAT		
		KMSNK	KMSNS	KMSNPP
Reka Bentuk Projek/Spesifikasi Kerja Kurang Lengkap/Sesuai/Praktikal	Penemuan Audit	4	5	-
	Selesai	4	4	-
	Dalam Tindakan	-	1	-
	Tiada Tindakan	-	-	-
Kerja Pembinaan Sivil Dan Struktur Kurang Berkualiti	Penemuan Audit	11	12	1
	Selesai	11	12	1
	Dalam Tindakan	-	-	-
	Tiada Tindakan	-	-	-
Kerja Pembinaan Elektrikal Dan Mekanikal Kurang Berkualiti	Penemuan Audit	4	6	-
	Selesai	4	5	-
	Dalam Tindakan	-	1	-
	Tiada Tindakan	-	-	-
Kerja Pembaikan Kerosakan/Kecacatan	Penemuan Audit	1	12	8
	Selesai	1	1	6
	Dalam Tindakan	-	11	2
	Tiada Tindakan	-	-	-
Kerja Penyenggaraan Kurang Berkualiti	Penemuan Audit	2	2	-
	Selesai	2	1	-
	Dalam Tindakan	-	1	-
	Tiada Tindakan	-	-	-
Penggunaan Kemudahan	Penemuan Audit	9	2	1
	Selesai	9	2	-
	Dalam Tindakan	-	-	1
	Tiada Tindakan	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN*		31	39	10

Sumber : Jabatan Audit Negara

Nota : (*) - Bilangan Kes Keseluruhan Merujuk Kepada Bilangan Penemuan Audit

2.5.3.1. Reka Bentuk Projek/Spesifikasi Kerja Kurang Lengkap/Sesuai/Praktikal

Perenggan 3.6.3. dalam Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi Ke-3) menyatakan kepentingan untuk memastikan tugas pereka bentuk dari pelbagai disiplin diselaraskan bagi penyediaan perincian reka bentuk. Setiap aspek perincian yang ditetapkan hendaklah lengkap dan berdasarkan kepada kehendak badan-badan berkuasa perancangan, kemudahan dan tempatan sebelum pelawaan tender dilaksanakan. Semakan Audit mendapati beberapa

ciri reka bentuk projek kurang sesuai/praktikal serta pelaksanaan kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.9
REKA BENTUK PROJEK/SPEKIFIKASI KERJA KURANG
Lengkap/Sesuai/Praktikal

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
REKA BENTUK PROJEK		
Keadaan tiang berlumut dan berkarat serta tindakan pembaikan telah diambil dengan sewajarnya (Gambar 2.1 dan 2.2)	Aras Bumbung	KMSNS
Limpahan air menitis dari bumbung dan binaan <i>gutter</i> kurang sesuai menyebabkan lantai dipenuhi air serta berlumut (Gambar 2.3 dan 2.4)	Aras Bumbung	
Binaan penghadang/bendul bagi menghalang pengaliran air hujan ke ruang pejabat yang lain (Gambar 2.5 dan 2.6)	Aras Bumbung dan Pejabat Pentadbiran Am, Aras 3	
Kerja-kerja membaik pulih struktur Aras Bumbung yang dilaksanakan setelah teguran Audit dibuat (Gambar 2.7 dan 2.8)	Aras Bumbung	
Kemudahan <i>Dumbwaiter</i> tidak digunakan (Gambar 2.9 dan 2.10)	Pejabat Pendaftaran, Aras 1	
SPEKIFIKASI KERJA		
Pemasangan tangki air yang kurang praktikal menyebabkan laluan penyenggaraan terlalu sempit dan menyulitkan kerja-kerja penyenggaraan (Gambar 2.11 dan 2.12)	Kawasan Tangki Air, Aras Bumbung	KMSNK
Kedudukan pemasangan <i>Cat Ladder</i> tidak sesuai dan merumitkan kerja-kerja penyenggaraan (Gambar 2.13 dan 2.14)	Kawasan Tangki Air, Aras Bumbung	

Sumber : Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.1



KMS Negeri Sembilan
- Keadaan Tiang Berlumut Dan Berkarat
(14.08.2014)

GAMBAR 2.2



KMS Negeri Sembilan
- Keadaan Tiang Yang Telah Dibaiki/Dicat Baru
(Oktober 2014)

GAMBAR 2.3



KMS Negeri Sembilan
- Kesan Lembapan Dan Lumut Pada Permukaan Lantai Akibat Limpahan Air Menitis Dari Bumbung
(14.08.2014)

GAMBAR 2.4



GAMBAR 2.5



KMS Negeri Sembilan
- Binaan Penghadang Air Hujan Untuk Mengelakkan Saliran Air Ke Kawasan Pejabat Lain
(14.08.2014)

GAMBAR 2.6



GAMBAR 2.7



KMS Negeri Sembilan
- Kerja-Kerja Membaik Pulih Struktur Aras Bumbung Sedang Dilaksanakan
(Oktober 2014)

GAMBAR 2.8



GAMBAR 2.9



KMS Negeri Sembilan
- Dumbwaiter Tidak Digunakan Kerana Kedudukannya Tidak Sesuai Di Tengah Ruang Pejabat
(14.08.2014)

GAMBAR 2.10



GAMBAR 2.11



KMSN Kelantan
- Laluan Penyenggaraan Di Antara Tangki Air Dan Dinding Yang Sempit
(08.10.2013)

GAMBAR 2.12



GAMBAR 2.13



GAMBAR 2.14



KMSN Kelantan
- Ruang Di Antara Cat Ladder Dengan Dinding Bangunan Sempit. Hanya 24mm Lebar
(08.10.2013)

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Kelantan:

Kedudukan asal tangki air diubah bagi menyesuaikan dengan keadaan ditapak di mana terdapat halangan rasuk bumbung berdasarkan pada Lukisan Kontrak yang asal. Ketinggian tangki terpaksa direndahkan, manakala kelebaran saiz tangki pula terpaksa ditambah bagi memenuhi keperluan isipadu air tangki seperti yang telah diperuntukan di dalam Kontrak. Spesifikasi kontrak masih tidak berubah. Walaupun saiz ruang sedia ada di tapak adalah terhad, namun peruntukan ruang bagi kerja-kerja penyenggaraan masih diambil kira. Selain itu, kerja-kerja pembinaan adalah berdasarkan skop lukisan yang disediakan oleh pembekal. Kedudukan cat ladder yang didapati kurang praktikal berpunca daripada berlaku penyesuaian saiz tangki di tapak bina akibat halangan rasuk di bumbung.

Maklum Balas JKR Negeri Sembilan:

JKR Negeri Sembilan telah memohon data mengenai kriteria reka bentuk bumbung dan saluran air bagi KMSNS daripada pihak perunding arkitek dan struktur yang telah dilantik melalui surat bil. (27)dlm.PJKRNS(BGN)/M/538/2007 Sj.30 Jld.6 bertarikh 3 April 2015. Pada 26 Mac 2015, pasukan siasatan JKR Daerah Seremban ditubuhkan untuk menjalankan ujian bagi mengenalpasti punca air bertakung dengan menggunakan 2 kaedah iaitu jatuhan bola pingpong dan masukkan air berwarna dalam kesemua Rain Water Down Pipe (RWDP) yang terdapat di aras atas tersebut. Daripada 18 RWDP yang diuji, didapati 6 RWDP telah tersumbat manakala 12 lagi berada dalam keadaan yang baik. Berkemungkinan rumput yang dibawa oleh burung, daun-daun, ranting-ranting dan pasir halus ditolak masuk ke dalam RWDP oleh air hujan yang lebat pada waktu itu. Oleh itu, pada 15 hingga 21 April 2015, JKR Negeri Sembilan sekali lagi telah mengambil inisiatif dengan melantik kontraktor pihak ke-3 untuk membuat semakan semula ke atas ujian yang telah dibuat oleh pasukan siasatan JKR Daerah Seremban bagi menentusahkan bilangan RWDP yang tersumbat. Melalui ujian semula tersebut, ternyata 6 RWDP tersumbat manakala 12 lagi didapati dalam keadaan yang baik. Kontraktor tersebut juga telah diarahkan untuk membaiki dahulu bagi mengelakkan/mengurangkan kadar air bertakung ketika hujan lebat sekali gus mengelakkan keadaan menjadi lebih kritikal. Daripada 6 RWDP yang tersumbat, 3 telah dibaiki/dibersihkan dengan sempurna dan lagi 3

perlu dibuat pembaikan/penggantian. Manakala Gutter di bahagian bumbung atas juga telah diganti baru dan telah siap sepenuhnya. Pada 27 April 2015 yang lalu, Daerah Seremban sekali lagi mengalami hujan yang sangat lebat dan melalui pemerhatian ditapak didapati masalah air bertakung tidak lagi berlaku. Oleh itu, melalui pembaikan gutter dan RWDP tersebut, masalah yang dinyatakan dalam Gambar 2.1 – 2.8 selesai.

Sistem Dumbwaiter direka bentuk untuk memudahkan pergerakan dokumen / fail / fail Sulit dalam bangunan KMSNS. Tiada penggunaan Dumbwaiter di Aras 1 kerana faktor kedudukannya yang terletak di lokasi kawasan orang awam. Berdasarkan perancangan asal dan permintaan Pelanggan, reka bentuk dumbwaiter telah diselaraskan untuk penggunaan sehingga Aras 2 sahaja. Pembinaan dumbwaiter sepatutnya tidak dilanjutkan sehingga ke Aras 1. Namun, semasa fasa pembinaan, pihak Kontraktor didapati telah membuat bukaan pada lurang lif (dumbwaiter) tersebut. Pihak Perunding Arkitek telah mengarahkan pihak Kontraktor untuk menutup bukaan pintu dumbwaiter semasa pembinaan dahulu, namun ia tidak dilaksanakan. Bukaan berkenaan telah dibiarkan terbuka (tidak ditutup) atas permintaan end user (JKSN), sekiranya servis dumbwaiter diperlukan di Aras 1 pada masa yang akan datang (future usage). Tiada bilik khas diperuntukkan bagi menempatkan dumbwaiter ini di Aras 1, maka dengan itu lokasi dumbwaiter kini dilihat sebagai kurang sesuai kerana ia bertempat di lokasi laluan orang awam.

Pada pendapat Audit, kelemahan yang berlaku terhadap reka bentuk bagi projek pembinaan Kompleks boleh menjejaskan keselesaan pengguna dan mendatangkan risiko keselamatan, jangka hayat bangunan dan peningkatan kos penyenggaraan.

2.5.3.2. Kerja Pembinaan Sivil Dan Struktur Kurang Berkualiti Serta Tidak Dilaksanakan/Diselesaikan Dengan Sempurna

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya Kompleks dan ruang yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor adalah kurang berkualiti dan tidak diselesaikan/dilaksanakan dengan sempurna. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.10
KERJA PEMBINAAN SIVIL DAN STRUKTUR KURANG BERKUALITI**

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
Keadaan dinding Dewan Bicara Mahkamah berlubang dan mengeluarkan habuk serta tindakan pembaikan telah diambil (Gambar 2.15 dan 2.16)	Mahkamah Tinggi II, Aras 3	KMSNS
Kerosakan dan kecacatan pada pintu pejabat serta tindakan pembaikan telah diambil (Gambar 2.19 hingga 2.22)	Ruang Pejabat Mahkamah Rendah Aras 2 dan Pejabat Am Pendaftar Aras 1	

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
Keadaan <i>beam bulging</i> akibat kerja pembaikan yang kurang sempurna serta tindakan pembaikan telah diambil (Gambar 2.17 dan 2.18)	Surau, Kawasan Luar Bangunan	
Kesan resapan air pada dinding akibat kebocoran pada bumbung bangunan serta tindakan pembaikan telah diambil (Gambar 2.23 dan 2.24)		

Sumber : Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.15



GAMBAR 2.16



KMS Negeri Sembilan
 - Kecacatan (Berhabuk Dan Berlubang) Pada Permukaan Dinding Dewan Bicara Mahkamah Dan Tindakan Pembaikan Telah Diambil
 (14.08.2014 & 22.04.2015)

GAMBAR 2.17



GAMBAR 2.18



KMS Negeri Sembilan
 - Keadaan *Beam Bulging* Di Kawasan Surau Dan Tindakan Pembaikan Telah Diambil
 (14.08.2014 & 22.04.2015)

GAMBAR 2.19



GAMBAR 2.20



KMS Negeri Sembilan
 - Kerosakan Pada Permukaan Pintu Dan Tindakan Pembaikan Telah Diambil
 (14.08.2014 & 22.04.2015)

GAMBAR 2.21



GAMBAR 2.22



*KMS Negeri Sembilan
- Keadaan Dinding Pintu Renggang Dan Tindakan Pembaikan Telah Diambil
(14.08.2014 & 22.04.2015)*

GAMBAR 2.23



GAMBAR 2.24



*KMS Negeri Sembilan
- Kesan Resapan Air Pada Dinding Surau Serta Tindakan Pembaikan Telah Diambil
(22.04.2015)*

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas KKR:

Tindakan pembaikan telah diambil dan selesai.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan Perunding yang kurang berkesan menyebabkan kerja Kontraktor tidak mematuhi spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan. Kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan perlu dijalankan segera bagi memastikan masalah ini dapat diatasi supaya tidak menjadi semakin serius dan tidak berulang.

2.5.3.3. Kerja Elektrikal Dan Mekanikal Tidak Dilaksanakan/Diselesaikan Dengan Sempurna

Kerja elektrikal dan mekanikal perlu dilaksanakan oleh Kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan bagi memastikan pengguna mendapat kemudahan pada tahap jaminan keselamatan yang terbaik. Pemeriksaan Audit di kedua-dua Kompleks mendapati beberapa kerja pendawaian dan pemasangan kelengkapan mekanikal serta elektrikal adalah kurang kemas dan teratur. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 2.11
KERJA PEMBINAAN ELEKTRIKAL DAN MEKANIKAL KURANG BERKUALITI**

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
Kerja pemasangan elektrik bagi sistem pencegahan kebakaran adalah kurang sempurna (Gambar 2.25 dan 2.26)	Bilik Fail Stor & Rekod, Aras G serta Laluan Koridor Aras 4	KMSNS
Kerja pemasangan <i>ducting air-conditioner</i> yang kurang sempurna menyebabkan keadaan lembapan dan resapan air pada siling dan dinding ruang pejabat (Gambar 2.27 dan 2.28)	Bilik <i>Auto Chamber</i> Mahkamah Rendah Syariah III, Aras 2 dan Bilik <i>Auto Chamber</i> Mahkamah Tinggi Syariah II, Aras 3	
Pemasangan kabel <i>Extra Low Voltage</i> (ELV) tidak kemas dan teratur (Gambar 2.29 dan 2.30)	Semua Bilik Hakim dan Dewan Perbicaraan	KMSNK

Sumber : Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.25



GAMBAR 2.26



KMS Negeri Sembilan

*- Kerja Pendawaian Sistem Pencegahan Kebakaran Adalah Kurang Sempurna
(14.08.2014) & (15.08.2014)*

GAMBAR 2.27



*KMS Negeri Sembilan
- Kesan Lembapan Pada Siling
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.28



*KMS Negeri Sembilan
- Dinding Berkulat Dan Berlumut
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.29



GAMBAR 2.30



KMSN Kelantan

*- Pemasangan Kabel ELV Tidak Kemas Dan Teratur
(19.06.2014)*

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015**Maklum Balas JKR Negeri Kelantan**

Pelaksanaan kerja penyediaan point elektrik adalah mengikut peruntukan Lukisan Kontrak yang disediakan oleh Perunding. Lukisan susunatur pejabat (skop senibina) dan susunatur kabel / wayar ELV tidak disediakan oleh Kontraktor Utama. Susunatur perabot KMSNK adalah ditentukan oleh pihak mahkamah JKSN sendiri.

Maklum Balas JKR Negeri Sembilan:

Kesemua pemasangan elektrik bagi sistem pencegahan kebakaran telah dibuat oleh Kontraktor dan pembaikan-pembaikan yang tidak sempurna telah dibaiki pada 17 Oktober 2014 dan telah disahkan oleh pihak JKSN.

Kelembapan pada siling dan dinding berkulat serta berlumut tidak semestinya berpunca daripada air / kondensasi sistem penyaman udara. Dua (2) lawatan telah diadakan oleh pihak JKR pada 18 Disember 2014 dan 5 Februari 2015 untuk menyiasat isu ini dengan lebih lanjut. Hasil lawatan mendapati bahawa kesan kelembapan pada ruang Autochamber Aras 2 Mahkamah Rendah Syariah III dan Autochamber Aras 3 Mahkamah Tinggi Syariah II adalah bukan disebabkan pemasangan ducting aircond menggunakan PE foam seperti penemuan Audit. Pemeriksaan pada 5 Februari 2015 juga mendapati bahawa kini tiada kesan resapan berlaku lagi. Walau bagaimanapun, pemeriksaan lanjutan akan diadakan semula oleh pihak JKR untuk memastikan samada kesan resapan masih berlaku atau tidak.

Pada pendapat Audit, pihak JKR dan JKSN hendaklah memastikan segala langkah keselamatan diambil dan dipertingkatkan serta memastikan sistem pengesanan dan pencegahan kebakaran berfungsi.

2.5.3.4. Kerja Pembaikan Kecacatan/Kerosakan Belum Diambil Tindakan

Kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja/memperbaiki kesemua kecacatan/kerosakan yang dilaporkan oleh Perunding dan pihak JKSN dalam tempoh tanggungan kecacatan [*Defect Liability Period* (DLP)] sehingga selesai dengan memuaskan. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kerja pembaikan kecacatan di KMSNS masih belum diambil tindakan setelah 3 bulan dari tempoh DLP berakhir iaitu pada 22 Mac 2014. Selain itu, pemeriksaan Audit pada 11 September 2014 di KMSNPP mendapati 3 daripada 8 kerja *Non-Compliance Report* (NCR) telah dikenal pasti dalam tempoh 13 November 2013 hingga 11 Ogos 2014 masih belum diambil tindakan pembaikan. Butirannya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.12
KERJA PEMBAIKAN KECACATAN/KEROSAKAN

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
Sistem <i>ventilation</i> tidak disediakan	Bilik Saksi (Lelaki & Perempuan) bagi Setiap Aras	KMSNS
Kedudukan suis <i>spotlight</i> bangunan tidak diketahui menyebabkan penggunaan 24 jam tanpa henti (Gambar 2.36)	Blok Mahkamah	
Tetapan waktu operasi pada <i>water fountain timer</i> adalah salah	Kawasan Luar Bangunan	
Lukisan skematik bagi <i>Electric Switch Board</i> tidak disediakan (Gambar 2.33 dan 2.34)	Aras Bumbung dan Bilik DB bagi Setiap Aras	
Ruang terbuka yang besar pada laluan <i>trunking cable</i> lantai (Gambar 2.31 dan 2.32)	Bilik DB bagi Setiap Aras	
<i>Exhaust Fan</i> tidak berfungsi	Tandas Aras G dan Aras 2	
Sambungan paip air buangan dan limpahan kurang sempurna (Gambar 2.35)	Kawasan Tangki Air, Aras Bumbung	
Kemasan penutup konkrit dan kerja <i>premix</i> kurang sempurna (Gambar 2.39)	Tempat Letak Kereta, Kawasan Luar Bangunan	
Pintu rintangan api tidak digunakan	Bilik Fail, Aras G	
Keretakan pada struktur <i>glass panel</i> (Gambar 2.37 dan 2.38)	Koridor Aras 4	
Reka bentuk <i>head room</i> tangga adalah rendah dan tidak mencukupi (Gambar 2.40)	Tangga Tepi, Laluan dari Aras Bumbung ke Aras 4	
Penggunaan cat kapur pada Blok Mahkamah adalah kurang berkualiti dan kerja-kerja mengecat semula telah diambil tindakan (Gambar 2.41 dan 2.42)	Blok Mahkamah	
Kesan keretakan pada dinding dan kerja kemasan <i>plastering and skim coat</i> kurang sempurna (Gambar 2.43)	Laluan ke Lobi Balai Polis	KMSNPP
Pembinaan dinding <i>Acotec</i> tidak lurus dan tidak selaras (Gambar 2.44)	Laluan Balai Polis dan Pejabat Penjara	
Bucu <i>beam</i> terkeluar dari permukaan lantai (Gambar 2.45)	Surau, Aras G	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.31



GAMBAR 2.32



KMS Negeri Sembilan
- Tiada Pemasangan Fire Barrier Pada Laluan Riser Bangunan
(14.08.2014)

GAMBAR 2.33



GAMBAR 2.34



KMS Negeri Sembilan
- Lukisan Skematik Tidak Disediakan Pada Electric Switch Board
(14.08.2014)

GAMBAR 2.35



*KMS Negeri Sembilan
- Sambungan Paip Air Buangan Dan
Limpahan Kurang Sempurna
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.36



*KMS Negeri Sembilan
- Kedudukan Suis Lampu Spotlight Tidak
Dapat Dikesan Menyebabkan Penggunaan
Lampu 24 Jam Tanpa Henti
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.37



*KMS Negeri Sembilan
- Keretakan Pada Struktur Glass Panel
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.38



GAMBAR 2.39



*KMS Negeri Sembilan
- Kerja Kemas Penutup Konkrit Dan
Premix Kurang Sempurna
(15.08.2014)*

GAMBAR 2.40



*KMS Negeri Sembilan
- Ketinggian Ruang Head Room
Kurang Praktikal
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.41



*KMS Negeri Sembilan
- Penggunaan Cat Kapur Untuk
Bangunan Kurang Berkualiti
(14.08.2014)*

GAMBAR 2.42



*KMS Negeri Sembilan
- Kerja-Kerja Mengecat Semula Dinding
Telah Diambil Tindakan
(Oktober 2014)*

GAMBAR 2.43



KMSN Pulau Pinang
- Keretakan Pada Dinding Laluan Lobi Balai Polis
(11.09.2014)

GAMBAR 2.44



KMSN Pulau Pinang
- Pembinaan Struktur Tiang ACOTEC Tidak Lurus
(11.09.2014)



GAMBAR 2.45

KMSN Pulau Pinang
- Bucu Beam Terkeluar Di Atas Lantai
(11.09.2014)

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Pulau Pinang:

Pihak JKR Pulau Pinang menetapkan 8 Mei 2015 untuk menutup sepenuhnya semua baki 2 bilangan NCR yang belum ditutup. Satu bilangan NCR telah ditutup pada 31 Mac 2015.

Pada pendapat Audit, tahap keberkesanan pemantauan oleh JKR dan perunding adalah memuaskan. Pihak tersebut juga telah melaksanakan pemantauan dan seliaan terhadap kerja pembaikan kecacatan, ditambah dengan tindakan pihak JKSN melaporkan kerosakan melalui mesyuarat, surat dan secara lisan kepada Kontraktor. JKSM hendaklah mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti dan segala kecacatan diperbaiki dengan segera supaya kemudahan dapat dimanfaatkan secara optimum.

2.5.3.5. Kerja Penyenggaraan Bangunan

Kerja penyenggaraan yang berkualiti dan berkesan adalah penting bagi memastikan fasiliti/kemudahan bangunan yang disediakan berada pada tahap yang optimum. Selain itu, tahap penjagaan Kompleks yang efektif berupaya untuk memanjangkan jangka hayat dan produktiviti bangunan bagi menjamin penggunaan tenaga yang efisien pada masa hadapan. Semakan Audit mendapati 3 lokasi di sekitar Kompleks tidak disenggara dengan berkesan menyebabkan risiko kerosakan dan keselamatan yang tinggi. Butirannya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.13
KERJA PENYENGGARAAN KURANG BERKUALITI

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
Kerja penyenggaraan dan pemantauan yang kurang berkesan menyebabkan keadaan ruang bilik/kawasan ditakungi air (Gambar 2.46 dan 2.47)	Bilik <i>Suction Tank & Pump</i> Aras G, dan <i>Chiller Room</i> Kawasan Luar Bangunan	KMSNS
Kerja penyenggaraan yang tidak berkesan menyebabkan kawasan dipenuhi tumbuhan liar dan tidak kemas (Gambar 2.48)	Bilik <i>Genset</i> , Kawasan Luar Bangunan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.46



GAMBAR 2.47



KMS Negeri Sembilan
- Keadaan Kawasan Ditakungi Air
(15.08.2014)



GAMBAR 2.48

KMS Negeri Sembilan
- Keadaan Kawasan Luar Bangunan Yang
Menempatkan Bilik Genset Tidak Disenggara
(15.08.2014)

Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Negeri Sembilan:

Merujuk kepada semakan lukisan "Ground Level Floor Plan" No. Lukisan : RDAA 2-075-1002 Pindaan "0" didalam Dokumen Kontrak Jilid I daripada III, tiada menyatakan simbol Floor Trap dan perkara tersebut merupakan item yang tiada dalam skop kerja asal. Pihak JKR Negeri Sembilan telah mengambil langkah penambahbaikan dengan melaksanakan scupper drain di Bilik Suction Tank meskipun tiada dalam skop kerja asal dan dijangka siap pada 8 Mei 2015 .

2.5.3.6. Penggunaan Kemudahan

Setiap kemudahan yang disediakan seperti bilik, surau, kafeteria dan bangunan sokongan adalah berdasarkan *project brief* yang dikeluarkan oleh JKSM serta mempunyai fungsi penggunaan masing-masing. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati beberapa kemudahan yang disediakan tidak dapat digunakan mengikut fungsi yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.14
KEMUDAHAN DISEDIAKAN TIDAK DIGUNAKAN/BERTUKAR FUNGSI

PERIHAL	LOKASI	KOMPLEKS
Keadaan ruang kafeteria ditukarkan fungsi kepada tempat Jamuan VIP (Gambar 2.49)	Kafeteria, Aras G	KMSNS
Keadaan ruang pejabat ditukarkan fungsi kepada surau perempuan (Gambar 2.50)	Bilik Pengurus Bangunan, Aras G	
Kemudahan rumah sampah tidak digunakan (Gambar 2.51 dan 2.52)	Rumah Sampah, Kawasan Luar Bangunan	KMSNK
Ruangan bilik MDF/AHU telah ditukarkan kepada bilik <i>Telecommunication Closet Room</i> (TCR) (Gambar 2.53 dan 2.54)	Blok Mahkamah	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.49



Kafeteria, Aras G
- Ruang Kafeteria Dijadikan Tempat Jamuan VIP
(15.08.2014)

GAMBAR 2.50




Bilik Pengurus Bangunan, Aras G
- Ruang Pejabat Ditukarkan Kepada Surau Perempuan
(15.08.2014)

GAMBAR 2.51



Rumah Sampah, Kompleks Mahkamah
- Keadaan Rumah Sampah Tidak Digunakan
(15.08.2014)

GAMBAR 2.52



GAMBAR 2.53



Bilik MDF, Aras 1 Dan Bilik AHU, Aras 2
- Bilik MDF/AHU Dijadikan Bilik Telecommunication Closet Room (TCR)
(09.10.2013)

GAMBAR 2.54



Maklum Balas JKSM Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Maklum Balas JKR Kelantan:

Bilik MDF dan AHU tidak memerlukan pemasangan penghawa dingin. Bagaimanapun, atas keperluan pengguna, fungsi bilik-bilik tersebut telah dijadikan bilik TCR. Bilik TCR bukan merupakan keperluan standard/piawai/wajib dalam rekabentuk sesuatu bangunan. Namun, sekiranya bilik TCR disediakan, pemasangan sistem penghawa dingin adalah diperlukan kerana peralatan dalam ruang TCR tersebut perlu dipastikan berada dalam kawalan julat suhu yang ditetapkan. Unit Perunding ICT Cawangan Kejuruteraan Elektrik (JKR) telah menyediakan satu senarai semak keperluan ruang ICT yang melibatkan semua disiplin untuk diguna pakai oleh Perunding yang dilantik atau pejabat Head Of Design Team bagi melaksanakan projek-projek di bawah kelolaan JKR. Tindakan pemantauan juga telah dilakukan bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

Maklum Balas JKSN:

JKSN mempunyai sedikit kesukaran untuk mendapatkan khidmat katerer yang berminat memandangkan jumlah kakitangan yang tidak ramai. Oleh yang demikian, bagi mengoptimumkan penggunaannya, kafeteria tersebut telah dijadikan sebagai Bilik Jamuan buat sementara waktu sehingga pelantikan katerer selesai dilaksanakan.

Memandangkan Jawatan Pengurus Bangunan masih belum dilantik, Bilik Pengurus Bangunan telah dijadikan sebagai Bilik Solat Wanita buat sementara waktu bagi mengoptimumkan penggunaannya sehingga jawatan Pengurus Bangunan diisi.

Kemudahan rumah sampah merupakan keperluan setiap bangunan bagi pengurusan sampah yang lebih sempurna dan teratur. Dalam hal ini, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah mengeluarkan arahan kepada pihak kontraktor Pembersihan supaya sampah yang dikutip dikumpulkan di rumah sampah terlebih dahulu sebelum kutipan oleh lori sampah.

Pada pendapat Audit, JKSM dan JKSN masing-masing hendaklah memastikan kemudahan ruang/bilik/sokongan digunakan sebagaimana sepatutnya untuk memudahkan pengurusan operasi Kompleks.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan kepada JKSM, JKSN, JKR dan pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti yang berikut:

- 2.6.1. setiap kelemahan di peringkat perancangan perlu dikaji semula secara menyeluruh dan dijadikan sebagai *lesson learnt* bagi memastikan kes EOT di atas asas kelemahan perancangan diminimumkan demi menjaga kepentingan Kerajaan;

2.6.2. memastikan semua kontrak/perjanjian dengan perunding ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan;

2.6.3. memandangkan kepada kelemahan perunding seperti mana yang dibangkitkan boleh menjejaskan kualiti dan kecekapan pelaksanaan projek, pihak JKR perlu mempunyai mekanisme untuk memastikan keupayaan dan kewibawaan perunding yang dilantik bagi projek yang akan datang adalah dijamin. Pemantauan terhadap prestasi perunding melalui penyediaan laporan prestasi dan tindakan ke atas perunding bermasalah adalah wajar; dan

2.6.4. penyerahan lukisan siap bina, manual operasi penyenggaraan serta senarai katalog peralatan perlu dikaitkan dengan klausa bayaran bagi memastikan pihak kontraktor komited untuk menyediakannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak JKR juga perlu memantau penyediaan dokumen lukisan siap bina, manual operasi penyenggaraan serta senarai katalog peralatan supaya ia dapat diserahkan kepada Jabatan Pengguna secara berperingkat, selari dengan kemajuan pelaksanaan projek bagi memudahkan kerja penyenggaraan dan penggunaan peralatan sebaik projek siap.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

JABATAN PERDANA MENTERI

3. AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA - PENGURUSAN PENYENGGARAAN KAPAL/BOT

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditubuhkan di bawah Undang-undang Malaysia melalui Akta 633 pada bulan Ogos 2002 dan telah memulakan operasi pada 30 November 2005. APMM melaksanakan fungsi penguatkuasaan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia dengan tujuan melindungi kepentingan maritim dan kepentingan negara lain dalam zon tersebut. Pada peringkat awal, APMM dilengkapi dengan 19 kapal/bot pelbagai kelas/jenis yang diterima daripada jabatan lain yang berusia antara 5 hingga 42 tahun. Kapal/bot berkenaan ditempatkan di 5 Wilayah Maritim seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, APMM telah memiliki 259 aset berusia antara 1 hingga 50 tahun yang terdiri daripada 90 kapal dan 69 bot yang diperolehi secara ambil alih daripada jabatan lain serta perolehan 100 bot baru seperti jadual berikut:

JADUAL 3.1
BILANGAN KAPAL/BOT MENGIKUT USIA

USIA KAPAL/BOT (Tahun)	BIL. KAPAL	BIL. BOT	BIL. KESELURUHAN
< 10	1	126	127
11 - 20	23	16	39
21 - 30	8	27	35
> 30	58	-	58
BILANGAN KESELURUHAN	90	169	259

Sumber : Pusat Operasi APMM

3.1.2. Kesemua kapal/bot yang diperolehi secara ambil alih perlu melalui proses *make good* di limbungan bagi membolehkan ia digunakan untuk tujuan operasi kecuali bagi 9 kapal di mana diputuskan untuk dilupuskan kerana tidak ekonomik untuk dibaiki. Setakat bulan Disember 2014, kerja penyenggaraan kapal/bot APMM telah dilaksanakan oleh sebanyak 211 vendor yang berdaftar dengan kontraktor dalam bidang tertentu. APMM telah melupuskan sebanyak 18 kapal dan 9 bot sejak penubuhannya pada tahun 2005 menjadikan aset terkini APMM sebanyak 232 seperti jadual berikut:

JADUAL 3.2
BILANGAN KAPAL/BOT MENGIKUT KAEDAH PEROLEHAN/PELUPUSAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2014

KAEDAH PEROLEHAN	JENIS ASET	2005	2006 - 2011	2012	2013	2014	JUMLAH
AMBIL ALIH	KAPAL	22	68	0	0	0	90
	BOT	0	69	0	0	0	69
PEROLEHAN BARU	BOT	0	70	18	3	9	100
BILANGAN ASET SEBELUM LUPUS		22	207	18	3	9	259
BILANGAN ASET YANG DILUPUSKAN SETAKAT 2014							27
BILANGAN ASET TERKINI							232

Sumber : Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

3.1.3. APMM telah mengamalkan konsep senggaraan secara penswastaan bagi kapal/bot sejak dari awal penubuhannya. Konsep senggaraan secara penswastaan ini dilaksanakan melalui kontrak senggaraan kapal/bot Maritim Malaysia yang ditadbir urus oleh kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan. Pematuhan pelaksanaan kontrak ini dipantau sepanjang masa dengan berpandukan kepada dokumen kontrak.

3.1.4. Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perolehan kontrak penyenggaraan dan pembaikan kapal/bot APMM. Sehubungan itu, kontrak telah dimeterai dengan Syarikat MTU Services Malaysia Sdn. Bhd. (MSM) untuk melaksanakan pengurusan penyenggaraan kapal/bot bagi tempoh 5 tahun dengan harga kontrak berjumlah RM1 bilion atau RM200 juta setahun. MSM adalah merupakan syarikat yang telah menguruskan/menjalankan penyenggaraan kapal/bot APMM sejak tahun 2005 hingga kini. Senarai kontrak adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
KONTRAK PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Bil.	No. KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	TEMPOH (Tahun)	NILAI KONTRAK (RM Juta)
1.	APMM/235/1/5/2005 (Kontrak Pertama)	Ogos 2005 – Julai 2008	3	300
2.	BHEM(S)600/1/1/2008 (Kontrak Kedua)	Ogos 2008 – Julai 2010	2	250
3.	BHEM(S)600/1/1/2010 (Kontrak Ketiga)	Ogos 2010 – Julai 2013	3	600
4.	BHEM(S)600/1/1/2010 (Kontrak Tambahan)	Ogos 2013 – Julai 2018	5	1,000

Sumber : Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia

3.1.5. Jadual berikut menunjukkan perincian kadar bayaran bagi kontrak ke 3 dan kontrak tambahan yang dikenakan.

JADUAL 3.4
PERBEZAAN KADAR BAYARAN ANTARA KONTRAK KE 3 DAN KONTRAK TAMBAHAN

JENIS CAJ			KONTRAK KE 3 (01.08.2012 - 31.07.2014)	KONTRAK TAMBAHAN (01.08.2014 - 31.07.2018)	
Caj Pengawasan (Overseeing rate)	Perincian Kadar	MSM	Bahan	3% setiap invois	0%
			Perkhidmatan	3% setiap invois	6% setiap invois
			Tuntutan Perjalanan	3%	0%
	Vendor	Bahan dan Perkhidmatan	7.5% setiap invois	7.5% setiap invois	
		Tuntutan Perjalanan	7.5%	0%	
Caj Pengurusan (Management Rate) (Bulan)			RM730,000/bulan	RM1,250,000/bulan	
Caj Pengurusan Tertinggi (Tahunan)			Sekiranya jumlah keseluruhan kos senggaraan pada tahun semasa melebihi RM125 juta (termasuk general rate, overseeing rate dan management rate), 7% daripada keseluruhan kos senggaraan ditolak dengan caj pengurusan tahunan akan dikenakan.	Tidak dikenakan	

Sumber : Kertas Rundingan Harga APMM

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pengurusan penyenggaraan kapal/bot APMM telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan kapal/bot bagi tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat APMM, BHEPMM, 4 Pejabat Wilayah APMM, 6 Pejabat Daerah APMM, Ibu Pejabat MSM, 4 Pejabat Wilayah MSM, 6 Pejabat Daerah MSM dan 14 Vendor/Limbungan/Bengkel.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan penyenggaraan; memeriksa secara fizikal di pejabat vendor, limbungan, bengkel; dan temu bual dengan pegawai dan vendor yang berkaitan juga telah dijalankan. *Exit Conference* yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM telah diadakan pada 27 Mac 2015 dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah APMM, wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Setiausaha Bahagian Audit Dalam dan wakil kontraktor.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2014 mendapati pada umumnya kontraktor telah dapat melaksanakan pengurusan penyenggaraan kapal/bot APMM seperti mana yang telah dinyatakan dalam kontrak khususnya berkaitan peratusan kesiagaan kapal/bot APMM serta penyenggaraan pembaikan. Secara keseluruhannya, prestasi kontraktor dan APMM dalam menguruskan penyenggaraan kapal/bot adalah teratur. Bagaimanapun perkara berikut perlu diambil tindakan penambahbaikan supaya tidak menjejaskan kecekapan dan keberkesanan pengurusan penyenggaraan kapal/bot APMM.

- i. RM669.10 juta (98.58%) daripada RM678.76 juta yang diperuntukkan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 telah dibelanjakan. *Project commitments* sehingga bulan Disember 2014 berjumlah RM250.61 juta di mana telah melebihi siling peruntukan pembangunan berjumlah RM50.61 juta;
- ii. peningkatan kos penyenggaraan akibat tiada perancangan bagi melaksanakan kerja pembaikan *make good*;
- iii. obligasi tambahan oleh kontraktor tidak dinyatakan dalam kontrak tambahan;
- iv. latihan pelaksanaan penyenggaraan tahap 1 tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang;
- v. kerja pembaikan senggaraan tahunan (AD) ditawarkan kepada vendor yang tidak berdaftar dengan MSM dan kerja pembaikan AD yang dilaksanakan pada tahun 2012 lewat diselesaikan antara 20 hingga 389 hari;
- vi. wujud perbezaan dalam penentuan kategori kesiagaan kapal/bot APMM dan MSM;
- vii. pengurusan aset *mothball* melibatkan kos di mana kos untuk meletakkan kapal/bot akan dikira bersama kerja pembaikan;
- viii. kelewatan dalam proses pelupusan kapal/bot menyebabkan APMM perlu membayar kos sewaan jeti, bekalan elektrik dan kawalan keselamatan;
- ix. rancangan bulanan rondaan dan pengawasan bagi 46 buah kapal/bot tidak dapat dicapai;
- x. sewaan dan tumpangan kapal/bot menyebabkan APMM perlu menanggung kos sewaan, kedudukan jeti agak jauh, jeti tumpangan sempit, penyenggaraan kecil sukar dilaksanakan dan kedudukan kapal/bot agak rapat semasa berlabuh dan kebakaran telah berlaku di limbungan tumpangan di Kuantan yang melibatkan 5 kapal/bot. Akibatnya APMM telah mengalami kerugian berjumlah RM10.36 juta; dan
- xi. setakat bulan Januari 2015, sebanyak 951 (17.6%) daripada 5,418 jawatan yang diluluskan belum diisi dan sebanyak 525 jawatan adalah melibatkan pengisian secara pentadbiran.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan APMM adalah seperti perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Kewangan

- a. Peruntukan pembangunan berjumlah RM678.76 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 di bawah Objek Sebagai 28000 telah diluluskan untuk bayaran penyenggaraan kapal/bot APMM. Sejumlah RM669.10 juta telah dibelanjakan bagi tempoh tersebut iaitu masing-masing RM293.58 juta (98.4 %), RM175.52 juta (97.3%) dan RM199.99 juta (100%). Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN SEBENAR (%)
2012	298.37	293.58	98.40
2013	180.39	175.52	97.30
2014	200.00	200.00	100.00
JUMLAH	678.76	669.10	98.58

Sumber : Cawangan Pentadbiran Dan Kewangan, BHEPMM

- b. Berdasarkan Kertas Taklimat Rundingan Harga, kos tahunan yang diperuntukkan untuk melaksanakan kerja senggaraan adalah berjumlah RM200 juta setahun (siling). Semakan Audit terhadap kerja senggaraan tahunan (Annual Docking) yang telah dirancang pada tahun 2013 mendapati kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekangan peruntukan. Selain itu, didapati perbelanjaan dan jumlah *project commitments* setakat 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM250.61 juta di mana telah melebihi peruntukan sejumlah RM50.61 juta.
- c. Semakan Audit terhadap Laporan Perbelanjaan melalui Sistem *MMEA Computerized Asset Management Portal* (MCAMP) mendapati perbelanjaan tertinggi adalah melibatkan pembaikan *make good* berjumlah RM131.05 juta (21.39%) daripada RM612.66 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 di mana perbelanjaan ini tidak dirancang semasa kontrak ke 3 dan kontrak tambahan disediakan. Antara punca yang menyebabkan kos pembaikan *make good* tinggi adalah disebabkan kapal/bot terbiar sebelum diserahkan kepada APMM; rekod sejarah penyenggaraan bagi kebanyakan kapal/bot yang diterima daripada jabatan lain tidak diserahkan kepada APMM; dan peralatan dan sistem kapal/bot yang rosak dan usang kerana usia kapal/bot telah melebihi 10 tahun.
- d. Semakan Audit juga dijalankan terhadap 107 baucar bayaran bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Oktober 2014 di BHEPMM mendapati sebanyak 37 (34.6%) baucar bayaran berjumlah RM65.02 juta adalah untuk kerja senggaraan yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, kos tahunan yang diperuntukkan bagi tahun semasa adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan kerja

senggaraan pada tahun tersebut. Antara punca berlakunya pembayaran kerja senggaraan yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya dibuat pada tahun berikutnya adalah disebabkan peruntukan tahun semasa tidak mencukupi; kelulusan kerja lewat diperolehi; invois lewat dikemukakan oleh vendor; dan *cost query* lewat dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.6
BILANGAN KERJA SENGGARAAN YANG DILAKSANAKAN PADA
TAHUN SEBELUMNYA DAN JUMLAH YANG DIBAYAR
PADA TAHUN BERIKUTNYA

TAHUN KERJA DILAKSANAKAN	TAHUN BAYARAN	BILANGAN INVOIS	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
2011	2012	3	10.52
2012	2013	2	3.52
	2014	2	0.05
2013	2014	30	50.93
JUMLAH		37	65.02

Sumber : Analisis Audit

Pada pendapat Audit, kapal/bot yang diterima dari jabatan lain memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk dibaiki bagi membolehkan ia digunakan untuk tujuan operasi oleh APMM, telah menjejaskan peruntukan untuk penyenggaraan kapal/bot sama ada secara *corrective* atau *preventive*. Selain itu, pembayaran bagi kerja tahun sebelum telah memberi kesan kepada peruntukan tahun semasa dan menyebabkan kerja yang dirancang pada tahun semasa tidak dapat dilaksanakan. Sekiranya keadaan ini berterusan sehingga kontrak tamat iaitu pada 31 Julai 2018, APMM akan menghadapi masalah kekurangan peruntukan untuk melaksanakan kerja senggaraan pada tahun terakhir kontrak. Kerja senggaraan yang dilaksanakan akan tertumpu kepada penyenggaraan pembaikan daripada pencegahan. Keadaan ini akan menyebabkan kerosakan kecil yang berlaku pada peralatan kapal/bot seperti enjin, set janakuasa, *hull* dan lain-lain tidak dapat dikesan seterusnya menyebabkan kerosakan menjadi lebih kritikal dan melibatkan kos pembaikan yang lebih tinggi.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 13 April 2015

Perancangan senggaraan kapal/bot dibuat berdasarkan kitaran senggaraan. Bagaimanapun ianya bergantung kepada keperluan operasi. Masalah kekangan kewangan yang timbul pada tahun 2013 adalah berpunca dari penerimaan 91 buah aset Kastam DiRaja Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia, 2 buah bot (sumbangan Kerajaan Australia) dan 27 buah bot perolehan baru tanpa peruntukan tambahan.

APMM telah memohon peruntukan tambahan untuk penyenggaraan aset tersebut kerana agensi asal tidak menyerahkan peruntukan seperti yang telah diputuskan permohonan bagi mendapatkan peruntukan tambahan. Penerimaan aset dan

jabatan lain perlulah disertakan dengan peruntukan tambahan supaya senggaraan aset sedia ada tidak terjejas. Senggaraan berjadual pada dasarnya tidak boleh ditangguhkan atau tidak dilaksanakan.

APMM telah membangkitkan tentang keperluan peruntukan tambahan kerana pertambahan aset dalam mesyuarat peringkat tinggi (Green Room) dan pada dasarnya telah dipersetujui untuk diberikan pertambahan peruntukan tetapi peruntukan tersebut tidak diberikan sehingga tamat tempoh kontrak senggaraan ke 3.

3.5.2. Pematuhan Kontrak Penyenggaraan

Semakan Audit mendapati perkara yang dipersetujui dalam mesyuarat rundingan harga tidak dimasukkan ke dalam kontrak tambahan sebagai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor seperti pertambahan 6 buah pejabat, pertambahan 20 staf pakar dan penyediaan khidmat perpustakaan teknikal di pejabat APMM. Semakan Audit selanjutnya terhadap perkara tersebut adalah seperti yang berikut:

3.5.2.1. Pertambahan 6 Buah Pejabat

Setakat bulan November 2014, MSM telah menyediakan pejabat di satu lokasi iaitu di Kuala Perlis bagi menempatkan pegawai teknikalnya bagi memudahkan pemantauan terhadap kerja senggaraan kapal/bot serta memberi khidmat nasihat teknikal kepada APMM. Manakala bagi 2 pejabat lain iaitu di Tanjung Sedili dan Batu Pahat pula akan mula beroperasi pada 1 Disember 2014. Pejabat Tanjung Manis pula ditangguhkan kerana pejabat APMM akan berpindah ke Daerah Semantan, pejabat di Kudat dan Lahad Datu pula akan ditempatkan dalam kabin mudah alih. Berdasarkan Kertas Taklimat Rundingan Harga, pertambahan 6 buah pejabat melibatkan kos berjumlah RM2.4 juta. **Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 4 daripada 6 pejabat baru MSM ditempatkan di pejabat APMM dengan tiada sebarang kos sewaan dikenakan.**

3.5.2.2. Pertambahan 20 Staf Pakar

Pertambahan seramai 20 orang pakar daripada pelbagai bidang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan dalam kerja pengawasan terutamanya kepada kerja baikpulih kapal/bot APMM yang telah menjangkau usia 40 tahun. Berdasarkan Kertas Taklimat Rundingan Harga, pertambahan 20 staf pakar melibatkan kos berjumlah RM15 juta. Semakan Audit mendapati MSM telah melatih seramai 10 orang jurutera dalam pelbagai pengkhususan khas selama 1 tahun di bawah skim *Young Engineers Scheme (YES)* dan mereka telah ditempatkan di seksyen yang berkenaan.

3.5.2.3 Penyediaan Khidmat Perpustakaan Teknikal Di Pejabat APMM

Berdasarkan Kertas Taklimat Rundingan Harga, penyediaan khidmat perpustakaan teknikal di pejabat APMM melibatkan kos berjumlah RM0.7 juta. Lawatan Audit mendapati penyediaan perpustakaan teknikal tersebut masih belum dilaksanakan. Berdasarkan maklum balas MSM khidmat perpustakaan tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana Bangunan Ibu pejabat APMM kini merupakan premis yang disewa. Selain itu, MSM juga masih mengkaji cara terbaik bagi mewujudkan perpustakaan iaitu secara fiskal atau digital bagi mengelakkan dokumen teknikal kapal/bot diperolehi oleh orang yang tidak berkaitan.

Pada pendapat Audit, kontrak tambahan yang ditandatangani tidak lengkap kerana tidak menyatakan kesemua obligasi MSM dengan menyeluruh seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat rundingan harga bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Ini akan menyebabkan timbulnya pertikaian antara APMM dengan MSM dalam menguatkuasakan kontrak.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Mesyuarat mengenai pindaan kepada Perjanjian Tambahan telah diadakan bersama pihak kontraktor, APMM dan BHEPMM pada 7 April 2015. Draf Perjanjian Tambahan yang dipinda telah dikemukakan kepada pihak kontraktor pada 8 April 2015. Status sehingga 29 April 2015, draf masih dalam semakan peguam pihak kontraktor dan dijangka dapat dimajukan semula kepada BHEPMM pada 30 Julai 2015.

Pada asalnya, terdapat persetujuan pengurusan atasan memberi kebenaran kepada pihak MSM menggunakan ruang pejabat APMM di lokasi Kuala Perlis, Tanjung Sedili, Batu Pahat, Tanjung Manis dan Kudat melalui surat Ruj. APMM.C.3i.200-5/1/1(2) bertarikh 17 Februari 2014. Persetujuan ini diberi bagi memastikan penyenggaraan dan pembaikan terhadap vesel dapat dilakukan secara efisien justeru dapat mengurangkan isu kelewatan pembaikan vesel di kawasan berkenaan. APMM akan mengenakan sewaan bagi pejabat MSM yang ditempatkan di premis APMM.

Pejabat MSM di Kudat dan Lahad Datu bakal beroperasi pada suku ketiga tahun 2015 menggunakan kabin mudah alih.

Pengisian 13 anggota MSM telah dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Mac 2015.

Mesyuarat Perbincangan Kedua Penubuhan Perpustakaan Teknikal telah dilaksanakan pada 24 April 2015. Penubuhan perpustakaan dijangka siap pada bulan September 2015.

3.5.3. Penyenggaraan Tahap Organisasi

Penyenggaraan Tahap Organisasi iaitu penyenggaraan tahap 1 perlu dilaksanakan bagi mengekalkan peralatan supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik, mengurangkan kerosakan, mengesan kerosakan yang berlaku lebih awal dan mengurangkan *Mission Critical Defect* (MCD). Senggaraan pada tahap ini perlu dilaksanakan oleh anggota kapal/bot sendiri iaitu daripada kerja-kerja senggaraan harian hingga ke peringkat mingguan atau senggaraan berjadual bagi peralatan yang mengikut *running hours*. Timbalan Ketua Pengarah (Logistik) telah mengeluarkan arahan melalui suratnya bertarikh 21 Julai 2008 rujukan APMM/LG/135(16) supaya Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah (KPMW) melaksanakan rutin senggaraan berjadual bagi kapal/bot APMM.

3.5.3.1. Latihan Pelaksanaan Penyenggaraan Tahap 1

Berdasarkan klausa 4.1 (g) kontrak ke 3, MSM perlu merancang dan mengadakan latihan bagi setiap anggota kapal/bot untuk melaksanakan penyenggaraan tahap 1. Latihan ini diberikan kepada anggota kapal/bot bertujuan memberikan pendedahan dan pengetahuan tentang cara untuk mengekalkan kemampuan peralatan kapal semasa operasi iaitu termasuk kerja menjaga, membersihkan, memeriksa, memelihara, meletakkan pelincir, *adjusting* dan menguji alat ganti serta menukar komponen alat ganti.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun tersebut, MSM telah merancang untuk mengadakan latihan sebanyak 65 kali. Bagaimanapun, setakat bulan Oktober 2014, hanya 19 latihan (29.23%) telah berjaya diadakan. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.7
BILANGAN LATIHAN YANG TELAH DIADAKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	BILANGAN KURSUS DIRANCANG	BILANGAN KURSUS DILAKSANAKAN	PERATUSAN PELAKSANAAN KURSUS (%)
2012	16	14	87.50
2013	23	3	13.04
2014*	26	2	7.69
JUMLAH	65	19	29.23

Sumber : Sistem MCAMP

Nota : (*) - Setakat Bulan Oktober

Pada pendapat Audit, setiap anggota kapal/bot yang melaksanakan kerja penyenggaraan tahap 1 perlu didedahkan dengan pengetahuan berkenaan penyenggaraan tersebut. Ini kerana bagi memastikan setiap tindakan yang perlu dilaksanakan semasa penyenggaraan dilakukan dengan betul dan berkesan.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Dasarnya APMM menetapkan semua anggota yang terlibat dalam penyenggaraan kapal/bot diberi latihan teknikal yang secukupnya. Anggota APMM diberi latihan asas semasa menjalani latihan di Pusat Latihan APMM (Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah). Bagaimanapun, latihan pengendalian dan senggaraan (operator and maintenance) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran semasa anggota kapal/bot dalam aspek senggaraan peralatan kapal/bot. Latihan ini telah dirancang dalam pelaksanaan kontrak bagi tempoh tahun 2013 dan 2014 tetapi tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan kekangan kewangan kontrak dan proses pembaharuan kontrak. Lanjutan daripada kekangan kewangan kontrak, peruntukan sedia ada telah diberikan keutamaan untuk pembaikan kapal/bot sehingga kontrak baru dimeterai. Masalah ini dijangka dapat diatasi apabila latihan dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti yang telah dirancang dan latihan perlu dilaksanakan secara berterusan mulai tahun 2014.

3.5.4. Penyenggaraan Tahap Bantuan Luar

Penyenggaraan Tahap Bantuan Luar melibatkan senggaraan yang tidak dapat dilaksanakan oleh anggota kapal/bot iaitu yang memerlukan kepakaran, peralatan khusus dan kemudahan limbungan. Bantuan teknikal ini dilaksanakan menerusi kontrak senggaraan yang dimeterai dengan MSM. Antara kerja senggaraan rutin yang dilaksanakan bagi kapal/bot APMM adalah seperti senggaraan tahunan (AD), *assisted maintenance period* (AMP - dilakukan di antara dua AD meliputi skop kerja pembaikan yang tidak dapat dilaksanakan semasa kapal/bot beroperasi) dan *ship's life extension programme* (SLEP - sistem serta peralatan yang terpasang dibaik pulih atau diganti bagi meningkatkan jangka hayat kapal/bot). Selain itu, kerja senggaraan mengikut *running hours* jentera utama seperti enjin kanan dan kiri, set janakuasa kanan dan kiri serta *gear box* juga dijalankan.

3.5.4.1. Senggaraan Tahunan

Senggaraan Tahunan/*Annual Docking* (AD) adalah merupakan senggaraan berjadual yang perlu dilaksanakan secara tahunan. Skop senggaraan ini memerlukan kapal/bot menaiki galangan, tinjauan cat dan peralatan di bawah permukaan air. Ianya dirancang berdasarkan tempoh operasi kapal/bot. AD bagi kapal/bot yang dirancang adalah untuk menentukan kapal/bot sentiasa berada ditahap kesiagaan yang tinggi dan memenuhi keperluan operasi APMM.

3.5.4.2. Perancangan, Pelaksanaan Dan Pencapaian AD

- a. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Kapal/Bot Menjalani Senggaraan di Limbungan bertarikh 15 Julai 2013 yang dikeluarkan oleh APMM menyatakan perancangan kapal/bot yang akan menjalani AD di limbungan akan disediakan oleh MSM dan dikemukakan kepada Cawangan Kejuruteraan APMM bagi mendapatkan persetujuan Pengurusan Tertinggi

APMM. Berdasarkan Klausa 25.2 dan 25.4 kontrak ke 3, dalam keadaan di mana APMM tidak bersetuju untuk melantik sub-kontraktor, vendor atau pembekal yang disyorkan oleh MSM dan memilih untuk melantik sub-kontraktor, vendor atau pembekal pilihannya, MSM tidak akan bertanggungjawab sebaliknya APMM sendiri perlu bertanggungjawab untuk semua tindakan, kelalaian, kecuaiian yang dilakukan dan kerja yang tidak dilaksanakan oleh sub-kontraktor, vendor atau pembekal yang dilantik oleh Kerajaan. Bagi tahun 2012, sebanyak 6 vendor yang ditawarkan kerja pembaikan AD oleh APMM sama seperti cadangan MSM, 3 vendor yang ditawarkan kerja pembaikan AD berbeza daripada cadangan MSM dan 7 vendor yang ditawarkan kerja pembaikan AD tidak dicadangkan oleh MSM. Bagi tahun 2013 tiada pembaikan AD dilaksanakan. Manakala pada tahun 2014 didapati setakat bulan Ogos, sebanyak 11 surat tawaran telah dikemukakan kepada vendor yang berjaya untuk melaksanakan kerja pembaikan AD. Sebanyak 2 vendor yang ditawarkan kerja sama seperti cadangan MSM, 6 vendor yang di tawarkan kerja tidak sama seperti cadangan MSM dan 3 vendor yang di tawarkan kerja tidak dicadangkan oleh MSM. Justifikasi pemilihan vendor tidak dinyatakan dalam Minit Mesyuarat KJPKP Siri 13/2014 bertarikh 30 Jun 2014. Butiran senarai kerja pembaikan yang ditawarkan pada tahun 2012 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.8
SENARAI KERJA PEMBAIKAN ANNUAL DOCKING YANG
DITAWARKAN PADA TAHUN 2012 DAN 2014

WILAYAH	KERJA DITAWARKAN SAMA SEPERTI CADANGAN MSM		KERJA DITAWARKAN TIDAK SAMA SEPERTI CADANGAN MSM		KERJA DITAWARKAN TIDAK DICADANGKAN OLEH MSM	
	2012	2014	2012	2014	2012	2014
Selatan	-	1	2	2	1	-
Timur	2	-	-	1	-	-
Sarawak	1	-	-	1	3	2
Sabah	1	1	1	2	3	1
Utara	2	-	-	-	-	-

Sumber : Laporan Perbelanjaan Sistem MCAMP

Nota : Tiada Kerja Pembaikan AD Dilaksanakan Pada Tahun 2013

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat Oxycom Marine Sdn. Bhd. (Oxycom) tidak berdaftar dengan MSM tetapi telah ditawarkan untuk melaksanakan kerja pembaikan AD bagi KM Kukup. Justifikasi pemilihan Oxycom tidak dapat dikemukakan oleh APMM. Selain itu, didapati Oxycom juga gagal menyiapkan kerja AD KM Kukup dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dengan tempoh kelewatan selama 389 hari dan telah menjejaskan operasi APMM. Berdasarkan surat MSM Wilsel bertarikh 1 Julai 2013 dan 13 Ogos 2013 kepada Oxycom menyatakan pihak Oxycom gagal menaikkan kapal ke galangan dengan sempurna dan ini boleh memberikan kesan yang buruk kepada struktur badan kapal; tidak memberi kerjasama yang baik

kepada wakil MSM; gagal memberikan maklumat dan dokumen yang dijanjikan seperti *Master Schedule* dan laporan tinjauan kerja-kerja utama yang mana perkara ini telah dibangkitkan dalam setiap Mesyuarat Kemajuan Kapal bersama APMM; arahan secara lisan dan melalui pesanan ringkas juga tidak dipatuhi dan kegagalan ini memberikan impak yang besar di dalam kerja pemantauan oleh MSM.

- c. Berdasarkan Minit Mesyuarat Penerimaan KM Kukup bertarikh 31 Oktober 2013, satu unit Monitor ECDIS masih belum dipasang. Pihak Oxycom telah bersetuju untuk memasang 1 unit Monitor ECDIS sebelum KM Kukup diserahkan kepada APMM. KM Kukup telah diserahkan secara bersyarat pada 29 November 2013 di mana pemasangan 1 unit Monitor ECDIS masih belum dibuat. Semakan Audit mendapati Monitor ECDIS tersebut telah hilang semasa dalam tempoh pembaikan AD oleh Oxycom. Semakan Audit selanjutnya mendapati **pembayaran akhir kepada Oxycom telah dibuat pada 10 Mac 2014 walaupun pemasangan 1 unit Monitor ECDIS masih belum dibuat.** Bagaimanapun, sehingga 4 November 2014, Monitor ECDIS masih belum dipasang oleh pihak Oxycom walaupun beberapa kali peringatan telah diberikan oleh APMM dan MSM. Berdasarkan klausa 25.4, ketidakpatuhan vendor ini menjadi tanggungjawab APMM kerana APMM telah melantik vendor pilihannya sendiri.
- d. Pihak Audit mendapati pembaikan AD bagi KM Marudu telah diberikan kepada Oxycom pada 14 April 2014 sebelum mendapat kelulusan dalam Mesyuarat KJPKP Bil 13/2014 pada 30 Jun 2014. Semakan Audit selanjutnya mendapati Oxycom masih tidak berdaftar dengan MSM. Pada 22 Mei 2014, KM Marudu telah merapat ke jeti Jabatan Perikanan Pelabuhan Klang untuk membuat pembaikan AD. Gambar pembaikan AD bagi KM Marudu sedang dilaksanakan seperti yang berikut:

GAMBAR 3.1



Oxycom Marine Sdn. Bhd.
- KM Marudu Sedang Menjalani Pembaikan AD
(Sumber: MSM 12.11.2014)

GAMBAR 3.2



Oxycom Marine Sdn. Bhd.
- KM Marudu Sedang Menjalani Pembaikan AD
(Sumber: MSM 12.11.2014)

- e. Analisis Audit telah dijalankan terhadap 16 buah kapal/bot yang menjalani pembaikan AD pada tahun 2012 dan didapati kerja pembaikan lewat diselesaikan iaitu antara 20 hingga 389 hari. APMM dan MSM tidak

mengenakan denda kepada vendor yang gagal menyiapkan kerja pembaikan dalam tempoh masa diberikan kerana tidak dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak ke 3. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan dalam kontrak tambahan berkenaan denda kepada vendor telah dinyatakan di bawah klausa 13.4 di mana vendor akan dikenakan denda 0.001% sehari daripada jumlah kontrak yang dianugerahkan kepadanya atas kelewatan dalam melaksanakan pembaikan AD. Butiran kelewatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.9
TEMPOH DAN KOS PEMBAIKAN AD PADA TAHUN 2012

BIL.	WILAYAH	NAMA KAPAL	TARIKH MULA SEBENAR	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH PEMBAIKAN (Hari)	KOS PEMBAIKAN (RM Juta)
1.	Selatan	KM Kukup	02.08.2012	05.11.2012	29.11.2013	389	5.46
2.	Utara	KM Malawali	14.06.2012	03.10.2012	25.07.2013	295	4.55
3.	Selatan	KM Manjung	21.05.2012	30.11.2012	20.09.2013	294	6.75
4.	Sarawak	KM Siakap	23.03.2012	11.12.2012	08.09.2013	271	2.15
5.	Sabah	KM Rumbia	06.06.2012	19.09.2012	10.04.2013	203	3.45
6.	Sabah	KM Berani	11.12.2012	10.06.2013	15.12.2013	188	7.95
7.	Sabah	KM Banggi	14.03.2012	29.06.2012	09.12.2012	163	9.85
8.	Utara	KM Kimanis	11.02.2012	23.05.2012	08.10.2012	138	2.15
9.	Sabah	Pengawal 3 (Re-Engine)	29.08.2012	08.01.2013	24.05.2013	136	1.42
10.	Timur	KM Amanah	24.06.2012	24.02.2013	11.06.2013	107	5.17
11.	Selatan	KM Danga	23.02.2012	08.08.2012	11.11.2012	95	3.49
12.	Timur	KM Segantang	10.09.2012	31.03.2013	04.07.2013	95	2.76
13.	Sarawak	KM Bijak	13.02.2012	15.08.2012	11.10.2012	57	3.56
14.	Sarawak	Pengawal 6 (Re-Engine)	24.08.2012	22.03.2013	16.05.2013	55	1.65
15.	Sabah	Pengawal 2 (Re-Engine)	29.08.2012	20.03.2013	03.05.2013	44	1.41
16.	Sarawak	Pengawal 7 (Re-Engine)	10.08.2012	22.03.2013	11.04.2013	20	1.60
JUMLAH KESELURAHAN							63.37

Sumber : Laporan Perbelanjaan Sistem MCAMP

Pada pendapat Audit, pemilihan vendor yang berkelayakan untuk melaksanakan kerja pembaikan AD adalah penting bagi memastikan kerja dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan hasil kerja yang berkualiti. Pelantikan vendor yang tidak berdaftar dengan MSM untuk melaksanakan kerja pembaikan AD adalah tidak teratur. APMM perlu bertanggungjawab untuk memastikan vendor yang dipilihnya melaksanakan kesemua skop kerja yang telah ditetapkan.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 13 April 2015

Berdasarkan kepada klausa 25.4, APMM dibenarkan untuk membuat pilihan vendor sendiri bagi melaksanakan kerja-kerja senggaraan kapal dan bot. Bagaimanapun, pihak MSM masih bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kerja AD tersebut. Oleh yang demikian, isu tawaran kerja oleh APMM kepada syarikat Oxycom Marine Sdn. Bhd. bagi kerja pembaikan AD KM Kukup adalah masih di dalam kontrak senggaraan. Isu pendaftaran ini telah diselesaikan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelantikan Vendor yang telah bersidang pada 6 Mac 2015. Sijil pendaftaran syarikat telah dikeluarkan oleh pihak MSM pada 24 Mac 2015.

Berkenaan isu pembaikan ECDIS KM KUKUP, pihak Oxycom membuat pemeriksaan dan didapati selain daripada masalah monitor, sistem ECDIS juga mengalami kerosakan. Surat amaran daripada pihak APMM bertarikh 2 Januari 2015 telah dikeluarkan dan surat maklum balas pihak Oxycom bertarikh 8 Januari 2015 telah diterima di mana Oxycom bersetuju untuk menggantikan monitor yang hilang dan melaksanakan pembaikan ke atas sistem ECDIS. Pemantauan berterusan oleh pihak MSM dan pelaksanaan pemasangan dijangka akan dapat diselesaikan selewat-lewatnya pada 9 Mei 2015.

Kerja pembaikan AD lewat diselesaikan adalah disebabkan kerosakan baru yang ditemui selepas kapal naik galangan dan pembongkaran peralatan perlu dilaksanakan, kerja rintangan yang perlu dilaksanakan sewaktu penukaran hull plating, kekurangan peralatan apungan, keupayaan dan kapasiti limbungan yang terhad. Obsolescence juga telah mengakibatkan alat ganti sukar diperolehi dan jangka masa tiba alat ganti juga mengambil masa yang lama.

3.5.5. Kesiagaan Aset APMM

Semua kapal/bot APMM sama ada beroperasi atau tidak adalah merupakan aset penting agensi kecuali setelah kapal/bot itu dilucutkan tauliahnya. Oleh itu, status kapal/bot tersebut hendaklah berada pada tahap operasi atau layak ke laut untuk melaksanakan tugas sekiranya timbul keperluan dan dalam situasi kecemasan. Bagaimanapun, kelonggaran boleh diberikan kepada kapal/bot yang diturunkan taraf operasinya untuk menjalani senggaraan besar seperti *refit/slipping*. Setiap kelas kapal/bot dibina untuk melakukan peranan utama iaitu untuk rondaan bagi menentang ancaman keselamatan di laut. Selain daripada peranan utama, kapal/bot tersebut juga mampu untuk melaksanakan tugas seperti penguatkuasaan undang-undang maritim, mencari dan menyelamatkan, melindungi kapal/bot nelayan dan pengangkutan, menunjukkan kehadiran dan lain-lain. Dalam menentukan kapal/bot yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan sesuatu misi, Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah iaitu selaku Komander Operasi adalah bertanggungjawab menentukan keperluan misi dan mengambil kira status operasi kapal/bot yang hendak ditugaskan. Tahap kesiagaan operasi kapal/bot ditakrifkan sebagai kepantasan masa bertindak, keupayaan bertahan dan kemampuan untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu misi. Pegawai Pemerintah Kapal adalah

bertanggungjawab untuk memberikan kategori tahap kesediaan kapal/bot masing-masing berdasarkan keseluruhan maklumat kapal/bot termasuk kelengkapan peralatan, sistem, persenjataan dan kemahiran warga kapalnya.

Semakan Audit mendapati bagi tujuan memberikan kategori kapal/bot, satu perintah tetap iaitu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bahagian 'B' Operasi bertarikh 18 Oktober 2006 telah dikeluarkan. Kategori kapal/bot diberikan mengikut tahap kerosakan/ketidakupayaan iaitu Kategori 1 (Kat 1) boleh berfungsi sepenuhnya; Kategori 2 (Kat 2) mengalami kerosakan kecil; Kategori 3 (Kat 3) mengalami kerosakan besar bagi peralatan tertentu tetapi masih boleh beroperasi; dan Kategori 4 (Kat 4) mengalami kerosakan besar dan tidak boleh beroperasi atau sedang melaksanakan pembaikan di pelabuhan. MSM meletakkan Kategori 5 (Kat 5) bagi kapal/bot yang sedang melaksanakan pembaikan di limbungan. Melalui perbincangan pada 14 Februari 2013 berkenaan kontrak penyenggaraan kapal/bot APMM dengan MSM, peratus kesiagaan telah ditetapkan iaitu 70% (Kat 1, Kat 2 dan Kat 3) bagi kapal/bot. Manakala peratus kesiagaan bagi bot kilat adalah 85% (beroperasi). Kriteria yang terlibat dalam penentuan kategori kesediaan kapal/bot oleh APMM adalah seperti dalam **Jadual 3.10**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati penentuan kategori kesiagaan kapal/bot APMM yang ditentukan oleh MSM hanya melibatkan kuasa gerak, penjanaan kuasa, struktur badan rangka kapal, mengawal kerosakan dan melawan kebakaran, pandu arah (navigation) dan domestik.

JADUAL 3.10
KATEGORI KESIAGAAN KAPAL/BOT

BIL.	PERALATAN
1.	Kuasa gerak (propulsion)
2.	Penjanaan kuasa (power generator)
3.	Struktur badan rangka kapal (hull)
4.	Penguatkuasaan (enforcement)
5.	Mengawal kerosakan dan melawan kebakaran
6.	Logistik
7.	Keanggotaan
8.	Komunikasi
9.	Panduarah (navigation)
10.	Domestik
11.	Pelautan (seamanship)
12.	Ubat-ubatan

Sumber : Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Pada pendapat Audit, MSM dan APMM perlu menetapkan mekanisme dalam menentukan status kesiagaan kapal/bot supaya aktiviti operasi dan penyenggaraan dapat dirancang dengan tepat.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Satu format baru telah digunakan bermula pada bulan Mac 2015 bagi menyelaraskan laporan status kerosakan kapal dan bot APMM. Status tersebut akan disahkan oleh Pengarah Logistik Wilayah bersama Regional Manager MSM, seterusnya akan dihantar ke Ibu Pejabat MSM Rawang sebelum dimajukan ke Ibu Pejabat APMM.

3.5.6. *Mothball*

- a. *Mothball* bermaksud penyenggaraan kapal/bot ditangguhkan sementara waktu dan kapal/bot tersebut tidak akan terlibat dalam operasi APMM. Penyenggaraan ditangguhkan disebabkan kos penyenggaraan yang tinggi dan pembaikan kapal/bot melibatkan tempoh pembaikan yang lama; tahap kesiagaan kapal/bot rendah; kekurangan peruntukan untuk melaksanakan penyenggaraan dalam tahun semasa; baki peruntukan akan digunakan untuk tujuan penyenggaraan kerosakan kritikal; dan kapal/bot *mothball* tidak dikira dalam pengiraan tahap kesiagaan operasi. Kelulusan *mothball* untuk kapal/bot biasanya dibincangkan dalam Mesyuarat Koordinasi bersama MSM, BHEPMM dan APMM dan Mesyuarat Koordinasi di Peringkat Wilayah.
- b. Pada tahun 2012, tiada kapal/bot dalam status *mothball*. Manakala pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing sebanyak 29 dan 6 kapal/bot telah diberi kelulusan *mothball*. Bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Oktober 2014, daripada 29 kapal/bot yang diberi status *mothball*, sebanyak 6 kapal/bot telah diberi kelulusan AD pada tahun 2014, 11 kapal/bot telah dilupuskan dan 2 kapal/bot dalam proses pelupusan manakala 16 kapal/bot masih dalam status *mothball*. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.11
BILANGAN KAPAL/BOT YANG DIBERI KELULUSAN STATUS *MOTHBALL*
BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

TAHUN	BILANGAN KELULUSAN STATUS <i>MOTHBALL</i>	STATUS KAPAL/BOT SETAKAT OGOS 2014			
		ANNUAL DOCKING	TELAH DILUPUSKAN	DALAM PROSES PELUPUSAN	MASIH STATUS <i>MOTHBALL</i>
2013	29	6	11	2	10
2014	6	-	-	-	6
JUMLAH	35	6	11	2	16

Sumber : MTU Services Malaysia Sdn. Bhd.

- c. Bagi tujuan keselamatan bot Pengawal 14 telah dinaikkan ke galangan di satu limbungan swasta di Teluk Jawa, Masai, Johor Bahru pada 22 April 2014 kerana APMM Wilsel tidak mempunyai limbungan/jeti sendiri. Setakat 31 Ogos 2014, bot Pengawal 14 masih dalam status *mothball* dan ini akan menyebabkan peningkatan kos kerana kos untuk meletakkan bot Pengawal 14 akan dikira bersama dengan kerja pembaikan. Gambar bot Pengawal 14 yang disimpan di limbungan swasta seperti yang berikut:



GAMBAR 3.3

*Bot Pengawal 14, Di Limbungan Swasta
Di Johor Bahru
- Mothball
(24.06.2014)*

Pada pendapat Audit, kapal/bot yang dikategorikan *mothball* perlu disegerakan pembaikannya dengan mendapatkan peruntukan kewangan bagi mengelakkan peningkatan kos pembaikan jika terbiar dalam jangkamasa lama.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Setuju dengan pendapat Audit, APMM akan melaksanakan pembaikan kapal/bot yang telah dikategorikan mothball. Bagaimanapun APMM berpendapat perolehan aset baru adalah lebih baik dan seterusnya dapat meningkatkan realibility aset. Pembaikan aset sedia ada yang telah berusia serta memerlukan kos senggaraan yang tinggi adalah tidak kos efektif dan tidak memberikan pulangan operasi yang baik.

Dalam situasi sekarang, pilihan yang APMM ada adalah dengan membaiki semua aset yang boleh dibaiki dengan anggaran kos yang berpatutan bagi menampung kekurangan aset yang dihadapi oleh APMM. Manakala kapal/bot yang mengalami kerosakan yang besar dan kos pembaikan yang tinggi akan diuruskan untuk pelupusan. Dengan aset "tua" yang dimiliki oleh APMM sekarang, keupayaan APMM adalah terhad. Oleh demikian perolehan aset baru adalah amat diperlukan.

3.5.7. Pelupusan

- a. Pelupusan ialah satu proses untuk mengeluarkan aset daripada milikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan. Aset yang hendak dilupuskan adalah berdasarkan kepada justifikasi sama ada tidak ekonomik untuk dibaiki (BER), usang, rosak dan tidak boleh digunakan. Antara kriteria yang akan digunakan sebagai asas utama bagi menentukan cadangan pelupusan seperti usia kapal (kapal: 20 tahun, bot: 10 tahun dan RHIB: 5 tahun); kos penyenggaraan; status kesiagaan; keusangan peralatan; penilaian keadaan badan kapal/bot dan isu keselamatan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi APMM dan MSM pada 12 dan 13 Mac 2013. Rancangan pelupusan aset yang dicadangkan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.12
RANCANGAN PELUPUSAN YANG DICADANGKAN
DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI PADA 12 DAN 13 MAC 2013

BIL.	KAPAL /BOT	CADANGAN TARIKH PELUPUSAN	BILANGAN (BUAH KAPAL)
1.	Kelas Sipadan	01.07.2013	14
2.	Kelas Gagah	01.07.2014	15
3.	Kelas Peninjau	01.07.2013	1
4.	Pengawal 1, 4 dan 8	01.07.2013	3
5.	Bot Pelindung 2, 3, 4 dan 5	01.07.2013	4
6.	Bot Pengaman 1	01.07.2013	1
7.	Bot Dugong 4	01.07.2013	1
8.	Bot Penyelamat 1, 2, 3 dan 4	01.07.2013	4
JUMLAH KESELURUHAN			43

Sumber : MTU Services Malaysia Sdn. Bhd.

- b. Kelewatan membuat proses pelupusan kapal/bot menyebabkan APMM perlu membayar sejumlah RM0.90 juta bagi kos sewaan jeti/limbungan, bekalan tenaga elektrik dan kawalan keselamatan bagi 10 buah kapal/bot. Sebanyak 8 daripada 10 buah kapal/bot yang dilupuskan adalah kapal kayu yang diterima daripada Pasukan Gerakan Marin pada tahun 2011. Butiran kos sebelum pelupusan adalah seperti jadual dan contoh gambar berikut:

JADUAL 3.13
KOS PERLU DIBAYAR BAGI KAPAL/BOT YANG TELAH DIBUAT PELUPUSAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA BULAN OGOS 2014

BIL.	NAMA KAPAL/BOT	TAHUN DIBINA	TARIKH DILUPUSKAN	PENEMPATAN KAPAL/BOT SEBELUM PELUPUSAN	
				TARIKH MULA DITEMPAT DI SYARIKAT LIMBUNGAN	JUMLAH KOS (RM Juta)
1.	KM Tuba (PX13)	1964	30.07.2013	06.07.2011	0.09
2.	KM Rimau (PX 2)	1964	30.07.2013	06.07.2011	0.09
3.	KM Kendi (PX10)	1964	03.09.2013	29.06.2011	0.12
4.	KM Aur (PX 25)	1982	30.07.2013	08.07.2011	0.03
5.	KM Serimbun (PX 8)	1966	19.06.2013	08.07.2011	0.03
6.	KM Gador (PX15)	1969	07.06.2013	05.07.2011	0.14
7.	KM Layang.Layang (PX 17)	1970	20.06.2013	07.07.2011	0.18
8.	KM Mantanani (PX26)	1970	20.06.2013	15.09.2011	0.11
9.	KM Bidong	1967	22.08.2014	27.07.2013	0.07
10.	Penyelamat 3	1999	21.02.2014	19.12.2011	0.04
JUMLAH KOS KESELURUHAN					0.90

Sumber : MTU Services Malaysia Sdn. Bhd



GAMBAR 3.4

*Limbungan Swasta Di Rompin, Pahang
- KM Bidong Telah Ditempatkan Pada 27.07.2013
Dan Telah Dilupuskan Pada 22.08.2014
(25.06.2014)*

Pada pendapat Audit, bagi setiap kapal/bot yang akan dilupuskan mulai tahun 2013, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan KP 2.6/2013 perlu dirujuk sebagai panduan supaya semua peraturan semasa yang berkuat kuasa dipatuhi iaitu antaranya tindakan pelupusan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan diberikan.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 13 April 2015

Rancangan pelupusan kapal adalah seperti yang dinyatakan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, pelaksanaan pelupusan bergantung kepada keadaan aset tersebut. Aset akan digunakan sehingga tidak lagi ekonomi dibaiki. Ada di antara peralatan kapal telah diambil dan disimpan untuk tujuan sebagai alat ganti apungan. APMM mengalami masalah penempatan kapal/bot kerana tidak mempunyai jeti sendiri. Kapal/bot telah ditempatkan di sebuah tempat selamat bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

3.5.8. Rancangan Pergerakan Dan Pelayaran Sebenar Kapal/Bot

3.5.8.1. Pencapaian Berdasarkan Sasaran Yang Ditetapkan

- a. Kesemua kapal/bot APMM telah diagihkan oleh Ketua Pengarah APMM kepada Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah untuk membuat rancangan lengkap bagi setiap kapal/bot di bawah seliaannya untuk tujuan rondaan dan pengawasan. Semakan Audit terhadap laporan bilangan hari di laut bagi kapal/bot pada tahun 2012, 2013 dan 2014 yang dikemukakan oleh Pusat Operasi Maritim mendapati masing-masing purata 213, 239 dan 244 buah kapal/bot terlibat dalam operasi rondaan dan pengawasan setiap bulan. Semakan Audit mendapati sasaran harian pergerakan kapal/bot APMM di laut telah ditetapkan dengan mengambil kira faktor kesiagaan operasi bagi kapal/bot yang telah berusia. Bilangan keseluruhan kapal dan bot APMM setakat bulan September 2014 ialah sebanyak 244 buah iaitu masing-masing 69 (28.28%) buah kapal dan 175 (71.72%) buah bot.
- b. Analisis Audit dijalankan terhadap rancangan dan pencapaian harian rondaan dan pengawasan oleh kesemua wilayah APMM bagi tempoh tahun

2012 hingga bulan Ogos tahun 2014. Analisis mendapati rancangan bulanan rondaan dan pengawasan bagi 46 buah kapal/bot tidak dapat dicapai iaitu antara 1 hingga 31 hari. Antara punca yang menyebabkan pergerakan kapal/bot yang dirancang tidak dapat dilaksanakan adalah kerana kapal/bot kerap mengalami kerosakan dan tahap kesiagaan yang rendah di mana tidak sesuai untuk menjalankan operasi APMM. Bagaimanapun, terdapat juga kapal/bot telah mencapai lebih daripada yang disasarkan. Ini kerana APMM akan menggantikan kapal/bot yang tidak dapat beroperasi kerana mengalami kerosakan dengan kapal/bot lain bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. Butiran bilangan hari dirancang yang tidak dicapai adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.14
BILANGAN HARI DIRANCANG YANG TIDAK DICAPAI
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA BULAN OGOS 2014

WILAYAH	2012 (Hari)	2013 (Hari)	2014 (Hari)
WILUTA	1 - 10	2 - 22	1 - 31
WILSEL	1 - 9	3 - 27	1 - 30
WILTIM	1 - 10	1 - 17	1 - 9
WILSAB	1 - 16	1 - 14	1 - 14

Pada pendapat Audit, tindakan APMM dalam menetapkan sasaran hari di laut bagi kapal/bot pada setiap tahun dengan mengambil kira faktor kesiapsiagaan kapal/bot dan keperluan operasi di wilayah terbabit adalah baik. Bagaimanapun, pada pendapat Audit, sasaran yang ditetapkan adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan keluasan zon maritim yang perlu dipantau dan dijaga oleh APMM. Ini juga boleh menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan zon maritim, membuka peluang kepada pencerobohan dan jenayah di laut tidak dapat dikawal. Selain itu, tindakan APMM menggunakan kapal/bot yang sama untuk tujuan operasi dengan lebih kerap/tanpa rehat bagi mencapai sasaran yang ditetapkan akan menyebabkan keupayaan kapal/bot tersebut menurun.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Sasaran bilangan kapal/bot yang ditetapkan perlu rasional dengan keupayaan aset yang dimiliki. Lebih 50% dari jumlah kapal APMM telah berusia lebih 30 tahun. Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan kos senggaraan kapal/bot tersebut. Pada awal tahun 2014, terdapat banyak kapal yang tersadai kerana mengalami masalah kerosakan dan juga terbengkalai bagi menunggu menjalani rutin senggaraan tahunan AD/MG. Faktor kekangan kewangan adalah punca utama sasaran peratusan kesiagaan aset tidak tercapai.

3.5.9. Jeti

- a. Jeti merupakan aset yang penting bagi menempatkan kapal/bot APMM supaya keselamatan kapal/bot terjamin, keadaan kapal/bot sentiasa berada dalam keadaan bersedia di samping memudahkan anggota kapal menjalankan kerja penyenggaraan tahap 1. Semakan Audit mendapati APMM kini menempatkan 230 kapal/bot di 42 jeti di seluruh Malaysia. Bagaimanapun, hanya 7 daripada 42 jeti tersebut adalah milik APMM. Manakala 9 jeti pula merupakan jeti yang disewa oleh APMM milik vendor, limbungan atau pelabuhan dan 26 jeti merupakan jeti tumpangan di jeti jabatan Kerajaan lain dan vendor limbungan. Butiran adalah seperti jadual dan contoh gambar berikut:

JADUAL 3.15
SENARAI JETI BAGI MENEMPATKAN KAPAL/BOT APMM

WILAYAH	BILANGAN PEMILIKAN JETI		
	MILIK APMM	SEWA	TUMPANG
WILUTA	1	3	7
WILSEL	3	1	4
WILTIM	1	2	4
WILSAR	1	3	1
WILSAB	1	0	11

Sumber : Rekod APMM

GAMBAR 3.5




Teluk Sepanggar
- Jeti Milik APMM Yang Diserahkan Oleh Jabatan Laut
(28.08.2014)

GAMBAR 3.6



Jeti Pejabat Pengkalan Kemaman
- Jeti Milik APMM Yang Diserahkan Oleh PGM
(14.08.2014)

GAMBAR 3.7



Jeti Weldan Marine Services Sdn. Bhd., Sandakan
- Jeti Tumpangan
(26.08.2014)

GAMBAR 3.8



Jeti Kuantan Port, Kuantan
- Jeti Sewaan
(13.08.2014)

Semakan Audit mendapati kesan sewaan dan tumpangan kapal/bot seperti yang berikut:

- i. APMM perlu menanggung kos sewaan seperti jadual berikut:

JADUAL 3.16
SENARAI JETI BAGI MENEMPATKAN KAPAL/BOT APMM

WILAYAH	NAMA JETI	KOS SEWAAN (RM)	TARIKH MULA/TEMPOH SEWA	CATATAN
Wiluta	Jeti Coral Marine, Kuala Kedah	9,700.00	01.07.2014 - 31.03.2016	Jeti dan Pejabat Bot
	Jeti Limbungan Batu Maung	14,700.00	01.05.2013 - 30.04.2016	Jeti
	Jeti APMM, Kuala Kurau	122,000.00	01.07.2013 - 30.06.2016	Sewa bersama pejabat
Wilsel	Jeti di Pejabat Daerah Maritim Kuala Linggi	TM	-	Sewa sekali dengan Pejabat Daerah Maritim Kuala Linggi
Wiltim	Pelabuhan Kuantan	155,685.50	-	Penempatan sementara kerana jeti asal sedang disenggara. Kos sewaan perlu ditanggung dari bulan November 2013 hingga Februari 2014 berjumlah RM155,685.50.
	Jeti APMM Tok Bali	82,000.00	-	Disewa sekali dengan bangunan Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
Wilsar	Pusat Tahanan Vessel	1,600.00	01.03.2010	-
	Jeti Marina Bay, Miri	17,160.00	01.04.2011	-
	Jeti Krokop Depot	500.00	-	RM500 vessel/bulan

Sumber : *Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia*

Nota : *TM - Tiada Maklumat*

- ii. Keadaan ini telah menyukarkan anggota kapal/bot untuk mengawasi kapal/bot APMM kerana kedudukan jeti agak jauh.
- iii. Selain itu, jeti tumpangan juga sempit dan kedudukan kapal/bot agak rapat semasa berlabuh sehingga menyebabkan kapal/bot berlanggar di antara satu sama lain terutamanya semasa cuaca kurang baik dan kapal yang lebih besar melalui kawasan sekitar jeti tersebut. Keadaan tersebut boleh menyebabkan kerosakan kepada fizikal kapal/bot. Semakan Audit selanjutnya mendapati kejadian pelanggaran antara bot yang berlabuh di jeti tumpangan PGM telah berlaku pada 10 Julai 2014 semasa kapal besar melalui jeti tersebut. Kejadian tersebut telah menyebabkan *stack horn* dan *stanchion* bot Pengawal 23 patah.
- iv. Keselamatan kapal/bot tidak terjamin di mana semakan Audit mendapati pada 31 Julai 2013, satu kebakaran telah berlaku di jeti tumpangan yang melibatkan 5 kapal/bot APMM iaitu KM Mukah, KM Rentap, Penyelamat 6, Penggalang 19 dan Pengawal 15. Berdasarkan laporan kejadian, kebakaran tersebut dipercayai berpunca daripada kebakaran ke atas salah satu bot nelayan yang juga berlabuh di jeti yang sama dan telah merebak ke kapal/bot APMM. Akibat daripada kebakaran tersebut KM Mukah dan Penyelamat 6 mengalami kerosakan yang amat teruk dan dicadangkan untuk dilupuskan oleh pasukan yang membuat siasatan dari MSM. Bagaimanapun, terdapat beberapa peralatan KM Mukah seperti enjin utama telah dikeluarkan untuk dibaiki dan dijadikan peralatan apungan. Manakala bagi peralatan yang tidak ekonomik untuk dibaiki

pula akan dilupuskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati dalam kejadian tersebut APMM telah mengalami kerugian berjumlah RM10.36 juta. Ini kerana APMM telah membelanjakan sejumlah RM2.58 juta untuk pembaikan MG KM Mukah pada tahun 2012 dan RM7.15 juta untuk pembinaan bot Penyelamat 6. Selain itu, APMM juga telah membelanjakan sejumlah RM0.64 juta untuk membaiki KM Rentap. Gambar KM Mukah dan bot Penyelamat 6 yang mengalami kebakaran adalah seperti yang berikut:

GAMBAR 3.9

*Jeti Tumpangan Di Kuantan
- Keadaan Bot Penyelamat 6 Yang
Mengalami Kebakaran
(12.08.2014)*

GAMBAR 3.10

*Jeti Tumpangan Di Kuantan
- Keadaan KM Mukah Yang Mengalami Kebakaran
(12.08.2014)*

- b. Lawatan Audit ke beberapa lokasi jeti mendapati anggota kapal/bot yang ditugaskan untuk menjaga kapal/bot tidak disediakan tempat yang sesuai untuk dijadikan pejabat kecil berhampiran kapal/bot. Selain itu, terdapat juga jeti tumpangan yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air tidak ada/mencukupi. Kerja-kerja penyenggaraan kecil seperti membersihkan badan kapal daripada teritip agak sukar dilaksanakan kerana kedudukan kapal yang agak rapat antara satu sama lain.

Pada pendapat Audit, jeti amat diperlukan bukan sahaja untuk meletakkan kapal/bot APMM malah ia juga memudahkan anggota membuat penyenggaraan asas serta dapat memendekkan *response time* bagi melaksanakan operasi penguatkuasaan. Selain itu, keselamatan kapal/bot lebih terjamin sekiranya ditempatkan di jeti sendiri.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 13 April 2015

Pihak BHEPMM sememangnya membuat perancangan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur kepada APMM dari segi pejabat dan jeti sebagaimana terkandung dalam dasar perancangan infrastruktur APMM yang disediakan oleh BHEPMM. Bagaimanapun, peruntukan yang dimohon kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) tidak diluluskan.

Hasil mesyuarat green room menyatakan bahawa APMM akan menerima beberapa buah markas Polis Marin dan beberapa Marina kepunyaan Jabatan Laut. Namun dukacita dimaklumkan hasil mesyuarat tersebut tidak dipatuhi. Kekangan

keperluan jeti untuk kegunaan APMM amatlah mendesak kerana banyak kerja-kerja penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan lancar kerana menumpang di jeti agensi lain. APMM berpendapat hasil mesyuarat green room dipersetujui oleh peringkat tertinggi sahaja tetapi gagal dalam peringkat pelaksanaan.

3.5.9. Struktur Organisasi APMM

APMM mempunyai 3 bahagian dan 1 pusat latihan iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Logistik, Bahagian Pengurusan dan Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS). APMM telah menetapkan dasar kemahiran pelbagai *multi skill* untuk kakitangannya. Dasar ini membolehkan semua kakitangan APMM dilatih dengan pelbagai kemahiran bagi mencapai misi dan objektif APMM. Setakat bulan Januari 2015 bilangan perjawatan yang diluluskan sebanyak 5,418 jawatan dengan 4,467 (82.45%) jawatan telah diisi.

Berdasarkan surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia, Ruj. JPA.BPO(S)215/65/19 Jld. 2 bertarikh 31 Disember 2014 berkenaan Dasar Penempatan Secara Pentadbiran, pihak JPA mengarahkan agensi mulai 1 Januari 2015 sehingga 28 Februari 2015 iaitu mengembalikan perjawatan yang telah dialih secara pentadbiran kepada butiran asal bagi mengelakkan isu berkaitan perundangan, kesukaran memantau bilangan perjawatan sebenar serta masalah berkaitan tuntutan elaun dan kemudahan. Semakan Audit mendapati masih terdapat anggota APMM yang ditempatkan secara pentadbiran bagi kapal/bot. Status pengisian jawatan kapal/bot adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3.17
KEDUDUKAN PERJAWATAN KAPAL/BOT APMM PADA 30 SEPTEMBER 2014**

BIL.	WILAYAH	BILANGAN KAPAL/BOT	BILANGAN JAWATAN					JUMLAH PERJAWATAN SEBENAR DIISI (A + B - C)
			LULUS	ISI (A)	KOSONG	SECARA PENTADBIRAN		
						MASUK (B)	KELUAR (C)	
1.	Utara	52	400	243	157	139	96	286
2.	Selatan	58	445	311	134	66	99	278
3.	Timur	39	407	332	75	92	125	299
4.	Sarawak	30	299	238	61	54	65	227
5.	Sabah	66	645	489	156	174	27	636
JUMLAH		245	2196	1613	583	525	412	1726

Sumber : Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan, Wilayah APMM

Pada pendapat Audit, APMM perlu menyegerakan pengisian jawatan dan mengkaji semula kesesuaian dasar *multi skill* bagi jawatan pegawai yang menguruskan aspek teknikal kapal/bot. Perkara ini perlu dibuat bagi memastikan APMM mempunyai anggota secara tetap yang memiliki kemahiran teknikal dan terlatih bagi menyelenggara peralatan mekanikal/elektrik di

kapal/bot. Selain itu, sebarang perolehan kapal/bot baru perlu dibuat bersama-sama dengan perancangan perjawatan bagi mengelakkan bilangan kapal/bot APMM melebihi kemampuan perjawatan anggota sedia ada. APMM perlu memastikan pengisian jawatan secara pentadbiran tidak menjejaskan fungsi asal kapal/bot yang perjawatannya telah dipindahkan.

Maklum Balas APMM Yang Diterima Pada 13 April 2015

Penempatan secara pentadbiran dibuat adalah berdasarkan kepakaran dan kemahiran pegawai dalam perkhidmatan terdahulu. Semua penempatan secara pentadbiran akan dibuat tindakan pembedaan dan mengisi perjawatan secara hakiki.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi menambahbaik kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya APMM dan BHEPMM mengambil tindakan seperti yang berikut:

3.6.1. Kementerian Kewangan Malaysia bersama BHEPMM perlu mengkaji semula keperluan peruntukan penyenggaraan kapal/bot APMM dengan turut mengambil kira keperluan peruntukan *make good* kapal/bot yang diambil alih dan penambahan kapal/bot baru di samping kapal/bot yang sedang dan akan dilupuskan;

3.6.2. APMM perlu mewujudkan sistem pemantauan pentadbiran kontrak bagi Pegawai Penguasa dan Wakil Pegawai Penguasa seperti menguruskan pembaharuan, penguatkuasaan terhadap obligasi kontraktor, latihan, pemindahan teknologi dan semakan semula;

3.6.3. BHEPMM perlu memastikan tindakan penyambungan kontrak dibuat sebelum kontrak tamat supaya kesinambungan kerja penyenggaraan kapal/bot tidak terjejas serta tidak membebankan pegawai APMM sendiri. Sebarang obligasi tambahan dalam kontrak yang disambung perlu dimasukkan segera ke dalam kontrak baru untuk menjaga kepentingan Kerajaan;

3.6.4. APMM perlu memastikan penyediaan manual penyenggaraan tahap 1 serta proses yang berkaitan dengannya bagi setiap kapal/bot serta merancang dan memastikan latihan diberikan kepada setiap anggota kapal/bot khususnya bagi penyenggaraan tahap 1, agar penyenggaraan tersebut dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan;

3.6.5. APMM perlu memastikan setiap pelantikan vendor dibuat dengan telus dengan mempunyai asas yang kukuh bagi menjamin integriti proses lantikan;

3.6.6. APMM bersama MSM perlu menetapkan kaedah yang seragam dalam menentukan status kesiagaan kapal/bot supaya aktiviti operasi dan penyenggaraan dapat dirancang dengan tepat;

3.6.7. bagi memastikan semua aset jeti Kerajaan digunakan secara optimum, Kerajaan perlu memastikan keputusan yang dicapai semasa penubuhan APMM agar sebahagian aset jeti diserahkan kepada APMM dipatuhi sepenuhnya atau menetapkan kaedah yang sesuai untuk membolehkan perkongsian aset-aset jeti yang ada; dan

3.6.8. APMM perlu menyegerakan pengisian jawatan dan perlu memastikan pengisian jawatan secara pentadbiran tidak menjejaskan fungsi asal kapal/bot yang perjawatannya telah dipindahkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KEWANGAN

4. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

- PENGURUSAN CAWANGAN AUDITAN SYARIKAT

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan bagi memungut cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksport, cukai jualan, cukai eksais, cukai perkhidmatan dan levi yang dikenakan ke atas urus niaga perdagangan serta perindustrian yang dijalankan di Kawasan Utama Kastam di Malaysia. Selain daripada memungut hasil negara, JKDM juga berperanan memberi fasilitasi perkastaman dan memastikan pematuhan perundangan perkastaman. Peranan untuk memastikan pematuhan perundangan ini merupakan elemen yang menyokong ke arah memperkemas dan memperteguh tanggungjawab JKDM sebagai pemungut hasil negara. Peranan tersebut perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk memacu pertumbuhan ekonomi, memelihara keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

4.1.2. Bahagian Pengurusan Pematuhan JKDM khususnya Cawangan Auditans Syarikat (CAS) peringkat Ibu Pejabat Putrajaya dan negeri melaksanakan pengauditan dan siasatan ke atas pelesen/syarikat/peniaga (entiti) yang dilesen dan ditadbir di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Eksais 1976 dan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998. Sehingga bulan Disember 2014, terdapat 71,874 entiti yang dilesenkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
BILANGAN ENTITI MENGIKUT NEGERI
SEHINGGA BULAN DISEMBER 2014

BIL.	NEGERI	BILANGAN ENTITI						JUMLAH
		CUKAI JUALAN	CUKAI PERKHIDMATAN	EKSAIS	SEK. 14(2) AKTA KASTAM 1967	GPB	LKLB	
1.	WP Kuala Lumpur	4,121	20,301	3	4	11	305	24,745
2.	Selangor	3,369	3,691	28	3,461	300	117	10,966
3.	Johor	4,427	4,447	17	-	-	424	9,315
4.	Pulau Pinang	2,096	3,033	-	-	-	100	5,229
5.	Sabah	779	3,033	9	-	4	1140	4,965
6.	Perak	1,536	2,012	509	-	74	299	4,430
7.	Sarawak	738	2,185	25	55	105	326	3,434
8.	Melaka	766	1,069	6	-	-	97	1,938
9.	Pahang	290	997	2	78	36	155	1,558
10.	Kedah	616	666	17	33	12	85	1,429

BIL.	NEGERI	BILANGAN ENTITI						JUMLAH
		CUKAI JUALAN	CUKAI PERKHIDMATAN	EKSAIS	SEK. 14(2) AKTA KASTAM 1967	GPB	LKLB	
11.	Negeri Sembilan	470	870	4	-	-	124	1,468
12.	Kelantan	151	558	-	-	-	68	777
13.	Terengganu	77	484	-	102	7	52	722
14.	KLIA	214	389	3	85	14	5	710
15.	Perlis	48	115	1	7	16	1	188
JUMLAH		19,698	43,850	624	3,825	579	3,298	71,874

Sumber : CAS Ibu Pejabat Putrajaya

Nota : GPB - Gudang Pengilang Berlesen

LKLB - Levi Keuntungan Luar Biasa

4.1.3. Kutipan Duti dan Cukai Dalam Negeri seperti Duti Eksais (Tempatan); Cukai Perkhidmatan; Cukai Jualan (Tempatan) dan Levi Keuntungan Luar Biasa menyumbang sejumlah RM60.630 bilion (60.25%) daripada keseluruhan kutipan hasil JKDM bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Penjelasan lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.2
KUTIPAN JKDM MENGIKUT JENIS HASIL BAGI TAHUN 2012 SEHINGGA 2014

BIL.	JENIS HASIL	2012		2013		2014		JUMLAH	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Duti Eksais (Tempatan)	8,414.87	26.04	8,393.67	25.34	8,455.98	24.03	25,264.52	25.11
2.	Cukai Perkhidmatan	5,581.99	17.27	5,944.50	17.95	6,277.51	17.84	17,804.00	17.69
3.	Cukai Jualan (Tempatan)	5,357.28	16.58	5,626.03	16.98	6,130.73	17.42	17,114.04	17.01
4.	Levi Keuntungan Luar Biasa	388.30	1.20	7.75	0.02	51.25	0.15	447.30	0.44
JUMLAH CUKAI DALAM NEGERI		19,742.44	61.09	19,971.95	60.29	20,915.47	59.44	60,629.86	60.25
5.	Lain-lain Duti/Cukai	12,576.55	38.91	13,154.77	39.71	14,273.25	40.56	40,004.58	39.75
HASIL YANG DIKUTIP		32,318.99	100.00	33,126.72	100.00	35,188.72	100.00	100,634.44	100.00

Sumber : Revenue Monitoring Solution (RMS) JKDM

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Cawangan Auditan Syarikat dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek pengurusan Cawangan Auditan Syarikat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Auditan Syarikat, Bahagian Pengurusan Pematuhan Ibu Pejabat JKDM dan 6 pejabat Kastam Negeri di WP Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Melaka, Kedah dan Sabah. Pemilihan pejabat Kastam Negeri sebagai sampel audit adalah berdasarkan statistik bilangan entiti terbanyak dan prestasi pencapaian CAS Negeri dari segi bilangan fail (entiti) yang diaudit dan *Bill of Demand* (BOD) yang dikeluarkan.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod yang berkaitan pengurusan Cawangan Auditan Syarikat. Temu bual dengan pegawai kastam yang bertanggungjawab juga telah diadakan untuk mendapat maklum balas terhadap pengurusan Cawangan Auditan Syarikat. *Exit Conference* pada 14 April 2015 dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam, turut hadir wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Jabatan Peguam Negara.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Disember 2014 mendapati pada umumnya **pengurusan Cawangan Auditan Syarikat adalah memuaskan** di mana prestasi hasil pengauditan yang dijalankan oleh CAS di 6 negeri yang dilawati telah mengeluarkan BOD berjumlah RM79.36 juta pada tahun 2013 dan ia meningkat RM122.41 juta (154.2%) kepada RM201.77 juta pada tahun 2014. Selain itu, JKDM juga telah mewujudkan satu struktur organisasi CAS yang baik; memastikan pegawai CAS mempunyai latar belakang akademik yang bersesuaian; menyediakan dan sedang mengemas kini garis panduan bagi CAS menjalankan pengauditan; menggunakan *Computer-Assisted Audit Tools & Techniques* (CAATTs) bagi membantu pengauditan; dan memastikan keselamatan fail dan dokumen yang diambil dari entiti telah disimpan dengan baik dan selamat.

Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan CAS seperti yang berikut:

- i. prestasi pencapaian KPI terkumpul bagi CAS Negeri yang dilawati tidak mencapai sasaran yang ditetapkan di mana hanya 75.8% dan 92.3% daripada bilangan fail yang ditetapkan pada tahun 2013 dan 2014 telah siap diaudit;
- ii. tiada bukti penarafan risiko dilaksanakan terhadap fail/entiti yang dipilih untuk tujuan pengauditan sedangkan penarafan risiko dalam rancangan pengauditan adalah mustahak apabila mengambil kira nisbah bilangan pegawai CAS dengan bilangan entiti yang berdaftar iaitu antara 241 hingga 375 entiti bagi setiap pegawai CAS atau tempoh masa yang perlu diambil oleh CAS Negeri untuk membuat pengauditan pusingan lengkap melibatkan semua entiti adalah di antara 12 hingga 18 tahun;
- iii. prosedur pengauditan dalam menyediakan senarai semak sebelum dan semasa pengauditan tidak diamalkan seperti mana yang ditetapkan; dan
- iv. pemantauan terhadap tempoh menyiapkan pengauditan dan kelulusan perlanjutan tempoh pengauditan tidak diuruskan dengan baik di CAS Negeri Johor, Kedah dan Selangor.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan di atas serta maklum balas JKDM adalah seperti yang berikut:

4.5.1. Prestasi Cawangan Auditan Syarikat

4.5.1.1. Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) Yang Ditetapkan

- a. Perintah Tetap Pematuhan Bil. 1 : Auditan Syarikat (PTPem Bil. 1) Bab 5 (Penarafan Risiko Entiti Yang Diaudit) antara lainnya menetapkan:
 - i. Jadual Pengauditan Tahunan hendaklah disediakan oleh Ketua Bahagian/Cawangan Auditan Syarikat mengikut jumlah bilangan pegawai CAS.
 - ii. Tiga jenis pengauditan boleh dijalankan, iaitu:
 - Pengauditan Berprogram, iaitu pengauditan secara terancang mengikut keutamaan selaras dengan matlamat yang hendak dicapai;
 - Pengauditan Khas Mengikut *Red Flags* yang perlu diberi keutamaan dengan menggunakan maklumat penyelewengan hasil dari ampoma (*informer*), pihak dalaman Jabatan, fraud, pelanggaran syarat atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang; dan
 - Pengauditan Operasi Khas, iaitu pengauditan yang dijalankan atas arahan pengurusan atasan JKDM.
 - iii. Bilangan fail (entiti) yang disasarkan untuk diaudit oleh seorang pegawai adalah minimum 2 fail sebulan (24 fail setahun). Bagaimanapun, mulai tahun 2013, Bahagian Pengurusan Pematuhan Ibu Pejabat JKDM telah menetapkan KPI 20 fail setahun bagi setiap pegawai CAS. Di samping itu, pihak CAS Negeri diberi peluang untuk mencadangkan perubahan terhadap KPI bagi menyesuaikan dengan keupayaan pegawai CAS dan beban kerja pengauditan.
- b. Semakan Audit terhadap pencapaian KPI CAS 6 negeri yang dilawati mendapati perkara berikut:
 - i. Semua Ketua Bahagian/CAS di negeri berkenaan telah menyediakan Jadual Pengauditan Tahunan mengikut jumlah bilangan pegawai CAS.
 - ii. Jenis pengauditan yang telah dijalankan terdiri daripada pengauditan berprogram, *red flags* dan operasi khas arahan Ibu Pejabat atau Negeri. Selain itu, operasi khas bersepadu (kerjasama Ibu Pejabat dan Negeri) juga dijalankan melibatkan industri terpilih antaranya seperti perkhidmatan kawalan keselamatan, pengiklanan, pakaian, perkhidmatan hartanah dan perkhidmatan badan profesional.
 - iii. Prestasi pencapaian CAS 6 negeri berkenaan adalah seperti berikut:
 - Bagi tahun 2013, hanya **1,129 fail (75.8%) telah siap diaudit berbanding 1,490 fail yang disasarkan**. CAS Negeri Sabah telah mencapai sebanyak 134% iaitu 126 fail siap diaudit berbanding 94 fail yang disasarkan. Manakala CAS Negeri Melaka hanya mencapai 19% iaitu 16 fail siap diaudit berbanding 84 fail yang disasarkan.

Analisis terhadap prestasi pencapaian CAS Negeri bagi tahun 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3
ANALISIS PRESTASI PENCAPAIAN CAS YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2013

NEGERI	BIL. PEGAWAI CAS				KPI BIL. FAIL ASAL	KPI BIL. FAIL DIPINDA*	PENCAPAIAN FAIL SIAP DIAUDIT			
	AUDIT	SOKONGAN	KONTRAK	JUMLAH			FAIL PROGRAM	FAIL KHAS	JUMLAH	(%)
Sabah	7	8	1	16	140	94	14	112	126	134.0
WP Kuala Lumpur	42	7	20	69	840	753	631	66	697	92.6
Kedah	3	5	4	12	60	44	24	15	39	88.6
Selangor	13	2	15	30	260	209	95	75	170	81.3
Johor	19	12	8	39	380	306	31	50	81	26.5
Melaka	5	1	1	7	100	84	4	12	16	19.0
JUMLAH	89	35	49	173	1,780	1,490	799	330	1,129	75.8

Sumber : Laporan Prestasi CAS Negeri

Nota : (*) - KPI Bilangan Fail Asal Dipinda Disebabkan Pegawai Terlibat Dengan Bengkel/Kursus Jangka Panjang, Pertukaran Pegawai, Pegawai Cuti Bersalin, Pegawai Cuti Tanpa Gaji Dan Pegawai Cuti Sakit.

- Bagi tahun 2014 pula, prestasi pencapaian ialah **92.3% iaitu 1,300 fail siap diaudit berbanding 1,409 fail yang disasarkan**. CAS Negeri Sabah, Kedah, Selangor dan WP Kuala Lumpur masing-masing telah melebihi sasaran iaitu di antara 102.2% hingga 134.1%. Manakala CAS Negeri Johor hanya mencapai 51.4% iaitu 168 fail siap diaudit berbanding 327 fail yang disasarkan. Analisis terhadap prestasi pencapaian CAS Negeri bagi tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4
ANALISIS PRESTASI PENCAPAIAN CAS YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2014

NEGERI	BIL. PEGAWAI CAS				KPI BIL. FAIL ASAL	KPI BIL. FAIL DIPINDA*	PENCAPAIAN FAIL SIAP DIAUDIT			
	AUDIT	SOKONGAN	KONTRAK	JUMLAH			FAIL PROGRAM	FAIL KHAS	JUMLAH	(%)
Sabah	5	10	1	16	100	82	46	64	110	134.1
Kedah	6	5	4	15	120	90	42	54	96	106.7
Selangor	18	2	15	35	360	171	73	104	177	103.5
WP Kuala Lumpur	42	7	20	69	840	679	505	189	694	102.2
Melaka	4	1	1	6	80	60	27	28	55	91.7
Johor	21	12	8	41	420	327	98	70	168	51.4
JUMLAH	96	37	49	182	1,920	1,409	791	509	1,300	92.3

Sumber : Laporan Prestasi CAS Negeri

Nota : (*) - KPI Bilangan Fail Asal Dipinda Disebabkan Pegawai Terlibat Dengan Bengkel/Kursus Jangka Panjang, Pertukaran Pegawai, Pegawai Cuti Bersalin, Pegawai Cuti Tanpa Gaji Dan Pegawai Cuti Sakit.

- Terdapat peningkatan prestasi pencapaian KPI sebanyak 16.5% bagi 6 negeri yang dilawati bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya iaitu di antara 0.1% hingga 72.7%. Penjelasan lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.5
ANALISIS PRESTASI PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

BIL.	NEGERI	PERATUSAN BIL. FAIL SIAP DIAUDIT BERBANDING SASARAN		
		TAHUN 2013 (%)	TAHUN 2014 (%)	PENINGKATAN (%)
1.	Melaka	19.0	91.7	72.7
2.	Johor	26.5	51.4	24.9
3.	Selangor	81.3	103.5	22.2
4.	Kedah	88.6	106.7	18.1
5.	WP Kuala Lumpur	92.6	102.2	9.6
6.	Sabah	134.0	134.1	0.1
JUMLAH		75.8	92.3	16.5

Sumber : Laporan Prestasi CAS Negeri

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak CAS Negeri memberi keutamaan kepada Pengauditan Operasi Khas atas arahan Ibu Pejabat/ Negeri (Fail Khas) yang mengambil masa lebih lama dan melibatkan pelbagai pihak. Di samping itu, JKDM memberi penumpuan kepada pengauditan yang berpotensi tinggi untuk menyumbang hasil yang maksimum selaras dengan KPI kutipan keseluruhan hasil jabatan.
- d. Naziran oleh CAS Ibu Pejabat ada dilaksanakan bagi mengenal pasti dan memantau negeri yang tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan. Manakala bagi negeri yang mempunyai prestasi pencapaian KPI yang kurang baik, perbincangan diadakan dengan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) di Ibu Pejabat JKDM.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 28 April 2015

- a. *JKDM bersetuju dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun antara sebab-sebab prestasi pencapaian kurang memuaskan adalah seperti kompleksiti/kerjasama entiti bagi fail yang diaudit dan pegawai CAS terlibat dalam operasi bersepadu.*
- b. *Untuk memastikan prestasi pencapaian KPI mencapai sasaran yang ditetapkan, Bahagian Pengurusan Pematuhan Ibu Pejabat telah membuat pemantauan berterusan di negeri-negeri melalui:*
 - i. *Mesyuarat Ketua Bahagian Pematuhan SeMalaysia yang diadakan dua kali setahun.*
 - ii. *Mesyuarat KPI bersama Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) tiga kali setahun.*
 - iii. *Di samping itu juga, pihak pengurusan tertinggi JKDM telah mengambil inisiatif mengadakan sesi bersemuka di antara Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan) dengan pegawai CAS Negeri yang tidak mencapai prestasi yang memuaskan. Sebanyak 3 sesi pertemuan telah diadakan di Ibu Pejabat iaitu pada 30 dan 31 Oktober 2014 dan 6 November 2014.*

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian KPI bagi keenam-enam CAS Negeri yang dilawati adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, di mana hanya 75.8% dan 92.3% daripada bilangan fail yang ditetapkan pada tahun 2013 dan 2014 telah siap diaudit.

4.5.1.2. Prestasi Hasil Pengauditan Yang Dijalankan Oleh CAS

- a. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan, CAS boleh mengeluarkan *Bill of Demand* (BOD) atas cukai/duti kastam yang tidak dipungut dengan betul. Bagi menilai prestasi hasil pengauditan yang dijalankan oleh CAS, pihak Audit telah membandingkan jumlah BOD yang dikeluarkan dengan jumlah Cukai Dalam Negeri yang dikutip.
- b. Analisis Audit bagi CAS 6 negeri yang dilawati mendapati:
 - i. Bagi tahun 2013, BOD berjumlah RM79.36 juta telah dikeluarkan, iaitu 0.45% daripada kutipan Cukai Dalam Negeri berjumlah RM17,592.98 juta. Peratusan BOD yang dikeluarkan berbanding jumlah Cukai Dalam Negeri yang dikutip adalah antara 0.16% (CAS Negeri Kedah) hingga 2.92% (CAS Negeri Sabah). Analisis prestasi hasil pengauditan yang dijalankan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6
ANALISIS PRESTASI HASIL PENGAUDITAN YANG
DIJALANKAN OLEH CAS BAGI TAHUN 2013

BIL.	NEGERI	BIL. PELESEN	JUMLAH KUTIPAN CUKAI DALAM NEGERI (RM Juta) (a)	BOD DIKELUARKAN		
				BIL.	NILAI (RM Juta) (b)	(%) (c) = (b) / (a)
1.	Sabah	255	197.10	51	5.75	2.92
2.	Johor	7,901	660.58	66	13.55	2.05
3.	WP Kuala Lumpur	19,524	10,016.78	320	39.32	0.39
4.	Selangor	6,527	4,110.79	56	15.40	0.37
5.	Melaka	1,453	1,460.16	14	3.46	0.24
6.	Kedah	1,431	1,147.57	22	1.88	0.16
JUMLAH		37,091	17,592.98	529	79.36	0.45

Sumber : Unit Aplikasi Cukai Dalam Negeri, Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JKDM & Laporan Prestasi CAS Negeri

- ii. Bagi tahun 2014 pula, BOD berjumlah RM201.77 juta telah dikeluarkan, iaitu 1.08% daripada kutipan berjumlah RM18,617.86 juta. Seperti mana tahun 2013, CAS Negeri Sabah telah mengeluarkan BOD yang tertinggi iaitu sebanyak 4.16% daripada jumlah kutipan Cukai Dalam Negeri. Manakala bagi negeri lain, pengeluaran BOD adalah di antara 0.09% hingga 2.18% sahaja. Analisis prestasi hasil pengauditan yang dijalankan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7
ANALISIS PRESTASI HASIL PENGAUDITAN YANG
DIJALANKAN OLEH CAS BAGI TAHUN 2014

BIL.	NEGERI	BIL. PELESEN	JUMLAH KUTIPAN CUKAI DALAM NEGERI (RM Juta) (a)	BOD DIKELUARKAN		
				BIL.	NILAI (RM Juta) (b)	(%) (c) = (b) / (a)
1.	Sabah	277	198.61	52	8.26	4.16
2.	Johor	8,278	710.48	80	15.52	2.18
3.	Selangor	6,765	4,354.72	64	78.84	1.81
4.	WP Kuala Lumpur	20,224	10,547.81	213	96.12	0.91
5.	Kedah	1,447	1,279.07	52	1.73	0.14
6.	Melaka	1,532	1,527.17	25	1.30	0.09
JUMLAH		38,523	18,617.86	486	201.77	1.08

Sumber : Unit Aplikasi Cukai Dalam Negeri, Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JKDM & Laporan Prestasi CAS Negeri

- iii. Terdapat peningkatan prestasi hasil pengauditan yang dijalankan oleh CAS sebanyak 0.63% bagi 6 negeri yang dilawati bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya. CAS Negeri yang menunjukkan peningkatan ialah Selangor (1.44%), Sabah (1.24%), WP Kuala Lumpur (0.52%) dan Johor (0.13%). Manakala prestasi CAS Negeri yang menurun ialah Kedah (-0.02%) dan Melaka (-0.15%). Penjelasan lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8
ANALISIS PRESTASI KUTIPAN HASIL CUKAI BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

BIL.	NEGERI	PERATUSAN BOD DIKELUARKAN BERBANDING KUTIPAN CUKAI		
		TAHUN 2013 (%)	TAHUN 2014 (%)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
1.	Selangor	0.37	1.81	1.44
2.	Sabah	2.92	4.16	1.24
3.	WP Kuala Lumpur	0.39	0.91	0.52
4.	Johor	2.05	2.18	0.13
5.	Kedah	0.16	0.14	(0.02)
6.	Melaka	0.24	0.09	(0.15)
JUMLAH		0.45	1.08	0.63

Sumber : Laporan Prestasi CAS Negeri

Pada pendapat Audit, prestasi hasil pengauditan yang dijalankan oleh CAS di 6 negeri yang dilawati adalah baik di mana BOD berjumlah RM79.36 juta telah dikeluarkan pada tahun 2013 dan ia telah meningkat daripada RM122.41 juta (154.2%) kepada RM201.77 juta pada tahun 2014. Prestasi hasil pengauditan ini adalah berdasarkan 2,429 fail yang siap diaudit berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 2,899 fail untuk tempoh tahun 2013 dan 2014.

4.5.2. Pengurusan Pengauditan Oleh CAS Negeri

CAS berperanan untuk memastikan Cukai Dalam Negeri dipungut dengan betul dan tepat untuk mengelak kehilangan hasil melalui proses pengauditan yang sistematik dan terancang serta berkesan. Di samping itu, CAS juga bertanggungjawab untuk memastikan entiti yang dilesenkan memahami dan mematuhi perundangan perkastaman yang berkaitan. Antara fungsi utama CAS adalah seperti yang berikut:

- i. menentukan dasar dan prosedur pengauditan ke atas syarikat yang dilesenkan oleh JKDM;
- ii. melaksanakan pengauditan khas/serbuan/penggeledahan ke atas entiti bagi kes-kes aduan/maklumat yang diterima;
- iii. menjalankan *investigative audit* ke atas entiti terutama yang melakukan penyelewengan dan untuk tindakan mahkamah;
- iv. mengkaji dan menilai keberkesanan pelaksanaan prosedur dan sistem pengauditan bagi tujuan penambahbaikan;
- v. mengawasi dan menyelaraskan sistem dan aktiviti-aktiviti pengauditan di negeri-negeri dengan tujuan bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan selaras dengan matlamat yang ditetapkan; dan
- vi. mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran melalui penyampaian maklumat berhubung pelbagai bentuk kesilapan seperti pengiraan, penilaian dan penjenisan kepada pegawai CAS di negeri.

4.5.2.1. Rancangan Pengauditan Oleh CAS (Penarafan Risiko)

- a. PTPem Bil. 1 menjelaskan bahawa pengauditan hendaklah diberi tumpuan ke atas entiti yang berpotensi menyebabkan kehilangan hasil yang tinggi kepada Jabatan dan Kerajaan. Dengan itu, CAS perlu melaksanakan pengurusan risiko yang melibatkan analisis risiko, penilaian risiko dan menaraf risiko bagi memilih entiti yang wajar diberi keutamaan untuk diaudit. Teknik semasa yang perlu digunakan oleh negeri/stesen untuk penarafan risiko ialah *Risk Assessment Technique* (RAT) yang boleh dilaksanakan secara manual atau menggunakan Sistem Maklumat Kastam (SMK).
- b. RAT secara manual dilaksanakan seperti berikut:
 - i. Bagi negeri/stesen yang tidak mengaplikasikan SMK Modul Pengauditan, maka urusan penarafan risiko entiti hendaklah dijalankan secara manual;
 - ii. Entiti yang tidak tergolong dalam tahap risiko tinggi atau sederhana atas sebab-sebab tertentu, keutamaannya adalah dari segi jumlah hasil yang dijangka akan hilang sekiranya pengauditan tidak disegerakan; dan
 - iii. RAT digunakan ke atas fail entiti Cukai Jualan, Cukai Perkhidmatan, Eksais, Gudang Pengilangan Berlesen dan entiti yang menikmati kemudahan pengecualian Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967.

- c. RAT melalui SMK pula adalah seperti berikut:
- i. Penarafan tahap risiko ke atas entiti dijana (generate) secara automatik dengan menggunakan kriteria-kriteria penentuan kadar risiko mengikut jenis cukai dalam SMK; dan
 - ii. Setelah dijumlahkan markah risiko bagi setiap kriteria, tahap risiko entiti akan dapat diketahui sama ada tinggi, sederhana atau rendah. Oleh itu, entiti bertahap risiko tinggi akan diberi keutamaan untuk diaudit.
- d. Jenis industri dan perniagaan yang wujud dan juga kemudahan yang diberi antara satu negeri/stesen dengan yang lain adalah berbeza-beza. Ada kemungkinan faktor/sub-faktor yang tersenarai tidak wujud di negeri/stesen tertentu. Oleh yang demikian kriteria tersebut tidak boleh dianggap sebagai mutlak, tetapi digunakan sebagai panduan sahaja. Negeri/stesen mengikut budi bicara masing-masing boleh mengubah suai sama ada dari segi kriteria yang dipilih ataupun wajaran yang diberi kepada setiap kriteria mengikut keperluan dan keadaan setempat. Sebagai contoh, negeri/stesen tertentu boleh menggunakan jumlah nilai jualan tahunan entiti sebagai salah satu kriteria jika keadaan di negeri/stesen tersebut menunjukkan bahawa nilai jualan mempunyai kesan yang lebih besar dalam menilai tahap risiko entiti.
- e. Semakan Audit mendapati semua CAS Negeri yang dilawati tidak mengamalkan RAT (secara manual atau melalui SMK) seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Bab 5 PTPem Bil. 1. Antara kriteria pemilihan fail dibuat adalah hanya berdasarkan jumlah nilai jualan tahunan entiti/entiti yang menghantar penyata Cukai Jualan Dan Perkhidmatan No.1 (CJP1) tanpa bayaran dan maklumat risikan/arahan Ibu Pejabat atau aduan awam. **Namun begitu, tiada bukti penarafan risiko dilaksanakan terhadap fail yang dipilih untuk tujuan pengauditan.** Ini adalah kerana tiada penetapan untuk mendokumentasikan keputusan penarafan risiko sekiranya kaedah yang telah ditetapkan di dalam PTPem Bil. 1 tidak diguna pakai.

Pada pendapat Audit, rancangan pengauditan oleh CAS perlu dipertingkatkan kerana tiada bukti menunjukkan penarafan risiko dilaksanakan terhadap fail/entiti yang dipilih untuk tujuan pengauditan. Penarafan risiko dalam rancangan pengauditan adalah mustahak dilaksanakan apabila mengambil kira nisbah bilangan pegawai CAS dengan bilangan entiti yang berdaftar iaitu antara 241 hingga 375 entiti bagi setiap pegawai CAS.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 28 April 2015

- a. Proses penarafan risiko diakui tidak mengikut format berdasarkan Bab 5 PTPem Bil.1. Namun begitu, penarafan risiko secara manual yang***

dilaksanakan adalah melalui sesi perbincangan antara Ketua Bahagian/Cawangan dengan pegawai Audit (CAS). Pemilihan fail untuk diaudit dibuat berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i. syarikat yang gagal mengemukakan penyata CJP1 bagi 3 tempoh bercukai;*
 - ii. syarikat yang kerap mengemukakan penyata tanpa bayaran;*
 - iii. syarikat yang melakukan kesalahan yang sama berdasarkan pengauditan yang sebelumnya;*
 - iv. syarikat tidak pernah diaudit setelah dilesenkan melebihi 3 tahun;*
 - v. syarikat yang berisiko tinggi;*
 - vi. trend bayaran; dan*
 - vii. pareto 80/20.*
- b. Bahagian Pengurusan Pematuhan telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan mengeluarkan surat arahan Pelaksanaan Audit Meja melalui surat bertarikh 13 Mac 2015. Pelaksanaan Audit Meja ini merupakan proses pemilihan fail yang akan dijadualkan bagi tujuan pengauditan. Bahagian Pematuhan Negeri dikehendaki untuk melaporkan kepada Bahagian Pengurusan Pematuhan, Ibu Pejabat melalui Penyata CAS 10.*
- c. Mulai April 2015, dalam era sistem pencukai GST (Cukai Barangan Dan Perkhidmatan), Jabatan telah mengambil tindakan penambahbaikan untuk perancangan pengauditan dengan menggunakan 'Risk Engine Discovery' dalam sistem MyGST.*

4.5.2.2. Pelaksanaan Pengauditan Oleh CAS

- a. Antara tugas dan tanggungjawab utama pegawai CAS adalah seperti yang berikut:
 - i. menjalankan pengauditan berprogram/operasi khas terhadap entiti;
 - ii. mengesan dan melaporkan sebarang bentuk penyelewengan serta mengambil tindakan mengatasinya;
 - iii. menyediakan laporan pengauditan yang berkualiti dan komprehensif;
 - iv. menuntut kekurangan duti/cukai yang dikesan;
 - v. memberi khidmat nasihat, maklumat, keperluan/prosedur undang-undang semasa pengauditan; dan
 - vi. memastikan keselamatan rekod/dokumen/ekshibit pengauditan yang berkaitan.
- b. Sebelum membuat lawatan/pengauditan, Bab 6 PTPem Bil. 1 menetapkan pegawai CAS hendaklah:
 - i. mendapatkan surat kuasa daripada Ketua Cawangan untuk menjalankan pengauditan;
 - ii. menyediakan surat untuk mengambil buku, rekod dan dokumen bagi tujuan pengauditan; dan

- iii. menyediakan senarai semak bagi memudahkan pengauditan dan mengenal pasti kesalahan awal entiti. Pegawai CAS boleh menggunakan pendekatan jejak audit (audit trail) bagi menyemak transaksi mengikut kesesuaian untuk melicinkan tugas pengauditan. Jejak audit merupakan kronologi yang mengandungi bukti langsung berkaitan dengan hasil pelaksanaan suatu proses perniagaan atau fungsi sistem.
- c. Semasa lawatan dan pengauditan dijalankan, Bab 7 PTPem Bil. 1 menetapkan pegawai CAS dikehendaki melengkapkan senarai semak atau lampiran yang berkaitan dan mengemukakannya bersama laporan pengauditan. Lampiran yang berkaitan adalah seperti berikut:
- i. Lampiran A1 - Senarai semak ke atas entiti di bawah Akta Cukai Jualan 1972;
 - ii. Lampiran A2 - Senarai semak ke atas entiti di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975;
 - iii. Lampiran A3 - Senarai semak ke atas entiti di bawah seksyen 14(2) Akta Kastam 1967;
 - iv. Lampiran A4 - Senarai semak ke atas entiti Lesen Gudang Pengilangan Berlesen; dan
 - v. Lampiran A5 - Senarai semak ke atas entiti di bawah Akta Eksais 1976.
- d. Manakala bagi tindakan terakhir pengauditan, Bab 8 PTPem Bil. 1 menetapkan pegawai CAS dikehendaki memastikan laporan pengauditan yang telah siap hendaklah mengandungi maklumat lengkap hasil pengauditan yang telah dijalankan dan mencatat dengan jelas segala tindakan yang telah dan akan diambil. Semua lampiran dan dokumen sokongan hendaklah disusun dengan teratur. Kes-kes yang melibatkan tuntutan atau siasatan, satu kronologi kes dan rakaman kenyataan hendaklah disediakan.
- e. Pihak Audit telah memilih sebanyak 147 fail (entiti) yang terdiri daripada 112 fail yang telah siap diaudit oleh CAS dan 35 fail yang sedang diaudit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.9
BILANGAN FAIL (ENTITI) YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL AUDIT

BIL.	NEGERI	BILANGAN ENTITI YANG DISEMAK			JUMLAH
		CUKAI PERKHIDMATAN	CUKAI JUALAN	LAIN-LAIN	
1.	WP Kuala Lumpur	9	-	-	9
2.	Sabah*	12	-	-	12
3.	Melaka	20	5	2	27
4.	Kedah	24	1	1	26
5.	Johor	19	13	3	35
6.	Selangor	15	23	-	38
JUMLAH		99	42	6	147

Nota : () - Bilangan Sampel Ejen Disemak Hanya Untuk Stesen Kota Kinabalu, Sabah Sahaja Dan Tidak Termasuk Stesen Sandakan*

- f. Hasil semakan Audit terhadap pelaksanaan pengauditan oleh CAS mendapati perkara berikut:
- i. Surat kuasa daripada Ketua Cawangan telah dikeluarkan untuk menjalankan pengauditan.
 - ii. Surat untuk mengambil buku, rekod dan dokumen bagi tujuan pengauditan telah dikeluarkan.
 - iii. Bagaimanapun, prosedur **menyediakan senarai semak sebelum (Bab 6 PTPem Bil. 1) dan semasa pengauditan (Bab 7 PTPem Bil. 1) tidak dipatuhi**. Ini disebabkan setiap pegawai CAS mempunyai cara pengurusan fail pengauditan yang berbeza-beza. Secara langsung ini memberi kesan terhadap keseragaman penyediaan fail Audit dan proses penyeliaan fail Audit.
 - iv. Prosedur Bab 8 PTPem Bil. 1 iaitu Tindakan Terakhir Pengauditan telah dipatuhi di mana semua laporan pengauditan disediakan dengan lengkap serta jelas menunjukkan segala tindakan susulan yang telah/akan diambil. Hasil pengauditan termasuk keberkesannya juga dibentangkan kepada pihak pengurusan atasan JKDM untuk dilaporkan dalam Laporan Tahunan JKDM.

Pada pendapat Audit, pengauditan telah dilaksanakan oleh CAS dengan baik kecuali prosedur menyediakan senarai semak sebelum dan semasa pengauditan dijalankan di mana setiap pegawai CAS mempunyai cara pengurusan fail pengauditan yang berbeza-beza.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 28 April 2015

- a. *JKDM mengakui penemuan Audit di atas perkara ini dan Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat arahan agar pegawai Audit CAS mematuhi penggunaan format senarai semak sebelum pengauditan sebagaimana ditetapkan dalam Bab 6, PTPem Bil. 1.*
- b. *Bagaimanapun, penggunaan format senarai semak semasa pengauditan telah digugurkan kerana maklumat di dalam senarai semak ini adalah sama dengan maklumat dalam format laporan pengauditan Lampiran E di dalam Bab 8, PTPem Bil 1. Pegawai Audit CAS akan terus merekodkan maklumat seperti mana maklumat senarai semak tersebut dalam format laporan pengauditan Lampiran E kerana pegawai Audit telah dibekalkan dengan komputer riba untuk digunakan semasa pengauditan.*

4.5.2.3. Keselamatan Fail Dan Dokumen Yang Diambil Dari Entiti

- a. PTPem Bil. 1 menetapkan bahawa pegawai CAS perlu menjamin keselamatan rekod/dokumen yang dipertanggungjawabkan bagi menjaga imej jabatan, kredibiliti pegawai dan kerahsiaan entiti. Setiap pegawai CAS adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan rekod/dokumen asal yang diterima/diambil dari entiti disimpan di tempat yang selamat dan jika perlu membuat salinan fotostat yang disahkan oleh entiti. Sebarang kehilangan rekod/dokumen hendaklah dilaporkan kepada Ketua Cawangan dan membuat laporan polis dengan segera. Pegawai CAS hendaklah melabel kotak yang berisi rekod/dokumen sebelum diserahkan kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan menjaga stor cawangan dengan butir-butir berikut:
 - i. Nama/jawatan pegawai CAS;
 - ii. Nama entiti dan jenis lesen;
 - iii. Tarikh terima dari entiti;
 - iv. Jenis/kuantiti rekod/dokumen; dan
 - v. Tempoh diliputi.
- b. Ketua Cawangan hendaklah melantik seorang pegawai yang bertanggungjawab ke atas keselamatan rekod/dokumen yang disimpan di dalam stor cawangan. Rekod/dokumen yang hendak disimpan perlu didaftarkan dengan butir-butir seperti berikut:
 - i. Nama/jawatan pegawai CAS;
 - ii. Tarikh terima dari pegawai CAS;
 - iii. Kuantiti;
 - iv. Catatan pergerakan dokumen;
 - v. Tarikh diambil oleh nama, nombor kad pengenalan, tanda tangan dan jawatan pegawai yang menerima; dan
 - vi. Nama, nombor kad pengenalan, jawatan dan tandatangan pegawai yang menyerah.
- c. Semakan Audit terhadap 6 CAS Negeri yang telah dilawati mendapati rekod/dokumen asal yang diterima/diambil dari entiti telah didaftarkan dengan teratur serta disimpan di tempat yang selamat. Di samping itu, pegawai stor telah dilantik dan kotak yang berisi rekod/dokumen telah dilabel dan disusun dengan teratur. Namun begitu, disebabkan dokumen yang disimpan terlalu banyak, CAS Melaka dan Kedah terpaksa memanfaatkan kuarters jabatan dan ruangan simpanan inventori sebagai stor sementara. Penjelasan lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 4.10
KESELAMATAN FAIL DAN DOKUMEN YANG DIAMBIL DARI ENTITI

BIL.	NEGERI	LOKASI	KEADAAN
1.	WP KL	Stor Dokumen	Kotak Yang Berisi Rekod/Dokumen Telah Dilabel Dan Disusun Dengan Teratur.
2.	Melaka	Stor Dokumen 1	Kotak Yang Berisi Rekod/Dokumen Telah Dilabel Dengan Teratur.
		Stor Dokumen 2	Unit Kuarters Dijadikan Stor Sementara. (Gambar 4.1 dan 4.2)
3.	Kedah	Stor Dokumen 1	Dokumen Pengauditan Disimpan Bersama Peralatan/Inventori Lain. (Gambar 4.3 dan 4.4)
		Stor Dokumen 2	Kotak Yang Berisi Rekod/Dokumen Telah Dilabel Dan Disusun Dengan Teratur.
4.	Sabah	Stor Dokumen	Kotak Yang Berisi Rekod/Dokumen Telah Dilabel Dan Disusun Dengan Teratur.
5.	Johor	Stor Dokumen	Kotak Yang Berisi Rekod/Dokumen Telah Dilabel Dan Disusun Dengan Teratur. (Gambar 4.5 dan 4.6)
6.	Selangor	Stor Dokumen	- Kotak Yang Berisi Rekod/Dokumen Telah Dilabel Dan Disusun Dengan Teratur. (Gambar 4.7 dan 4.8) - Dokumen Disimpan Di Dalam Bilik Berjeriji. (Gambar 4.9 dan 4.10)

GAMBAR 4.1



GAMBAR 4.2



*Cawangan Auditan Syarikat (CAS), JKDM Melaka
- Kuarters Dijadikan Stor Sementara Bagi Menyimpan Dokumen
(09.09.2014)*

GAMBAR 4.3



GAMBAR 4.4



*CAS JKDM Kedah (Stor Dokumen No. 1)
- Dokumen Pengauditan Kertas Kerja Audit Disimpan Bersama Peralatan/Inventori Lain
(23.09.2014)*

GAMBAR 4.5



CAS JKDM Johor
- Dokumen Pengauditan Disusun Dan Dilabel
(15.10.2014)

GAMBAR 4.6



GAMBAR 4.7



CAS JKDM Selangor
- Dokumen Pengauditan Disusun Dan Dilabel
(30.10.2014)

GAMBAR 4.8



GAMBAR 4.9



CAS JKDM Selangor
- Dokumen Kertas Kerja Audit Disimpan Di Dalam Bilik Berjeriji
(30.10.2014)

GAMBAR 4.10



Pada pendapat Audit, keselamatan fail dan dokumen yang diambil untuk pengauditan dari entiti telah didaftar dengan teratur dan disimpan dengan baik dan selamat.


4.5.3. Struktur Pengurusan

JKDM hendaklah mempunyai satu struktur pengurusan yang berkesan dari segi mewujudkan satu struktur organisasi; mempunyai sumber manusia yang mencukupi; menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lengkap dan kemas kini; serta menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang relevan. Hasil semakan Audit terhadap 4 elemen struktur pengurusan tersebut adalah seperti yang berikut:

4.5.3.1. Struktur Organisasi

- a. Bahagian Pengurusan Pematuhan (BPP) telah diwujudkan pada 16 Ogos 2008. Bahagian ini terdiri daripada Cawangan Auditan Syarikat (CAS), Cawangan Pasca Import (CAPI) dan Cawangan Pendidikan Masyarakat Dan Pelanggan yang berada di bawah Aktiviti Penguatkuasaan dan Pematuhan. Aktiviti ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan) yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Kastam. Di peringkat BPP, ia diketuai oleh Pengarah Bahagian gred JUSA C manakala CAS Ibu Pejabat diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian gred W54. CAS juga wujud di semua Bahagian Penguatkuasaan dan Pematuhan Negeri. Struktur organisasi Bahagian Pengurusan Pematuhan Ibu Pejabat adalah seperti gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 4.1
STRUKTUR ORGANISASI
BAHAGIAN PENGURUSAN PEMATUHAN IBU PEJABAT**



Sumber : JKDM

- b. Didapati CAS Ibu Pejabat dan 6 negeri yang dilawati mempunyai struktur organisasi yang baik. Semua negeri yang dilawati mempunyai bilangan pegawai yang bersesuaian kecuali Negeri Selangor yang mempunyai kekosongan jawatan tertinggi iaitu 35 (61.4%) daripada 57 perjawatan yang diluluskan. Bilangan perjawatan yang menyokong struktur organisasi di CAS negeri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11
BILANGAN PERJAWATAN DAN PENGISIAN PEGAWAI KASTAM
DI CAS NEGERI YANG DILAWATI

BIL.	NEGERI	BILANGAN PERJAWATAN DILULUSKAN	BILANGAN JAWATAN YANG DIISI	PERBEZAAN	
				BIL.	(%)
1.	Selangor	57	22	35	61.4
2.	Johor	44	33	11	25.0
3.	Melaka	6	5	1	16.7
4.	WP Kuala Lumpur	60	54	6	10.0
5.	Sabah	11	11	-	-
6.	Kedah	6	6	-	-

Sumber : Carta Organisasi Di CAS Negeri

4.5.3.2. Sumber Manusia

- a. Sumber manusia yang mencukupi serta bersesuaian dengan beban tugas perlu bagi memastikan CAS dapat melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan dengan berkesan. Bagi membolehkan pihak Audit menilai bebanan kerja pegawai di CAS, perbandingan telah dibuat antara bilangan jawatan pegawai CAS yang diisi dengan bilangan entiti yang berdaftar. Adalah didapati nisbah bilangan pegawai CAS dengan bilangan entiti yang berdaftar dan masih aktif adalah di antara 241 hingga 375 entiti bagi setiap pegawai CAS. Tempoh masa yang perlu diambil oleh CAS Negeri untuk membuat pengauditan pusingan lengkap melibatkan semua entiti adalah di antara 12 hingga 18 tahun. Pengagihan sumber manusia dan beban kerja CAS serta gred Ketua CAS di 6 negeri yang dilawati adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.12
NISBAH ANTARA BILANGAN PEGAWAI CAS DENGAN
BILANGAN ENTITI YANG BERDAFTAR DI CAS NEGERI YANG DILAWATI

BIL.	NEGERI	PENGISIAN JAWATAN	GRED KETUA CAS	BILANGAN ENTITI (AKTIF)	NISBAH	TEMPOH PENGAUDITAN PUSINGAN LENGKAP (Tahun)
1.	WP Kuala Lumpur	54	W52	20,224	1 : 375	18
2.	Sabah	11	W48	3,828	1 : 348	17
3.	Selangor	22	W48	6,765	1 : 308	15
4.	Melaka	5	W48	1,532	1 : 306	15
5.	Johor	33	W52	8,278	1 : 251	12
6.	Kedah	6	W48	1,447	1 : 241	12

Sumber : Carta Organisasi Di CAS Negeri & Unit Aplikasi Cukai Dalam Negeri, Bahagian Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JKDM

- b. Latar belakang akademik yang bersesuaian adalah penting bagi memastikan kerja pengauditan dapat dilaksanakan dengan efektif. Semakan Audit mendapati pegawai CAS yang menjalankan kerja pengauditan mempunyai kelulusan akademik yang bersesuaian dan berkaitan. Seramai 68 (71.6%) daripada 95 pegawai CAS adalah berkelulusan perakaunan. Kelulusan akademik pegawai CAS mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.13
KELULUSAN AKADEMIK PEGAWAI CAS**

BIL.	NEGERI	BIL. PEGAWAI CAS	KELULUSAN AKADEMIK					
			SARJANA BUKAN PERAKAUNAN	CIMA	SARJANA MUDA PERAKAUNAN	SARJANA MUDA BUKAN PERAKAUNAN	DIPLOMA PERAKAUNAN	DIPLOMA BUKAN PERAKAUNAN
1.	WP Kuala Lumpur	42	3	1	35	3	-	-
2.	Johor	20	1	-	15	3	1	-
3.	Selangor	15	3	-	6	6	-	-
4.	Kedah	10	-	-	5	2	1	2
5.	Sabah	5	-	-	2	3	-	-
6.	Melaka	3	1	-	2	-	-	-
JUMLAH		95	8	1	65	17	2	2

Sumber : Laporan Prestasi CAS Negeri

4.5.3.3. Perundangan/Garis Panduan Auditan Syarikat

- a. PTPem Bil. 1 yang dikeluarkan pada tahun 2011 menggariskan kaedah pengauditan terhadap syarikat. Perintah Tetap Pematuhan Bil. 2 : Mekanisme Pemantauan Tempoh Pengauditan/Siasatan (PTPem Bil. 2) yang dikeluarkan pada tahun yang sama pula menjelaskan mekanisme pemantauan bagi menetapkan tempoh masa sesuatu fail pengauditan/siasatan perlu disiapkan oleh pegawai CAS/siasatan melalui pemantauan dan bimbingan secara berterusan oleh pegawai penyelia. PTPem Bil. 2 hendaklah dipatuhi bagi memastikan hasil pengauditan/siasatan terhadap syarikat dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkualiti. Kedua-dua perintah tetap pematuhan yang dikeluarkan ini merupakan panduan bagi pegawai CAS melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan.
- b. Semakan Audit mendapati PTPem Bil. 1 sedang dipinda dan masih dalam proses untuk dimuktamadkan kepada perintah yang baru. Pindaan yang sedang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

**JADUAL 4.14
PINDAAN PADA PTPEM BIL. 1**

BIL.	ISI KANDUNGAN	PINDAAN (SEDANG DALAM TINDAKAN)
1.	BAB 1 : Pengenalan	Kekal
2.	BAB 2 : Pentadbiran	Kekal
3.	BAB 3 : Dasar Kualiti Audit Dan Etika Pegawai Audit	Kekal
4.	BAB 4 : Perakaunan	Kekal

BIL.	ISI KANDUNGAN	PINDAAN (SEDANG DALAM TINDAKAN)
5.	BAB 5 : Penarafan Risiko Entiti Yang Diaudit Pengauditan	Dikeluarkan
6.	BAB 6 : Tindakan Sebelum Pengauditan	Akan menjadi BAB 5
7.	BAB 7 : Tindakan Semasa Lawatan/Pengauditan	Akan menjadi BAB 6
8.	BAB 8 : Tindakan Terakhir Pengauditan	Akan menjadi BAB 7
9.	BAB 9 : Penyiasatan, Pendakwaan Dan Kompauan	Dikeluarkan – PTPem Bil. 5, Prosedur Siasatan dan serahan kes kriminil dan sivil

Sumber : JKDM

4.5.3.4. Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)

Penggunaan ICT yang relevan adalah penting bagi melancarkan dan memudahkan kerja pengauditan yang dijalankan oleh pegawai CAS. Semakan Audit terhadap CAS di 6 negeri yang dilawati mendapati pegawai CAS menggunakan *MS Excel* sebagai *Computer-Assisted Audit Tools & Techniques* (CAATTs) bagi membantu pengauditan. Maklumat kewangan yang diperolehi daripada entiti yang besar dan mempunyai transaksi yang banyak adalah dalam bentuk *hardcopy*. Pegawai CAS akan memasukkan maklumat tersebut ke dalam *MS Excel* bagi membuat analisis trend, pengiraan cukai kurang bayar dan merumuskan nilai BOD yang akan dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan yang berkesan telah diwujudkan bagi memastikan pengurusan pengauditan ke atas entiti dapat dilaksanakan dengan efektif. Ianya berasaskan perkara seperti JKDM telah mewujudkan satu struktur organisasi CAS yang baik; memastikan pegawai mempunyai latar belakang akademik yang bersesuaian; menyediakan garis panduan/penambahbaikan yang bersesuaian; serta menggunakan *Computer-Assisted Audit Tools & Techniques* (CAATTs) bagi membantu pengauditan.

4.5.4. Pemantauan

4.5.4.1. Pengurusan Dan Pemantauan CAS Ibu Pejabat

- a. Antara fungsi utama CAS Ibu Pejabat adalah seperti berikut:
 - i. mengumpul maklumat aktiviti pengauditan negeri dan membuat analisis prestasi;
 - ii. memantau prestasi audit negeri agar selaras dengan perancangan tahunan/Program Pengauditan Tahunan;
 - iii. memastikan negeri atau stesen menjalankan tugas pengauditan memenuhi standard dan kualiti audit;
 - iv. menjalankan kajian kes dan menyediakan 'Ringkasan Kes' dan *Important Judgements* bagi tujuan menyalur maklumat sebagai panduan kepada negeri;

- v. memproses tuntutan melebihi RM3 juta (JUSA)/RM1 juta (bukan JUSA) dan rayuan remisi untuk dimajukan ke Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan Dan Pematuhan);
 - vi. memantau prestasi negeri bagi mencapai KPI;
 - vii. mengadakan *Round Table Discussion* (RTD) dengan pegawai CAS Negeri dan entiti;
 - viii. mengenal pasti keperluan latihan dan memantau pelaksanaan latihan untuk semua pegawai CAS;
 - ix. mengkaji dan menilai pelaksanaan prosedur pengauditan bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa; dan
 - x. membuat naziran dan *post* naziran ke negeri/stesen.
- b. Semakan Audit mendapati pengurusan dan pemantauan CAS Ibu Pejabat telah dilaksanakan dengan baik dan teratur.

4.5.4.2. Tempoh Pengauditan Lanjutan

- a. PTPem Bil. 2 menjelaskan bahawa pengauditan hendaklah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pegawai CAS menerima fail daripada pegawai penyelia. Sekiranya pegawai CAS menerima fail secara pukal untuk tempoh setahun, maka adalah menjadi tanggungjawab pegawai CAS untuk menyediakan jadual pengauditan bulanan fail-fail tersebut. Oleh itu, tarikh penerimaan fail adalah berdasarkan jadual pengauditan bulanan tersebut. Sekiranya pengauditan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 3 bulan, pegawai CAS hendaklah mengemukakan permohonan Sijil Pengauditan/Siasatan Lanjutan (SPSL) dalam tempoh 7 hari sebelum tamat tempoh 3 bulan bagi mendapatkan kelulusan daripada Penolong Kanan Pengarah Kastam (PKPK) sebagai pegawai penyelia, Ketua Bahagian dan seterusnya Pengarah Kastam Negeri (PKN). Setelah berpuas hati dengan justifikasi yang diberi oleh pegawai CAS, SPSL akan dikeluarkan kepada pegawai CAS untuk meneruskan pengauditan/siasatan. SPSL ini hendaklah dicop pada kertas minit dalam fail pengauditan selepas keratan bilangan minit yang terakhir.
- b. Pegawai yang diberi kuasa untuk mempertimbangkan perlanjutan tempoh pengauditan serta tempoh maksimum perlanjutan yang dibenarkan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.15
PEGAWAI YANG DIBERI KUASA MELULUSKAN DAN TEMPOH PERLANJUTAN

PERINGKAT	PEGAWAI YANG DIBERI KUASA MELULUSKAN			TEMPOH MAKSIMUM (Bulan)
	NEGERI JUSA	NEGERI W54	IBU PEJABAT	
SPSL Pertama	PKPK (Penyelia)/ Ketua Stesen	PKPK (Penyelia)/ Ketua Stesen	PKPK	2
SPSL Kedua	Ketua Bahagian	Ketua Bahagian	Timbalan Pengarah	1
SPSL Ketiga dan seterusnya	PKN	PKN	Pengarah	Budi Bicara

Sumber : Perintah Tetap Pematuhan Bil. 2, JKDM

- c. Semakan Audit terhadap 112 fail pengauditan yang telah siap mendapati:
- i. CAS Melaka dapat menyelesaikan pengauditan dalam tempoh 3 bulan.
 - ii. CAS WP Kuala Lumpur dan CAS Sabah telah mematuhi SPSL yang ditetapkan.
 - iii. Sebanyak 34 kes (30.4%) yang tiada kelulusan SPSL (Pertama, Kedua atau Ketiga dan seterusnya) di CAS Kedah, Johor dan Selangor iaitu tiada cop pada kertas minit di dalam fail pengauditan selepas keratan bilangan minit yang terakhir.
 - iv. Kelulusan SPSL di CAS Kedah tidak mematuhi kuasa untuk mempertimbangkan perlanjutan tempoh pengauditan. Daripada 21 fail pengauditan yang disemak, terdapat kes di mana PKPK II CAS Negeri Kedah telah meluluskan permohonan SPSL peringkat ketiga bagi satu entiti yang sepatutnya diluluskan oleh PKN. Namun begitu, PKN telah menurunkan kuasa kelulusan SPSL kepada Ketua Bahagian pada 5 Januari 2013.

Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 28 April 2015

JKDM mengakui penemuan Audit di atas perkara ini dan Bahagian Pengurusan Pematuhan Ibu Pejabat telah mengambil tindakan serta-merta dengan mengeluarkan surat arahan bertarikh 17 Februari 2015 kepada semua negeri agar mematuhi PTPem Bil 5 - Mekanisme Pemantauan Pengauditan yang telah dikeluarkan bagi menggantikan PTPem Bil 2 - Mekanisme Pemantauan Tempoh Pengauditan/Siasatan.

4.5.4.3. Pengurusan ABT

- a. Unit Akaun Belum Terima (ABT), CAS Negeri/Stesen adalah bertanggungjawab untuk:
 - i. mengumpul dan menyelaras maklumat ABT;

- ii. memantau penyata dan mengambil tindakan susulan serta menyediakan penyata-penyata yang disatukan;
 - iii. membuat analisis prestasi ABT; dan
 - iv. menyelia serta memantau ABT dan pembayaran tunggakan hasil secara bayaran ansuran bulanan selaras dengan Perintah Tetap Kewangan Bil. 3 : ABT (PTKew Bil. 3) & Bil. 6 : Pembayaran Tunggakan Hasil Secara Bayaran Ansuran (PTKew Bil. 6).
- b. Semakan Audit terhadap pengurusan ABT oleh CAS Negeri yang dilawati mendapati:
- i. Semua CAS Negeri telah menyelenggara buku/daftar BOD, buku/daftar penyelesaian bayaran ansuran dan buku/daftar penyelesaian ABT.
 - ii. Kelulusan ansuran telah diberi berdasarkan kelayakan entiti dan diluluskan oleh PKN sahaja.
 - iii. Pembayaran ansuran direkodkan dan dikawal selia dengan baik.
 - iv. Sehingga akhir tahun 2014, baki ABT yang dikendalikan oleh 6 CAS Negeri adalah berjumlah RM247.81 juta (termasuk dalam tindakan hapus kira berjumlah RM2.01 juta).
 - v. Secara umumnya, tindakan menggesa siberhutang melibatkan ABT berjumlah RM128.04 juta (51.67%) dan bayaran ansuran bagi ABT berjumlah RM97.43 juta (39.32%) merupakan tindakan susulan yang mempunyai baki ABT yang tertinggi. Butiran lanjut mengenai status tindakan susulan dan baki ABT setakat akhir tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.16
ANALISIS TINDAKAN TERHADAP ABT CAS NEGERI YANG DILAWATI
SETAKAT AKHIR TAHUN 2014

STATUS TINDAKAN	BAKI ABT	
	(RM)	(%)
Menggesa Siberhutang	128,035,762.52	51.67
Ansuran (Termasuk Arahan Mahkamah)	97,432,717.76	39.32
Dalam Kajian Sivil/Kriminal	14,574,546.43	5.88
Insolvensi/Penggulungan/Tindakan Hapus Kira	4,025,072.74	1.62
Rayuan Remisi/Ke Ibu Pejabat/Kajian Semua	2,067,331.00	0.83
Tindakan Sivil/Kriminal (Telah Daftar)	1,584,846.75	0.64
Senarai Hitam	63,480.10	0.03
Tindakan Mahkamah	26,840.00	0.01
JUMLAH	247,810,597.30	100.00

Sumber : Analisis Laporan ABT CAS Ibu Pejabat, JKDM

Pada pendapat Audit, pemantauan CAS secara keseluruhannya adalah memuaskan di mana pemantauan CAS Ibu Pejabat dan pengurusan ABT peringkat CAS Negeri telah dilaksanakan dengan teratur. Bagaimanapun, pemantauan terhadap tempoh menyiapkan pengauditan dan kelulusan perlanjutan tempoh pengauditan tidak diuruskan dengan teratur di CAS Negeri Johor, Kedah dan Selangor.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Cawangan Auditan Syarikat dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan di seluruh negara, adalah disyorkan supaya JKDM memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perkara seperti berikut:

- 4.6.1. memastikan prestasi pencapaian KPI CAS untuk semua negeri mencapai sasaran yang ditetapkan melalui pemantauan yang lebih efektif;
- 4.6.2. mengemas kini penetapan penarafan risiko di dalam PTPem Bil. 1 dan memastikan penarafan risiko dalam pemilihan entiti untuk diaudit kerana penarafan risiko adalah mustahak apabila mengambil kira nisbah bilangan pegawai CAS dengan bilangan entiti yang berdaftar ialah antara 241 hingga 375 entiti bagi setiap pegawai CAS;
- 4.6.3. memastikan prosedur pengauditan dalam menyediakan senarai semak sebelum dan semasa pengauditan diamalkan oleh semua CAS Negeri seperti mana yang ditetapkan;
- 4.6.4. memantau semua CAS Negeri dalam aspek tempoh menyiapkan pengauditan serta memastikan kelulusan perlanjutan tempoh pengauditan diuruskan dengan teratur; dan
- 4.6.5. memandangkan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST) telah dilaksanakan mulai 1 April 2015 dan nama CAS telah berubah kepada Cawangan Auditan GST, kesemua syor Audit hendaklah diambil kira bagi memastikan pengauditan GST dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

5. PROJEK NKEA PERTANIAN : EPP 6 - REPLIKASI IZAQ

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Bidang Ekonomi Utama Negara/*National Key Economic Area* (NKEA) bagi Pertanian dilaksanakan melalui 16 Projek Permulaan/*Entry Point Project* (EPP). Salah satu daripadanya adalah EPP 6 - *Replicating Integrated Zone for Aquaculture Model* (IZAQ) yang dilaksanakan mulai tahun 2011 dan sasarannya sehingga menjelang tahun 2020. IZAQ merupakan model akuakultur di darat yang disokong oleh syarikat-syarikat peneraju yang kukuh iaitu syarikat yang mempunyai pengalaman pengoperasian ladang akuakultur udang sekurang-kurangnya 3 tahun. Komponen projek IZAQ terdiri dari infrastruktur asas (bund, pond, jalan, utiliti dan regulatory requirements), infrastruktur sokongan (research and development (R & D)), *skills development centre, broodstock and production hatchery*, infrastruktur kritikal (seawater/freshwater intake and treatment pond and reservoir) dan menaiktaraf fasiliti ladang dari segi biosekuriti untuk memenuhi keperluan negara pengimport *European Union* (EU).

5.1.2. Objektif IZAQ menjelang tahun 2020 adalah untuk menghasilkan 100,000 tan metrik/*metric tonne* (mt) udang berkualiti tinggi yang diiktiraf sepenuhnya untuk pasaran premium dan eksport dengan kawasan tanah berkeluasan 10,000 hektar; menjana Pendapatan Negara Kasar/*Gross National Income* (GNI) berjumlah RM1.383 bilion; dan mewujudkan 11,900 peluang pekerjaan baru.

5.1.3. Pelaburan bagi setiap projek IZAQ dibiayai oleh Kerajaan tidak melebihi 30% daripada jumlah kos projek dan bakinya (70% atau lebih) dibiayai sendiri oleh syarikat peneraju. Berdasarkan 30% tersebut, Kerajaan akan membayar kepada syarikat peneraju dalam 2 peringkat iaitu 70% akan dibayar berdasarkan kemajuan kerja di peringkat pembinaan infrastruktur/*pre-production* yang berasaskan imbuhan balik pelaburan sebenar syarikat peneraju. Manakala bakinya 30% akan hanya dibayar di peringkat pengeluaran udang berdasarkan Penunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan bagi 2 tahun tertentu.

5.1.4. Mulai tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 11 kontrak telah ditandatangani antara Kerajaan dengan 10 syarikat peneraju melibatkan 11 projek penternakan udang/ikan laut dan pusat penetasan/*hatchery centre*. Kos keseluruhan projek IZAQ adalah berjumlah RM2.142 bilion dan kuantum insentif pembiayaan diluluskan berjumlah RM518.63 juta. Perihal projek IZAQ mulai tahun 2011 hingga 2014 dan kontrak yang telah ditandatangani adalah seperti **Jadual 5.1** dan **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.1
PERIHAL PROJEK IZAQ

BIL.	NAMA PROJEK	LOKASI	SYARIKAT PENERAJU	JUMLAH KOS PROJEK (RM)	KELUASAN TANAH (Hektar)
1.	<i>Pegagau Integrated Grouper Project</i>	Umas-Umas, Kalabakan, Sabah	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	77,010,000	121.00
2.	Kompleks Akuakultur Selinsing	Mukim Selinsing, Kerian, Perak	Hannan Corporation Sdn. Bhd.	70,880,000	121.00
3.	Cadangan Pembangunan Pusat Pengeluaran Benih Udang Laut 'Specific Pathogen Free' (SPF) Di Atas Lot PT14753, 2692 & 2693	Kampung Telaga Putat, Setiu, Terengganu	Blue Archipelago Berhad	256,000,000	9.83
4.	<i>Integrated Aquaculture Shrimp Project In Johor - Part of PTD 4827</i>	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	57,000,000	414
5.	<i>Development of Integrated Aquaculture Park</i>	Sungai Telaga, Pitas, Sabah	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	963,641,012	2,200*
6.	<i>Infrastructure Facilities Development for Aquaculture Farm in AIZ</i>	Kg. Pulau Permatang Pauh, Pekan, Pahang	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	146,900,000	242
7.	<i>Infrastructure Facilities Development for Project Flow-through Aquaculture System (FAS)</i>	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	RE Millennium Sdn. Bhd.	80,576,000	60
8.	<i>Proposed Integrated Aquaculture Development</i>	Kg. Rampayan Ulu, Kota Belud, Sabah	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	21,730,000	40.44
9.	<i>Integrated Aquaculture Shrimp Project In Penang</i>	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	82,396,000	4.04
10.	<i>Integrated Aquaculture Shrimp Project In Johor</i>	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.	103,635,064	161.87
11.	<i>Pulau Gula Aquaculture Complex and Bachok Hatchery Complex Development Projects</i>	Pulau Gula, Kerian, Perak Dan Bachok, Kelantan	Hannan Corporation Sdn. Bhd.	282,336,604.90	338.4
JUMLAH				2,142,104,680.90	3,712.58

Sumber : Department Of Fisheries (DOF)

Nota : (*) - Setakat Kini Jabatan Tanah Dan Ukur, Sabah Telah Meluluskan Tanah Seluas 1,618.74 Hektar

JADUAL 5.2
PERIHAL KONTRAK IZAQ DAN PEMBIAYAANNYA

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	TARIKH KONTRAK DIMETERAI	JUMLAH KOS PROJEK (RM)	JUMLAH PEMBIAYAAN			PERINGKAT PEMBIAYAAN KERAJAAN (RM)	
				SYARIKAT PENERAJU (RM)	KERAJAAN		PRE-PRODUCTION (70%)	POST-PRODUCTION (30%)
					(RM)	(%)		
1.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	Oktober 2011	77,010,000	67,700,000	9,310,000	12.09	6,517,000	2,793,000
2.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Selinsing)	18.10.2011	70,880,000	50,000,000	20,880,000	29.46	14,616,000	6,264,000
3.	Blue Archipelago Berhad	25.06.2012	256,000,000	232,870,000	23,130,000	9.04	16,191,000	6,939,000
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	10.12.2012	57,000,000	53,050,171	3,949,829	6.93	2,764,880	1,184,949
5.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	12.12.2012	963,641,012	695,419,012	268,222,000	27.83	187,755,400	80,466,600
6.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	07.06.2013	146,900,000	105,200,000	41,700,000	28.39	29,190,000	12,510,000
7.	RE Millennium Sdn. Bhd.	20.09.2013	80,576,000	56,403,200	24,172,800	30	16,920,960	7,251,840
8.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	13.02.2014	21,730,000	15,430,000	6,300,000	28.99	4,410,000	1,890,000
9.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	13.02.2014	82,396,000	73,023,000	9,373,000	11.38	6,561,100	2,811,900
10.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.	13.02.2014	103,635,064	65,788,664	37,846,400	36.52		
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Gula & Bachok)	01.07.2014	282,336,604.90	208,586,605	73,750,000	26.12	51,625,000	22,125,000
JUMLAH			2,142,104,680.90	1,623,470,652	518,634,029	-	363,043,820	155,590,209

Sumber : DOF

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek IZAQ dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek IZAQ termasuk Pelan Pengurusan Alam Sekitar/*Environmental Management Plan* (EMP) bermula tahun 2010 hingga Disember 2014. Sebanyak 4 daripada 11 projek IZAQ dipilih sebagai sampel pengauditan. Bagaimanapun analisis prestasi projek dan kewangan dibuat terhadap kesemua 11 projek.

5.4. METODOLOGI AUDIT

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia/*Department Of Fisheries Malaysia* (DOF) di Putrajaya dan di 4 pejabat syarikat peneraju yang dipilih. Pemeriksaan Audit fizikal dilakukan bersama-sama dengan pegawai DOF di 4 tapak projek IZAQ iaitu di Setiu, Terengganu; Selinsing, Perak; Pitas dan Kota Belud, Sabah. Temu bual dengan pegawai berkaitan termasuk syarikat peneraju juga diadakan. Analisis data dengan menggunakan teknologi *Remote Sensing* (RS) dan *Geographical Information System* (GIS) telah dilaksanakan bagi skop pengauditan alam sekitar. Selain itu, pensampelan udang di kolam *grow-out* dibuat bersama-sama pegawai DOF dari Unit Biosekuriti Perikanan dan menghantar sampel tersebut ke Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, Selangor untuk ujian dan analisis logam berat (lead, cadmium dan mercury). *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA), Ketua Unit Audit Dalam MOA, Ketua Pengarah DOF, PEMANDU, wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, dan wakil 4 syarikat yang dilawati serta pegawai-pegawai MOA dan DOF yang terlibat dalam pengurusan projek ini diadakan pada 21 April 2015.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan dijalankan pada bulan September hingga Disember 2014 mendapati secara umumnya pengurusan projek IZAQ adalah memuaskan kerana projek IZAQ pada keseluruhannya sedang giat dilaksanakan secara berterusan, program pemantauan *Aquaculture Residue Monitoring Plan* (ARMP) dan pemantauan projek serta proses pemilihan syarikat peneraju diuruskan dengan memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- i. *targeted analysis output* objektif projek IZAQ secara keseluruhannya hanya akan mencapai 43.9% menjelang tahun 2020 berdasarkan kontrak sedia ada;

- ii. Pencapaian KPI setakat Disember 2014 bagi pengeluaran udang, kawasan tanah projek IZAQ dan pewujudan pekerjaan baru telah mencapai 2,946.78 mt (3%), 3,712 hektar (37.1%) dan 874 pekerjaan (7.3%) masing-masingnya;
- iii. kontrak bernilai melebihi RM100 juta ditandatangani oleh pegawai Kerajaan melebihi had kuasa yang dibenarkan;
- iv. komponen projek yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat telah dibiayai oleh Kerajaan; dan
- v. Pelan Pengurusan Alam Sekitar/*Environmental Management Plan* (EMP) kurang memuaskan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

5.5.1. Prestasi Projek IZAQ

Prestasi projek IZAQ adalah bergantung kepada pencapaian kemajuan kerja infrastruktur mengikut tempoh masa yang ditetapkan yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian objektif IZAQ menjelang tahun 2020.

5.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek IZAQ

Semakan Audit terhadap kontrak (Part B: Project Milestone And Output) dan kemajuan kerja kesemua 11 projek IZAQ setakat bulan Disember 2014, mendapati 3 (27.3%) projek telah disiapkan tetapi belum mengemukakan *Certificate Of Practical Completion* (CPC), 4 (36.3%) projek lewat di antara 2.2% hingga 21% dari sasarannya, 2 (18.2%) projek melebihi sasaran kemajuan kerja iaitu 19.5% (Sunlight Inno) dan 1.9% (Hannan Corporation Pulau Gula dan Bachok), manakala baki 2 (18.2%) projek lagi masih belum disiapkan walaupun telah melepasi tarikh siap yang ditetapkan dalam kontrak. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.3
STATUS PENCAPAIAN KEMAJUAN FIZIKAL IZAQ SETAKAT DISEMBER 2014

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	SYARAT KONTRAK		KEMAJUAN KERJA SETAKAT 31.12.2014		STATUS KEMAJUAN KERJA (c) = (b) - (a)
		TARIKH MULA PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK SEHINGGA EOT	SASARAN (%) (a)	PENCAPAIAN (%) (b)	
1.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	September 2011	Disember 2012	100	98.3	Lewat 1.7%. Telah melangkaui tarikh siap
2.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Selinsing)	Mac 2011	Mac 2012	100	100	Siap. Syarikat belum kemukakan CPC
3.	Blue Archipelago Berhad	23.03.2012	31.12.2013	100	96.4	Lewat 3.6%. Telah melangkaui tarikh siap
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	Februari 2011	Disember 2011	100	100	Siap. Syarikat belum kemukakan CPC
5.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	01.03.2013	28.02.2016	15.8	35.3	Melebihi sasaran 19.5%

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	SYARAT KONTRAK		KEMAJUAN KERJA SETAKAT 31.12.2014		STATUS KEMAJUAN KERJA (c) = (b) - (a)
		TARIKH MULA PROJEK	TARIKH SIAP PROJEK SEHINGGA EOT	SASARAN (%) (a)	PENCAPAIAN (%) (b)	
6.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	07.06.2013	06.06.2015	96.9	90.9	Lewat 6%
7.	RE Millennium Sdn. Bhd.	01.07.2013	30.06.2015	51.5	30.5	Lewat 21%
8.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	12.11.2013	11.11.2015	100	100	Siap. Syarikat belum kemukakan CPC
9.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	01.02.2014	31.01.2016	71.7	69.1	Lewat 2.6%
10.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.	01.02.2014	31.01.2016	11.8	9.6	Lewat 2.2%
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Gula & Bachok)	01.04.2014	31.03.2016	25.7	27.6	Melebihi sasaran 1.9%

Sumber : DOF

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Perolehan kawasan/tanah adalah isu utama dalam pelaksanaan projek kerana ianya di luar bidang kuasa Kementerian/Jabatan. Masih terdapat beberapa syarikat yang masih belum dapat menyelesaikan isu tanah. Syarikat yang siap fasa pre-production diminta untuk menyediakan CPC, walaupun tidak dinyatakan di dalam Standard Operating Procedure (SOP) PEMANDU. Kedudukan terkini syarikat yang mengalami kelewatan adalah seperti berikut:

- a) *Syarikat Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd. – Projek fizikal siap dan telah memulakan operasi. Komponen elektrik siap 80.11%, manakala bakinya merupakan penyambungan elektrik oleh Sabah Electric Sdn. Bhd. (SESB). Peringkat pre-production tamat pada 17 Oktober 2013. Pelanjutan tempoh komponen elektrik sehingga 17 Oktober 2015 telah diluluskan. Perjumpaan antara PEMANDU, DOF, syarikat dan SESB akan dilakukan pada bulan Mei 2015 bagi menyelesaikan masalah kelewatan sambungan elektrik.*
- b) *Blue Archipelago Berhad – Kelewatan disebabkan oleh musim monsun serta Perintah Larangan oleh Jabatan Alam Sekitar (hingga hujung tahun 2014 sehingga Sistem Industrial Effluent Treatment (IETS) dan Marine Outfall (MOS) siap sepenuhnya. Bagaimanapun, syarikat telah siap membina IETS dan MOS, dan kerja pembinaan dijangka siap pada Ogos 2015.*
- c) *LKPP Corporation Sdn. Bhd. - syarikat masih dalam tempoh pre-production dan tarikh siap projek adalah pada 6 Jun 2016.*
- d) *Syarikat RE Millenium Sdn. Bhd. - Kelewatan disebabkan oleh Lewat Mendapat Kebenaran Merancang Pembangunan Projek dari Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Permohonannya dibuat pada 25 Ogos 2011 dan hanya diluluskan pada 18 Oktober 2013.*
- e) *JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd. dan JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd. - Syarikat masih dalam tempoh pre-production dan tarikh siap projek adalah pada 31 Mac 2016.*

Tindakan Penambahbaikan

- a) *Syarikat disyorkan mempertingkatkan kerja-kerja ditapak dengan menambah bilangan jentera, pekerja dan mempertingkatkan pelaburan.*
- b) *Mesyuarat bersama syarikat peneraju bagi membincangkan prestasi pelaksanaan dan membincangkan penyelesaian isu-isu berkaitan pelaksanaan diadakan setiap 4 bulan di Semenanjung dan Sabah.*
- c) *Pemantauan berkala oleh pasukan Jawatankuasa Teknikal Dan Pasukan Pemantauan, Penilaian dan Pengesyoran (JK3P) dan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (JK2P) dan Transformasi Ekonomi Perikanan (TEP) ke tapak projek.*
- d) *Perbincangan isu berkaitan pelaksanaan projek dan langkah penyelesaian di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dan Kemajuan Program NKEA - Pertanian Akuakultur (JTPKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan dan diadakan setiap 3 minggu.*

Pada pendapat Audit, kelewatan penyiapan fizikal projek IZAQ akan memendekkan tempoh masa untuk mencapai KPI syarikat yang seterusnya boleh menjejaskan pencapaian objektif IZAQ menjelang tahun 2020.

5.5.1.2. Pencapaian Objektif IZAQ

Antara objektif IZAQ menjelang tahun 2020 adalah menghasilkan 100,000 mt udang premium dengan keluasan kawasan projek 10,000 hektar dan mewujudkan 11,900 peluang pekerjaan baru. Perlu diberi perhatian bahawa objektif-objektif ini hendaklah dicapai dalam tempoh masa berbaki 5 tahun lagi bermula tahun 2015 hingga 2020. Dengan itu, projek-projek di bawah IZAQ perlu disiapkan sebelum tahun 2019 supaya KPI pengeluaran udang dapat dicapai secara menyeluruh menjelang tahun 2020.

Status pencapaian objektif IZAQ bermula dari awal pelaksanaannya pada tahun 2011 sehingga Disember 2014 secara puratanya adalah 15.8%. Analisis Audit dengan tempoh masa berbaki 5 tahun dengan kontrak yang sedia ada, dapat dirumuskan bahawa *targeted analysis output* objektif IZAQ secara keseluruhannya hanya akan mencapai 43.9% menjelang tahun 2020. Rumusan analisis Audit adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.4
RUMUSAN PENCAPAIAN OBJEKTIF IZAQ DAN ANALISIS AUDIT**

BIL.	SUB OBJEKTIF	SASARAN TAHUN 2020	PENCAPAIAN SETAKAT DISEMBER 2014		ANALISIS AUDIT - TARGETED ANALYSIS OUTPUT 2020 DENGAN KONTRAK YANG SEDIA ADA	
			UNIT	(%)	UNIT	(%)
1.	Udang (mt)	100,000	2,946.78	3.0	37,555	37.6
2.	Luas Tanah (hektar)	10,000	3,712.58	37.1	3,712.58	37.1
3.	Peluang Pekerjaan (bilangan pekerja)	11,900	874	7.3	6,863	57.7
PURATA				15.8	-	43.9

Pada pendapat Audit, objektif IZAQ menjelang tahun 2020 adalah sukar dicapai berasaskan kontrak yang sedia ada.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Inisiatif DOF bagi memastikan sasaran KPI dapat dicapai adalah seperti berikut:

- a) *JK2P telah ditubuhkan sebagai memudah cara syarikat untuk mencapai sasaran pengeluaran, impak GNI dan bilangan pekerjaan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa mengadakan lawatan pemantauan dan perbincangan di tapak projek secara berterusan.*
- b) *Mesyuarat JK2P yang dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Akuakultur diadakan pada setiap 3 minggu.*
- c) *Mesyuarat bersama syarikat peneraju dilakukan setiap 4 bulan bagi pelaporan prestasi projek fizikal dan pengeluaran.*
- d) *Lawatan tapak tidak berjadual oleh Jawatankuasa Teknikal Dan Pasukan JK3P lebih kerap dilakukan.*

Tindakan Penambahbaikan

- a) *DOF telah mengenal pasti 14 syarikat peneraju baru dan 16 kawasan berpotensi yang berkeluasan 5,941.10 hektar.*
- b) *Tiga (3) syarikat baru dalam proses menandatangani perjanjian (SBH Perak Agro Aquaculture Sdn. Bhd., QL Aquamarine Sdn. Bhd. dan Manjong Bio Ocean Venture Sdn. Bhd.).*
- c) *Pelan perniagaan bagi 5 syarikat baru telah disemak oleh DOF dan dalam proses kemaskini oleh syarikat.*

Penjelasan lanjut bagi setiap objektif adalah seperti yang berikut:

a. Pencapaian KPI Pengeluaran Udang, Ikan Laut Dan *Post-Larvae Penaeus* (Benih Udang)

Mengikut *Part B: Project Milestone And Output* kontrak, syarikat peneraju hendaklah mengeluarkan kuantiti udang, ikan laut dan/atau *post-larvae penaeus* (PL) yang ditetapkan pada tahun-tahun tertentu untuk menembusi pasaran premium dan eksport.

Semakan Audit mendapati, pengeluaran udang bagi tahun 2012 hingga 2014 oleh 4 syarikat peneraju tanpa penetapan sasaran adalah sebanyak 1,721.13 mt. Bagi PL pula, sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2013 iaitu 600 juta PL namun tidak dicapai oleh syarikat Asia Aquaculture Sdn. Bhd. yang hanya mengeluarkan 578.93 juta PL (82.7%). Bagaimanapun, bagi tahun 2014 syarikat peneraju ini telah melebihi sasaran dengan pengeluaran sebanyak 738.08 juta PL (123%). Manakala syarikat Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd. telah menghasilkan 4,001.36 mt udang dan ikan kerapu

pada tahun 2013 dan 2014 walaupun pengeluarannya disasarkan pada tahun 2015.

Penjualan udang di pasaran tempatan atau pengeksporan udang ke luar negara adalah dikendalikan oleh pembeli luar, syarikat atau ejen pengedaran. Semakan Audit ke atas rekod jualan Hannan Corporation Sdn. Bhd. mendapati udang yang dihasilkan dari projek IZAQ di Mukim Selinsing, Perak telah dijual kepada syarikat untuk diproses dan dieksport ke Jepun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati rekod pengeksporan udang ke luar negara bagi tujuan pengiraan jumlah nilai eksport IZAQ tidak diselenggarakan oleh pihak DOF bagi tujuan analisis pada masa hadapan.

Selain itu, pemeriksaan Audit fizikal bersama-sama pegawai-pegawai DOF di tapak projek syarikat Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd. di Pitas, Sabah pada 27 Oktober 2014 mendapati pasaran premium udang berlaku seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.1



Tapak Projek IZAQ Oleh Syarikat Sunlight Inno Sdn. Bhd. Di Pitas, Sabah

*- Pembeli Dari Tawau Sedang Memuatkan
Udang Ke Dalam Lori
(27.10.2014)*

GAMBAR 5.2



*- Umur Udang Yang Dijual : 120 Hari
(27.10.2014)*

Sasaran dan pencapaian KPI pengeluaran udang, ikan laut dan PL dalam projek IZAQ setakat Oktober 2014 mengikut setiap syarikat peneraju adalah seperti **Jadual 5.5** dan jumlah keseluruhan mengikut tahun adalah seperti **Jadual 5.6**.

JADUAL 5.5
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENGELUARAN UDANG/IKAN LAUT/PL
MENGIKUT SYARIKAT PENERAJU

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	SASARAN KPI		PENCAPAIAN		TAHAP PENCAPAIAN SASARAN
		BULAN/TAHUN	KUANTITI	TAHUN	KUANTITI	
1.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	Disember 2016	12,000 mt	2014	127 mt	Sebelum sasaran
		Disember 2017	20,000 mt	TB	TB	TB
2.	Blue Archipelago Berhad	Disember 2015	0.3 bilion PL	TB	TB	TB
		Disember 2016	1.0 bilion PL			
3.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Selinsing)	Mac 2016	1,500 mt	2012	34.39 mt	Sebelum sasaran
				2013	387.65 mt	
				2014	579.99 mt	

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	SASARAN KPI		PENCAPAIAN		TAHAP PENCAPAIAN SASARAN
		BULAN/TAHUN	KUANTITI	TAHUN	KUANTITI	
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	Disember 2013	700 juta PL	2013	578.93 juta PL	Tidak mencapai 17.3%
		Disember 2014	600 juta PL	2014	738.08 juta PL	Melebihi sasaran 123%
5.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	Mac 2016	2,150 mt	2014	330.49 mt	Sebelum sasaran
		Jun 2017	4,300 mt	TB	TB	-
6.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	2015	1,245 mt (IKU)	2013	2,353.67 mt	Sebelum sasaran
				2014	1,647.69 mt	
7.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	Disember 2014*	600 mt	2014	261.61 mt	Tidak mencapai 56.4%
		Disember 2015	600 mt	TB	TB	TB
8.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	Januari 2017 Januari 2018	1,620 mt 3,240 mt	TB	TB	TB
9.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.					
10.	RE Millennium Sdn. Bhd.	Jun 2016	2,003 mt (IL)	TB	TB	TB
		Jun 2017	2,670 mt (IL)			
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Gula & Bachok)	Mac 2017	3,500 mt	TB	TB	TB
			600 juta PL			
		Mac 2018	4,000 mt			
			700 juta PL			

Nota : - * - Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dan Kemajuan Program NKEA - Pertanian Akuakultur (JTPKP) Meluluskan Penjadualan Semula KPI KB Aquaculture Sdn. Bhd. Daripada 31.12.2014 Hingga 31.12.2015 Mengikut Surat DOF Bertarikh 11.9.2014.
 PL - Post-Larvae Penaeus (Benih Udang); IKU - Ikan Kerapu Dan Udang; IL - Ikan Laut

JADUAL 5.6
SASARAN DAN PENCAPAIAN PENGELUARAN UDANG/IKAN LAUT/PL MENGIKUT TAHUN

TAHUN	SPESIS TERNAKAN	SASARAN	PENCAPAIAN		TAHAP PENCAPAIAN SASARAN
2012	Udang	-	34.39 mt	34.39 mt	TB
	Ikan Kerapu dan Udang	TB	TB		TB
	Post-Larvae Penaeus	TB	TB		TB
2013	Udang	-	387.65 mt	2,741.32 mt	TB
	Ikan Kerapu dan Udang	-	2,353.67 mt		TB
	Post-Larvae Penaeus	700 juta PL	578.93 juta PL		Tidak mencapai (82.7%)
2014	Udang	600 mt	1,299.09 mt	2,946.78 mt	Melebihi sasaran (216.5%)
	Ikan Kerapu dan Udang	-	1,647.69 mt		TB
	Post-Larvae Penaeus	600 juta PL	738.08 juta PL		Melebihi sasaran (123.0%)

Pada pendapat Audit, projek IZAQ yang diterajui oleh sektor swasta dan diselia oleh DOF dan PEMANDU sejak tahun 2011 telah menghasilkan udang untuk menembusi pasaran premium dan eksport pada peringkat permulaannya. Selain itu, pencapaian KPI pengeluaran udang secara spesifik tidak dapat ditentukan kerana sasaran pengeluaran spesies ternakan lain (ikan kerapu) tidak diasingkan.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

- a) *Setiap syarikat peneraju perlu memenuhi sasaran KPI bagi pengeluaran udang dan benih udang semasa peringkat post-production seperti yang ditetapkan dalam perjanjian bagi pembayaran baki imbuhan balik insentif sebanyak 30%.*
- b) *Bagi memastikan komitmen syarikat dalam melaksanakan projek, syarikat yang dilantik akan ditentukan KPI pengeluaran udang pada setiap tahun yang mana turut dijadikan KPI Menteri MOA dan syarikat perlu melaporkan jumlah pengeluaran udang setiap bulan.*
- c) *Pada tahun 2014, EPP6 telah mencapai sebanyak 30,081 tan metrik pengeluaran udang berbanding sasaran sebanyak 29,000 tan metrik.*
- d) *Bagi rekod pengeksportan udang, untuk tujuan semakan pembayaran KPI, rekod pengeksportan tiada dalam senarai semak yang diperlukan.*

Tindakan Penambahbaikan

- a) *Syarikat perlu mencapai sasaran pengeluaran pada setiap tahun seperti yang ditetapkan oleh Jabatan.*
- b) *Syarikat juga disyorkan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran udang dengan menambah kadar pusingan pengeluaran tahunan.*
- c) *Mesyuarat bersama syarikat peneraju bagi membincangkan prestasi pelaksanaan dan membincangkan penyelesaian isu-isu berkaitan pelaksanaan diadakan setiap 4 bulan di Semenanjung dan Sabah.*
- d) *Pemantauan berkala pasukan JK3P, mesyuarat JK2P dan TEP ke tapak projek.*
- e) *Perbincangan isu berkaitan pelaksanaan projek dan langkah penyelesaian di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dan Kemajuan Program NKEA - Pertanian Akuakultur (JTPKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan dan diadakan setiap 3 minggu.*
- f) *Bagi pengeksportan udang, syarikat telah diminta untuk mengemukakan laporan eksport setiap bulan. Penambahbaikan kepada senarai semak dokumen dibuat mulai Mac 2015 bagi tujuan pemantauan dan pembayaran post-production (JK2P) dengan memasukkan rekod pengeksportan.*

b. Pencapaian Keluasan Kawasan Projek Setakat Disember 2014 Adalah 3,712.58 Hektar (37.1%)

Berdasarkan perancangan, objektif IZAQ secara keseluruhannya dapat dicapai dengan melibatkan kawasan projek seluas 10,000 hektar menjelang tahun 2020. Untuk itu, sekurang-kurangnya tahun 2019 hendaklah disasarkan sebagai tahun terakhir dalam mengenal pasti kawasan projek yang hendak diusahakan. Dengan itu, tempoh 1 tahun sebelum tahun 2020 boleh dijadikan tempoh terakhir mencapai KPI pengeluaran udang. Setakat Disember 2014, sebanyak 11 projek telah dikenal pasti dan mula dilaksanakan merangkumi kawasan tanah seluas 3,712.58 hektar (37.1%) berbanding dengan sasaran seluas 10,000 hektar. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.7
STATUS KELUASAN TANAH PROJEK IZAQ SETAKAT DISEMBER 2014

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	BUTIRAN PROJEK	LOKASI	KELUASAN TANAH PROJEK (Hektar)
1.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	<i>Prawn Farming, Prawn Processing Factory, Hatchery and Nursery For Grouper, Grow Out Pond For Grouper and Grouper Cage Farming</i>	Umas-Umas, Kalabakan, Sabah	121.00
2.	Hannan Corporation Sdn. Bhd.	<i>White Shrimp Farming and Processing/Main Bund, Inlet Canal & Reservoir, Outlet Canal, Sedimentation Ponds, TNB Contribution Fee, PPU & Sub Station, Access Road, Inlet Water Pumping System, LAP Contribution & Water Piping (domestic)</i>	Mukim Selinsing, Kerian, Perak	121.00
3.	Blue Archipelago Berhad	<i>Design Development and Construction Of A Specific Pathogen Free (SPF) Shrimp Fry Hatchery, Seawater Intake System, Facilities & Amenities And Related Infrastructure</i>	Kampung Telaga Putat, Setiu, Terengganu	9.83
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	<i>Fully Integrated Aquaculture Shrimp Business Comprise of Hatchery</i>	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	414.00
5.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	<i>Design Development and Construction Of An Integrated Shrimps Farm, Hatchery, Processing Facilities, R&D Centre, Training Centre and Related Infrastructure</i>	Sungai Telaga, Pitas, Sabah	2,200.00*
6.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	<i>To Develop Facilities For Integrated Aquaculture Farm in AIZ Kg. Pulau Permatang Pauh, Pekan, Pahang</i>	Kg. Pulau Permatang Pauh, Pekan, Pahang	242.00
7.	RE Millennium Sdn. Bhd.	<i>Development For Comprehensive Marine Aquaculture System To Breed Hybrid Tiger Grouper Fish Consists Of Hatchery, Nursery, Grow-out, Broodstock And Formulated Feed</i>	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	60.00
8.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	<i>To Develop A 40.44 Hectares Shrimp Farm</i>	Kg. Rampayan Ulu, Kota Belud, Sabah	40.44
9.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	<i>Develop 10 Acres Of Supporting Infrastructure, R&D And Training Centre, Processing Facility And Cold Room Storage</i>	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	4.04
10.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.	<i>To Develop 400 Acres Shrimp Farm And Shrimp Hatchery Centre In Johor</i>	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	161.87
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd.	<i>To Develop 838.58 Acres Shrimp Farm In Pulau Gula, Perak And 5 Acres Shrimp Hatchery In Bachok, Kelantan</i>	Pulau Gula, Kerian, Perak Dan Bachok, Kelantan	338.40
JUMLAH				3,712.58

Sumber: DOF

Nota : (*) - Setakat Kini Jabatan Tanah Dan Ukur, Sabah Telah Meluluskan Tanah Seluas 1,618.74 Hektar

Pada pendapat Audit, keluasan tanah projek IZAQ yang telah dikenal pasti dan mula dilaksanakan sehingga kini yang berkeluasan 3,712.58 hektar iaitu 37.1% daripada jumlah keluasan yang disasarkan 10,000 hektar dan dengan tempoh masa berbaki 5 tahun sebelum menjelang tahun 2019 adalah satu pencapaian sederhana.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Perolehan kawasan/tanah adalah isu utama dalam pelaksanaan projek kerana ia di luar bidang kuasa Kementerian/Jabatan. Masih terdapat beberapa syarikat yang masih belum dapat menyelesaikan isu tanah.

Tindakan Penambahbaikan

- a) *DOF telah mengenal pasti 14 syarikat peneraju yang baru dan 16 kawasan berpotensi yang berkeluasan 5,941.10 hektar. Dengan tambahan ini, jumlah keluasan tanah bagi projek IZAQ akan menjadi 9,653.68 hektar.*
- b) *Tiga (3) syarikat peneraju baru dalam proses menandatangani perjanjian (SBH Perak Agro Aquaculture Sdn. Bhd., QL Aquamarine Sdn Bhd dan Manjong Bio Ocean Venture Sdn. Bhd.).*
- c) *Pelan perniagaan bagi 5 syarikat baru telah disemak oleh DOF dan dalam proses kemaskini oleh syarikat.*

c. Pencapaian KPI Peluang Pekerjaan Baru Setakat Disember 2014 Adalah 874 (12.7%)

Objektif projek IZAQ adalah juga termasuk pewujudan 11,900 peluang pekerjaan baru menjelang tahun 2020. Semakan Audit setakat Disember 2014 mendapati sebanyak 874 pekerjaan (12.7%) telah diwujudkan daripada 6,863 peluang pekerjaan yang disasarkan ke atas 11 syarikat peneraju. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.8
PENCAPAIAN KPI PELUANG PEKERJAAN PROJEK IZAQ SETAKAT DISEMBER 2014**

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	BILANGAN PEKERJA DISASARKAN	BILANGAN DIISI	PENCAPAIAN (%)
1.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	3,600	124	3.4
2.	Blue Archipelago Berhad	40	17	42.5
3.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Selinsing)	400	127	31.8
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	200	129	64.5
5.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	140	71	50.7
6.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	450	330	73.3
7.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	71	51	71.8
8.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	1,000	0	0
9.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.			
10.	RE Millennium Sdn. Bhd.	230	13	5.7
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Gula dan Bachok)	732	12	1.6
JUMLAH		6,863	874	12.7

Sumber : DOF

Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 874 pekerja, seramai 136 (15.6%) adalah orang asing dan baki 738 (84.4%) adalah orang tempatan.

Pada pendapat Audit, pewujudan peluang pekerjaan baru adalah satu komponen penting dalam projek IZAQ bagi membantu negara mencapai status pendapatan tinggi. Pencapaian peluang pekerjaan sebanyak 12.7% daripada 6,863 yang disasarkan hendaklah diberi perhatian bagi memastikan jumlah yang disasarkan tercapai apabila 11 projek IZAQ siap sepenuhnya.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

- a) *Bilangan pekerja yang diambil adalah mengikut operasi semasa syarikat yang mana tidak mengikut perancangan sebenar operasi yang ditetapkan.*
- b) *Kurang sebaran maklumat berkaitan peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh syarikat peneraju.*

Tindakan Penambahbaikan

- a) *Mengesyorkan syarikat mempertingkatkan kerja-kerja ditapak dengan menambah bilangan jentera, pekerja dan mempertingkatkan pelaburan.*
- b) *Setiap syarikat peneraju mempunyai kemudahan kompleks kolam dilengkapi dengan Training Centre samada di bawah pelaburan kerajaan atau swasta.*
- c) *Melibatkan syarikat peneraju dalam Road Show di Pitas, Sabah yang dianjurkan oleh DOF pada awal tahun 2014.*
- d) *Anjuran karnival kerjaya MAHA 2014.*
- e) *Syarikat disyorkan terlibat dalam Program Skim Latihan Dual Nasional.*
- f) *Mengatur program untuk syarikat memberi penerangan kepada pelajar Kolej Pertanian di bawah National Agricultural Training Council (NATC).*
- g) *Syarikat disyorkan terlibat dalam 4 program karnival kerjaya yang akan dianjurkan oleh DOF bagi Tahun 2015.*

d. Pencapaian KPI Penjanaan GNI Berjumlah RM1.383 Bilion

Objektif IZAQ antara lain adalah penjanaan GNI berjumlah RM1.383 bilion menjelang tahun 2020. Bagaimanapun, DOF semasa mengeluarkan surat tawaran kepada 10 syarikat peneraju mewakili 11 projek IZAQ, telah menetapkan sasaran GNI yang lebih tinggi iaitu RM3.117 bilion daripada sasaran asal IZAQ. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.9
PENETAPAN KPI GNI PROJEK IZAQ MENJELANG TAHUN 2020**

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	PENETAPAN GNI TAHUN 2020 (RM)
1.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	702,090,000
2.	Blue Archipelago Berhad	52,000,000
3.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Selinsing)	150,000,000
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	280,000,000
5.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	110,000,000
6.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	280,000,000
7.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	87,338,000
8.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd	557,100,000
9.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.	
10.	RE Millennium Sdn. Bhd.	569,300,000
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd. (Pulau Gula dan Bachok)	329,000,000
JUMLAH		3,116,828,000

Sumber : DOF

Pada pendapat Audit, penetapan sasaran GNI yang lebih tinggi adalah satu usaha DOF yang amat baik dan sepatutnya dijadikan contoh bagi lain-lain projek yang seumpamanya.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Penetapan sebenar GNI syarikat adalah pada tahun 2020 sahaja dan pengiraan GNI bagi setiap syarikat di dalam surat tawaran adalah berdasarkan kepada GNI keseluruhan yang diambil secara cumulative.

Tindakan Penambahbaikan

- a) *Pemantauan berkala pasukan JK3P, mesyuarat JK2P dan TEP ke tapak projek.*
- b) *Perbincangan isu berkaitan pelaksanaan projek dan langkah penyelesaian di mesyuarat JTPKP NKEA - Pertanian Akuakultur yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan dan diadakan setiap 3 minggu.*

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian objektif IZAQ belum dicapai sepenuhnya kerana pelaksanaan projek masih di peringkat awal. Bagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa baki tempoh masa bagi mencapai objektif IZAQ yang masih ada sebelum menjelang tahun 2020 adalah cuma 5 tahun.

5.5.1.3. Pencapaian Kewangan Projek

Semakan Audit mendapati mulai tahun 2011 hingga 2014, DOF membelanjakan sejumlah RM152.04 juta (94.5%) daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM160.84 juta. Pencapaian prestasi kewangan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 5.10
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PROJEK IZAQ
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2014**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	BAKI (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
2011	8,103,500	8,103,500	8,103,500	-	100
2012	49,890,000	18,135,613	18,135,613	-	100
2013	70,000,000	45,100,000	45,038,844	61,156	99.9
2014	70,000,000	89,500,000	80,765,742	8,734,258	90.2
JUMLAH	197,993,500	160,839,113	152,043,699	8,795,414	94.5

Sumber: DOF

Diperhatikan peruntukan pada tahun 2012 dan 2013 telah dikemas kini dengan pengurangan sejajar dengan jumlah perbelanjaan bagi menunjukkan perbelanjaan 100% atau hampir 100% telah dicapai. Bagaimanapun, perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah memuaskan.

5.5.2. Pemilihan Syarikat Peneraju

Kriteria pemilihan syarikat peneraju yang kukuh dalam pelaksanaan projek IZAQ seperti ditetapkan dalam NKEA Agriculture - SOP PEMANDU perlu dipatuhi antaranya projek mestilah berkaitan dengan produk udang/ikan laut (kerapu, siakap)/udang kara (lobster), mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun beroperasi atau pengalaman dan memiliki Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM). Bagaimanapun, MOA telah memperkenalkan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) mulai 28 Ogos 2013 dengan menggabungkan beberapa skim pensijilan termasuk SPLAM. Selain itu, pemohon mesti memiliki tanah bersaiz minimum 40 hektar atau memajak tanah dengan tempoh minimum 10 tahun, menyediakan maklumat perunding berdaftar lantikan syarikat bagi tujuan perakuan projek dan mampu menjadi syarikat utama kepada sekumpulan usahawan.

Proses pemilihan *anchor companies* dan *participating companies* akan melalui penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian NKEA Pertanian (ET), kelulusan di peringkat Jawatankuasa Pemilihan NKEA Pertanian (JKP NKEA) dan pengesahan oleh *Steering Committee* (SC). Setakat 2014, daripada 42 permohonan diterima, 14 telah diluluskan dan 28 ditolak disebabkan tidak lengkap; syarikat tidak berminat dan menarik diri; tidak memenuhi kelayakan; masalah kelulusan tanah; spesis ternakan yang dicadang tidak memenuhi kriteria NKEA; dan cadangan projek syarikat tidak berkonsepkan integrasi.

Semakan Audit ke atas minit-minit mesyuarat Jawatankuasa ET, JKP NKEA dan SC mendapati proses pemilihan syarikat peneraju telah diurus dengan memuaskan iaitu 14 projek IZAQ telah dinilai oleh ET, diluluskan oleh JKP NKEA dan disahkan oleh SC. Daripada 14 projek tersebut, kontrak bagi 11 projek telah dimeterai dan projek telah mula dilaksanakan dan 3 projek masih dalam peringkat penyediaan kontrak.

Selain itu, dari segi pematuhan kepada pemilikan SPLAM/MyGAP, di dapati 7 projek IZAQ masih belum memohon MyGAP, 2 dalam proses kelulusan dan 2 projek di bawah syarikat Blue Archipelago Berhad dan Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd. telah memperoleh sijil tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.11
STATUS PEMILIKAN SIJIL SPLAM/MyGAP SEHINGGA FEBRUARI 2015

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	LOKASI	STATUS PEMILIKAN SIJIL
1.	Pegagau Specialty Farming Sdn. Bhd.	Umas-Umas, Kalabakan, Sabah	Permohonan sedang diproses
2.	Hannan Corporation Sdn. Bhd.	Mukim Selinsing, Kerian, Perak	Permohonan sedang diproses
3.	Blue Archipelago Berhad	Kampung Telaga Putat, Setiu, Terengganu	Mula: 14.02.2015 Tamat: 13.02.2017
4.	Asia Aquaculture (M) Sdn. Bhd.	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	Mula: 26.05.2014 Tamat: 25.05.2016
5.	Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd.	Sungai Telaga, Pitas, Sabah	Belum memohon
6.	LKPP Corporation Sdn. Bhd.	Kg. Pulau Permatang Pauh, Pekan, Pahang	Belum memohon

BIL.	SYARIKAT PENERAJU	LOKASI	STATUS PEMILIKAN SIJIL
7.	RE Millennium Sdn. Bhd.	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	Belum memohon
8.	KB Aquaculture Sdn. Bhd.	Kg. Rampayan Ulu, Kota Belud, Sabah	Belum memohon
9.	JEFI Aquatech Resources Sdn. Bhd.	Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Belum memohon
10.	JEFI Aquatech (Desaru) Sdn. Bhd.	Mukim Pantai Timur, Kota Tinggi, Johor	Belum memohon
11.	Hannan Corporation Sdn. Bhd.	Pulau Gula, Kerian, Perak Dan Bachok, Kelantan	Belum memohon

Pada pendapat Audit, proses pemilihan syarikat peneraju adalah memuaskan. Selain itu, pemilikan sijil SPLAM/MyGAP yang akan memberi jaminan penghasilan produk berkualiti dan selamat dimakan; mengurangkan pencemaran alam sekitar; dan memudahkan laluan pasaran eksport adalah satu kriteria yang amat penting dan perlu dititikberatkan untuk kemapanan projek IZAQ.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Tujuh syarikat dalam proses pensijilan MyGAP masih dalam fasa pembinaan dan dalam proses memenuhi keperluan piawaian pensijilan MyGAP.

Tindakan Penambahbaikan

- a) Syarikat diberi penerangan mengenai tatacara permohonan MyGAP semasa mesyuarat bersama syarikat yang diadakan setiap 4 bulan.*
- b) DOF memberi peringatan kepada syarikat (Ruj. Surat: Prk.ML.71/16Jld.7(29)) untuk memohon pensijilan MyGAP semasa peringkat pre-production.*

5.5.3. Pengurusan Dokumen Kontrak

Dokumen kontrak perlu mengandungi spesifikasi yang tepat dan klausa yang dapat menjaga kepentingan Kerajaan terutama sekali sekiranya berlaku pelanggaran atau ketidakpatuhan syarat kontrak. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

5.5.3.1. Kuasa Menandatangani Kontrak

Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) memberi kuasa kepada Menteri-menteri berkenaan bagi Kementerian-kementerian menandatangani kontrak dan juga memberi kuasa kepada Menteri-menteri berkenaan menurunkan kuasa kepada Pegawai Kerajaan untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan. Ketua Setiausaha, MOA telah diberi kuasa secara bertulis di bawah Seksyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) untuk menandatangani kontrak DOF bernilai antara RM20,000,001 hingga RM100 juta mengikut surat pemberikuasaan

rujukan: KP/BK/293/1-1Jld.2(107) bertarikh 10 April 2009. Kontrak bernilai melebihi RM100 juta hendaklah ditandatangani oleh Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani. Semakan Audit mendapati kontrak bernilai RM268,222,000 yang bertarikh 12 Disember 2012 melibatkan pembayaran insentif oleh Kerajaan kepada Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha, MOA iaitu tidak menurut pemberikuasaan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, keperluan dalam Akta Kontrak mesti dipatuhi sepenuhnya bagi memastikan kontrak teratur dari segi undang-undang.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Adalah diakui surat penurunan kuasa khas menandatangani kontrak tidak disediakan semasa kontrak Sunlight Inno Seafood Sdn. Bhd. bernilai RM268,222,000 ditandatangani. Perkara ini adalah tidak disengajakan.

Tindakan Penambahbaikan

Penurunan kuasa yang sewajarnya perlu dibuat sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 2 Akta 120.

PUU MOA berpendapat, penurunan kuasa oleh YB Menteri MOA boleh dibuat khusus bagi maksud perjanjian ini. Penurunan kuasa ini juga perlu bagi menjelaskan kedudukan pegawai yang akan menandatangani perjanjian tambahan (supplementary agreement) yang dicadangkan untuk dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Jabatan telah mengemukakan surat (Prk.ML.71/16 Jld.7 (29) bertarikh 24 April 2015 kepada MOA bagi menyelaraskan penyediaan surat penurunan kuasa menandatangani perjanjian oleh YB Menteri MOA kepada Ketua Setiausaha Kementerian dalam masa terdekat.

5.5.3.2. Komponen Syarikat Telah Dibiayai Oleh Kerajaan

Infrastruktur asas seperti mana disenaraikan di bawah komponen pembiayaan oleh Kerajaan mengikut NKEA Agriculture - SOP PEMANDU adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.1
KOMPONEN PEMBIAYAAN OLEH KERAJAAN

COMPONENTS OF FUNDING ALLOWED FOR EPP 6			
Type of infrastructure to be funded			
1. The type of infrastructure is based on recommendation from ETP and technical body. Any revocation of the list below must receive approval from SC, subject to availability of funds.			
List of EPP	Component of FUNDING	Cap Imposed	Minimum draw down period
EPP #6 (Replication of IZAQ)	Basic Infrastructure: 1. Electricity, water tank and building utility 2. Access road 3. Regulatory requirements (EIA Study, buffer zone, Zero Exchange Discharge, Environmental Information)	Depending on required length. Department of Fisheries will provide 'Anggaran Jabatan' for comparison.	Maximum 3 years for construction stage and Minimum 2 consecutive years achievement of KPI for production stage (KPI based on sales volume and value)
	Supporting Infrastructure 1. R&D and Diagnostic Lab (R&D collaboration, training, lab) 2. Skills Development Center 3. Broodstock and Production Hatchery (Production input)	Overall public funding does not exceed 30% of total project cost/investment. The total project cost/investment will be calculated including the investment made 1 year or lesser prior to submission of proposal. Funding of multiple units of components are allowed, if its justifiable against the requirement of the project's production targets.	70% during construction, remaining 30% at the production stage (Ratio – 70:30)
	Critical Infrastructure 1. Seawater / freshwater intake 2. Treatment pond and reservoir		
	Upgrading of farm facilities (biosecurity) to fulfill requirements of importing countries (EU)		

Sumber : NKEA Agriculture - SOP V4 PEMANDU

Selain itu, rekod DOF menunjukkan komponen pembiayaan oleh syarikat peneraju adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.2
KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN DI BAWAH
KOMPONEN PEMBIAYAAN OLEH SYARIKAT PENERAJU

BIL.	SENARAI KOMPONEN
1.	<i>Culture Ponds & Farm Constructions (including gates)</i>
2.	<i>Preliminaries and Consultancy Services</i>
3.	<i>Buildings (Quarters/Hostels, Canteen, Store, Office, Guard House etc)</i>
4.	<i>Machinery Equipment (Paddle Wheels, Generator and Vehicles)</i>
5.	<i>Internal Water Rectification (Both Domestic and Culture)</i>
6.	<i>Feedmill</i>
7.	<i>Processing Plant</i>
8.	<i>Farm M & E Services (includes cable, Pencawang Elektrik Dalaman)</i>
9.	<i>Environmental Monitoring Plan (EMP) & Requirements</i>
10.	<i>Internal Farm Roads & Canal</i>

Sumber: DOF

Kuantum insentif Kerajaan secara keseluruhannya bagi Blue Archipelago Berhad adalah berjumlah RM23.13 juta. Kuantum ini dikira berasaskan *Preliminary Detailed Abstract (PDA)*. Salah satu PDA iaitu komponen bangunan pejabat adalah berjumlah RM445,326.54 dan *guard house* berjumlah RM11,718.63. Mengikut NKEA Agriculture - SOP V4 PEMANDU dan ketetapan DOF kedua-dua skop kerja ini sepatutnya di bawah tanggungan syarikat.

Bagaimanapun, kedua-dua komponen ini telah dimasukkan di bawah kuantum insentif Kerajaan. Pemeriksaan Audit ke atas dokumen bayaran interim no. 8 bertarikh 15 Mei 2014 mendapati, nilai kerja sebenar yang dilaksanakan untuk bangunan pejabat adalah berjumlah RM172,689 dan *guard house* berjumlah RM5,400 (berlaku pengurangan dari nilai PDA). Skop kerja ini dibayar di bawah insentif Kerajaan disebabkan ia diambil kira sebagai komponen Kerajaan dalam kontrak. Manakala bagi syarikat Hannan Corporation Sdn. Bhd. dan KB Aquaculture Sdn. Bhd. kedua-dua komponen ini telah ditetapkan di bawah tanggungan syarikat.

Pada pendapat Audit, Kerajaan telah menanggung beban kewangan tambahan dari segi pembayaran insentif berjumlah RM178,089 di mana ia sepatutnya ditanggung oleh syarikat peneraju berdasarkan NKEA Agriculture - SOP V4 PEMANDU.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

- a) *Melalui pelan reka bentuk bangunan yang dimaksudkan ia adalah makmal dan premis latihan dan bukan pejabat. Berdasarkan NKEA Agriculture SOP V4 PEMANDU, makmal dan premis latihan boleh dibiayai kerajaan.*
- b) *Jabatan sedang membuat semakan semula melalui PUU MOA bagi mengenalpasti kuantum melibatkan komponen pelaburan syarikat yang telah dirangkumkan di dalam perjanjian dengan menggunakan nilai keseluruhan PDA sebagai asas perjanjian, yang mana PDA pelaburan tersebut turut termasuk Guard House. Perkara ini adalah tidak disengajakan.*

Tindakan Penambahbaikan

- a) *DOF telah mengkaji kuantum Blue Archipelago Berhad dan melalui PUU sedang menyemak perjanjian yang melibatkan skop pembiayaan komponen kerajaan dan syarikat samada imbuhan balik boleh dilaksana.*
- b) *DOF akan melakukan corrective measure melalui recoupmnt imbuhan balik sejumlah RM5,400 (Guard house) semasa imbuhan balik post-production KPI tahun pertama kerana tiada dalam skop komponen SOP NKEA.*

5.5.4. Kualiti Udang

5.5.4.1. Hasil Analisis Kualiti Udang Dari Pensampelan DOF Adalah Memuaskan

DOF menyelaraskan ujian dan analisis terhadap udang di bawah program *Aquaculture Residue Monitoring Plan* (ARMP) dan program pemantauan makanan udang bagi memastikan syarikat peneraju menghasilkan udang yang berkualiti tinggi dan tidak melebihi paras maksimum *contaminants* mengikut *COMMISSION REGULATION (EC) No. 1881/2006 of 19 December 2006* dan juga mendapatkan pengesahan atau pensijilan daripada Kementerian Kesihatan

Malaysia bagi maksud pengeksporan ke EU dan negara-negara lain. Semakan Audit mendapati hasil analisis sampel udang bagi tahun 2013 dan 2014 bagi parameter *contaminants* dalam udang berada dalam paras yang dibenarkan dan tiada parasit yang dikenal pasti.

5.5.4.2. Hasil Analisis Udang Dari Pensampelan Audit Tidak Melebihi Paras *Contaminants* Yang Dibenarkan

Pihak Audit telah melakukan pensampelan udang bersama-sama dengan pegawai-pegawai DOF dan pihak KB Aquaculture Sdn. Bhd. pada 29 Oktober 2014 di kolam *grow-out* P-26, projek IZAQ di Kota Belud, Sabah. Sampel udang telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, Selangor untuk ujian dan analisis. Gambar berikut menunjukkan sampel udang dari kolam *grow-out*:

GAMBAR 5.3




Kolam No. P-26, Keluasan Kolam *Grow-Out*: 0.57 Hektar, Udang Putih, Umur Udang: 141 Hari
- Pensampelan Udang (*Litopenaeus Vannamei*), Sedang Dijalankan
(Tarikh Pensampelan: 29.10.2014, Masa Pensampelan: 12.00 Tengah Hari)

GAMBAR 5.4




GAMBAR 5.5



Sampel Udang Putih (*Litopenaeus Vannamei*),
(Berat Udang: 34 Gram, Umur Udang: 141 Hari)

GAMBAR 5.6



Sampel Udang, Bungkus No. ARMP/HM/S/14-01
(Untuk Dihantar Ke Makmal Jabatan Kimia Malaysia,
Petaling Jaya, Berat Bungkus Udang Putih: 0.5 Kg,
Umur Udang: 141 Hari)

Keputusan ujian dan analisis yang diterima mendapati *contaminants* di udang tidak melebihi paras maksimum yang dibenarkan iaitu 0.12 mg/kg bagi plumbum, tidak dapat dikesan bagi *cadmium* dan 0.009 mg/kg bagi *mercury* berbanding dengan paras maksimum yang dibenarkan iaitu 0.50 mg/kg.

Pada pendapat Audit, DOF telah melaksanakan program ARMP dan program pemantauan makanan udang dengan memuaskan.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Jabatan akan meneruskan pemantauan kualiti udang secara konsisten dan berjadual.

Tindakan Penambahbaikan

- a) *Syarikat disyorkan menghantar sampel untuk analisis setiap masa tuaian.*
- b) *Syarikat juga disyorkan mengikuti kursus Pematuhan Biosekuriti yang dianjurkan oleh Bahagian Biosekuriti Perikanan mengikut zon:*
 - *Zon Utara – di Enggor, Perak (28 Januari 2015, 26 Mac 2015, 8 April 2015 dan 23 April 2015)*
 - *Zon Selatan – di Pusat Biosekuriti Perikanan (PBP) Gelang Patah, Johor (9 - 12 Feb 2015)*
 - *Zon Timur – PBP Kuantan (Mei 2015)*
 - *Zon Barat – PBP KLIA (Ogos 2015)*
 - *Zon Borneo – PBP Likas, Sabah (Oktober 2015)*

5.5.5. Pengimportan Makanan Untuk Udang**5.5.5.1. Kilang Memproses Makanan Ternakan (Feedmill) Tidak Termasuk Dalam Pelan Perniagaan/*Business Proposal***

Mengikut ETP Hala Tuju Untuk Malaysia Bab 15: Peralihan Daripada Pertanian Kepada Industri Asas Tani, IZAQ merupakan model akuakultur yang berdasarkan konsep rangkaian berskala industri dan zon akuakultur di darat yang disokong oleh syarikat-syarikat peneraju yang kukuh, dilengkapi dengan infrastruktur seperti kilang memproses makanan ternakan dan lain-lain. Semakan Audit terhadap 11 kontrak bagi projek IZAQ dan juga *business proposal* yang dikemukakan mendapati kilang memproses makanan udang tidak termasuk dalam skop kerja atau pelan perniagaan/*business proposal* syarikat peneraju. Oleh kerana projek IZAQ dilaksanakan tanpa komponen kilang memproses makanan ternakan, syarikat peneraju juga bergantung kepada *feed pellets* import untuk menampung keperluan makanan udang.

Pada pendapat Audit, penggunaan makanan udang buatan tempatan perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara serta membantu meningkatkan industri tempatan dan seterusnya dapat meningkatkan GNI secara lebih menyeluruh.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

Pengeluaran Makanan Akuakultur adalah salah satu Peluang Perniagaan (BO) yang ditawarkan di bawah EPP. Walaupun kilang pemprosesan makanan udang tidak termasuk di dalam skop pembiayaan Kerajaan, syarikat adalah digalakkan

untuk mengeluarkan makanan akuakultur sendiri. Selain itu, syarikat juga digalakkan untuk menggunakan produk makanan akuakultur keluaran tempatan.

Bagaimanapun, ianya tidak menjadi kemestian di dalam projek ini berikutan syarikat mempunyai kaedah tersendiri bagi memastikan kelancaran operasi ternakan akuakultur. Selain itu, harga dan kualiti juga menjadi faktor kepada pemilihan jenis makanan akuakultur.

Tindakan Penambahbaikan

Bagi menggalakkan pengeluaran makanan akuakultur, DOF akan mencadangkan kepada PEMANDU supaya BO Pengeluaran Makanan Akuakultur dijadikan salah satu EPP di bawah NKEA Pertanian.

5.5.6. Pelan Pengurusan Alam Sekitar/*Environmental Management Plan* (EMP)

Environmental Impact Assessment (EIA) adalah satu mekanisme yang sangat penting bagi menjamin kemapanan alam sekitar terutama sekali terhadap kawasan penerokaan yang baru. Di dalam EIA, *Environment Management Plan* (EMP) disediakan bagi tujuan mengenal pasti pelan mitigasi projek dalam mengawal keadaan persekitaran semasa pelaksanaan projek termasuk kualiti air. Semakan Audit terhadap EMP mendapati secara umumnya adalah kurang memuaskan.

5.5.6.1. Perangkap Kelodak

Berdasarkan syarat keperluan di dalam Laporan EIA, Sistem kawalan hakisan tanah dan pendedapan kelodak seperti kolam perangkap kelodak, perangkap mendap dan sistem perparitan hendaklah disediakan selaras dengan Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Manual tersebut mengambil kira perkara-perkara mitigasi seperti yang berikut:

- a. Meminimumkan pelepasan sedimen ke dalam sungai;
- b. Penyediaan lokasi kolam takungan bagi pelepasan efluen;
- c. Penyediaan kaedah pengoperasian; dan
- d. Penyediaan kaedah pelupusan dan pengurusan air sisa.

Jika sistem kawalan hakisan tanah dan pendedapan kelodak tidak disediakan/dibina maka ia akan memberi kesan negatif yang turut menjejaskan alam sekitar terutama sekali sungai dan/atau laut yang berdekatan termasuk kehidupannya semasa proses pelepasan air luahan ataupun semasa hujan.

Semakan Audit mendapati pengawalan air larian permukaan dan kelodak ada dibina di projek IZAQ Kg. Rampayan Ulu, Kota Belud, Sabah seperti gambar berikut:



GAMBAR 5.7

IZAQ Kg. Rampayan Ulu, Kota Belud, Sabah
- Kolam Pengeapan Kelodak
(29.10.2014)

Pada pendapat Audit, komponen ini adalah amat penting bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan kemapanan projek IZAQ dan kehidupan persekitarannya.

5.5.6.2. Kawalan Kualiti Air Kurang Berkesan

Kolam rawatan sisa kumbahan, sistem penapisan membersihkan air dan kolam biologi hendaklah disediakan di tapak projek sebelum operasi pembiakan udang dijalankan dan memastikan ianya berfungsi dengan baik pada setiap masa. Mitigasi meliputi kerja-kerja pemantauan secara berkala oleh Perunding Alam Sekitar yang dilantik operator kolam udang terutama terhadap 6 parameter utama efluen iaitu *Dissolve Oxygen (DO)*, *pH*, *Biochemical Oxygen Demand (BOD)*, *Total Suspended Solids (TSS)*, *Soluble Phosphorus* dan *Ammonia Nitrogen* yang terhasil dari pengoperasian kolam udang yang akan dilepaskan ke dalam sungai atau laut.

Semakan Audit mendapati enapcemar (sludge) yang terhasil daripada tindak balas bahan makanan udang dengan air di dalam kolam projek IZAQ Sungai Telaga, Pitas, Sabah. Hasil temu bual mendapati pekerja mengeluarkan enapcemar secara manual sebelum dilepaskan ke sungai. Enapcemar yang terbentuk adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 5.8

IZAQ Sungai Telaga, Pitas, Sabah
- Enapcemar Yang Terbentuk
(27.10.2014)

Pada pendapat Audit, pelaksanaan syarat JAS terhadap kawalan efluen hasil dari kolam udang hendaklah diguna pakai ke atas semua kolam udang yang dibangunkan di seluruh Malaysia. Pelepasan *sludge* ke sungai atau laut yang berhampiran tanpa diolah dan dirawat terlebih dahulu boleh menjejaskan kualiti air di sekitarnya.

5.5.6.3. Zon Penampungan Memuaskan Secara Keseluruhan

Syarat EIA zon penampungan (buffer zone) semula jadi bagi sesebuah sungai pada jarak mendatar haruslah sekurang-kurangnya 50 meter dari tebing sungai. Ia bertujuan untuk memastikan kesinambungan program IZAQ kerana kebergantungan kolam-kolam udang terhadap zon penampungan dalam menahan dan menebat ombak yang datang dari laut dan sungai. Ketiadaan zon penampungan memberi risiko yang tinggi terhadap kolam yang dibina.

Sempadan zon penampungan semula jadi hendaklah ditandakan di lapangan dengan cat merah serta dipasang dengan papan tanda di lokasi-lokasi yang mudah dilihat. Sebarang pembinaan, penyimpanan bahan minyak, toksik dan yang berkaitan di dalam kawasan zon penampungan adalah tidak dibenarkan.

Hasil dari analisis GIS mendapati zon penampungan bagi projek IZAQ Sungai Telaga, Pitas, Sabah dan projek IZAQ di Telaga Putat, Setiu, Terengganu telah mematuhi syarat EIA iaitu melebihi 50 meter di sesetengah kawasan seperti gambar berikut:

GAMBAR 5.9



IZAQ Sungai Telaga, Pitas, Sabah
- Jarak Kolam Udang Dengan Tebing Sungai
(24.09.2014)

GAMBAR 5.10



IZAQ, Telaga Putat, Setiu Terengganu
- Jarak Kolam Udang Dengan Pantai
(24.09.2014)

Pada pendapat Audit, bagi memastikan keselamatan projek IZAQ, *buffer zone* yang ditetapkan hendaklah dititik beratkan di sepanjang lokasi projek yang bersebelahan dengan sungai atau laut.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 12 Mei 2015

DOF mengambil berat perkara ini dan telah memberi teguran dan peringatan khususnya semasa verifikasi tapak dilaksanakan dan sekiranya syarikat gagal mematuhi EMP maka ia akan menjejaskan permohonan pensijilan MyGAP.

Tindakan Penambahbaikan

- a) *DOF telah memberi arahan, khususnya semasa verifikasi tapak dilaksanakan dan akan membuat tahanan imbuhan balik jika perkara ini tidak dipatuhi pada masa akan datang. Perkara ini telah dimaklumkan kepada semua syarikat semasa mesyuarat pemantauan berkala dibuat.*

- b) **Pemantauan ke tapak turut melibatkan Jabatan Alam Sekitar (JAS)**
- c) **Syarikat telah diminta untuk melaksanakan EMP bagi projek masing-masing.**

5.5.7. Pemantauan

Pemantauan oleh DOF dilaksanakan dalam 2 peringkat iaitu melalui mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dan Kemajuan Program NKEA - Pertanian Akuakultur (JTPKP) di peringkat pertama. Di peringkat kedua, pemantauan dilakukan melalui mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dan Pasukan Pemantauan, Penilaian dan Pengesyoran (JK3P) dan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (JK2P). Pihak DOF juga melakukan pemeriksaan di tapak projek di peringkat pelaksanaan untuk tujuan pengesahan tuntutan pembayaran, menjalankan verifikasi dan pensampelan udang di ladang akuakultur di peringkat operasi projek IZAQ.

Cawangan Transformasi Ekonomi Perikanan (TEP) yang terdiri dari seorang pegawai tetap gred Q54 dengan dibantu oleh 6 pegawai kontrak bertindak sebagai urus setia dan penyelarar projek IZAQ dengan jumlah pelaburan RM2.142 bilion. Mereka ini juga bertanggungjawab sebagai urus setia dan penyelarar bagi projek-projek di bawah EPP 3 – *Mini Estate For Seaweed* dengan jumlah pelaburan RM124 juta dan EPP 4 – Integrated Cage Farming (ICAGE) dengan jumlah pelaburan RM781.74 juta.

5.5.7.1. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Dan Kemajuan Program NKEA - Pertanian Akuakultur (JTPKP)

JTPKP dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan atau Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan) bertanggungjawab antaranya memantau kemajuan setiap projek IZAQ secara berterusan dengan bermesyuarat sekali dalam tempoh 2 minggu untuk membincangkan laporan JK2P, laporan JK3P dan draf perjanjian syarikat peneraju menangani isu-isu pelaksanaan projek dan meluluskan pembayaran tuntutan insentif. Mengikut minit-minut mesyuarat yang disediakan setakat September 2014, sebanyak 31 kali mesyuarat JTPKP telah diadakan pada tahun 2011, 28 kali pada tahun 2012, 17 kali pada tahun 2013 dan 10 kali pada tahun 2014.

5.5.7.2. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dan Pasukan Pemantauan, Penilaian Dan Pengesyoran (JK3P)

Pengarah Bahagian Kejuruteraan yang mempengerusikan JK3P bertanggungjawab antaranya menyemak sumbangan GNI dan peluang pekerjaan, keperluan biosekuriti, pematuhan kepada syarat EIA dan syarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), menyemak PDA dan kemunasabahan reka bentuk bagi tujuan penilaian kuantum insentif dan membentangkan pengesyoran kepada JTPKP tentang pelantikan dan pembayaran bagi penyediaan kemudahan dan infrastruktur di peringkat *pre-production*. Mesyuarat JK3P juga membincangkan penyediaan SOP bagi pelaksanaan program NKEA Pertanian Akuakultur. Setakat September 2014, JK3P telah mengadakan sekali mesyuarat

pada tahun 2011, 22 kali pada tahun 2012, 23 kali pada tahun 2013 dan 12 kali pada tahun 2014.

5.5.7.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan (JK2P)

JK2P telah ditubuhkan pada bulan April 2013 dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Akuakultur. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memudah cara syarikat untuk mencapai sasaran pengeluaran, impak GNI dan bilangan pekerjaan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini juga mengadakan lawatan pemantauan dan perbincangan di tapak projek secara berterusan. Mengikut minit-minit mesyuarat yang disediakan setakat September 2014, JK2P telah mengadakan 3 kali mesyuarat pada tahun 2013 dan 7 kali mesyuarat pada tahun 2014.

5.5.7.4. Pemeriksaan Di Tapak Projek Untuk Mengesahkan Tuntutan

NKEA Agriculture - SOP V4 PEMANDU telah menggariskan prosedur pembayaran bagi pembiayaan awam di bawah NKEA Pertanian yang perlu diikuti oleh pegawai DOF. Antaranya ialah DOF berhak memasuki tapak projek pada bila-bila masa sama ada untuk mengesahkan tuntutan atau menjalankan apa-apa pemeriksaan yang difikirkan perlu. Semakan Audit ke atas bayaran interim untuk 4 projek IZAQ yang dipilih untuk diaudit mendapati pihak DOF telah melakukan pemeriksaan di tapak projek untuk mengesahkan tuntutan sebelum pembayaran diluluskan.

5.5.7.5. Pemeriksaan Kualiti Udang Dan Ladang Akuakultur

Pihak Bahagian Biosekuriti Perikanan, DOF di peringkat negeri melaksanakan program *Aquaculture Residue Monitoring Plan* (ARMP) bagi parameter antibiotik dan lain-lain dengan melakukan pensampelan udang 2 kali setahun di kolam *grow-out* projek ladang akuakultur. Selain itu, ia juga melaksanakan program pemantauan makanan udang dan ikan, menjalankan pemeriksaan organoleptik dan pemantauan parasit. Semakan Audit mendapati sebanyak 3,080 sampel udang bagi tempoh tahun 2011 hingga Oktober 2014 telah dihantar ke 4 makmal untuk tujuan ujian dan analisis iaitu di Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya, Selangor; di Kementerian Kesihatan Malaysia, Sg. Buloh, Selangor; di Centre For Advanced Analytical Toxicology Services, Universiti Sains Malaysia dan di Makmal Kesihatan Awam Negeri. Rekod menunjukkan pemeriksaan di ladang akuakultur telah dijalankan.

Pada pendapat Audit, DOF telah melaksanakan pemantauan ke atas projek IZAQ dengan memuaskan.

Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 17 April 2015

Buat masa ini pegawai-pegawai yang melakukan kerja-kerja pemantauan bagi projek IZAQ - NKEA Pertanian adalah bertaraf kontrak. Berikutan projek NKEA Pertanian adalah untuk jangka masa panjang, pemantauan berkala ke atas

syarikat-syarikat peneraju yang dilantik perlu lebih kerap. Oleh itu, ianya memerlukan bilangan kakitangan yang ramai.

Tindakan Penambahbaikan

- a) Menambah bilangan kakitangan bagi kerja pemantauan. Buat masa ini pegawai-pegawai yang melakukan kerja pemantauan adalah bertaraf kontrak.*
- b) Permohonan akan dibuat ke JPA bagi pelantikan secara tetap.*
- c) Pemantauan berkala JK3P, mesyuarat JK2P dan TEP ke tapak projek.*
- d) Perbincangan isu berkaitan pelaksanaan projek dan langkah penyelesaian di mesyuarat JTPKP NKEA - Pertanian Akuakultur yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perikanan dan diadakan setiap 3 minggu.*

5.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan program Projek NKEA Pertanian: EPP 6 - Replikasi IZAQ dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan supaya PEMANDU dan DOF mempertimbangkan perkara seperti yang berikut:

5.6.1. PEMANDU dan DOF hendaklah meningkatkan pemantauan fizikal projek IZAQ secara berterusan dan holistik agar disiapkan mengikut jadual bagi mencapai sasaran berdasarkan tempoh yang ditetapkan dan juga memastikan syarikat peneraju mematuhi syarat-syarat EIA dan EMP seiring dengan kemajuan projek;

5.6.2. DOF hendaklah meningkatkan usaha untuk mencapai setiap objektif IZAQ. DOF juga perlu menetapkan sasaran mengikut spesis ternakan bagi memudahkan pengukuran KPI dengan lebih spesifik dan menyelenggarakan rekod eksport untuk setiap syarikat peneraju bagi tujuan analisis pada masa akan datang;

5.6.3. bagi tujuan kontrak yang akan datang, DOF hendaklah memastikan penurunan kuasa menandatangani telah dibuat kepada pegawai awam mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949 berdasarkan nilai tertentu agar kontrak lebih teratur;

5.6.4. PEMANDU dan DOF hendaklah menggalakkan syarikat peneraju dalam pengeluaran makanan atau perolehan makanan udang buatan tempatan; dan

5.6.5. DOF hendaklah memastikan ke semua projek IZAQ memperoleh sijil MyGAP dengan segera walaupun projek masih dalam peringkat pelaksanaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA/ KEMENTERIAN KERJA RAYA

6. PROJEK PEMBINAAN INSTITUT KANSER NEGARA

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Institut Kanser Negara (IKN) dibina untuk menampung pesakit kanser yang semakin meningkat di Malaysia dengan menawarkan perkhidmatan kanser yang menyeluruh dan terbaik di negara ini. Skop perkhidmatan IKN meliputi perkhidmatan teras (Core) IKN iaitu Radioterapi & Onkologi, Perubatan Nuklear, Perubatan Paliatif dan juga Pembedahan Onkologi. Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan adalah seperti Anesthesiology & Rawatan Rapi, Pengimejan Diagnostik, Patologi, Farmasi, Fisioterapi, Dietetik & Sajian, Perubatan Tradisional & komplementari juga Kecemasan Kanser. Manakala perkhidmatan 24 jam sehari meliputi perkhidmatan seperti Onkologi (Oncology), Perubatan Nuklear (Nuclear Medicine) dan Perawatan Paliatif (Palliative Care). Bagi pesakit dalam yang memerlukan rawatan, IKN menyediakan 252 buah katil.

6.1.2. Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan persetujuan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah melantik Syarikat Kiara Teratai Sdn. Bhd. (Kontraktor) **secara rundingan terus** bagi melaksanakan pembinaan IKN yang bermula pada 1 September 2010 dan dijangka siap pada 31 Ogos 2013. Projek ini dilaksanakan **secara reka dan bina** dan mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2014. Kontraktor tersebut bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua peringkat pelaksanaan projek daripada proses penyiasatan tapak, penyediaan reka bentuk, pembinaan, penyeliaan, pembekalan, pemasangan dan pentauliahan peralatan serta penyenggaraannya sehingga tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan.

6.1.3. Projek pembinaan IKN ini merangkumi satu blok bangunan hospital utama termasuk 4 tingkat podium, 2 tingkat *basement* dan 7 tingkat blok wad. Selain itu, IKN juga dilengkapi dengan *radiotherapy bunker*, mesin radioterapi moden, bilik pembedahan, bilik rawatan radioterapi iodine dan unit rawatan harian kemoterapi. IKN merupakan premis perintis yang dibangunkan oleh JKR menggunakan teknologi pintar *Building Information Modelling* (BIM).

6.1.4. Projek IKN dibiayai melalui *Private Finance Initiative* (PFI) yang disalurkan oleh MOF kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) dan seterusnya disalurkan kepada JKR. Kos asal projek ini bernilai RM690 juta. Peruntukan tambahan diluluskan sejumlah RM14.60 juta menjadikan kos projek keseluruhannya berjumlah RM704.60 juta.

6.1.5. MOF juga telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana bagi projek ini di mana Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK) dilantik sebagai Pengarah Projek (PP). Di samping itu, Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan serta IKN juga berperanan dalam memantau, menilai serta menyelaras pelaksanaan

projek pembinaan IKN bagi pihak Kementerian. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 16 Ogos 2013. Sehingga tarikh pengauditan, status projek ini adalah dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan yang akan berakhir pada 15 Ogos 2015.

6.1.6. Bangunan IKN terletak di atas sebahagian Plot 7C3 hingga 7C6, PT25 Presint 7, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan keluasan tapak projek adalah 43,109 meter persegi. Gambar bangunan IKN adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.1



*Pandangan Depan Lobi Utama IKN
(29.10.2014)*

GAMBAR 6.2



*Pandangan Depan Lobi Auditorium IKN
(29.10.2014)*

GAMBAR 6.3



*Pandangan Depan Lobi Pesakit Luar IKN
(20.10.2014)*

GAMBAR 6.4



*Pandangan Sisi Belakang IKN
(29.10.2014)*

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan IKN telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan IKN. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan, Kementerian; IKN dan JKR (CKK dan Pasukan Projek Khas IKN).

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek. Lawatan ke tapak projek, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai Kementerian, JKR dan Kontraktor juga

telah diadakan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian, pegawai-pegawai kanan dan Cawangan Audit Dalam Kementerian, Pengarah dan pegawai-pegawai kanan IKN, wakil Kementerian Kerja Raya serta Cawangan Kerja Kesihatan, wakil MOF, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah diadakan pada 23 April 2015.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati projek pembinaan IKN telah siap lebih awal dari tempoh yang ditetapkan. Selain itu, semakan terhadap sampel kerja pembinaan bangunan dan pembekalan peralatan serta pemantauan oleh pihak JKR dan IKN mendapati ia adalah baik. Namun terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti semasa pemeriksaan Audit adalah seperti yang berikut:

- i. terdapat kerja-kerja pembinaan yang kurang memuaskan/tidak sempurna antaranya tangki *cooling tower* bocor, air bertakung di jalan, penggera sentiasa berbunyi dan wayar peralatan ICT berselirat;
- ii. bilik isolasi tidak dapat digunakan kerana tidak menepati piawaian yang ditetapkan;
- iii. *cooling tower* dan landskap tidak disenggara dengan sempurna kerana pemantauan kerja penyenggaraan kurang berkesan; dan
- iv. lukisan siap bina lewat dikemukakan, butiran lukisan siap bina berbeza dengan fizikal dan bayaran penuh telah dibuat walaupun lukisan siap bina tidak lengkap.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian seperti perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Projek

6.5.1.1. Pencapaian Kemajuan Projek

Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 31 Ogos 2013 iaitu dalam tempoh 36 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 1 September 2010. Adalah didapati projek pembinaan IKN telah disiapkan pada 16 Ogos 2013 iaitu **dua minggu lebih awal daripada jadual yang ditetapkan**. Sehingga 30 Oktober 2014, prestasi kewangan adalah 96.2% berbanding unjuran 95.6%. Tiada denda dikenakan dan tiada Lanjutan Masa (EOT) dikeluarkan sepanjang pelaksanaan projek pembinaan IKN kerana projek berjaya disiapkan dan mendahului jadual.

6.5.1.2. Pencapaian Kewangan

Nilai kontrak asal berjumlah RM690 juta dan tambahan sejumlah RM14.60 juta menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan bagi projek ini berjumlah

RM704.60 juta. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan projek mendapati perkara yang berikut:

- a. Arahan Perubahan Kerja (APK) hanya dikeluarkan sekiranya terdapat sebarang perubahan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti. Manakala Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dikeluarkan apabila terdapat pelarasan bagi Wang Kos Prima, Wang Peruntukan Sementara, pengukuran semula kuantiti sementara, perubahan harga dan tuntutan yang diluluskan. Semakan Audit mendapati sebanyak 7 APK dan 7 PHK dikeluarkan melibatkan peningkatan kos sejumlah RM14.6 juta daripada nilai kontrak asal RM690 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1
SENARAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN
PELARASAN HARGA KONTRAK

ARAHAN PERUBAHAN KERJA		
BIL.	PERKARA	NILAI (RM Juta)
1.	Tambahan skop Unit Kecemasan dan Bilik Forensik (kerja pembinaan, elektrik dan ICT)	1.81
2.	Tambahan skop Unit Kecemasan dan Bilik Forensik (kerja mekanikal dan peralatan perubatan)	1.24
3.	Lawatan teknikal ke fasiliti Sisa Nuklear & Onkologi	(0.47)
4.	Lawatan teknikal ke Hospital Kanser Luar Negara	(0.18)
5.	Kerja-kerja landskap tambahan oleh Perbadanan Putrajaya	0.61
6.	Pengurangan 'Project Director Facilities'	(0.15)
7.	Mengeluarkan sebahagian item 'Building Information Modelling'	(0.11)
JUMLAH		2.75
PELARASAN HARGA KONTRAK		
BIL.	PERKARA	NILAI (RM Juta)
1.	Pelarasan Harga bagi APK No.3	0.00
2.	Pelarasan peralatan perubatan seperti yang dinyatakan dalam kontrak – <i>Medical and Non Medical Equipment, Furniture and Furnishings and Vehicle</i>	0.00
3.	Pelarasan harga bagi APK No. 1 & 2	0.00
4.	Pelarasan harga bagi APK No. 5	0.00
5.	Pelarasan harga bagi APK No. 4, 6 dan 7	0.00
6.	Pelarasan Wang Pendahuluan Sementara (Provisional Sum) bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor Bumiputera Kelas E dan F	0.03
7.	Pelarasan <i>Variation of Price</i>	11.82
JUMLAH		11.85

Sumber : JKR Cawangan Kerja Kesihatan

- b. Selain daripada harga kontrak, Kementerian juga menanggung kos tambahan berjumlah RM29.02 juta yang melibatkan bayaran pampasan tanah di Plot 7C3 hingga 7C6, PT25, Presint 7, Putrajaya kepada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Kementerian dan JKR mengambil maklum akan perkara ini dan akan sentiasa memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Mei 2015

Prestasi kewangan sehingga bulan April 2015 adalah 97.4%. Baki bayaran adalah untuk kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kerosakan/kecacatan yang masih dilaksanakan sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) pada 15 Ogos 2015.

Pada pendapat Audit, prestasi projek pembinaan IKN adalah baik kerana projek dapat disiapkan lebih awal daripada tarikh siap asal. Selain itu, peraturan mengenai PHK dan APK telah dipatuhi dengan sewajarnya.

6.5.2. Pengurusan Pembinaan

6.5.2.1. Rundingan Harga

- a. Surat Arahan Perbendaharaan mengenai Pelaksanaan Projek Secara Rundingan Terus bertarikh 2 Julai 2003 telah menetapkan bagi projek melebihi RM10 juta agensi dikehendaki memastikan rundingan diadakan dengan Kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga, tempoh siap dan lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui. Didapati Surat Niat bagi projek pembinaan IKN telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 5 Januari 2007 dan proses rundingan harga bagi projek IKN mula diadakan pada 5 Disember 2008.
- b. Merujuk kepada surat MOF bertarikh 16 Jun 2009, harga rundingan yang diperakukan oleh Kementerian berjumlah RM720 juta bagi pelaksanaan projek, tidak diluluskan. Pada 7 Ogos 2009, MOF memaklumkan kepada Kementerian supaya mengkaji semula skop projek berdasarkan keputusan Unit Perancang Ekonomi tertakluk kepada jumlah peruntukan maksimum RM650 juta.
- c. Pada 14 Januari 2010, MOF bersetuju supaya JKR menjadi agensi pelaksana projek IKN dan melaksanakan proses rundingan harga dengan Kontraktor dan seterusnya memuktamadkan proses rundingan harga tersebut. Semakan Audit mendapati Surat Niat telah dikeluarkan semula oleh JKR kepada Kontraktor pada 11 Mac 2010. Berdasarkan surat MOF bertarikh 16 Julai 2010, rundingan harga dimuktamadkan dengan nilai

kontrak berjumlah RM690 juta dan didapati proses rundingan harga tidak melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu 6 bulan daripada tarikh Surat Niat dikeluarkan.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Faktor utama kelewatan pelaksanaan rundingan harga dengan syarikat Kontraktor adalah disebabkan oleh kegagalan syarikat Kontraktor mengemukakan pengesahan status pendaftaran dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) dalam kelas yang bersesuaian; di mana projek ini memerlukan kelayakan Kontraktor Kelas 'A', sedangkan pada masa itu syarikat Kontraktor hanya mempunyai kelayakan Kontraktor Kelas 'B'. Kontraktor telah diberikan kebenaran khas oleh PKK untuk memasuki dan seterusnya menerima tawaran projek IKN pada 14 Disember 2007 dan telah mengemukakan status tersebut kepada Kementerian pada 17 Disember 2007. Selepas pengesahan tersebut, barulah Kementerian menyediakan dan mengemukakan dokumen berkaitan (Pre-Bid Documents) untuk projek berkenaan.

Selain itu, beberapa siri perbincangan di antara Kementerian dan Kontraktor berhubung terma-terma yang terkandung dalam Pre-Bid Documents berkenaan telah dibuat. Mesyuarat Rundingan Harga hanya dapat diadakan pada 5 Disember 2008, 15 Januari 2009 dan 20 Januari 2009, sebelum dimuktamadkan harga kepada MOF pada 16 Februari 2009.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Mei 2015

Rundingan harga pada peringkat awal tidak melibatkan JKR. Pada 14 Januari 2010, MOF bersetuju supaya JKR menjadi agensi pelaksana dan proses rundingan harga telah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit pada peringkat awal proses rundingan harga bagi projek ini telah mengambil masa yang lama. Bagaimanapun, proses rundingan harga seterusnya oleh JKR telah mematuhi tempoh yang telah ditetapkan.

6.5.2.2. Kelulusan Kebenaran Merancang

- a. Mengikut Akta 172 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 subseksyen 21 menetapkan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan suatu pemajuan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang mengandungi butiran dan disertakan dengan dokumen, pelan, dan fi yang ditetapkan. Jika pemohon itu bukan pemunya tanah yang di atasnya pemajuan hendak dijalankan, keizinan bertulis pemunya tanah mengenai pemajuan yang dicadangkan itu

hendaklah diperoleh dan dicatatkan dalam permohonan itu. Jika pemajuan itu melibatkan pendirian suatu bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberikan arahan bertulis kepada pemohon itu berkenaan dengan mana-mana daripada perkara yang berikut iaitu:

- i. aras tapak bangunan itu;
 - ii. garisan hadapan dengan bangunan yang berjiran;
 - iii. penaikan bangunan itu;
 - iv. kelas, reka bentuk, dan rupa bangunan itu;
 - v. bahagian belakang bangunan itu ke suatu garisan bangunan;
 - vi. laluan masuk ke tanah yang di atasnya bangunan itu akan didirikan; dan
 - vii. apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi maksud perancangan.
- b. Semakan Audit mendapati tarikh milik tapak projek ini adalah pada 1 September 2010 dan tarikh SST dikeluarkan pada 10 Ogos 2010. Pihak Perbadanan Putrajaya telah memberi Kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan menurut Seksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 pada 13 Januari 2011 dan Kelulusan Mendirikan Bangunan telah diluluskan pada 7 April 2011. Semakan lanjut Audit mendapati pihak JKR telah menegur Kontraktor mengenai kelewatan mengemukakan permohonan Perintah Pembangunan (DO) kepada Perbadanan Putrajaya melalui surat pada 30 Ogos 2010. Berdasarkan tarikh kelulusan oleh Perbadanan Putrajaya, pihak Kontraktor telah lewat mendapatkan Kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan selama 166 hari daripada tarikh milik tapak.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Lazimnya kelulusan kebenaran merancang hendaklah diselesaikan sebelum pihak Kontraktor masuk ke tapak untuk memulakan kerja. Walau bagaimanapun bagi projek ini, semasa dalam tempoh mendapatkan kelulusan tersebut, pihak JKR telah mengemukakan rayuan kepada syarat-syarat tambahan Perbadanan Putrajaya bagi penambahan tempat letak kereta dan jalan masuk Lebuhraya Sentosa. Kelulusan syarat tambahan mengambil masa yang lama dan akhirnya diterima pada 7 April 2011. JKR akan memastikan kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan telah diperolehi sebelum Kontraktor masuk ke tapak bagi projek akan datang.

Pada pendapat Audit, Kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pendirian Bangunan perlu diperolehi sebelum Kontraktor masuk ke tapak untuk memulakan kerja-kerja pembinaan.

6.5.3. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Antara perkara yang disemak oleh pihak Audit adalah merangkumi Lukisan Siap Bina; kemas kerja pembinaan; kerosakan dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan; penyenggaraan dan langkah-langkah keselamatan. Hasil lawatan fizikal Audit pada 26 hingga 30 Oktober 2014 mendapati perkara yang berikut:

6.5.3.1. Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan

- a. Lawatan fizikal Audit mendapati masih terdapat kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan di 18 lokasi yang dipilih. Bagaimanapun, pihak Kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan ke atas kerosakan di 17 lokasi tersebut setelah teguran dibangkitkan oleh pihak Audit. Butiran lanjut kerja pembinaan yang telah selesai diambil tindakan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 6.2
KERJA PEMBINAAN YANG KURANG MEMUASKAN
TELAH DIAMBIL TINDAKAN OLEH KONTRAKTOR

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL / PENEMUAN AUDIT
1.	Wad Eksekutif 9B	5 lampu tidak menyala di kaunter jururawat.
2.	IT101	Kesan resapan air di siling menyebabkan 1 lampu tidak menyala.
3.	WD136	Kesan resapan air di siling (watermark).
4.	WD124	Kesan resapan air di siling dan ada <i>sponge</i> di atas siling.
5.	LA125	Kesan resapan air di siling.
6.	Tepi bangunan farmasi <i>out-patient</i>	Dinding retak.
7.	Bilik UPS X1-128	
8.	Bilik Suis X9-202	
9.	Lobi Utama dan Auditorium	Jalan konkrit retak.
10.	Laluan parking bangunan <i>out-patient</i>	<i>Parapet Wall</i> retak.
11.	Wad Kelas Pertama di Aras 9	Tiada penutup perangkap sampah.
12.	Taman Mini bilik VIP	Komponen pintu tercabut.
13.	Aras 10 (Tangki Air)	Tiang besi berkarat.
14.	F/P No. 3 (Kotak kawalan <i>feeder pillar</i>)	Suis lampu rosak dan kabel tertanggal.
15.	Tempat parking Aras 2	Kesan resapan air.
16.	Atas jalan konkrit (tepi farmasi <i>out-patient</i>)	Air bertakung.
17.	Bilik Server IT116	Penggera sentiasa berbunyi.

SEBELUM

GAMBAR 6.5



*Bilik IT101
- Kesan Resapan Air Di Siling Menyebabkan
Satu Lampu Tidak Menyala
(27.10.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 6.6



*Bilik IT101
- Kesan Resapan Air Di Siling Telah Diselesaikan
Pada 04.12.2014 Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)*

SEBELUM

GAMBAR 6.7



*Kawasan Auditorium
- Jalan Konkrit Retak
(29.10.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 6.8



*Kawasan Auditorium
- Kerja-Kerja Pembaikan Jalan Konkrit
Retak Telah Dilakukan Pada 29.10.2014
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)*

SEBELUM

GAMBAR 6.9



*Laluan Parking Bangunan Pesakit Luar
- Parapet Wall Retak
(29.10.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 6.10



*Laluan Parking Bangunan Pesakit Luar
- Kerja-Kerja Pembaikan Parapet Wall Telah Dilakukan
Pada 02.12.2014 Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)*

- b. Terdapat kerja pembinaan yang masih dalam tindakan oleh pihak Kontraktor selepas teguran Audit dibuat iaitu tangki air *cooling tower* yang bocor di aras 10 seperti gambar berikut:



GAMBAR 6.11

*Aras 10
- Kesan Bocor Di Bawah Tangki Air
Untuk Cooling Tower
(27.10.2014)*

6.5.3.2. Kerja Pembinaan Yang Tidak Sempurna

- a. Peraturan menetapkan bahawa reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan Kerajaan serta dibuat/dibina dengan sempurna, berfungsi dengan baik, selamat, sesuai dan teguh. Lawatan Audit telah menemui beberapa kelemahan/kemudahan yang tidak menepati keperluan agensi di 14 lokasi terpilih. Pihak Kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan ke atas kerja pembinaan yang tidak sempurna di 12 lokasi dan 2 lagi lokasi masih dalam tindakan Kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.3** dan **6.4** serta gambar berikut:

JADUAL 6.3
KERJA PEMBINAAN YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL / PENEMUAN AUDIT
1.	Aras 10 berdekatan dengan tangki air <i>cooling tower</i>	Tangga laluan ke tangki air tidak kemas dan senget.
2.	Kawasan meletak kenderaan di belakang IKN	Air bertakung di landskap sebelah laluan pejalan kaki.
3.	Kawasan sekitar di luar bangunan IKN	Semua peti hos api tidak diletakkan kunci dan boleh mengakibatkan peti hos api tidak dapat digunakan semasa kecemasan.
4.	<i>Cooling Tower</i> , Aras 10	Tangga untuk penyenggaraan <i>cooling tower</i> tidak dapat digunakan kerana terdapat saluran paip yang besar di hadapan pintu masuk ke <i>cooling tower</i> .
5.	<i>Main Switch Board</i> (MSB)	Cara penggantungan kabel sementara dari MSB ke pejabat Kontraktor tidak sesuai kerana ia boleh menyebabkan konduit tertanggal.
6.	<i>Building Control System</i> (BCS)	Semua BCS tidak dilabelkan.
7.	Wad WD124	Penyokong paip <i>sprinkler</i> hanya disokong menggunakan tali dan berkemungkinan akan menyebabkan paip tersebut jatuh.
8.	X1-178, Aras 1	Tiada notis amaran DILARANG MEROKOK disediakan bagi meter gas <i>Liquid Petroleum Gas</i> (LPG).
9.	F/P No. 3 di kawasan landskap	<i>Feeder Pillar</i> tidak dikunci dan tiada lukisan skematik dilekatkan di dalam pintu kotak tersebut.
10.	Bilik <i>Server</i> , Aras 6	Lukisan skematik tidak diletakkan di bahagian dalam pintu papan agihan.
11.	Kaunter Depan Wad Radioterapi & Onkologi (Pediatrik & Adolescent)	Kabel lampu kalimantang terdedah dan tidak dilindungi sepenuhnya dalam konduit mudah lentur.
12.	WD136	Paip air buangan penyaman udara tidak dibalut sepenuhnya menyebabkan kondensasi berlaku dan boleh merosakkan siling gantung.

SEBELUM

GAMBAR 6.12



Cooling Tower, Aras 10
 - Tangga Untuk Penenggaraan Cooling Tower Tidak Dapat Digunakan
 (27.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.13



Cooling Tower, Aras 10
 - Tangga Penenggaraan Telah Diletakkan Di Tempat Yang Sesuai Pada 04.12.2014 Selepas Teguran Audit
 (Sumber: Jabatan Kerja Raya)

SEBELUM

GAMBAR 6.14



WD124
 - Penyokong Paip Sprinkler Hanya Disokong Menggunakan Tali
 (27.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.15



WD124
 - Steel Rod Telah Dipasang Bagi Menggantikan Tali Pada 08.12.2014 Selepas Teguran Audit
 (Sumber: Jabatan Kerja Raya)

SEBELUM

GAMBAR 6.16



Kaunter Depan Wad Radioterapi & Onkologi (Pediatrik & Adolescent)
 - Kabel Lampu Kalimantan Terdedah Dan Tidak Dilindungi Sepenuhnya Dalam Konduit Mudah Lentur
 (27.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.17



Kaunter Depan Wad Radioterapi & Onkologi (Pediatrik & Adolescent)
 - Kabel Lampu Kalimantan Telah Dibalut Dengan GI Flexible Conduit Pada 30.12.2014 Selepas Teguran Audit
 (Sumber: Jabatan Kerja Raya)

SEBELUM

GAMBAR 6.18



WD136

- Paip Air Buangan Penghawa Dingin Tidak Dibalut Sepenuhnya (27.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.19



WD136

- Insulation Foam Untuk Paip Air Buangan Penghawa Dingin Dibalut Pada 05.01.2015 Selepas Teguran Audit (Sumber: Jabatan Kerja Raya)

**JADUAL 6.4
KERJA PEMBINAAN YANG MASIH DALAM TINDAKAN**

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL / PENEMUAN AUDIT
1.	Makmal Patologi	Wayar peralatan ICT di workstation berselirat, tidak teratur dan kemas kerana tiada ruangan/peralatan khas (cable management) disediakan boleh menyebabkan berlakunya kemalangan di tempat kerja.
2.	Aras 10	Tangga tidak disediakan bagi laluan ke tangki air domestik.

GAMBAR 6.20



Makmal Patologi

- Wayar Peralatan ICT Di Workstation Yang Berselirat (28.10.2014)

GAMBAR 6.21



Aras 10

- Tangga Tidak Disediakan Bagi Laluan Ke Tangki Air Domestik (27.10.2014)

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Mei 2015 Dan Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

JKR mengambil maklum akan perkara ini. Tindakan pembaikan telah dilaksanakan oleh pihak Kontraktor. Status pembaikan adalah seperti kenyataan dan gambar berikut:

- i. Kerja-kerja pembaikan tangki air untuk cooling tower yang bocor telah dilaksanakan pada 15 Februari 2015;*
- ii. Kabel yang berselirat telah dapat dikurangkan dengan menggunakan flexhose (cable management) mulai 5 Januari 2015; dan*
- iii. Kerja-kerja pemasangan tangga untuk laluan ke tangki air domestik siap dilakukan pada 5 Januari 2015.*



Aras 10
- Kebocoran Tangki Air Untuk
Cooling Tower Telah Dibaiki
(15.02.2015)



Makmal Patologi
- Wayar Peralatan ICT Di Workstation
Telah Dikemaskan
(05.01.2015)



Aras 10
- Dua Unit Tangga Keluli Baru Telah Dipasang
(05.01.2015)

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan kualiti pembinaan adalah memuaskan. Pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan terhadap baki kerja yang tidak sempurna dan tidak berkualiti dalam tempoh yang munasabah.

6.5.4. Penggunaan Kemudahan/Fasiliti

Setiap kemudahan/fasiliti yang dibina/disediakan hendaklah digunakan secara optimum bagi memastikan Kerajaan mendapat manfaat yang berterusan daripada kemudahan/fasiliti tersebut. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati beberapa kemudahan/fasiliti dan peralatan yang tidak dapat digunakan/tidak sesuai seperti berikut:

6.5.4.1. Kemudahan/Fasiliti Yang Tidak Dapat Digunakan

- a. Sebanyak 48 bilik isolasi disediakan bagi tujuan mengasingkan pesakit yang memerlukan penjagaan yang lebih khusus dengan piawaian bacaan *humidity*, tekanan dan suhu seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut:

JADUAL 6.5
PIAWAIAN BILIK ISOLASI

PENENTU UKURAN	BACAAN STANDARD
<i>Humidity</i> (RH %)	50 hingga 60
Tekanan (Pa)	+2 hingga +5 -2 hingga -5
Suhu (°c)	18 hingga 22

Sumber : Institut Kanser Negara
Nota : RH - Relative Humidity

Pa - Pascal

- b. Semasa pemeriksaan Audit, pihak IKN memaklumkan 6 sampel bilik isolasi tidak digunakan semenjak bilik tersebut diserahkan kepada pihak IKN. Ini adalah kerana tahap *humidity*, tekanan dan suhu bilik tersebut tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan. Berdasarkan bacaan yang direkodkan oleh pihak Audit, adalah didapati hanya bacaan humidity/tekanan/suhu pada bilik isolasi IC128 sahaja yang mematuhi piawaian yang ditetapkan. Manakala 5 bilik isolasi lagi bacaannya masih belum mencapai piawaian yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
BACAAN SEBENAR BILIK ISOLASI PADA 28 OKTOBER 2014

LOKASI	BACAAN SEBENAR		
	HUMIDITY (RH %)	SUHU (°c)	TEKANAN (Pa)
WE119	63	21	+ 1
WE124	66	21	- 6
IC110	49	21	- 3
IC117	59	21	+18
IC128	54	22	+3
IC130	56	21	0

Nota : (RH) - Relative Humidity

- c. Selepas teguran Audit dibuat, pihak JKR telah memaklumkan bahawa bacaan humidity, tekanan dan suhu di semua bilik isolasi telah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 6.22



IC110

- Bacaan Humidity, Suhu Dan Tekanan Di Bilik Isolasi (28.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.23



IC110

- Bacaan Bilik Isolasi Telah Disesuaikan Pada 02.12.2014 Selepas Teguran Audit (Sumber : Jabatan Kerja Raya)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

KERJA-KERJA pemasangan heater pada sistem ACMV untuk bilik-bilik isolasi telah siap dilakukan pada akhir bulan Disember 2014. Bacaan suhu dan humidity adalah dalam keadaan stabil dan dalam lingkungan bacaan piawaian. Pengujian pra untuk suhu dan humidity untuk tujuh buah bilik isolasi bersama pihak IKN

dan JKR telah diadakan pada 22 Disember 2014. Pengujian akhir untuk suhu, humidity dan tekanan bilik pada bilik-bilik isolasi berkenaan bersama pihak IKN, JKR telah dilakukan pada 26 Januari 2015.

6.5.4.2. Peralatan Yang Tidak Sesuai/Dibekalkan

Merujuk kepada *Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation – Cawangan Elektrik JKR Malaysia L-S1 April 1999*, *rubber mat* perlu disediakan bagi *switchboard* untuk tujuan keselamatan. Semakan Audit mendapati *switchboard* di bilik UPS X1-128 tidak dibekalkan *rubber mat* bagi tujuan keselamatan. Manakala *rubber mat* yang digunakan di Bilik Suis Utama (MSB) tidak sesuai digunakan kerana ia menggelembung dan tidak rata serta boleh membahayakan keselamatan pengguna. Selepas teguran Audit, pihak Kontraktor telah menggantikan *rubber mat* tersebut. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 6.24



Bilik MSB
- Rubber Mat Yang Digunakan Menggelembung
(28.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.25



Bilik MSB
- Rubber Mat Telah Diganti Pada 22.12.2014
Selepas Teguran Audit
(Sumber : Jabatan Kerja Raya)

SEBELUM

GAMBAR 6.26



Bilik UPS X1-128
- Switchboard Tidak Disediakan Rubber Mat
(28.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.27



Bilik UPS X1-128
- Switchboard Telah Disediakan Rubber Mat
Pada 22.12.2014 Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Kementerian dan JKR mengambil maklum akan perkara ini dan pihak Kontraktor telah menggantikan rubber mat tersebut.

6.5.5. Penyenggaraan Dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2012 mengenai Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina telah menetapkan Kontraktor hendaklah menyenggara keseluruhan kerja dan perkhidmatan yang disenaraikan dalam skop penyenggaraan yang terkandung dalam Kehendak Kerajaan/*Planned Preventive Maintenance* (PPM) sepanjang Tempoh Penyenggaraan selama 24 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja. Penyenggaraan ini termasuk pemeriksaan berkala dan sistematik, penggantian alat ganti, *consumables*, pembersihan, servis, pengujian dan *calibration* seperti yang disyorkan. Semakan Audit terhadap penyenggaraan yang dibuat oleh pihak Kontraktor adalah seperti yang berikut:

6.5.5.1. Penyenggaraan Bangunan

Bagi memastikan bangunan yang dibina dapat digunakan dalam tempoh yang lama, penyenggaraan bangunan perlu dilaksanakan termasuk semua fasiliti/kemudahan yang dibina bersekali dengan bangunan tersebut. Penyenggaraan bangunan dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor, manakala penyenggaraan selepas tempoh tersebut akan menjadi tanggungjawab pihak IKN. Pemeriksaan Audit mendapati tiada bukti *cooling tower* telah disenggara kerana berlumut, kotor dan terdapat sampah sarap di sekitarnya yang boleh menyebabkan *chiller* mudah rosak. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan denda/penalti dikenakan terhadap Kontraktor atas kegagalan menyenggara *cooling tower* berkenaan. Selepas teguran Audit, pihak JKR telah memaklumkan pembersihan dan penyenggaraan *cooling tower* 1 dan 4 telah selesai dilaksanakan manakala *cooling tower* 2 dan 3 masih dalam tindakan pihaknya dan dijangka siap pada 5 Januari 2015. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.28



Aras 10
- Terdapat Bekas Makanan Dalam Cooling Tower
(27.10.2014)

GAMBAR 6.29



Aras 10
- Cooling Tower Yang Berlumut Dan Berkeladak
(27.10.2014)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Kerja-kerja penyenggaraan cooling tower 1 dan 4 telah selesai dilaksanakan manakala cooling tower 2 dan 3 telah siap dilakukan pada 5 Januari 2015. KKM melalui IKN akan memantau dan memastikan pihak Kontraktor melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dengan baik pada masa akan datang.

6.5.5.2. Penyelenggaraan Landskap Yang Tidak Sempurna

- a. Kos penyelenggaraan bagi landskap adalah berjumlah RM120,000 yang dibayar berdasarkan tuntutan bulanan terhadap kerja yang dilaksanakan. Pihak JKR telah mengarahkan pihak IKN mengesahkan kerja-kerja penyelenggaraan landskap oleh Kontraktor bagi tujuan pembayaran. Pegawai daripada Bahagian Kejuruteraan IKN akan menyemak dan mengesahkan senarai Jadual Penyelenggaraan Bulanan (secara harian). Bagaimanapun, bagi tujuan tuntutan bayaran pihak Kontraktor hanya mengemukakan ringkasan Jadual Penyelenggaraan Bulanan untuk disahkan oleh pihak JKR. Sehingga bulan Mei 2014 sejumlah RM45,000 (RM5,000 sebulan) telah dibayar kepada pihak Kontraktor untuk kerja penyelenggaraan landskap.
- b. Berdasarkan pengesahan kerja Jadual Penyelenggaraan Bulanan (secara harian) bagi bulan Mac hingga September 2014 (kerja-kerja penyelenggaraan bagi bulan Mac hingga Mei 2014 telah dibayar), kerja memangkas dan kawalan serangga serta penyakit pokok renek dan penutup bumi perlu dilakukan sekali sebulan atau apabila diperlukan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit pada 29 Oktober 2014 mendapati kerja-kerja penyelenggaraan tidak dibuat secara menyeluruh namun bayaran penuh sejumlah RM5,000 sebulan telah dibuat seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 6.7
KERJA PENYELNGGARAAN LANDSKAP YANG TIDAK SEMPURNA

BIL.	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL/PENEMUAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
1.	Pintu masuk parkir kakitangan	Tiada bukti kerja memangkas dilakukan untuk pokok bunga raya sehingga pokok berkenaan menutupi papan tanda IKN.	Kerja-kerja memangkas telah dilakukan.
2.	Pejabat pakar SF121	Tiada bukti kerja kawalan serangga dan penyakit dibuat kerana pokok tersebut diserang serangga dan penyakit.	Kerja-kerja penyelenggaraan semburan kawalan penyakit telah dilakukan pada 02.12.2014 dan pemantauan akan dilakukan.
3.	Kawasan (<i>farming up</i>)	Tiada bukti kerja pembersihan dan kemas kini seminggu sekali dibuat bagi tempoh 10 hingga 14.03.2014.	Mulai Oktober 2014, pihak Kontraktor telah menyediakan dokumen lengkap untuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan disahkan oleh pihak konsesi.
4.	Kawasan meletak kenderaan di lobi <i>out-patient</i>	Cow grass yang ditanam tidak tumbuh dengan sempurna kerana tanah kawasan berkenaan berbatu.	Kerja-kerja pembetulan telah siap dilakukan pada 08.12.2014.

SEBELUM

GAMBAR 6.30



Pintu Masuk Parkir Kakitangan
- Pokok Bunga Raya Yang Menutupi Papan Tanda IKN
(29.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 6.31



Pintu Masuk Parkir Kakitangan
- Kerja-kerja Memangkas Telah Dilakukan
Pada 02.12.2014 Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)

SEBELUM

GAMBAR 6.32



*Kawasan Parkir Di Lobi Out-Patient
- Cow Grass Tidak Tumbuh Dengan Sempurna
(29.10.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 6.33



*Kawasan Parkir Di Lobi Out-Patient
- Kerja-Kerja Menanam Rumput Telah Siap Dilakukan
Pada 08.12.2014 Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)*

SEBELUM

GAMBAR 6.34



*Koridor Pejabat Pakar SF121
- Pokok Telah Diserang Serangga Kerana Semburan
Kawalan Serangga Tidak Dilaksanakan
(29.10.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 6.35



*Koridor Pejabat Pakar SF121
- Kerja-Kerja Penyenggaraan Semburan Kawalan
Penyakit Telah Dilakukan Pada 02.12.2014
Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)*

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Kerja-kerja penyenggaraan landskap telah dilakukan oleh pihak Kontraktor seperti yang dibangkitkan di mana pihak Kontraktor akan memperbaiki mutu kerja-kerja penyenggaraan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan terhadap *chiller* dan landskap adalah kurang memuaskan kerana kaedah pemantauan penyenggaraan yang kurang berkesan.

6.5.6. Lukisan Siap Bina

6.5.6.1. Penyerahan Dan Pembayaran Lukisan Siap Bina

- a. Mengikut klausa 38.3 di bawah Jilid 1A – *Contractual And General Requirements*, Lukisan Siap Bina yang lengkap dan telah disahkan oleh perunding bertauliah perlu dikemukakan kepada Pengarah Projek dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan iaitu pada 16 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati Lukisan Siap Bina lewat diserahkan kepada pihak JKR iaitu antara 13 hingga 44 hari daripada tarikh

ia sepatutnya dikemukakan iaitu pada 16 November 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
TEMPOH SERAHAN LUKISAN SIAP BINA OLEH KONTRAKTOR

ITEM LUKISAN SIAP BINA	TARIKH LUKISAN SIAP BINA		TEMPOH KELEWATAN (Hari) (C) = (B) - (A)
	PATUT DIKEMUKAKAN (A)	*TELAH DIKEMUKAKAN (B)	
Civil	16.11.2013	29.11.2013	13
Arkitek (Landskap)	16.11.2013	29.11.2013	13
Arkitek	16.11.2013	05.12.2013	19
Mekanikal	16.11.2013	20.12.2013	34
Elektrikal	16.11.2013	20.12.2013	34
ICT	16.11.2013	30.12.2013	44
Arkitek (Layout and Built In)	16.11.2013	Belum dikemukakan	TM

Sumber : JKR Cawangan Kerja Kesihatan

Nota : (*) - Tarikh Terkini Kemuka Lukisan

TM - Tiada Maklumat

- b. Mengikut Arahan Perbendaharaan 99(e)(ii), sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Baucar bayaran bagi bekalan untuk kerja tersebut hendaklah disokong dengan suatu perakuan bahawa bekalan itu telah diterima dan dikeluarkan bagi kegunaan segera dengan sempurnanya. Semakan Audit mendapati kos bagi Lukisan Siap Bina adalah berjumlah RM735,177 dan bayarannya telah dibuat secara berperingkat melalui bayaran kemajuan. Bayaran keseluruhan telah selesai dibayar melalui bayaran kemajuan ke-39 walaupun lukisan arkitek bagi *layout and built in* masih belum diterima. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9
STATUS BAYARAN BAGI LUKISAN SIAP BINA
SEHINGGA BAYARAN KEMAJUAN KE-39

BUTIRAN	KOS KESELURUHAN (RM)	BAYARAN KEMAJUAN		JUMLAH YANG TELAH DIBAYAR (RM)
		TERDAHULU (RM)	SEMASA (RM)	
<i>Piling</i>	36,759	-	36,759	36,759
<i>Structural</i>	147,035	-	147,035	147,035
<i>Architectural & Medical Equipment</i>	183,794	91,897	91,897	183,794
<i>Mechanical</i>	147,036	44,111	102,925	147,036
<i>Electrical</i>	147,035	73,517	73,518	147,035
ICT	36,759	29,407	7,352	36,759
<i>External Works</i>	36,759	-	36,759	36,759
JUMLAH KESELURUHAN				735,177

Sumber : JKR Cawangan Kerja Kesihatan

6.5.6.2. Lukisan Siap Bina Berbeza Dengan Fizikal

- a. Lukisan siap bina hendaklah dikemas kini sepanjang pelaksanaan projek dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Penguasa secara berperingkat menurut aturan kerja. Semakan Audit mendapati pihak Kontraktor telah mengemukakan Lukisan Siap Bina yang tidak dikemas kini kepada JKR kerana lukisan arkitek yang dikemukakan tidak lengkap iaitu tiada butiran terperinci seperti *built-in cabinet* dan susun atur perabot. Sehubungan itu, pihak Audit hanya dapat merujuk *loaded drawing* sebagai rujukan semasa pemeriksaan dijalankan. Pemeriksaan Audit terhadap lukisan dan binaan fizikal mendapati butiran di dalam lukisan siap bina berbeza dengan fizikal seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 6.10
PERBEZAAN BUTIRAN ANTARA LUKISAN SIAP BINA DENGAN FIZIKAL

NO. LUKISAN	LOKASI YANG DILAWATI	BUTIRAN DI LUKISAN	FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
IKN/ARC/AB/02/107-2	WJ-213, WJ-206, WJ-215 dan WJ-218	Tiada butiran <i>built-in furniture</i> dan susun atur perabot	<i>Built-in furniture</i> ada dipasang	Butiran <i>built in furniture</i> telah dikemaskini pada as <i>built drawing architect</i> yang telah dikemukakan kepada pihak JKR pada 03.12.2014. Susun atur perabot telah dikemas kini dalam <i>loaded drawing</i> .
IKN/ARC/AB/02/105-6	WD-107 dan WD-165	Tiada butiran <i>built-in furniture</i> dan susun atur perabot	<i>Built-in furniture</i> ada dipasang	
IKN/LD/AB/02/100-7	Lobi Radioterapi dan Onkologi	Kemasan lantai HT (homogeneous tiles)	Kemasan lantai HT1 (homogeneous tiles polish)	Pemilihan kemasan lantai jenis HT1 adalah berdasarkan interaksi dan kelulusan kerja ID untuk kawasan lobi tersebut.
	Bilik Mesyuarat (RT131)	Ada <i>built-in whiteboard</i>	<i>Built-in whiteboard</i> tidak dipasang	<i>Built in white board</i> telah siap dipasang pada 15.12.2014.
IKN/LD/AB/02/100-1	Bilik Mesyuarat (MS106)	Ada <i>built-in whiteboard</i>	<i>Built-in whiteboard</i> tidak dipasang	
IKN/ELE/AB/01/L9 & L10/HOS/SP-209	WJ207	Bilangan soket di lukisan adalah sebanyak 5	Bilangan soket fizikal hanya 3	
	WJ208	Bilangan soket di lukisan adalah sebanyak 7	Bilangan soket fizikal hanya 6	
	WJ209	Bilangan soket di lukisan adalah sebanyak 20 dan kedudukan soket di singki tiada dalam lukisan	Bilangan soket fizikal hanya 19 dan 1 soket dipasang dekat singki	
IKN/MEC/AB/02/L1/HOS/201D/AB	Koridor sebelah RT204 (Koridor 6)	Sistem pencegahan kebakaran menggunakan jenis <i>alarm bell</i>	Sistem pencegahan kebakaran menggunakan jenis <i>strobe flashing light</i> (wall mounted)	Kesilapan berlaku pada as <i>built drawing</i> . Pembedulan akan dibuat.
IKN/ELE/AB/01/L4/HOS/SP-204-2/0	Workstation unit Patologi	Bilangan soket sebanyak 248	Bilangan soket hanya 239	
IKN/ELE/AB/01/00/HOS/LS-101	Luar Bangunan Auditorium (PRL 34.55 hingga PRL 34.60)	<i>Bollard Light</i> (900mm HT, TC-D, 2x26W)	<i>Inground Flood Light</i> (12mm)	

SEBELUM

GAMBAR 6.36



*Bilik Mesyuarat RT131
- Built-In Whiteboard Tidak Dipasang
(27.10.2014)*


SELEPAS

GAMBAR 6.37



*Bilik Mesyuarat RT131
- Built-In Whiteboard Telah Dipasang Pada
15.12.2014 Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya)*

GAMBAR 6.38




*Aras 9 WJ 215
- Tiada Maklumat Built-In Furniture Dan Susun Atur Perabot Dalam Lukisan Berbanding Fizikal
(27.10.2014)*

GAMBAR 6.39



GAMBAR 6.40




*Lobi Radioterapi Dan Onkologi (RT136)
- Kemasan Lantai Di Lukisan (Homogeneous Tiles) Berbeza Dengan Sebenar (Homogeneous Tiles Polish)
(27.10.2014)*

GAMBAR 6.41



GAMBAR 6.42



*WJ209 (Nurse Station)
- Contoh Soket Di Lukisan (7 Soket) Berbeza Dengan Fizikal (6 Soket)
(27.10.2014)*

GAMBAR 6.43



GAMBAR 6.44




GAMBAR 6.45



Koridor sebelah RT204 (Koridor 6)
 - Butiran Jenis Sistem Pencegahan Kebakaran Di Lukisan Dan Fizikal Adalah Berbeza
 (28.10.2014)

GAMBAR 6.46



GAMBAR 6.47



Kawasan Landskap Depan Pintu Masuk Auditorium
 - Butiran Jenis Lampu Di Lukisan Dan Fizikal Adalah Berbeza
 (29.10.2014)

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Lukisan siap bina oleh Kontraktor mengalami kelewatan tarikh siap disebabkan oleh kerja-kerja semakan semula dan pembetulan yang perlu dilakukan. Penerimaan lukisan siap bina arkitek pada mulanya tidak termasuk 'built-in'. Setelah ditegur, lukisan siap bina telah dipinda dan dimasukkan dengan 'built-in'. JKR akan memastikan Lukisan Siap Bina diserahkan oleh Kontraktor dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi projek akan datang.

Lukisan siap bina untuk kerja-kerja arkitek (layout dan built in) telah disiapkan dan dikemukakan kepada pihak JKR dan IKN pada 3 Disember 2014. Bagi bayaran interim nombor 39, keseluruhan as built drawing telah diterima dan dipersetujui untuk pembayaran penuh. JKR akan memastikan perkara ini tidak berulang semula pada masa hadapan.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 6 Mei 2015

Pelarasan pembayaran kepada As-Built Drawing telah dibuat di dalam Perakuan Bayaran Interim No.43 pada 25 Mac 2015 iaitu pengurangan sebanyak RM238,931.87. Pelarasan ini telah dibuat bagi As-Built Drawing Arkitek dan M&E seperti mana bayaran interim no.38 yang terdahulu. Walau bagaimanapun, pembayaran penuh As-Built Drawing ini akan dibuat pada bayaran interim akan datang iaitu no.45 memandangkan keseluruhan As-Built Drawing telah dibetulkan dan diterima oleh pihak JKR. Pindaan terhadap As-Built Drawing untuk kerja-kerja M&E telah disiapkan oleh pihak Kontraktor pada 10 Februari 2015. Pihak JKR akan memastikan perkara ini tidak berulang semula pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, penyerahan dan pembayaran lukisan siap bina adalah tidak teratur kerana tidak mematuhi tempoh penyerahan dan dibayar penuh sebelum lukisan siap bina diserahkan dengan lengkap. Selain itu, terdapat perbezaan antara lukisan siap bina dengan fizikal terutamanya bagi lukisan arkitek dan elektrik.

6.5.7. Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan

- a. Pemantauan terhadap kerja pembinaan IKN hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan kerja di tapak. Di peringkat Kementerian, Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan pembinaan IKN. Manakala JKR sebagai agensi pelaksana pula bertanggungjawab menyelia/memantau pelaksanaan kerja pembinaan sehingga tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan.
- b. Selain itu, JKR juga mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan dan diperakukan sebelum bayaran diluluskan kepada Kontraktor. **Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek yang dilaksanakan oleh Kontraktor mendapati projek ini berjaya disiapkan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.** Kementerian juga telah menubuhkan *core team* yang turut memantau projek pembinaan Institut Kanser Negara ini. Inisiatif penubuhan kedua-dua pasukan khas ini adalah bagi menyelaraskan secara teratur pelaksanaan projek dan memenuhi keperluan pengguna. *Core team* ini banyak terlibat dalam memberi input berhubung keperluan peralatan, perancangan sumber manusia, penggunaan teknologi dan penyediaan proses kerja yang bersesuaian. Selain itu, pihak JKR telah mewujudkan pasukan khas di tapak projek dan seterusnya memastikan mesyuarat tapak dan laporan bulanan telah diadakan secara berkala sepertimana yang telah ditetapkan. JKR juga telah mengadakan pemantauan melalui sistem SKALA yang merangkumi antaranya maklumat asas kontrak, nilai kerja, pra kontrak, kewangan dan bayaran interim.

Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

Kementerian mengambil maklum akan perkara ini.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan kerja Kontraktor adalah memuaskan.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian dan JKR mengambil tindakan seperti yang berikut:

- 6.6.1. memastikan bilik isolasi mematuhi piawaian yang telah ditetapkan dan dapat digunakan;
- 6.6.2. JKR hendaklah memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna dalam memantau dan menyelia kerja Kontraktor terutamanya kerja-kerja penyenggaraan sehingga tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan; dan
- 6.6.3. JKR perlu memastikan semua kerosakan yang dilaporkan dalam tempoh tanggungan kecacatan diambil tindakan pembaikan dengan segera bagi menjamin keselamatan bangunan dan pengguna serta memastikan Kerajaan mendapat *best value for money*. Di samping itu, JKR perlu memastikan bayaran bagi lukisan siap bina dibayar mengikut nilai kemajuan kerja sebenar lukisan tersebut.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

7. PENGURUSAN KUTIPAN HASIL FI PERUBATAN DI HOSPITAL

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Pengurusan hasil di Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) melibatkan aktiviti mengutip, menerima dan mengakaunkan segala hasil dan wang yang diterima sama ada melalui kaunter secara tunai, pos, penghantaran tangan atau pungutan luar dalam bentuk tunai, wang pos, bank draf, cek, kad kredit dan kad debit. Kementerian telah mewujudkan 6 sistem aplikasi iaitu EM-HIS 5.X (ISOFT), FICISIEN, CERNER MILLENNIUM (CERNER), GCM TAKE CARE HIS (PROFDOC), Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) dan Sistem Pengurusan Pesakit Dalam (SPPD) bagi 31 hospital yang dikelaskan sebagai hospital *Information Technology* (IT). Hospital IT ini adalah sistem yang bersepadu untuk pengurusan pesakit bermula daripada pendaftaran dan kemasukan pesakit ke wad sehinggalah pesakit *discharge* termasuk caj ujian makmal, radiologi dan farmasi. Manakala 106 hospital lagi dikenali sebagai hospital *non-IT* yang menggunakan sistem *e-billing* yang dibangunkan secara *in-house*.

7.1.2. Kuasa bagi menjalankan kutipan hasil fi perubatan Kementerian telah dinyatakan dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 di bawah Akta Fee 1951. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, keseluruhan kutipan hasil Kementerian berjumlah RM1.284 bilion. Kutipan hasil fi perubatan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM773.70 juta (60%) daripada jumlah keseluruhan hasil Kementerian. Hasil fi perubatan di empat hospital yang diaudit iaitu Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Star; Hospital Bintulu (HBTU); Hospital Queen Elizabeth (HQE) Kota Kinabalu; dan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu bagi tempoh yang sama berjumlah RM30.24 juta seperti jadual berikut:

JADUAL 7.1
HASIL FI PERUBATAN MENGIKUT HOSPITAL YANG DILAWATI
BAGI TEMPOH 2012 HINGGA 2014

HOSPITAL	2012	2013	2014	JUMLAH KESELURUHAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Sultanah Bahiyah	3.54	4.24	4.94	12.72
Bintulu	2.04	1.90	1.64	5.58
Queen Elizabeth	1.30	1.22	1.14	3.66
Sultanah Nur Zahirah	2.44	2.75	3.09	8.28
JUMLAH	9.32	10.11	10.81	30.24

Sumber : Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan hasil fi perubatan di hospital telah dirancang dan diuruskan secara teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan berhubung pengurusan hasil fi perubatan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 di empat hospital iaitu HSB, HBTU, HQE dan HSNZ. *Product Principal* bagi aplikasi yang dipilih ialah iSOFT, Ficisien, Profdoc dan SPPD manakala sistem yang diguna pakai ialah *eHIS/THIS/SPPD*. Bagi tujuan analisis hapus kira hasil, rekod tunggakan hasil bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 telah diambil kira.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan dengan membuat semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan serta mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai di Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Bahagian Kewangan Kementerian, Unit Hasil dan Bahagian Teknologi Maklumat di hospital yang dipilih. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan *walk through* sistem dibuat bagi menentukan pengurusan kutipan hasil adalah teratur berdasarkan peraturan yang ditetapkan. Semakan terhadap perjanjian antara Kementerian dan kontraktor yang dilantik untuk perkhidmatan sokongan operasi dan penyenggaraan *eHIS/THIS/SPPD* di empat hospital yang diaudit juga telah dilakukan. Selain itu, sebanyak 50 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengguna Modul Kutipan Hasil di kaunter hasil di empat hospital yang diaudit. *Exit Conference* telah diadakan pada 23 April 2015 bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Pegawai-pegawai Kanan dan Cawangan Audit Dalam Kementerian, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri dan Pengarah-pengarah hospital yang berkenaan. Turut hadir ialah wakil Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan kutipan hasil fi perubatan melalui sistem aplikasi di hospital yang diaudit secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan khususnya berkenaan dengan pengurusan tunggakan dan hapus kira hasil, kelemahan kawalan capaian dan operasi sistem aplikasi seperti yang berikut:

- i. tunggakan hasil bagi dua hospital yang diaudit meningkat pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya iaitu 21.1% dan 915.3%. Selain itu, peratusan tunggakan yang tidak dapat dikutip semula adalah tinggi iaitu antara 25.5% hingga 47.7% bagi tempoh yang sama;
- ii. hapus kira hasil keseluruhan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM30.47 juta. Selain itu, berlaku peningkatan amaun hapus kira sejumlah RM6.03 juta (98.2%) pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Bagi tempoh yang sama terdapat hapus kira belum/lewat dibuat berjumlah RM3.41 juta bagi empat hospital yang diaudit;
- iii. *mapping* antara kos dengan 2,153 prosedur bagi 6 kategori klinikal di HSB masih belum dibuat;
- iv. wujud kelemahan dalam kawalan terimaan iaitu pegawai di kaunter hasil mempunyai pelbagai akses dalam fungsi terimaan;
- v. Surat Peringatan Pertama (SP1) lewat dikeluarkan antara 7 hingga 124 hari dari tarikh bil, Surat Peringatan Kedua (SP2) lewat antara 16 hingga 120 hari dan Surat Peringatan Ketiga (SP3) lewat antara 17 hingga 48 hari;
- vi. terdapat kelemahan dalam aspek kawalan capaian logikal, kawalan operasi dan pengurusan bilik server;
- vii. di HBTU dan HSNZ *temporary data entry media* bagi kemasukan data semasa *downtime* tidak dibuat secara automasi. Manakala di HSNZ sub-modul *Reconciliation* yang dinyatakan dalam klausa kontrak yang diserahkan pada tahun 2012 masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya; dan
- viii. di HQE peratus kepuasan pengguna adalah sangat rendah terhadap perkakasan (14%) dan modul (11%). Manakala di HSNZ adalah rendah terhadap modul (39.3%), latihan (26.8%) dan *helpdesk* (30.8%).

Penjelasan berhubung dengan perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

7.5.1. Pengurusan Tunggakan Dan Hapus Kira Hasil Fi Perubatan

7.5.1.1. Tunggakan Hasil Fi Perubatan

- a. Tunggakan hasil fi perubatan Kementerian bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 berjumlah RM82.98 juta. Daripada jumlah tersebut tunggakan hasil fi perubatan bagi warganegara berjumlah RM34.55 juta (41.6%), manakala tunggakan hasil fi perubatan warga asing adalah berjumlah RM48.43 juta (58.4%). Tunggakan hasil fi perubatan Kementerian pada tahun 2012 berjumlah RM28.57 juta berbanding tahun 2013 berjumlah RM27.11 juta, iaitu penurunan sejumlah RM1.46 juta (5.1%). Bagaimanapun, berlaku peningkatan tunggakan hasil fi perubatan pada tahun 2014 sejumlah RM0.19 juta (0.7%) berbanding tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2
TUNGGAKAN HASIL FI PERUBATAN KEMENTERIAN
DARI TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	WARGANEGARA	WARGA ASING	JUMLAH KESELURUHAN
	TUNGGAKAN (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)	TUNGGAKAN (RM Juta)
2012	11.60	16.97	28.57
2013	12.09	15.02	27.11
2014	10.86	16.44	27.30
JUMLAH	34.55	48.43	82.98

Sumber : Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia

- b. Tunggakan hasil fi perubatan pada tahun 2012 hingga 2014 di empat hospital berjumlah RM2.80 juta terdiri daripada warganegara berjumlah RM1.84 juta (65.7%) dan warga asing berjumlah RM0.96 juta (34.3%). Tunggakan hasil fi perubatan pada tahun 2012 berjumlah RM0.89 juta berbanding RM0.97 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM0.08 juta (9%). Manakala pada tahun 2014 terdapat penurunan tunggakan hasil fi perubatan berjumlah RM0.02 juta (2.4%).
- c. HBTU mencatat kenaikan tunggakan hasil fi perubatan yang paling tinggi iaitu RM58,313 (915.3%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Manakala di HSB bagi tempoh yang sama tunggakan hasil fi perubatan telah meningkat sejumlah RM56,734 (21.1%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.3
TUNGGAKAN HASIL FI PERUBATAN MENGIKUT HOSPITAL YANG DILAWATI
BAGI TEMPOH 2012 HINGGA 2014

TAHUN	WARGANEGARA	HOSPITAL SULTANAH BAHYIAH (RM)	HOSPITAL BINTULU (RM)	HOSPITAL QUEEN ELIZABETH (RM)	HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
2012	Warganegara	130,485	4,282	134,159	304,004	572,930
	Warga Asing	79,288	4,431	180,287	56,910	320,916
	JUMLAH	209,773	8,713	314,446	360,914	893,846
2013	Warganegara	186,336	3,694	94,441	410,731	695,202
	Warga Asing	82,130	2,677	113,523	73,657	271,987
	JUMLAH	268,466	6,371	207,964	484,388	967,189
2014	Warganegara	209,729	13,135	95,033	256,398	574,295
	Warga Asing	115,471	51,549	105,093	97,141	369,254
	JUMLAH	325,200	64,684	200,126	353,539	943,549
JUMLAH KESELURUHAN	803,439	79,768	722,536	1,198,841	2,804,584	

Sumber : Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada pendapat Audit, secara umumnya tunggakan hasil fi perubatan telah menurun kecuali di HBTU berlaku peningkatan ketara pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2015

- *Pada tahun 2013 jumlah tunggakan hasil telah menurun sejumlah RM1.46 juta berbanding tahun 2012. Manakala jumlah kutipan hasil telah menurun sejumlah RM2.75 juta iaitu daripada RM253.56 juta kepada RM250.81 juta. Pada tahun 2014 jumlah tunggakan hasil hanya meningkat sejumlah RM0.19 juta manakala jumlah kutipan hasil telah meningkat dengan ketara sejumlah RM18.52 juta iaitu daripada RM250.81 juta kepada RM269.33 juta.*
- *Tunggakan hasil di hospital bagi warganegara disebabkan pesakit tidak mampu membayar deposit dan menjelaskan bil; pesakit dalam keadaan tidak sedarkan diri dan tidak ditemani waris untuk menjelaskan deposit kemasukan hospital; pesakit bertukar alamat dan ini mengakibatkan surat peringatan yang dihantar dikembalikan; maklumat peribadi pesakit yang tidak tepat; dan caj tambahan untuk ujian makmal/prosedur dibilkan setelah pesakit didiscaj.*
- *Manakala tunggakan hasil bagi pesakit warga asing disebabkan pesakit menggunakan kad pengenalan diri/pasport orang lain semasa membuat pendaftaran masuk wad; pesakit menggunakan alamat lama/palsu; dan majikan enggan menjelaskan bil pesakit.*
- *Kementerian telah melaksanakan tindakan penambahbaikan seperti Kaunter Bilik Daftar Masuk beroperasi 24 jam untuk menerima bayaran deposit kemasukan wad; hanya menerima kemasukan kes kecemasan sahaja; memaklumkan tunggakan bil melalui telefon, surat-surat peringatan dan notis tuntutan daripada Penasihat Undang-Undang; kemudahan ePayment di hospital melalui penggunaan kad kredit atau debit; dan mengadakan perjanjian jaminan bank dan Skim Pelindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) dengan syarikat swasta; mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan Pengurusan Kutipan Hasil Pesakit Warga Asing Yang Tidak Membayar Deposit Semasa Mendapatkan Rawatan Di Hospital Kerajaan; dan melaporkan pendatang asing tanpa izin (PATI) kepada pihak berkuasa yang berkenaan.*

7.5.1.2. Peningkatan Peratusan Tunggakan Yang Tidak Dapat Dikutip Semula

Usaha untuk mengutip bil yang belum dijelaskan dibuat melalui pengiriman surat peringatan yang dijana melalui Modul Kutipan Hasil kepada pesakit oleh Unit Hasil di hospital. Analisis keseluruhan terhadap hapus kira yang diluluskan pada tahun 2012, 2013 dan 2014 bagi amaun tunggakan tahun 2005, 2006 dan 2007 mendapati peratusan yang tidak dapat dikutip semula adalah tinggi iaitu antara 25.5% hingga 47.7% seperti jadual berikut:

JADUAL 7.4
PERATUSAN TUNGGAKAN YANG TIDAK DAPAT DIKUTIP SEMULA

TAHUN HAPUS KIRA DIBUAT	TAHUN TUNGGAKAN	TUNGGAKAN SEBENAR (RM Juta)	AMAUN YANG DAPAT DIKUTIP (RM Juta)	AMAUN DI HAPUS KIRA (RM Juta)	TUNGGAKAN TIDAK DAPAT DIKUTIP SEMULA (%)
2012	2005	24.05	17.91	6.14	25.5
2013	2006	26.16	14.00	12.16	46.5
2014	2007	25.54	13.37	12.17	47.7
JUMLAH		75.75	45.28	30.47	

Sumber : Bahagian Akaun Dan Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada pendapat Audit, peratus tunggakan yang tidak dapat dikutip semula adalah tinggi iaitu mencecah sehingga 47.7% pada tahun 2014.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Kementerian mengambil maklum peratusan hapus kira seperti dinyatakan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, peratusan hapus kira berbanding keseluruhan kutipan hasil bagi tempoh tersebut adalah hanya 3% hingga 7% seperti berikut:

PERATUSAN HAPUS KIRA BERBANDING KESELURUHAN KUTIPAN HASIL

TAHUN	KUTIPAN HASIL KESELURUHAN (RM Juta)	AMAUN DIHAPUS KIRA (RM Juta)	HAPUS KIRA BERBANDING KUTIPAN HASIL KESELURUHAN (%)
2005	168.27	6.14	3.6
2006	181.30	12.17	6.7
2007	200.44	12.17	6.1

7.5.1.3. Hapus Kira Hasil Fi Perubatan

- Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 2008 dan 1PP WP 10.6/2013 menetapkan amaun hutang atau hasil yang tertunggak mestilah dipungut sama ada melalui proses pentadbiran biasa atau tindakan undang-undang.
- Hapus kira hasil fi perubatan Kementerian bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah berjumlah RM30.47 juta iaitu terdiri daripada RM15.44 juta (warganegara) dan RM15.03 juta (warga asing). Terdapat peningkatan sejumlah RM6.03 juta (98.2%) amaun hapus kira pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya dan peningkatan RM4,122 pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya.
- Hapus kira hasil fi perubatan di HSB, HBTU, HQE dan HSNZ berjumlah RM7.62 juta iaitu terdiri daripada RM2.71 juta (warganegara) dan RM4.91 juta (warga asing) bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.5
HAPUS KIRA HASIL FI PERUBATAN MENGIKUT HOSPITAL
BAGI TEMPOH 2012 HINGGA 2014

TAHUN PERMOHONAN HAPUS KIRA	WARGANEGARA		WARGA ASING		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH BIL.	AMAUN (RM)	JUMLAH BIL.	AMAUN (RM)	JUMLAH BIL.	AMAUN (RM)
HOSPITAL SULTANAH BAHYIAH						
2012	1,473	104,195	77	61,082	1,550	165,277
2013	1,628	109,206	54	43,018	1,682	152,224
2014	1,729	133,303	54	45,137	1,783	178,440
HOSPITAL BINTULU						
2012	905	70,576	232	147,388	1,137	217,964
2013	253	15,903	35	21,069	288	36,972
2014	119	9,803	21	11,546	140	21,349
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH						
2012	18,465	932,063	3,747	2,601,675	22,212	3,533,738
2013	10,831	646,699	1,590	1,191,080	12,421	1,837,780
2014	5,596	392,886	936	764,308	6,532	1,157,194
HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH						
2012	2,068	108,477	49	9,480	2,117	117,957
2013	1,683	90,220	25	6,188	1,708	96,408
2014	1,767	101,684	21	3,970	1,788	105,654
JUMLAH KESELURUHAN	46,517	2,715,015	6,841	4,905,941	53,358	7,620,957

Sumber : Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia

- d. Bagi empat hospital yang diaudit hapus kira berjumlah RM3.41 juta lewat dikemukakan antara satu hingga dua tahun. Di HSB tunggakan hasil tahun 2005 berjumlah RM0.15 juta lewat dikemukakan setahun. Di HBTU, tunggakan hasil tahun 2005 berjumlah RM36,972 dan tunggakan hasil tahun 2006 berjumlah RM21,349 lewat dikemukakan dua tahun dan setahun masing-masing. Selain itu, laporan tunggakan hasil di HQE bagi tahun 2005 berjumlah RM1.84 juta dan tunggakan tahun 2006 berjumlah RM1.16 juta lewat dikemukakan masing-masing dua tahun dan setahun. Di HSNZ, sejumlah RM0.09 juta tunggakan hasil tahun 2005 dan sejumlah RM0.11 juta tunggakan tahun 2006 lewat dikemukakan setahun dan dua tahun masing-masing. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.6
HAPUS KIRA HASIL FI PERUBATAN LEWAT/TIDAK DIBUAT
BAGI TEMPOH 2005 HINGGA 2007

HOSPITAL	TAHUN TUNGGAKAN	TAHUN TUNGGAKAN SEPATUTNYA DIHAPUS KIRA	TARIKH PERMOHONAN DIKEMUKAKAN	TARIKH KELULUSAN KEMENTERIAN	KELEWATAN (Tahun)	JUMLAH (RM)
Sultanah Bahiyah	2005	2012	28.02.2013	29.03.2013	1	109,206
		2012	28.02.2013	02.04.2013	1	43,018
Bintulu	2005	2012	13.12.2013	17.02.2014	2	15,903
		2012	13.12.2013	17.02.2014	2	21,069
	2006	2013	27.11.2013	17.02.2014	1	21,349

HOSPITAL	TAHUN TUNGGAKAN	TAHUN TUNGGAKAN SEPATUTNYA DIHAPUS KIRA	TARIKH PERMOHONAN DIKEMUKAKAN	TARIKH KELULUSAN KEMENTERIAN	KELEWATAN (Tahun)	JUMLAH (RM)
Queen Elizabeth	2005	2012	24.11.2014	05.05.2015	2	1,837,780
	2006	2013	24.11.2014	05.05.2015	1	1,157,194
Sultanah Nur Zahirah	2005	2012	14.11.2013	24.12.2013	1	90,220
		2012	14.11.2013	11.12.2013	1	6,188
	2006	2013	16.11.2014	18.02.2015	2	101,684
		2013	16.11.2014	10.03.2015	2	3,970
JUMLAH						3,407,581

Sumber : Unit Hasil Di HSB, HBTU, HQE Dan HSNZ

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan proses hapus kira dibuat secara lebih efisien dan menepati tempoh masa yang ditetapkan. Usaha yang lebih proaktif perlu dilakukan bagi mengurangkan amaun hapus kira.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

- *Permohonan hapus kira di HSB tahun 2012 lewat dikemukakan kerana rekod yang disimpan di dalam SPPD (sebelum penggunaan Sistem EM-HIS 5.X) tidak dimigrasi ke dalam EM-HIS 5.X dan dibuat secara manual. Ini adalah disebabkan skop migrasi data tidak termasuk di dalam skop implimentasi projek asal EM-HIS 5.X.*
- *Hospital Bintulu telah membuat permohonan hapus kira bagi kategori warganegara dan warga asing tahun 2006. Permohonan hapus kira untuk tahun berkenaan telah mendapat kelulusan dari pihak Kementerian pada 17 Februari 2014.*
- *Di HQE hapus kira tunggakan hasil fi perubatan bagi tahun 2005 dan 2006 telah dihantar kepada Kementerian pada 24 November 2014 berjumlah RM2.99 juta. Kelewatan disebabkan perisian dan perkakasan sistem SPPD yang telah usang. Permohonan hapus kira bagi tunggakan tahun 2007 dan 2008 sedang dalam tindakan.*
- *Kelewatan mengemukakan permohonan hapus kira tunggakan di HSNZ adalah disebabkan peralihan daripada SPPD kepada Fisicien mulai Julai 2010 dan kekangan kakitangan bagi mendapatkan maklumat bagi menyediakan laporan hapus kira berkenaan.*
- *Kementerian mengarahkan semua PTJ yang mempunyai tunggakan hasil yang melebihi 6 tahun untuk mengemukakan permohonan hapus kira kepada Bahagian Kewangan Kementerian. Penggantian perkakasan, perisian dan aplikasi di HQE akan dilaksanakan pada tahun 2016 bergantung kepada kelulusan permohonan peruntukan.*

7.5.2. Modul Kutipan Hasil

7.5.2.1. Sub-Modul Dalam *Patient Billing & Account Receivable* Tidak Digunakan Sepenuhnya

Sub-modul ini telah dibangunkan bagi melicinkan proses kutipan bayaran bil hospital yang dikenakan terhadap pesakit. Proses kerja yang terlibat ialah pendaftaran pesakit, ujian makmal, farmasi dan bayaran wad sehingga pengeluaran bil muktamad dijana secara elektronik dalam sistem. *Walkthrough* terhadap sub-modul *Billing & Account Receivable* di HBTU serta modul hasil di HQE mendapati, sub-modul tidak digunakan sepenuhnya seperti jadual berikut:

JADUAL 7.7
SUB-MODUL HASIL YANG TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA DI HBTU DAN HQE

HOSPITAL	SUB-MODUL YANG TIDAK DIGUNAKAN	SEBAB TIDAK DIGUNAKAN
HBTU	<u>Accounts</u> <ul style="list-style-type: none"> • Penyesuaian Akaun Hasil • Penyesuaian Akaun Amanah 	Penyesuaian Akaun Hasil Dan Amanah Tidak Dijana Melalui PBAR Kerana Penyesuaian Tersebut Telah Dijana Melalui Sistem eTerimaan.
HQE	<u>Urusan Wad</u> <ul style="list-style-type: none"> • Pesanan Makanan • Laporan Pesanan Makanan 	Sub-Modul Urusan Wad Tidak Digunakan Kerana Perpindahan Dapur HQE Ke HQE2. Tiada Pemasangan SPPD Dibuat Di HQE2 Kerana Tiada Infrastruktur Rangkaian 1Gov*Net (HQE2).

Sumber : Perjanjian Kontrak HBTU Dan HQE

Pada pendapat Audit, sub-modul yang tidak digunakan dalam *Modul Patient Billing & Account Receivable* perlu dikaji semula.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Bagi sub-modul Accounts (Penyesuaian Akaun Hasil, Penyesuaian Akaun Amanah) pihak kontraktor penyenggara HIS telah mengambil tindakan untuk disable fungsi tersebut di dalam Modul PBAR dan fungsi berkenaan dibuat sepenuhnya dalam Sistem eTerimaan.

7.5.2.2. Change Request

a. Mapping Antara Prosedur Klinikal Dan Kos Belum Dibuat

- i. Hubungan kait antara modul bukan klinikal seperti *Admission, Registration, Patient Billing* dan *Account Receivable* dan modul-modul klinikal seperti *Pharmacy Information System (PhIS), Laboratory Information System (LIS), Radiology Information System (RIS)* bermula dari proses pendaftaran, kemasukan ke wad dan bayaran di kaunter hasil selepas pesakit dibenarkan discaj. Proses kemasukan kos bagi setiap prosedur (place order) klinikal yang dijalankan adalah menjadi tanggungjawab pegawai perubatan. Sistem HIS telah di *default* untuk memadamkan kos dan setiap prosedur klinikal (mapping) bagi menjana bil pesakit.

- ii. *Walkthrough* terhadap kawalan dalaman sistem eHIS di hospital yang diaudit mendapati *drop charge* telah dimasukkan dalam sistem mengikut kod dan kadar rawatan. Bagaimanapun di HSB sebanyak 2,153 prosedur klinikal bagi 6 Kategori/Jabatan belum dibuat *mapping* sejak tahun 2013 dan kos rawatan dimasukkan secara manual dalam sistem, sebagai contoh prosedur klinikal bagi *Colposcopy* di Klinik Obstetrik dan Ginekologi (O&G). Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.8
PROSEDUR KLINIKAL YANG TIDAK DIBUAT MAPPING DI HSB

KATEGORI/JABATAN	PROSEDUR YANG TIDAK DIMAPPING (Bil.)
Imaging And Diagnostic	31
Monitoring	19
OT Surgery	1,152
Patient Care	149
Radiology	43
Treatment	759
JUMLAH	2,153

Sumber : Unit ICT HSB

b. Itemized Bil Perubatan Belum Dilaksanakan

Kementerian mula melaksanakan caj penuh (*itemized bill*) di hospital pada Jun 2011 bagi tujuan meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kos yang terpaksa ditanggung dan subsidi oleh Kerajaan dalam pemberian rawatan perubatan. Ia melibatkan hospital yang mempunyai kemudahan HIS dan *non-IT*. Pemeriksaan Audit mendapati *itemized* bil telah dilaksanakan di HSB dan HSNZ. Manakala di HQE dan HBTU pelaksanaan *itemized* bil belum dibuat. Mengikut Unit ICT HBTU, *itemized* bil belum dilaksanakan kerana kos sebenar belum diperincikan oleh kontraktor dalam modul *Patient Billing And Account Receivable* (PBAR). Contoh bil adalah seperti yang berikut:

GAMBAR 7.1

Contoh Itemized Bil Di HSB
(11.10.2014)

GAMBAR 7.2

Contoh Bil Kos Sebenar Yang Belum Diperincikan Di HBTU
(11.10.2014)

Sumber : Interim Bil Di HSB Dan HBTU

c. *Change Request* Untuk Ujian Makmal, Caj Siasatan Dan Caj Prosedur Pembedahan

Pada bulan Mac 2013, Kementerian telah mengeluarkan surat edaran yang menetapkan ujian makmal hendaklah dicaj dalam bil pesakit dalam (inpatient) apabila sampel ujian makmal tersebut tiba di kaunter makmal setelah disahkan. Bagi ujian siasatan seperti pemeriksaan radiologi dan prosedur pembedahan hendaklah dicaj dalam bil pesakit apabila pesakit tiba di tempat pemeriksaan. Semakan Audit mendapati *change request* bagi mengambil kira perubahan dalam proses pengebilan caj tersebut telah dibuat di HSB dan HSNZ. Bagaimanapun, di HBTU dan HQE, *change request* bagi mengambil kira perubahan dalam proses pengebilan caj tersebut masih belum dibuat. Semakan lanjut di HBTU terhadap modul PBAR mendapati *drop charge* bagi caj ujian makmal, radiologi dan prosedur pembedahan dibuat setelah ujian diperolehi dan pesakit telah discaj. Ini mengakibatkan bil yang dikenakan kepada pesakit semasa discaj adalah tidak lengkap.

Pada pendapat Audit, *mapping* antara prosedur dan kos perlu dibuat segera bagi mengelakkan kesilapan pengiraan bil sebenar. Selain itu, *change request* untuk caj ujian makmal, siasatan dan prosedur pembedahan juga perlu dibuat bagi mengelakkan bil dikeluarkan dua kali dan mengakibatkan tunggakan hasil.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

- *Di peringkat awal, pengguna sistem eHIS yang memohon set up bagi setiap prosedur klinikal semasa rawatan, pembedahan dan siasatan tidak arif mengenai Akta Fi yang dibekalkan dan kod akta fi untuk dipetakan (mapping) tidak dapat ditentukan di dalam sistem. Oleh itu, masih terdapat place order bagi rawatan, pembedahan dan siasatan diwujudkan tanpa maklumat kod fi/tidak dipetakan. Kerja-kerja mapping antara prosedur dengan kos tidak melibatkan change request. Sehingga 23 April 2015, sebanyak 15 jabatan/unit telah mengenal pasti 2,092 order yang terdiri daripada pelbagai kategori dan sedang dalam proses mapping di dalam sistem EM-HIS 5.X. Baki 61 order sedang disemak oleh HSB dan dijangka selesai pada bulan Mei 2015.*
- *Itemized bil telah dilaksanakan di HBTU pada 30 Mac 2015. Pengguna di Unit Hasil mempunyai pilihan untuk menjana bil melalui sistem PBAR sama ada bil biasa (menjimatkan penggunaan kertas) atau secara itemized. Format itemized bil akan ditambahbaik mengikut format asal (iaitu dalam satu muka surat bil untuk caj rawatan biasa) bagi mengelakkan penggunaan kertas yang tinggi. Sebagai langkah segera/jangka pendek, KKM telah mencadangkan fungsi penjanaan laporan bil biasa di'disable' bagi memastikan pihak pengguna dapat menggunakan itemized bil sepenuhnya.*
- *Perbincangan telah diadakan antara KKM dengan kontraktor yang menyelenggara Sistem HIS di HBTU. Change Request bagi melaksanakan*

drop charge akan dibuat secara percuma dan masih dalam peringkat pembangunan dan pengujian. KKM telah memohon supaya perkara ini diselesaikan pada atau sebelum Ogos 2015.

7.5.2.3. Kawalan Terhadap Capaian Berkaitan Penerimaan

Surat Edaran Bahagian Akaun Kementerian Bil. 13 Tahun 2011 menetapkan antara lain pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan resit tidak boleh diberi kuasa untuk membatalkan resit atau membuat pindaan kepada bil pesakit; peranan atau kod capaian untuk membatalkan resit dan membuat pindaan kepada bil pesakit hanya diberikan kepada penyelia sahaja; dan penyelia yang melaksanakan proses pembatalan resit dan pindaan bil pesakit perlulah dihadkan bilangannya bergantung kepada kesesuaian organisasi. Ini bagi mengelakkan kehilangan wang kutipan hasil di hospital yang berpunca dari pembatalan resit dan pindaan kepada bil pesakit. Hasil semakan Audit adalah seperti yang berikut:

- Rujukan kepada *user profile* mendapati 45 pegawai di HSB dan 6 pegawai di HBTU yang masing-masing bertugas di kaunter hasil diberikan akses kepada fungsi penerimaan wang, pembatalan resit, pembatalan bil dan *bill adjustment* (pindaan bil).
- Hasil semakan dan temu bual pihak Audit di HSB, HBTU, HQE dan HSNZ mendapati pembatalan resit dibuat oleh pegawai di kaunter hasil. Bagi tempoh bulan Jun hingga Ogos 2014 sebanyak 1,082 resit melibatkan amaun berjumlah RM0.19 juta telah dibatalkan oleh pegawai yang bertugas di kaunter melalui sistem tanpa melalui kelulusan penyelia di empat hospital. Pihak hospital memaklumkan pembatalan resit terpaksa dibuat oleh pegawai di kaunter hasil kerana operasi penerimaan hasil berjalan sepanjang masa (24 jam sehari) di mana penyelia hanya bertugas semasa waktu pejabat sahaja. Selain itu, adalah didapati sistem yang diguna pakai bagi kutipan hasil ini membenarkan pembatalan resit dibuat oleh pegawai yang menerima kutipan. Bilangan resit yang dibatalkan seperti jadual berikut:

JADUAL 7.9
BILANGAN RESIT YANG DIBATALKAN MELALUI SISTEM
PADA BULAN JUN, JULAI DAN OGOS TAHUN 2014

HOSPITAL	BIL. RESIT/AMAUN/BULAN						JUMLAH KESELURUHAN	
	JUN		JULAI		OGOS		BIL. RESIT	AMAUN (RM)
	BIL. RESIT	AMAUN (RM)	BIL. RESIT	AMAUN (RM)	BIL. RESIT	AMAUN (RM)		
Sultanah Bahiyah	125	16,667	139	18,050	147	18,916	411	53,633
Bintulu	80	14,520	62	13,876	52	7,522	194	35,918
Queen Elizabeth	43	2,137	60	3,458	35	2,015	138	7,610
Sultanah Nur Zahirah	122	12,167	106	71,301	111	8,223	339	91,691
JUMLAH	370	45,491	367	106,685	345	36,676	1,082	188,852

Sumber : Unit Hasil Di HSB, HBTU, HQE Dan HSNZ

Pada pendapat Audit, koordinasi kurang berkesan antara pentadbir sistem ICT dan Unit Hasil menyebabkan akses untuk pelbagai fungsi penerimaan hasil diberikan kepada pegawai yang sama dan tidak berpandukan kawalan dalaman peraturan kewangan berkaitan. Keterbukaan akses kepada pelbagai fungsi boleh mengundang penyalahgunaan kuasa. Selain itu, kuasa untuk membatalkan resit perlu dihadkan kepada penyelia pada waktu pejabat dan kepada pegawai lain yang bertanggungjawab di luar waktu pejabat.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

- *HIS telah menyediakan keperluan kawalan tahap capaian bagi pengguna modul hasil. Bagaimanapun adalah tanggungjawab pihak pengurusan hospital menentukan tahap kawalan bagi setiap pengguna.*
- *Pembatalan resit terpaksa dibuat oleh pegawai di kaunter hasil kerana operasi penerimaan hasil berjalan sepanjang masa (24 jam sehari) di mana penyelia hanya bertugas semasa waktu pejabat sahaja. Selain itu, adalah didapati sistem yang diguna pakai bagi kutipan hasil ini membenarkan pembatalan resit dibuat oleh pegawai yang menerima kutipan.*
- *HSB sedang melaksanakan setting bagi capaian tertentu sahaja kepada setiap pengguna eHIS di kaunter kutipan hasil dan fungsi pembatalan resit telah diberi kepada penyelia yang dilantik. HSNZ sedang mengemas kini prosedur pembatalan resit. Fungsi pembatalan resit tidak akan diberi kepada pegawai yang bertugas di kaunter sebaliknya akan diberi kepada penyelia yang dilantik.*

7.5.2.4. Surat Peringatan

- a. Modul dalam *Patient Billing and Account Receivable* boleh menjana surat peringatan bagi bil-bil pesakit yang masih belum dijelaskan atau tertunggak. Surat Peringatan Pertama (SP1) akan dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Jika dalam tempoh tersebut bil masih belum dijelaskan, Surat Peringatan Kedua (SP2) akan dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh SP1. Seterusnya Surat Peringatan Ketiga (SP3) akan dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh SP2 dikeluarkan. Sekiranya bil masih gagal diselesaikan selepas SP3, bil tertunggak perlu dikemas kini dalam SPH untuk tindakan lanjut oleh pihak Kementerian.
- b. Semakan Audit terhadap 956 bil tertunggak bernilai RM82,748 di HSB dan RM3,113 di HBTU bagi bulan Jun hingga Ogos 2014 mendapati SP1 lewat dikeluarkan antara 7 hingga 124 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Kelewatan mengeluarkan SP2 antara 16 hingga 120 hari dan SP3 antara 17 hingga 48 hari. Berdasarkan norma yang ditetapkan, tempoh maksimum bagi pengeluaran surat peringatan sehingga SP3 ialah 42 hari dari tarikh bil. Berdasarkan analisis Audit, tempoh keseluruhan yang diambil daripada tarikh bil dikeluarkan sehingga ke SP3 ialah antara 70 hingga 116 hari.

Pada pendapat Audit, pengeluaran surat peringatan kepada pesakit yang masih belum menjelaskan bil tidak mengikut norma masa yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2015

- Di HBTU sebahagian surat peringatan dijana melalui sistem PBAR dan sebahagian pula dijana secara manual. Urusan berkaitan surat peringatan bagi tempoh bulan Jun hingga Ogos 2014 tidak dibuat kerana pegawai berkenaan cuti bersalin.
- HBTU dan HQE mengeluarkan SP1, SP2 dan SP3 secara harian bagi mengatasi masalah ini. Tindakan selanjutnya iaitu dengan memaklumkan tunggakan bil melalui telefon, Sistem Pesanan Ringkas dan notis tuntutan daripada Penasihat Undang-Undang telah diambil.

7.5.2.5. Kawalan Capaian Logikal

- Berpandukan Dasar Keselamatan ICT Kementerian Tahun 2013, kawalan capaian yang berkesan perlu diwujudkan bagi mengawal capaian ke atas maklumat, kemudahan proses maklumat dan keperluan keselamatan. Ia perlu mengambil kira faktor *identification*, *authentication* dan *authorization*. Kata laluan mestilah sekurang-kurangnya 8 aksara dengan gabungan aksara, angka atau aksara khusus dan hendaklah ditukar dalam tempoh 90 hari.
- Semakan Audit terhadap kawalan capaian logikal di empat hospital mendapati kelemahan dalam sistem eHIS/SPPD di HSB dan HQE yang tidak menetapkan kombinasi kata laluan sekurang-kurangnya 8 aksara. Manakala di HQE sistem tidak mempunyai ciri penukaran kata laluan secara *default* dalam tempoh 90 hari seperti ditetapkan dalam kawalan capaian. Di HSB fungsi *refund* dalam modul *Admission, Registration & Patient Billing* iSOFT V.5.1 bagi deposit yang dicaj melalui kad kredit tidak dapat diproses sebaliknya transaksi ini dilakukan oleh kontraktor secara *back-end*. Pematuhan kawalan capaian logikal di keempat-empat hospital adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.10
PEMATUHAN KAWALAN CAPAIAN LOGIKAL

BUTIRAN KAWALAN CAPAIAN	HOSPITAL YANG DILAWATI			
	SULTANAH BAHIAH	BINTULU	QUEEN ELIZABETH	SULTANAH NUR ZAHIRAH
Kombinasi Kata Laluan Mestilah Sekurang-Kurangnya 8 Aksara Dengan Gabungan Aksara, Angka Dan Aksara Khusus.	X	✓	X	✓
Sistem Tidak Di <i>Default</i> Untuk Penukaran Kata Laluan Dalam Tempoh 90 Hari.	✓	✓	X	✓
Transaksi <i>Refund</i> Deposit Yang Dicaj Melalui Kad Kredit Dilakukan Secara <i>Front-end</i> (Interface) Sebaliknya Dilakukan Dengan Bantuan Kontraktor Secara <i>Back-end</i> .	X	✓	TB	✓

BUTIRAN KAWALAN CAPAIAN	HOSPITAL YANG DILAWATI			
	SULTANAH BAHYIAH	BINTULU	QUEEN ELIZABETH	SULTANAH NUR ZAHIRAH
Pihak Ketiga (Kontraktor) Yang Mempunyai <i>Back-end Access</i> Telah Menandatangani Akta Rahsia Rasmi/ Tapisan Keselamatan.	X	✓	TB	✓

Nota : ✓ - Patuh

X - Tidak Patuh

TB - Tidak Berkenaan

- c. Pihak Audit juga mendapati 10 pegawai OPENAPPS Sdn. Bhd. yang menyenggara sistem HIS di HSB tidak menandatangani perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972 sebagai mana ditetapkan dalam Dasar Keselamatan ICT Kementerian.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam kawalan capaian seperti kombinasi kata laluan, penukaran kata laluan dan *refund deposit* melalui *back-end* boleh mengundang kepada akses yang tidak sah. Selain itu, Kementerian hendaklah memastikan keselamatan penggunaan maklumat dan kemudahan proses maklumat oleh pihak luar/ketiga dikawal.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

- *Tiada lagi perubahan/enhancement bagi Sistem EM-HIS 5.X di HSB yang boleh dibuat ke atas versi sekarang memandangkan ia telah dikategorikan sebagai end of support. Kementerian telah memutuskan bahawa semua perubahan kepada sistem akan dibuat dalam versi yang baharu iaitu EM-HIS 12.x. Bagi tujuan naik taraf, Kementerian telah memohon peruntukan di dalam RMKe-11 bagi menaik taraf semua hospital yang terlibat dan mengambil kira semua perubahan yang perlu dibuat.*
- *Di HSB sistem eHIS tidak menetapkan kombinasi kata laluan sekurang-kurangnya 8 aksara, bagaimanapun pihak ICT HSB sentiasa memberi peringatan kepada pengguna supaya menggunakan kata laluan yang terdiri daripada 8 aksara dengan kombinasi huruf, nombor dan simbol. Bagi transaksi bayaran balik deposit melalui kad kredit, pihak kontraktor menjalankan transaksi back-end dengan pemantauan pegawai hospital.*
- *Pegawai yang masih belum menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah merupakan pegawai yang berkhidmat dengan syarikat terdahulu. Tindakan telah diambil untuk membuat perakuan semula pada 23 Oktober 2014.*
- *Di HQE arahan telah dikeluarkan kepada semua warga hospital agar menukar kata laluan dalam tempoh 90 hari bagi semua sistem dalaman, sistem Kementerian dan aplikasi Kerajaan Elektronik.*

7.5.2.6. Kawalan Operasi

- a. Mengikut Dasar ICT Kementerian, pengujian salinan penduaan (backup) sedia ada hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan sempurna, boleh dipercayai dan berkesan apabila digunakan khususnya pada waktu kecemasan. Setiap sistem mestilah mempunyai jejak audit yang merekod aktiviti-aktiviti yang berlaku secara kronologi bagi membolehkan pemeriksaan dan pengesanan serta penambahbaikan semula dilakukan. Pentadbir Sistem ICT hendaklah menyemak catatan jejak audit dari semasa ke semasa dan menyediakan laporan jika perlu bagi mengesan aktiviti yang tidak sah lebih awal. Kapasiti sesuatu komponen atau sistem ICT hendaklah dirancang, diurus dan dikawal dengan teliti bagi memastikan migrasi data dari sistem sebelumnya telah diambil kira.
- b. Semakan Audit terhadap kawalan operasi di HSB, HQE dan HSNZ mendapati salinan penduaan (backup) tidak pernah diuji/restore. Manakala Pentadbir Sistem ICT tidak menyemak log audit dari semasa ke semasa di HSB, HBTU dan HSNZ. Di HSB, migrasi data tunggakan hasil sebelum tahun 2007 dari sistem sebelumnya tidak dibuat. Ketiadaan data tunggakan hasil sebelum tahun 2007 dalam sistem menyebabkan hapus kira bagi tunggakan tahun tersebut dibuat secara manual. Pengiraan tunggakan hasil bagi tujuan hapus kira adalah diragui kerana ketiadaan dokumen sokongan. Pematuhan kawalan operasi di keempat-empat hospital adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.11
PEMATUHAN KAWALAN OPERASI

BUTIRAN KAWALAN CAPAIAN	HOSPITAL YANG DILAWATI			
	SULTANAH BAHYAH	BINTULU	QUEEN ELIZABETH	SULTANAH NUR ZAHIRAH
Menguji Salinan Penduaan (Backup) Sekurang-Kurangnya Sekali Setahun Bagi Memastikan Ianya Dapat Berfungsi Dengan Sempurna, Boleh Dipercayai Dan Berkesan.	X	✓	X	X
Pentadbir Sistem ICT Menyemak Catatan Jejak Audit Dari Semasa Ke Semasa Dan Menyediakan Laporan Jika Perlu.	X	X	✓	X
Migrasi Data Tunggakan Hasil Dari Sistem Sebelumnya Telah Dibuat.	X	TB	TB	TB

Nota : ✓ - Patuh

X - Tidak Patuh

TB - Tidak Berkeajaan

- c. Pengujian salinan penduaan tidak dibuat di HSNZ kerana kontraktor berpendapat ia akan mengganggu operasi sistem. Di HSB, migrasi data tunggakan hasil sebelum tahun 2007 tidak dibuat antara kedua-dua sistem kerana mempunyai medan yang berbeza (sistem lama menggunakan rujukan MRN manakala sistem baru menggunakan Patient ID *Data Management System*).

Pada pendapat Audit, kawalan operasi di HSB, HBTU, HQE dan HSNZ adalah kurang memuaskan. Pengujian salinan penduaan sedia ada hendaklah dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan ianya dapat berfungsi dengan sempurna apabila digunakan sebagai mekanisme pemulihan bencana. Jejak audit juga perlu disemak bagi mengesan aktiviti tidak sah lebih awal dan ketepatan data hapus kira yang dibuat secara manual adalah diragui kerana tiada dokumen sokongan yang lengkap.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

- *Di HSB pengujian salinan penduaan belum pernah dibuat. Perbincangan bersama kontraktor telah diadakan pada 29 April 2015 dan aktiviti pengujian backup dijangka akan dilakukan sebelum Julai 2015. HBTU telah menjalankan pengujian terhadap salinan penduaan. Pengujian salinan penduaan (backup) SPPD telah berjaya dilaksanakan dengan bantuan syarikat penyenggara SPPD pada Disember 2014. Hasil ujian, backup tersebut berfungsi dengan sempurna. Di HSNZ pengujian salinan penduaan (backup) tidak dibuat pada masa ini kerana ia akan melibatkan gangguan pada operasi harian yang sedang berjalan. Operasi yang terlibat adalah seperti order bagi ujian makmal, radiologi, pendaftaran, EMR dan sebagainya.*
- *Kementerian telah mengeluarkan surat arahan kepada semua kontraktor yang terlibat supaya menguji salinan pendua kerana ianya adalah merupakan sebahagian daripada skop kontrak sedia ada.*

7.5.3. Kontrak Perkhidmatan Sokongan Operasi Dan Penyenggaraan Bagi Perkakasan, Perisian Dan Peralatan Rangkaian

Kementerian telah melantik syarikat perkhidmatan sokongan operasi dan penyenggaraan perkakasan perisian dan peralatan rangkaian bagi sistem eHIS/THIS/SPPD. Syarikat yang dilantik dan tempoh kontrak yang sedang berkuat kuasa di HSB, HBTU, HQE dan HSNZ adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.12
KONTRAKTOR PERKHIDMATAN SOKONGAN OPERASI DAN PENYENGGARAAN**

HOSPITAL	NAMA SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK
Sultanah Bahiyah	OPENAPPS Sdn. Bhd.	23.71	01.01.2014 – 31.12.2016
Bintulu	Tech Inovasi Sdn. Bhd.	11.55	01.08.2013 – 31.07.2016
Queen Elizabeth	Forest Interactive Sdn. Bhd.	0.10	15.03.2014 – 14.03.2016
Sultanah Nur Zahirah	Strateq Sdn. Bhd.	20.97	15.08.2013 – 14.08.2016

Sumber : Perjanjian Kontrak Di HSB, HBTU, HQE Dan HSNZ

7.5.3.1. Ketidapatuhan Terhadap Terma Kontrak

- a. Mengikut kontrak perjanjian, bagi proses *recovery* selepas *Planned/Unplanned Downtime*, pihak kontraktor bertanggungjawab untuk menggunakan ID pengguna kaunter dengan kebenaran pengguna tersebut terlebih dahulu. Pihak kontraktor akan menanggung kos kemasukan data sekiranya dibuat oleh pihak pengguna (user). Semakan Audit mendapati kemasukan data bagi proses *recovery* selepas *planned/unplanned downtime* dibuat oleh pegawai di kaunter hasil dan bukannya oleh kontraktor. Selain itu, *temporary data entry* media bagi kemasukan data semasa *downtime* tidak disediakan di HBTU dan HSNZ.
- b. Kontrak mereka bentuk, membekal, memasang dan menguji peralatan *HIS* di HSNZ mulai Januari 2009 hingga Januari 2012 adalah dengan Kompakar Inc. Bhd.. Kontrak ini menetapkan sub-modul *Reconciliation* di bawah Modul PBAR perlu dibangunkan oleh kontraktor. Pemeriksaan Audit mendapati sub-modul *Reconciliation* yang dibangunkan masih belum digunakan di HSNZ sejak dari tahun 2012 kerana terdapat *bugs* yang menyebabkan laporan penyesuaian yang dijana tidak tepat. Akibatnya Laporan Penyesuaian Hasil Bulanan terpaksa dibuat secara manual oleh Unit Hasil.

Pada pendapat Audit, kontraktor tidak mematuhi terma berkaitan bagi kemasukan data semasa *downtime*. Selain itu, *Final Acceptance Test (FAT)* tidak diuji secara komprehensif di HSNZ sewaktu penyerahan sistem menyebabkan sub-modul *Reconciliation* tidak berfungsi sepenuhnya.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

- *Kemasukan data bagi proses recovery selepas Planned/Unplanned Downtime yang dibuat oleh kontraktor mengutamakan data klinikal sahaja dan bergantung kepada produk HIS di setiap hospital.*
- *BPM telah mengeluarkan surat arahan kepada kontraktor yang terbabit berkaitan isu reconciliation di HSNZ bagi mengenal pasti punca masalah dan seterusnya mengambil tindakan pembaikan pada atau sebelum bulan Ogos 2015.*

Maklum Balas Kontraktor Yang Diterima Pada 11 Mei 2015

- *Mulai November 2014, pihak kontraktor di HSNZ telah memasukkan data bagi proses recovery semasa downtime dalam sistem dengan pemantauan dan validasi daripada pegawai di kaunter hasil.*
- *Maklumat yang perlu untuk proses reconciliation di HSNZ adalah nombor transaksi yang dihasilkan oleh sistem eSPKB. Tidak ada integrasi di antara sistem Fisicien dengan eSPKB menyebabkan pengguna perlu membuat manual entry ke sistem eSPKB dan mengambil butiran yang dihasilkan untuk dimasukkan semula ke sistem Fisicien.*

7.5.4. Pengurusan Bilik Server

- a. Bilik server perlulah sentiasa dikawal secara fizikal bagi memastikan sebarang capaian fizikal terhadap aset ICT dan data adalah sah. Ini bertujuan bagi memelihara keutuhan (integriti) data dan keselamatan aset Kerajaan. Bilik server juga perlulah bersih, kemas dan tidak dijadikan sebagai stor penyimpanan peralatan dan barang-barang.
- b. Lawatan Audit pada akhir bulan Oktober 2014 di HQE mendapati bilik server berkongsi dengan ruang kerja sementara. Bilik server ini juga dijadikan tempat penyimpanan aset ICT yang rosak, pelbagai aset lain dan bahan-bahan mudah terbakar seperti kertas dan kotak-kotak terpakai. Selain itu, terdapat kesan resapan air pada dinding bilik server. Gambar berikut menunjukkan keadaan bilik server.

GAMBAR 7.3




Bilik Server Berkongsi Dengan Pejabat Sementara Unit ICT Dan Turut Dijadikan Stor Penyimpanan Aset ICT Yang Rosak Di HQE (28.10.2014)

GAMBAR 7.4



Kesan Resapan Air Pada Dinding Di Bilik Server HQE (28.10.2014)

GAMBAR 7.5



Bilik Server Dijadikan Stor Penyimpanan Pelbagai Aset Dan Bahan Mudah Terbakar Di HQE (28.10.2014)

GAMBAR 7.6



- c. Di HSNZ, peralatan seperti pencetak dan *uninterruptible power supply* (UPS) kepunyaan kontraktor juga ditempatkan dalam bilik server. Gambar-gambar berikut adalah berkaitan.

GAMBAR 7.7**GAMBAR 7.8**

*Peralatan Milik Kontraktor Ditempatkan Dalam Bilik Server Aras Lantai Di HSNZ
(10.11.2014)*

Pada pendapat Audit, pengurusan bilik server di HQE dan HSNZ adalah kurang memuaskan kerana terdedah kepada risiko pencerobohan data, kehilangan aset dan kebakaran di bilik server.


Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 April 2015

- *Sebahagian daripada staf Unit ICT HQE ditempatkan sementara di ruang kerja di bilik server akibat kekurangan ruang dan lokasi Unit ICT di Blok A tidak selamat pada pertengahan tahun 2012. Ruang kerja di bilik server tidak digunakan lagi sejak awal tahun 2013 dan dalam proses dismantle oleh pihak kontraktor. Ruang penyimpanan yang terhad menyebabkan peralatan ICT yang hendak dilupuskan terpaksa disimpan sementara di bilik server sehingga pelupusan.*
- *Di HSNZ, peralihan peralatan ICT dari bilik server telah diselesaikan pada awal Disember 2014 dengan menyediakan ruang/tapak yang disewakan kepada pihak kontraktor.*

7.5.5. Kajian Kepuasan Pengguna


- a. Pihak Audit telah menjalankan kajian kepuasan pengguna untuk mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap modul kutipan hasil dari segi perkakasan, modul, latihan dan meja bantuan (helpdesk) yang dibuat melalui pengedaran borang soal selidik kepada pengguna di Unit Hasil HSB, HBTU, HQE dan HSNZ.
- b. Analisis terhadap borang soal selidik yang diedarkan kepada 50 pengguna Modul Sistem Kutipan Hasil secara keseluruhannya mendapati peratus pengukuran kepuasan pengguna secara keseluruhannya masih rendah iaitu perkakasan (47%), modul (38%), latihan (40%) dan *helpdesk* (53%) seperti carta berikut:

CARTA 7.1
KAJIAN KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP
PERKAKASAN, MODUL, LATIHAN DAN HELPDESK DI KEEMPAT-EMPAT HOSPITAL



c. Di HQE peratus pengukuran pengguna yang berpuas hati adalah sangat rendah terhadap perkakasan (14%) dan modul (11%), manakala di HSNZ adalah rendah terhadap modul (39.3%), latihan (26.8%) dan *helpdesk* (30.8%). Butiran lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 7.2
KAJIAN KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP
PERKAKASAN, MODUL, LATIHAN DAN HELPDESK MENGIKUT HOSPITAL



d. Berdasarkan soal selidik dengan pengguna di HQE, masalah yang dibangkitkan oleh responden antara lain adalah aset ICT seperti alat ganti pencetak dan media storan (backup) sukar diperolehi serta sistem SPPD telah usang. Selain itu, modul ini yang dibangunkan pada November 1995 dengan menggunakan *command line programming* tidak mudah diubah suai berasaskan *web based*.

Di HSNZ, pengguna kurang berpuas hati terhadap modul kutipan hasil kerana terdapat laporan yang tidak dapat dijana, sistem yang kerap tergendala dan latihan yang diberikan oleh kontraktor secara *hands on* tidak mencukupi dan komprehensif.

Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pengguna secara keseluruhan terhadap perkakasan, modul dan latihan adalah kurang memuaskan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Kementerian mengambil maklum soal selidik yang dilaksanakan dan akan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan. HSB telah melaksanakan kursus HIS kepada semua kategori pengguna HIS mengikut permintaan. Tahap kepuasan pengguna di HQE adalah sangat rendah memandangkan perisian dan perkakasan sistem SPPD tidak dapat memenuhi kehendak pengguna. Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) akan diperluaskan penggunaannya pada tahun 2016. HSNZ telah menyediakan aset ICT yang mencukupi seperti komputer, laser printer dan juga barcode printer. HSNZ telah menyediakan latihan secara berkala oleh kontraktor dan juga trainer (key-user). Sistem yang kerap tergendala adalah disebabkan gangguan bekalan elektrik di Unit Hasil, Bangunan Utama dan Pusat Rawatan Harian (ACC) HSNZ disebabkan oleh proses pengujian bekalan kuasa elektrik yang dilakukan setiap minggu. Bagi menyelesaikan masalah bekalan elektrik, HSNZ telah menambahbaik transformer pada tahun 2014 dan akan menambah bilangan pencawang elektrik baharu dalam kontrak bangunan Psikiatrik yang akan dimulakan pembinaan tidak lama lagi.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan hasil fi perubatan menggunakan sistem aplikasi beroperasi dengan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan terhadap perkara yang berikut:

7.6.1. *task force* perlu diwujudkan bagi mengenal pasti, meneliti dan menyelesaikan isu tunggakan hasil dan hapus kira supaya pengurusan hasil Kerajaan dapat diurus dengan cekap dan teratur serta Kerajaan memperoleh hasil yang sepatutnya. Selain itu, pengeluaran surat peringatan kepada pesakit yang masih belum menjelaskan bil hendaklah mengikut norma masa yang ditetapkan;

7.6.2. padanan antara prosedur dan kos yang belum dilaksanakan perlu disegerakan bagi mengelakkan ketirisan hasil Kerajaan dan menggunakan sepenuhnya sub modul yang telah dibangunkan;

7.6.3. koordinasi antara pentadbir sistem ICT dan Unit Hasil hendaklah ditingkatkan bagi menentukan konfigurasi terhadap kawalan akses dalam fungsi

penerimaan. Selain itu, kawalan capaian logikal dan operasi serta pengurusan bilik server perlu dipertingkatkan bagi menjamin keselamatan aset ICT, keutuhan dan integriti data; dan

7.6.4. mengambil kira maklum balas kepuasan pengguna dalam penambahbaikan terhadap perkakasan, modul, latihan dan *helpdesk*.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

8. PEROLEHAN PERALATAN ICT

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Perolehan peralatan ICT melalui Kontrak Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) dilaksanakan tiga tahun sekali. Setiap kontrak bermasa berkuat kuasa selama tiga tahun di antara Februari 2012 sehingga Julai 2015 meliputi 45 item terdiri daripada perkakasan dan perisian komputer serta perkhidmatan teknikal. Kontrak ini melibatkan 12 syarikat dan pembekalan adalah mengikut negeri/zon dengan kontrak bernilai RM307.32 juta. Nilai kontrak yang ditawarkan kepada pembekal yang berjaya adalah merupakan anggaran nilai siling kontrak manakala perolehan peralatan ICT tertakluk kepada peruntukan yang diterima.

8.1.2. Pemilihan pembekal dalam kontrak ini dibuat melalui proses tender terbuka oleh Lembaga Perolehan KPM. Spesifikasi peralatan ICT yang terdapat dalam kontrak ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi yang dianggotai oleh wakil setiap Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan. Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA) bertanggungjawab dalam mengumpulkan maklumat berkenaan keperluan peralatan ICT daripada setiap Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan bagi tujuan penyediaan cadangan agihan peralatan ICT. Butiran kontrak terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.1
NILAI KONTRAK BAGI PEMBEKALAN PERALATAN ICT MENGIKUT NEGERI/ZON

ZON	NEGERI	NAMA SYARIKAT	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
1	Perlis & Pulau Pinang	Thames Technology Sdn. Bhd.	29.07.2013 - 28.07.2015	2.92
2	Kedah	Kaypi Technologies Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	21.09
3	Perak	Mecacom Technologies Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	19.77
4	Selangor	Kelisa Technology Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	43.82
5	W.P Kuala Lumpur & W.P Putrajaya	Brilliance Information Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	28.28
6	Negeri Sembilan & Melaka	Ace Identity Sdn. Bhd.	29.07.2013 - 28.07.2015	6.45
7	Johor	Digicity (M) Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	17.45
8	Pahang	Komputer Sistem (M) Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	19.53

ZON	NEGERI	NAMA SYARIKAT	TEPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
9	Terengganu	Felda Prodata Systems Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	38.70
10	Kelantan	Creative Century Management Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	25.15
11	Sabah & W.P Labuan	Inteksoft Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	37.63
12	Sarawak	QSiT (M) Sdn. Bhd.	02.02.2012 - 01.02.2015	46.53
JUMLAH				307.32

Sumber : BPPA, KPM

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan peralatan ICT telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan peralatan ICT antaranya meliputi kaedah perolehan, pematuhan kepada syarat kontrak, penetapan lokasi, kualiti pembekalan dan spesifikasi bekalan bagi makmal komputer dan pentadbiran di Sekolah Kebangsaan (SK) bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Perolehan peralatan makmal komputer diuruskan oleh BPPA manakala perolehan peralatan ICT pentadbiran diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Bagi tujuan ini, semakan Audit dijalankan di BPPA, JPN Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang dan Kedah serta di 30 buah sekolah rendah di negeri-negeri tersebut. Butiran sekolah dan projek yang dilawati adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.2
BUTIRAN SEKOLAH DAN PROJEK YANG DIPILIH UNTUK PENGAUDITAN

SEKOLAH TERLIBAT	JUMLAH				JUMLAH (RM)
	PERALATAN YANG DITERIMA		PERISIAN DEWAN EJA (SPC)		
	(UNIT)	(RM)	(UNIT)	(RM)	
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA					
SK Jalan Gurney 2	94	93,340	42	11,760	105,100
SK Alam Damai	91	89,545	42	11,760	101,305
SK Cochrane	94	93,340	42	11,760	105,100
SK Seri Permaisuri	94	95,912	-	-	95,912
SK Wangsa Melawati	93	93,065	42	11,760	104,825
SK Putrajaya Presint 8(1)	142	153,654	71	19,880	173,534
SK Putrajaya Presint 9(2)	153	168,432	71	19,880	188,312
SK Putrajaya Presint 11(1)	141	152,132	71	19,880	172,012
SK Putrajaya Presint 16(2)	148	162,134	71	19,880	182,014
SK Putrajaya Presint 18(1)	149	163,744	71	19,880	183,624
JUMLAH	1,199	1,265,298	523	146,440	1,411,738

SEKOLAH TERLIBAT	JUMLAH				JUMLAH (RM)
	PERALATAN YANG DITERIMA		PERISIAN DEWAN EJA (SPC)		
	(UNIT)	(RM)	(UNIT)	(RM)	
PAHANG					
SK Sungai Karang	47	51,022	21	5,250	56,272
SK Galing	47	51,022	21	5,250	56,272
SK Cherating	47	51,022	21	5,250	56,272
SK Sungai Ular	47	51,022	21	5,250	56,272
SK Kuala Penor	47	51,022	21	5,250	56,272
SK Kempadang	55	60,494	21	5,250	65,744
SK Rantau Panjang	47	50,962	21	5,250	56,212
SK Batu Kapor	47	50,962	21	5,250	56,212
SK (Felda) Jenderak Utara	47	50,962	21	5,250	56,212
SK Seri Songsang	47	50,962	21	5,250	56,212
JUMLAH	478	519,452	210	52,500	571,952
KEDAH					
SK Iskandar	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Sultanah Asma	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Sungai Korok Lama	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Tunku Raudzah	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Dato' Wan Mohd Saman	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Padang Matsirat	92	105,276	42	11,353	105,276
SK Seri Negeri	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Tunku Abdul Malik	91	91,817	42	11,353	103,170
SK Taman Mahsuri	75	115,503	-	-	115,503
SK Bandar Baru Darul Aman	91	91,817	42	11,353	103,170
JUMLAH	895	955,315	378	102,177	1,046,139

Sumber : Baucar Bayaran BPPA Dan JPWP/JPN

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kontrak dan projek serta menganalisis maklumat di BPPA, JPN dan 30 buah SK yang dipilih. Selain itu, pengauditan dijalankan dengan mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan peralatan ICT. Pemeriksaan fizikal/lawatan tapak dibuat bagi menentukan perolehan dilaksanakan mengikut spesifikasi dan tatacara yang telah ditetapkan. Selain itu, borang soal selidik turut diedarkan kepada guru ICT dan juruteknik komputer yang terlibat dengan pengurusan peralatan ICT di sekolah. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) telah diadakan pada 16 April 2015. Wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai 2014 hingga September 2014 di 30 buah SK bagi 3 negeri mendapati pelaksanaan perolehan peralatan ICT secara keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diambil perhatian seperti yang berikut:

- i. kelewatan dalam menandatangani kontrak di antara 158 hingga 208 hari;
- ii. 12 baucar bayaran bernilai RM28.04 juta tidak disokong dengan Surat Akuan Penerimaan (SAP) yang lengkap pada ruangan tarikh pegawai penerima dan/atau tarikh pegawai pengesah dan Sijil Pengujian dan Pentauliah (SPP) tidak lengkap pada ruangan tarikh kontraktor dan/atau tarikh pengesahan;
- iii. pegawai penerima peralatan ICT tidak berkelayakan;
- iv. perolehan kuantiti Spell Checker Software (SPC) melebihi kuantiti komputer sebanyak 270 unit bernilai RM75,600;
- v. tiada bukti peralatan ICT bernilai RM115,503 telah diuji dan ditauliah di SK Taman Mahsuri tetapi telah dibayar;
- vi. aduan kerosakan dibuat secara lisan kepada pihak Kontraktor dan tiada rekod yang disimpan mengenai aduan dan status tindakan yang diambil;
- vii. *preventive maintenance* tidak pernah dilaksanakan oleh pihak Kontraktor; dan
- viii. daftar rekod aset untuk peralatan ICT dan tanda *engraved* 'Hak Kerajaan Malaysia' tidak dibuat oleh pihak Kontraktor.

Penjelasan lanjut berhubung dengan kelemahan pengurusan perolehan peralatan ICT serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

8.5.1. Prestasi Perolehan Peralatan ICT

8.5.1.1. Pencapaian Kewangan

Pada keseluruhannya Kementerian telah dapat membelanjakan sejumlah RM165.95 juta (54%) untuk perolehan peralatan ICT bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 melalui kontrak ini. Butiran nilai kontrak dan perbelanjaan untuk 12 kontrak adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.3
NILAI KONTRAK DAN PERBELANJAAN BAGI PEROLEHAN PERALATAN ICT
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

ZON	NAMA SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1	Thames Technology Sdn. Bhd.	2.92	2.75	94.2
2	Kaypi Technologies Sdn. Bhd.	21.09	15.81	75.0
3	Mecacom Technologies Sdn. Bhd.	19.77	16.23	82.1
4	Kelisa Technology Sdn. Bhd.	43.82	17.66	40.3
5	Brilliance Information Sdn. Bhd.	28.28	20.31	71.8

ZON	NAMA SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
6	Ace Identity Sdn. Bhd.	6.45	4.29	66.5
7	Digicity (M) Sdn. Bhd.	17.45	13.87	79.5
8	Komputer Sistem (M) Sdn. Bhd.	19.53	18.28	93.6
9	Felda Prodata Systems Sdn. Bhd.	38.70	17.50	45.2
10	Creative Century Management Sdn. Bhd.	25.15	12.16	48.4
11	Inteksoft Sdn. Bhd.	37.63	14.57	38.7
12	QSiT (M) Sdn. Bhd.	46.53	12.52	26.9
JUMLAH		307.32	165.95	54.0

Sumber: BPPA, KPM

Perolehan peralatan ICT yang dibuat adalah tertakluk kepada peruntukan Objek Sebagai (OS) 35000 yang diterima. Pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi perolehan peralatan ICT bagi keseluruhan Kementerian bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 kerana peruntukan yang diagihkan adalah di bawah kod OS35000 (Harta Modal-Harta Modal Yang Lain) dan tiada maklumat berhubung pecahan peruntukan di bawah OS35201 (Komputer dan Alat Kelengkapan Prosesan Data Elektronik Yang Lain). Bagaimanapun, prestasi keseluruhan perbelanjaan untuk perolehan peralatan ICT bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 bagi JPN Pahang, Kedah, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah 99.8% seperti jadual berikut:

JADUAL 8.4
NILAI PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN PERALATAN ICT
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
Kuala Lumpur	2.63	2.63	100.0
Putrajaya	0.40	0.39	98.9
Pahang	2.71	2.70	99.9
Kedah	3.02	3.02	100.0
JUMLAH	8.76	8.74	99.8

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan bagi JPN Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang dan Kedah secara umumnya adalah baik kerana perbelanjaan telah mencapai sehingga 99.8% daripada peruntukan yang diterima.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Februari 2015 Dan 7 Mei 2015

Penetapan anggaran siling adalah berdasarkan jumlah peralatan ICT yang diperlukan. Keperluan yang tinggi menyebabkan nilai siling yang tinggi sedangkan peruntukan yang diterima adalah terhad dan menyebabkan prestasi perbelanjaan menjadi rendah. Jika berdasarkan kepada peruntukan sebenar yang telah diluluskan, prestasi perbelanjaan adalah menghampiri 100%.

Kontrak Bermasa Peralatan ICT KPM bagi 9 zon telah tamat pada 1 Februari 2015. Pada masa ini, Kementerian sedang dalam proses memuktamadkan spesifikasi dan menetapkan nilai siling sebelum melancarkan tender baharu bagi kontrak bermasa peralatan ICT. Kontrak baharu ini telah mengambil kira perbelanjaan sebenar kontrak lalu di samping maklumat keperluan peralatan ICT daripada setiap Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

8.5.2. Pentadbiran Kontrak

8.5.2.1. Menandatangani Perjanjian

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kesemua tiga kontrak telah lewat ditandatangani antara 158 hingga 208 hari. Butiran tandatangan perjanjian kontrak adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 8.5
TARIKH KONTRAK DITANDATANGAN DAN TEMPOH KELEWATAN**

PEMBEKAL	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK DITANDA TANGANI	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Kaypi Technologies Sdn. Bhd.	21.09	26.01.2012	18.12.2012	207
Brilliance Information Sdn. Bhd.	28.28	26.01.2012	30.10.2012	158
Komputer Sistem (M) Sdn. Bhd.	19.53	26.01.2012	19.12.2012	208

Sumber : BPPA, KPM

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Februari 2015 Dan 7 Mei 2015

Kelewatan kontrak ditandatangani kerana pegawai kontrak yang menguruskan perkara ini telah meletak jawatan pada 13.04.2012 setelah SST diserahkan (26.01.2012). Kekosongan hanya diisi pada 16.07.2012 dan antara tempoh tersebut, tiada penanggungjawab dibuat. Draf telah dihantar untuk semakan PUU pada 27.07.2012 dan selesai disemak pada 03.08.2012.

Kontrak-kontrak terkini telah diberikan perhatian dan dipantau dengan lebih teliti supaya dapat disediakan dalam tempoh empat bulan dari tarikh SST.

8.5.3. Pengurusan Bayaran

8.5.3.1. Dokumen Sokongan Baucar Bayaran

- a. Arahan Perbendaharaan 99(a) menyatakan semua baucar hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap untuk membolehkan ianya disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain yang dikembarkan padanya. Perenggan 17.2 Perjanjian menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan dan mengisi Sijil Akuan Penerimaan (SAP) mengandungi butiran peralatan yang dibekalkan, manakala Perenggan 18.2 menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan Sijil Pengujian dan Pentauliahan (SPP) dan sijil ini akan ditandatangani setelah wakil Kerajaan di tapak pengguna berpuas hati bahawa peralatan tersebut telah dipasang, diuji dan ditauliah dengan sempurna. Perenggan 29.1 Perjanjian pula menyatakan tempoh waranti bagi peralatan yang dibekalkan adalah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh SPP ditandatangani dan disahkan. Sebanyak 12 baucar bayaran yang bernilai RM28.04 juta telah disemak seperti jadual berikut:

JADUAL 8.6
SENARAI BAUCAR BAYARAN DISEMAK

BIL.	BAUCAR BAYARAN			PENYEDIA BAUCAR	PEROLEHAN UNTUK NEGERI
	NO.	TARIKH	AMAUN (RM)		
1.	B1961	27.12.2012	138,532	BPPA, KPM	WP Kuala Lumpur dan Putrajaya
2.	B2171	09.01.2013	6,588,076	BPPA, KPM	WP Kuala Lumpur dan Putrajaya
3.	7443B	07.01.2013	932,484	JPWP Kuala Lumpur	WP Kuala Lumpur
4.	6660B	27.12.2012	92,747	JPWP Kuala Lumpur	WP Kuala Lumpur
5.	B3925	02.01.2013	233,636	JPWP Putrajaya	WP Putrajaya
6.	B3847	27.12.2012	65,933	JPWP Putrajaya	WP Putrajaya
7.	B2024	04.01.2013	9,286,103	BPPA, KPM	Kedah
8.	B5000	06.01.2014	115,503	PPD Kulim Bandar Baru	Kedah
9.	B2133	07.01.2013	9,647,064	BPPA, KPM	Pahang
10.	B2168	07.01.2013	276,887	BPPA, KPM	Pahang
11.	3612B	07.01.2013	407,280	JPN Pahang	Pahang
12.	3622B	04.01.2013	257,944	JPN Pahang	Pahang
JUMLAH			28,042,189		

Sumber : Baucar Bayaran BPPA, JPWP/JPN Dan PPD

- b. Semakan Audit mendapati tujuh Surat Akuan Penerimaan (SAP) dan 35 Sijil Pengujian Dan Pentauliahan (SPP) yang dilampirkan dalam baucar bayaran tidak lengkap pada ruangan 'tarikh' menyebabkan tempoh permulaan waranti tidak dapat dipastikan. Butiran lanjut berkenaan baucar yang terlibat seperti jadual berikut:

JADUAL 8.7
RUANGAN DI SURAT AKUAN PENERIMAAN (SAP) DAN
SJIL PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN (SPP) TIDAK LENGKAP

BIL.	SEKOLAH	BILANGAN PENERIMAAN	PERALATAN	RUANGAN DI SAP LENGKAP [YA (✓) / TIDAK (x)]				RUANGAN DI SPP LENGKAP [YA (✓) / TIDAK (x)]			
				a	b	c	d	e	f	g	h
KUALA LUMPUR											
1.	SK Jalan Gurney 2	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
2.	SK Alam Damai	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
3.	SK Cochrane	1	Komputer dan pencetak	x	x	✓	✓	x	x	✓	✓
4.	SK Seri Permaisuri	1	Peralatan ICT	x	x	✓	✓	x	x	✓	✓
5.	SK Wangsa Melawati	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
PUTRAJAYA											
1.	SK Putrajaya Presint 8 (1)	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Pentadbiran	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
2.	SK Putrajaya Presint 9 (2)	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Komputer dan pencetak	✓	x	✓	✓	x	x	✓	✓
		1	Pentadbiran	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓
3.	SK Putrajaya Presint 11 (1)	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Pentadbiran	x	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
4.	SK Putrajaya Presint 16 (2)	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Pentadbiran	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
5.	SK Putrajaya Presint 18 (1)	2	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
		1	Pentadbiran	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
PAHANG											
1.	SK Cherating	1	Komputer dan pencetak	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
KEDAH											
1.	SK Iskandar	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
2.	SK Sultanah Asma	1	Komputer dan pencetak	✓	x	✓	✓	x	x	✓	✓
3.	SK Sungai Korok Lama	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
4.	SK Tunku Raudzah	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓
5.	SK Dato' Wan Mohd Saman	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
6.	SK Tunku Abdul Malik	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	✓	✓	✓
7.	SK Taman Mahsuri	1	Peralatan ICT	x	x	✓	✓	x	x	x	x
8.	SK Bandar Baru Darul Aman	1	Komputer dan pencetak	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓
JUMLAH				5	5	-	-	28	8	1	1

Sumber : Analisis Audit

Nota :

- | | |
|--|---------------------------------|
| a. Tarikh Pegawai Penerima/Penyemak | e. Tarikh Kontraktor |
| b. Tarikh Pegawai Pengesah | f. Tarikh Pegawai Pengesah |
| c. Tandatangan Pegawai Penerima/Penyemak | g. Tandatangan Kontraktor |
| d. Tandatangan Pegawai Pengesah | h. Tandatangan Pegawai Pengesah |

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan semua borang yang telah ditetapkan diisi dengan lengkap dan pegawai yang menandatangani borang-borang adalah mengikut ketetapan yang telah dibuat. Kontraktor perlu memastikan SPP dilengkapkan dengan tandatangan dan tarikh pengesahan oleh Guru Besar atau wakilnya sebelum dikemukakan kepada Pejabat Pembayar.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Februari 2015 Dan 7 Mei 2015

Pihak Kementerian akur dengan teguran ini dan bagi SAP dan SPP yang tidak dicatatkan tarikh, tarikh yang akan digunakan adalah sama ada tarikh SAP, tarikh SPP atau tarikh bayaran mengikut mana yang terkemudian.

Satu surat telah dikeluarkan pada 15 April 2015 rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27Jld.63(31) kepada semua kontraktor memaklumkan mengenai tarikh permulaan waranti bagi SPP yang tidak bertarikh.

JPN Pahang:

Merujuk kepada Lampiran I - Terma Pembayaran dalam dokumen kontrak, Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan kepada Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pengujian dan Pentauliah (SPP) sahaja. Garis Panduan tersebut adalah bagi membantu pengguna dalam menyemak peralatan yang dipesan dan peralatan yang diterima sebelum SAP ditandatangani. Walau bagaimanapun, untuk tender akan datang, Kementerian akan mengambil perhatian dan memastikan Garis Panduan yang dikeluarkan adalah selaras dengan terma kontrak.

JPN Kedah:

Pihak syarikat telah menghantar semua peralatan ke sekolah pada 23 Disember 2012 melalui perkhidmatan kurier dan pengesahan telah dibuat oleh PPD dan JPN pada tarikh tersebut kerana tiada wakil sekolah untuk membuat pengesahan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah melengkapkan semula SAP dan SPP pada 24 Disember 2012 sebagai pengesahan kedua oleh pihak sekolah setelah peralatan ICT berkenaan yang diterima telah dipasang, diuji dan ditauliahkan. Pihak JPN Kedah akur dengan teguran ini dalam pada masa hadapan perkara ini akan diberi perhatian dan dipastikan tidak berulang.

8.5.4. Pengurusan Penerimaan

8.5.4.1. Pegawai Penerima Tiada Kelayakan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Bab A, Perenggan 2 menyatakan pemeriksaan teknikal oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang bertauliah hendaklah dilakukan apabila perlu mengikut kaedah yang bersesuaian. Pegawai bertauliah ialah pegawai yang memiliki kepakaran dalam bidang tertentu. Pekeliling Perbendaharaan KP 2.2/2013 Perenggan 3.2 menyatakan bagi aset teknikal, penerimaan dan pemeriksaan hendaklah dilakukan oleh pegawai Kerajaan yang memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan. Semakan Audit

terhadap 57 penerimaan mendapati 15 penerimaan peralatan ICT dilaksanakan oleh Guru ICT/juruteknik komputer manakala 38 penerimaan oleh *caretaker*/guru/pembantu tadbir. Butiran lanjut bagi 38 penerimaan tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 8.8
PEGAWAI PENERIMA PERALATAN ICT TIADA KELAYAKAN

SEKOLAH	TARIKH TERIMA	PERALATAN	PEGAWAI PENERIMA
WILAYAH PERSEKUTUAN			
SK Jalan Gurney 2	19.12.2012	Peralatan ICT / eSPKWS	GPK Ko-Kurikulum
	06.08.2012	Pentadbiran	Pembantu Tadbir
SK Alam Damai	18.12.2012	Peralatan ICT / eSPKWS	Ketua Pembantu Tadbir
SK Cochrane	18.12.2012	Peralatan ICT / eSPKWS	Pembantu Tadbir (P/O)
	07.08.2012	Pentadbiran	
	14.12.2012	eSPKWS	GPK Kokurikulum
	Tidak Dicatat	Pentadbiran	Pembantu Tadbir (Kew)
SK Putrajaya Presint 11 (1)	17.12.2012	Peralatan ICT / eSPKWS	Guru
	19.12.2012	Pentadbiran	Ketua Pembantu Tadbir
SK Putrajaya Presint 16 (2)	11.12.2012	Pentadbiran	Pembantu Am Pejabat
SK Putrajaya Presint 18 (1)	18.12.2012	Peralatan ICT / eSPKWS	Pembantu Tadbir (P/O)
PAHANG			
SK Sungai Karang	11.12.12	Peralatan ICT	Pembantu Tadbir
	06.12.12	eSPKWS	
SK Galing	14.12.12	Peralatan ICT	Guru Penolong Kanan
	05.12.12	eSPKWS	Guru Pen. Kanan HEM
SK Cherating	Tidak Dicatat	eSPKWS	Ketua Pembantu Tadbir
SK Sungai Ular	11.12.12	eSPKWS	Ketua Pembantu Tadbir
SK Kuala Penor	10.12.12	Espkws	Pembantu Tadbir
SK Kempadang	17.12.12	Peralatan ICT	Ketua Pembantu Tadbir
	10.12.12	eSPKWS	
	21.08.14	Kelas Pra Sekolah	Pembantu Pengurusan Murid
SK Rantau Panjang	24.12.12	Peralatan ICT	Guru
	14.12.12	eSPKWS	Pembantu Tadbir (Operasi)
SK Batu Kapor	14.12.12	eSPKWS	Pembantu Tadbir
SK (Felda) Jenderak Utara	13.12.12	Espkws	Guru
SK Seri Songsang	13.12.12	Peralatan ICT	Pembantu Tadbir
	13.12.12	eSPKWS	
KEDAH			
SK Tunku Raudzah	06.12.2012	eSPKWS	Pembantu Tadbir
	19.12.2012	Peralatan ICT	
SK Sultanah Asma	06.12.2012	eSPKWS	Pembantu Tadbir
SK Tunku Abdul Malik	10.12.2012	eSPKWS	Pembantu Tadbir
	23.12.2012	Peralatan ICT	Guru
SK Iskandar	09.12.2012	eSPKWS	Pembantu Tadbir
SK Sungai Korok Lama	09.12.2012	eSPKWS	Pembantu Tadbir
SK Dato' Wan Mohd Saman	Tidak Dicatat	eSPKWS	Ketua Pembantu Tadbir
	19.12.2012	Peralatan ICT	Guru
SK Bandar Baru Darul Aman	Tidak Dicatat	eSPKWS	Pembantu Tadbir
SK Seri Negeri	24.12.2012	Peralatan ICT	Ketua Pembantu Tadbir

Sumber : SAP

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Februari 2015 Dan 7 Mei 2015

Garis Panduan Perolehan Peralatan ICT 2012 tidak menyatakan dengan jelas mengenai kriteria Pegawai Penerima. Perkara ini telah diambil kira bagi kontrak bermasa tahun 2015 dan akan ditambah baik dalam Garis Panduan Perolehan Peralatan ICT 2015. Garis Panduan tersebut dijangka selesai sebelum kontrak bermasa baharu peralatan ICT ditawarkan iaitu Ogos 2015. Pihak Kementerian akur dengan teguran ini dan pihak sekolah yang terlibat telah melantik pegawai penerima di sekolah berkenaan secara rasmi. Berkemungkinan juga pegawai penerima yang telah dilantik dari kalangan guru sedang bercuti (musim cuti sekolah) semasa peralatan ICT tersebut diterima menyebabkan ianya ditandatangani oleh Pembantu Tadbir/Ketua Pembantu Tadbir/Guru yang tiada surat perlantikan.

JPN Pahang

Semakan dengan sekolah terlibat pada 12 Januari 2015 mendapati pihak pentadbiran sekolah telah mengeluarkan surat pelantikan sebagai Pegawai Penerima kepada pegawai yang menandatangani penerimaan aset berkenaan.

JPN Kedah

Pihak JPN Kedah telah menghantar surat kepada semua sekolah yang berkenaan rujukan JPK.03-10/2977 Jld.5 (27) bertarikh 30 September 2014 untuk mengambil tindakan susulan ke atas semua penemuan dan teguran audit. Pihak sekolah memaklumkan melalui surat bahawa mereka telah mengambil tindakan sepertimana diarahkan.

JPWP KL

Semua sekolah terlibat di WPKL telah dimaklumkan tentang perkara berkenaan untuk diambil tindakan melalui surat JPNWP 100-14/19 Jld. 4 (12) bertarikh 14 Januari 2015.

JPWP Putrajaya

Semakan dengan sekolah terlibat pada 21 Januari 2015 mendapati SK Putrajaya Presint 11 (1) dan SK Putrajaya Presint 18 (1) telah melantik Pegawai Aset SK Putrajaya Presint 8 (1), SK Putrajaya Presint 9 (2) dan SK Putrajaya Presint 16 (2) - pihak pentadbiran sekolah telah mengeluarkan surat pelantikan sebagai Pegawai Penerima kepada pegawai yang menandatangani penerimaan aset berkenaan.

Surat edaran daripada Pegawai Pengawal telah dihantar kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 63(38) bertarikh 22 April 2015 memaklumkan supaya penerimaan aset teknikal hendaklah mematuhi 1 Pekeliling Perbendaharaan PA 2.2/2013.

Bagi sekolah-sekolah yang tidak memiliki juruteknik komputer, guru ICT, guru makmal komputer atau pegawai lain yang berkemahiran, maka pegawai mestilah dilantik. Sekiranya masih gagal atau ketiadaan pegawai, maka pihak sekolah hendaklah merujuk kepada pegawai teknikal yang ada di Pusat Kegiatan Guru, Pejabat Pendidikan Daerah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri atau Jabatan Pendidikan Negeri bagi urusan penerimaan, pengujian dan pentauliahan.

8.5.4.2. Kuantiti *Spell Checker Software* (SPC) Melebihi Kuantiti Komputer

Semakan Audit terhadap baucar bayaran B2171 bertarikh 9 Januari 2013 bernilai RM6,597,676 mendapati sebanyak 1,417 SPC berharga RM280 seunit telah dibekalkan untuk kegunaan 1,147 unit komputer di makmal komputer bagi semua 20 buah sekolah di Putrajaya. Ini menyebabkan berbeza bekalan 270 unit SPC dengan lebih bayar sejumlah RM75,600.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Mengikut perancangan asal, JPW Putrajaya merancang untuk membuat perolehan 1,417 unit PC dan jumlah yang sama dipohon bagi SPC. Walau bagaimanapun, kerana kekurangan stok PC2 dan PC4 di pihak prinsipal, pesanan tersebut telah ditukar ke PC6 dan kuantiti pesanan dikurangkan kerana harga seunit PC6 lebih mahal berbanding PC2 dan PC4. Manakala kuantiti SPC yang turut sama dipesan tidak diubah kerana dimaklumkan terdapat keperluan untuk dipasang pada komputer lain yang sedia ada pada ketika itu. 270 SPC berkenaan telah pun dipasang pada komputer antara 12 hingga 20 Januari 2015 di semua sekolah yang terlibat.

Surat edaran daripada Pegawai Pengawal telah dihantar kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 63(38) bertarikh 22 April 2015 memaklumkan supaya memastikan pesanan dibuat berdasarkan keperluan sahaja dan tiada perolehan yang tidak perlu. Peralatan atau perisian yang telah dibeli hendaklah digunakan sepenuhnya.

8.5.4.3. Peralatan ICT Belum Diuji Dan Ditauliah

Perenggan 28.5 Perjanjian menyatakan, pembayaran hanya akan dibuat sekiranya peralatan berkenaan telah dipasang, diuji dan ditauliah dengan memuaskan. Sijil Pengujian Dan Pentauliah (SPP) perlu disediakan oleh kontraktor dan ditandatangani oleh Kerajaan sebagai bukti kerja pemasangan, pengujian dan pentauliah telah dijalankan. SPP perlu dikemukakan bersama invoice dan Surat Akuan Penerimaan (SAP) apabila memohon pembayaran. Semakan Audit terhadap baucar bayaran B5000 bertarikh 6 Januari 2014 bernilai RM115,503 bagi perolehan peralatan ICT melalui kontrak bermasa bagi SK Taman Mahsuri (sekolah baru), Kulim, Kedah mendapati SPP yang dilampirkan dalam baucar bayaran tidak diisi oleh kontraktor dan penerima. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada semua peralatan telah diuji dan ditauliah sebelum pembayaran dibuat. Semakan lanjut mendapati SK Taman Mahsuri masih belum beroperasi dan peralatan ICT yang diterima ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Mutiara, Kulim. Semasa lawatan Audit ke SMK Seri Mutiara pada 22 September 2014, dimaklumkan bahawa perolehan peralatan ICT tersebut diuruskan dan dipesan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu. Butiran peralatan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 8.9
PERALATAN ICT YANG DITERIMA

ITEM	JENAMA, MODEL	KUANTITI (Unit)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
PC2	Lenovo ThinkCentre M72e	16	1,845.24	29,523.84
PC4	Lenovo ThinkCentre M72e	40	1,594.54	63,781.60
NB3	Lenovo ThinkPad L430	2	1,813.23	3,626.46
LPR1	Hitachi CP-X3030WN	4	2,030.32	8,121.28
LPM3	FujiXerox Phaser 3435DN	9	847.92	7,631.28
Scanner	Canon Flatbed LiDE 210	2	360.32	720.64
Switch	ZyXel GS2200	2	1,049.20	2,098.40
JUMLAH		75		115,503.50

*Sumber : Pejabat Pendidikan Daerah Kulim Bandar Baharu
(Baucar Bayaran B5000 Bertarikh 06.01.2014 Bernilai RM115,503.50)*

GAMBAR 8.1



*SMK Taman Seri Mutiara
- Komputer SK Taman Mahsuri Yang Ditempatkan
Di Bilik Stor, SMK Taman Mutiara
(22.09.2014)*

GAMBAR 8.2



*SMK Taman Seri Mutiara
- Scanner Dan Switch SK Taman Mahsuri Yang
Ditempatkan Di Bilik Stor, SMK Taman Mutiara
(22.09.2014)*

Pada pendapat Audit, bayaran bagi peralatan yang belum diuji dan ditauliah adalah melanggar syarat kontrak. Selain itu, perolehan tersebut adalah terlalu awal kerana sekolah tersebut belum disiapkan. PPD perlu memastikan pengujian dan pentauliah telah dilaksanakan terlebih dahulu dengan membuat pengesahan di SPP sebelum pembayaran dibuat.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Februari 2015 Dan 7 Mei 2015

SPP tidak diisi oleh kontraktor kerana kerja-kerja pentauliah tidak dilaksanakan. Ini adalah disebabkan peralatan ICT tidak berada di SK Taman Mahsuri.

Waran Peruntukan W1684 bertarikh 5 September 2013 telah diturunkan kepada pihak JPN bagi tujuan Pembelian Bekalan Perabot & Peralatan (Rendah Akademik) SK Taman Mahsuri, Kulim (P41). Perbelanjaan telah dibuat mengikut waran yang telah diturunkan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembukaan Sekolah Baharu - Sekolah Kebangsaan Taman Mahsuri. Mesyuarat memutuskan bahawa sekolah akan mula beroperasi pada Januari 2014. Walau bagaimanapun, sekolah tidak dapat beroperasi seperti dirancang kerana masalah teknikal dan penyerahan sekolah tidak dapat dilakukan. JPN Kedah akan menyelesaikan Pengujian dan Pentauliah dan melengkapkan SPP pada 19 dan 20 Januari 2015.

Memandangkan SK Taman Mahsuri masih belum dibuka, peralatan tersebut akan dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Dato' Hj Zainuddin, Serdang.

Surat edaran daripada Pegawai Pengawal telah dihantar kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 63(38) bertarikh 22 April 2015 memaklumkan supaya memastikan setiap pembayaran hendaklah mematuhi terma pembayaran yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

Sekiranya berlaku kes-kes yang memerlukan pembayaran dibuat tanpa mematuhi terma pembayaran, kelulusan pengecualian pematuhan terhadap terma pembayaran yang ditetapkan di dalam kontrak hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

8.5.5. Penyenggaraan Peralatan ICT

Perenggan 26 Perjanjian menyatakan tentang masa yang diberikan kepada kontraktor untuk memberi maklum balas kepada aduan, tempoh membaik pulih peralatan yang rosak, *turnaround time* dan denda yang dikenakan kepada Kontraktor. Perjanjian turut menyatakan tempoh baik pulih peralatan yang rosak adalah 2 hari (kawasan bandar) dan 5 hari (kawasan luar bandar). Manakala Perenggan 29.5 Perjanjian menyatakan, sebarang aduan kerosakan peralatan/perisian hendaklah disalurkan secara bertulis melalui sistem, telefon, e-mel dan faks kepada pihak kontraktor. Perenggan 29.7 Perjanjian menyatakan sekiranya kelambatan pembaikan mana-mana peralatan/perisian yang tidak berfungsi dengan memuaskan atau rosak, maka Kerajaan boleh mengenakan denda terhadap kontrak antara 5% hingga 15% daripada harga peralatan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

8.5.5.1. Rekod Aduan Kerosakan Tidak Diselenggarakan

Aduan kerosakan yang dibuat oleh sekolah-sekolah yang dilawati (kecuali SK Padang Matsirat dan SK Sungai Korok Lama) kepada pembekal dibuat melalui telefon dan tiada rekod aduan disimpan. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada semua aduan yang dibuat diambil tindakan dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana butiran aduan tidak direkod oleh pihak sekolah. Ketiadaan rekod/daftar aduan secara bertulis menyebabkan denda yang perlu dikenakan kepada Kontraktor sukar ditentukan.

8.5.5.2. Pelaksanaan Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance)

Perenggan 26.6 Perjanjian menyatakan, Kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan (*preventive and corrective maintenance*) dalam tempoh jaminan untuk semua peralatan ICT dan perisian. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada guru dan pegawai yang bertanggungjawab dengan pengurusan peralatan ICT di 30 buah sekolah yang dilawati mendapati penyenggaraan pencegahan tidak pernah

dilaksanakan oleh Kontraktor di semua sekolah terlibat. Semakan lanjut mendapati Perjanjian tidak menyatakan terma yang jelas mengenai kekerapan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan.

Pada pendapat Audit, terma kontrak yang tidak jelas dan kawalan aduan tidak teratur menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan dan denda sukar ditentukan kerana tiada daftar/aduan secara bertulis. Terma di dalam Perjanjian perlu jelas mengenai perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan peralatan ICT yang perlu dilaksanakan oleh Kontraktor.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Pengurusan Rekod Aduan

Pihak Kementerian akur dengan perkara ini. Walau pun kaedah pengiraan denda untuk perkhidmatan bantuan teknikal ada dinyatakan dalam Lampiran D Garis Panduan Perolehan Peralatan ICT Kontrak Bermasa, format rekod aduan oleh pengguna tidak disediakan.

Kiraan denda sepatutnya dibuat oleh JPN dengan merujuk kepada rekod aduan dan pembaikan selesai.

Surat edaran daripada Pegawai Pengawal dikeluarkan kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 63(38) bertarikh 22 April 2015 untuk membuat kiraan denda bagi aduan yang berkaitan.

Garis Panduan Perolehan Peralatan ICT 2015 yang baharu yang sedang disediakan telah mengambil kira Tatacara pengurusan aduan (berserta format aduan). Garis Panduan tersebut dijangka selesai sebelum kontrak bermasa baharu peralatan ICT ditawarkan iaitu Ogos 2015.

Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance)

Surat edaran daripada Pegawai Pengawal telah dihantar kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 63(38) bertarikh 22 April 2015 memaklumkan supaya memastikan semua peralatan yang telah dibekalkan oleh Kontraktor dibuat penyenggaraan pencegahan sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh waranti.

Walaupun kontrak telah tamat pada 1 Februari 2015, Kontraktor masih memiliki tempoh 1 tahun sehingga 1 Februari 2016 sebelum Bon Jaminan dilepaskan. Sebarang obligasi Kontraktor yang belum dilaksanakan hendaklah diselesaikan dalam tempoh ini.

Sekiranya pihak Kontraktor enggan, pemotongan akan dibuat daripada Bon Pelaksanaan.

Skop penyenggaraan pencegahan untuk kontrak baharu sedang dikaji supaya lebih jelas dan mudah difahami untuk dilaksanakan. Dokumen perjanjian bagi kontrak bermasa peralatan ICT baharu dijangka akan dikeluarkan pada bulan Disember 2015.

8.5.6. Pengurusan Rekod Harta Modal Dan Inventori

Semakan Audit mendapati pada umumnya pengurusan sekolah ada menyediakan daftar aset dan difaillkan, bagaimanapun, terdapat kelemahan di dalam pengurusan rekod seperti yang berikut:

8.5.6.1. Daftar Harta Modal/Inventori Tidak Disediakan Oleh Kontraktor

Perenggan 3(f) Lampiran E kepada Perjanjian menyatakan skop pelaksanaan projek adalah termasuk menyediakan dan mengisi dengan lengkap dokumen daftar KEW.PA-2 atau dokumen daftar lain yang berkaitan bagi setiap peralatan yang dibekalkan dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Semakan Audit mendapati semua Kontraktor terlibat tidak menyediakan dokumen daftar aset bagi peralatan ICT yang diterima sebaliknya disediakan oleh pihak sekolah.

8.5.6.2. Tanda Hak Kerajaan Malaysia

Perkara 4 Lampiran B Perjanjian Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji Dan Mentauliah Peralatan ICT ke Bahagian/Jabatan/Institusi Pendidikan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan '*all item supplied will be engraved with "HAK KERAJAAN MALAYSIA (S)" for school or "HAK KERAJAAN MALAYSIA (O)" for office*'. Semakan Audit mendapati terdapat peralatan ICT seperti komputer (komponen monitor dan CPU), pencetak, LCD projektor dan UPS berjumlah 1,222 unit yang dibekalkan di 29 sekolah tidak *engraved* dengan 'Hak Kerajaan Malaysia' oleh Kontraktor. Bagaimanapun, sejumlah 263 unit daripada peralatan ICT tersebut telah ditanda 'Hak Kerajaan Malaysia' menggunakan stiker/pelekat manakala 37 unit lain dicatat 'Hak Kerajaan Malaysia' oleh pihak sekolah.

Pada pendapat Audit, pihak sekolah yang terlibat perlu merekodkan setiap peralatan ICT yang diterima ke daftar aset yang berkenaan dengan lengkap dan kemas kini. Kementerian hendaklah memberikan kursus/latihan pengurusan aset kepada pegawai yang bertanggungjawab dan mengeluarkan panduan khusus berkenaan dengan pendaftaran peralatan ICT. Kementerian juga perlu memastikan semua peralatan ICT ditanda dengan 'Hak Kerajaan Malaysia' oleh Kontraktor seperti yang dinyatakan dalam perjanjian bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Pelarasan harga juga perlu dibuat kerana Kontraktor gagal menyediakan daftar harta modal seperti ditetapkan oleh kontrak.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Februari 2015 Dan 7 Mei 2015

Pihak Kementerian akur dengan teguran ini. Setelah diteliti, Kementerian berpandangan bahawa perkara ini boleh dilakukan oleh Kontraktor dengan syarat disediakan dan dimaklumkan format yang perlu digunakan. Ia juga dapat membantu mengurangkan beban tugas pegawai aset di sekolah kerana pegawai aset hanya perlu mengisi maklumat no. kod pendaftaran, penempatan dan pegawai bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, skop pelaksanaan projek akan dikaji semula dengan merujuk kepada satu Pekeliling Perbendaharaan KP 2.3/2013. Proses menyediakan borang Daftar Harta Modal KEW.PA-2 dan Daftar Aset Bernilai Rendah KEW.PA-3 boleh disediakan oleh kontraktor atau mana-mana pegawai Kerajaan yang dilantik oleh Ketua Jabatan.

Penyediaan dokumen daftar KEW.PA-2

Ayat dalam kontrak menyebut perkataan “atau dokumen daftar lain yang berkaitan” bagi tujuan pendaftaran aset. Kementerian berpandangan dokumen lain yang mengandungi maklumat aset yang dibekalkan oleh syarikat seperti Delivery Order, SAP dan SPP adalah memadai untuk pihak sekolah menyediakan dokumen pendaftaran aset iaitu KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 oleh Pegawai Aset.

Peringatan telah dihantar kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi di bawah Kementerian melalui surat rujukan KP(BPPA)300-15/2 Jld. 9(62) dan memo rujukan KP(BPPA)300-15/2 Jld. 9(61) bertarikh 15 Januari 2015 untuk mengemas kini maklumat-maklumat yang tidak lengkap dalam Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori.

Engrave tanda “Hak Kerajaan Malaysia”

Walaupun kontrak telah tamat pada 1 Februari 2015, Kontraktor masih memiliki tempoh 1 tahun sehingga 1 Februari 2016 sebelum Bon Pelaksanaan dilepaskan. Sebarang obligasi Kontraktor yang belum dilaksanakan hendaklah diselesaikan dalam tempoh ini.

Surat edaran daripada Pegawai Pengawal telah dihantar kepada semua Bahagian, Jabatan dan Institusi Pendidikan rujukan KP(BPPA)(S)700-3/0201A/27 Jld. 63(38) bertarikh 22 April 2015 memaklumkan supaya memastikan semua peralatan yang telah dibekalkan oleh kontraktor telah engraved dengan ‘Hak Kerajaan Malaysia’ oleh Kontraktor.

Sekiranya pihak Kontraktor enggan, pemotongan akan dibuat daripada Bon Pelaksanaan.

8.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Kerajaan memperoleh peralatan ICT yang terbaik serta dimanfaatkan dengan optimumnya adalah disyorkan Kementerian dan pihak sekolah memberi pertimbangan kepada perkara berikut:

8.6.1. mengambil perhatian yang serius terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan semua terma yang dinyatakan dalam kontrak dilaksanakan;

8.6.2. memastikan SAP dan SPP diisi dengan lengkap sebelum pembayaran dibuat;

8.6.3. memastikan semua terma yang dinyatakan dalam kontrak dilaksanakan oleh kontraktor. Kementerian juga perlu memastikan semua terma yang dinyatakan dalam kontrak adalah lengkap dan jelas;

8.6.4. menyediakan satu mekanisme aduan yang seragam berkenaan aduan kerosakan peralatan yang masih dalam tempoh waranti bagi membolehkan elemen denda dapat dikuatkuasakan/dikenakan terhadap kontraktor sekiranya maklum balas terhadap aduan yang telah dibuat tidak mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam kontrak; dan

8.6.5. mempertingkat dan memperkemaskan mekanisme pemantauan terhadap penerimaan, penggunaan dan penyimpanan peralatan ICT. Pemantauan secara berjadual perlu dilakukan di peringkat BPPA dan hasil pemantauan hendaklah dilaporkan kepada pihak pengurusan supaya isu kelemahan berbangkit dapat diambil tindakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

9. PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN AKADEMIK DAN SOKONGAN AKADEMIK POLITEKNIK

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Di bawah RMKe-10, sebanyak 7 buah politeknik baru telah diluluskan projek perolehan peralatan yang terdiri daripada peralatan akademik/pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta peralatan sokongan akademik yang meliputi bahan rujukan perpustakaan, kenderaan, perabot, peralatan pejabat dan peralatan sukan. Objektif utama projek perolehan peralatan politeknik tersebut adalah untuk menyediakan dan melengkapkan kemudahan peralatan akademik dan sokongan akademik bagi melancarkan proses P&P serta penyampaian perkhidmatan politeknik.

9.1.2. Sehingga Disember 2014, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM149.56 juta untuk perolehan peralatan bagi 7 politeknik tersebut. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM108.46 juta (72.5%) diuruskan oleh Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset [BPPA (Pengajian Tinggi)] **secara rundingan terus dan tender terbuka**. Bakinya sejumlah RM41.10 juta telah disalurkan kepada Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan 7 politeknik terlibat untuk tujuan perolehan **secara sebut harga dan pembelian terus**. Daripada RM149.56 juta tersebut, sejumlah RM135.80 juta (90.8%) telah dibelanjakan.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan politeknik telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

9.3.1. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan peralatan politeknik bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Tumpuan diberikan terhadap proses perolehan, pembekalan, pembayaran, penggunaan dan penyimpanan peralatan serta pemantauan projek.

9.3.2. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan (Pengajian Tinggi), BPPA (Pengajian Tinggi), JPP dan di tiga buah politeknik yang dipilih iaitu Politeknik Nilai, Negeri Sembilan, Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Sandakan, Sabah.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perolehan peralatan akademik dan sokongan akademik. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan yang diterima juga telah diadakan. Selain itu, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pensyarah-pensyarah politeknik yang dilawati. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha (KSU) II Kementerian telah diadakan pada 9 April 2015. Wakil daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara juga turut hadir dalam mesyuarat ini.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga Disember 2014 mendapati pada umumnya perolehan peralatan politeknik telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk menyediakan dan melengkapkan kemudahan peralatan akademik dan sokongan akademik bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran serta penyampaian perkhidmatan politeknik. Namun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki seperti yang berikut:

- i. 30 item peralatan pejabat bernilai RM0.20 juta dan 28 item peralatan sukan bernilai RM0.12 juta bagi perolehan secara sebut harga di Politeknik Sandakan masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan pada 14 Oktober 2014 walaupun telah dibayar lebih 300 hari;
- ii. bon pelaksanaan bernilai RM1.08 juta bagi 6 kontrak di Politeknik Nilai dan Politeknik Jeli lewat dikemukakan antara 7 hingga 72 hari;
- iii. pelaksanaan *Integrity Pact* bagi 2 sebut harga berjumlah RM0.92 juta di Politeknik Sandakan tidak dipatuhi;
- iv. perolehan bagi peralatan akademik Politeknik Jeli dan Politeknik Sandakan lewat dilaksanakan yang mana mula dibekalkan selepas 335 hingga 341 hari semester satu bermula;
- v. 2 item peralatan bagi kursus yang sama di Politeknik Jeli dan Politeknik Sandakan telah dibekalkan dengan jenama, model, spesifikasi dan negara pembuat yang berbeza menyebabkan perbezaan harga antara RM20,457 hingga RM22,857. Manakala 3 item peralatan yang mempunyai jenama, model, spesifikasi dan negara pembuat yang sama telah dibekalkan dengan harga yang berbeza antara RM12,800 hingga RM18,095;
- vi. 5 unit peralatan bernilai RM0.18 juta yang telah dibekalkan di 2 politeknik yang diaudit dan telah dibayar tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak;
- vii. spesifikasi yang dinyatakan dalam kontrak bagi 6 unit peralatan bernilai RM0.14 juta di Politeknik Sandakan tidak lengkap menyebabkan peralatan

tersebut tidak dapat digunakan antara 420 hingga 424 hari daripada tarikh diterima;

- viii. 20 item peralatan pejabat bernilai RM0.22 juta dan 85 item peralatan sukan bernilai RM0.23 juta telah diaku terima serta dibayar oleh Politeknik Sandakan pada 20 Disember 2013 tetapi cek berkaitan dibatalkan pada 10 Oktober 2014 kerana 19 item peralatan pejabat bernilai RM0.22 juta dan 38 item peralatan sukan bernilai RM0.07 juta masih belum diterima; dan
- ix. 66 unit peralatan bernilai RM1.24 juta di 3 politeknik yang diaudit tidak digunakan selama 419 hingga 930 hari dari tarikh penerimaan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

9.5.1. Prestasi Perolehan

9.5.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Bagi tempoh tahun 2011 hingga Disember 2014, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM135.80 juta (90.8%) daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan untuk perolehan peralatan akademik dan sokongan akademik berjumlah RM149.56 juta. Butiran peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.1
PERUNTUKAN PEROLEHAN PERALATAN AKADEMIK DAN SOKONGAN
AKADEMIK POLITEKNIK BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA DISEMBER 2014

POLITEKNIK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
Muadzam Shah, Pahang (PMS)	49.58	44.20	89.1
Balik Pulau, Pulau Pinang (PBU)	3.62	3.51	97.0
Jeli, Kelantan (PJK)	13.25	12.39	93.5
Nilai, Negeri Sembilan (PNS)	34.05	30.65	90.0
Banting, Selangor (PBS)	6.37	5.76	90.4
Mersing, Johor (PMJ)	17.28	17.67	102.2
Sandakan, Sabah (PSS)	25.41	21.62	85.1
JUMLAH KESELURUHAN	149.56	135.80	90.8

*Sumber : Waran Peruntukan Bahagian Pembangunan (Pengajian Tinggi)
Dan Laporan Perbelanjaan Politeknik*

- b. Prestasi perbelanjaan keseluruhan bagi 3 politeknik yang dilawati bagi tempoh tahun 2012 hingga Disember 2014 adalah berjumlah RM64.66 juta (88.9%). Butiran peruntukan dan perbelanjaan mengikut politeknik adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI PEROLEHAN PERALATAN
AKADEMIK DAN SOKONGAN AKADEMIK POLITEKNIK YANG DIAUDIT
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

POLITEKNIK	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
Nilai, Negeri Sembilan (PNS)	2012	14.95	14.95	100.0
	2013	14.53	14.44	99.4
	2014	4.57	1.26	27.6
	JUMLAH	34.05	30.65	90.0
Jeli, Kelantan (PJK)	2012	0.48	0.48	100.0
	2013	3.78	4.00	105.8
	2014	8.99	7.91	88.0
	JUMLAH	13.25	12.39	93.5
Sandakan, Sabah (PSS)	2012	6.12	6.12	100.0
	2013	12.39	12.39	100.0
	2014	6.90	3.11	45.1
	JUMLAH	25.41	21.62	85.1
JUMLAH KESELURUHAN		72.71	64.66	88.9

*Sumber : Waran Peruntukan Bahagian Pembangunan (Pengajian Tinggi)
Dan Laporan Perbelanjaan Politeknik*

Pada pendapat Audit, sasaran perbelanjaan perolehan peralatan akademik dan sokongan akademik politeknik telah dicapai kerana Kementerian secara keseluruhannya telah membelanjakan sejumlah RM135.8 juta (90.8%) dan bagi 3 politeknik yang diaudit sejumlah RM64.66 juta (88.9%) daripada jumlah peruntukan yang diluluskan.

9.5.1.2. Prestasi Fizikal

- a. Kementerian secara **tender terbuka** telah melantik 15 syarikat untuk membekalkan 1,267 item peralatan akademik kepada 3 politeknik terlibat. Dua daripada syarikat tersebut yang melibatkan pembekalan 130 item peralatan masih dalam tempoh kontrak manakala 13 syarikat telah tamat kontrak. Semakan Audit terhadap 13 syarikat yang telah tamat kontrak mendapati 1,069 daripada 1,137 item peralatan telah berjaya dibekalkan dengan sempurna. Baki 68 item melibatkan Politeknik Nilai, Negeri Sembilan adalah meliputi 41 item yang ditolak kerana tidak mematuhi spesifikasi, 22 item tidak dibekalkan sehingga tamat kontrak, 4 item diluluskan untuk digugurkan daripada kontrak, dan satu item ditolak kerana dibekalkan selepas tamat kontrak seperti jadual yang berikut:

JADUAL 9.3
PRESTASI PEMBEKALAN PERALATAN AKADEMIK POLITEKNIK
BAGI PEROLEHAN SECARA TENDER

BIL.	POLITEKNIK/SYARIKAT	PERKARA	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BIL. PERALATAN		
				RANCANG (ITEM)	DIBEKAL (ITEM)	KURANG (ITEM)
A. POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN						
1.	Kejuruteraan Bumi Utama Sdn. Bhd.	Peralatan Akademik	4.36	78	70	8
2.	Interpac (M) Sdn. Bhd.	Peralatan Akademik	1.92	124	96	28
3.	Mexajati Sdn. Bhd.	Peralatan Akademik	5.67	90	70	20
4.	Sinaravia Sdn. Bhd.	Peralatan Akademik	6.77	294	282	12
5.	Apex Communications Sdn. Bhd.	Peralatan ICT	6.55	58	58	-
6.	Geocapital Sdn. Bhd.	Peralatan Akademik	0.57	7	7	-
7.	Innosebetan Sdn. Bhd.	Peralatan Audio Visual Aids (AVA)	2.32	99	99	-
8.	RH Resources Sdn. Bhd.	Sistem Rangkaian Kampus	2.89	27	27	-
JUMLAH			31.05	777	709	68
B. POLITEKNIK JELI, KELANTAN						
9.	RH Resources Sdn. Bhd.	Sistem Rangkaian Kampus	2.46	20	20	-
JUMLAH			2.46	20	20	-
C. POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH						
10.	Advance Altimas Sdn. Bhd.	Peralatan Akademik	6.52	182	182	-
11.	Inteksoft Sdn. Bhd.	Peralatan ICT	3.90	58	58	-
12.	Innosebetan Sdn. Bhd.	Sistem Rangkaian Kampus	2.79	23	23	-
13.	Inteksoft Sdn. Bhd.	Peralatan Audio Visual Aids (AVA)	1.26	77	77	-
JUMLAH			14.47	340	340	-
JUMLAH KESELURUHAN			47.98	1,137	1,069	68

Sumber : Kontrak Dan Baucar Bayaran Di Kementerian

JADUAL 9.4
PERALATAN TIDAK DIBEKALKAN DENGAN SEMPURNA
DI POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN

PERKARA	SYARIKAT TERLIBAT	BIL. ITEM	AMAUN (RM Juta)	CATATAN
Peralatan yang ditolak kerana tidak mengikut spesifikasi dan tidak dibayar.	Kejuruteraan Bumi Utama Sdn. Bhd.	4	0.16	Politeknik menggunakan peralatan sedia ada dan sebahagian latihan amali yang terjejas telah dilaksanakan di politeknik lain yang menawarkan program yang sama.
	Interpac (M) Sdn. Bhd.	5	0.05	
	Mexajati Sdn. Bhd.	20	1.44	
	Sinaravia Sdn. Bhd.	12	0.88	
	JUMLAH		41	
Peralatan yang tidak dibekalkan sehingga tamat kontrak.	Interpac (M) Sdn. Bhd.	22	0.57	Berdasarkan maklum balas pensyarah, keperluan 22 item peralatan ini adalah tidak kritikal kerana pembelajaran dan amali masih boleh dijalankan menggunakan kaedah manual dengan peralatan sedia ada. Sehubungan itu, ketiadaan peralatan ini tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.
	JUMLAH	22	0.57	
Peralatan yang diluluskan untuk digugurkan daripada kontrak.	Kejuruteraan Bumi Utama Sdn. Bhd.	4	0.24	Surat kelulusan rujukan KPT.W(S)400-POL/1/2012 Jld.4(38) bertarikh 31.03.2014.
	JUMLAH	4	0.24	

PERKARA	SYARIKAT TERLIBAT	BIL. ITEM	AMAUN (RM Juta)	CATATAN
Peralatan yang dibekalkan selepas tamat kontrak dan tidak dibayar.	Interpac (M) Sdn. Bhd.	1	0.12	1LW21 – Skid Loader telah dibekalkan pada 23.04.2013 iaitu selepas tempoh kontrak tamat pada 15.2.2013. Sehingga tarikh lawatan audit, peralatan masih disimpan di Politeknik Nilai. Surat arahan kepada pembekal untuk mengalih keluar peralatan telah dihantar oleh Kementerian rujukan KPT.W(S)400-POL/5/2011 Jld.6(3) bertarikh 17.03.2014 namun masih tiada tindakan oleh pembekal.
	JUMLAH	1	0.12	
JUMLAH KESELURUHAN		68	3.46	

Sumber : Analisis Audit

- b. Mengikut Fasal 16 dalam perjanjian bagi kesemua tender tersebut, Kerajaan boleh mengenakan denda terhadap kontraktor sekiranya lewat menyerahkan peralatan yang dibeli mengikut tempoh ditetapkan. Sehingga Oktober 2014, semakan Audit mendapati 7 syarikat telah gagal membekalkan 331 daripada 1,069 item peralatan akademik mengikut masa ditetapkan dengan kelewatan antara 2 hingga 288 hari dan Kementerian telah mengenakan denda berjumlah RM1.29 juta terhadap 7 syarikat tersebut.
- c. Semakan terhadap perolehan peralatan sokongan akademik yang dilaksanakan secara **sebut harga** dan **pembelian terus** oleh 3 politeknik terlibat mendapati bayaran berjumlah RM15.33 juta telah dibuat melalui 171 baucar bayaran. Pemeriksaan fizikal terhadap sampel 615 (28.6%) daripada 2,151 item peralatan sokongan akademik mendapati kesemua peralatan yang dibeli berjaya dibekalkan tanpa kelewatan kecuali perolehan secara sebut harga pada tahun 2013 di Politeknik Sandakan, Sabah sebanyak 30 item peralatan pejabat dengan kuantiti sebanyak 79 unit bernilai RM0.2 juta dan 28 item peralatan sukan dengan kuantiti sebanyak 268 unit bernilai RM0.12 juta oleh Syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. masih belum dibekalkan sehingga tarikh pengauditan pada 14 Oktober 2014 atau dibayar awal 300 hari. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.5
PRESTASI PEMBEKALAN PERALATAN SOKONGAN AKADEMIK POLITEKNIK
BAGI PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA DAN PEMBELIAN TERUS

POLITEKNIK/ KAEDAH PEROLEHAN	TAHUN	BIL. BAUCAR BAYARAN	ITEM (Bil.)	KUANTITI (Unit)	JUMLAH (RM Juta)	CATATAN
A. POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN						
Sebut Harga	2012	3	3	1,709	0.33	-
	2013	9	130	5,661	0.99	
	2014	3	421	891	0.55	
	JUMLAH	15	554	8,261	1.87	
Pembelian Terus	2012	6	12	341	0.17	-
	2013	31	71	1,253	0.66	
	JUMLAH	37	83	1,594	0.83	
JUMLAH PNS		52	637	9,855	2.70	

POLITEKNIK/ KAEDAH PEROLEHAN	TAHUN	BIL. BAUCAR BAYARAN	ITEM (Bil.)	KUANTITI (Unit)	JUMLAH (RM Juta)	CATATAN
B. POLITEKNIK JELI, KELANTAN						
Sebut Harga	2012	1	1	1	0.48	-
	2013	19	184	23,262	2.49	
	2014	2	3	3	0.32	
	JUMLAH	22	188	23,266	3.29	
Pembelian Terus	2013	49	127	2,092	0.97	-
	2014	19	28	219	1.33	
	JUMLAH	68	155	2,311	2.30	
JUMLAH PJK		90	343	25,577	5.59	
C. POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH						
Sebut Harga	2012	3	5	6	1.42	-
	2013	8	216	1,924	0.92	58 item iaitu 30 item peralatan pejabat bernilai RM0.20 juta dan 28 item peralatan sukan bernilai RM0.12 juta masih belum dibekalkan oleh Syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. sehingga tarikh pengauditan.
	JUMLAH	11	221	1,930	2.34	
Pembelian Terus	2012	18	950	2,701	4.70	-
	JUMLAH	18	950	2,701	4.70	
JUMLAH PSS		29	1,171	4,631	7.05	
JUMLAH KESELURUHAN		171	2,151	40,063	15.33	

Sumber : Daftar Sebut Harga Dan Pembelian Terus Politeknik

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015, 23 Mac 2015 Dan 24 April 2015

Bagi perolehan secara tender, pihak Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya dengan menolak item yang tidak mematuhi spesifikasi dan menolak item yang diterima di luar kontrak bagi memastikan pematuhan kepada syarat-syarat di dalam dokumen Perjanjian kontrak. Pengguguran item hanya dibenarkan setelah pihak Pengguna berpuas hati bahawa pengguguran item tersebut tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran. Bagi kesemua item ditolak, gagal dibekal dan digugurkan, Kementerian akan meneliti semula keperluan kepada item-item tersebut dan akan membuka tender/sebut harga baru menggunakan peruntukan tahun 2015. Peruntukan pembangunan siling tahun 2015 bagi perolehan peralatan Politeknik Nilai adalah berjumlah RM4,000,000. Proses perolehan sedang dijalankan bagi 68 item dan dijangka selesai pada tahun 2015.

Bagi perolehan yang dilakukan oleh Politeknik Sandakan, pihak Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya, satu mesyuarat penyelarasan telah dilaksanakan bersama pihak pembekal pada 24 Januari 2015 bagi memastikan penghantaran disempurnakan. Tindakan bagi kegagalan pembekal melaksanakan pembekalan seperti yang dipersetujui telah diambil terhadap Syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. Tindakan pembedahan dan penyelarasan yang telah dilaksanakan bagi memastikan pembekalan peralatan disempurnakan seperti yang berikut:

- a. *Sejumlah 53 item peralatan iaitu 29 item peralatan pejabat dengan kuantiti sebanyak 78 unit bernilai RM189,560 dan 24 item peralatan sukan dengan kuantiti sebanyak 256 unit bernilai RM103,332.20 telah dihantar dan diterima pada 20 Januari 2015 dan 6 Februari 2015. Status baki 5 item peralatan bernilai RM26,210 belum diterima dengan kelewatan 468 hari adalah satu item iaitu tackling bag rugby berjumlah RM3,250 telah diterima pada 7 April 2015 serta 4 item iaitu portable power generator, wedges, oar (pairs) dan swip berjumlah RM22,960 telah diterima oleh PSS pada 17 April 2015.*
- b. *Pihak Kementerian telah mengemukakan surat permohonan kelulusan khas kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui SPT bertarikh 21 April 2015 bagi melaksanakan pembayaran dan pengenaan denda terhadap syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. Kementerian juga telah merancang perjumpaan dengan MOF bagi menyelesaikan isu pelanjutan kontrak syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd.*
- c. *Siasatan oleh JKSD Kementerian telah dilaksanakan bermula 15 April 2015 hingga 17 April 2015. Hasil siasatan mendapati bahawa pegawai yang terbabit telah melanggar peraturan kewangan, namun pegawai tidak mempunyai niat lain selain daripada memastikan PSS mempunyai peralatan sebagai lazimnya sebuah institusi pengajian yang lain. Oleh itu, syor yang dicadangkan adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat di bawah Peraturan 36, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Laporan siasatan ini telah dipanjangkan ke BPSM untuk tindakan lanjut.*

Pihak Kementerian telah mengambil maklum akan kaedah pelaksanaan pemantauan bagi memastikan perolehan peralatan dilaksanakan mengikut prosedur perolehan peralatan. Pemantauan secara berkala telah dirancang untuk dilaksanakan setiap tiga bulan sepanjang tahun terhadap pengurusan perolehan peralatan politeknik. Pihak Kementerian telah melaksanakan pendekatan alternatif dalam memastikan aktiviti pembelajaran tidak terjejas. Pihak Kementerian juga akan memastikan pembaziran perolehan dielakkan dengan memastikan peralatan yang diperoleh adalah mematuhi keperluan aktiviti pembelajaran semasa.

Pada pendapat Audit, tindakan Kementerian mengadakan mesyuarat bersama pembekal pada 24 Januari 2015 bagi 58 item peralatan yang belum dibekalkan di bawah perolehan secara sebut harga adalah tindakan yang baik walaupun agak lewat. Selain itu, denda bagi kelewatan pembekalan selama 398 hingga 485 hari bagi 58 item peralatan berkenaan perlu dikenakan kepada pembekal tersebut.

9.5.2. Pentadbiran Kontrak

9.5.2.1. Tandatangan Kontrak

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak dengan 15 syarikat yang

dilantik bagi perolehan peralatan akademik telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan.

9.5.2.2. Bon Pelaksanaan

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan mengikut tempoh yang dinyatakan pada SST iaitu dalam tempoh 14 atau 30 hari dari tarikh SST dan jika petender yang berjaya tidak mengembalikan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan, kegagalan ini hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan untuk memilih petender lain dalam tempoh sah laku tender. Semakan Audit mendapati 6 syarikat lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM1.08 juta bagi 6 kontrak bernilai RM23.54 juta kepada Kementerian. Kelewatan adalah antara 7 hingga 72 hari. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.6
KELEWATAN MENGEMUKAKAN BON PELAKSANAAN

SYARIKAT	NILAI KONTRAK (RM Juta)	NILAI BON PELAKSANAAN [5% X Nilai Kontrak] (RM Juta)	TARIKH AKHIR BON PELAKSANAAN SEPATUTNYA DISERAHKAN	TARIKH SEBENAR BON PELAKSANAAN DISERAHKAN	KELEWATAN (Hari)
A. POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN					
Sinaravia Sdn. Bhd.	6.77	0.34	14.03.2011	21.03.2011	7
Kejuruteraan Bumi Utama Sdn. Bhd.	4.35	0.22	26.09.2012	22.10.2012	26
Innosebetan Sdn. Bhd.	2.32	0.02	16.02.2012	09.03.2012	22
Apex Communications Sdn. Bhd.	6.55	0.33	12.10.2012	29.11.2012	62
B. POLITEKNIK JELI, KELANTAN					
Salju Bestari Sdn. Bhd.	2.68	0.13	05.01.2014	18.03.2014	72
Ez Supply & Engineering Sdn. Bhd.	0.87	0.04	05.01.2014	21.01.2014	16
JUMLAH	23.54	1.08			

Sumber : Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset (Pengajian Tinggi)

9.5.2.3. Pelaksanaan *Integrity Pact* Tidak Dipatuhi

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 Tahun 2010 menetapkan bahawa *Integrity Pact* perlu dilaksanakan bagi penjawat awam yang terlibat dalam perolehan Kerajaan, ahli jawatankuasa berkaitan perolehan, ahli lembaga/jawatankuasa perolehan, pembida dan pelantikan perunding. Semakan Audit mendapati Lampiran A (Surat Akuan Oleh Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan), Lampiran B (Surat Akuan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan) dan Lampiran C (Surat Akuan Selesai Tugas Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan) bagi pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dipatuhi terhadap pengurusan 2 sebut harga di Politeknik Sandakan, Sabah yang bernilai RM0.92 juta melibatkan pembekal yang sama iaitu Syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. seperti jadual berikut:

JADUAL 9.7
PELAKSANAAN INTEGRITY PACT TIDAK DIPATUHI

NO. SEBUT HARGA	PERIHAL	HARGA (RM Juta)
X021190012313001	Peralatan Pejabat	0.45
X021190012313002	Peralatan Sukan	0.47
JUMLAH		0.92

Sumber : Politeknik Sandakan

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu meningkatkan pemantauan terhadap pentadbiran kontrak bagi memastikan semua perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan mengikut peraturan, tepat dan telus bagi menjamin kepentingan Kerajaan serta mengelak dari berlakunya penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 Dan 24 April 2015

Kelewatan mengemukakan Bon pelaksanaan adalah di luar kawalan Kementerian kerana ia melibatkan urusan di antara syarikat dan pihak bank/syarikat insurans. Pihak Kementerian mengambil langkah memberi peringatan kepada syarikat berhubung tarikh akhir penghantaran Bon Pelaksanaan berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani. Syarikat perlu mengemukakan permohonan bertulis bagi pelanjutan tempoh serahan Bon Pelaksanaan berserta alasan yang munasabah. Kementerian akan mempertimbangkan pelanjutan tempoh ke satu tarikh serahan yang baru berdasarkan merit alasan yang dikemukakan seperti mana jadual di bawah:

Bil.	Tindakan	Tempoh	Catatan
1	Syarikat mengemukakan persetujuan melalui tandatangan ke atas Surat Setuju Terima (SST)	14 hari dari tarikh SST	-
2	Syarikat mengemukakan Bon Pelaksanaan (BG) selepas SST ditandatangani	30 hari dari tarikh SST ditandatangani	-
3	Kementerian mengeluarkan surat peringatan pertama	7 hari sebelum tamat tempoh serahan BG	-
4	Syarikat mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh serahan BG	Sebelum tarikh akhir serahan BG	Perlu disertakan alasan yang munasabah
5	Kementerian mengeluarkan surat pelanjutan tempoh serahan BG berserta peringatan kedua	14 hari dari tarikh tamat asal	Tertakluk kelulusan Pentadbir Kontrak berdasarkan merit
6	Syarikat mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh serahan BG kedua	Sebelum tarikh akhir serahan BG yang kedua	Perlu disertakan alasan yang munasabah
7	Kementerian mengeluarkan surat pelanjutan tempoh serahan BG kedua berserta PERINGATAN TERAKHIR	7 hari dari tarikh tamat kedua	Tertakluk kelulusan Pentadbir Kontrak berdasarkan merit

Syarikat akan diingatkan bahawa kelewatan mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan adalah satu pelanggaran syarat SST yang memberi hak kepada Kerajaan untuk membatalkan kontrak tersebut. Pihak Kementerian juga memberi peringatan kepada mana-mana syarikat yang lewat untuk menyegerakan penyerahan Bon Pelaksanaan semasa mesyuarat Kick-Off tender diadakan. Pihak syarikat juga diingatkan bahawa tiada pembayaran yang boleh dilaksanakan selagi Bon Pelaksanaan belum diserahkan dan dokumen kontrak belum ditandatangani.

Pihak Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan penyediaan Integrity Pact bagi setiap sebutharga yang dilaksanakan pada masa akan datang. Pemantauan secara berkala telah dirancang untuk dilaksanakan setiap tiga bulan sepanjang tahun terhadap pengurusan perolehan peralatan politeknik bagi memastikan perolehan peralatan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

9.5.3. Pengurusan Perolehan

9.5.3.1. Perolehan Peralatan Akademik Lewat Dilaksanakan

Perolehan peralatan perlu dilaksanakan segera pada waktu yang munasabah dan bersesuaian serta selari dengan kesempurnaan bangunan yang dibina bagi menempatkan peralatan tersebut dan keperluan pembelajaran. Semakan Audit mendapati perolehan peralatan akademik bagi Diploma Agro Teknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur di Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Sandakan, Sabah lewat dilaksanakan yang menyebabkan peralatan hanya mula dibekalkan antara 335 hingga 341 hari selepas kemasukan pelajar untuk semester pertama. Kelewatan ini menyebabkan Politeknik Jeli, Kelantan terpaksa menggunakan peruntukan mengurus berjumlah RM99,775 dan Politeknik Sandakan, Sabah membelanjakan sejumlah RM143,304 bagi menjalankan program latihan amali dan membeli peralatan untuk melengkapkan proses penilaian kerja kursus latihan makmal sebagaimana kehendak kurikulum. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.8
PEROLEHAN PERALATAN LEWAT DILAKSANAKAN

MAKLUMAT POLITEKNIK/PEROLEHAN	POLITEKNIK	
	JELI, KELANTAN	SANDAKAN, SABAH
Mula operasi kampus tetap	Mac 2013	30.12.2011
Tender diiklankan	13.05.2013	27.09.2012
Program diploma yang terlibat	Agro Teknologi dan Teknologi Akuakultur	Agro Teknologi dan Teknologi Akuakultur
Tarikh kemasukan pelajar semester pertama (a)	16.06.2013	09.07.2012
Syarikat yang dilantik	Salju Bestari Sdn. Bhd.	Advance Altimas Sdn. Bhd.
Tarikh mula pembekalan (b)	18.05.2014	03.06.2013
Tempoh kelewatan pembekalan (hari) [(a) – (b)]	335	341
Status pembekalan peralatan yang telah ditauliah sehingga tarikh pengauditan	18%	100%

MAKLUMAT POLITEKNIK/PEROLEHAN	POLITEKNIK	
	JELI, KELANTAN	SANDAKAN, SABAH
Implikasi kelewatan	Telah membelanjakan sejumlah RM99,775 bagi membuat 5 kali latihan amali seperti dalam Jadual 9.9	Telah membelanjakan sejumlah RM143,304 bagi membeli peralatan yang diperlukan bagi program pengajian seperti dalam Jadual 9.10 .

Sumber : BPPA (PT) Dan Politeknik

JADUAL 9.9
PERBELANJAAN POLITEKNIK JELI, KELANTAN BAGI PROGRAM LATIHAN AMALI

cc	PROGRAM	PROGRAM PENGAJIAN	KEPERLUAN KURIKULUM KURSUS	BIL. PELAJAR TERLIBAT	BAUCAR BAYARAN	KOS (RM)
1.	Program lawatan ke Agro Technology Park, Laman Padi, Pejabat Perikanan Daerah dan Fish Farm Geo Park, Langkawi serta Taman Anggur Perlis pada 05.09.2013 - 07.09.2013	Diploma Agroteknologi	YA 104: <i>Modern Agriculture Technology</i>	36 (semester 1)	B0103 01.10.2013	17,915
		Diploma Teknologi Akuakultur	YQ 101: <i>Aquaculture Industry & Ethics</i>	39 (semester 1)		
2.	Program Pemantapan Kemahiran (<i>Hands On</i>) Kelantan Biotech Sdn. Bhd. selama 10 hari pada 13.02 -15.03.2014	Diploma Agroteknologi	YA204: <i>Microbial Technology</i> YA205: <i>Plant Tissue Culture</i>	34 (semester 2)	B0130 30.03.2014	46,750
3.	Program peningkatan kemahiran pelajar di UMT pada 0.9 - 10.03.2014	Diploma Teknologi Akuakultur	YQ203: <i>Water quality Management</i> YQ201: <i>Health Diagnostic & Treatment</i>	37 (semester 2)	B0148 07.04.2014	10,500
4.	Program akademik : Aktiviti Taman Laut di Pulau Redang pada 24 - 26.04.2014	Diploma Teknologi Akuakultur	YQ202: <i>Aquatic Ecosystem</i>	35 (semester 2)	B0252 12.05.2014	11,750
5.	Program Celik Agroteknologi di Langkawi pada 13 - 17.08.2014	Diploma Agroteknologi	YA201: <i>Industrial Crop Production</i>	35 (semester 2)	B0470 26.08.2014	12,860
			YA202: <i>Food Crop</i>			
			YA203: <i>E-agriculture</i>			
			YA204: <i>Microbial Technology</i>			
JUMLAH KESELURUHAN						99,775

Sumber : Baucar Bayaran Politeknik Jeli, Kelantan

JADUAL 9.10
PERBELANJAAN PEROLEHAN PERALATAN BAGI POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH

BIL.	BAUCAR BAYARAN		AMAUN (RM)	PERIHAL
	NO.	TARIKH		
1.	B0656	06.11.2012	720	<i>Fish Tank</i> untuk Kursus Akua
2.	B0669	07.11.2012	11,785	<i>Aquarium Tank Set with cover, Lighting Set, Top Filter, Postel, Fishes</i> untuk Kursus Akua
3.	B0672	07.11.2012	49,455	Rak semaian untuk Kursus Agro
4.	B0673	07.11.2012	11,745	Rak kaktus untuk Kursus Agro
5.	B0790	20.12.2012	31,595	<i>General Water Pump</i> dan <i>Salinity Refractometer (ATAGO) Master -S/MILL Alpha Hand Refractometer</i> untuk Jabatan Agro
6.	B0789	20.12.2012	38,004	<i>Aquarium Tank, Aeration Sets</i> dan <i>Lab Equipment</i> untuk Kursus Akua
JUMLAH			143,304	

Sumber : Baucar Bayaran Politeknik Sandakan, Sabah

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan proses perolehan peralatan dapat dilaksanakan sebelum pelajar mendaftar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015

Pihak Kementerian pada masa itu iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melancarkan iklan untuk tender perolehan di Politeknik Jeli pada 13 Mei 2013. Walau bagaimanapun, KPT telah dibubarkan pada 16 Mei 2013. Susulan pembubaran KPT tersebut, berlaku keadaan yang dipanggil tempoh “blackout” melibatkan perubahan waran, kod PTJ, sistem ePerolehan dan keahlian Lembaga Perolehan. Mesyuarat Lembaga Perolehan hanya dapat dilaksanakan pada 20 September 2013. SST dikeluarkan pada 6 Disember 2013 kerana terdahulu daripada itu, 2 Surat Niat telah dikeluarkan kepada petender yang berjaya meminta supaya mereka memenuhi beberapa spesifikasi yang ditetapkan.

Manakala kelewatan perolehan di Politeknik Sandakan, Sabah disebabkan kekangan peruntukan dan kelewatan dalam memuktamadkan spesifikasi item. Terdapat juga beberapa item yang tidak dapat dibekalkan ke Politeknik kerana terdapat makmal/ruang penyimpanan di Politeknik yang tidak boleh memuatkan peralatan besar dan memerlukan pengubahsuaian dilaksanakan, selain terdapat isu mengenai pengujian beberapa item.

Dalam hal ini pihak Kementerian telah mengemukakan Surat Peringatan kepada kedua-dua syarikat bagi memaklumkan mengenai tindakan susulan/tindakan segera yang diperlukan bagi membolehkan semua peralatan dibekalkan dengan sempurna. Langkah penambahbaikan yang diambil oleh pihak Kementerian adalah dengan memastikan proses perolehan dilaksanakan sebelum pendaftaran pelajar bermula.

9.5.3.2. Perbandingan Peralatan Akademik Dan Sokongan Akademik Antara Politeknik


Keseragaman peralatan akademik antara politeknik adalah perlu bagi memastikan kualiti pelajar yang bakal dihasilkan adalah setara di samping menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Semakan Audit terhadap perolehan peralatan di tiga politeknik yang diaudit mendapati 2 item peralatan akademik bagi kursus yang sama iaitu Diploma Agro Teknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur di Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Sandakan, Sabah telah dibekalkan dengan jenama, model, spesifikasi dan negara pembuat yang berbeza menyebabkan perbezaan harga RM20,457 dan RM22,857 atau 35.8% dan 40%. Sementara itu, satu item peralatan akademik bagi kursus yang sama iaitu Diploma Agro Teknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur di Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Sandakan, Sabah serta 2 item peralatan Audio Visual Aids (AVA) di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Sandakan, Sabah telah dibekalkan dengan jenama, model, spesifikasi dan negara pembuat yang sama tetapi dengan harga yang berbeza antara RM12,800 hingga RM18,095 atau antara 21.8% hingga 211.1%. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.11
PERALATAN SAMA TETAPI BERBEZA MODEL,
SPESIFIKASI, HARGA DAN NEGARA PEMBUAT

KOD ITEM	NAMA PERALATAN	POLITEKNIK JELI/NILAI		POLITEKNIK SANDAKAN		PERBEZAAN HARGA	
		JENAMA/MODEL/SPESIFIKASI	KOS SEUNIT (RM)	JENAMA/MODEL/SPESIFIKASI	KOS SEUNIT (RM)	(RM)	(%)
A. PERALATAN SAMA TETAPI BERBEZA MODEL, JENAMA, SPESIFIKASI, HARGA DAN NEGARA PEMBUAT							
DIPLOMA AGRO TEKNOLOGI & DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR (POLITEKNIK JELI DAN SANDAKAN)							
YEL 3	Industrial Control Trainer	Malaysia / TSG-ICTS-1 (Gambar 9.1)	77,600	Taiwan / DME / DME6633C (Gambar 9.2)	57,143	20,457	35.8
YSL 50	Tri-Axial Shear Test	UK / IMPACT / SL-500	80,000	MALAYSIA / UNITES / S60	57,143	22,857	40.0
B. PERALATAN SAMA TETAPI BERBEZA HARGA							
DIPLOMA AGRO TEKNOLOGI & DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR (POLITEKNIK JELI DAN SANDAKAN)							
YFH58	Water Monitoring Kit	USA / YSI / 5200A	26,667	USA / YSI / 5200A	8,572	18,095	211.1
PERALATAN AUDIO VISUAL AIDS (POLITEKNIK NILAI DAN SANDAKAN)							
2AVA1/ 1AVA1	Digital HD Video Camera Recorder	Japan / Sony HVR-S270P + Accessories (Gambar 9.3)	71,600	Japan / Sony HVR-S270P + Accessories (Gambar 9.4)	58,800	12,800	21.8
1CFAV2/ 1CFAV1	7K Ansi Lumens LCD Projector c/w Controller And Bracket	Japan / Sony VPL-FX500L	42,940	Japan / Sony VPL-FX500L	28,000	14,940	53.4

Sumber : Kontrak BBPA (PT)

GAMBAR 9.1



*Aqua Engineering Lab, Politeknik Jeli
 - YEL3 Industrial Control Trainer
 (21.09.2014)*

GAMBAR 9.2



*Bilik Kuliah 7, Politeknik Sandakan
 - YEL3 Industrial Control Trainer
 (16.10.2014)*

GAMBAR 9.3



*Unit Instruksional dan Multimedia (UIDM),
 Politeknik Nilai
 - 2AVA1 Digital HD Video Camera Recorder
 (27.08.2014)*

GAMBAR 9.4



*UIDM, Politeknik Sandakan
 - 1AVA1 Digital HD Video Camera Recorder
 (16.10.2014)*

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 Dan 24 April 2015

Pihak Kementerian telah menyemak dan mendapati bagi item YEL 3, YSL 50, YFH 58 dan 1CFAV2/1CFAV1, spesifikasi yang ditetapkan bagi kedua-dua tender adalah sama. Manakala bagi item 2AVA1 dan 1AVA1 hanya terdapat perbezaan yang minimum dalam spesifikasi. Berdasarkan tatacara perolehan bagi tender terbuka, pihak Kementerian tidak dibenarkan meletakkan jenama bagi item yang dikehendaki dan ia terpulang kepada pihak syarikat untuk menawarkan jenama dan model berdasarkan spesifikasi tersebut. Syarikat juga berhak untuk meletakkan harga bagi peralatan tersebut dan pihak Kementerian tidak sama sekali terlibat dalam proses penetapan harga oleh syarikat. Penetapan jenama semasa proses tender adalah dilarang berdasarkan 1PP (iv) (c) (iv). Tambahan pula sekiranya Kementerian telah lebih awal memutuskan untuk memilih jenama tertentu dalam tender terbuka, ia adalah bertentangan dengan prinsip adil dan saksama dalam perolehan Kerajaan. Pihak Kementerian berpendapat perbezaan jenama, model, spesifikasi dan harga bagi peralatan untuk kursus yang sama tidak mendatangkan masalah sekiranya peralatan-peralatan tersebut mempunyai fungsi yang sama dan harga berada dalam anggaran yang boleh dipertimbangkan untuk diterima.

Bagaimanapun pertimbangan tender dibuat berdasarkan harga pakej yang ditawarkan dan bukan berdasarkan harga per item. Empat daripada 5 kontrak tersebut menawarkan harga di bawah anggaran Kementerian. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian akan menilai pematuhan spesifikasi item-item yang ditawarkan kepada spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian dan membuat pertimbangan sama ada keseluruhan pakej yang ditawarkan adalah munasabah berdasarkan anggaran dan peruntukan Kementerian.

Tender peralatan tidak dimulakan serentak memandangkan ketiga-tiga politeknik tidak siap pada masa yang sama (PNS siap pada 6 September 2011, PSS – siap pada 21 November 2011 dan PJK pada 14 Februari 2013). Oleh itu, pakej tender dibuat pada masa yang berasingan menyebabkan petender yang masuk mencadangkan harga yang berlainan bagi tender-tender tersebut.

Kementerian juga telah membuat semakan dan mendapati terdapat perbezaan spesifikasi yang ditawarkan oleh pembekal bagi politeknik yang dibandingkan dan mengakibatkan harga tawaran penender juga berbeza. Keterangan perbezaan spesifikasi adalah seperti di jadual-jadual berikut:

Jadual 9.11(i)

Kod Item/ Politeknik	Politeknik Jeli (PJK)	Politeknik Sandakan (PSS)
YEL 3	<i>Jenama: Malaysia TSG-ICTS-1 Harga: RM77,600</i>	<i>Jenama: Taiwan DME / DME6633C Harga: RM57,143</i>
	<i>Pembekal menawarkan spesifikasi lebih tinggi dan melebihi spesifikasi Kementerian</i>	<i>Pembekal menawarkan spesifikasi yang lebih rendah berbanding spesifikasi penender PJK dan memenuhi spesifikasi Kementerian</i>
YSL 50	<i>Jenama: UK / Impact / SL-500 Harga: RM80,000</i>	<i>Jenama: Malaysia / United / S60 Harga: 57,143</i>
	<i>Pembekal menawarkan spesifikasi lebih tinggi daripada spesifikasi Kementerian</i>	<i>Pembekal menawarkan spesifikasi yang lebih rendah berbanding spesifikasi penender PJK tetapi menepati spesifikasi Kementerian</i>

Jadual 9.11(ii)

<i>Kod Item/ Politeknik</i>	<i>Politeknik Nilai (PNS)</i>	<i>Politeknik Sandakan (PSS)</i>
2AVA1	Jenama: JAPAN, Sony HVR - S270P Harga: RM71,600.00	Jenama: JAPAN, Sony HVR - S270P + Aksesori Harga: RM58,800.00
	<i>Spesifikasi, model dan aksesori yang ditawarkan berbeza berbanding pembekal PSS.</i>	<i>Spesifikasi, model dan aksesori yang ditawarkan berbeza berbanding pembekal PNS.</i>

Kementerian juga telah menambah baik proses penilaian tender dengan meneliti harga yang ditawarkan mengikut item sama ada dalam julat anggaran yang boleh dipertimbangkan untuk diterima atau dikeluarkan dari pakej tersebut. Perkara ini telah dipraktikkan dalam tender-tender semasa. Surat niat misalnya diberikan kepada syarikat yang berjaya sebagai langkah awal untuk memastikan kerajaan mendapat nilai wang terbaik.

Pihak Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia pada 17 April 2015. Model pangkalan data bagi peralatan pengajaran dan pembelajaran akan diperhalusi selepas penubuhan pasukan kajian bagi pembangunan pangkalan data ini.

Pada pendapat Audit, perbezaan harga yang ketara tidak sepatutnya berlaku sekiranya peralatan yang dibekalkan mempunyai jenama/spesifikasi yang sama. Selain itu, Kementerian adalah tidak terikat untuk melantik pembekal berdasarkan tawaran harga keseluruhan pakej terendah dan sebahagian item yang ditawarkan dengan nilai yang tinggi boleh dikeluarkan dan dibuat perolehan secara berasingan bagi memastikan Kerajaan mendapat *best value for money*.

9.5.4. Penerimaan Peralatan

9.5.4.1. Peralatan Akademik Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi

Semua peralatan yang diterima dalam kontrak pembekalan peralatan hendaklah mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada pihak Kerajaan. Perjanjian telah memperincikan spesifikasi peralatan yang diperlukan dan sebarang perubahan spesifikasi perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian kerana perubahan tersebut mungkin melibatkan perubahan kualiti dan kos. Semakan Audit semasa lawatan mendapati 5 unit peralatan bernilai RM184,267 yang dibekalkan dan telah dibayar tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Antaranya, ekzos paip tidak disalurkan keluar makmal, manual tidak dibekalkan, latihan lanjutan tidak dilaksanakan dan aksesori/komponen lain tidak dibekalkan. Antara punca keadaan tersebut berlaku ialah tiada kepakaran untuk

menerima peralatan berdasarkan spesifikasi kontrak dan maklumat pada jadual spesifikasi tidak jelas atau tidak lengkap. Peralatan yang dibekal tidak mengikut spesifikasi adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.12
PERALATAN YANG DIBEKALKAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI DAN TELAH DIBAYAR

BIL.	KURSUS/KOD DAN NAMA PERALATAN	UNIT BEKAL/ HARGA SEUNIT (RM)	AMAUN (RM)	SPESIFIKASI	
				DITETAPKAN	DIBEKALKAN
A. POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN					
1.	1TH3 Single Cylinder Engine Test Bed (Gambar 9.5)	1 106,667	106,667	<i>This equipment is suitable for education used, constructed on a cast iron bed as a free standing bench mounted unit for testing single cylinder engine. It is compact and easy to operate. The successful tenderer shall provide 6 sets of :</i> - Operating manual - Tutorial and structured training course ware	- Ekzos paip tidak disalurkan keluar makmal - Manual tidak dibekalkan - Latihan lanjutan tidak dilaksanakan
B. POLITEKNIK JELI, KELANTAN					
2.	YEL1 Programmable Logic Control Set (Gambar 9.6)	4 19,400	77,600	<i>Input/Output Interface using PC</i>	<i>Personal Computer (PC) untuk tujuan output/input interface tidak dibekalkan seperti yang dinyatakan dalam kontrak.</i>
JUMLAH		5	184,267		

Sumber : Politeknik Nilai Dan Jeli

GAMBAR 9.5



*Fluid Mechanics & Thermodynamics Lab,
Politeknik Nilai*
- Ekzos Paip Bagi 1TH3 Single Cylinder Engine
Test Bed Tidak Disalurkan Keluar Makmal
(03.09.2014)

GAMBAR 9.6



Engineering Lab, Politeknik Jeli
- YEL1 Programmable Logic Control Set
Tidak Dibekalkan Dengan Komputer
(21.09.2014)

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 Dan 24 April 2015

Pihak Kementerian telah membuat semakan berkenaan perkara ini dan perincian semakan adalah seperti berikut:

- i. Peralatan Politeknik Nilai (PNS): Keperluan Ekzos paip bagi item 1TH3 (Single Cylinder Engine Test Bed) merupakan keperluan utiliti dan tidak ditetapkan dalam dokumen spesifikasi yang telah dipersetujui. Sebarang keperluan utiliti yang tidak ditetapkan di dalam spesifikasi perlu disediakan oleh PNS.*

Sehubungan itu, PNS telah menyediakan keperluan utiliti bagi eksos paip untuk mengeluarkan asap yang dihasilkan dari penggunaan peralatan tersebut. Manual telah dibekalkan dan latihan lanjut telah dilaksanakan. Spesifikasi Kementerian telah dipenuhi.

- ii. *Peralatan Politeknik Jeli (YEL1-Programmable Logic Control Set): Pembekalan peralatan telah disempurnakan mengikut spesifikasi penender seperti yang termaktub di dalam kontrak. Pihak Kementerian telah melakukan semakan terhadap dokumen tender, Surat Niat dan Surat Setuju Terima kontraktor yang berjaya dan mendapati terdapat perbezaan pada spesifikasi item YEL1 dalam dokumen tender dan Surat Setuju Terima yang dikembalikan oleh syarikat. Langkah penambahbaikan telah dilaksanakan dengan menyediakan Personal Computer bagi memastikan peralatan berfungsi sepenuhnya. Pihak Kementerian telah mengemukakan surat bertarikh 20 April 2015 kepada kontraktor untuk membayar pampasan mengikut nilai semasa barang yang sepatutnya dibekalkan mengikut spesifikasi di dalam dokumen tender.*

9.5.4.2. Spesifikasi Peralatan Akademik Di Dalam Kontrak Tidak Dinyatakan Dengan Lengkap

Spesifikasi yang lengkap adalah penting bagi memastikan sesuatu peralatan dapat dibekalkan dan digunakan dengan sempurna, selamat dan terjamin. Semakan Audit mendapati 6 unit peralatan bernilai RM143,022 di Politeknik Sandakan, Sabah yang memerlukan Sijil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tetapi keperluan tersebut tidak dinyatakan di dalam jadual spesifikasi kontrak. Ini menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan antara 420 hingga 424 hari daripada tarikh diterima sehingga lawatan audit. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.13
SENARAI PERALATAN YANG SPESIFIKASINYA TIDAK LENGKAP

BIL.	KOD ITEM/NAMA PERALATAN	UNIT/HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	TARIKH TERIMA/TARIKH LAWATAN AUDIT	TEMPOH TIDAK GUNA (Hari)	CATATAN
1.	YSL 51 Autoclave (Gambar 9.7)	2 15,329	30,658	16.08.2013/ 14.10.2014	424	Pihak Audit dimaklumkan oleh pensyarah bahawa peralatan ini memerlukan Sijil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebelum ianya boleh digunakan.
2.	YFL 10 Electric Steam Jacketed Kettle (Gambar 9.8)	4 28,091	112,364	20.08.2013/ 14.10.2014	420	
JUMLAH		6	143,022			

Sumber : Politeknik Sandakan

GAMBAR 9.7



Soil & Water Lab, Politeknik Sandakan
- YSL 51 Autoclave Tidak Ada Sijil Jabatan
Keselamatan & Kesihatan Pekerja (JKKP)
(14.10.2014)

GAMBAR 9.8



Soil & Water Lab, Politeknik Sandakan
- YFL 10 Electric Steam Jacketed Kettle Tidak Ada
Sijil Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja
(14.10.2014)

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015, 23 Mac 2015 Dan 24 April 2015

PSS dan syarikat pembekal telah menyediakan keperluan dokumen permohonan Sijil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) bagi keperluan peralatan tersebut. Pihak Kementerian telah membuat penambahbaikan terhadap spesifikasi peralatan terkini yang dibuat perolehan bermula tahun 2014 dengan menyatakan keperluan perundangan berkaitan akta yang ditetapkan oleh kerajaan contohnya Sijil JKKP. Model pangkalan data bagi peralatan pengajaran dan pembelajaran akan diperhalusi selepas penubuhan pasukan kajian bagi pembangunan pangkalan data ini. Pihak Kementerian juga mendapatkan khidmat nasihat daripada panel pakar daripada pihak luar seperti universiti tempatan ataupun industri.

Pada pendapat Audit, penerima peralatan perlu memastikan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dipatuhi supaya peralatan yang dibekalkan dapat digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran bagi manfaat pelajar serta Kerajaan mendapat *best value for money* bagi setiap ringgit yang dibelanjakan. Kementerian juga perlu memastikan penyediaan spesifikasi dinyatakan dengan jelas bagi memastikan peralatan tersebut dapat digunakan dengan optimum dan tidak membahayakan pengguna.

9.5.5. Pengurusan Bayaran

9.5.5.1. Pembayaran Dibuat Bagi Peralatan Sokongan Akademik Yang Belum Dibekalkan

Arahan Perbendaharaan (AP) 102 (a) menetapkan Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa memperakui bahawa perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurna sebelum bayaran boleh dibuat. Perenggan 2, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1980 menjelaskan sesuatu pembayaran adalah *improper* jika pembayaran itu dibuat dengan tidak sewajar sama ada bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau

tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau amalan lazim yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Semakan Audit terhadap perolehan melalui sebut harga X021190012313001 bagi peralatan pejabat bernilai RM454,480 dan sebut harga X021190012313002 bagi peralatan sukan bernilai RM468,888 di Politeknik Sandakan, Sabah mendapati:

- a. sebanyak 111 item peralatan pejabat dan peralatan sukan bernilai RM468,451 telah diaku terima pada 18 Disember 2013 berdasarkan nota penerimaan barang yang disertakan pada baucar bayaran. Pembayaran telah dibuat pada 18 dan 20 Disember 2013. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal yang dijalankan pada 14 Oktober 2014 mendapati hanya 53 daripada 111 item tersebut yang bernilai RM149,349 telah diterima namun tidak dapat disahkan tarikh penerimaannya. Baki 58 item bernilai RM319,102 masih belum diterima sehingga ke tarikh pengauditan. Ini menyebabkan berlaku pembayaran awal selama 300 hari bagi peralatan yang belum dibekalkan. Butiran adalah lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 9.14
PEMBAYARAN DIBUAT BAGI PERALATAN YANG BELUM DIBEKALKAN

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR BAYARAN	TARIKH NOTA PENERIMAAN BARANGAN	TELAH DIBAYAR		TELAH DIBEKALKAN			BELUM DITERIMA		*TEMPOH BELUM DIBEKALKAN (Hari)
			BIL. ITEM	JUMLAH (RM)	BIL. ITEM	TARIKH SEBENAR BEKAL	JUMLAH (RM)	BIL. ITEM	JUMLAH (RM)	
A. PERALATAN PEJABAT										
1.	B0352 18.12.2013	18.12.2013	18	112,529	0	-	-	18	112,529	300
2.	B0375 20.12.2013	18.12.2013	17	118,430	5	TM	33,989	12	84,441	300
JUMLAH			35	230,959	5		33,989	30	196,970	
B. PERALATAN SUKAN										
3.	B0354 18.12.2013	18.12.2013	50	119,710	48	TM	115,360	2	4,350	300
4.	B0355 18.12.2013	18.12.2013	26	117,782	0	-	-	26	117,782	300
JUMLAH			76	237,492	48	-	115,360	28	122,132	
JUMLAH KESELURUHAN			111	468,451	53	-	149,349	58	319,102	

Nota: () -Tempoh Peralatan Yang Belum Dibekalkan Dikira Dari Tarikh Nota Penerimaan Barangan Sehingga Tarikh Pengauditan Pada 14.10.2014 Kerana Tarikh Nota Penghantaran Pembekal Yang Disertakan Pada Baucar Bayaran Tidak Diisi*

TM - Tiada Maklumat

- b. sebanyak 105 item peralatan pejabat dan peralatan sukan bernilai RM454,917 telah diaku terima berdasarkan nota penerimaan barangan dan telah dikeluarkan baucar bayaran pada 20 Disember 2013. Namun, kegagalan pembekal membekalkan peralatan seperti yang ditetapkan menyebabkan pembayaran melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT) ini dibatalkan pada 23 Disember 2013 dan diganti dengan cek. Bagaimanapun, cek berkaitan telah terbatal pada 22 Mac 2014 kerana tamat tempoh sah laku. Pemeriksaan Audit yang dijalankan pada 14 Oktober 2014 mendapati

hanya 48 daripada 105 item tersebut yang bernilai RM167,597 telah diterima namun tidak dapat disahkan tarikh penerimaannya. Manakala baki 57 item bernilai RM287,320 masih belum diterima. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 9.15
BAUCAR BAYARAN DIKELUARKAN BAGI PERALATAN YANG BELUM DIBEKALKAN**

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR BAYARAN	TARIKH NOTA PENERIMAAN BARANGAN	TELAH DIBAYAR		TELAH DIBEKALKAN			BELUM DITERIMA		*TEMPOH BELUM DIBEKALKAN (Hari)
			BIL. ITEM	JUMLAH (RM)	BIL. ITEM	TARIKH SEBENAR BEKAL	JUMLAH (RM)	BIL. ITEM	JUMLAH (RM)	
A. PERALATAN PEJABAT										
1.	B0372 20.12.2013	18.12.2013	7	106,072		-	-	7	106,072	300
2.	B0373 20.12.2013	18.12.2013	13	117,449	1	TM	3,185	12	114,264	300
JUMLAH			20	223,521	1		3,185	19	220,336	
B. PERALATAN SUKAN										
3.	B0371 20.12.2013	18.12.2013	21	116,671	21	TM	116,671	0	-	300
4.	B0374 20.12.2013	18.12.2013	64	114,725	26	TM	47,741	38	66,984	300
JUMLAH			85	231,396	47	-	164,412	38	66,984	
JUMLAH KESELURUHAN			105	454,917	48	-	167,597	57	287,320	

Nota: () - Tempoh Peralatan Yang Belum Dibeekalkan Dikira Dari Tarikh Nota Penerimaan Barangan Sehingga Tarikh Pengauditan iaitu 14.10.2014 Kerana Tarikh Nota Penghantaran Pembekal Yang Disertakan Pada Baucar Bayaran Tidak Diisi
TM - Tiada Maklumat*

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015, 23 Mac 2015 Dan 24 April 2015

Pihak Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya, satu mesyuarat penyelarasan telah dilaksanakan bersama pihak pembekal pada 24 Januari 2015 bagi memastikan penghantaran disempurnakan. Tindakan bagi kegagalan pembekal melaksanakan pembekalan seperti yang dipersetujui telah diambil terhadap Syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. Tindakan pembetulan dan penyelarasan yang telah dilaksanakan bagi memastikan pembekalan peralatan disempurnakan seperti berikut:

- a. Pihak Kementerian telah mengemukakan surat permohonan kelulusan khas kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui SPT bagi melaksanakan pembayaran dan pengenaan denda terhadap syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd. Kementerian juga telah merancang perjumpaan dengan MOF bagi menyelesaikan isu pelanjutan kontrak syarikat Khazanah Alam Sdn. Bhd.*
- b. Pihak Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) bagi membuat siasatan terhadap peraku terima dan pembayar bagi 58 item yang terlibat.*
- c. Status perolehan bagi peralatan pejabat dan peralatan sukan PSS adalah seperti makluman berikut:*

i. Perolehan Peralatan Pejabat PSS***No. Sebutharga : PSS/PENT(S)/06/2013******Harga Tawaran : RM454,480******Bilangan Item Mengikut Sebutharga : 55 item******Pembekalan peralatan telah disempurnakan oleh pembekal sehingga 17 April 2015 bagi keseluruhan 55 item peralatan pejabat. Perincian status penerimaan dan pembayaran peralatan adalah seperti di jadual berikut:***

<i>Bil</i>	<i>Jumlah Item</i>	<i>Jumlah Harga (RM)</i>	<i>Status Penerimaan & Pembayaran Peralatan</i>
<i>1.</i>	<i>35</i>	<i>230,959</i>	<i>Peralatan pejabat bagi 35 item yang telah dibuat pembayaran pada 18.12.2013 (B0352), 20.12.2013 (B0375) telah diterima oleh PSS sehingga 17.04.2015.</i>
<i>2.</i>	<i>20</i>	<i>223,521</i>	<i>20 item peralatan pejabat telah diterima oleh PSS sehingga 17.04.2015. Pembayaran belum dilaksanakan.</i>
<i>Jum.</i>	<i>55</i>	<i>454,480</i>	<i>Kesemua 55 item peralatan pejabat telah diterima oleh PSS sehingga 17.04.2015.</i>

ii. Perolehan Peralatan Sukan PSS***No. Sebutharga : PSS/PENT(S)/07/2013******Harga Tawaran : RM468,888******Bilangan Item Mengikut Sebutharga : 161 item******Pembekalan peralatan telah disempurnakan oleh pembekal sehingga 17 April 2015 bagi keseluruhan 161 item peralatan sukan. Perincian status penerimaan dan pembayaran peralatan adalah seperti di jadual berikut:***

<i>Bil</i>	<i>Jumlah Item</i>	<i>Jumlah Harga (RM)</i>	<i>Status Penerimaan & Pembayaran Peralatan</i>
<i>1.</i>	<i>76</i>	<i>237,492</i>	<i>Peralatan sukan bagi 76 item yang telah dibuat pembayaran pada 18.12.2013 (B0354 dan B0355) telah diterima oleh PSS sehingga 17 April 2015.</i>
<i>2.</i>	<i>85</i>	<i>231,396</i>	<i>85 item peralatan sukan telah diterima oleh PSS sehingga 17 April 2015. Pembayaran belum dilaksanakan (rujuk para 2 di atas).</i>
<i>Jum.</i>	<i>161</i>	<i>468,888</i>	<i>Kesemua peralatan sukan telah diterima oleh PSS sehingga 17 April 2015.</i>

Pihak Kementerian telah mengambil maklum akan kaedah pelaksanaan pemantauan bagi memastikan perolehan peralatan dilaksanakan mengikut prosedur perolehan peralatan. Pemantauan secara berkala telah dirancang untuk dilaksanakan setiap tiga bulan sepanjang tahun terhadap pengurusan perolehan peralatan politeknik.***Pada pendapat Audit, pegawai di politeknik perlu memastikan segala peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi. Pihak Kementerian perlu menyasiat pengaku terima dan pembayar bagi peralatan yang lewat atau belum dibekalkan serta diambil tindakan sekiranya wujud kecuaiian. Berdasarkan Seksyen 18(b) Akta Prosedur Kewangan 1957, jika didapati mana-mana penjawat awam yang sedang atau telah bertanggungjawab tentang apa-apa bayaran tidak sepatutnya atau tidak disahkan dengan sempurna dan penjelasan yang memuaskan berkenaan perkara tersebut tidak diberi dalam tempoh yang ditentukan, maka tindakan surcaj akan dibuat terhadap orang tersebut. Selain itu, pihak Kementerian perlu***

menguatkuasakan terma dan syarat yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima sebut harga tersebut seperti mengenakan denda terhadap kelewatan pembekalan tersebut kerana ia merugikan Kerajaan.

9.5.6. Penggunaan Peralatan

9.5.6.1. Peralatan Akademik Tidak Digunakan

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran dan menjimatkan kos. Berdasarkan pemeriksaan fizikal yang dijalankan, pihak Audit mendapati sebanyak 66 unit peralatan bernilai RM1.24 juta tidak digunakan selama 419 hingga 930 hari daripada tarikh diterima sehingga tarikh lawatan audit. Peralatan ini tidak dapat digunakan disebabkan beberapa faktor seperti makmal/bangunan yang dibina tidak lengkap dengan kemudahan yang diperlukan, peralatan telah berkarat, peralatan tambahan/aksesori yang diperlukan bagi menggunakan peralatan tersebut tidak dibekalkan, saiz peralatan tidak sesuai dan kekurangan kepakaran. Peralatan yang terlibat adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.16
PERALATAN AKADEMIK POLITEKNIK TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	POLITEKNIK/KOD ITEM/NAMA PERALATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	TARIKH TERIMA/LAWATAN AUDIT	TEMPOH TIDAK GUNA (Hari)	CATATAN
A. POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN							
1.	2MW2 Gas Tungsten Arc Welding Machine (Gambar 9.9)	1	11,688	11,688	16.02.2012/03.09.2014	930	Bay yang sesuai untuk meletakkan peralatan tidak cukup. Disimpan di Bilik Peralatan, Bengkel Welding.
B. POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH							
2.	YFH 2 Aquaculture Filtration System (Gambar 9.10)	5	85,715	428,575	20.08.2013/13.10.2014	419	Kemudahan kolam ikan yang bersesuaian dengan kapasiti sistem tidak dibina kerana kekangan peruntukan.
3.	YMS 28 Paddle Wheel Aerators (Gambar 9.11)	10	2,429	24,290	20.08.2013/15.10.2014	419	
4.	YFH 18 Water Distiller (Gambar 12)	4	1,349	5,396	03.06.2013/13.10.2014	497	Sinki tidak dibina di dalam Preparation Lab di Fish Propagation House. 1 daripada 5 unit peralatan ini digunakan di makmal lain.
5.	YPW 7 Deep Frying (Gambar 9.13 & 9.14)	2	68,000	136,000	16.08.2013/14.10.2014	424	Berkarat
6.	YPL 1 Drying Oven	5	3,886	19,430	03.06.2013/13.10.2014	497	Peralatan tidak dapat digunakan kerana tiada plug point di dalam makmal tersebut.
7.	YPL 2 Water Bath With Shaker (Gambar 9.15)	8	12,572	100,576	16.08.2013/13.10.2014	423	
8.	YPL 3 Laboratory Fridge	4	2,058	8,232	03.06.2013/13.10.2014	497	
9.	YMS 7 Rotovator	2	15,000	30,000	18.07.2013/14.10.2014	454	Traktor bagi menggunakan peralatan ini tidak dibeli / tidak termasuk dalam tender ini.
10.	YMS 9 Disc Harrow (Gambar 9.16)	2	31,500	63,000	18.07.2013/14.10.2014	454	

BIL.	POLITEKNIK/KOD ITEM/NAMA PERALATAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	TARIKH TERIMA/LAWATAN AUDIT	TEMPOH TIDAK GUNA (Hari)	CATATAN
11.	YMS 13 Land Levelling Laser Guided (Gambar 9.17)	1	102,858	102,858	08.08.2013/ 14.10.2014	433	
12.	YMS 17 Grain Drill (Gambar 9.18)	1	52,715	52,715	08.08.2013/ 14.10.2014	433	
13.	YNU 1 Concrete Mixer (Gambar 9.19 & 9.20)	2	17,143	34,286	16.08.2013/ 14.10.2014	424	Lebih sesuai bagi penggunaan industri kerana saiznya besar.
14.	YPW 9 Freezer (Gambar 9.21 & 9.22)	2	21,429	42,858	19.08.2013/ 14.10.2014	421	
15.	YAL 6 Sonicator (Cell Homogenizer) (Gambar 9.23)	2	20,572	41,144	16.08.2013/ 14.10.2014	424	Penggunaan bagi pembelajaran peringkat Master dan PHD. Pembekal memaklumkan hanya pakar sahaja yang boleh mengendalikan peralatan ini.
16.	YNU 9 Motorised Tapping Equipment (Gambar 9.24 & 9.25)	5	20,000	100,000	20.08.2013/ 14.10.2014	420	Peralatan yang dibekalkan tidak sesuai digunakan untuk material getah. Pembekal memaklumkan alat ini sesuai untuk tar/jalan.
17.	YSL 38 Soil Sampling Hand Auger (Gambar 9.26 – 9.30)	10	4,000	40,000	20.08.2013/ 15.10.2014	421	Peralatan terlalu berat.
JUMLAH		66		1,241,048			

Sumber : Semakan Fizikal Dan Jadual Harga Perjanjian

GAMBAR 9.9



Bilik Peralatan, Welding Workshop, Politeknik Nilai
- 2MW2 Gas Tungsten Arc Welding Machine
Tidak Diletakkan Di Atas Bay
(03.09.2014)

GAMBAR 9.10



Fish Propagation Lab, Politeknik Sandakan
- YFH 2 Aquaculture Filtration System Tidak
Dibekalkan Kolam Yang Sesuai
(13.10.2014)

GAMBAR 9.11



Stor Baja, Politeknik Sandakan
- YMS 28 Paddle Wheel Aerators
Tidak Dibekalkan Kolam Yang Sesuai
(15.10.2014)

GAMBAR 9.12



Fish Propagation Lab, Politeknik Sandakan
- YFH 18 Water Distiller Tidak Digunakan Kerana
Sinki Tidak Dibina Dalam Makmal
(13.10.2014)

GAMBAR 9.13



*Makmal Pasca Tuaian, Politeknik Sandakan
- YPW 7 Deep Frying Berkarat
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.14



GAMBAR 9.15



*Fish Propagation Lab, Politeknik Sandakan
- YPL 2 Water Bath With Shaker Tidak Digunakan
Kerana Tiada Plug Point
(13.10.2014)*

GAMBAR 9.16



*Pusat Ladang, Politeknik Sandakan
- YMS 9 Disc Harrow Tidak Digunakan Kerana
Traktor Tidak Dibekalkan
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.17



*Pusat Ladang, Politeknik Sandakan
- YMS 13 Land Levelling Laser Guided Tidak
Digunakan Kerana Traktor Tidak Dibekalkan
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.18



*Pusat Ladang, Politeknik Sandakan
- YMS 17 Grain Drill Tidak Digunakan Kerana Traktor
Tidak Dibekalkan
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.19



*Nursery, Politeknik Sandakan
- YNU 1 Concrete Mixer Bersaiz Besar, Tinggi Dan Berat
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.20



GAMBAR 9.21

*Post Harvest Workshop, Politeknik Sandakan
- YPW 9 Freezer Bersaiz Besar
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.22**GAMBAR 9.23**

*Soil & Water Lab, Politeknik Sandakan
- YAL 6 Sonicator (Cell Homogenizer) Untuk
Kegunaan peringkat Master Atau PHD
(14.10.2014)*



- b. Bagi item bilangan 16 iaitu YNU 9 - *Motorised Tapping Equipment*, pihak Audit dimaklumkan bahawa peralatan ini adalah untuk tujuan amali pembelajaran dan pengajaran aktiviti menoreh getah bagi pelajar semester 2 (YA201 - *Industrial Crop Production*) dan pelajar semester 6 (YA606 - *Plantation Crop*) di bawah program Diploma Agroteknologi di Politeknik Sandakan. Bagaimanapun, disebabkan maklumat yang terdapat dalam spesifikasi tender adalah merujuk kepada nama alat yang sama tetapi kenyataan spesifikasi yang merujuk kepada alat memotong serong besi (kerja-kerja *plumbing*), menyebabkan pihak pembekal menghantar peralatan mengikut spesifikasi ditetapkan. Peralatan yang dibekalkan adalah seperti **Gambar 9.24** manakala peralatan yang diperlukan oleh pensyarah adalah seperti **Gambar 9.25** yang lebih sesuai dengan nama “Motorised Rubber Tapping Machine”.

GAMBAR 9.24

*Nursery, Politeknik Sandakan
- YNU 9 Motorized Tapping Equipment
Untuk Kerja-Kerja Plumbing
(14.10.2014)*

GAMBAR 9.25

*Motorized Rubber Tapping Machine
Yang Diperlukan*

- c. Bagi item bilangan 17 iaitu YSL 38 – *Soil Sampling Hand Auger*, pihak Audit mendapati peralatan ini terlalu berat untuk kegunaan pembelajaran bagi mendapatkan sampel tanah di bawah program Diploma Agroteknologi. Perbandingan telah dibuat terhadap peralatan yang dibekalkan seperti **Gambar 9.26** dan **9.27** dengan contoh peralatan dengan fungsi yang sama yang diperlukan oleh pensyarah yang mana lebih ringan dan mudah digunakan seperti **Gambar 9.28** hingga **9.30**.

YMS38 - SOIL SAMPLING AUGER YANG DIBEKALKAN MELALUI TENDER	CONTOH GAMBAR PERALATAN YANG DIPERLUKAN OLEH PENSYARAH DIAMBIL DARI WEB
<p style="text-align: center;">GAMBAR 9.26</p>  <p style="text-align: center;">Stor Baja, Politeknik Sandakan - YMS38 Soil Sampling Auger Terlalu Berat (15.10.2014)</p> <p>Satu unit disimpan di dalam 1 kotak dengan jumlah berat adalah 111.3kg mengandungi seunit <i>driller</i> (3.3kg), 10 unit <i>rod</i> (55kg), 10 unit silinder (12.5kg), 4 unit besi pemutar (14kg), 2 item <i>tools</i> (18.5kg) dan berat kotak kayu adalah 8kg.</p> <p style="text-align: center;">GAMBAR 9.27</p>  <p>Berat set lengkap apabila dipasang untuk digunakan ialah 15.8kg dengan anggaran ketinggian 150cm.</p>	<p style="text-align: center;">GAMBAR 9.28</p>  <p><i>Soil Sampling Hand Auger</i> yang lebih sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran kerana bersaiz kecil dan ringan untuk digunakan.</p> <p style="text-align: center;">GAMBAR 9.29</p> 
	<p style="text-align: center;">GAMBAR 9.30</p>  <p style="text-align: center;">Anggaran ketinggian 100cm.</p>

Sumber : Politeknik Sandakan

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 Dan 24 April 2015

Proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik lebih tertumpu kepada pembelajaran kemahiran dan hands on yang memenuhi keperluan industri. Sehubungan itu, kurikulum bagi kursus diploma politeknik dan penyediaan spesifikasi peralatan politeknik terutama bagi bidang teknologi lebih menjurus kepada peralatan dan teknologi yang digunapakai oleh industri agar graduan yang dihasilkan daripada pendidikan politeknik dapat memenuhi keperluan industri. Pihak Kementerian juga telah mendapatkan nasihat pakar dari industri dan universiti tempatan dalam memastikan kurikulum dan spesifikasi peralatan pembelajaran memenuhi kehendak industri dan keperluan tenaga kerja Negara.

Bagi isu tempoh tiada penggunaan peralatan yang disebabkan oleh ruang yang tidak sesuai dan memerlukan pengubahsuaian, ingin dijelaskan bahawa pembangunan kampus politeknik baharu melibatkan tempoh tanggungan kecacatan pada masa tertentu dimana sebarang pengubahsuaian tidak dibenarkan sehingga tempoh tanggungan kecacatan (DLP) tamat. Kekangan peruntukan bagi proses pengubahsuaian juga menyebabkan proses pengubahsuaian ditangguhkan sehingga peruntukan diperoleh. Untuk mengelakkan perkara ini berulang, politeknik telah melaksanakan langkah penambahbaikan iaitu membuat semakan ruang sebelum perolehan peralatan dibuat.

Enrolmen pelajar bagi politeknik baharu telah dihadkan kepada satu kelas setiap ambilan akibat kekangan pensyarah. Bilangan enrolmen pelajar yang rendah mengakibatkan penggunaan peralatan yang terhad. Terdapat juga peralatan yang hanya digunakan oleh pelajar semester akhir seperti Deep Frying, Freezer dan Concrete Mixer. Peralatan masih belum digunakan secara keseluruhan dalam tempoh dapatan audit kerana pelajar PSS belum berkapasiti penuh dan masih dalam proses pertambahan enrolmen pelajar setelah jawatan pensyarah yang diperlukan diluluskan oleh JPA bagi keseluruhan keperluan pensyarah politeknik.

Pihak Kementerian telah membuat penambahbaikan seperti perkara berikut:

- i. Politeknik Nilai (PNS): 2MW2 Gas Tungsten Arc Welding Machine : Tempoh DLP PNS adalah dalam tempoh 2 tahun selepas diserahkan, iaitu dari 24 Julai 2011 hingga 23 Julai 2013. Peralatan bagi 1 item tersebut masih belum digunakan dalam tempoh dapatan audit kerana pengubahsuaian bangunan hanya dibenarkan selepas tarikh tamat DLP. Peruntukan tambahan diperlukan bagi melaksanakan pengubahsuaian di bengkel. Oleh itu, peralatan tersebut telah dipindahkan dan dipasang di bengkel projek bagi kegunaan pelajar semester akhir menjalankan aktiviti projek pelajar semester akhir.*
- ii. Politeknik Sandakan (PSS)*
 - a. B – 2 & 3 : Pemojangan skop peruntukan pembangunan RMKe-10 bagi pembinaan kampus PSS telah melibatkan pembinaan kolam ditangguhkan. Permohonan bagi pembinaan bagi pembangunan Fasa II PSS akan dipohon bagi peruntukan RMKe-11 dan pembinaan kolam akan dimulakan setelah kelulusan peruntukan diperoleh bergantung kepada kelulusan Unit*

Perancang Ekonomi (EPU). Pengubahsuaian makmal juga akan dilaksanakan bagi menyediakan keperluan sumber air bagi air tawar dan air bersih menggunakan peruntukan sedia ada bagi tahun 2015. PSS telah menyediakan kertas kerja bagi permohonan peruntukan pembinaan kolam dan ruang ternakan. Pihak Kementerian telah menyemak permohonan PSS dan telah mempertimbangkan untuk menyalurkan peruntukan naiktaraf makmal/bengkel ke PSS. Peralatan masih belum digunakan akibat kekangan kolam ternakan dan bangunan masih dalam tempoh DLP dan tarikh DLP tamat pada 21 November 2012. Pembinaan kolam juga tertakluk kepada peruntukan sedi ada yang diluluskan.

- b. B – 4 : PSS telah menyediakan kertas kerja bagi permohonan peruntukan pembinaan sinki di makmal. Pihak Kementerian telah menyemak permohonan PSS dan telah mempertimbangkan untuk menyalurkan peruntukan naiktaraf makmal/bengkel ke PSS.*
- c. B – 5 : PSS telah memohon pembekal bagi penggantian peralatan yang berkarat. Syarikat telah mengambil peralatan untuk dibuat penggantian. Peralatan tidak digunakan dalam tempoh dapatan audit kerana peralatan digunakan bagi pelajar semester 6 dimana kohort pertama pelajar semestar 6 di PSS bermula pada sesi Disember 2014.*
- d. B – 6, 7 & 8 : PSS telah membuat penyelarasan lokasi peralatan yang memerlukan keperluan punca kuasa elektrik berdasarkan ruang yang bersesuaian.*
- e. B – 9 hingga 12 : Traktor bagi kefungsiian peralatan ini telah dibuat perolehan fasa kedua dan mula dibekalkan dari Januari 2015 sehingga Julai 2015. Peralatan masih belum digunakan kerana hanya dapat berfungsi menggunakan traktor berkapasiti 80hp. Peralatan traktor digugurkan dari perolehan fasa pertama kerana pembekal menawarkan traktor yang tidak memenuhi spesifikasi Kementerian.*
- f. B – 13 & 14 : Peralatan memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan berasaskan CDIO (Conceive, design, implement & operate) (full scale) skala sebenar dan pemasaran produk dan aktiviti keusahawanan pelajar. Spesifikasi peralatan disediakan adalah bagi memenuhi objektif pembelajaran yang memerlukan kapasiti besar bagi peralatan tersebut. YNU 1, Concrete mixer memerlukan saiz yang besar bagi membuat campuran tanah/ media tanaman dalam kapasiti maksima bagi tujuan pembelajaran teknologi pertanian dan penanaman di lapangan. YPW9 , Freezer memerlukan kapasiti yang besar bagi keperluan penyejukbekuan bahan pembelajaran teknologi pertanian bagi keperluan kapasiti penuh pelajar 15 kelas enrolmen pelajar (600 pelajar). Kurikulum politeknik adalah berteraskan kemahiran dan keperluan industri dan pendedahan awal perlu diberikan kepada pelajar akan simulasi peralatan seperti di industri.*
- g. B – 15 : Spesifikasi peralatan disediakan adalah bagi memenuhi objektif pembelajaran yang memerlukan pengujian sel haiwan/pertanian. Peralatan digunakan bagi memenuhi keperluan kurikulum semasa Diploma Agroteknologi & Diploma Akuakultur. Peralatan memenuhi keperluan*

kajian penyelidikan oleh pensyarah dan projek pelajar semester akhir dalam bidang agroteknologi dan akuakultur

- h. B – 16 : Pihak Kementerian telah mengambil maklum teguran audit mengenai kegunaan peralatan ini dan mengagihkan peralatan tersebut ke Politeknik Kota Kinabalu yang menawarkan program Kejuruteraan Mekanikal bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran.*
- i. B – 17 : Peralatan soil sampling hand auger merupakan keperluan mendapatkan sampel tanah di lapangan untuk melaksanakan ujikaji sifat tanah. Keperluan auger yang berat dapat membantu sampel tanah diambil pada kedalaman yang diperlukan dan boleh digunakan di setiap jenis tanah yang berbeza sama ada tanah lembut/ keras. Sampel tanah yang diperlukan dapat diperolehi dengan mudah menggunakan auger bersaiz besar dan berat. Peralatan juga lebih tahan lasak dan memberi nilai yang baik kerana sukar rosak apabila digunakan dalam kekerapan tinggi. Peralatan ini memenuhi keperluan proses Pembelajaran & Pengajaran bagi mendapatkan sampel tanah dan Kementerian mengambil dan akan membuat penambahbaikan dalam proses penyediaan spesifikasi peralatan.*

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian dan politeknik perlu memastikan peralatan tersebut digunakan secara optimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk manfaat pelajar. Selain itu, pihak Kementerian perlu membuat kajian lebih teliti terhadap keperluan peralatan pembelajaran kerana sebahagian peralatan yang dibeli terlalu besar (lebih sesuai bagi kegunaan industri) dan terlalu berat untuk digunakan serta membuat penambahbaikan bagi proses perolehan akan datang supaya tidak berlaku pembaziran peruntukan Kerajaan.

9.5.7. Penempatan Peralatan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan aset hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati 4 unit item YEL 4 - Industrial Robotic Arms bernilai RM700,000 di Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Sandakan, Sabah ditempatkan di bilik kuliah yang kurang sesuai ketinggiannya menyebabkan pergerakan peralatan tersebut terhad. Selain itu, 42 unit peralatan gimnasium bernilai RM264,571 di Politeknik Jeli, Kelantan dan Politeknik Sandakan, Sabah ditempatkan di bilik kuliah dengan ruang yang terhad dan tidak selamat. Ini disebabkan kedua-dua politeknik tersebut tidak dibina dengan bangunan pusat sukan dan makmal kejuruteraan bagi penempatan sebenar peralatan tersebut kerana kekangan peruntukan. Butiran mengenai peralatan tersebut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 9.17
PENEMPATAN PERALATAN KURANG SESUAI

POLITEKNIK/KOD DAN NAMA PERALATAN	UNIT/HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	CATATAN
YEL 4 Industrial Robotic Arm (Gambar 9.31 dan 9.32)	2 150,000	300,000	Ditempatkan di bilik yang rendah menyebabkan robot terpaksa dikunci pergerakannya agar tidak melanggar siling.
YEL 4 Industrial Robotic Arm (Gambar 9.33 dan 9.34)	2 200,000	400,000	
JUMLAH	4	700,000	
Peralatan Gymnasium (Gambar 9.35 dan 9.36)	21	147,900	Ditempatkan di bilik yang kecil menyebabkan peralatan disusun rapat dan menyukarkan penggunaan serta menimbulkan ketidakselesaian.
Peralatan Gymnasium (Gambar 9.37 dan 9.38)	21	116,671	Tempat penyimpanan tidak selamat kerana tiada jeriji besi.
JUMLAH	42	264,571	
JUMLAH KESELURUHAN		964,571	

Sumber : Semakan Fizikal Dan Baucar Bayaran Di Politeknik Jeli Dan Sandakan

GAMBAR 9.31**GAMBAR 9.32**

Bilik Kuliah, Politeknik Jeli

- YEL 4 Industrial Robotic Arm Disimpan Di Bilik Kuliah Yang Kurang Sesuai Ketinggiannya (21.09.2014)

GAMBAR 9.33**GAMBAR 9.34**

Bilik Kuliah 6, Politeknik Sandakan

- YEL 4 Industrial Robotic Arm Disimpan Di Bilik Kuliah Yang Kurang Sesuai Ketinggiannya (16.10.2014)

GAMBAR 9.35



*Bilik Gymnasium, Politeknik Jeli
- Peralatan Gymnasium Disimpan Di Bilik Kuliah Dengan Ruang Yang Terhad
(21.09.2014)*

GAMBAR 9.36



GAMBAR 9.37



*Bilik Gymnasium, Politeknik Sandakan
- Peralatan Gymnasium Disimpan Di Bilik Kuliah Tanpa Dipasang Jeriji Keselamatan
(13.10.2014)*

GAMBAR 9.38



Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015

Tindakan penambahbaikan yang diambil, pihak PSS akan membuat permohonan peruntukan untuk membuat penambahan dan pengubahsuaian ruang untuk menjadikan ruang tersebut lebih selamat dan selesa.

Manakala bagi Gambar 9.31 dan 9.32 (YEL 4), peralatan ini di tempatkan di bilik kuliah yang telah diubahsuai di mana beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan telah dilakukan yang mengambil kira ciri-ciri keselamatan seperti pengubahsuaian pendawaian elektrik, sistem perpaipan "Compress Air" dan pemasangan jeriji. Sementara bagi peralatan gymnasium pada Gambar 9.35 dan 9.36, pembinaan Pusat Sukan telah dikeluarkan dari Fasa Pembinaan, oleh itu PJK telah mengambil inisiatif dengan mengubahsuai bilik kuliah kepada Gymnasium. Beberapa pengubahsuaian telah dilakukan untuk memastikan kesesuaian dan keselamatan aset dan pengguna, seperti memasang karpit dan memasang jeriji pada tingkap dan pintu. Sebagai langkah mengurangkan kesesakan, satu lagi bilik kuliah telah diubahsuai. Spesifikasi alat ini dibuat merujuk kepada ruang yang terdapat di dalam Schedule Of Accommodation (SOA) awal sebelum beberapa ruang dikeluarkan kerana kekurangan peruntukan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi menempatkan peralatan tersebut di lokasi yang sesuai bagi memastikan ia dapat digunakan dengan optimum dan selamat.

9.5.8. Perjawatan Berkaitan Perolehan Peralatan Tidak Diisi

9.5.8.1. Sumber guna tenaga yang mencukupi hendaklah dirancang untuk menguruskan perolehan peralatan Politeknik dengan cekap dan berkesan. Jabatan Pengajian Politeknik telah diluluskan Waran Perjawatan Bil.W.P.S36 Tahun 2014 bertarikh 21 Februari 2014 dengan perwujudan sebanyak 693 jawatan pelbagai skim perkhidmatan dan gred dengan memansuhkan sebanyak 185 perjawatan pelbagai skim dan gred sedia ada di 32 buah politeknik. Semakan Audit terhadap perjawatan 3 politeknik yang dilawati berdasarkan waran perjawatan bertarikh 21 Februari 2014 tersebut mendapati sehingga Ogos 2014, pengisian bagi 4 jawatan baharu yang diluluskan berkaitan perolehan peralatan masih belum dibuat sepenuhnya yang mana melibatkan 13 kekosongan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 9.18
PERJAWATAN BERKAITAN PEROLEHAN PERALATAN TIDAK DIISI

BIL.	JAWATAN/GRED	BILANGAN JAWATAN			CATATAN
		LULUS	ISI	KOSONG	
A. POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN					
1.	Penolong Pegawai Perpustakaan (S27/S32)	1	1	0	Bahan rujukan perpustakaan berjumlah RM0.55 juta telah dibeli.
2.	Pembantu Perpustakaan (S17/S22)	2	0	2	
3.	Juru Audio Visual (N17/N22)	1	0	1	Peralatan Audio Visual Aids (AVA) yang telah dibeli berjumlah RM2.32 juta.
4.	Pembantu makmal (C17/C22)	2	0	2	Peralatan yang ditempatkan di makmal.
B. POLITEKNIK JELI, KELANTAN					
1.	Penolong Pegawai Perpustakaan (S27/S32)	1	1	0	Bahan rujukan perpustakaan berjumlah RM1.88 juta yang telah dibeli.
2.	Pembantu Perpustakaan (S17/S22)	2	1	1	
3.	Juru Audio Visual (N17/N22)	1	0	1	Peralatan Audio Visual Aids (AVA) akan ditender.
4.	Pembantu makmal (C17/C22)	2	0	2	Peralatan yang ditempatkan di makmal.
C. POLITEKNIK SANDAKAN, SABAH					
1.	Penolong Pegawai Perpustakaan (S27/S32)	1	0	1	Bahan rujukan perpustakaan berjumlah RM2.14 juta yang telah dibeli.
2.	Pembantu Perpustakaan (S17/S22)	1	1	0	
3.	Juru Audio Visual (N17/N22)	1	0	1	Peralatan Audio Visual Aids (AVA) yang telah dibeli berjumlah RM1.26 juta.
4.	Pembantu makmal (C17/C22)	2	0	2	Peralatan yang ditempatkan di makmal.
JUMLAH KESELURUHAN		17	4	13	

Sumber : Waran Perjawatan Dan Laporan Perjawatan Politeknik Sehingga Bulan Ogos 2014

9.5.8.2. Bagi menilai beban tugas sedia ada, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik berkaitan perjawatan kepada 38 pensyarah di ketiga-tiga politeknik yang dilawati. Analisis terhadap soal selidik tersebut mendapati 35 (92.1%) pensyarah menyatakan bahawa perjawatan di Jabatan/Unit tidak mencukupi dan 32 (84.2%) pensyarah bersetuju yang mana selain menjalankan tugas hakiki, pensyarah juga menjalankan tugas-tugas lain termasuk menjadi pegawai penerima aset, pegawai perpustakaan dan pegawai multimedia.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 Dan 9 Mei 2015

- a. *Bagi jawatan guna sama, pengisian dilaksanakan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing. Bagaimanapun, Kementerian telah membuat permohonan pengisian secara berkala bagi semua perjawatan di Politeknik. Pada Januari 2015, seramai lima (5) orang Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27/S32 dan empat (4) orang Pembantu Perpustakaan Gred S17/S22 telah melapor diri di politeknik. Berikut adalah status pengisian terkini di politeknik berkaitan pada Januari 2015:*

<i>POLITEKNIK</i>	<i>JAWATAN</i>	<i>TARIKH LAPOR DIRI</i>
<i>Politeknik Jeli, Kelantan</i>	<i>Juru Audio Visual (N17/N22)</i>	<i>20.10.2014</i>
	<i>Pembantu Perpustakaan (S17/S22)</i>	<i>19.01.2015</i>
<i>Politeknik Sandakan, Sabah</i>	<i>Penolong Pegawai Perpustakaan (S27/S32)</i>	<i>19.01.2015</i>

Pengisian bagi lain-lain perjawatan yang masih belum diisi akan dimohon secara bulanan kepada Ketua Perkhidmatan masing-masing.

Bagi jawatan tertutup seperti jawatan Pembantu Makmal, pengisian tidak dapat dilakukan kerana tiada pelantikan baharu dibuat. Isu berkaitan Pihak Berkuasa Melantik juga timbul ekoran penggabungan di antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran. Isu Pihak Berkuasa Melantik telah diputuskan pada bulan Oktober 2014 dan penurunan kuasa daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia bagi urusan pengambilan kepada Kementerian telah dibuat. Urusan pengambilan dijangka akan dibuat secara berfasa bagi semua jawatan tertutup di Politeknik.

- b. *Pengisian jawatan pensyarah sedang dijalankan secara berperingkat di mana, temu duga telah selesai dijalankan oleh SPP. BPSM SPT sedang melaksanakan proses penempatan pensyarah-pensyarah baharu mengikut bidang bagi politeknik-politeknik tersebut. Penempatan yang dicadangkan dilaksanakan oleh BPSM adalah pada 10.02.2015, 17.02.2015 serta pada bulan Mac 2015. Pengisian adalah mengikut waran yang telah diluluskan. Tindakan penambahbaikan juga di lakukan di mana pihak Politeknik Jeli, Kelantan telah melantik PSH (Pekerja Sambilan Harian) dan memaksimumkan aktiviti PPI (Pensyarah Pelawat Industri) bagi menjalankan fungsi jawatan pensyarah yang masih kosong. Di samping itu kekosongan jawatan telah di isi dengan membuat pelantikan secara dalaman.*

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan segera bagi memastikan kekosongan jawatan ini dapat diisi supaya peralatan yang dibeli dapat diuruskan oleh pegawai yang berkeelayakan dengan lebih cekap dan berkesan.

9.5.9. Pemantauan Terhadap Perolehan Peralatan Politeknik

Pemantauan terhadap perolehan, penerimaan, penggunaan dan penyelenggaraan rekod peralatan akan dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan peralatan. Pemantauan terhadap perolehan peralatan yang dilaksanakan di peringkat Kementerian dan Jabatan adalah seperti berikut:

- a. Di peringkat Bahagian Pembangunan (Pengajian Tinggi), Unit Pembangunan Politeknik bertanggungjawab memantau perolehan peralatan politeknik. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan Projek Perolehan Peralatan Politeknik akan diadakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk membincangkan berkenaan peruntukan perolehan, laporan dan prestasi perbelanjaan serta status pembekalan peralatan secara keseluruhannya. Berdasarkan semakan, pihak Audit mendapati mesyuarat hanya sekali diadakan pada 8 Ogos 2012 bagi pemantauan projek perolehan peralatan Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.
- b. Di peringkat Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Pengajian Tinggi), pemantauan dilakukan oleh Seksyen Perolehan terhadap status pembekalan peralatan perolehan secara tender terbuka yang dibekalkan ke politeknik dengan mengadakan mesyuarat dengan syarikat pembekal selain mengadakan pemeriksaan fizikal di politeknik dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati 3 mesyuarat telah diadakan pada 10 September 2013, 5 Disember 2013 dan 5 November 2014 bagi pemantauan projek perolehan peralatan akademik Politeknik Sandakan, Sabah; Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dan Politeknik Jeli, Kelantan.
- c. Di peringkat Jabatan Pengajian Politeknik, pemantauan perolehan peralatan dilaksanakan oleh Unit Infrastruktur Fizikal, Bahagian Perancangan Politeknik melalui lawatan/pemantauan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan (Pengajian Tinggi) dan Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (Pengajian Tinggi). Manakala pihak politeknik memantaunya melalui pengesahan terimaan, penempatan dan penggunaan peralatan oleh pengarah dan ketua program.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan perlu dipertingkatkan dan diperkemaskan dengan membuat pemantauan secara berjadual termasuk bagi perolehan secara sebut harga dan memastikan hasil pemantauan dilaporkan kepada pihak pengurusan. Langkah ini penting supaya isu-isu kelemahan berbangkit dapat dikenal pasti dan diselaraskan serta tindakan dapat diambil segera khususnya terhadap pembekalan yang tidak mematuhi syarat kontrak.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015

Pihak Kementerian telah melakukan beberapa bentuk pemantauan berdasarkan objektif yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Pemantauan Prestasi Pembayaran: Memantau prestasi penghantaran dan pembayaran tuntutan-tuntutan syarikat.*
- ii. Pemantauan Pentadbiran Kontrak: Pemantauan pematuhan kontraktor kepada syarat kontrak seperti waranti, penyenggaraan pembaikan, tempoh penghantaran dan lain-lain.*
- iii. Pemantauan Fizikal: Pemantauan fizikal item-item yang telah diterima sama ada dihantar dan dipasang dengan sempurna dan boleh beroperasi dengan baik.*

Ketiga-tiga pemantauan diurusetikan oleh Bahagian yang berlainan iaitu Bahagian Pembangunan, Bahagian Perolehan & Pengurusan Aset dan Bahagian Perancangan Politeknik JPP. Secara amalan, ketiga-tiga Bahagian akan mengadakan pemantauan secara bersekali bagi menjimatkan masa dan kos. Sebagai langkah penambahbaikan, Kementerian akan mengadakan penyelarasan di antara ketiga-tiga bahagian dan menjadualkan pemantauan berkala serta mendapatkan laporan status pembekalan secara bulanan.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Kerajaan memperolehi peralatan politeknik yang terbaik serta dimanfaatkan dengan optimumnya adalah disyorkan Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara yang berikut:

- 9.6.1. memastikan peralatan akademik dan sokongan akademik dapat diterima sebelum pelajar mendaftar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas;
- 9.6.2. mewujudkan pangkalan data peralatan yang menyimpan maklumat lengkap bagi memastikan tidak berlaku perbezaan spesifikasi dan harga bagi perolehan peralatan akademik untuk kursus yang sama;
- 9.6.3. memastikan penyediaan spesifikasi dinyatakan dengan jelas supaya peralatan akademik yang dibekalkan boleh dan selamat digunakan serta memastikan spesifikasi penender sama/lebih baik daripada spesifikasi Kementerian;
- 9.6.4. mengambil tindakan menubuhkan Jawatankuasa siasatan untuk menyiasat *improper payment* di mana pegawai telah mengesahkan penerimaan peralatan dan membuat bayaran sebelum peralatan diterima; dan
- 9.6.5. mengambil tindakan segera bagi memastikan kekosongan jawatan berkaitan dapat diisi supaya peralatan yang dibekalkan dapat diuruskan oleh pegawai yang berkelayakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

10. PENGURUSAN PEMBANGUNAN POLITEKNIK PREMIER

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Seiring dengan hasrat negara untuk membangun dalam bidang ekonomi yang baharu serta selaras dengan inisiatif Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) melalui Hala Tuju Transformasi Politeknik telah menetapkan bahawa politeknik perlu diperkasakan dengan peranan dan imej baru supaya ia mampu bersaing dan menjadi institusi pilihan utama. Salah satu inisiatif dalam Transformasi Politeknik yang dilancarkan pada 25 Februari 2010 ialah penubuhan Politeknik Premier yang bertujuan menjana graduan yang berkemahiran kebolehdayaan diambil bekerja serta daya keusahawanan yang tinggi, hasil daripada kedudukannya sebagai institusi pilihan dan mendapat persepsi positif masyarakat awam.

10.1.2. Sehingga kini, terdapat 32 buah Politeknik dan 3 daripadanya telah dinaiktarafkan kepada Politeknik Premier. Peranan Politeknik Premier dimantapkan melalui penubuhan Pusat Teknologi (COT – Centre of Technology) yang memberi penekanan khusus kepada bidang terpilih (tujahan) kerana ia menjadi asas kepada kekuatan pelaksanaan program dan aktiviti. Bidang tujahan bagi Politeknik Premier adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.1
BIDANG TUJAHAN POLITEKNIK PREMIER

POLITEKNIK	BIDANG TUJAHAN	JABATAN
Ungku Omar (PUO)	Kejuruteraan Perkapalan	Kejuruteraan Perkapalan
	Kejuruteraan Mekanikal Penyaman Udara dan Penyejukbekuan	Kejuruteraan Mekanikal
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	Kejuruteraan Elektronik Perubatan	Kejuruteraan Elektrik
Ibrahim Sultan (PIS)	Seni Reka Kreatif	Reka Bentuk dan Komunikasi Visual

Sumber : Kertas Dasar Pembangunan Politeknik Premier

10.1.3. Bagi memantapkan bidang tujahan yang dikenal pasti, Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM38.36 juta di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) untuk pembangunan 3 Politeknik tersebut. Pembangunan Politeknik Premier meliputi naik taraf kemudahan fizikal, naik taraf infrastruktur ICT, perolehan perabot, peralatan dan bahan rujukan dalam bidang tujahan, latihan dalam bidang tujahan dan geran penyelidikan dalam bidang tujahan. Kaedah perolehan bagi kerja naik taraf kemudahan fizikal adalah secara **tender**

terbuka manakala perolehan perabot, peralatan dan bahan rujukan dalam bidang tujahan, latihan dan geran penyelidikan dilaksanakan secara **sebut harga** dan **pembelian terus**. Bagi naik taraf kemudahan fizikal, kerja reka bentuk, sivil & struktur, mekanikal & elektrik, ukur bahan dan ukur tanah serta pemantauan kerja pembinaan telah dilakukan oleh 13 perunding yang dilantik secara **lantikan terus**. Kos keseluruhan perunding berjumlah RM1.77 juta dan sehingga bulan Ogos 2014, sejumlah RM1.69 juta (95.5%) telah dibelanjakan.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pembangunan Politeknik Premier telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pembangunan semua Politeknik Premier daripada awal program sehingga tarikh pengauditan. Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi (BPPT) dan di ketiga-tiga Politeknik Premier. Tumpuan Audit meliputi aspek seperti pencapaian COT, pengurusan perolehan kerja/bekalan serta penggunaan kemudahan dan peralatan.

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan memeriksa fail, rekod dan dokumen berkaitan serta menganalisis data berkaitan dengan pembangunan Politeknik Premier. Lawatan, pemeriksaan fizikal dan temu bual serta soal selidik dengan pegawai berkaitan juga telah diadakan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian telah diadakan pada 9 April 2015. Wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara Malaysia juga turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

10.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga Ogos 2014 mendapati pengurusan pembangunan Politeknik Premier telah dilaksanakan dengan baik daripada aspek pengurusan Bon Pelaksanaan telah dikemukakan mengikut tarikh dan meliputi tempoh ditetapkan. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan pengurusan pembangunan Politeknik Premier telah dikenal pasti dan perlu diperbaiki antaranya seperti yang berikut:

- i. peruntukan naik taraf infrastruktur ICT berjumlah RM8.83 juta masih belum diagihkan;
- ii. perolehan perabot dan peralatan di PIS lewat dilaksanakan lebih 9 bulan selepas bangunan disiapkan menyebabkan bangunan tidak dapat digunakan dengan segera;
- iii. KPI bagi pertukaran pegawai/sangkutan, geran penyelidikan, penerbitan jurnal dan monograf agak rendah iaitu antara 0% hingga 41.7%;
- iv. geran penyelidikan berjumlah RM1.13 juta bagi PSA ditarik balik kerana tidak sempat digunakan;
- v. dokumen sokongan kepada baucar bayaran bernilai RM299,986 untuk perolehan bahan rujukan di PSA bukan dokumen sebenar dan laporan siasatan berkaitan masih belum diambil tindakan oleh Kementerian;
- vi. perolehan buku rujukan bernilai RM699,234 di PUO telah dipecah kecilkan melalui pembelian terus; dan
- vii. 95.6% daripada 45 pegawai yang telah mengembalikan borang soal selidik berpendapat perjawatan di COT adalah tidak mencukupi.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan yang berikut:

10.5.1. Prestasi Projek

10.5.1.1. Prestasi Pencapaian Fizikal

Naik taraf kemudahan fizikal Politeknik Premier meliputi 2 kategori iaitu naik taraf kemudahan di PSA yang melibatkan pembaikan bumbung, siling, kemasan lantai, laluan pejalan kaki, kerja mekanikal dan elektrik di Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan kawasan sekitarnya serta pembinaan Bangunan COT Perkapalan dan Bangunan COT Mekanikal di PUO dan Bangunan COT Seni Reka Kreatif di PIS. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:

- a. Kerja naik taraf kemudahan di PSA bermula pada 28 Mei 2012 dan sepatutnya siap pada 7 Januari 2013 iaitu selama 32 minggu (225 hari). Projek ini telah diluluskan satu lanjutan masa [Extention Of Time – (EOT)] selama 90 hari disebabkan kelewatan perunding mengemukakan senarai kuantiti dan sebut harga bagi kerja *Provisional Sum* dan hanya dapat disiapkan pada 9 September 2013. *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM45,840 bagi tempoh 155 hari telah dikenakan terhadap kontraktor.
- b. Pembinaan blok COT di PUO bermula pada 20 Jun 2012 dan sepatutnya siap pada 19 September 2013 iaitu selama 15 bulan (457 hari). Projek ini telah diluluskan dua EOT selama 241 hari dan hanya dapat disiapkan pada 26 Jun 2014 dengan dikenakan LAD berjumlah RM133,442 bagi tempoh kelewatan 39 hari. Antara sebab EOT ialah pengalihan kabel voltan rendah bagi membolehkan penanaman cerucuk, pertukaran saiz longkang setelah

mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Ipoh, kelewatan maklum balas *Request For Information* (RFI) kepada kontraktor oleh Jurutera Perunding M&E dan kelewatan penyambungan bekalan elektrik ke bangunan projek oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

- c. Blok COT di PIS mula dibina pada 1 Mac 2012 dan patut siap pada 31 Mac 2013 iaitu selama 75 minggu (396 hari). Projek diluluskan dua EOT selama 225 hari dan hanya dapat disiapkan pada 11 November 2013. Antara sebab EOT ialah kelewatan kelulusan perubahan kerja bagi pengalihan laluan kabel kuasa dan fiber optik yang merintang tapak, kerja-kerja *mapping* dan pengubahan laluan kabel kuasa yang merintang tapak bina dan kelewatan penerimaan pengesahan kedudukan mata kuasa pada lantai. Keterangan lanjut berkaitan status kemajuan projek adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.2
STATUS NAIK TARAF KEMUDAHAN FIZIKAL POLITEKNIK PREMIER
SEHINGGA 31 OKTOBER 2014

POLITEKNIK/ KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK (Hari)	EOT 1 (Hari)	EOT 2 (Hari)	PERAKUAN SIAP KERJA	LAD DIKENAKAN	
						BIL. (Hari)	AMAUN (RM)
PSA/ DCord Technologies	1.60	28.05.2012 - 07.01.2013 (225 hari)	08.01.2013 - 07.04.2013 (90 hari)	-	09.09.2013	155	45,839
PUO/ Daya Angsana Sdn. Bhd.	4.27	20.06.2012 - 19.09.2013 (457 hari)	20.09.2013 - 07.12.2013 (79 hari)	08.12.2013 - 18.05.2014 (162 hari)	26.06.2014	39	133,442
PIS/ Focal Profile Sdn. Bhd.	6.88	01.03.2012 - 31.03.2013 (396 hari)	01.04.2013 - 19.09.2013 (172 hari)	20.09.2013 - 11.11.2013 (53 hari)	11.11.2013	-	-
JUMLAH	12.75						

Sumber : Kontrak Perjanjian Kontraktor, Kementerian Pendidikan Malaysia

- d. Selain itu, ketiga-tiga projek telah diluluskan Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM630,088 dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) berjumlah RM454,574. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak meningkat kepada RM13.20 juta adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.3
ARAHAN PERUBAHAN KERJA POLITEKNIK PREMIER

KOS PROJEK (RM Juta)	NO. APK	KETERANGAN	PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM)	NO. PHK	NILAI APK/PHK (RM)	NILAI KONTRAK TERLARAS (RM Juta)
PUO						
4.27	APK 1	Kerja pengalihan LV kabel sedia ada yang merintang kawasan tapak bina.	94,000	PHK 1	159,010	4.44
	APK 2	Kerja pemasangan dan kelengkapan " <i>sanitary plumbing</i> ".	50,000			

KOS PROJEK (RM Juta)	NO. APK	KETERANGAN	PENAMBAHAN/ (PENGURANGAN) NILAI SKOP KERJA (RM)	NO. PHK	NILAI APK/PHK (RM)	NILAI KONTRAK TERLARAS (RM Juta)
PUO						
	APK 3	Tiga kerja pemasangan dan kelengkapan telefon.	15,010			
	-	Pelarasan harga Wang Peruntukan Sementara (Perabot terbina, landskap dan papan tanda)	(36,800)	PHK 2	(36,800)	
	APK 4	Kerja tambahan bagi perubahan saiz "precast reinforce concrete culvert" dari 300mm diameter kepada 450mm diameter.	38,985	PHK 3	38,985	
	APK 5	Kerja tambahan pemasangan "box-up" siling dan siling jenis plaster di bangunan marin.	5,890	PHK 4	5,890	
PSA						
1.60	APK 1	Perubahan kerja mekanikal dan elektrik di makmal kalebresi 2 di Blok ME. Perubahan kerja elektrik di Blok MA dan ME.	(21,729)	-	(21,729)	1.55
	-	Pelarasan peruntukan sementara bagi kerja perabot lekap, papan tanda dan landskap.	(18,576)	PHK 1	(18,576)	
	-	Pelarasan pengukuran semula kuantiti bagi "demolition works, upgrading works dan upgrading exterior works".	(7,229)	PHK 2	(7,229)	
PIS						
6.88	APK 1	Kerja pengalihan laluan kabel elektrik dan telekomunikasi bawah tanah.	170,268	PHK 1	170,268	7.21
	APK 2	Mengabaikan untuk membina pembentung bulat berukuran 450mm diameter bagi memberi laluan pembinaan saluran fiber optik dan kabel Telekom Malaysia.	(3,423)	PHK 2	(3,423)	
	APK 3	Pertukaran jubin bersaiz 300mm x 300mm kepada 600mm x 600mm di bilik usahawan, bilik seminar dan lobi galeri di blok galeri.	23,458	PHK 3	23,458	
	APK 4	Kerja kekuda bumbung di bangunan galeri dan bilik darjah.	144,720	PHK 4	144,720	
JUMLAH KESELURUHAN			542,331 (87,757)		454,574	13.20

Sumber : Bahagian Pembangunan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 9 April 2015

Arahan Perubahan Kerja adalah disebabkan keperluan di tapak yang tidak dijangka seperti pengalihan laluan kabel bawah tanah dan menambah nilai estetika bagi ruang yang menjadi tumpuan utama seperti ruang lobi dan keperluan teknikal untuk memastikan kekuatan struktur lebih selamat.

Pihak Kementerian mengambil maklum teguran Audit dan memastikan kerja-kerja penyiataan yang lebih terperinci dibuat untuk mengenalpasti kedudukan laluan servis seperti kabel TNB dan Telekom. Pihak Kementerian juga memastikan pihak perunding memberi maklumbalas, arahan kerja dan mengemukakan senarai kuantiti bagi kerja-kerja provisional kepada pihak kontraktor lebih awal.

Pada pendapat Audit, pihak Kementerian hendaklah mengambil perhatian terhadap kelewatan pihak perunding dalam memberi maklum balas dan memberi arahan kepada kontraktor serta mengemukakan senarai kuantiti bagi kerja *Provisional Sum*.

10.5.1.2. Prestasi Pencapaian Kewangan

- a. Peruntukan bagi pembangunan Politeknik Premier diagihkan secara berperingkat mulai tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM25.56 juta telah diagihkan dan sejumlah RM22.20 juta (86.9%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
POLITEKNIK PREMIER SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
PUO			
2011	1.11	1.05	94.6
2012	3.38	3.32	98.2
2013	2.23	2.23	100.0
2014	1.50	1.39	92.7
JUMLAH	8.22	7.99	97.2
PSA			
2011	1.24	1.11	89.5
2012	5.45	3.58	65.7
2013	0.76	0.76	100.0
2014	1.24	0.68	54.8
JUMLAH	8.69	6.13	70.5
PIS			
2011	-	-	-
2012	1.28	1.28	100.0
2013	4.88	4.88	100.0
2014	2.49	1.92	77.1
JUMLAH	8.65	8.08	93.4
JUMLAH KESELURUHAN	25.56	22.20	86.9

Sumber : Bahagian Pembangunan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

- b. Nilai kontrak selepas mengambil kira APK dan PHK bagi kerja naik taraf kemudahan fizikal adalah berjumlah RM13.20 juta. Sehingga 31 Disember

2014, peruntukan yang diagihkan bagi kerja naik taraf kemudahan fizikal berjumlah RM12.21 juta dan prestasi pencapaian kewangan bagi ketiga-tiga projek telah mencapai 100%. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN NAIK TARAF KEMUDAHAN FIZIKAL
DI POLITEKNIK PREMIER SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
PUO			
2012	0.80	0.80	100
2013	2.23	2.23	100
2014	1.00	1.00	100
JUMLAH	4.03	4.03	100
PSA			
2012	0.73	0.73	100
2013	0.76	0.76	100
2014	0.04	0.04	100
JUMLAH	1.53	1.53	100
PIS			
2012	1.28	1.28	100
2013	4.88	4.88	100
2014	0.49	0.49	100
JUMLAH	6.65	6.65	100
JUMLAH KESELURUHAN	12.21	12.21	100

Sumber : Bahagian Pembangunan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

- c. Sehingga 31 Disember 2014, peruntukan yang telah diagihkan bagi perolehan perabot dan peralatan, bahan rujukan dalam bidang tujahan, naik taraf infrastruktur ICT, latihan dalam bidang tujahan dan geran penyelidikan dalam bidang tujahan ialah berjumlah RM13.35 juta dan sejumlah RM9.99 juta (74.8%) telah dibelanjakan seperti dalam **Jadual 10.6**. Peruntukan yang masih belum diagihkan langsung ialah naik taraf infrastruktur ICT iaitu sejumlah RM3 juta, RM2.45 juta dan RM3.38 juta masing-masing di PUO, PSA dan PIS.

JADUAL 10.6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PERABOT DAN PERALATAN, BAHAN RUJUKAN
DALAM BIDANG TUJAHAN, LATIHAN DAN GERAN PENYELIDIKAN DALAM BIDANG
TUJAHAN POLITEKNIK PREMIER SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)					PERBELANJAAN (RM Juta)									
	PP	BR	L	GP	JUMLAH	PP		BR		L		GP		JUMLAH	
						(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)
PUO															
2011	-	0.61	0.25	0.25	1.11	-	-	0.58	95.1	0.25	100.0	0.22	88.0	1.05	94.6
2012	-	0.39	0.94	1.25	2.58	-	-	0.39	100.0	0.91	96.8	1.22	97.6	2.52	97.7
2013	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2014	0.50	-	-	-	0.50	0.39	78.0	-	-	-	-	-	-	0.39	78.0
JUMLAH	0.50	1.00	1.19	1.50	4.19	0.39	78.0	0.97	97.0	1.16	97.5	1.44	96.0	3.96	94.6

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)					PERBELANJAAN (RM Juta)									
	PP	BR	L	GP	JUMLAH	PP		BR		L		GP		JUMLAH	
						(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)
PSA															
2011	0.29	0.67	0.15	0.13	1.24	0.18	62.1	0.65	97.0	0.15	100.0	0.12	92.3	1.10	88.7
2012	0.19	0.80	1.35	2.38	4.72	0.19	100.0	0.35	43.8	1.35	100.0	0.96	40.3	2.85	60.4
2013	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2014	0.80	0.10	-	0.30	1.20	0.34	42.5	-	-	-	-	0.30	100.0	0.64	53.4
JUMLAH	1.28	1.57	1.50	2.81	7.16	0.71	55.5	1.00	63.7	1.50	100.0	1.38	49.1	4.59	64.1
PIS															
2014	1.33	-	0.67	-	2.00	0.80	60.2	-	-	0.64	95.5	-	-	1.44	72.0
JUMLAH	1.33	-	0.67	-	2.00	0.80	60.2	-	-	0.64	95.5	-	-	1.44	72.0
JUMLAH KESELURUHAN	3.11	2.57	3.36	4.31	13.35	1.90	61.1	1.97	76.7	3.30	98.2	2.82	65.4	9.99	74.8

Sumber : Waran Peruntukan Dan Laporan Perbelanjaan Politeknik Premier

Nota : PIS Tidak Menerima Sebarang Peruntukan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

PP - Perabot Dan Peralatan

BR - Bahan Rujukan Dalam Bidang Tujahan

L - Latihan Dalam Bidang Tujahan

GP - Geran Penyelidikan Dalam Bidang Tujahan

Pada umumnya, keseluruhan prestasi pencapaian kewangan bagi pembangunan Politeknik Premier adalah memuaskan kerana telah mencapai 86.9%. Bagaimanapun, bagi perbelanjaan Perabot Dan Peralatan, Bahan Rujukan Dalam Bidang Tujahan dan Geran Penyelidikan Dalam Bidang Tujahan, prestasi perbelanjaan adalah kurang memuaskan kerana hanya mencapai 74.8%. Manakala bagi naik taraf infrastruktur ICT adalah tidak memuaskan kerana peruntukan berjumlah RM8.83 juta masih belum diagihkan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 9 April 2015

Peruntukan bagi naiktaraf infrastruktur ICT Politeknik Premier telah dimohon di bawah peruntukan Pembangunan RMKe-11 Rolling Plan Pertama (2016-2017).

d. Peruntukan Tidak Dibelanjakan

- i. Salah satu daripada inisiatif Hala Tuju Transformasi Politeknik adalah untuk memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dalam bidang tujahan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, PSA telah menerima peruntukan berjumlah RM2.81 juta untuk Geran Penyelidikan Dalam Bidang Tujahan. Semakan Audit mendapati RM1.13 juta (40.2%) daripada jumlah yang diluluskan telah ditarik balik melalui waran bertarikh 28 November 2012 (RM0.75 juta) dan

21 Disember 2012 (RM0.38 juta) kerana tidak dibelanjakan. Pihak Audit difahamkan keadaan ini berlaku kerana kekangan pegawai atau kepakaran serta tempoh masa yang diberikan adalah terhad iaitu setahun.

- ii. PSA telah menerima sejumlah RM0.80 juta pada tahun 2012 bagi perolehan bahan rujukan, *Online Jurnal, Library Management System, Library Portal, Library Management System Cataloguing Enhancement* dan *Mandatory Implementation Pack*. Semakan Audit mendapati RM0.45 juta (56.3%) daripada jumlah tersebut tidak dibelanjakan berikutan perolehan bagi *Online Jurnal* memerlukan pembayaran yuran setiap tahun. Peruntukan tersebut telah ditarik balik melalui waran W0058 (RM0.33 juta) dan W0596 (RM0.12 juta) bertarikh 28 November 2012 dan 21 Disember 2012.

Pada pendapat Audit, PSA sepatutnya membuat perancangan awal bagi memastikan geran penyelidikan dapat dibelanjakan bagi maksud ia dimohon supaya pencapaian dalam bidang penyelidikan dapat dipertingkatkan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015, 9 April 2015 Dan 11 Mei 2015

Laporan Dapatan Audit Pelaksanaan COT Politeknik Bil.02/2014 oleh Panel Penilai COT Politeknik menunjukkan tindakan penambahbaikan secara berterusan telah dipertingkatkan dengan penglibatan secara lebih aktif dan berkesan dari Unit Penyelidikan dan Inovasi PSA termasuk penglibatan staf akademik daripada jabatan lain dalam pelaksanaan aktiviti/projek penyelidikan multi-discipline dalam bidang tujahan Elektronik Perubatan. COT PSA bagi bidang tujahan Elektronik Perubatan yang telah dikenali sebagai Centre of Medical Electronic Technology (CMET) telah berjaya mencapai semua sasaran yang ditetapkan bagi indicator Research and Innovation.

Latihan dalam bidang kepakaran yang menjurus kepada bidang tujahan COT telah berjaya menjadikan CMET mendapat pengiktirafan MS ISO/IEC 17025 Certification on 7th of April 2014 as an internationally recognized competence calibration laboratory to perform calibration job for biomedical equipment. Sepanjang tahun 2014 CMET telah melaksanakan 78 kerja penentukuran untuk peralatan biomedical dari SST (Adv. Pact), SST (UiTM) dan Gleanagles yang juga telah mengumpul pendapatan sejumlah RM14,691.

Bagi PSA, peruntukan tersebut telah dimohon semula dan diturunkan melalui waran (W0254) bertarikh 18.08.2014 sejumlah RM100,000 dan di PIS pula peruntukan sejumlah RM2,000,000 telah disalurkan melalui waran W0255 bertarikh 18 Ogos 2014. Peruntukan RM2 juta adalah untuk peralatan pembelajaran COT sejumlah RM679,522, perabot sejumlah RM651,168 dan latihan kepakaran dalam bidang tujahan sejumlah RM669,310. Sejumlah RM1,434,383

telah dibelanjakan pada tahun 2014 dan baki perbelanjaan telah ditarik balik. Pihak Politeknik akan membuat perolehan baharu melalui waran yang diturunkan pada 2 Mac 2015 sejumlah RM1,488,920.

Isu yang dibangkitkan oleh Audit berhubung peruntukan yang diterima oleh PSA sejumlah RM2,375,000 pada tahun 2012 bagi latihan kepakaran adalah sebenarnya untuk peruntukan geran penyelidikan. Daripada jumlah RM2,375,000, sebanyak RM1,182,127 telah dibelanjakan.

Manakala RM1,138,215 telah ditarik balik kerana sesuatu penyelidikan memerlukan tempoh masa yang tertentu dan agak sukar untuk diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat dan mungkin melangkaui tahun.

Dalam pemantapan bidang tujuhan di Politeknik, budaya penyelidikan masih dianggap baharu dan para pensyarah/penyelidik perlu diberi pendedahan secara menyeluruh berkaitan bidang penyelidikan ini.

Kementerian mengambil maklum tentang teguran audit bagi peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM447,602. Bagi perolehan bahan rujukan Online Jurnal, perolehan ini memerlukan pembayaran yuran setiap tahun dengan menggunakan peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM). Dengan kekangan tersebut, peruntukan yang telah diagihkan tidak dapat dibelanjakan dan politeknik tidak bercadang untuk meneruskan perolehan ini.

Berhubung dengan waran tarik balik, pihak pengurusan PSA telah memohon peruntukan semula pada tahun 2013 sebanyak RM1,586,026. Bagaimanapun, semasa tempoh penggabungan kementerian antara KPM dan KPT menyebabkan pihak kementerian menangguhkan pengagihan peruntukan ke semua politeknik selama 3 bulan tempoh penggabungan sehingga bulan Ogos tahun 2013.

Memandangkan tempoh penggabungan sehingga Ogos 2013 dan proses perolehan yang mengambil masa sekurang-kurangnya 4 hingga 6 bulan untuk proses pembekalan dilaksanakan, dan tempoh tersebut adalah terhad untuk pembayaran dibuat pada tahun semasa.

10.5.1.3. Pencapaian Outcome Projek Dan KPI Bidang Tujuhan COT

a. Outcome Projek

Setiap projek yang hendak dibangunkan perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan atau digunakan secara optimum bagi maksud ia dibina serta mengelakkan pembaziran. Semakan Audit di PUO dan PIS mendapati bangunan COT berkaitan telah disiapkan dan diserahkan pada 26 Jun 2014 dan 11 November 2013 tetapi semasa lawatan Audit pada 11 Ogos 2014 dan 25 Ogos 2014 ia belum dilengkapi dengan perabot, peralatan dan kelengkapan. Perolehan peralatan tersebut belum dimulakan kerana peruntukan berjumlah RM0.50 juta dan RM1.33 juta hanya diterima pada 18 Ogos 2014 walaupun dimohon pada 15 Januari 2014. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 10.7
KELEWATAN MENDUDUKI BANGUNAN**

POLITEKNIK	PERAKUAN SIAP KERJA	TARIKH LAWATAN AUDIT	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN
PUO	26.06.2014	11.08.2014	Lewat beroperasi melebihi sebulan
PIS	11.11.2013	25.08.2014	Lewat beroperasi melebihi 9 bulan

Sumber : Bahagian Pembangunan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 10.1**



*Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Bilik Seminar Aras Bawah
(11.08.2014)*

**SELEPAS TEGURAN AUDIT
GAMBAR 10.2**




*Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Bilik Seminar Aras Bawah
(12.11.2014)
(Sumber: KPM)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 10.3**



*Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Kerja Pensyarah Aras 1
(11.08.2014)*

**SELEPAS TEGURAN AUDIT
GAMBAR 10.4**



*Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Kerja Pensyarah Aras 1
(12.11.2014)
(Sumber: KPM)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 10.5**



*Bangunan COT Penyaman Udara Dan
Penyejukbekuan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Kerja Makmal Mekanikal
(12.08.2014)*

**SELEPAS TEGURAN AUDIT
GAMBAR 10.6**



*Bangunan COT Penyaman Udara Dan
Penyejukbekuan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Kerja Makmal Mekanikal
(12.11.2014)
(Sumber: KPM)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 10.7**



*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Lobi Di Aras 1
(25.08.2014)*

**SELEPAS TEGURAN AUDIT
GAMBAR 10.8**



*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Lobi Di Aras 1
(09.03.2015)
(Sumber: KPM)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 10.9**




*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Bilik Reka Bentuk Fesyen, Aras 2
(25.08.2014)*

**SELEPAS TEGURAN AUDIT
GAMBAR 10.10**



*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Bilik Reka Bentuk Fesyen, Aras 2
(09.03.2015)
(Sumber:KPM)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 10.11**



*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Bilik TEC 1, Aras 1
(25.08.2014)*

**SELEPAS TEGURAN AUDIT
GAMBAR 10.12**



*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Bilik TEC 1, Aras 1
(09.03.2015)
(Sumber:KPM)*



SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.13

*Bangunan COT Seni Reka Kreatif PIS,
Pasir Gudang, Johor
- Bengkel Lukisan, Aras 1
(25.08.2014)*

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015, 12 Mac 2015 Dan 9 April 2015

PUO: *Ketiadaan perabot/kelengkapan disebabkan oleh tempoh pembekalan mengambil masa 4 - 6 bulan dari tarikh waran diperuntukan. Waran telah disalurkan pada 19 Ogos 2014. Bangunan telah diduduki sepenuhnya setelah perabot/kelengkapan telah selesai dibekalkan*

PIS: *Bangunan telah diduduki pada bulan Februari 2014 menggunakan perabot/kelengkapan sedia ada selepas pihak perunding telah memberi jaminan melalui surat rujukan: ALMASB/1040/150/KPM/07 bertarikh 11 Februari 2014 yang menyatakan bangunan adalah selamat digunakan. Bagaimanapun, pihak PIS dinasihatkan oleh pasukan Audit Dalam (Pengajian Tinggi) KPM agar tidak menduduki bangunan disebabkan CCC belum diperolehi. Bangunan telah diduduki sepenuhnya setelah perabot/kelengkapan telah selesai dibekalkan.*

Pihak Kementerian mengambil maklum tentang teguran Audit dan memastikan perolehan perabot dirancang dan dilaksanakan selari dengan pembinaan bangunan.

b. Pencapaian Key Performance Indicator Bidang Tujahan COT

- i. JPP menetapkan sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) bagi COT di ketiga-tiga Politeknik Premier mulai tahun 2012 bagi menilai pencapaiannya. Antara indikator KPI COT ialah kolaborasi dengan industri, konsultansi, penyelidikan & inovasi, penerbitan dan kecemerlangan dalam bidang pengajaran & pembelajaran selari dengan bidang tujahan. Sasaran KPI COT keseluruhan yang ditetapkan ialah 65%, 75% dan 80% bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012, bidang tujahan Perkapalan dan Penyaman Udara & Penyejukbekuan di PUO dan Perubatan Elektronik di PSA tidak mencapai sasaran KPI COT iaitu 64.5%, 58% dan 64.5%. Sementara itu bagi tahun 2013 dan 2014 semua sasaran yang ditetapkan telah dicapai. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 10.8
SASARAN DAN PENCAPAIAN COT**

POLITEKNIK	BIDANG TUJAHAN	2012		2013		2014	
		S	P	S	P	S	P
		(%)		(%)		(%)	
PUO	Perkapalan	65.0	64.5	75.0	81.0	80.0	93.5
	Penyaman Udara dan Penyejukbekuan		58.0		80.5		98.0
PSA	Elektronik Perubatan		64.5		86.0		92.0
PIS	Seni Reka Kreatif		73.0		83.5		81.0

Sumber : *Jabatan Pengajian Politeknik*

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap setiap bidang tujuhan mendapati pencapaian indikator bagi pertukaran pegawai/sangkutan, geran penyelidikan, penerbitan jurnal dan monograf agak rendah iaitu antara 0% hingga 41.7% seperti dalam **Jadual 10.9**. Antara sebab ia tidak tercapai ialah peruntukan yang terhad, kekangan pegawai dan kepakaran untuk melaksanakan penyelidikan dan penulisan.

JADUAL 10.9
ELEMEN KPI COT YANG TIDAK TERCAPAI

ELEMEN	PENCAPAIAN MINIMUM (Setahun)	2012				2013				2014				CAPAIAN SASARAN	
		PUP	M	PE	SRK	PUP	M	PE	SRK	PUP	M	PE	SRK	JUMLAH	(%)
KOLABORASI DENGAN INDUSTRI															
Kolaborasi projek	3	/	/	/	/	X	/	/	/	/	/	/	/	11	91.7
Sumbangan	RM100,000	X	/	X	X	/	/	X	/	/	/	X	/	7	58.3
Pertukaran pegawai/sangkutan	6 pegawai sebulan	/	/	X	X	X	/	X	X	/	/	X	X	5	41.7
Sangkutan pelajar	10 pelajar	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	12	100.0
KONSULTANSI															
Perkhidmatan konsultan atau pendapatan dijana	5 atau RM100,000	/	/	X	/	/	/	/	/	/	/	/	/	11	91.7
PENYELIDIKAN & INOVASI															
Penilaian cadangan	10	X	X	/	/	/	X	/	X	/	/	/	/	8	66.7
Kursus/modul baru dibangunkan	1 bagi tahun 2012 dan 2013 2 bagi tahun 2014	X	/	/	X	/	/	/	/	/	/	/	/	10	83.3
Geran penyelidikan atau nilai geran penyelidikan	3 atau RM200,000	X	X	X	X	X	X	X	/	/	X	/	/	4	33.3
PENERBITAN															
Jurnal	1	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	0	0.0
Diges	2	X	X	/	X	/	X	/	X	/	X	/	/	6	50.0
Monograf	2	X	X	X	X	/	X	/	X	TB	TB	TB	TB	2	25.0
Penulisan	3 bagi tahun 2012 dan 2013 4 bagi tahun 2014	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	12	100.0
PENGIKTIRAFAN															
Peringkat Antarabangsa	1	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	/	/	/	/	4	100.0
Peringkat Kebangsaan	1	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	/	/	/	/	4	100.0
Peringkat Politeknik	1	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	/	/	/	/	4	100.0
KECEMERLANGAN DALAM BIDANG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SELARI DENGAN BIDANG TUJAHAN															
Pembangunan program/kursus baru	2	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	/	/	/	/	4	100.0
Pembangunan bahan/pengajaran dan pembelajaran	3	X	X	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	10	83.3
Pendekatan baru/penambahbaikan dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk kebaikan pembelajaran sistem politeknik	1	X	X	/	X	/	X	/	/	/	/	/	X	7	58.3

ELEMEN	PENCAPAIAN MINIMUM (Setahun)	2012				2013				2014				CAPAIAN SASARAN	
		PUP	M	PE	SRK	PUP	M	PE	SRK	PUP	M	PE	SRK	JUMLAH	(%)
<i>Training of Masters atau Training of Trainers Program</i>	<i>5 trainers atau 2 program</i>	X	X	X	/	/	/	X	/	TB	TB	TB	TB	4	50.0
<i>Training Programs Conducted</i>	3	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	/	/	/	X	3	75.0

Sumber : Jabatan Pengajian Politeknik

Nota : PUP - Penyamanan Udara & Penyejukbekuan

PE - Elektronik Perubatan

(/) - Capai

M - Perkapalan

SRK - Seni Reka Kreatif

(X) - Tidak Capai

Pada pendapat Audit, kelewatan penggunaan bangunan dapat dielakkan sekiranya peruntukan bagi perolehan perabot dan peralatan disalurkan tepat pada masanya. Kecukupan peruntukan, pegawai dan kepakaran perlu diambil perhatian bagi meningkatkan pencapaian KPI COT.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 9 April 2015

Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan pada tahun 2014 untuk semua 4 COT di 3 Politeknik Premier iaitu PUO, PSA dan PIS. Bagi memastikan kelestarian kedudukan dan pencapaian COT usaha penambahbaikan secara berterusan dilaksanakan antaranya pelantikan 4 Panel Penilai untuk memberi maklum balas terhadap Buku Panduan Centre of Technology (COT) Politeknik Edisi 2015 yang telah dibangunkan dengan menggariskan matlamat, konsep, peranan, dan pelaksanaan termasuk penilaian COT di politeknik yang diharap dapat menjadi rujukan kepada semua politeknik bagi memastikan COT yang diwujudkan dapat mencapai matlamat penubuhannya sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang tujahan berkaitan. Panel Penilai terdiri daripada pensyarah-pensyarah dari UiTM, UTM, UPM dan UM. Instrumen Penilaian Pencapaian COT telah ditambah baik dengan 7 kriteria penilaian COT dan agihan pemberat pemarkahan yang meliputi penyelidikan dan inovasi, pengajaran dan pembelajaran, khidmat kepakaran, kolaborasi, penerbitan, pengiktirafan dan penjana pendapatan.

Jabatan Pengajian Politeknik telah mengambil maklum tentang teguran Audit Negara berkaitan kegagalan politeknik mencapai sasaran dalam penerbitan jurnal sejak tahun 2012.

Sejak penubuhan COT pada tahun 2010, Document Operational Definition (OD) dan Instrumen Pemantauan COT adalah satu garis panduan yang digunakan untuk menilai kecemerlangan COT politeknik berdasarkan kepada pemantauan yang dilakukan oleh Panel Penilai COT Politeknik.

Garis panduan OD dan Instrumen Pemantauan COT yang telah digunakan bagi pemantauan pada tahun 2012 - 2014 telah menggariskan bahawa penerbitan jurnal adalah di bawah bidang tujahan politeknik dan perlu diterbitkan oleh politeknik itu sendiri.

Oleh yang demikian, walaupun PSA dan PUO telah menerbitkan kertas penyelidikan di jurnal-jurnal institusi/agensi luar, ia tidak boleh diambil kira berdasarkan kepada syarat dan indikator-indikator yang telah ditetapkan di dalam garis panduan COT politeknik terdahulu.

Dalam usaha menambahbaik kualiti COT selari dengan transformasi politeknik ke arah peningkatan kecemerlangan, OD dan Instrumen Pemantauan COT telah dikaji semula bersama-sama dengan Jawatankuasa Panel Penilai Luar yang telah mencadangkan bahawa penerbitan di dalam jurnal institusi/agensi yang lain membawa impak yang lebih besar kepada kejayaan dan keberkesanan COT politeknik tersebut.

Budaya penyelidikan baharu diperkenalkan melalui Pelan Tranformasi Politeknik pada tahun 2010 dan memerlukan masa untuk disuburkan. Segala usaha sedang dilakukan ke arah memperkasakan budaya tersebut termasuklah kriteria kecemerlangan skim PPPT.

10.5.2. Pengurusan Pembangunan Projek

10.5.2.1. Kelewatan Menandatangani Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan tempoh bagi menandatangani kontrak hendaklah dilaksanakan secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST). Semakan Audit mendapati kontrak bagi 2 kontraktor dan satu perunding lewat dimeterai di antara 49 hingga 59 hari seperti jadual berikut:

JADUAL 10.10
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

KONTRAK PERJANJIAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH SST (a)	TARIKH KONTRAK DIMETERAI (b)	KELEWATAN (Hari) (c) = (b) - (a)
Kerja Naik Taraf Infrastruktur PSA	1.60	11.05.2012	07.11.2012	59
Kerja Naik Taraf Infrastruktur PIS	6.88	21.02.2012	14.08.2012	54
Perunding Ukur Tanah PIS	0.01	26.11.2012	14.05.2013	49

Sumber : SST Dan Kontrak Perjanjian

Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak perlu diatasi bagi mematuhi peraturan ditetapkan dan menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 12 Mac 2015

Beberapa kontrak yang lewat dimeterai adalah disebabkan pihak kontraktor/perunding lewat mengembalikan kontrak yang telah ditandatangani dan dimatikan setem walaupun Kementerian telah beberapa kali memberi

peringatan kepada kontraktor/perunding. Sekiranya dokumen kontrak tidak ditandatangani dalam masa tersebut bayaran tidak akan dibuat sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Bagi kerja naik taraf infrastruktur PSA, bayaran tuntutan ke-4 dibuat pada 28.11.2012 selepas dokumen ditandatangani pada 07.11.2012. Manakala bagi kerja naik taraf infrastruktur PIS, bayaran tuntutan ke-3 dibuat pada 15.08.2012 selepas dokumen kontrak ditandatangani pada 14.08.2012. Bayaran kepada perunding ukur tanah pula dibuat pada 15.07.2013 iaitu selepas dokumen perjanjian ditandatangani pada 14.05.2013.

10.5.2.2. Bon Pelaksanaan

Arahan Perbendaharaan (AP) 200.2 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 menetapkan Bon Pelaksanaan dikenakan bagi kontrak kerja melebihi RM200,000. Sebelum sesuatu kerja dimulakan, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak dan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan. Selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, 50% Bon Pelaksanaan boleh dikembalikan dan 50% lagi dilepaskan setelah tamat tempoh tanggungan kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan mengikut mana yang terkemudian. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi ketiga-tiga projek ini telah dilaksanakan secara Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dan telah dibuat pemotongan mengikut kadar yang ditetapkan iaitu 10% bagi setiap bayaran interim. Sebanyak 50% daripada amaun tersebut telah dikembalikan kepada Kontraktor DCord Technologies bagi PSA pada 25 November 2013 selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 9 September 2013 dan kepada Kontraktor Focal Profile Sdn. Bhd. bagi PIS pada 22 Januari 2014 selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 11 November 2013. Bagi Kontraktor Daya Angsana Sdn. Bhd. di PUO, Kementerian dalam proses pemulangan Bon Pelaksanaan kerana Sijil Perakuan Siap Kerja baru dikeluarkan pada 26 Jun 2014. Baki Bon Pelaksanaan 50% belum dipulangkan kepada semua kontraktor kerana Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan belum dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan Bon Pelaksanaan telah dilakukan dengan baik.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015

Bagi PUO Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 26 Jun 2014. Pemulangan 50% WJP belum dilaksanakan memandangkan pihak kontraktor belum membuat permohonan. Bagi PSA pula Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 9 September 2013 dan 50% WJP telah dikembalikan pada 25 November 2013. CMGD telah dikeluarkan pada 10 November 2014 dan baki 50% dalam proses untuk pemulangan baki. Manakala bagi PIS, Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 11 November 2013. 50% WJP telah dikembalikan pada 22 Januari 2014 dan baki

50% akan dikembalikan selepas kerja membaiki kecacatan disempurnakan dan Sijil Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja membaiki kecacatan dalam tempoh yang ditetapkan, baki 50% WJP akan digunakan untuk kerja membaiki oleh pihak ketiga yang dilantik.

10.5.3. Kualiti Kerja Pembinaan/Bahan

Setiap projek yang hendak dibangunkan perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan kemudahan tersebut berkualiti dan dapat dimanfaatkan oleh pengguna secara optimum bagi maksud ia dibina.

10.5.3.1. Reka Bentuk Tidak Sesuai/Tidak Praktikal

Reka bentuk yang sempurna dengan mengambil kira fungsi dan kegunaannya serta ciri-ciri keselamatan akan memberi nilai tambah kepada sesuatu projek yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati beberapa reka bentuk tidak sesuai atau tidak praktikal seperti yang berikut:

a. Reka Bentuk Bilik Penyimpanan Dokumen Peperiksaan Yang Terbuka

Lawatan Audit di PUO mendapati reka bentuk bilik penyimpanan dokumen peperiksaan adalah terbuka, mudah dimasuki air apabila hujan dan dicerobohi. Selain itu, pemasangan alat penyaman udara di bilik yang terbuka adalah kurang sesuai. Selepas teguran Audit, pihak kontraktor telah memasang *Aluminium Frame Fixed Glass Window* di bilik tersebut. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.14



*Bilik Penyimpanan Dokumen Peperiksaan, Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Terbuka Di Aras 1
(11.08.2014)*

GAMBAR 10.15



SELEPAS TEGURAN AUDIT



GAMBAR 10.16

*Bilik Penyimpanan Dokumen Peperiksaan,
Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Terbuka Di Aras 1 Telah Dipasang
Aluminium Frame Fixed Glass Window
(23.02.2015)
(Sumber: KPM)*

b. Reka Bentuk Laluan Tangga Tiada Penghadang

Lawatan Audit di PUO mendapati reka bentuk dinding di tangga adalah terbuka dan membahayakan pengguna seperti gambar berikut:

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.17



GAMBAR 10.18




*Tangga Sebelah Kanan, Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Tangga Terbuka Di Antara Aras 1 Dan 2
(15.08.2014)*

GAMBAR 10.19



*Tangga Sebelah Kanan, Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Jarak Ruang Terbuka ialah 0.85 Meter
(15.08.2014)*

GAMBAR 10.20



*Tangga Sebelah Kanan, Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Jarak Di Antara Lantai Dan Ruang Terbuka 0.24 Meter
(15.08.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT



GAMBAR 10.21

*Tangga Sebelah Kanan, Bangunan COT Perkapalan PUO, Ipoh, Perak
- Ruang Tangga Terbuka Di Antara Aras 1 Dan 2
Telah Dipasang Gerigi
(11.05.2015)
(Sumber: KPM)*

10.5.3.2. Kerja Tidak Berkualiti/Sempurna

Syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek termasuk aspek kualiti kerja adalah menjadi tanggungjawab perunding yang telah dilantik. Lawatan Audit pada bulan Jun hingga Ogos 2014 mendapati perkara seperti yang berikut:

- a. sebahagian kerja yang telah dimasukkan dalam senarai kecacatan masih belum dibaiki atau telah rosak semula. Sehingga bulan Ogos 2014, sebanyak 2, 4 dan 5 kali Mesyuarat Kecacatan Bangunan telah diadakan masing-masing di PUO, PSA dan PIS. Bilangan kecacatan dan status pembaikan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.11
STATUS PEMBAIKAN DALAM TEMPOH KECACATAN BANGUNAN
SEHINGGA BULAN OGOS 2014

POLITEKNIK	TARIKH LAWATAN AUDIT	JUMLAH KECACATAN YANG DIREKODKAN/ DITEMUI	JUMLAH KECACATAN YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN PEMBAIKAN	BAKI	
				BIL.	PERATUS (%)
PUO	11.08.2014 – 15.08.2014	91	25	66	72.5
PSA	24.06.2014 – 26.06.2014	100	79	21	21.0
PIS	25.08.2014 – 27.08.2014	60	23	37	61.7
JUMLAH		251	127	124	49.4

Sumber : Lawatan Fizikal Audit Dan Minit Mesyuarat Kecacatan Bangunan

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 9 April 2015

PUO - Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) masih berjalan sehingga 26 Jun 2015. Daripada 52 baki kecacatan, sebanyak 39 kecacatan telah dibaiki sehingga 15 Mac 2015. Baki sebanyak 13 akan dibaiki secara berperingkat sebelum tamat DLP pada 26 Jun 2015.

PSA - Semua kecacatan telah dibaiki dan disahkan oleh pihak pengguna. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) telah dikeluarkan bertariikh 10 November 2014.

PIS - Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) telah tamat pada 11 November 2014. Sehingga tarikh ini jumlah kecacatan yang telah direkodkan adalah sebanyak 60 item dan 23 item telah dibaiki. Baki kecacatan sebanyak 37 dan 12 teguran Audit telah dimasukkan dalam senarai 49 kecacatan akhir yang perlu disiapkan dalam tempoh 3 bulan selepas tamat tempoh DLP. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja pembaikan dalam masa 30 hari, pihak ketiga akan dilantik dan kos pembaikan akan dipotong daripada Wang Jaminan Pelaksanaan. Sehingga 2 Februari 2015, sebanyak 34 daripada senarai kecacatan akhir telah diambil tindakan. Daripada 15 baki kecacatan, sebanyak 14 kecacatan telah dibaiki sehingga 10 Mac 2015. Manakala bagi item Cadweld, pihak kontraktor telah mengambil tindakan dan siap pada 30 Mac 2015. CMGD akan dikemukakan oleh pihak kementerian selepas syor daripada perunding diperolehi.

- b. terdapat kerja tidak berkualiti dan tidak mengikut spesifikasi kontrak. Bagaimanapun, kontraktor telah mengambil tindakan selepas teguran Audit. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 10.12
LOKASI DAN SENARAI DAN KERJA YANG TIDAK BERKUALITI

LOKASI	KETERANGAN	SELEPAS TEGURAN AUDIT
Bangunan COT Marin, PUO	Penyambungan pada <i>earth electrode</i> menggunakan <i>clamp</i> dan tidak menggunakan kaedah <i>exothermic welding</i> . Sistem pembumian yang menggunakan <i>clamp</i> tidak kukuh. Pengaratan mudah berlaku jika menggunakan skru yang tidak berkualiti dan ikatan mudah tertanggal. (Gambar 10.22 dan 10.23)	Penyambungan pada <i>earth electrode</i> telah dibuat menggunakan kaedah <i>exothermic welding</i> . (Gambar 10.24 dan 10.25)
	Kedudukan <i>test point</i> dan <i>earth chamber</i> untuk sistem perlindungan kilat tidak dapat ditemui seperti dalam lukisan. (contoh seperti Gambar 10.26 dan 10.27)	Pihak Perunding M&E memaklumkan bahawa berdasarkan semakan semula semasa pembinaan, mendapati 3 Test Point dan Earth Chamber di Blok COT Marin dan satu di Blok Mekanikal adalah memadai dan mencukupi seperti yang dibuat pihak kontraktor. Pelarasan semula (re-measurement) bagi item tersebut melibatkan pengurangan kuantiti akan dilakukan sebelum perakuan muktamad dikeluarkan.
	Tiada pelapik getah diletakkan di atas lantai di hadapan papan suis untuk mencegah bahaya renjatan elektrik semasa kerja penyenggaraan. (Gambar 10.28)	Pelapik getah telah dipasang di atas lantai di hadapan papan suis. (Gambar 10.29)
	<i>Copper bridge</i> tidak dipasang sepenuhnya pada setiap sambungan antara <i>trunking</i> . Setiap sambungan antara <i>trunking</i> perlu dibumikan dengan berkesan bagi tujuan keselamatan. (Gambar 10.30 dan 10.31)	<i>Copper bridge</i> telah dipasang pada setiap sambungan antara <i>trunking</i> . (Gambar 10.32 dan 10.33)
Bangunan COT Mekanikal, PUO	Lukisan litar skematik tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan. (Gambar 10.34)	Lukisan litar skematik telah dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan. (Gambar 10.35)
	Tiada pemasangan <i>test point</i> pada pengalir perlindungan kilat. Pemasangan perlindungan menggunakan paip konduit jenis besi pada pengalir perlindungan kilat adalah tidak sesuai kerana paip konduit masih dapat mengalirkan arus elektrik semasa berlaku panahan kilat. (Gambar 10.36)	<i>Test point</i> pada pengalir perlindungan kilat telah dipasang. (Gambar 10.37)
Bangunan COT Seni Kreatif, PIS	Penutup <i>earth chamber</i> pecah dan retak. (Gambar 10.38)	Dalam tindakan kontraktor.
	Penyambungan pada <i>earth electrode</i> tidak menggunakan kaedah <i>cad weld</i> seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak. Sistem pembumian yang menggunakan <i>clamp</i> tidak kukuh. Pengaratan mudah berlaku jika menggunakan skru yang tidak berkualiti dan ikatan mudah tertanggal. (Gambar 10.39)	Penyambungan pada <i>earth electrode</i> menggunakan kaedah <i>cad weld</i> telah diambil tindakan oleh kontraktor.
	Bilik suis utama tidak dilengkapi dengan sistem pengesanan kebakaran dan boleh menyebabkan kebakaran tidak dapat dikesan di peringkat permulaan apabila berlakunya kebakaran. (Gambar 10.40)	Perunding M&E dalam reka bentuknya tidak menyediakan sistem pengesanan kebakaran merujuk kepada Buku Panduan Undang-undang kecil bangunan Seragam – Jadual 10, tidak menyatakan keperluan khusus untuk menyediakan sistem pengesanan kebakaran dalam bilik suis utama.
	Alat pemadam api dan carta arahan rawatan renjatan elektrik tidak dilekatkan di permukaan dinding dalam bilik suis utama. (Gambar 10.41)	Dalam tindakan kontraktor.
	<i>Fire alarm</i> panel masih tidak dilengkapi dengan lukisan pelan bangunan (mimic diagram). Ini akan menyukarkan untuk mengesan kedudukan jika berlaku kebakaran. (Gambar 10.42)	<i>Fire alarm</i> panel telah dilengkapi dengan lukisan pelan bangunan (mimic diagram). (Gambar 10.43)
	Lukisan litar skematik tidak dilekatkan di bahagian dalam pintu papan agihan. (Gambar 10.44)	Dalam tindakan kontraktor.
Tiada penyambungan kabel bumi ke pintu papan suis bagi tujuan keselamatan. (Gambar 10.45)	Dalam tindakan kontraktor.	

LOKASI	KETERANGAN	SELEPAS TEGURAN AUDIT
	Kebanyakan papan tanda untuk lampu "KELUAR" tidak menyala yang sepatutnya sentiasa menyala. (Gambar 10.46 dan 10.47)	Dalam tindakan kontraktor
	<i>Outdoor feeder pillar</i> tidak dibina seperti yang dinyatakan dalam senarai kuantiti lukisan siap bina elektrik. (Gambar 10.48 dan 10.49)	<i>Feeder Pillar</i> untuk kawalan lampu jalan telah direkabentuk semula dan sistem kawalan tersebut telah dimasukkan dalam bilik suis utama disebabkan oleh ruang perimeter luar bangunan yang terhad dan untuk mengurangkan kos penyenggaraan. Bagaimanapun <i>As-built</i> yang dikemukakan adalah lukisan piawai bagi <i>feeder pillar</i> . Lukisan <i>As-built</i> yang terbaru dalam tindakan pihak kontraktor.
	Siling terbuka akibat tiupan angin kencang. (Gambar 10.50 hingga 10.53)	Siling terbuka akibat tiupan angin kencang telah dibaiki. (Gambar 10.54 dan 10.55)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.22



GAMBAR 10.23



Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
 - Penyambungan Pada Earth Electrode Menggunakan Clamp Dan Tidak Menggunakan Kaedah Exothermic Welding (11.08.2014)

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.24




GAMBAR 10.25



Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
 - Penyambungan Pada Earth Electrode Menggunakan Clamp Dan Telah Menggunakan Kaedah Exothermic (23.02.2015) (Sumber: KPM)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.26



GAMBAR 10.27



Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
 - Kedudukan Test Point Dan Earth Chamber Untuk Sistem Perlindungan Kilat Tidak Dapat Ditemui Seperti Dalam Lukisan (11.08.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.28



*Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
- Tiada Pelapik Getah Diletakkan Di Atas Lantai
Di Hadapan Papan Suis Untuk Mencegah Bahaya
Renjatan Elektrik Semasa Kerja Penyelenggaraan
(11.08.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.29



*Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
- Pelapik Getah Telah Diletakkan Di Atas Lantai
Di Hadapan Papan Suis Untuk Mencegah Bahaya
Renjatan Elektrik Semasa Kerja Penyelenggaraan
(23.02.2015)
(Sumber: KPM)*


SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.30



*Bilik MSB, Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
- Copper Bridge Tidak Dipasang Sepenuhnya Pada Setiap Sambungan Antara Trunking
(11.08.2014)*

GAMBAR 10.31




SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.32



*Bilik MSB, Bangunan COT Marin, PUO, Ipoh, Perak
- Copper Bridge Telah Dipasang Pada Setiap Sambungan Antara Trunking
(23.02.2015)
(Sumber: KPM)*

GAMBAR 10.33



SEMASA LAWATAN AUDIT


GAMBAR 10.34



*Bangunan COT Mekanikal, PUO, Ipoh, Perak
- Lukisan Litar Skematik Tidak Dilekatkan Di
Bahagian Dalam Pintu Papan Agihan
(11.08.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.35



*Bangunan COT Mekanikal, PUO, Ipoh, Perak
- Lukisan Litar Skematik Telah Dilekatkan Di
Bahagian Dalam Pintu Papan Agihan
(23.02.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT


GAMBAR 10.36



*Bangunan COT Mekanikal, PUO, Ipoh, Perak
- Tiada Pemasangan Test Point Pada
Pengalir Perlindungan Kilat
(25.08.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.37



*Bangunan COT Mekanikal, PUO, Ipoh, Perak
- Pemasangan Test Point Pada Pengalir
Perlindungan Kilat Telah Dipasang
(23.02.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.38



*Kotak Pembedian, Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor
- Penutup Earth Chamber Bagi Sistem
Perlindungan Kilat Pecah Dan Retak
(25.08.2014)*

GAMBAR 10.39



*Kotak Pembedian, Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor
- Penyambungan Pada Earth Electrode Tidak
Menggunakan Kaedah Cad Weld Seperti Yang
Dinyatakan Dalam Dokumen Kontrak
(25.08.2014)*

GAMBAR 10.40



*Bilik MSB, Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor*
- Bilik Suis Utama Tidak Dilengkapi Dengan
Sistem Pengesan Kebakaran
(25.08.2014)

GAMBAR 10.41



*Bilik MSB, Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor*
- Alat Pemadam Api Dan Carta Arahkan Rawatan
Renjatan Elektrik Tidak Dilekatkan Di Permukaan
Dinding Dalam Bilik Suis Utama
(25.08.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.42



*Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor*
- Fire Alarm Panel Masih Tidak Dilengkapi Dengan
Lukisan Pelan Bangunan (Mimic Diagram)
(25.08.2014)

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.43



*Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor*
- Fire Alarm Panel Telah Dilengkapi Dengan
Lukisan Pelan Bangunan (Mimic Diagram)
(23.02.2015)
(Sumber : KPM)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.44



*Pejabat Aras Satu, Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor*
- Lukisan Litar Skematik Tidak Dilekatkan
Di Bahagian Dalam Pintu Papan Agihan
(25.08.2014)

GAMBAR 10.45



*Pejabat Aras Satu, Bangunan COT Seni Kreatif,
PIS, Pasir Gudang, Johor*
- Tiada Penyambungan Kabel Bumi Ke Pintu
Papan Suis Bagi Tujuan Keselamatan
(25.08.2014)

GAMBAR 10.46




**Lobi Aras Bawah, Bangunan COT Seni Kreatif, PIS, Pasir Gudang, Johor
- Papan Tanda Untuk Lampu "KELUAR" Tidak Menyala
(25.08.2014)**

GAMBAR 10.47




SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.48



GAMBAR 10.49



**Pelan Bangunan COT Seni Kreatif, PIS, Pasir Gudang, Johor
- Outdoor Feeder Pillar Tidak Dibina Seperti Yang Dinyatakan Dalam Senarai Kuantiti Lukisan Siap Bina Elektrik
(25.08.2014)**

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 10.50



GAMBAR 10.51



**Tandas Wanita, Aras 1, Bangunan COT Seni Reka Kreatif, PIS, Pasir Gudang, Johor
- Siling Terbuka Akibat Tiupan Angin Kencang
(25.08.2014)**

GAMBAR 10.52



GAMBAR 10.53



**Tandas Lelaki, Aras 2, Bangunan COT Seni Reka Kreatif, PIS, Pasir Gudang, Johor
- Siling Terbuka Akibat Tiupan Angin Kencang
(25.08.2014)**

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 10.54



GAMBAR 10.55



*Tandas Wanita Dan Lelaki Di Aras 1 Dan 2, Bangunan COT Seni Reka Kreatif, PIS, Pasir Gudang, Johor
- Siling Telah Dibaiki
(23.02.2015)
(Sumber : KPM)*

Pada pendapat Audit, bagi kecacatan yang masih belum dibaiki tindakan pembaikan hendaklah dibuat dengan segera oleh kontraktor. Sekiranya gagal, pihak ketiga perlu dilantik dan bayaran dikenakan kepada kontraktor berkenaan. Kementerian juga perlu memastikan perunding melaksanakan tanggungjawabnya dalam pemantauan pelaksanaan projek supaya kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan berkualiti.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015

Pihak Kementerian akan memastikan semua kecacatan yang telah disenaraikan dibaiki oleh pihak kontraktor. Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan dalam tempoh yang diberikan, pihak ketiga akan dilantik untuk melaksanakan kerja membaiki kecacatan dan kos akan dibayar menggunakan Wang Jaminan Pelaksanaan. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan hanya akan dikeluarkan selepas kerja membaiki kecacatan disempurnakan. Sebanyak 12 teguran Audit telah dimasukkan dalam senarai akhir kecacatan dan sebahagiannya masih lagi dalam tindakan kontraktor.

10.5.4. Perolehan Bahan Rujukan

Sehingga bulan Disember 2014, Kementerian telah mengagihkan sejumlah RM2.57 juta untuk bahan rujukan dalam bidang tujahan di ketiga-tiga politeknik dan sejumlah RM1.97 juta (77%) telah dibelanjakan di PSA dan PUO manakala PIS masih belum menerima sebarang peruntukan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan bahan rujukan mendapati perkara seperti yang berikut:

a. Pembekalan Bahan Rujukan Tidak Mengikut Judul Yang Ditetapkan

- i. PSA telah menerima waran peruntukan berjumlah RM0.30 juta pada 26 Julai 2011 bagi pembekalan bahan rujukan dan telah melaksanakan perolehan secara sebut harga bagi 1,460 buah buku bernilai RM299,986. Jawatankuasa Sebut Harga telah bersetuju memilih Syarikat Mawaddah Books Sdn. Bhd. bagi membekalkan buku rujukan mengikut judul buku

yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pembangunan Politeknik Premier (GP). SST dikeluarkan pada 25 Oktober 2011 dan selesai pembekalan pada 23 November 2011. Semakan Audit terhadap baucar bayaran berkaitan mendapati nota serahan bertarikh 23 November 2011 yang menyokong baucar bayaran berkenaan adalah menyamai senarai judul yang dinyatakan dalam pesanan tempatan. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 99 buah buku bernilai RM24,995 yang diterima mengikut judul yang ditetapkan manakala 404 buah buku bernilai RM274,992 tidak mengikut judul yang ditetapkan. Keadaan ini berlaku disebabkan nota serahan sebenar bertarikh 22 November 2011 tidak dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, PSA bagi tujuan pembayaran. Butiran perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.13
BUKU YANG TIDAK DIBEKALKAN DI PSA

KETERANGAN	JUMLAH BUKU	NILAI HARGA BUKU (RM)
Jumlah buku yang sepatutnya dibekalkan mengikut judul	1,460	299,986
Jumlah buku yang dibekalkan mengikut judul	99	24,994
Jumlah buku yang dibekalkan tidak mengikut judul	404	274,992
Jumlah buku yang tidak dibekalkan mengikut judul	1,361	-

Sumber : Fail Sebut Harga, Baucar Bayaran Dan Delivery Order

- ii. Semakan Audit juga mendapati PSA meragui perolehan ini khususnya dari segi harga dan jumlah buku yang diterima. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan oleh PSA pada 20 April 2012. Hasil siasatan telah disediakan pada 10 Mei 2012 dan telah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik pada 21 Jun 2012. Bagaimanapun, sehingga kini tiada tindakan lanjut diambil oleh Kementerian.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015, 12 Mac 2015 Dan 9 April 2015

Oleh kerana tempoh pelantikan pembekal hanya dibuat pada bulan Oktober 2011 menyebabkan tempoh masa untuk membuat pesanan buku adalah terlalu singkat, seperti yang dimaklumkan pembekal. Kebanyakan buku perlu dipesan dari Singapura, United Kingdom dan United States dan tempoh penghantaran adalah dalam masa 3 bulan. Semasa sebut harga dilakukan, pihak pembekal memaklumkan bahawa pihak penerbit menjanjikan buku tersebut terdapat di pasaran, tetapi setelah dua bulan berlalu sebahagian buku tidak dapat dipesan kerana telah kehabisan stok atau out of print.

Merasakan satu kerugian kepada politeknik, jika pihak perpustakaan tidak menerima buku gantian, maka pihak perpustakaan telah meminta beberapa orang pensyarah untuk mencadangkan judul buku baru sebagai gantian. Untuk pengetahuan juga buku gantian tersebut telah dipilih sendiri oleh pihak pensyarah.

Oleh kerana buku yang dibekalkan adalah buku gantian dengan judul dan penerbit yang berbeza, maka terdapat perbezaan harga. Buku gantian juga adalah buku terbitan terbaru, mempunyai kulit keras dan edisi terkini menyebabkan harganya agak mahal.

Siasatan oleh JKSD kementerian telah dilaksanakan dan hasil siasatan yang dijalankan pihak JKSD mengesyorkan agar tindakan tatatertib yang sewajarkan perlu dikenakan kepada pegawai berkenaan kerana tidak jujur atau tidak amanah, tidak bertanggungjawab dan cuai dalam melaksanakan tugas. Beliau didapati melanggar peraturan perolehan pembekalan. Laporan siasatan ini telah dipanjangkan ke BPSM untuk tindakan selanjutnya.

- iii. PUO pada tahun 2011 telah melaksanakan perolehan **secara pembelian terus** bagi 1,011 judul bahan rujukan melibatkan bayaran bernilai RM330,683. Semakan Audit mendapati hanya 201 daripada 1,011 (19.88%) buku bernilai RM24,256 yang dibekalkan mengikut judul yang ditetapkan dalam GP atau pesanan tempatan. Semakan Audit juga mendapati bilangan judul buku yang dibekalkan melebihi sebanyak 312 judul berbanding bilangan yang dinyatakan dalam pesanan tempatan. Temu bual bersama Pustakawan PUO mendapati bahan rujukan yang dinyatakan pada GP tersebut adalah edisi yang lama dan tidak relevan dengan silibus semasa Jabatan/Program. Butiran perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.14
PEROLEHAN BUKU TIDAK MENGIKUT JUDUL DI PUO

NAMA SYARIKAT	AMAUN (RM)	JUDUL BUKU MENGIKUT PESANAN TEMPATAN (Bil.)	JUDUL BUKU DIBEKAL MENGIKUT INVOIS (Bil.)	JUDUL BUKU DIBEKAL IKUT PESANAN TEMPATAN	
				BIL.	AMAUN (RM)
Blackburn Enteprise	30,948	357	470	168	7,070
Permata HM Enteprise	49,938	73	121	9	6,252
Lestari Knowledge	49,985	135	238	2	935
Detik Evolusi Sdn. Bhd.	49,996	91	120	3	1,862
AB Labok Enteprise	49,991	156	147	14	5,711
Edisi Media Enterprise	49,921	78	126	1	737
Syarikat Nada Illusi Sdn. Bhd.	49,904	121	101	4	1,689
JUMLAH	330,683	1,011	1,323	201	24,256

Sumber : Baucar Bayaran PUO

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015, 12 Mac 2015 Dan 9 April 2015

Politeknik telah menukar sebanyak 810 judul (80.2%) bagi perolehan tahun 2011 kerana senarai judul yang terkandung di dalam Garis Panduan Pembangunan Politeknik Premier adalah merupakan judul lama yang belum diubahsuai.

Pertukaran judul baru Silibus hanya dibentangkan pada tahun 2013 melibatkan semua program yang terdapat di Politeknik Malaysia. Cadangan judul baru ini adalah berdasarkan teguran Audit Malaysian Qualifications Agency yang menyatakan bahawa semua buku rujukan bagi menyokong silibus mestilah berusia 5 tahun atau kurang.

Pihak pembekal telah memohon politeknik agar menyenaraikan keperluan buku rujukan yang baru. Ketua Program di PUO telah diberi tanggungjawab untuk mengganti buku yang gagal diperolehi dengan buku baru yang berkaitan bidang masing-masing. Mereka juga disaran supaya mengganti judul yang telah tiada dengan judul dan harga yang setara.

Pihak politeknik mengambil maklum akan teguran Audit. Semasa permohonan kelulusan Pembelian Tempatan, senarai buku ada dikepilkan sekali tetapi semasa baucar bayaran dilaksanakan, senarai buku tidak dikepilkan. Oleh itu, tatacara perolehan dan pembayaran yang betul akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Siasatan oleh JKSD kementerian mendapati bahawa perkara ini berlaku tanpa motif atau unsur penyelewengan dan salah guna kuasa, maka JKSD mengesyorkan pegawai yang bertanggungjawab diberi teguran supaya perkara ini tidak berulang lagi. Laporan siasatan ini dipanjangkan ke BPSM untuk tindakan selanjutnya.

b. Perolehan Bahan Rujukan Dipecah Kecil

- i. Arahan Perbendaharaan 170 dan 171 menetapkan perolehan bekalan melebihi RM50,000 dan tidak melebihi RM500,000 setahun hendaklah dibuat secara sebut harga. Semakan mendapati PUO telah membelanjakan sejumlah RM330,683 pada tahun 2011 dan RM368,551 pada tahun 2012 bagi perolehan bahan rujukan secara pembelian terus melibatkan 19 baucar bayaran. Maklumat terperinci adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 10.15
PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS DI PUO**

NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH	NAMA SYARIKAT	KETERANGAN	AMAUN (RM)
TAHUN 2011				
B3802	08.12.2011	Blackburn Enteprise	Pembelian buku rujukan	30,948
B3746	06.12.2011	Permata HM Enteprise	Pembelian buku rujukan	49,938
B3748	06.12.2011	Lestari Knowledge	Pembelian buku rujukan	49,985
B3744	06.12.2011	Detik Evolusi Sdn. Bhd.	Pembelian buku rujukan	49,996
B3745	06.12.2011	AB Labok Enteprise	Pembelian buku bagi JMSK dan Diploma Teknologi Maklumat	49,991
B3801	08.12.2011	Edisi Media Enterprise	Pembelian buku rujukan	49,921
B3743	06.12.2011	Syarikat Nada Ilusi Sdn. Bhd.	Pembelian buku rujukan	49,904
JUMLAH				330,683

NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH	NAMA SYARIKAT	KETERANGAN	AMAUN (RM)
TAHUN 2012				
B1821	13.06.2012	Detik Evolusi Sdn. Bhd.	Membekal buku rujukan Jabatan Kejuruteraan Elektrik	49,995
B1820	13.06.2012	AB Labok Enteprise	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	49,991
B1823	13.06.2012	Blackburn Enteprise	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	39,999
B1819	13.06.2012	Edisi Media Enteprise	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	49,921
B1822	13.06.2012	Permata HM Enteprise	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	49,938
B1825	13.06.2012	Lestari Knowledge	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	49,985
B2321	26.07.2012	Nada Illusi Sdn. Bhd.	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	49,904
B2884	24.09.2012	Sirim Berhad	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	10,968
B2819	19.09.2012	Dinaza Enteprise	Membekal buku pelajaran untuk perpustakaan PUO	5,868
B2881	24.09.2012	Media Mewah Teguh Sdn. Bhd.	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	4,828
B3896	11.11.2012	Red Money Sdn. Bhd.	Membekal majalah untuk perpustakaan PUO	5,900
B4277	02.01.2013	PGN Media Services Sdn. Bhd.	Membekal buku rujukan untuk perpustakaan PUO	1,254
JUMLAH				368,551
JUMLAH KESELURUHAN				699,234

Sumber : Baucar Bayaran PUO

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 9 Mac 2015

Perpustakaan telah membuat perolehan secara pecah kecil kerana ada beberapa program baharu yang akan memulakan sesi pengajiannya dalam tempoh terdekat dan memerlukan perolehan segera. Program itu adalah Diploma Lanjutan Teknologi Maklumat (Keselamatan Maklumat), Diploma Lanjutan Keusahawanan dan Diploma Lanjutan Pengurusan Harta Islam yang bermula pada bulan Jun 2012. Manakala Diploma Lanjutan Pengurusan Akauntansi bermula pada bulan Disember 2011 dan Diploma Lanjutan Teknologi Maklumat (Rangkaian) bermula pada bulan Disember 2012. Bagaimanapun, pihak politeknik akan memastikan perolehan pada masa akan datang dilaksanakan mengikut peraturan dan pekeliling kewangan yang berkuat kuasa.

Siasatan oleh JKSD kementerian mendapati bahawa perkara ini berlaku tanpa motif atau unsur penyelewengan dan salah guna kuasa, maka JKSD mengesyorkan pegawai yang bertanggungjawab diberi teguran supaya perkara ini tidak berulang lagi. Laporan siasatan ini dipanjangkan ke BPSM untuk tindakan selanjutnya.

Pada pendapat Audit, walaupun terdapat keperluan mendesak bagi perolehan buku kelulusan terhadap sebarang perubahan judul dan harga buku hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Sebut Harga yang meluluskan perolehan tersebut. Berdasarkan kelulusan tersebut, Pesanan Tempatan baru hendaklah dikeluarkan yang sepatutnya menyamai Nota Serahan yang dikemukakan oleh pembekal dan menjadi dokumen sokongan kepada baucar bayaran. Tindakan tidak mengemukakan nota serahan sebenar bagi tujuan pembayaran dan memperaku nota serahan yang tidak betul adalah menyalahi peraturan kewangan. Selain itu, senarai bahan rujukan terkini yang diperlukan hendaklah disediakan dan diluluskan oleh pihak berkaitan serta membuat kajian pasaran harga sebelum membuat perolehan. Perolehan bagi keperluan perpustakaan hendaklah dibuat mengikut kaedah perolehan yang ditetapkan dan tidak boleh dipecah kecilkan mengikut Jabatan/ Program kerana ia boleh dibeli dari sumber yang sama.

10.5.5. Pemantauan Projek

Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif akan dapat memastikan pengurusan pembangunan Politeknik Premier diuruskan dengan cekap dan teratur serta siap dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya. Mesyuarat tapak secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali di antara BPPT, kontraktor, perunding yang dilantik dan wakil Politeknik Premier bagi membincangkan status projek, penyediaan laporan bulanan, bayaran kemajuan kerja dan masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek adalah perlu. Selain itu, penyelia tapak/wakil kontraktor/perunding perlu mengadakan pemeriksaan tapak secara berkala bagi tujuan menyelia kerja dan pengesahan tuntutan bagi tujuan tuntutan bayaran kemajuan kerja. Semakan Audit mendapati mesyuarat/lawatan tapak telah diadakan di antara 6 hingga 41 kali bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 yang dihadiri oleh BPPT, kontraktor, perunding yang dilantik dan wakil Politeknik Premier serta laporan kemajuan telah disediakan setiap bulan oleh perunding dan dikemukakan kepada Kementerian serta dibincangkan di mesyuarat tapak. Kekekapan mesyuarat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.16
KEKERAPAN MESYUARAT PROJEK NAIK TARAF POLITEKNIK PREMIER

NAMA MESYUARAT	TAHUN/KEKERAPAN		
	2012	2013	2014
Mesyuarat Pra Pembinaan	1	-	-
Mesyuarat Pemeriksaan Tapak	1	-	-
Mesyuarat Tapak	26	41	6
Kecacatan Bangunan	-	-	9
JUMLAH	28	41	15

Sumber : Minit Mesyuarat Tapak Dan Mesyuarat Kecacatan Bangunan

Pada pendapat Audit, walaupun mesyuarat tapak telah diadakan tetapi koordinasi di antara pihak yang terlibat perlu dipertingkatkan lagi pada masa akan datang bagi memastikan kerja dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan menghasilkan kerja yang berkualiti bagi mencapai objektif yang dirancang.

10.5.6. Kajian Kepuasan Pelanggan

Untuk menilai tahap kepuasan pegawai atau pelanggan terhadap program pembangunan Politeknik Premier yang dilaksanakan, pihak Audit telah mendapatkan maklum balas melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pegawai Politeknik Premier. Perkara yang dinilai adalah melibatkan kesesuaian lokasi projek, keluasan ruang, susun atur ruang yang sesuai dan selesa bagi kemudahan yang disediakan, peruntukan yang mencukupi serta tahap kepuasan berkaitan faedah/keselesaian pembangunan Politeknik Premier. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 60 borang soal selidik telah diedarkan kepada pegawai Politeknik Premier terlibat. Selain itu, keperluan perjawatan di COT juga dinilai dan bagi tujuan ini sebanyak 45 borang soal selidik telah diedarkan kepada pegawai COT. Butiran penemuan adalah seperti yang berikut:

10.5.6.1. Pembangunan Politeknik Premier

Sebanyak 56 (93.3%) daripada 60 pegawai daripada PUO, PSA dan PIS telah mengembalikan borang soal selidik kepada pihak Audit. Analisis terhadap maklum balas yang diterima mendapati tahap kepuasan terhadap pengurusan pembangunan Politeknik Premier adalah baik. Seramai 98% pegawai berpuas hati dengan tapak dan lokasi bangunan COT dan 75% pegawai berpuas hati dengan keluasan dan keselesaian ruang yang disediakan. Bagaimanapun, 50% pegawai berpendapat peruntukan tidak mencukupi bagi bahan rujukan dan geran penyelidikan dalam bidang tujahan serta 41% pegawai berpendapat peralatan pembelajaran khususnya komputer tidak mencukupi.

10.5.6.2. Perjawatan COT Tidak Mencukupi

Sebanyak 45 (100%) pegawai daripada PUO, PSA dan PIS telah mengembalikan borang soal selidik kepada pihak Audit. Analisis terhadap maklum balas yang diterima menunjukkan pada umumnya pegawai COT tidak berpuas hati dengan perjawatan sedia ada. Sebanyak 95.6% pegawai berpendapat perjawatan di COT tidak mencukupi, 100% pegawai menyatakan mereka menjalankan tugas lain selain di COT dan 97.8% pegawai menyatakan mereka mempunyai beban tugas yang tinggi. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 10.17
TAHAP KEPUASAN PELANGGAN POLITEKNIK PREMIER

PERKARA	YA (%)	TIDAK (%)	TIDAK MENJAWAB (%)	ULASAN
Perjawatan di COT mencukupi	4.4	95.6	-	<ul style="list-style-type: none"> • Terlalu banyak tugas sampingan • Tiada perjawatan khas COT • Membebankan Pensyarah yang sepatutnya memberi fokus kepada Pengajaran dan Pembelajaran iaitu tugas hakiki • Pegawai COT melaksanakan tugas perkeranian, Pengajaran dan Pembelajaran, pegawai penyelidikan dan perlu mencapai KPI COT yang ditetapkan
Pegawai menjalankan tugas lain selain COT	100.0	-	-	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajar • Menjalankan penyelidikan • Penyelaras kursus • Ketua bidang • Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa
Beban tugas yang tinggi	88.9	-	11.1	-
Berpuas hati dengan tugas yang dijalankan dengan mengambil kira faktor kekangan dan kelebihan di COT	28.9	68.9	2.2	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelidikan • Tiada perjawatan juruteknik makmal • Tiada pembantu tadbir untuk melaksanakan tugas pentadbiran

Sumber : Soal Selidik Perjawatan COT Dan Waran Perjawatan

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 25 Februari 2015 Dan 9 April 2015

Waran peruntukan pembangunan bagi membangunkan COT bagi 3 politeknik (PUO, PSA dan PIS) telah diturunkan pada 19 Ogos 2014 iaitu PUO sejumlah RM0.50 juta, PSA sejumlah RM1.20 juta dan PIS sejumlah RM2 juta. Bagi tahun 2015, sebanyak RM1 juta bagi setiap Politeknik Premier telah diluluskan oleh EPU. Manakala bagi perjawatan pula, JPA telah meluluskan satu perjawatan Pegawai Pembangunan Teknologi bagi setiap Politeknik Premier pada tahun 2015. Kelulusan jawatan tersebut adalah secara "trade-off" jawatan sedia ada dan bukan jawatan baru. Surat waran perjawatan telahpun dihantar ketiga-tiga Politeknik (PUO, PSA dan PIS) bertarikh 29 Januari 2015 untuk memaklumkan kelulusan Waran Perjawatan Bil. W.P. S.124 tahun 2014 bertarikh 25 Julai 2014.

Kajian keperluan perjawatan sentiasa dibuat oleh kementerian secara berterusan. Bagaimanapun, kelulusan perjawatan masih tertakluk kepada dasar perjawatan yang dikeluarkan oleh JPA dan peruntukan kewangan oleh Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu mengkaji cadangan penambahbaikan daripada pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan COT. Keperluan perjawatan di COT hendaklah dikaji semula bagi meningkatkan kepuasan pegawai dan pencapaian KPI COT.

10.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan pembangunan Politeknik Premier pada masa akan datang, Kementerian perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti yang berikut:

- 10.6.1. membuat perancangan teliti dari aspek perolehan bahan rujukan serta penyaluran geran penyelidikan bagi memastikan peruntukan yang diterima dapat dimanfaatkan;
- 10.6.2. memberi penekanan terhadap pencapaian elemen KPI yang masih rendah seperti penulisan jurnal dan geran penyelidikan;
- 10.6.3. memastikan tindakan diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan;
- 10.6.4. reka bentuk bangunan hendaklah mengambil kira keperluan pengguna dan tidak membahayakan mereka;
- 10.6.5. semua perolehan hendaklah mematuhi pekeliling dan peraturan kewangan semasa agar Kerajaan mendapat *best value for money* serta tindakan tatatertib atau surcaj perlu dikenakan terhadap pegawai yang telah melanggar peraturan dalam pengurusan perolehan;
- 10.6.6. pemantauan projek dari segi koordinasi antara pihak yang terlibat perlu dipertingkatkan pada masa hadapan agar projek dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan dan kualiti binaan dapat ditingkatkan; dan
- 10.6.7. mengkaji semula keperluan perjawatan pegawai di Pusat Teknologi bagi meningkatkan kepuasan dan pencapaian KPI.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

11. PENGURUSAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN SEKOLAH NEGERI SABAH DI BAWAH PEROLEHAN DARURAT

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Pembaikan sekolah secara kecemasan di bawah perolehan darurat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) dengan tujuan untuk membaiki kerosakan keseluruhan sekolah yang berpotensi mengancam keselamatan murid, guru dan orang awam. Antara jenis kerosakan yang dibaiki melalui peruntukan perolehan darurat ini adalah kerosakan yang disebabkan oleh bencana seperti kebakaran, banjir, ribut, kegagalan cerun ataupun apabila bangunan sekolah diisytiharkan tidak selamat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

11.1.2. Antara skop kerja pembaikan kerosakan yang dilaksanakan di bawah perolehan darurat adalah seperti berikut:

- i. pembinaan bilik darjah sementara (secara transit);
- ii. pembaikan kuarters bagi penempatan sementara pelajar;
- iii. penstabilan sementara struktur bangunan;
- iv. kerja-kerja membaik pulih struktur bangunan tanpa menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran; dan
- v. pembaikan terhadap kemas arkitek yang disebabkan oleh kerja pembaikan struktur.

11.1.3. Arahan Perbendaharaan (AP) 173.2 menyatakan perolehan darurat sebagai perolehan yang perlu dibuat segera atau serta merta di mana kelewatan perolehan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam. Dalam hal demikian perolehan hendaklah dihadkan kepada kuantiti bekalan yang mencukupi dan skop perkhidmatan serta skop kerja setakat untuk menampung keperluan darurat yang berkenaan. Kementerian/Jabatan atau agensi yang memerlukan peruntukan perolehan darurat juga perlu menyediakan Laporan Keperluan Perolehan Darurat dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri untuk tujuan penyiasatan dan pengauditan.

11.1.4. Pada akhir tahun 2011, Kementerian Kewangan Malaysia telah menjalankan pengauditan perolehan secara darurat yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian. Hasil siasatan dan pengauditan yang dijalankan, Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju meluluskan permohonan Kementerian supaya

kerja-kerja pembaikan struktur di 27 buah sekolah yang sedang dilaksanakan diuruskan mengikut kaedah perolehan darurat berdasarkan AP 173.2. Setakat 31 Disember 2013, kos keseluruhan kerja-kerja pembaikan ini berjumlah RM342.90 juta.

11.1.5. Pembaikan sekolah secara kecemasan di Negeri Sabah adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA), Kementerian. Garis Panduan yang digunakan dalam menguruskan pembaikan sekolah adalah Garis Panduan Penyelenggaraan Bagi Kerja-Kerja Kecemasan Bil.5/2009. Pegawai Penguasa projek bagi semua kerja pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian dan tanggungjawab wakil Pegawai Penguasa dilaksanakan oleh Perunding yang dilantik.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembaikan sekolah di Negeri Sabah di bawah perolehan darurat. Antara aspek yang disemak adalah seperti objektif projek, pematuhan kepada syarat kontrak, tatacara perolehan, kualiti dan spesifikasi kerja pembaikan berkaitan serta penggunaan kemudahan, ruangan dan peralatan yang disediakan. Bagi tujuan ini, semakan telah dijalankan di BPPA, Kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPN Sabah). Pelaksanaan pengauditan yang dilaksanakan bagi 4 projek pembaikan sekolah terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.1
BUTIRAN PROJEK YANG DIPILIH UNTUK PENGAUDITAN

SEKOLAH	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP	KOS PROJEK (RM Juta)
SMK Datuk Panglima Abdullah, Semporna	Syarikat GVC Indah Sdn. Bhd.	09.05.2012	20.80
SMK Kinarut, Papar	Kontraktor F.A Sdn. Bhd.	09.03.2012	20.75
SMK Putatan, Kota Kinabalu	Sutera Laba Sdn. Bhd.	09.03.2012	19.24
SMK Bandaraya, Kota Kinabalu	Kibaran Pelangi Sdn. Bhd	09.03.2012	20.20
JUMLAH			80.99

11.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kontrak dan projek serta menganalisis maklumat di BPPA, Kementerian serta di JPN Sabah. Semakan dokumen penyeliaan telah dijalankan di pejabat perunding yang dilantik oleh

BPPA, Kementerian. Selain itu, temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang terlibat, perunding dan kontraktor. Pemeriksaan fizikal/lawatan tapak dibuat bagi menentukan kerja-kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan kualiti kerja memuaskan. *Exit Conference* yang dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Wakil Kementerian Kewangan Malaysia, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Syarikat Perunding dan kontraktor bagi membincangkan penemuan audit dan mendapatkan maklum balas juga telah diadakan pada 17 Mac 2015 di Putrajaya.

11.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2014 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan kerja pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat oleh Kementerian adalah baik daripada aspek pengurusan perbelanjaan dan pelaksanaan projek. Bagaimanapun, lawatan Audit ke sekolah-sekolah yang dipilih mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- i. kualiti kerja dilaksanakan tidak memuaskan;
- ii. kerja dilaksanakan tidak sempurna;
- iii. kerja dilaksanakan/kemudahan dibekalkan tidak praktikal/tidak sesuai; dan
- iv. kerosakan kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan belum diambil tindakan pembaikan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

11.5.1. Prestasi Projek

11.5.1.2. Prestasi Perbelanjaan

Peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan pembaikan sekolah Negeri Sabah di bawah perolehan darurat berjumlah RM344.97 juta. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah RM342.90 juta iaitu 99.4% daripada siling peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Butiran lanjut berkenaan siling projek dan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.2
SILING PROJEK DAN PERBELANJAAN BAGI PROJEK PEMBAIKAN
SEKOLAH DI NEGERI SABAH DI BAWAH PEROLEHAN DARURAT

BIL.	NAMA SEKOLAH	SILING PROJEK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	SMK Gum-Gum	16.94	16.41	96.9
2.	SMK(P) Likas	13.40	12.88	96.2
3.	SMK Tenghilan	17.42	17.20	98.7
4.	SK Bubul	7.22	7.22	100.0
5.	SMK Bugaya	18.46	18.46	100.0

BIL.	NAMA SEKOLAH	SILING PROJEK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
6.	SK Bugaya	6.91	6.91	100.0
7.	SMK Elopura	4.05	4.03	99.6
8.	SMK Elopura (2)	10.00	9.95	99.5
9.	SMK Bongawan	2.00	1.99	99.6
10.	SMK Bongawan (2)	7.13	7.09	99.5
11.	SK Rosob	1.15	1.15	100.0
12.	SK Seri Pantai	0.71	0.71	100.0
13.	SK Bahagia, SK Kukusan, SK Jambatan Putih	38.50	38.50	100.0
14.	SK Sangau, Kinabatangan	1.05	1.05	100.0
15.	SMK Kunak	16.20	16.20	100.0
16.	SK Bukit Padang	16.55	16.55	100.0
17.	SK Pekan Kinarut	12.78	12.78	100.0
18.	SMK Datuk Panglima Abdullah	20.80	20.80	100.0
19.	SMT Lahad Datu	18.80	18.80	100.0
20.	SMK Kinarut	20.75	20.75	100.0
21.	SMK Bandaraya	20.20	20.20	100.0
22.	SMK Putatan	19.24	19.24	100.0
23.	SMKA Kota Kinabalu	20.50	20.06	97.9
24.	SK Pendidikan Khas, Kota Kinabalu	10.40	10.39	99.9
25.	SK Pulau Gaya	19.90	19.65	98.8
26.	SMK Maktab Sabah, SMK Pulau Gaya, SMK Abdul Rahim, SMK Penanggah	3.16	3.16	99.8
27.	SK Simunul, SK Pekan Semporna, SK Agaseh	0.75	0.75	100.0
JUMLAH KESELURUHAN		344.97	342.90	99.4

Sumber : Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset, Kementerian

Nota : (*) - Peruntukan Dan Perbelanjaan Adalah Termasuk Yuran Perunding

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan oleh Kementerian terhadap peruntukan bagi projek pembaikan sekolah Negeri Sabah di bawah perolehan darurat adalah baik kerana ia telah mencapai antara 96.2% hingga 100% daripada siling projek.

11.5.1.3. Pencapaian Fizikal

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian, tempoh penyiapan bagi kerja pembaikan sekolah adalah antara 6 hingga 18 bulan. Kesemua projek telah diperaku siap dan Sijil Pengesahan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion* [CPC]) dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Prestasi fizikal kerja-kerja pembaikan sekolah adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.3
PRESTASI FIZIKAL PROJEK PEMBAIKAN SEKOLAH
NEGERI SABAH DI BAWAH PEROLEHAN DARURAT

BIL.	NAMA SEKOLAH	TARIKH SIAP ASAL	TARIKH MULA	TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH SIAP SEBENAR	TARIKH TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN
1.	SMK Gum-Gum	06.04.2011	07.01.2010	06.04.2011	15 bulan	05.04.2013
2.	SMK(P) Likas	06.03.2011	07.01.2010	05.06.2011	14 bulan	04.06.2013
3.	SMK Tenghilan	06.07.2011	07.01.2011	18.02.2012	18 bulan	17.02.2014
4.	SK Bubul	06.01.2011	07.01.2010	11.04.2011	12 bulan	10.04.2013
5.	SMK Bugaya	13.12.2010	07.01.2010	06.07.2011	18 bulan	05.07.2013
6.	SK Bugaya	06.01.2011	07.01.2010	13.12.2010	12 bulan	12.12.2012
7.	SMK Elopura	14.07.2010	14.09.2009	14.07.2010	10 bulan	13.07.2012
8.	SMK Elopura (2)	25.01.2011	26.07.2010	12.01.2011	6 bulan	11.01.2013
9.	SMK Bongawan	14.07.2010	14.09.2009	14.07.2010	10 bulan	13.07.2012
10.	SMK Bongawan (2)	25.01.2011	26.07.2010	24.01.2011	6 bulan	23.01.2013
11.	SK Rosob	25.01.2011	29.09.2010	25.01.2011	17 minggu	24.01.2013
12.	SK Seri Pantai	31.01.2011	11.11.2010	31.01.2011	11 minggu	30.01.2013
13.	SK Bahagia, SK Kukusan, SK Jambatan Putih	23.06.2012	24.04.2011	30.04.2012	14 bulan	29.04.2014
14.	SK Sangau, Kinabatangan	04.10.2011	05.09.2011	04.10.2011	1 bulan	03.10.2012
15.	SMK Kunak	31.12.2011	01.11.2010	31.12.2011	14 bulan	30.12.2013
16.	SK Bukit Padang	07.04.2012	08.12.2010	09.03.2012	16 bulan	08.03.2014
17.	SK Pekan Kinarut	09.03.2012	10.01.2011	09.03.2012	14 bulan	08.03.2014
18.	SMK Datuk Panglima Abdullah	09.05.2012	10.01.2011	09.05.2012	16 bulan	08.05.2014
19.	SMT Lahad Datu	09.05.2012	10.01.2011	09.05.2012	16 bulan	08.05.2014
20.	SMK Kinarut	09.03.2012	10.01.2011	25.02.2012	14 bulan	24.02.2014
21.	SMK Bandaraya	09.03.2012	10.01.2011	09.03.2012	14 bulan	08.03.2014
22.	SMK Putatan	09.03.2012	10.01.2011	09.03.2012	14 bulan	08.03.2014
23.	SMKA Kota Kinabalu	20.10.2012	21.10.2011	20.10.2012	12 bulan	19.10.2014
24.	SK Pendidikan Khas, Kota Kinabalu	20.10.2012	21.10.2011	20.10.2012	10 bulan	19.10.2014
25.	SK Pulau Gaya	20.10.2012	21.10.2011	20.10.2012	12 bulan	19.10.2014
26.	SMK Maktab Sabah, SMK Pulau Gaya, SMK Abdul Rahim, SMK Penangah	17.02.2013	18.10.2012	17.02.2013	5 bulan	16.02.2015
27.	SK Simunul, SK Pekan Semporna, SK Agaseh	17.02.2013	18.10.2012	17.02.2013	5 bulan	16.02.2015

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek secara keseluruhannya adalah baik kerana projek telah disahkan siap dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak.

11.5.2. Pengurusan Projek Pembaikan Sekolah

Kerja-kerja pembaikan sekolah perlu mematuhi Garis Panduan Penyenggaraan Bagi Kerja-Kerja Kecemasan Bil. 5/2009, prosedur serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Bagi tujuan pengesahan fizikal dan semakan lanjut, pihak Audit telah

memilih 4 daripada 27 buah sekolah yang terlibat. Semakan Audit terhadap aspek seperti pelantikan kontraktor, pengurusan perbelanjaan dan prestasi fizikal projek mendapati telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, beberapa perkara seperti di perenggan berikut perlu diberi perhatian dan diambil tindakan susulan.

11.5.2.1. Kualiti Kerja Dilaksanakan Tidak Memuaskan

Kerja pembaikan perlu berkualiti selaras dengan objektif Kementerian untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang kondusif serta mendapat *best value for money* dan berada pada tahap piawaian yang diterima umum dan bangunan yang dibaiki boleh digunakan secara optimum dan selamat. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan dan bahan yang dibekalkan oleh kontraktor adalah tidak memuaskan. Penjelasan lanjut adalah seperti perenggan berikut:

11.5.2.1.1. Kerja Kemasan Simen Tidak Memuaskan

- a. Berdasarkan *Bills of Quantity* (BQ), kontraktor perlu melaksanakan pembaikan terhadap *soffit slab* konkrit yang mengalami kerosakan dengan membuat kerja tampalan simen, menyediakan sokongan, memisahkan konkrit yang rosak, *grit rebars* dengan membersihkan permukaan *soffit* menggunakan *water jet* dan rawatan *rebars*. Bagi kerja di bahagian lantai, kontraktor dikehendaki untuk membuang kemasan simen lantai sedia ada dan menampal dengan tampalan simen baru. Kontraktor juga perlu melepa dan memperbaiki permukaan *internal* dan *external slab* dan lantai menggunakan *cement mortar* di bahagian yang perlu.
- b. Pemeriksaan Audit ke sekolah-sekolah yang dipilih mendapati beberapa kerja kemasan simen di SMK Kinarut adalah tidak memuaskan di mana berlaku rekahan simen dan kerosakan pada permukaan yang telah dibaiki. Antara kerja-kerja yang tidak memuaskan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.4
KERJA KEMASAN SIMEN YANG TIDAK MEMUASKAN

NAMA SEKOLAH	RUJUKAN KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	KEADAAN FIZIKAL
SMK Datuk Panglima Abdullah	Appendix L Item b	<i>To make good RC soffit beam spalled concrete more than 75mm less than 100mm support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface, treat re-bars with Fosroc Nitoprime Zincrich groot tight form work and pour with Renderoc LA or approved and equivalent.</i>	Gambar 11.1
	Appendix L Item g	<i>To touch up all internal and external plastering with cement mortar where necessary.</i>	
	Appendix D Item b	<i>To make good RC column spalled concrete more than 75mm less than 100mm (provide support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface, treat re-bars with Nitoprime Zincrich, apply Nitobond AR as bonding agent. Grout tight form work and pour with Fosroc Conbextra GP or approved and equivalent.</i>	

NAMA SEKOLAH	RUJUKAN KONTRAK	SPEKIFIKASI KERJA	KEADAAN FIZIKAL
SMK Putatan	Bill No. 2A - Blok Academic A Item 2.2	To make good RC column spalled concrete more than 75mm less than 100mm (provide support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface with waterjet, treat re-bars, grout tight formwork to Engineer's Specification).	Gambar 11.2
SMK Kinarut	Bill No. 2F - Asrama Puteri Item 3.1.1	To make good RC Soffit beam Spalled Concrete more than 75mm less than 100mm support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface with waterjet, treat re-bars to Engineer's Specification.	Gambar 11.3
	Bill No. 2F - Asrama Puteri Item 3.3.2	To make a good RC slab soffit spalled concrete more than 50mm less than 75mm provide support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface with waterjet, treat re-bars with Engineer's Specification.	Gambar 11.4
	Bill No. 2C - Blok C Akademik Item 3.3.2	To make good RC slab soffit spalled concrete more than 50mm less than 75mm provide support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface with waterjet, treat re-bars with Engineer's Specification	Gambar 11.5
	Bill No. 2E - Asrama Putera Item 8.1	To remove existing floor rendering and apply new cement render with cement and sand 1:3 to concrete base.	Gambar 11.6
	Bill No. 2A - Blok A Akademik Item 8.2	To touch up all Internal & External Plastering with cement mortar where necessary.	Gambar 11.7
SMK Bandaraya	Appendix I	To make good RC Soffit beam Spalled Concrete more than 75mm less than 100mm support, chip off defective concrete, grit blasting re-bars to clean, clean surface, treat re-bars with Fosroc Nitoprime Zincrich groot tight Form Work and pour with Renderoc LA or approved and equivalent.	Gambar 11.8

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.1**



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Keretakan Pada Permukaan Dinding Dan
Beam Di Bilik Dobi, Asrama Puteri
(22.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Pembaikan Keretakan Bukan Struktur Yang
Dibuat Dengan Menampal Keretakan Dengan
Lepaan Baru Dan Mengecat Semula
(28.12.2014)

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.2**



SMK Putatan
- Kesan Keretakan Yang Telah Dibaiki Jelas Kelihatan
Pada Column Tingkat 1, Di Blok Akademik A
(24.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Putatan
- Pembaikan Keretakan Yang Bukan Struktur
Dibuat Dengan Menampal Keretakan Dengan
Lepaan Baru Dan Mengecat Semula
(29.12.2014)

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.3**



*SMK Kinarut
- Keretakan Berulang Pada Beam Yang
Telah Dibaiki Di Asrama Puteri
(24.06.2014)*

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



*SMK Kinarut
- Pembaikan Telah Dijalankan Dengan
Menggunakan Cement Grout
(27.12.2014)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.4**




*SMK Kinarut
- Kerja Kemas Soffit Slab Di Tandas
Asrama Puteri Tidak Memuaskan
(24.06.2014)*

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



*SMK Kinarut
- Pembaikan Dijalankan Dengan Kaedah
Cut & Patch Menggunakan Cement Grout
(27.12.2014)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.5**



*SMK Kinarut
- Rekahan Simen Berlaku Pada
Permukaan Soffit Slab Di Blok C
(24.06.2014)*

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



*SMK Kinarut
- Pembaikan Dijalankan Dengan Kaedah
Cut & Patch Menggunakan Cement Grout
(27.12.2014)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.6**



*SMK Kinarut
- Rekahan Simen Pada Permukaan Tangga
Di Asrama Puteri
(24.06.2014)*

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



*SMK Kinarut
- Pembaikan Telah Dilaksanakan Dengan Menjalankan
Rescreeding Pada Bahagian Yang Rosak
(27.12.2014)*

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.7**



SMK Kinarut
- Rekahan Simen Pada Column Di Blok Akademik
(24.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Kinarut
- Pembaikan Dilaksanakan Dengan Membuat
Lepaan Semula Dan Mengecat Semula
(27.12.2014)

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.8**



SMK Bandaraya
- Keretakan Pada Beam Di Tandas Dewan Serbaguna
(25.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Bandaraya
- Pembaikan Dijalankan Dengan Kaedah
Cut & Patch Menggunakan Cement Grout
(26.12.2014)

11.5.2.1.2. Kerja Waterproofing Tidak Memuaskan

- a. Kontraktor dikehendaki melaksanakan kerja-kerja *waterproofing* di koridor, tandas dan *slab* bumbung di blok-blok bangunan yang telah dikenal pasti. Kerja *waterproofing* bertujuan untuk memastikan kebocoran pada sistem perpaipan bangunan dan aliran air tidak meresap ke dalam struktur bangunan yang memungkinkan risiko runtuh dan ancaman terhadap integriti struktur. Bagi tujuan pelaksanaan kerja *waterproofing* tersebut, BQ kontrak menghendaki kontraktor untuk melepai *plaster* atau lapisan sedia ada daripada permukaan, menyediakan *substrate* dan memasang dua lapisan *flexible cementitious waterproofing system*. Permukaan kerja tersebut kemudiannya perlu ditampal semula dan dikemaskan seperti keadaan asal.
- b. Pemeriksaan Audit di sekolah-sekolah yang dipilih mendapati kesan resapan air yang ketara pada beberapa permukaan dinding dan *slab* di 2 buah sekolah disebabkan oleh kerja *waterproofing* yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan. Sebahagian resapan air tersebut telah mengakibatkan cat mengelupas dan mencatatkan fizikal bangunan. Butiran kerja *waterproofing* yang tidak memuaskan adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 11.5
KERJA WATERPROOFING TIDAK MEMUASKAN**

NAMA SEKOLAH	RUJUKAN KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	KEADAAN FIZIKAL
SMK Putatan	Bill No. 2D Asrama Lelaki Item 9.6.1	<i>Approved waterproofing system as described to S.O.'s approval, including all necessary angle fillet at all straight edges and apply strictly in accordance to the manufacturer's instructions and provide 5 years warranty from the date of Certificate of Practical Completion (measured nett-no allowance made for laps) to floors.</i>	Gambar 11.9
SMK Bandaraya	Appendix J	<i>Prepare and apply 2 coat sika waterproofing to slab in toilet</i>	Gambar 11.10 hingga Gambar 11.12

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.9**



SMK Putatan
- Cat Merekah Disebabkan Oleh Resapan Air Di Bilik Dobi Asrama Lelaki (24.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Putatan
- Kerja Waterproofing Dilakukan Semula Serta Mengecat Semula Kesan Resapan Air (29.12.2014)

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.10**



SMK Bandaraya
- Permukaan Soffit Slab Mengelupas Disebabkan Oleh Resapan Air Di Tandas Asrama Putera (25.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Bandaraya
- Resapan Air Berlaku Disebabkan Oleh Paip Patah/ Sambungan Terbuka Berpunca Penggunaan Kasar Pelajar Asrama. Kontraktor Telah Melaksanakan Kerja Pembaikan (26.12.2014)

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.11**



SMK Bandaraya
- Kesan Resapan Air Telah Merebak Ke Bilik Pelajar Bersebelahan Tandas Di Asrama Putera (25.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Bandaraya
- Resapan Air Berlaku Disebabkan Oleh Paip Patah/ Sambungan Terbuka Berpunca Penggunaan Kasar Pelajar Asrama. Kontraktor Telah Melaksanakan Kerja Pembaikan (26.12.2014)

**SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.12**



SMK Bandaraya
- Kesan Resapan Air Di Belakang Blok Asrama Putera
(25.06.2014)

**SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**



SMK Bandaraya
- Kesan Resapan Air Di Belakang Blok Asrama Putera Telah Dibaik Pulih
(26.12.2014)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015

Kementerian bersetuju dengan pendapat Audit.

Kementerian sentiasa memastikan Perakuan Siap Kerja (CPC) atau Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) hendaklah diperakukan oleh perunding dan disokong oleh sekolah/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bahawa semua kerja-kerja kecacatan telah dilaksanakan.

Mesyuarat Pemantauan Prestasi Bulanan yang dipengerusikan oleh Unit Teknikal, BPPA, Kementerian telah diadakan pada setiap bulan.

Mulai tahun 2014, Pengarah JPN bertindak sebagai Pegawai Penguasa (PP) untuk melaksanakan dan menguruskan projek-projek Pembangunan Infrastruktur dan Perolehan Perkhidmatan yang bernilai RM5 juta ke bawah. Bagi projek yang bernilai melebihi RM5 juta, Pengarah JPN bertindak sebagai wakil PP yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kesemua projek Kementerian di bawah kawalan JPN.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Tindakan pembaikan kemas simen dan sistem waterproofing telah diambil oleh pihak kontraktor pada 31 Januari 2015.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan agar kualiti kerja yang tidak memuaskan diambil tindakan pembaikan supaya ia tidak menjejaskan keselamatan/kesihatan dan keselesaan pengguna. Selain itu, pihak perunding perlu memastikan semakan menyeluruh dijalankan sebelum mengesyorkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD).

11.5.2.2. Kerja Dilaksanakan Tidak Sempurna

Setiap kerja pembinaan hendaklah disiapkan dengan sempurna sepertimana dalam spesifikasi ditetapkan dalam kontrak atau Lukisan Siap Bina agar dapat berfungsi sebagaimana yang sepatutnya.

11.5.2.2.1. Seksyen K, Perenggan 3, *Rain Water Goods, JKR Standard Specifications for Building Works, 2005*, yang menjadi sebahagian daripada syarat kontrak menghendaki *rain water downpipes* yang disediakan perlu menepati bentuk, dimensi dan bahan-bahan yang ditunjukkan dalam lukisan pelan dan berada tetap dalam kedudukan *gutter outlet*. *Downpipes* tersebut hendaklah disediakan lengkap dengan *rainwater heads, rainwater shoes, radius, bends, offsets* serta kelengkapan lain yang diperlukan. Saluran keluar air hendaklah disambungkan kepada *downpipes* menggunakan paip UPVC atau *stainless steel grating*. Semua *downpipes* dan kelengkapan hendaklah dipasang dengan betul. Perenggan 3.31 selanjutnya menghendaki semua *downpipes* dan kelengkapannya hendaklah dipasang dengan betul dan sentiasa dalam kedudukan yang sepatutnya dengan menggunakan pengapit, kurungan dan *holderbats*.

11.5.2.2.2. Pemeriksaan Audit ke sekolah-sekolah yang dipilih mendapati beberapa kerja pemasangan *downpipes* tidak kemas dan sempurna di 2 buah sekolah. Kesan aliran air juga kelihatan pada sambungan *downpipes* menandakan terdapat kebocoran pada *downpipes* yang dipasang dan tidak disambung dengan ketat. Kerja pemasangan *rain water downpipes* yang tidak memuaskan dan tidak dilaksanakan dengan sempurna adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 11.6
KERJA PEMASANGAN RAIN WATER DOWN PIPE YANG TIDAK SEMPERNA

NAMA SEKOLAH	RUJUKAN KONTRAK	SPESIFIKASI KERJA	KEADAAN FIZIKAL
SMK Datuk Panglima Abdullah	Apendix A (Flat Guru) Item j	<i>To change all rain water downpipe with 100mm diameter uPVC pipe.</i>	Gambar 11.13
SMK Putatan	Bill No. 2D Asrama Lelaki Item 6.1	<i>Approved 100mm Diameter UPVC rainwater goods complete with strap, short length, jointings, fixing accessories and all necessary painting, jointed and fixed and complying all to manufacturer's specifications and instruction.</i>	Gambar 11.14

SEMASA LAWATAN AUDIT
GAMBAR 11.13



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Rain Water Downpipes Tidak Dipasang Sempurna Dan Kesan Aliran Air Pada Sambungan Paip Di Flat Guru (22.06.2014)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN
GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Rain Water Downpipes Telah Dibaiki Dan Disambungkan Dengan Kemas (29.12.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT**GAMBAR 11.14**

SMK Putatan
 - Kerja Pemasangan Rain Water Downpipes
 Di Asrama Lelaki Yang Tidak Sempurna
 (24.06.2014)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN**GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**

SMK Putatan
 - Rain Water Downpipes Disambung
 Dan Dialirkan Ke Parit
 (29.12.2014)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015

Kementerian bersetuju dengan pendapat Audit.

Sebelum penyerahan tapak kepada kontraktor, satu mesyuarat pra-pembinaan diadakan di antara Kementerian, kontraktor dan perunding serta pengguna premis bagi memperingatkan semua pihak terlibat supaya kerja dilaksanakan mengikut kontrak.

Kementerian akan mengambil tindakan mengeluarkan surat amaran kepada perunding dan melaporkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Kementerian telah mengambil tindakan mengeluarkan surat amaran kepada perunding dan melaporkan kepada Kementerian Kewangan pada 1 April 2015 dan surat penjelasan perunding bertarikh 13 April 2015.

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan perunding mengesahkan kerja yang dilaksanakan adalah sempurna dan mengikut standard/spesifikasi sebelum bayaran dibuat sepenuhnya.

11.5.2.3. Kerja Dilaksanakan/Kemudahan Dibekalkan Tidak Praktikal/Tidak Sesuai

11.5.2.3.1. Kerja dan kemudahan yang diluluskan sebagai spesifikasi kerja hendaklah mengambil kira keperluan pengguna, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mampu bertahan dalam tempoh jangka masa yang munasabah. Kelemahan di peringkat semakan spesifikasi kerja dan pemantauan semasa kerja dilaksanakan akan mengakibatkan pihak sekolah terpaksa menanggung tambahan perbelanjaan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan pada masa akan datang sekiranya spesifikasi yang tidak sesuai diluluskan dan dilaksanakan oleh kontraktor.

11.5.2.3.2. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan di SMK Datuk Panglima Abdullah dan SMK Bandaraya adalah tidak praktikal atau tidak sesuai selain menimbulkan ketidakselesaan kepada pengguna. Butiran lanjut seperti dalam gambar berikut:

GAMBAR 11.15



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Jarak Mosquito Netting Yang Rapat Dengan Cermin Tingkap Menyebabkan Ia Mudah Rosak
(22.06.2014)

GAMBAR 11.16



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Mosquito Netting Yang Telah Rosak Di Asrama Putera
(22.06.2014)

GAMBAR 11.17



SMK Datuk Panglima Abdullah
- Mosquito Netting Yang Dipasang Di Rumah Guru Menyukarkan Cermin Tingkap Dibuka
(22.06.2014)

GAMBAR 11.18



SMK Bandaraya
- Pintu Kayu Solid Tetapi Menggunakan Frame Aluminium Menyebabkan Mudah Rosak
(25.06.2014)

Maklum Balas Kementerian Dan Perunding Yang Diterima Pada 4 Mac 2015

Maklum Balas Perunding

Semasa penyerahan bangunan, mosquito netting di SMK Datuk Panglima Abdullah berada dalam keadaan baik. Bagaimanapun, kerosakan yang berlaku mungkin disebabkan oleh perbuatan vandalisme oleh pelajar.

Maklum Balas Kementerian

Kementerian bersetuju dengan pendapat Audit.

Kontraktor dan perunding sentiasa mendapatkan maklum balas daripada pengguna berhubung reka bentuk dan skop kerja yang akan dilaksanakan termasuk penyusunan jadual waktu kerja agar tidak mengganggu sesi pembelajaran.

Kementerian akan mewujudkan satu Pasukan Pemeriksaan Audit yang terdiri daripada Pasukan Teknikal, BPPA, Kementerian dan JPN untuk mengenal pasti skop kerja pembaikan yang telah siap dilaksanakan serta membuat semakan terhadap pengesahan tahap keselamatan bangunan yang telah disyorkan oleh perunding.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Bagi kerja yang dilaksanakan/kemudahan dibekalkan tidak praktikal/tidak sesuai, Kementerian telah mengambil tindakan seperti berikut:

- *Perunding telah mengarahkan kontraktor membaiki cara pemasangan mosquito netting tersebut dengan membuat penambahan kayu pada bingkai tingkap dengan tujuan untuk menjarakkan tingkap dan mosquito netting tersebut. Jarak mosquito netting tersebut akan diperbetulkan supaya cermin tingkap boleh dibuka dengan mudah. Kerja pembaikan akan siap pada 31 Mei 2015.*
- *Penggunaan frame aluminium untuk pintu kayu solid boleh digunakan. Bagi memastikan bahawa pintu tersebut boleh berfungsi dengan sempurna maka penambahbaikan telah dibuat dengan penambahan engsel pada pintu. Kerja pembaikan ini telah siap seperti laporan yang telah disahkan oleh perunding pada 2 Februari 2015.*

Pada pendapat Audit, Kementerian/perunding perlu peka dan mengambil kira keperluan serta kesusahan yang bakal dihadapi oleh pengguna berhubung reka bentuk yang akan dilaksanakan sebelum skop/spesifikasi kerja diluluskan.

11.5.2.4. Kerosakan Kerja Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan Belum Diambil Tindakan Pembaikan

11.5.2.4.1. Klausula 47, *Standard Form of Design and Build Contract, PWD Form DB (Rev.2007), Defect After Completion* menyatakan kontraktor hendaklah melaksanakan kerja yang masih tertunggak dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kontraktor juga hendaklah pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut memperbaiki mana-mana kecacatan kerja, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain yang berpunca daripada rekabentuk, bahan, barang-barang, mutu kerja, atau peralatan yang tidak mengikut kontrak sebagaimana dinyatakan oleh Pegawai Penguasa dalam arahan bertulis kepada kontraktor.

11.5.2.4.2. Semakan Audit terhadap Laporan Kerosakan/Kecacatan mendapati sejumlah 62 hingga 291 kerosakan telah dilaporkan oleh pihak pengurusan sekolah bagi 4 sekolah yang dipilih yang memerlukan tindakan pembaikan oleh kontraktor. Butiran jumlah kerosakan dan kecacatan kerja bagi sekolah yang dipilih adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 11.7
JUMLAH KEROSAKAN DAN KECACATAN KERJA YANG TELAH DILAPORKAN
OLEH PIHAK PENGURUSAN SEKOLAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

NAMA SEKOLAH	JUMLAH KEROSAKAN/KECACATAN KERJA DILAPORKAN	JUMLAH KEROSAKAN/KECACATAN KERJA DIAMBIL TINDAKAN PEMBAIKAN
SMK Dato' Panglima Abdullah, Semporna	133	101
SMK Kinarut, Papar	62	62
SMK Putatan, Kota Kinabalu	291	291
SMK Bandaraya, Kota Kinabalu	210	-

Nota: Berdasarkan Maklum Balas Perunding, Kerosakan Yang Tidak Diambil Tindakan Adalah Kerosakan Yang Di Luar Skop Kerja Kontraktor Atau Kerosakan Yang Disebabkan Oleh Vandalism Pengguna

11.5.2.4.3. Semasa tarikh pemeriksaan Audit adalah didapati beberapa kerosakan dan kecacatan kerja yang dilaporkan masih belum diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semua kerosakan yang diperhatikan bagaimanapun telah diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor selepas teguran Audit seperti gambar berikut:

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 11.19



SMK Putatan
 - Frame Pintu Tandas Di Asrama Puteri
 Telah Reput Dan Belum Dibaiki
 (24.06.2014)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI



SMK Putatan
 - Frame Pintu Tandas Di
 Asrama Puteri Telah Dibaiki
 (29.12.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 11.20



SMK Bandaraya
 - Kemasan Bumbung Tertanggal
 Di Asrama Putera Belum Dibaiki
 (25.06.2014)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN

GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI



SMK Bandaraya
 - Kemasan Bumbung Di Asrama Putera Telah Dibaiki
 (26.12.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT**GAMBAR 11.21**


SMK Datuk Panglima Abdullah
 - Kesan Resapan Air Pada Siling Luar
 Di Rumah Guru 2
 (22.6.2014)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN**GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**

SMK Datuk Panglima Abdullah
 - Bumbung Telah Dibaiki Bagi
 Mengelakkan Resapan Air
 (28.12.2014)

SEMASA LAWATAN AUDIT**GAMBAR 11.22**

SMK Putatan
 - Kesan Resapan Air Pada Siling
 Luar Di Asrama Puteri
 (24.6.2014)

SELEPAS KERJA PEMBAIKAN**GAMBAR MAKLUM BALAS AUDITI**

SMK Putatan
 - Bumbung Telah Dibaiki Bagi
 Mengelakkan Resapan Air
 (29.12.2014)

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015

Kementerian bersetuju dengan pendapat Audit.

Kontraktor akan dikenakan tindakan menurut syarat-syarat kontrak sekiranya gagal bagi membaiki pulih kerosakan di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

Semua kerja membaiki kecacatan semasa lawatan Audit telah siap dilaksanakan pada 31 Januari 2015.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Kementerian telah mengeluarkan 9 surat amaran kepada pihak kontraktor untuk menyegerakan kerja-kerja pembaikan kecacatan.

Mesyuarat berkala oleh Pasukan Pemeriksaan Audit Teknikal BPPA dan JPN bagi menentukan kerja-kerja kecacatan telah ditubuhkan pada 24 Februari 2015 yang terdiri daripada KPSU (PPK), JUB-K(PPK), JUB(PPK), Pegawai Projek, Pegawai Bajet, Pegawai JPN/PPD, Sekolah dan pasukan perunding dan kontraktor.

Pemantauan pertama oleh Pasukan Audit Teknikal BPPA dan JPN telah diadakan pada 10 April 2015 dan akan diteruskan bagi membuat pemantauan kerja pembaikan secara berkala.

Semua senarai kecacatan yang dilaporkan oleh Jabatan Audit telah siap dilaksanakan pada 13 April 2015.

Pada pendapat Audit, kecacatan dan kerosakan kerja yang dilaporkan hendaklah diambil tindakan pembaikan segera dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan pembaikan kerja, pihak ketiga boleh dilantik dan jumlah perbelanjaan yang terlibat diperoleh daripada kontraktor atau dipotong daripada Bon Pelaksanaan projek.

11.5.3. Pemantauan

11.5.3.1. Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. BPPA, Kementerian adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kerja-kerja pembaikan sekolah secara keseluruhan manakala perunding diberi kuasa sebagai wakil Pegawai Penguasa di tapak. Skop perkhidmatan perunding adalah meliputi reka bentuk terperinci; dokumentasi tender dan penilaian; pengurusan kontrak; dan penyeliaan kerja pembinaan sehingga projek siap. Perunding juga bertanggungjawab mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan sebelum BPPA meluluskan bayaran kepada kontraktor.

11.5.3.2. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya pemantauan terhadap kerja-kerja pembaikan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan. Antaranya isu yang timbul ialah daripada segi kualiti kerja yang tidak memuaskan; spesifikasi kerja tidak praktikal/tidak sesuai; kerja dilaksanakan tidak sempurna tetapi telah dibayar. Perunding juga telah gagal untuk memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi kerja yang telah dipersetujui dalam kontrak.

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Kementerian telah mengarahkan Jururunding untuk mengadakan mesyuarat pemantauan dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) dan Perunding telah mengambil tindakan untuk mengadakan mesyuarat dalam tempoh DLP.

Perunding akan memastikan semua kerja-kerja pembaikan kecacatan akan selesai pada 31 Mei 2015.

Pada pendapat Audit, Kementerian telah menyediakan mekanisme pemantauan terhadap projek pembaikan sekolah Negeri Sabah di bawah perolehan darurat. Bagaimanapun, tahap pemantauan oleh perunding adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat kerosakan dan kecacatan yang tidak diperbaiki/diambil tindakan sebelum projek diserahkan kepada Kementerian.

11.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan mengenai pengurusan projek pembaikan sekolah di bawah perolehan darurat diberi perhatian, disyorkan supaya pihak terlibat mengambil langkah seperti berikut:

11.6.1. Kementerian hendaklah memastikan perunding mengesahkan kerja yang dibuat mengikut standard/spesifikasi dan sempurna sebelum bayaran dibuat;

11.6.2. Kementerian perlu memastikan reka bentuk projek/kemudahan dibekalkan mengikut spesifikasi yang sesuai dan praktikal dan memberi kemudahan kepada pengguna;

11.6.3. Kementerian/Juruperunding perlu meningkatkan penyeliaan/pemantauan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan berlakunya kerosakan/kecacatan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna atau tidak berkualiti; dan

11.6.4. Kementerian hendaklah memastikan semua kecacatan dan kerosakan kerja yang dilaporkan telah diambil tindakan pembaikan segera oleh kontraktor sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

12. INSTITUT PENDIDIKAN GURU

- PENGURUSAN PENYENGGARAAN BANGUNAN DAN FASILITI

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Perguruan merupakan sebuah institusi pendidikan yang melatih bakal guru melalui Kursus Latihan Perguruan Pra Perkhidmatan Sepenuh Masa seperti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah, Kursus Pra Program Sarjana Muda Perguruan dan Kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Institut Pendidikan Guru (IPG) juga bertanggungjawab melatih guru-guru bagi meningkatkan pengetahuan antaranya melalui Kursus Dalam Cuti seperti Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah, Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah Guru Sandaran Tidak Terlatih dan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan. Selain itu, Kursus Dalam Perkhidmatan turut diadakan antaranya Kursus Bestari Guru Sekolah dan Kursus 6 Minggu *Conversion* Matematik/Sains/Bahasa Inggeris.

12.1.2. Sebanyak 27 IPG telah dibina sejak tahun 1935 dan 13 daripadanya telah menerima bangunan/kampus baru sebagai penggantian/penambahan kepada bangunan/kampus sedia ada yang telah uzur, memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi, berisiko jika digunakan dan tidak sesuai beroperasi. Pada tahun 2010, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pengurusan semua IPG. Senarai kampus IPG adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.1
SENARAI KAMPUS IPG**

NEGERI	BIL.	NAMA IPG	KAMPUS/ BANGUNAN TAMBAHAN/ BARU	SEDIA ADA	TAHUN BEROPERASI
Perlis	1.	Kampus Perlis		/	1999
Kedah	2.	Kampus Darulaman		/	1990
	3.	Kampus Sultan Abdul Halim	/		1980
Pulau Pinang	4.	Kampus Pulau Pinang	/		1954
	5.	Kampus Tuanku Bainun		/	1993
Perak	6.	Kampus Ipoh	/		1983
Selangor	7.	Kampus Pendidikan Islam		/	1990
W.P. Kuala Lumpur	8.	Kampus Bahasa Melayu	/		1956
	9.	Kampus Bahasa Antarabangsa		/	1965
	10.	Kampus Ilmu Khas	/		1959
Negeri Sembilan	11.	Kampus Raja Melewar		/	1967
	12.	Kampus Pendidikan Teknik	/		2012*

NEGERI	BIL.	NAMA IPG	KAMPUS/ BANGUNAN TAMBAHAN/ BARU	SEDIA ADA	TAHUN BEROPERASI
Melaka	13.	Kampus Perempuan Melayu Melaka	/		1935
Johor	14.	Kampus Temenggong Ibrahim		/	1965
	15.	Kampus Tun Hussien Onn		/	1992
Kelantan	16.	Kampus Kota Bharu	/		1954
Terengganu	17.	Kampus Dato' Razali Ismail	/		1980
	18.	Kampus Sultan Mizan		/	1999
Pahang	19.	Kampus Tengku Ampuan Afzan	/		2002*
Sarawak	20.	Kampus Batu Lintang	/		1948
	21.	Kampus Rajang	/		1966
	22.	Kampus Sarawak		/	1982
	23.	Kampus Tun Abdul Razak		/	1998
Sabah	24.	Kampus Tawau		/	2004
	25.	Kampus Gaya		/	1963
	26.	Kampus Keningau		/	1984
	27.	Kampus Kent	/		2013*

Sumber : IPGM, Kementerian Pendidikan Malaysia

Nota : (*) - Telah Berpindah Ke Kampus Baru

12.1.3. Secara amnya, kampus IPG mempunyai pelbagai bangunan dan kemudahan seperti blok pentadbiran, dewan kuliah, bilik asrama, kuarters dan kemudahan sukan yang memerlukan peruntukan bagi tujuan penyenggaraan atau pembaikan. Penyenggaraan yang dilaksanakan adalah untuk memastikan semua bangunan dan fasiliti sentiasa berfungsi dengan sempurna, selamat, selesa dan mencegah kerosakan berterusan bagi mencapai objektif Jabatan. Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan (KBK) di IPG, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian) telah **menwastakannya** dengan hasrat untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang baik diberikan di semua IPG di bawah kawalannya.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti IPG telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti IPG serta KBK bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pengauditan dilaksanakan di Ibu Pejabat IPG, Cyberjaya; Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA) serta 3 kampus IPG yang dipilih iaitu IPG Raja

Melewar, Negeri Sembilan; IPG Gaya, Sabah dan IPG Kota Bharu, Kelantan. Tumpuan diberikan terhadap aspek peruntukan kewangan; aduan dan pembaikan kerosakan; proses perolehan; pematuhan terhadap spesifikasi dan skop kerja serta pemantauan terhadap kerja penyenggaraan/pembaikan/KBK.

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti serta KBK. Mengadakan temu bual/perbincangan dengan pegawai yang terlibat. Selain itu, pemeriksaan fizikal/lawatan tapak dibuat bagi menentukan penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian telah diadakan pada 16 April 2015. Wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara Malaysia turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2014 mendapati pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti di IPG telah dilaksanakan dengan memuaskan seperti pencapaian prestasi perbelanjaan yang baik dan pembaikan telah dijalankan dalam tempoh yang munasabah. Namun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti dan boleh diperbaiki seperti yang berikut:

- i. jumlah aduan kerosakan tidak dapat dipastikan ketepatannya kerana terdapat borang aduan tidak diberi nombor siri dan daftar aduan tidak diselenggara;
- ii. penyenggaraan pencegahan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan;
- iii. terdapat banyak kerosakan seperti siling atau atap pecah dan rosak, kebocoran atau resapan air, keretakan atau rekahan bangunan dan cerun bukit runtuh belum dibaiki;
- iv. kerja pembersihan kawasan khususnya di IPG Gaya, Sabah kurang memuaskan. Denda terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan kurang dikenakan berjumlah RM136,152 dan tidak mengambilkira bilangan ketidakpatuhan;
- v. Bon Pelaksanaan berjumlah RM34,850 bagi 4 kontrak KBK lewat dikemukakan antara 29 hingga 111 hari; dan
- vi. dua kontrak KBK berjumlah RM3.47 juta lewat ditandatangani antara 45 hingga 54 hari.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

12.5.1. Prestasi Aktiviti

12.5.1.1. Pencapaian Kewangan

- a. Semakan Audit mendapati, 27 IPG telah memohon peruntukan berjumlah RM324.15 juta di bawah peruntukan penyenggaraan bangunan (OS28000) dan sejumlah RM253.70 juta di bawah pembaikan bangunan (OS32000) bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Peruntukan yang diterima di bawah OS28000 adalah berjumlah RM68.84 juta (21.2%) manakala bagi OS32000 tiada peruntukan diagihkan. Semakan selanjutnya mendapati 3 IPG telah memohon peruntukan penyenggaraan bangunan (OS28000) dan pembaikan bangunan (OS32000) berjumlah RM48.94 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. **Antara peruntukan yang dimohon adalah kerja penyenggaraan bumbung, atap, siling, tandas, pendawaian elektrik, sistem kumbahan, tangki air, kuarters dan telefon yang sebahagiannya telah dimohon berulang kali dan masih belum diluluskan. Daripada jumlah tersebut, hanya sejumlah RM8.19 juta (16.7%) di bawah OS28000 telah diluluskan.** Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM8.03 juta (98%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.2
PERUNTUKAN PENYENGGARAAN YANG DIMOHON DAN DITERIMA
BAGI 27 IPG SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

TAHUN	PERUNTUKAN DIMOHON		PERUNTUKAN DITERIMA		
	OS28000 (RM Juta)	OS32000 (RM Juta)	OS28000 (RM Juta)	OS28000 (%)	OS32000 (RM Juta)
2012	118.81	86.11	20.60	17.3	Tidak Terima
2013	45.20	86.00	24.61	54.4	Tidak Terima
2014	160.14	81.59	23.63	14.8	Tidak Terima
JUMLAH	324.15	253.70	68.84	21.2	Tidak Terima

Sumber : IPG Raja Melewar, IPG Gaya, IPG Kota Bharu, Kementerian Pendidikan Malaysia

JADUAL 12.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN
SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

TAHUN	PERUNTUKAN DIMOHON			PERUNTUKAN DITERIMA		PERBELANJAAN	
	OS28000 (RM Juta)	OS32000 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	OS28000 (RM Juta)	(%)	OS28000 (RM Juta)	(%)
IPG RAJA MELEWAR							
2012	TM	TM	TM	0.86	-	0.80	93.0
2013	0.98	5.65	6.63	0.83	12.5	0.83	100.0
2014	2.83	7.13	9.96	0.83	8.3	0.81	97.6
JUMLAH	3.81	12.78	16.59	2.52	15.2	2.44	96.8

TAHUN	PERUNTUKAN DIMOHON			PERUNTUKAN DITERIMA		PERBELANJAAN	
	OS28000 (RM Juta)	OS32000 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	OS28000 (RM Juta)	(%)	OS28000 (RM Juta)	(%)
IPG GAYA							
2012	3.28	2.00	5.28	1.02	19.3	0.99	97.1
2013	3.46	2.05	5.51	0.90	16.3	0.89	98.9
2014	3.72	2.60	6.32	1.06	16.8	1.04	98.1
JUMLAH	10.46	6.65	17.11	2.98	17.4	2.92	98.0
IPG KOTA BHARU							
2012	1.85	4.10	5.95	0.65	10.9	0.65	100.0
2013	2.38	4.10	6.48	0.72	11.1	0.72	100.0
2014	1.76	1.05	2.81	1.32	47.0	1.30	98.5
JUMLAH	5.99	9.25	15.24	2.69	17.7	2.67	99.3
JUMLAH KESELURUHAN	20.26	28.68	48.94	8.19	16.7	8.03	98.0

Sumber : IPG Raja Melewar, IPG Gaya, IPG Kota Bharu, Kementerian Pendidikan Malaysia

Nota : TM - Tiada Maklumat

- b. Semakan selanjutnya mendapati daripada sejumlah RM8.03 juta yang dibelanjakan, RM3.41 juta (42.5%) adalah bagi penyenggaraan bangunan dan fasiliti, RM4.09 juta (50.9%) untuk KBK serta RM0.53 juta (6.6%) bagi penyenggaraan kenderaan dan penyenggaraan komputer. Butiran perbelanjaan terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.4
PERBELANJAAN DI BAWAH OS28000 DI IPG SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PENYENGGARAAN BANGUNAN DAN FASILITI		PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN		PENYENGGARAAN KENDERAAN		PENYENGGARAAN KOMPUTER		
		(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	
IPG RAJA MELEWAR										
2012	799,627	362,459	45.3	397,067	49.7	40,101	5.0	-	-	
2013	826,613	346,402	41.9	427,119	51.7	15,498	1.9	37,594	4.5	
2014	807,131	269,737	33.4	503,558	62.4	33,836	4.2	-	-	
JUMLAH	2,433,371	978,598	40.2	1,327,744	54.6	89,435	3.7	37,594	1.5	
IPG GAYA										
2012	985,918	441,478	44.8	518,892	52.6	25,548	2.6	-	-	
2013	891,442	341,951	38.4	475,957	53.4	39,799	4.5	33,735	3.8	
2014	1,044,408	461,941	44.2	507,764	48.6	64,705	6.2	9,998	1.0	
JUMLAH	2,921,768	1,245,370	42.6	1,502,613	51.4	130,052	4.5	43,733	1.5	
IPG KOTA BHARU										
2012	652,503	279,294	42.8	301,420	46.2	64,448	9.9	7,341	1.1	
2013	724,232	324,051	44.7	314,184	43.4	56,918	7.9	29,079	4.0	
2014	1,296,611	584,285	45.1	639,082	49.3	62,509	4.8	10,735	0.8	
JUMLAH	2,673,346	1,187,630	44.4	1,254,686	46.9	183,875	6.9	47,155	1.8	
JUMLAH KESELURUHAN	8,028,485	3,411,598	42.5	4,085,043	50.9	403,362	5.0	128,482	1.6	

Sumber : IPG Raja Melewar, IPG Gaya, IPG Kota Bharu, Kementerian Pendidikan Malaysia

Sumber : Baucar Bayaran IPG

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015

Peruntukan fizikal OS28000 diagihkan oleh BPPA kepada 27 IPG untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan, khusus kepada skop kerja fizikal dan pembaikan bangunan. Peruntukan OS32000 tidak diterima sejak tahun 2012 walaupun permohonan dibuat dalam ABM setiap tahun. Peruntukan yang diagihkan oleh IPGM digunakan sepenuhnya mengikut keperluan di setiap IPG yang terlibat. Keperluan ini mengambil kira faktor keselamatan warga institut, keperluan mendesak dan teguran Audit MS ISO, Jabatan Akauntan Negara Malaysia serta Bahagian Audit Dalam, KPM.

12.5.1.2. Pencapaian Aduan

- a. IPG menyediakan borang laporan/aduan kerosakan supaya pengadu boleh membuat aduan kerosakan bagi membolehkan Unit Penyenggaraan IPG melakukan pemeriksaan dan pengesahan kerosakan serta mencadangkan kaedah pembaikan sama ada secara dalaman atau melantik kontraktor. Penyenggaraan yang dilaksanakan adalah mengikut keutamaan dan baki peruntukan. Bagi aduan/kerosakan yang memerlukan perkhidmatan kontraktor, keutamaan diberikan kepada kerosakan yang kritikal dan perlu kerja pembaikan segera. Sebanyak 3,591 aduan telah diterima bagi tahun 2012 hingga 2014 dan 3,319 (92.4%) aduan telah diambil tindakan pembaikan manakala 272 aduan belum diambil tindakan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.5
STATUS ADUAN DAN TINDAKAN PENYENGGARAAN**

TAHUN	BILANGAN ADUAN	TINDAKAN	BAKI	% PEMBAIKAN
IPG RAJA MELEWAR				
2012	453	449	4	99.1
2013	561	558	3	99.5
2014	588	551	37	93.7
JUMLAH	1,602	1,558	44	97.3
IPG GAYA				
2012	294	216	78	73.5
2013	220	120	100	54.6
2014	106	61	45	57.5
JUMLAH	620	397	223	64.0
IPG KOTA BHARU				
2012	449	447	2	99.6
2013	514	512	2	99.6
2014	406	405	1	99.8
JUMLAH	1,369	1,364	5	99.6
JUMLAH KESELURUHAN	3,591	3,319	272	92.4

Sumber : IPG Raja Melewar, IPG Gaya, IPG Kota Bharu, Kementerian Pendidikan Malaysia

- b. Semakan Audit terhadap 96 borang aduan mendapati 44 aduan dibaiki dalam tempoh 1 hingga 15 hari; 3 aduan dalam tempoh 16 hingga 30 hari;

7 aduan dalam tempoh 31 hingga 45 hari; 5 aduan dalam tempoh 46 hingga 60 hari; 13 aduan dibaiki melebihi 60 hari; dan 24 aduan tidak dapat ditentukan tempohnya kerana tarikh pembaikan tidak dinyatakan seperti dalam **Jadual 12.6**. Selain itu, ketepatan jumlah aduan tidak dapat ditentukan kerana tidak semua borang aduan diberi nombor siri, daftar bagi mengawal semua aduan tidak diselenggara dan terdapat kerosakan yang tidak dilaporkan dalam borang aduan seperti kebocoran atap bangunan, bangunan retak dan tanah runtuh.

JADUAL 12.6
TEMPOH PEMBAIKAN BERDASARKAN BORANG ADUAN KEROSAKAN

IPG	BIL. ADUAN	TEMPOH PEMBAIKAN (Hari)					TM
		1 - 15	16 - 30	31 - 45	46 - 60	MELEBIHI 60	
IPG Raja Melewar	42	25	3	3	3	8	-
IPG Gaya	44	18	0	4	2	5	15
IPG Kota Bharu	10	1	-	-	-	-	9
JUMLAH	96	44	3	7	5	13	24

*Sumber : IPG Raja Melewar, IPG Gaya, IPG Kota Bharu, Kementerian Pendidikan Malaysia
Nota : TM - Tiada Maklumat Tarikh Pembaikan Dibuat*

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian kewangan bagi penyenggaraan bangunan dan fasiliti serta KBK bagi 3 IPG yang dilawati adalah baik kerana telah mencapai 98%. Bagaimanapun, peruntukan yang diterima bagi kerja penyenggaraan bangunan dan fasiliti adalah kecil berbanding permohonan peruntukan. Selain itu, ketiadaan daftar aduan kerosakan menyukarkan pemantauan terhadap jumlah sebenar aduan dikemukakan serta status aduan tersebut.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015, 13 April 2015 Dan 7 Mei 2015

Semua aduan daripada IPG akan direkodkan dalam fail kampus dan tindakan diambil bagi menyediakan peruntukan berdasarkan kepada baki kewangan OS28000 sedia ada di IPGM. Peruntukan untuk kerja pembaikan akan diagihkan kepada IPG mengikut senarai keutamaan dan tahap kritikal sesuatu kerosakan. Sekiranya ketiadaan peruntukan permohonan akan dipanjangkan kepada BPPA atau Bahagian Kewangan bagi mendapatkan peruntukan tambahan OS28000.

TAHUN	BAKI ADUAN	PERKARA	TINDAKAN
IPG KOTA BHARU			
2012	2	<i>Dua alat penyaman udara rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Tidak dapat diambil tindakan pada tahun 2012 disebabkan peruntukan tidak mencukupi (OS 35000) bagi penggantian baru.</i>	<i>Tindakan telah diambil pada Januari 2013 menerusi perolehan harta modal tahun 2013.</i>

TAHUN	BAKI ADUAN	PERKARA	TINDAKAN
2013	2	Kerosakan berkaitan atap/bumbung Blok Asrama D dan E tidak dapat diambil tindakan pada tahun 2013 kerana tiada peruntukan.	Kerosakan telah diambil tindakan pada tahun 2014 (Sebutarga: Bil. 2/2014). Tarikh siap kerja ialah pada 22.06.2014 dan kerosakan atap/bumbung asrama Blok D sedang diambil tindakan kerana peruntukan baru diterima pada 23.03.2015.
2014	1	Kerosakan berkaitan siling gantung di Bilik Stor Koperasi (laporan kerosakan bulan Disember) tidak dapat diambil tindakan kerana kesuntukan masa dan tiada Akaun Kena Bayar.	Tindakan pembaikan dengan menukar siling jenis gantung kepada siling asbestos (kekal) akan dilaksanakan pada tahun 2015 (Peruntukan 2015).
IPG RAJA MELEWAR			
2012, 2013 dan 2014	44	Aduan kerosakan berkaitan melibatkan kos pembaikan yang besar dan memerlukan kepakaran seperti pendawaian elektrik, penggantian bumbung bangunan, penggantian alat penyaman udara berpusat dan sistem talian telefon.	Semua aduan kerosakan telah diberi anggaran bagi mendapatkan peruntukan dari pihak IPGM untuk pembaikan tersebut.
IPG GAYA			
2012, 2013 dan 2014	223	Aduan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya berikutan peruntukan yang diterima oleh IPG Gaya adalah terhad dan aduan yang diterima dipertimbangkan mengikut keutamaan atau keperluan mendesak. Sebahagian kerosakan yang dilaporkan adalah kerosakan aset alih seperti kipas siling sedangkan peruntukan bagi pembelian kipas tidak ada sepanjang tahun/masa. Selain itu, kerosakan yang tidak dapat diambil tindakan pembaikan secara terus adalah kerosakan struktur bangunan yang retak/runtuh/pecah. Ini adalah kerana kerosakan kategori ini melibatkan aspek keselamatan. Pembaikan kerosakan jenis ini perlu melalui syor/cadangan daripada pihak JKR.	-

IPGM telah menyenaraikan keperluan peruntukan penyenggaraan bangunan dan fasiliti sebanyak RM68 juta dan akan dibentangkan di Mesyuarat Anggaran Belanjawan Mengurus 2016 – Pemeriksaan Bersama Perbendaharaan pada 7 Mei 2015.

Penyelarasan daftar aduan kerosakan antara IPGM dan IPG akan diadakan pada 13 hingga 16 Mei 2015 dan dijangka dapat diselesaikan pada minggu pertama bulan Jun 2015.

12.5.2. Penyenggaraan Bangunan

Matlamat pengurusan penyenggaraan adalah untuk memastikan bahawa sumber fizikal sentiasa dalam keadaan produktif dan boleh dipercayai (reliable). Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan bangunan dapat berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa. Menurut Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995, penyenggaraan terbahagi kepada dua jenis iaitu Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) dan Penyenggaraan Pemulihan (Corrective Maintenance).

12.5.2.1. Penyelenggaraan Pencegahan

Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) iaitu kerja diambil untuk memeriksa, servis, membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Tujuan utama adalah untuk mengurangkan kerosakan bangunan supaya dapat berfungsi dengan cekap dan berterusan. Semakan Audit mendapati semua IPG yang dilawati ada menyediakan perancangan penyelenggaraan bagi bangunan dan fasiliti meliputi kerja sivil, mekanikal, elektrik dan alat komunikasi secara berjadual seperti **Jadual 12.7**. Bagaimanapun, perancangan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan.

JADUAL 12.7
PENYELNGGARAAN BERKALA YANG DITETAPKAN

SKOP PENYELNGGARAAN	BUTIRAN	KEKERAPAN	TARIKH
Sivil	Dinding, siling, tingkap, pintu, lantai, cat, bumbung dan longkang	6 bulan sekali	Januari dan Julai
Mekanikal	Alat penyaman udara, pencegah kebakaran, pam penggalak (<i>booster</i>) dan lif	Alat penyaman udara dan pam penggalak (<i>booster</i>) - 3 atau 4 bulan sekali	Januari, April, Julai, Oktober
		Pencegah kebakaran - 4 atau 6 bulan sekali	Januari dan Julai
		Lif - 1 tahun sekali	Januari
Elektrikal	Lampu, suis, kipas dan papan agihan	6 bulan sekali	Januari dan Julai
	Pendawaian	2 tahun sekali	Januari
Alat Komunikasi	Telefon, mesin faks, PABX dan <i>walkie talkie</i>	1 tahun sekali	Januari

Sumber : Manual Prosedur Kerja Dan Anggaran Belanjawan Mengurus IPG

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

Pihak IPG tidak dapat melaksanakan penyelenggaraan pencegahan ekoran kekangan peruntukan yang diterima pada setiap tahun. Peruntukan bagi penyelenggaraan berkala hanya diberi keutamaan kepada alat penyaman udara dan kenderaan manakala pencegahan kebakaran mengikut tarikh luput (setahun sekali). Peruntukan penyelenggaraan berkala diagihkan kepada IPG pada awal tahun menggunakan peruntukan OS28000.

Pada tahun 2015, IPGM telah menerima peruntukan sebanyak RM3.01 juta di bawah OS28000 dan telah diagihkan kepada semua 27 kampus di seluruh negara.

12.5.2.2. Penyelenggaraan Pemulihan

Penyelenggaraan Pemulihan (Corrective Maintenance) ialah tindakan yang diambil untuk membaiki atau mengganti komponen bangunan supaya dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pihak IPG ada melaksanakan penyelenggaraan pemulihan berdasarkan aduan yang diterima atau mengikut keperluan semasa berdasarkan pemeriksaan berkala

oleh pegawai Unit Penyelenggaraan. Semakan lanjut terhadap beberapa kerja pemuliharaan yang telah dijalankan mendapati ia telah dilakukan dengan sempurna. Antara kerja yang dilaksanakan adalah membaik pulih tandas dan penambahbaikan dewan makan dan dapur di IPG Raja Melewar, pembaikan Blok Kafeteria dan kerja mengecat Blok Kediaman Jati di IPG Gaya serta pembaikan jubin lantai dan menukar atap jenis *metal deck* di Dataran Pengurusan, IPG Kota Bharu, Kelantan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

Penyelenggaraan pemuliharaan dilaksanakan mengikut keutamaan kepada tahap kritikal sesuatu kerosakan dan keselamatan sesebuah bangunan atau komponen bangunan tersebut berdasarkan kepada peruntukan yang ada di IPGM.

Pada tahun 2015, di bawah OS28000 IPG Kota Bharu telah diagihkan sebanyak RM85,750, IPG Gaya RM81,750 dan IPG Raja Melewar sebanyak RM81,000.

12.5.2.3. Kerosakan Belum Dibaiki

- a. Pembaikan berjadual adalah penting bagi memastikan bangunan sentiasa dalam keadaan baik dan kerja pembaikan perlu dijalankan apabila sesuatu kerosakan telah dikenal pasti. Bagaimanapun, peruntukan yang terhad menyebabkan kerja berjadual dan kerja pembaikan tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh sepatutnya. Semakan Audit mendapati banyak kerosakan masih belum dibaiki seperti jadual dan contoh gambar berikut:

**JADUAL 12.8
KEROSAKAN DI IPG**

JENIS KEROSAKAN	IPG	LOKASI DAN GAMBAR
Siling/atap pecah dan rosak	IPG Raja Melewar	Perpustakaan, Dewan Serbaguna, Dewan Badminton, Bangunan Astaka dan Kuarters Timbalan Pengarah. (Gambar 12.1 hingga 12.7)
	IPG Gaya	Asrama Lelaki, Makmal Sains, Unit Peperiksaan dan Asrama Perempuan. (Gambar 12.8 hingga 12.11)
Kebocoran/resapan air	IPG Raja Melewar	Koridor Perpustakaan, Surau, Kafeteria, Astaka dan Bilik Stor Sukan Astaka. (Gambar 12.12 hingga 12.16)
	IPG Gaya	Makmal Sains, Unit Peperiksaan, Surau, Asrama Lelaki, Laluan Pejalan Kaki Bangunan Pentadbiran dan Perpustakaan. (Gambar 12.17 hingga 12.23)
Keretakan dan rekahan pada tiang/bangunan/tangga/longkang/tiles	IPG Raja Melewar	Tangga Di Laluan Bangunan Pentadbiran dan Bangunan Astaka Aras 1. (Gambar 12.24 dan 12.25)
	IPG Gaya	Perpustakaan, Makmal Sains, Koridor Makmal Sains, Bangunan Pentadbiran Aras 1, Laluan Pejalan Kaki Bangunan Pentadbiran, Asrama Lelaki, Asrama Perempuan dan Bangunan Pentadbiran Aras 2. (Gambar 12.26 hingga 12.33)
	IPG Kota Bharu	Asrama Lelaki dan Asrama Perempuan. (Gambar 12.34 hingga 12.38)
Masalah anai-anai	IPG Raja Melewar	Kuarters Timbalan Pengarah. (Gambar 12.39)
	IPG Gaya	Asrama Lelaki. (Gambar 12.40)
Sistem keselamatan (Gegelung Hose) rosak	IPG Raja Melewar	Balai Ilmu. (Gambar 12.41)

JENIS KEROSAKAN	IPG	LOKASI DAN GAMBAR
Sistem kumbahan melimpah	IPG Raja Melewar	Sistem Kumbahan. (Gambar 12.42)
Cerun/tanah runtuh	IPG Raja Melewar	Pintu Masuk Kedua, Bukit di hadapan Bangunan dan Astaka. (Gambar 12.43 dan 12.44)
	IPG Gaya	Bukit Di Laluan Utama IPG, Berdekatan Kuarters Kakitangan dan Berdekatan Gelanggang Bola Keranjang. (Gambar 12.45 hingga 12.47)
Elektrik trip	IPG Raja Melewar	Dewan Badminton. (Gambar 12.48)
Talian telefon tidak berfungsi	IPG Raja Melewar	Bangunan Pentadbiran. (Gambar 12.49)

Sumber : Aduan Pengguna IPG Dan Semakan Fizikal Audit

GAMBAR 12.1



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Siling Yang Pecah Di Perpustakaan
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.2



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Siling Yang Telah Pecah Di Dewan Serbaguna
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.3



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Siling Yang Telah Pecah Di Dewan Serbaguna
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.4



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Siling Yang Telah Pecah Di Dewan Serbaguna
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.5



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Siling Yang Telah Pecah Di Dewan Badminton
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.6



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Siling Yang Telah Pecah Di Bangunan Astaka
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.7



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Atap Yang Telah Usang Di Kuarters Timbalan Pengarah
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.8



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Siling Yang Telah Pecah Di Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.9



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Siling Yang Telah Pecah Di Makmal Sains
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.10



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Siling Yang Telah Pecah Di Unit Peperiksaan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.11



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Atap Laluan Berbumbung Pejalan Kaki
Yang Telah Rosak Di Asrama Perempuan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.12



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Kesan Resapan Air Di Siling Koridor Perpustakaan
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.13



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Kesan Resapan Air Di Kafeteria
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.14



GAMBAR 12.15



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Bekas Tadahan Air Terpaksa Disediakan Akibat
Titisan Air Apabila Hujan Di Bangunan Astaka
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.16



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Takungan Air Akibat Kebocoran Di
Stor Sukan Bangunan Astaka
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.17



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kesan Resapan Air Di Siling Unit Peperiksaan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.18



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kesan Resapan Air Di Surau
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.19



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kebocoran/Resapan Air Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.20



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kebocoran/Resapan Air Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.21



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kebocoran/Resapan Air Di Laluan
Pejalan Kaki Bangunan Pentadbiran
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.22



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Bekas Tadahan Air Terpaksa Disediakan Akibat
Titisan Air Apabila Hujan Di Perpustakaan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.23



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kesan Resapan Air Di Permaidani Akibat
Kebocoran Atap Di Perpustakaan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.24



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Tangga Di Bangunan Pentadbiran Telah Retak
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.25



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Jubin Pecah Di Tingkat 1 Bangunan Astaka
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.26



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Dinding Yang Telah Retak Di Makmal Sains
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.27



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Tiang Yang Telah Retak Di Lluhan Pejalan Kaki
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.28



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Tiang Yang Mempunyai Kesan Retak
Di Koridor Makmal Sains
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.29



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Siling Yang Mempunyai Kesan Retak
Di Bangunan Pentadbiran Aras 1
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.30



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Beam Yang Mempunyai Kesan Retak Di
Koridor Bangunan Pentadbiran Aras 1
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.31



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Yang Telah Retak Di Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.32



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Dinding Yang Telah Retak Di Asrama Perempuan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.33



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Alang dan Siling Yang Telah Retak Di
Bangunan Pentadbiran Aras 2
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.34



*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rekahan Di Tiang Bangunan Asrama Lelaki
(15.12.2014)*

GAMBAR 12.35




*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rekahan Di Tiang Bangunan Asrama Lelaki
(15.12.2014)*

GAMBAR 12.36



*PG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rekahan Di Tiang Bangunan Asrama Perempuan
(15.12.2014)*

GAMBAR 12.37



*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rekahan Di Tiang Bangunan Asrama Perempuan
(15.12.2014)*

GAMBAR 12.38




*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rekahan Longkang Bangunan Asrama Perempuan
(15.12.2014)*

GAMBAR 12.39



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Almari Di Kuarters Timbalan Pengarah
Telah Dimakan Anai-anai
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.40



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Laluan Anai-anai Kelihatan Di
Siling Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.41



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Gegalung Hose Yang Telah Rosak
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.42



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Limpahan Air Daripada Sistem Kumbahan
Yang Telah Rosak
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.43



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Tanah Runtuh Di Cerun Bukit Di
Pintu Masuk Kedua IPG
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.44



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Tanah Runtuh Di Cerun Bukit Di
Pintu Masuk Kedua IPG
(13.11.2014)*

GAMBAR 12.45



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Tanah Runtuh Di Cerun Bukit Laluan Utama IPG
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.46



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Tanah Runtuh Di Cerun Bukit Laluan Utama IPG
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.47



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Tanah Runtuh Di Cerun Bukit Di Kuarters Kakitangan
(02.12.2014)*

GAMBAR 12.48



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Elektrik Trip Di Dewan Badminton
(13.11.2014)*



GAMBAR 12.49

*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Kerosakan Talian Telefon PABX
(13.11.2014)*

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

KERJA pembaikan dan penyenggaraan hanya dapat dilaksanakan apabila peruntukan diagihkan kepada IPGM pada awal tahun. Agihan peruntukan kepada 27 IPG berdasarkan laporan kerosakan yang dikemukakan kepada IPGM mengikut keutamaan dan tahap kritikal sesuatu kerosakan yang berlaku. Jika kerosakan melibatkan kos yang tinggi dan kerja pembaikan bangunan maka permohonan daripada IPG akan dipanjangkan kepada BPPA untuk tindakan selanjutnya. Kerosakan yang dinyatakan telah pun dilaporkan kepada IPGM dan telah dipanjangkan kepada BPPA untuk dibaiki di bawah peruntukan OS32000. Pembaikan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekangan peruntukan khususnya kerosakan di IPG Gaya dan IPG Kota Bharu.

Bagi IPG Kota Bharu, kerosakan tiang di asrama pelajar telah dibuat kajian oleh Jabatan Forensik, JKR pada tahun 2013 dan sehingga sekarang pihak JKR belum mengemukakan kaedah pembaikan serta anggaran kos pembaikan kepada BPPA, walaupun beberapa kali susulan dibuat oleh IPG. Di IPG Gaya, Projek Cadangan Pembaikan cerun dan kerja-kerja berkaitan di bawah JKR Sabah telah bermula pada 26 Januari 2015 dan telah mencapai 22% siap sehingga 24 April 2015. Nilai projek adalah sebanyak RM1,597,700. Projek dijangka siap sepenuhnya pada 24 Januari 2016. Manakala di IPG Raja Melewar, pihak IPG bersama JKR Seremban dalam proses penyediaan laporan kerosakan cerun. Laporan berkenaan akan dipanjangkan kepada BPPA untuk tindakan lanjut dengan JKR Cerun.

Bagi kerosakan sistem komunikasi dan telefon, pihak IPG Raja Melewar dalam proses mendapatkan laporan teknikal JKR dan akan melaksanakan pembaikan menggunakan peruntukan OS28000 pada tahun 2015 termasuk kerosakan lain seperti yang ditunjukkan dalam gambar akan diambil tindakan berdasarkan kepada peruntukan sedia ada.

- b. Semakan Audit juga mendapati keadaan longkang di asrama perempuan IPG Gaya tersumbat serta diliputi pasir dan semak samun mengakibatkan air tidak dapat mengalir dengan cepat ke longkang utama apabila hujan. Pegawai Unit Penyenggaraan IPG berkenaan memaklumkan keadaan ini menyebabkan banjir sering berlaku di asrama dan mengakibatkan tingkat bawah bangunan asrama perempuan tidak dapat digunakan. Butirannya adalah seperti **Gambar 12.50** hingga **12.58**.

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.50



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Dipenuhi Pasir Di Tepi
Asrama Perempuan
(02.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.51



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Di Tepi Asrama Perempuan
Telah Dibersihkan
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.52



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Tersumbat Di Hadapan
Asrama Perempuan
(02.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.53



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Di Hadapan Asrama Perempuan
Telah Dibersihkan
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.54



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Tersumbat Dan Dipenuhi Semak Samun
Di Bahagian Hadapan Asrama Perempuan
(02.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.55



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Longkang Di Bahagian Hadapan
Asrama Perempuan Telah Dibersihkan
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.56



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Banjir Di Bahagian Belakang Asrama Perempuan
(02.03.2014)
(Sumber : KPM)*

GAMBAR 12.57



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Banjir Di Bahagian Hadapan Asrama Perempuan
(02.03.2014)
(Sumber : KPM)*



GAMBAR 12.58

*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Air Bertakung Di Bilik Tingkat Bawah
Asrama Perempuan
(02.03.2014)
(Sumber : KPM)*

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015

Faktor banjir yang sering berlaku di asrama perempuan kerana kawasan asrama adalah rendah serta pembangunan kawasan perumahan yang didirikan bersebelahan kawasan asrama. Apabila hujan lebat air hujan akan tertumpu di kawasan tersebut menyebabkan banjir kilat sering berlaku. Longkang disenggara seperti biasa namun tidak dapat menampung limpahan air yang banyak. Semak samun telah dibersihkan selepas teguran Audit pada 2 Disember 2014.

- c. Selain itu, IPG terlibat juga telah mendapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Teknikal JKR bagi menilai tahap kerosakan peralatan/bangunan

dan masalah cerun tanah. Antara syor yang dicadangkan adalah seperti kerja menaik taraf dan menyenggara bangunan, sistem *Water Cooled Package* dan sistem Gegelung *Hose* serta membaiki cerun/tanah runtuh berdekatan pagar Institut dengan anggaran kos berjumlah RM7.54 juta. **Akibat tidak mematuhi kehendak keselamatan kebakaran kerana kerosakan sistem *Water Cooled Package* dan sistem Gegelung *Hose*, IPG Raja Melewar, Negeri Sembilan telah dikenakan kompaun oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat pada 15 Ogos 2013 berjumlah RM100.** Bagaimanapun, tindakan lanjut masih belum diambil terhadap syor berkaitan seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.9
PEMERIKSAAN DAN PENILAIAN TEKNIKAL JKR DI IPG**

PERALATAN/ BANGUNAN/KAWASAN	JENIS KEROSAKAN/SYOR BAHAGIAN TEKNIKAL JKR	TARIKH PENILAIAN	ANGGARAN KOS (RM Juta)
IPG RAJA MELEWAR			
Bangunan kafeteria dan asrama pelajar	Bumbung bocor, resapan air pada lantai dan dinding, kerosakan pada siling, jubin lantai, longkang, tandas, paip air, tingkap, pintu dan dinding yang usang Menaik taraf semua kerosakan terlibat	04.04.2013	2.70
Sistem <i>Water Cooled Package</i> dan Sistem Gegelung <i>Hose</i>	Motor <i>pam duty</i> bagi sistem gelung hos di rumah pam tidak berfungsi dan usang di Blok pejabat, bilik ICT, bilik kuliah, dewan serbaguna dan asrama Penggantian keseluruhan Sistem <i>Water Cooled Package</i> dan Sistem Gegelung <i>Hose</i> bagi menjamin keselamatan penghuni IPG sekiranya kebakaran berlaku	06.08.2013	0.90
Keselamatan Elektrik	Alat pemadam api tamat tempoh, sistem pencegah kebakaran telah jatuh ke atas papan suis utama yang boleh menyebabkan litar pintas, jaring perangkap serangga telah rosak, <i>trunking</i> kabel telah karat dan rosak di Blok A, B dan C, sambungan kabel tidak selamat, papan suis tidak disenggara, soket sambungan jalur lebar telah rosak/pecah, susun atur kabel tidak kemas dan tiada maklumat litar akhir, kipas pelawas rosak, lampu tanda keluar rosak di Balai Kerapatan dan masalah pendawaian tambahan yang tidak mengikut spesifikasi, terdedah dan rosak Menaik taraf pemasangan elektrik, pencahayaan luar dan penyenggaraan pemasangan elektrik	28 hingga 30.05.2014	2.75
IPG GAYA			
Cerun	Sistem perparitan dipenuhi pasir dan batu, longkang pecah, tanah runtuh berdekatan pagar, rumah sampah dan pencawang elektrik Menyenggara sistem perparitan, membaiki longkang, membina <i>gabion retaining wall</i> dan kerja lain yang berkaitan	24.02.2012	0.38
	Tanah runtuh di selekoh Blok E dan Gelanggang Bola Keranjang, paip pecah dan rekahan dinding konkrit Pembaikan cerun dan paip pecah, menampal rekahan pada dinding konkrit dan meletakkan kanvas di tebing yang runtuh	12.06.2014	0.82
IPG KOTA BHARU			
Struktur Tiang Konkrit Asrama Blok A, B dan C	Kerosakan struktur tiang, pengajaran, kebocoran dan kerosakan pada salur tegak air hujan jenis aluminium yang dipasang dalam tiang, resapan air terhadap struktur tiang luar, rasuk kedua dan lantai koridor	23.05.2013	Tiada

Pada pendapat Audit, kerosakan yang serius bagi struktur bangunan dan tanah runtuh adalah berbahaya dan boleh menjejaskan keselamatan warga IPG. Kerosakan tersebut perlu diperiksa dan dibaiki dengan segera. Kerosakan yang tidak diambil tindakan akan menyebabkan keadaan menjadi semakin serius dan memerlukan kos pembaikan yang lebih tinggi. Selain itu, bagi mengurangkan/mengelakkan berlakunya kerosakan pelaksanaan penyenggaraan pencegahan hendaklah dibuat mengikut tempoh yang dirancang.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

IPGM telah mendapat khidmat nasihat daripada JKR bagi menilai tahap kerosakan bangunan dan menyediakan anggaran kos pembaikan selaras dengan keputusan mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian KPM Bil. 1/2013 supaya IPGM menghantar laporan teknikal kepada Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP). Pada 12 Jun 2013 IPGM telah mengemukakan laporan teknikal JKR bagi 27 IPG kepada BPP beserta anggaran kos JKR untuk permohonan peruntukan dan pada 21 November 2013 IPGM juga telah mengemukakan permohonan ini kepada Bahagian Kewangan. Pada 3 Mac 2014 YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian telah meluluskan permohonan peruntukan penyenggaraan ini dan telah diminitkan kepada BPPA. Oleh kerana kekangan kewangan, peruntukan hanya dapat disediakan bagi IPG Zon Utara sahaja sempena lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke IPG Zon Utara. Peruntukan sejumlah RM1.6 juta telah diagihkan kepada 4 IPG Zon Utara. Peruntukan yang belum diterima akan dimohon pada tahun semasa menggunakan peruntukan sedia ada. IPGM telah menyenaraikan keperluan peruntukan kewangan bagi isu-isu penyenggaraan dalam Rolling Plan Keempat untuk dibentangkan kepada Unit Perancang Ekonomi, JPM pada 5 Mei 2015.

IPGM memahami kepentingan melaksanakan penyenggaraan pencegahan terutamanya yang melibatkan keselamatan warga IPG. Bagaimanapun, kekangan peruntukan kewangan perlu diambil kira.

12.5.3. Kebersihan Bangunan Dan Kawasan

Kementerian telah menswastakan KBK di semua IPG dengan hasrat untuk memastikan perkhidmatan yang berkualiti diperolehi. Semakan Audit mendapati:

12.5.3.1. Perkhidmatan Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan

Klausula 2(a) kepada perjanjian, antaranya menyatakan kawasan IPG hendaklah dibersihkan 2 kali sehari, pokok tanaman hendaklah dipotong/pangkas 2 minggu sekali, longkang hendaklah dicuci 2 minggu sekali dan memelihara pokok-pokok bunga. Selain itu, panjang rumput tidak boleh melebihi 30mm (3cm) dari paras tanah dan dipotong setiap 2 minggu sekali (14 hari selepas potongan pertama) meliputi antaranya kawasan padang; simpang jalan; cerun/tebing yang berbukit

dan beralun; 2 kaki dari luar pagar; bahu jalan dan longkang/parit. Semakan Audit mendapati kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan dengan memuaskan kecuali Bangunan Astaka di IPG Raja Melewar sampah tidak disapu dan rumput tidak dipotong dengan sempurna serta keadaan longkang yang berlumut dan ditumbuhi pokok kecil di semua IPG dilawati seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 12.10
KEADAAN BANGUNAN DAN KAWASAN IPG

BIL.	IPG/KONTRAKTOR	JENIS-JENIS KERJA YANG DIJALANKAN OLEH KBK														
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o
KEBERSIHAN BANGUNAN																
1	Raja Melewar/Anjalan Jaya (M) Sdn. Bhd.	x	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
KEBERSIHAN KAWASAN																
2	Raja Melewar/Renung Enterprise	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	x	x	✓	✓	✓	✓	✓
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN																
3	Gaya/Teguh Gemilang Bistari Sdn. Bhd.	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	✓	x	x
4	Kota Bharu/Ismanani Enterprise	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	x	x	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: (✓) – Dibersihkan/Dipotong Mengikut Jadual
(X) – Tidak Dibersihkan/Dipotong Mengikut Jadual
TB – Tidak Berkaitan

- | | |
|-------------------------------|--|
| a. Bilik Kuliah/Asrama/Astaka | i. Rumput Dipotong Dengan Sempurna Di Kawasan Padang, Simpang Jalan, Cerun/Tebing Yang Berbukit Yang Beralun, Luar Pagar-Pagar Iaitu 2 Kaki Dari Luar Pagar Dan Bahu Jalan |
| b. Lorong Laluan | j. Longkang Tidak Berlumut, Ditumbuhi Rumput Dan Dipenuhi Sampah |
| c. Tandas | k. Tanah Di Dalam Pasu Dan Tanaman Dibersihkan Serta Digemburkan; Dan Dibajakkan Serta Disiramkan |
| d. Pejabat Pentadbiran | l. Tong Sampah Disarungkan Dengan Plastik Beg Sampah |
| e. Longkang Kecil | m. Sampah Yang Dikumpulkan Diangkut Ke Tapak Pelupusan Sampah Yang Dibenarkan Oleh PBT Dengan Segera |
| f. Cermin | n. Ranting, Sisa Dahan Dan Daun Kering Diangkut Keluar Oleh Kontraktor Dengan Kadar Segera |
| g. Siling | o. Pekerja Tidak Membuat Pembakaran Secara Terbuka Di Sekitar IPG |
| h. Tempat Ambil Wuduk | |

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.59



IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Rumput Melebihi 3cm Di Asrama Perempuan
(02.12.2014)

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.60



IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Rumput Di Asrama Perempuan Telah Dipotong
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.61



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Pokok Kecil Yang Tidak Dibersihkan Di Dalam
Longkang Di Asrama Perempuan
(02.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.62



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Pokok Kecil Telah Dibersihkan Di Dalam
Longkang Di Asrama Perempuan
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.63



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Rumput Melebihi 3cm Di Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.64



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Rumput Di Asrama Lelaki Telah Dipotong
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.65



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kesan Lumut Yang Tidak Dicuci Di Asrama Lelaki
(02.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.66



*IPG Gaya, Kota Kinabalu, Sabah
- Kesan Lumut Telah Dicuci Di Asrama Lelaki
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.67



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Longkang Yang Tidak Dibersihkan
Di Asrama Perempuan
(13.11.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.68



*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Longkang Telah Dibersihkan Di Asrama Perempuan
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*



SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.69

*IPG Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan
- Kesan Lumut Yang Tidak Dicuci Di Asrama
Perempuan
(13.11.2014)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.70



*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Tumbuhan Liar Yang Tidak Dibersihkan
Di Tepi Longkang Berhampiran Asrama
(15.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.71



*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Tumbuhan Liar Telah Dibersihkan Di
Tepi Longkang Berhampiran Asrama
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

SEMASA LAWATAN AUDIT

GAMBAR 12.72



*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rumput Liar Yang Tidak Dibersihkan
Di Hadapan Asrama
(15.12.2014)*

SELEPAS TEGURAN AUDIT

GAMBAR 12.73



*IPG Kota Bharu, Kota Bharu, Kelantan
- Rumput Liar Telah Dibersihkan Di Hadapan Asrama
(13.04.2015)
(Sumber : KPM)*

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015**IPG Melewar**

Teguran Audit telah diambil tindakan. Rumput dan mendapan pasir di sekeliling gelanggang takraw telah dibersihkan. Halangan seperti longkang pecah dan tanah telah dialih keluar daripada saluran longkang bagi mengelakkan tersumbat. Pembaikan akan dilaksanakan apabila peruntukan diperolehi.

IPG Gaya

Surat peringatan bertarikh 15 Disember 2014 telah dikeluarkan dan tindakan telah dibuat oleh pihak Kontraktor Teguh Gemilang Bestari Sdn. Bhd.

IPG Kota Bharu

Kerja pembersihan dan pemotongan rumput di kawasan asrama telah dilaksanakan berdasarkan jadual kerja yang disediakan oleh pihak kontraktor. Jadual pemotongan rumput adalah setiap dua minggu sekali. Semasa pengauditan dijalankan, rumput tersebut belum dipotong kerana belum sampai jadual pemotongan yang perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

12.5.3.2. Denda Terhadap Perkhidmatan Yang Tidak Memuaskan

Mengikut klausa 12 kepada perjanjian, pelanggaran mana-mana terma dan syarat perjanjian oleh kontraktor boleh dikenakan denda sebanyak 20% daripada jumlah bulanan nilai perjanjian bagi IPG terlibat. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Syarikat KBK yang disediakan oleh Unit Penyenggaraan, IPG Gaya secara bulanan bagi tahun 2013 dan 2014 menunjukkan mutu perkhidmatan oleh kontraktor berkaitan adalah tidak memuaskan dan mencadangkan denda dikenakan. Antara kesalahan yang dikenal pasti adalah rumput yang dipotong tidak disapu selepas kerja memesin rumput, pokok-pokok tidak dicantas, longkang/parit tidak disenggara dengan baik dan peralatan seperti mesin rumput yang disediakan tidak berkualiti serta kerap rosak. Sehingga 31 Disember 2014, walaupun sejumlah RM25,387 denda telah dikenakan namun semakan Audit berdasarkan Baucar Bayaran dan Laporan Prestasi Syarikat KBK mendapati denda berjumlah RM136,152 tidak/kurang dikenakan terhadap kontraktor seperti **Jadual 12.11**. Selain itu, semakan mendapati kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh kontraktor adalah antara 2 hingga 7 kali sebulan tetapi denda yang dikenakan tetap sebanyak 20% daripada jumlah nilai bulanan.

**JADUAL 12.11
DENDA YANG PATUT DIKENAKAN BAGI PERKHIDMATAN
YANG TIDAK MEMUASKAN DI IPG GAYA**

NO./ TARIKH BAUCAR BAYARAN	BULAN/ TAHUN	BIL. KESALAHAN	AMAUN KONTRAK SEBULAN (RM)	AMAUN DENDA 20%		
				TELAH DIKENAKAN (RM)	PATUT DIKENAKAN (RM)	TIDAK/KURANG DIKENAKAN (RM)
B0054/ 15.02.2013	Januari 2013	6	40,425	-	8,085	8,085

NO./ TARIKH BAUCAR BAYARAN	BULAN/ TAHUN	BIL. KESALAHAN	AMAUN KONTRAK SEBULAN (RM)	AMAUN DENDA 20%		
				TELAH DIKENAKAN (RM)	PATUT DIKENAKAN (RM)	TIDAK/KURANG DIKENAKAN (RM)
B0121/ 18.03.2013	Februari 2013	6	40,425	-	8,085	8,085
B0313/ 25.04.2013	Mac 2013	3	40,425	-	8,085	8,085
B0451/ 14.02.2013	April 2013	4	40,425	-	8,085	8,085
B0571/ 14.02.2013	Mei 2013	3	40,425	-	8,085	8,085
B0633/ 16.07.2013	Jun 2013	3	40,425	-	8,085	8,085
B0880/ 29.08.2013	Julai 2013	3	40,425	-	8,085	8,085
B0979/ 17.09.2013	Ogos 2013	3	40,425	-	8,085	8,085
B1062/ 07.10.2013	September 2013	2	40,425	-	8,085	8,085
B1273/ 15.11.2013	Oktober 2013	2	40,425	-	8,085	8,085
B1461/ 12.12.2013	November 2013	2	40,425	-	8,085	8,085
B1839/ 09.01.2014	Disember 2013	2	40,425	-	8,085	8,085
B0061/ 03.03.2014	Januari 2014	5	46,085	-	9,217	9,217
B0188/ 31.03.2014	Februari 2014	5	46,085	-	9,217	9,217
B0499/ 18.06.2014	Mac 2014	6	46,085	8,085	9,217	1,132
B0542/ 27.06.2014	April 2014	7	46,085	-	9,217	9,217
B0550/ 03.07.2014	Mei 2014	2	46,085	-	9,217	9,217
B0708/ 31.07.2014	Jun 2014	2	46,085	8,085	9,217	1,132
B1400/ 24.12.2014	November 2014	2	46,085	9,217	9,217	-
JUMLAH			807,695	25,387	161,539	136,152

Sumber : Baucar Bayaran Dan Laporan Prestasi Kontraktor Kebersihan Bangunan Dan Kawasan IPG Gaya

Nota : Perkhidmatan KBK Bagi Bulan Julai, Ogos, September, Oktober Dan Disember 2014 Adalah Memuaskan

Pada pendapat Audit, pihak IPG hendaklah meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap syarikat KBK agar semua syarat ditetapkan dipatuhi dan mengenakan denda terhadap sebarang pelanggaran syarat agar Kementerian mendapat perkhidmatan yang terbaik. Selain itu, kaedah pengiraan denda hendaklah dikaji semula kerana tidak mengambilkira bilangan atau kekerapan kesalahan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

Pihak IPG telah menyemak semula rekod dan dokumen yang ada dan mengenal pasti bulan yang dinyatakan seperti dalam jadual patut dikenakan denda.

NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH	BULAN/TAHUN	PATUT DIKENAKAN (RM)
B0054 / 15.02.2013	Januari 2013	8,085
B0121 / 18.03.2013	Februari 2013	8,085

NO. BAUCAR BAYARAN/TARIKH	BULAN/TAHUN	PATUT DIKENAKAN (RM)
<i>B1839 / 09.01.2014</i>	<i>Disember 2013</i>	<i>8,085</i>
JUMLAH		24,255
<i>B0061 / 03.03.2014</i>	<i>Januari 2014</i>	<i>9,217</i>
<i>B0188 / 31.03.2014</i>	<i>Februari 2014</i>	<i>9,217</i>
<i>B0542 / 27.06.2014</i>	<i>April 2014</i>	<i>9,217</i>
JUMLAH		27,651

IPG Gaya telah mengeluarkan surat tuntutan bayaran kutipan denda sebanyak RM54,169.50 kepada kontraktor Teguh Gemilang Bestari Sdn. Bhd. pada 9 April 2015. Namun demikian, pihak kontraktor melalui surat bertarikh 14 April 2015 memohon untuk dikurangkan jumlah denda dan diberikan sedikit masa untuk menjelaskan denda berkenaan kerana belum diputuskan oleh pihak pengurusan syarikat.

Permohonan kontraktor ditolak oleh IPG Gaya melalui surat bertarikh 15 April 2015. Pada 24 April 2015, IPG Gaya telah menghantar semula surat kepada kontraktor untuk menuntut semula denda yang dikenakan bagi perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak mematuhi skop perkhidmatan bagi tahun 2013 dan 2014.

IPG yang terlibat telah melaksanakan pemantauan dan penyeliaan terhadap syarikat KBK mengikut jadual yang telah dirancang. Bagi meningkatkan tahap pematuhan, skop pengesahan kerja KBK sedang ditambah baik dengan cadangan denda yang dikenakan adalah 2% sehari. Dengan cara ini boleh memberi motivasi kepada kontraktor untuk memperbaiki mutu perkhidmatan.

12.5.4. Pentadbiran Kontrak

12.5.4.1. Bon Pelaksanaan

Bon Pelaksanaan (BP) ialah suatu bentuk jaminan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor yang mendapat kontrak daripada Kerajaan bagi memastikan kontraktor terlibat melaksanakan semua obligasi ditetapkan untuk menjamin kepentingan kerajaan. Kadar BP adalah 2.5% daripada nilai kontrak bagi kontrak bekalan/perkhidmatan yang bernilai RM200,000 hingga RM500,000 dan 5% daripada nilai kontrak bagi kontrak bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM500,000. Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan bermasa yang berkuatkuasa bagi tempoh 2 tahun atau lebih, peratus dan amaun BP dikira mengikut anggaran nilai kontrak setahun sahaja. BP yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa. BP hendaklah diserahkan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh SST dikeluarkan bagi kontrak sebelum 15 Mac 2013 dan 30 hari bagi kontrak selepas tarikh tersebut. Semakan Audit terhadap 8 kontrak KBK mendapati 5 Kontraktor telah gagal menyerahkan BP mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu lewat antara 29 hingga

111 hari manakala satu kontrak tidak disediakan BP oleh Kontraktor. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 12.12
KELEWATAN PENYERAHAN BON PELAKSANAAN

KONTRAKTOR/ TEMPOH KONTRAK/NILAI (RM)	NILAI BON PELAKSANAAN (RM)	TARIKH			TEMPOH KELEWATAN (Hari)
		SST	SEPATUT BP DIKEMUKAKAN (14/30 HARI SELEPAS SST)	SERAHAN BP	
IPG RAJA MELEWAR					
Anjalan Jaya (M) Sdn. Bhd./ 01.10.2011 – 30.09.2014/ 748,440	6,210	17.06.2011	01.07.2011	09.09.2011	70
Redan Jaya Enterprise/ 01.08.2011 – 31.07.2013/ 409,200	10,230	13.07.2011	27.07.2011	25.08.2011	29
Renung Enterprise/ 01.08.2013 – 31.12.2014/ 395,505	9,888	16.07.2013	15.08.2013	26.07.2013	-
IPG GAYA					
Susan Cleaner/ 01.01.2012 – 31.12.2012/ 267,600	6,690	24.11.2011	08.12.2011	31.01.2012	54
Far East Marketing/ 01.01.2012 – 31.12.2012/ 251,292	6,282	24.11.2011	08.12.2011	02.02.2012	56
Teguh Gemilang Bistari Sdn. Bhd./ 01.01.2013 – 31.12.2015/ 1,455,300	12,128	28.12.2012	11.01.2013	02.05.2013	111
IPG KOTA BHARU					
Maz Murni Enterprise/ 01.03.2012 – 28.02.2013/ 314,184	7,855	26.02.2012	11.03.2012	06.03.2012	-
Maz Murni Enterprise/ 01.03.2013 – 31.12.2013/ 261,820	-	26.02.2013	11.03.2013	Tiada	-
Ismanani Enterprise/ 01.01.2014 – 31.12.2016/ 2,006,856	33,448	22.11.2013	22.12.2013	05.12.2013	-
JUMLAH	92,731				

Sumber : Kontrak Perjanjian Kebersihan Bangunan Dan Kawasan IPG

Nota : Tiada - Tiada BP Disediakan Bagi Kontrak Maz Murni Enterprise (1/2013) Oleh Kontraktor

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015

IPG Melewar

Kelewatan penyerahan Bon Pelaksanaan disebabkan pihak kontraktor menghadapi masalah dengan pihak bank untuk menyediakan dokumen berkaitan.

IPG Gaya

Surat peringatan telah dikeluarkan kepada Kontraktor Teguh Gemilang Bestari Sdn. Bhd. supaya menyerahkan Bon Pelaksanaan kepada IPG dan kelewatan kontraktor disebabkan masalah dalaman syarikat tersebut. Pihak kontraktor Far East Marketing pula telah menyerahkan Bon Pelaksanaan pada 2 Mei 2013 secara rasmi melalui surat KRMPBG130035. Kelewatan adalah disebabkan oleh faktor urusan bersama pihak bank.

12.5.4.2. Menandatangani Kontrak Perjanjian

Menurut perenggan 47.1 SPP Bil. 5 Tahun 2007, setiap kontrak Kerajaan hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh SST dikeluarkan. Kelewatan menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi dengan sewajarnya serta menjejaskan pembayaran tuntutan bulanan. Semakan Audit terhadap 8 kontrak KBK mendapati 2 kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan dengan kelewatan antara 45 hingga 54 hari. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 12.13
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK PERJANJIAN**

NAMA KONTRAKTOR/ NO. DAN TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH			TEMPOH KELEWATAN (Hari)
		SST	SEPATUTNYA KONTRAK DITANDATANGANI (4 BULAN SELEPAS SST)	KONTRAK DIMETERAI	
IPG RAJA MELEWAR					
Anjalan Jaya (M) Sdn. Bhd. KPM/28/2011/02/0242 01.10.2011 – 30.09.2014	0.75	17.06.2011	17.10.2011	01.10.2011	-
Redan Jaya Enterprise IPGRM/REDAN 01.08.2011 – 31.07.2013	0.41	13.07.2011	13.11.2011	27.07.2011	-
Renung Enterprise IPGKRM 02/2013 01.08.2013 – 31.12.2014	0.40	16.07.2013	16.11.2013	05.08.2013	-
IPG GAYA					
Susan Cleaner IPGKG 3/2011 01.01.2012 – 31.12.2012	0.27	24.11.2011	24.03.2012	30.01.2012	-
Far East Marketing IPGKG 4/2011 01.01.2012 – 31.12.2012	0.25	24.11.2011	24.03.2012	30.01.2012	-
Teguh Gemilang Bestari Sdn. Bhd. KPM/48/2013/02/0012 01.01.2013 – 31.12.2015	1.46	28.12.2012	28.04.2013	12.06.2013	45
IPG KOTA BHARU					
Maz Murni Enterprise 01/2012 01.03.2012 – 28.02.2013	0.31	26.02.2012	26.06.2012	01.03.2012	-
Maz Murni Enterprise 01/2013 01.03.2013 – 31.12.2013	0.26	26.02.2013	26.06.2013	19.03.2013	-
Ismanani Enterprise KPM/48/2017/02/0440 01.01.2014 – 31.12.2016	2.01	22.11.2013	22.03.2014	15.05.2014	54

Sumber : Kontrak Perjanjian Kebersihan Bangunan Dan Kawasan IPG

Nota : TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, pematuhan kepada tarikh penyerahan bon dan tarikh menandatangani kontrak oleh kontraktor perlu dipantau dengan rapi bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjaga.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

IPG Gaya

Kelewatan Kontraktor Teguh Gemilang Bestari Sdn. Bhd. mengemukakan Bon Pelaksanaan kepada IPG Gaya menyebabkan dokumen kontrak tidak lengkap dan tidak boleh ditandatangani. Pihak syarikat juga telah diberi amaran supaya mengambil tindakan segera.

IPG Kota Bharu

Dokumen kontrak telah ditandatangani mengikut tempoh yang ditetapkan dan kelewatan adalah disebabkan pihak Kontraktor Ismanani Enterprise lambat menghantar dokumen kontrak ke pejabat duti setem Lembaga Hasil Dalam Negeri Kota Bharu untuk dimeterai dokumen kontrak tersebut. Tindakan mengeluarkan surat peringatan juga telah dikeluarkan pada 24 Februari 2014.

12.5.5. Pemantauan

Pemantauan yang berkesan adalah penting bagi memastikan semua aktiviti dapat dilaksanakan dengan berkesan. Semakan Audit mendapati selain melalui Unit Penyenggaraan yang memantau kerja penyenggaraan secara langsung, semua IPG dilawati juga telah memantau aktiviti berkenaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang diadakan sebanyak 4 kali setahun. Manakala pemantauan bagi KBK telah dijalankan oleh Unit Penyenggaraan, IPG dengan menggunakan borang BPPA KBK 1 iaitu Borang Pelaksanaan Skop Perkhidmatan dan Pengurusan Pekerja Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan secara bulanan di IPG Gaya dan IPG Kota Bharu. Manakala IPG Raja Melewar menggunakan borang lain mengikut format yang telah diubah suai.

Pada pendapat Audit, pihak IPG perlu melaksanakan pemantauan secara berjadual dan mengejut bagi memastikan kerosakan bangunan dapat dikenal pasti dengan segera dan kerja pembersihan bangunan dan kawasan dilaksanakan dengan baik dan memuaskan.

Maklum Balas Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Dan 7 Mei 2015

IPG Raja Melewar menerima dan mengambil maklum teguran Audit dan telah menggunakan Borang BPPA KBK 1 mulai bulan Januari 2015.

Norma kerja semasa ialah pemantauan dilaksanakan oleh pihak IPG sendiri dan laporan prestasi kerja dikemukakan kepada IPGM dan BPPA secara berkala. Perancangan pemantauan secara berjadual dan mengejut akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan IPG pada 13 hingga 16 Mei 2015.

12.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti, adalah disyorkan supaya Kementerian/IPG mengambil tindakan seperti yang berikut:

- 12.6.1. mengadakan daftar aduan kerosakan bagi memantau bilangan dan status aduan;
- 12.6.2. membuat pemeriksaan dan penilaian terhadap kerosakan yang berlaku dan membuat pembaikan sewajarnya. Selain itu, pelaksanaan penyenggaraan pencegahan berjadual hendaklah dilaksanakan seperti yang dirancang;
- 12.6.3. meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap syarikat KBK. Mengenaikan denda terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan dan sebarang pelanggaran syarat kontrak; dan
- 12.6.4. meningkatkan pemantauan terhadap tarikh penyerahan bon dan tarikh menandatangani kontrak.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

13. PROJEK-PROJEK KECIL DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) di peringkat negeri bagi membiayai pelaksanaan Projek-Projek Kecil (PPK) di kawasan PBT. Tujuan projek-projek tersebut dilaksanakan adalah untuk membantu dan memajukan PBT melalui proses pembangunan fizikal dan sosioekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Keadaan ini akan dapat dicapai melalui penyediaan perkhidmatan yang bermutu tinggi, kemudahan sosial, rekreasi dan peluang ekonomi yang seimbang selaras dengan proses pembangunan negara dan juga matlamat penyusunan semula PBT. Pelaksanaan projek terutama di bawah program sosioekonomi adalah juga bertujuan untuk menambah pendapatan kewangan dan menjadi sebahagian daripada aset kepada PBT berkenaan.

13.1.2. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) iaitu bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, sejumlah RM1.245 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan 15,410 projek di 148 PBT seluruh negara. Projek-projek yang dilaksanakan merupakan projek-projek *people-centric* dan dijeniskan kepada 3 kategori seperti yang berikut:

i. Projek Infrastruktur

Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf parit dan longkang, jalan, laluan pejalan kaki dan lampu jalan.

ii. Projek Kemudahan Awam

Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf dewan serbaguna, kemudahan sukan dan rekreasi, pondok bas dan tandas awam.

iii. Projek Sosioekonomi

Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf premis perniagaan, pasar, bazar dan gerai makan.

13.1.3. Program dan tujuan pembangunan PPK Butiran Projek 1 (BP1) adalah seperti yang berikut:

- i. *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bertujuan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek ini dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai oleh rakyat jelata, dengan menggunakan perbelanjaan yang minimum;
- ii. Projek *Bridge Digital Divide* (BDD) bertujuan mengurangkan jurang digital antara kumpulan miskin bandar dengan kumpulan-kumpulan berkemampuan di bandar, menjadikan kumpulan miskin bandar celik *Information and Communications Technology* (ICT) agar dapat memanfaatkan segala peluang digital; dan
- iii. Projek *Walkabout* merupakan program turun padang bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

13.2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada PPK di PBT dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap PPK di kawasan PBT dari tahun 2011 hingga 2014. Dari sejumlah 14,441 projek yang bernilai RM1.194 bilion yang dilaksanakan, sebanyak 1,458 (10%) projek yang bernilai RM345.84 juta telah dipilih sebagai sampel Audit. Daripada jumlah tersebut sejumlah 255 projek telah dilawati oleh Pasukan Audit melibatkan 29 PBT dan satu Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) Selangor.

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan di KPKT, JKT dan PBT di 7 negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Sabah, Sarawak dan Johor. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan), PPPN Selangor, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah serta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti (KKTPK) Negeri Sarawak. *Exit Conference* bersama dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT telah diadakan pada 17 April 2015 dan turut dihadiri oleh wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Unit Audit Dalam KPKT.

13.5. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya PPK telah berjaya dilaksanakan dengan memuaskan kerana dari 15,410 projek yang disasarkan di antara tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 14,441 (93.7%) projek telah dilaksanakan oleh PBT dan PPPN dengan menyediakan infrastruktur, kemudahan awam serta projek sosioekonomi yang diperlukan segera oleh orang awam. Bagaimanapun beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki antaranya adalah seperti yang berikut:

- i. arahan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1/2013 mengenai *Integrity Pact* didapati tidak dipatuhi sepenuhnya dan ini boleh menyumbang kepada perkara yang menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa;
- ii. terdapat kelemahan di dalam Pengurusan Kontrak di mana Tempoh Tanggungan Kecacatan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan;
- iii. sebahagian PPK BP1 di bawah peruntukan Yang Berhormat Menteri (YBM) yang telah siap dilaksanakan oleh PPPN tidak diserahkan kepada PBT sebaliknya diserahkan kepada komuniti setempat/persatuan atas kehendak komuniti tersebut. Ini menyebabkan projek tidak dapat disenggara dengan sempurna di Negeri Selangor; dan
- iv. terdapat 4 projek telah siap dilaksanakan tetapi ia tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Situasi ini boleh menyebabkan berlaku pembaziran.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas KPKT dan PBT berkenaan adalah seperti yang berikut:

13.5.1. Prestasi Projek BP1

13.5.1.1. Prestasi Kewangan

Didapati bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2014 jumlah yang telah diperuntukkan untuk melaksanakan PPK ini adalah RM1.245 bilion. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.194 bilion (95.9%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.1
MAKLUMAT PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2011 HINGGA 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)
2011	334.40	323.00	97.0
2012	297.00	276.80	93.2
2013	304.60	289.00	94.9
2014	309.70	305.40	98.6
JUMLAH	1,245.70	1,194.20	95.9

Sumber : Rekod Di Bahagian Kewangan KPKT

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 2 April 2015

Baki peruntukan (2011 - 2014) sebanyak RM51.5 juta tidak dapat dibelanjakan kerana terdapat projek yang dibatalkan dan ditangguhkan pelaksanaan ke tahun berikutnya. Pembatalan projek tersebut berpunca daripada pelbagai sebab termasuk atas permintaan PBT atau Pejabat Pembangunan Persekutuan di negeri-negeri berkenaan.

JKT sedang merangka strategi untuk meningkatkan keberkesanan pemantauan, antaranya menetapkan pemantauan berkala sebanyak 4 kali setahun iaitu pada bulan April, Jun, September dan Disember bagi memantau pelaksanaan projek yang diluluskan dilaksanakan mengikut jadual, prosedur dan spesifikasi yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan adalah baik di mana jumlah perbelanjaan dari tahun 2011 hingga 2014 adalah RM1.194 bilion (95.9%) berbanding dengan peruntukannya RM1.245 bilion. Bagaimanapun prestasi ini setelah mengambil kira sejumlah projek yang dibatalkan dan ditangguhkan.

13.5.1.2. Prestasi Fizikal

Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014 sebanyak 15,410 projek telah disasarkan. Dari jumlah yang disasarkan itu sebanyak 14,441 projek (93.7%) telah berjaya dilaksanakan. Sementara itu, sebanyak 969 (6.3%) baki projek belum lagi dilaksanakan. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.2
MAKLUMAT PRESTASI FIZIKAL TAHUN 2011 HINGGA 2014 PRESTASI FIZIKAL BP 1

TAHUN	JUMLAH SASARAN PROJEK	JUMLAH PROJEK YANG DILAKSANAKAN	JUMLAH PROJEK YANG TIDAK DAPAT/BELUM DILAKSANAKAN	PERATUS PROJEK YANG TIDAK DAPAT/BELUM DILAKSANAKAN
2011	4,921	4,665	256	5.1
2012	2,579	2,472	107	4.2
2013	3,712	3,447	265	7.1
2014	4,198	3,857	341	8.1
JUMLAH	15,410	14,441	969	6.3

Sumber : Rekod Di Bahagian Kewangan KPKT

Semakan Audit mendapati dari 969 projek yang tidak dilaksanakan, sejumlah 747 (77.1%) projek telah dibatalkan sementara 222 (22.9%) projek telah ditangguhkan.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek adalah baik di mana jumlah projek yang tidak dapat dan belum dilaksanakan itu adalah bersesuaian dengan baki peruntukan kewangan yang ada.

13.5.2. Pengurusan Perolehan

13.5.2.1. Perakuan *Integrity Pact*

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan telah dikuatkuasakan melalui Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) yang bertarikh 28 Februari 2009 yang mana semua Agensi Kerajaan dikehendaki untuk memasukkan Klausu Peringatan Kesalahan Rasuah dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Perolehan yang mana melibatkan pembida yang berjaya. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 Tahun 2010 dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 1/2013 telah memperluaskan lagi pelaksanaan *Integrity Pact* ini sehingga ke pelbagai peringkat proses perolehan. Ini adalah bagi memastikan semua perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelakkan dari berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa. Sebanyak 29 PBT dan satu (1) PPPN Selangor telah dilawati melibatkan 227 perolehan Sebutharga/Tender, yang mana setiap satu perolehan tersebut perlu melengkapkan 10 lampiran pematuhan *Integrity Pact* sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling berkaitan. Semakan Audit mendapati 23 PBT mematuhi *Integrity Pact* antara 7.5% hingga 35% sementara 7 PBT tidak mematuhi. Kedudukannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 13.3
PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

NEGERI		KEDAH	PAHANG	PERAK	SELANGOR	JOHOR	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Jumlah PBT yang dilawati		4	4	4	1	5	7	5	30
Jumlah Perolehan Sebutharga/Tender (Bilangan)		20	20	38	2	74	19	54	227
Jumlah Lampiran Yang Sepatutnya Dipatuhi (Bilangan Lampiran)		200	200	380	20	740	190	540	2,270
Peringkat <i>Integrity Pact</i>	Lampiran <i>Integrity Pact</i> Yang Patut Dipatuhi								
Penjawat Awam Yang Terlibat Dengan Perolehan	a) Surat Akuan Penjawat Awam Yang Terlibat dengan Perolehan	0	10	15	0	0	0	7	27
Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan	b) Surat Akuan Pelantikan	5	10	13	0	12	0	7	42
	c) Surat Akuan Selesai Tugas	0	10	13	0	12	0	0	35
Ahli Lembaga/ Jawatankuasa Perolehan	d) Surat Akuan Ahli	5	5	13	1	12	0	21	50
	e) Surat Akuan Selesai Tugas	0	5	19	2	0	0	0	20
Pembida	f) Surat Akuan Pembida	0	10	19	1	28	0	28	80
	g) Surat Akuan Pembida Berjaya	5	10	21	1	12	0	28	69
	h) Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Dokumen Perolehan	0	5	13	2	0	0	28	48
	i) Surat Akuan Kepentingan Perunding	0	0	2	0	0	0	0	2
	j) Surat Akuan Perunding Yang Dilantik	0	0	2	0	0	0	0	2
Jumlah Pematuhan Sebenar (Bilangan)		15	65	130	7	76	0	119	375
Jumlah Pematuhan Sebenar (%)		7.5	32.5	34.2	35	10.3	0	22.0	

Sumber : Dokumen Perolehan Sebutharga/Tender

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015**Tindakan Penambahbaikan**

JKT juga telah mengemukakan surat peringatan terhadap pematuhan kepada perakuan integrity pact kepada semua SUK/PBT seluruh Malaysia melalui surat bil. (1) dlm. JKT.P.(S)400-2/2 Klt.6 bertarikh 9 April 2015.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan *Integrity Pact* ini hendaklah dikuatkuasakan memandangkan ia adalah salah satu daripada 7 inisiatif di bawah *National Key Result Area - Corruption* yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan membendung gejala rasuah dalam perolehan Kerajaan. Penguatkuasaannya juga boleh mengelakkan berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa.

13.5.3. Pentadbiran Kontrak**13.5.3.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan**

Pengeluaran Perakuan Siap Kerja menandakan bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan. Sebarang kecacatan yang timbul dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah diperbaiki oleh kontraktor dengan kosnya sendiri. Apabila semua kecacatan telah diperbaiki satu Perakuan Siap Membaiki Kecacatan akan dikeluarkan. Garis panduan pelaksanaan projek BP1 menyatakan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi pelaksanaan projek BP1 hendaklah dinyatakan dalam surat tawaran iaitu bagi projek sehingga RM100,000, Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah selama 6 bulan manakala projek yang melebihi RM100,000 adalah selama 12 bulan. Semakan Audit terhadap 117 projek mendapati, 90 projek (76%) yang bernilai melebihi RM100,000 mempunyai Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 6 bulan, 6 projek (5.1%) yang bernilai RM20,000 mempunyai Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 1 bulan dan 21 projek (17.9%) yang bernilai antara RM20,000 hingga RM179,484 tiada Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semakan lanjut mendapati 9 daripada 21 projek yang tiada Tempoh Tanggungan Kecacatan itu adalah merupakan kerja-kerja menaik taraf. Garis panduan yang telah ditetapkan tetapi tidak dipatuhi boleh menyebabkan kerosakan yang berlaku terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan terutamanya bagi projek yang tiada Tempoh Tanggungan Kecacatan.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

JKT telah mengeluarkan Garis Panduan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak kerja PBT dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 pada bulan April 2015 seperti berikut:

Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kontrak kerja adalah ditentukan seperti berikut:

- i. Bagi kontrak kerja yang bernilai di antara RM20,000 hingga RM500,000 Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.***
- ii. Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500,000 Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.***

Pada pendapat Audit, Tempoh Tanggungan Kecacatan yang bermula selepas pengeluaran Perakuan Siap Kerja Praktikal itu adalah satu tempoh bagi menilai prestasi projek. Oleh itu Tempoh Tanggungan Kecacatan yang disediakan hendaklah mengikut tempoh sebagaimana telah ditetapkan dalam Garis Panduan BP1. Ini juga bagi menjamin kepentingan pihak Kerajaan.

13.5.4. Pengurusan Projek

13.5.4.1. Penyerahan Projek Yang Dilaksanakan

Sesuatu projek yang diluluskan adalah berdasarkan kepada 3 kriteria iaitu projek dilaksanakan di dalam kawasan PBT, tapak projek hendaklah di atas tanah milik PBT dan projek adalah di bawah tanggungjawab PBT. Ini seperti mana yang dinyatakan dalam Borang Pengesahan Permohonan Projek Pembangunan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Dari 124 projek siap di Negeri Selangor yang dipilih sebagai sampel, sebanyak 103 projek belum diserahkan kepada PBT, 16 projek siap telah diserahkan kepada PBT dan 5 projek siap telah diserahkan kepada pihak komuniti setempat. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan terdapat arahan dari pihak KPKT kepada pihak PPPN mengenai penyerahan projek siap tersebut kepada pihak PBT atau pihak komuniti setempat. Projek siap yang tidak diserahkan kepada PBT boleh menyebabkan berlakunya kerosakan serta terbiar tanpa disenggarakan dengan baik. Di samping itu penyerahan projek siap kepada komuniti hendaklah didokumenkan serta perlu ada jaminan penjagaan oleh pihak komuniti yang menerimanya. Lawatan Audit di dua (2) lokasi premis mendapati projek yang tidak diserahkan kepada PBT telah menyebabkan berlaku kerosakan seperti yang ditunjukkan di gambar berikut:

13.5.4.1.1. Membina Wakaf dan Membaiki Dewan Serta Kerja Berkaitan Di Taman Orang Asli Saujana Puchong, Majlis Perbandaran Subang Jaya. Kos projek RM60,000 dan projek siap pada 23 Disember 2012. Tarikh diserahkan kepada komuniti setempat adalah pada 2 Januari 2013.

GAMBAR 13.1



*PPPn Selangor
- Pintu Bilik Air Telah Rosak (Gambar Kecil)
Tidak Diperbaiki
(22.10.2014)*

GAMBAR 13.2



*PPPn Selangor
- Daun Pintu Hilang Dan Tingkap Bilik Utiliti
Telah Rosak Tidak Diperbaiki
(22.10.2014)*

13.5.4.1.2. Pembinaan Dewan Orang Ramai Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Taman Telipot, Bukit Sentosa 3, Hulu Selangor. Kos Projek adalah berjumlah RM129,000 dan projek siap pada 25 April 2014. Dewan tersebut telah diserahkan kepada komuniti setempat pada 18 Jun 2014.

GAMBAR 13.3



*PPPn Selangor
Dewan Orang Ramai Di Taman Telipot,
Bukit Sentosa 3
- Pandangan Hadapan Dewan
(11.03.2015)*

GAMBAR 13.4



*PPPn Selangor
Dewan Orang Ramai Di Taman Telipot,
Bukit Sentosa 3
- Penutup Kipas Dinding Tertinggal Dibiarkan
(11.03.2015)*

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Bagi melayakkan PBT menerima geran BP1 beberapa syarat perlu dipatuhi seperti berikut:

- (i) Projek hendaklah berada di dalam kawasan pentadbiran PBT*
- (ii) Tapak projek hendaklah di atas tanah milik PBT*
- (iii) PBT mengambil tanggungjawab untuk menyelenggara projek yang siap sebagai aset PBT*

Merujuk kepada syarat ketiga, pihak PBT hendaklah bersedia untuk menyelenggara projek yang telah disiapkan. Walau bagaimanapun, bagi Negeri Selangor, projek adalah dilaksanakan dan disenggara oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (PPPn Selangor).

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, projek-projek BP1 bagi Negeri Selangor dilaksanakan dan disenggara oleh PPPn Selangor.

Pada pendapat Audit, penyerahan projek siap kepada PBT dapat membantu memudahkan lagi pihak PBT untuk menyenggarakan projek siap yang berkaitan. Penyenggaraan yang berterusan dapat menyumbang kepada peningkatan tahap infrastruktur dan kemudahan awam serta sosioekonomi masyarakat di kawasan bandar.

13.5.4.2. Lokasi Projek Tidak Sesuai/Praktikal

Garis Panduan BP1 telah menetapkan bahawa projek yang hendak dilaksanakan hendaklah mengambil kira kemudahan infrastruktur seperti jalan masuk ke tapak projek sebagai kemudahan awam. Perancangan projek hendaklah mengambil kira keperluan terhadap projek dan kesesuaian projek terhadap penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Semakan Audit mendapati pembinaan bagi 3 unit gerai di Kg. Seri Jaya, Kota Tinggi yang bernilai RM99,849 dan siap pada 3 Oktober 2014 telah dilaksanakan tanpa mengambil kira keperluan kemudahan laluan ke gerai tersebut. Situasi ini bercanggah dengan kehendak yang terdapat dalam garis panduan pembinaan projek BP1.



GAMBAR 13.5

*Majlis Daerah Kota Tinggi
Projek Membina 3 Unit Gerai Di Kg. Seri Jaya.
- Lokasi Projek Laluan Jalan Masuk Tidak Dibina.
Gambar Kecil Menunjukkan Laluan
Tidak Rasmi Yang Digunakan
(17.12.2014)*

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

MD Kota Tinggi

Pihak Majlis telah melantik Tetuan Izwan Mutiara Enterprise pada 20 April 2015 untuk pembinaan jalan masuk dan tempat letak kereta di gerai makan berkenaan dengan kos RM19,982.

Pada pendapat Audit, perancangan yang rapi sebelum melaksanakan sesuatu projek itu adalah penting agar objektif pembinaan dapat dicapai dengan mengambil kira 3 faktor utama iaitu ekonomi, cekap dan berkesan.

13.5.4.3. Projek Tidak Disenggara

Di antara perkara yang telah ditetapkan adalah PPK hendaklah dilaksanakan di dalam kawasan PBT yang mana antara lain adalah bagi memudahkan pihak PBT menyenggarakan setiap PPK yang telah siap. Di samping itu juga PPK yang telah siap akan menjadi milik PBT sebagai aset. Semakan Audit mendapati dari 255 tapak projek PPK yang dilawati, 5 PPK didapati tidak disenggara dengan memuaskan. Maklumatnya adalah seperti jadual dan gambar berikut:

**JADUAL 3.4
PROJEK TIDAK DISENGGARA**

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH SIAP
1.	Projek Menaiktaraf Padang Tonggak 10 Sungai Besar, Selangor	1.19	28.02.2013
2.	Menaiktaraf Longkang Tanah Ke Longkang Konkrit Serta Kerja-Kerja Berkaitan Menaiktaraf Longkang Di Pekan Sungai Haji Dorani, Sungai Besar, Selangor	0.70	13.09.2013
3.	Membina Kawasan Pejalan Kaki Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekitar Bandar Kuala Nerang, Majlis Daerah Padang Terap, Kedah	0.47	17.01.2012
4.	Menaiktaraf Jalan Di Kg. Barokhas, Mukim Belimbing Kanan, Kuala Nerang, Majlis Daerah Padang Terap, Kedah	0.17	15.12.2013
5.	Menaiktaraf Parit Di Jalan Jabbar, Parit Jawa, Majlis Perbandaran Muar, Johor	0.22	05.08.2011

GAMBAR 13.6



GAMBAR 13.7



**PPP Selangor
Projek Menaiktaraf Padang Tonggak 10 Sungai Besar, Selangor
- Kegiatan Vandalisme - Kerosakan Bullet Lamp
(23.10.2014)**

GAMBAR 13.8



GAMBAR 13.9



**PPP Selangor
Menaiktaraf Longkang Tanah Ke Longkang Konkrit Serta Kerja-Kerja Berkaitan Menaiktaraf Longkang Di Pekan Di Pekan Sungai Haji Dorani, Sungai Besar.
- Penyenggaraan Tidak Dilakukan Oleh Pihak PBT Kerana Tiada Penyerahan Projek Kepada PBT
(24.10.2014)**

GAMBAR 13.10



GAMBAR 13.11



PPPN Selangor

Menaiktaraf Longkang Tanah Ke Longkang Konkrit Serta Kerja-Kerja Berkaitan Menaiktaraf Longkang Di Pekan Sungai Haji Dorani, Sungai Besar, Majlis Daerah Sabak Bernam - Keadaan Parit Tanah Yang Tidak Dinaiktaraf, Air Tidak Dapat Mengalir Dengan Baik (24.10.2014)

GAMBAR 13.12



GAMBAR 13.13



Majlis Daerah Padang Terap

Membina Kawasan Pejalan Kaki Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Sekitar Bandar Kuala Nerang, Padang Terap - Projek Tidak Disenggara Dengan Baik Dan Kerosakan Tidak Dibaiki (14.10.2014)

GAMBAR 13.14



GAMBAR 13.15



Majlis Daerah Padang Terap

Menaiktaraf Jalan Di Kg. Barokhas, Mukim Belimbing Kanan, Kuala Nerang, Majlis Daerah Padang Terap - Penyelenggaraan Tidak Dilaksanakan Sehingga Menyebabkan Parit Culvert Ini Tersumbat (14.10.2014)

GAMBAR 13.16



GAMBAR 13.17



Majlis Perbandaran Muar

Menaiktaraf Parit Di Jalan Jabbar, Parit Jawa, Muar, Majlis Perbandaran Muar - Penyelenggaraan Tidak Dilakukan Menyebabkan Parit Dipenuhi Kelodak Dan Konkrit Longkang Rosak (18.12.2014)

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015**PPPN Selangor**

Projek-projek BP1 bagi Negeri Selangor dilaksanakan dan diselenggara oleh PPPN Selangor.

Majlis Daerah Padang Terap

Pihak Majlis telah melantik JS Hala Enterprise pada 22 April 2015 untuk kerja-kerja penyelenggaraan berkenaan dengan kos RM9,620.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan ke atas pematuhan kepada Garis panduan yang telah disediakan boleh memberi kesan yang positif ke atas penjagaan projek siap PPK.

13.5.5. Kualiti Pembinaan

Mengikut Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti. Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan berada pada tahap piawai yang boleh diterima agar bangunan yang dibina dapat digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan fizikal Audit di 3 lokasi projek mendapati keadaan adalah seperti yang berikut:

13.5.5.1. Kesempurnaan Kerja

13.5.5.1.1. Secara keseluruhannya hasil lawatan tapak ke projek Membina dan Menyiapkan Sebuah Pasar dan Kompleks Perniagaan Di Atas Lot 8434 dan Lot 193, Mukim Derga, Jalan Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah adalah memuaskan. Projek tersebut yang bernilai RM7.58 juta dan siap pada 31 Mac 2014 itu telah mematuhi sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak. Bagaimanapun ketika lawatan fizikal ke kompleks tersebut pada 13 Oktober 2014 didapati berlaku keretakan di kaki lima bangunan. Maklumat tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.18**GAMBAR 13.19**

***Majlis Bandaraya Alor Setar
- Membina Dan Menyiapkan Sebuah Pasar Di Atas Seksyen 36, Jalan Sultan Abdul Halim.
- Berlaku Keretakan Pada Lantai Bangunan
(13.10.2014)***

13.5.5.1.2. Lawatan Audit telah dilakukan ke atas Projek Menaiktaraf Longkang dan Membina Laluan Pejalan Kaki Pekan Guar Cempedak, Majlis Daerah Yan, Kedah. Projek tersebut bernilai RM440,100 dan telah siap pada 14 Disember 2012. Ketika lawatan Audit pada 15 Oktober 2014, didapati penyambungan penutup longkangnya adalah renggang serta keadaan *grating* yang telah rosak. Keadaan ini boleh menyebabkan kemalangan kepada pengguna di laluan tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 13.20



GAMBAR 13.21



Majlis Daerah Yan
- Menaiktaraf Longkang Dan Membina Laluan Pejalan Kaki Di Pekan Guar Cempedak
- Berlaku Kerosakan Di Jalan Yang Diturap
(15.10.2014)



GAMBAR 13.22

Majlis Daerah Yan
Menaiktaraf Longkang Dan Membina Laluan Pejalan Kaki Di Pekan Guar Cempedak, Majlis Daerah Yan
- Grating Yang Telah Rosak
(15.10.2014)

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Majlis Bandaraya Alor Setar

Pihak Majlis telah melaksanakan kerja pembaikan keretakan pasar pada bulan April 2015.

Majlis Daerah Yan

Pihak Majlis telah melaksanakan kerja penyelenggaraan pada bulan April 2015.

Pada pendapat Audit, kesempurnaan kerja yang telah siap amat penting kerana ia boleh memberi kesan kepada pengguna dan juga ia melambangkan imej sesebuah PBT itu.

13.5.6. Projek Siap Tidak Dimanfaatkan

13.5.6.1. Kedai/Gerai Belum Beroperasi

Di dalam melaksanakan projek PPK ini Kerajaan akan memastikan pelaksanaan projek adalah mengikut jadual, sumber dan menilai *outcome* projek secara

menyeluruh. Projek yang siap dibina hendaklah digunakan mengikut objektif asalnya dan dapat memberi manfaat kepada orang awam. Semakan Audit ke atas 3 kompleks pasar dan 10 unit gerai mendapati bangunan telah siap dibina namun sebahagiannya belum beroperasi. Semakan Audit juga mendapati walaupun 3 unit dari 10 unit gerai di kawasan Kg. Rancangan Klias Beaufort Sabah telah beroperasi namun belum ditetapkan kadar sewanya. Sementara itu jumlah sewaan yang boleh dikutip sehingga 31 Disember 2014 sekiranya 33 unit kedai/gerai di 3 kompleks pasar tersebut beroperasi adalah berjumlah RM66,270. Maklumat terperinci adalah seperti dalam jadual dan gambar berikut:

JADUAL 13.5
PROJEK SIAP TIDAK DIMANFAATKAN

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TARIKH SIAP	CATATAN	JUMLAH SEWAAN YANG BOLEH DIKUTIP SEHINGGA 31.12.2014 OLEH PBT (RM)
1.	Menaik Taraf Pasar Awam, Majlis Perbandaran Muar	1.07	24.12.2012	3 unit kedai yang bernilai RM29,604 antara yang dibina semasa kerja-kerja menaiktaraf pasar, namun semasa lawatan Audit pada 21.12.2014 ia masih belum disewa.	28,800
2.	Pembangunan Semula Pasar Tanjung Rambutan, Majlis Bandaraya Ipoh, Perak	7.2	27.08.2013	8 dari 170 lot gerai belum beroperasi pada 31.12.2014.	1,920
3.	Membina dan Menyiapkan Sebuah Pasar dan Kompleks Perniagaan Di Atas Lot 8434 dan Lot 193, Mukim Derga Jalan Sultan Abdul Halim, Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah	7.58	31.03.2014	22 lot kedai belum beroperasi semasa lawatan Audit.	35,550
4.	Membina 10 Gerai Di Kawasan Kg. Rancangan Klias, Beaufort, Sabah	0.40	30.01.2013	7 dari 10 unit gerai belum beroperasi sementara 3 unit gerai telah beroperasi tanpa tanpa membayar sewa.	Kadar sewa belum ditetapkan
JUMLAH					66,270

GAMBAR 13.23



*Majlis Perbandaran Muar
Menaiktaraf Pasar Awam, Muar Dan
Pembinaan 3 Unit Kedai Di Dalam Pasar
- 3 Unit Kedai Tersebut Belum Beroperasi
(21.12.2014)*

GAMBAR 13.24



*Majlis Bandaraya Ipoh
Pembangunan Semula Pasar
Tanjung Rambutan Ipoh, Perak
- Dari 170 Unit Gerai Disediakan 8 Unit Belum Beroperasi
(21.12.2014)*

GAMBAR 13.25**GAMBAR 13.26**

*Majlis Bandaraya Alor Setar
Membina Dan Menyiapkan Sebuah Pasar Dan Kompleks Perniagaan
Di Atas Lot 8434 Dan Lot 193, Mukim Derga Jalan Sultan Abdul Halim
- 22 Lot Kedai Belum Beroperasi Ketika Lawatan Audit
(13.10.2014)*

GAMBAR 13.27**GAMBAR 13.28**

*Majlis Daerah Beaufort
- 7 Dari 10 Gerai Belum Beroperasi Kerana Masalah Pengurusan PBT Dengan Masyarakat Setempat
(04.11.2014)*

GAMBAR 13.29**GAMBAR 13.30**

*Majlis Daerah Beaufort
Membina 10 Gerai Di Kawasan
Kg. Rancangan Klias, Beaufort, Sabah
- Pandangan Hadapan Gerai Pertama
(04.11.2014)*

*Majlis Daerah Beaufort
- Gambar Menunjukkan Bahagian Belakang
Gerai Pertama Yang Telah Dijadikan Kediaman
Oleh Penduduk Setempat
(04.11.2014)*

13.5.6.2. Program Merapatkan Jurang Digital Pusat Komuniti

Program tersebut yang dibina oleh Majlis Bandaraya Alor Setar di Taman Bersatu, Alor Setar dengan kos RM47,136 telah siap pada 12 Disember 2012. Semakan Audit mendapati bilik komputer di Pusat Komuniti Taman Bersatu belum pernah digunakan sejak projek ini siap. Pengurusan projek ini telah diserahkan kepada persatuan penduduk taman tersebut pada 3 Disember 2012 dan sehingga ke tarikh lawatan didapati ianya belum dibuka kepada orang ramai kerana tiada permintaan dan tiada program berkaitan komputer dianjurkan oleh persatuan. Adalah didapati kompresor penghawa dingin juga dilaporkan telah dicuri dan laporan Polis telah dibuat oleh persatuan penduduk.

GAMBAR 13.31



Majlis Bandaraya Alor Setar

- Program Merapatkan Jurang Digital PBT Di Pusat Komuniti Taman Bersatu, Jalan Batas Paip Kuala Kedah (13.10.2014)

GAMBAR 13.32



GAMBAR 13.33



*Majlis Bandaraya Alor Setar
- Program Merapatkan Jurang Digital PBT
Di Pusat Komuniti Taman Bersatu,
Jalan Batas Paip Kuala Kedah
(13.10.2014)*

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Majlis Perbandaran Muar

MP Muar memaklumkan bahawa kos pembinaan 3 unit Gerai adalah RM29,604. Tapak bagi pembinaan 3 unit gerai ini merupakan beberapa bangku pasar ini yang tidak digunakan oleh itu kos pembinaannya adalah rendah.

Tujuan pembinaan gerai ini adalah bagi menempatkan semula 3 orang peniaga di dalam pasar ini. Pada masa itu terdapat 6 unit kedai di dalam pasar ini. Di atas permintaan persatuan peniaga MPM bersetuju untuk mengabungkan 6 unit kedai tersebut kepada 3 unit dan baki peniaga akan dipindahkan ke kedai yang baru yang lebih besar.

Tindakan Penambahbaikan

Bagaimanapun setelah projek ini siap perniaga berkenaan tidak lagi berminat untuk berpindah dan membesarkan perniagaan mereka kerana faktor usia dan tidak mahu mengambil risiko. Perkara ini menyebabkan MPM lewat membuka tawaran penyewaan kedai ini kepada orang awam. Tarikh pengiklanan dan status kedai ini adalah seperti berikut:

Tarikh iklan 1: 08.04.2013

1 unit kedai telah diisi. Petender yang lain didapati tidak layak.

Tarikh iklan 2: 22.04.2015

Masih dalam tempoh pengiklanan bagi baki 2 unit gerai.

Majlis Daerah Beaufort

Notis telah dikeluarkan oleh MD Beaufort supaya gerai tidak dijadikan kawasan tempat kediaman (tambahan pada gerai). Tempat kediaman yang dimaksudkan

hanyalah tempat menyidai pakaian pemilik gerai. MD Beaufort juga telah merobohkan tempat menyidai pakaian yang dikatakan sebagai tempat kediaman.

Majlis Bandaraya Alor Setar

Pihak Majlis telah membuat perancangan mengadakan program Komuniti bersama penduduk bagi tahun 2015 secara berkala.

Cadangan Program Dan Aktiviti Pusat BDD Taman Bersatu

- 1. Latihan Penggunaan Perisian ICT - Mei 2015***
- 2. Seminar Berani Akses Komputer/Internet - sasaran golongan suri rumah dan penganggur - Jun 2015***
- 3. Program Surirumah Jutawan - Julai 2015***
- 4. Program Berniaga Tanpa Modal - Ogos 2015***
- 5. Melancong di Alam Maya - September 2015***
- 6. Program Didik Anakku - Oktober 2015***
- 7. Program Portfolio Untuk Pelajar - November 2015***
- 8. Pakar Dalam Media Interaktif - Disember 2015***

Pihak Majlis telah membuat pemasangan jeriji untuk Kompresor penghawa dingin bagi mengelak kecurian berlaku lagi.

Pada pendapat Audit, dengan mengenal pasti terlebih dahulu kumpulan sasaran, ia membolehkan projek tersebut dapat dimanfaatkan dengan baik apabila projek tersebut siap.

13.5.7. Dokumen Permohonan Dan Kelulusan Projek

Garis Panduan Permohonan Peruntukan Projek-Projek Kecil adalah bertujuan untuk membantu PBT di dalam mengemukakan permohonan peruntukan kepada KPKT. Kerajaan komited untuk memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar selaras dengan inspirasi untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan memenuhi kehendak semasa dengan memberi fokus utama kepada pembangunan infrastruktur, sosioekonomi dan kemudahan awam. Berdasarkan Garis panduan tersebut, mulai tahun 2012, PBT hendaklah membuat permohonan melalui Sistem e-Mohon. Antara butiran penting yang perlu disertakan semasa membuat permohonan projek adalah seperti Latar Belakang Projek; Justifikasi Projek; Kajian Kemungkinan; Pengesahan Tapak Projek dan Reka Bentuk Projek. Semakan Audit mendapati maklumat permohonan bagi 208 projek dan maklumat kelulusan bagi 87 dari 255 projek yang dipilih itu tidak dapat dikemukakan oleh pihak KPKT. Ini adalah kerana dokumen permohonan projek tidak diiringi dengan surat permohonan atau tarikh dokumen diterima dari PBT tidak dicatat. Tanpa tarikh tersebut, bukti penerimaan tidak dapat dipastikan.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 2 April 2015

- i) Kajian Kemungkinan dilaksanakan oleh PBT selaku Pegawai Penguasa (SO) kepada projek berkenaan. Sehingga kini JKT masih belum mewajibkan laporan kemungkinan tersebut iaitu Laporan Kajian Tapak/Lokasi, Laporan Kajian Ekonomi, Laporan Kajian Pasaran, Laporan Kajian Rekabentuk Pembangunan dan Laporan Kajian Analisis Kewangan dikemukakan kepada pihak JKT.*
- ii) Sistem e-Mohon adalah satu sistem yang dibangunkan oleh Jabatan ini bagi memudahkan dan melancarkan lagi proses permohonan projek yang dimohon oleh PBT-PBT seluruh negara. Dengan sistem ini PBT-PBT boleh mengemukakan permohonan dari masa ke semasa ke dalam sistem e-mohon untuk pertimbangan kelulusan Jabatan. Secara umumnya sistem ini akan dikuatkuasakan pemakaiannya kepada semua PBT-PBT seluruh negara supaya ia lebih mudah dan lebih praktikal dalam memproses permohonan yang dikemukakan. Di samping itu sistem ini dijangka akan lebih cepat urusan memproses permohonan dan seterusnya mengeluarkan kelulusan kepada PBT-PBT yang memohon. Bagaimanapun sehingga kini sistem e-Mohon masih belum stabil dan tidak dapat diakses di sesetengah kawasan terutama di kawasan-kawasan PBT di Negeri Sabah dan Sarawak.*

Bagi PBT-PBT yang tidak dapat akses sistem e-mohon, permohonan projek dikemukakan secara manual. Dengan itu, sistem e-mohon tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan Jabatan tidak bercadang untuk menguatkuasakannya kepada PBT buat masa terdekat ini.

JKT akan mewajibkan laporan kemungkinan tersebut iaitu Laporan Kajian Tapak/Lokasi, Laporan Kajian Ekonomi, Laporan Kajian Pasaran, Laporan Kajian Rekabentuk Pembangunan dan Laporan Kajian Analisis Kewangan dikemukakan kepada pihak JKT dalam setiap permohonan projek yang akan datang.

Pada pendapat Audit, sistem dokumentasi yang sempurna boleh menjamin bahawa setiap dokumen permohonan yang diterima daripada agensi dapat direkodkan dengan lengkap.

13.5.8. Pemantauan Projek Kurang Memuaskan

Berdasarkan peraturan dalam melaksanakan projek, mesyuarat tapak perlu dilaksanakan pada setiap bulan bagi memantau kemajuan projek. Selain itu, Garis Panduan Pelaksanaan Projek BP1 yang dikeluarkan oleh JKT, setiap PBT/Agensi yang melaksana perlu menyediakan laporan secara bulanan mengenai status bagi semua aktiviti di tapak bagi tujuan pemantauan kepada JKT. Antara butiran laporan yang perlu disediakan adalah gambar sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan serta minit mesyuarat tapak. Semakan Audit mendapati seramai 8 Juruteknik Gred J29 dan 1 Juruteknik Gred J36 terlibat dalam memantau PPK ke atas 13 Negeri. Walaupun lawatan fizikal dilakukan di PPK namun tiada jadual lawatan berkala disediakan. Bagaimanapun pemantauan kerap dilakukan terhadap

laporan bergambar yang dihantar oleh PBT setelah projek siap dilaksanakan. Ini disebabkan oleh kekangan masa dan kakitangan yang tidak mencukupi bagi memantau projek yang terlibat.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 7 Mei 2015

Pegawai yang memantau tidak mencukupi kerana hanya seorang/dua orang Penolong Jurutera/Penolong Pegawai Senibina sahaja yang memantau sesebuah negeri.

Pada pendapat Audit, kajian keperluan guna tenaga bagi melaksanakan projek yang melibatkan RM1.245 bilion boleh memberi kesan yang positif ke atas perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek tersebut.

13.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, PBT telah berjaya melaksanakan projek-projek yang dirancang dan membelanjakan peruntukan yang disalurkan oleh JKT untuk memberi manfaat kepada orang awam khususnya masyarakat setempat. Bagaimanapun untuk tujuan penambahbaikan, berikut adalah syor-syor yang dicadangkan:

13.6.1. KPKT perlu menyediakan Garis panduan penyerahan projek yang dilaksanakan oleh PPPN kepada PBT;

13.6.2. arahan mengenai *Integrity Pact* hendaklah dipatuhi bagi memastikan semua perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelakkan dari berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa;

13.6.3. PBT perlu menyediakan mekanisme supaya projek yang telah siap perlu disenggara sebaik-baiknya dan mengambil tindakan menangani masalah vandalisme ke atas projek-projek;

13.6.4. KPKT perlu memastikan pelaksanaan pembangunan PPK di PBT dirancang dengan baik dan projek dimanfaatkan sebaik-baiknya; dan

13.6.5. pemantauan ke atas semua projek hendaklah dilaksanakan seperti yang dikehendaki oleh JKT.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

14. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR - PENGURUSAN PROJEK *PEDESTRIAN NETWORK*

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Pelaksanaan Projek *Pedestrian Network*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan *Entry Point Project* (EPP) 8 di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*, Program Transformasi Ekonomi. Projek ini adalah usahasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL untuk mewujudkan satu rangkaian laluan pejalan kaki yang bersepadu dan mudah diakses menjelang tahun 2020. Kemudahan pejalan kaki juga direka bentuk berdasarkan konsep Bandar Selamat yang dirangkumkan dalam salah satu program dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan. Konsep Bandar Selamat menekankan penggunaan reka bentuk alam sekitar dan ciri-ciri keselamatan terhadap pengguna laluan pejalan kaki. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, DBKL telah diperuntukkan sejumlah RM55.73 juta oleh Kerajaan Persekutuan bagi pengurusan Projek *Pedestrian Network*. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM51.14 juta (91.8%) telah dibelanjakan sehingga bulan Oktober 2014.

14.1.2. Komponen utama projek yang diliputi termasuk pembinaan/membaik pulih infrastruktur; perolehan dan pemasangan pagar *anti-climb*; perolehan/pembekalan tanah untuk tanaman; pengurusan landskap serta pengalihan halangan di laluan pejalan kaki. Bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2014, komponen projek adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran (JKAWS); Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB) dan Jabatan Landskap Dan Rekreasi (JLR) seperti jadual berikut:

JADUAL 14.1
TANGGUNGJAWAB PELAKSANAAN KOMPONEN UTAMA PROJEK

BIL.	KOMPONEN UTAMA PROJEK	JABATAN	TAHUN
1.	Pembinaan/membaik pulih infrastruktur laluan pejalan kaki	JKAWS	2011 - 2012
2.	Perolehan dan pemasangan pagar 'anti-climb'	JLR	2011
		JKAWS	2012
		JPB	2013 - 2014
3.	Perolehan/pembekalan tanah untuk tanaman	JLR	2011 - 2014
4.	Perolehan/penanaman pokok rendang, pokok renek dan rumput (pengurusan landskap)	JLR	2011 - 2014
5.	Pengalihan halangan-halangan di laluan pejalan kaki seperti tiang iklan, tiang lampu, kekotak suis, tiang tanda arah, pokok dan juga halangan berkaitan	JPB/JKAWS	2011
		JKAWS	2012
		JPB	2013 - 2014

Sumber: Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran Dan Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL

14.1.3. Antara Akta yang diguna pakai dalam pengurusan Projek *Pedestrian Network* adalah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982; Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Di samping itu, Garis Panduan Reka Bentuk Laluan Bebas Halangan yang dikeluarkan pada tahun 2013 juga diguna pakai sebagai panduan bagi reka bentuk laluan pejalan kaki yang dibina.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek *Pedestrian Network*, DBKL telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

14.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Projek *Pedestrian Network*, DBKL di bawah *Entry Point Project (EPP) 8*, NKEA *Greater KL/Klang Valley* bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Kesemua 13 Pakej (termasuk 2 Kerja Tambahan) bagi Projek *Pedestrian Network*, DBKL telah dipilih untuk tujuan pengauditan seperti jadual berikut:

JADUAL 14.2
SENARAI PAKEJ PROJEK DIPILIH UNTUK PENGAUDITAN

TAHUN	PAKEJ/ LOKASI	PERIHAL	JARAK (KM)	PERUNTUKAN (RM)	
				EPP 8	DBKL (MELALUI JKAWS)
2011	1/2011	Jalan Raja Laut (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Tun Perak ke simpang Jalan Sultan Ismail	2.00	3,040,167.55	4,405,127.85
	2/2011	Jalan P. Ramlee (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Raja Chulan ke simpang Jalan Ampang	2.00	1,747,542.05	1,009,252.14
	Kerja Tambahan Selepas Pakej 3 Dibatalkan	Jalan Tuanku Abdul Rahman (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Tun Perak hingga simpang Jalan Sultan Ismail	Rancangan Pakej 3 (2.20) Kerja Tambahan Sebenar (2.00)	153,410.00	
	Kerja Tambahan Selepas Pakej 4 Dibatalkan	Jalan Sultan Ismail (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Raja Laut hingga simpang Jalan Imbi	Rancangan Pakej 4 (6.40) Kerja Tambahan Sebenar (4.00)		
	1/2011 dan 2/2011	Peruntukan kepada JPB bagi kerja-kerja pengalihan halangan, tiang lampu, papan tanda arahan, <i>feeder pillar</i> papan iklan, pondok bas/teksi dan lain-lain halangan	4.00	2,163,141.48	
	Jalan Raja Laut, Jalan P.Ramlee, Jalan Bonus dan Jalan Puncak	Peruntukan kepada JLR bagi kerja-kerja membekal dan menanam pokok-pokok serta pembinaan pagar 'anti-climb'	4.00 (penanaman pokok) 2.60 (pembinaan pagar anti-climb)	750,000.00	
JUMLAH BESAR			12.60	7,854,261.08	5,414,379.99

TAHUN	PAKEJ/ LOKASI	PERIHAL	JARAK (KM)	PERUNTUKAN (RM)	
				EPP 8	DBKL (MELALUI JKAWS)
2012	1/2012	Jalan Raja Laut - Jalan Ipoh (Chow Kit) (Kedua-dua belah)		4,629,575.00	
		• Dari simpang Jalan Sultan Ismail melalui Jalan Raja Laut hingga simpang Jalan Ipoh ke arah Chow Kit	1.89		
		• Jalan Putra - Jalan Chow Kit (Kedua- dua belah)	1.53		
	2/2012	• Jalan Ampang dari simpang Jalan Binjai hingga Jalan Sultan Ismail dan sekitarnya (Kedua-dua belah)	3.07	3,956,786.00	
	3/2012	• Jalan Bukit Bintang Off Jalan Raja Chulan (Dua Belah) - Dari simpang Jalan Tun Razak hingga simpang Jalan Bukit Bintang	3.00	8,356,675.00	
		• Jalan Raja Chulan (Kedua-dua belah) - Dari simpang Wisma Budiman hingga Jalan Bukit Bintang	1.98		
		• Jalan Tung Shin (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Bukit Bintang melalui Jalan Tung Shin - Jalan Changkat Bukit Bintang Dan Jalan Nagasari	1.18		
• Jalan Pudu (Sebelah Kiri Sahaja) - Dari simpang Jalan Raja Chulan hingga Swiss Garden Hotel		0.72			
JUMLAH			13.37	16,943,036.00	-
2013	1/2013	Sebahagian Jalan Ipoh, Sebahagian Jalan Pahang, Sebahagian Jalan Tun Razak, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Sebahagian Jalan Dr. Latif	5.80	7,000,480.00	
	2/2013	Jalan Binjai, Persiaran KLCC, Jalan Kia Peng, Sebahagian Jalan Tun Razak, Persiaran Stonor	3.50	3,850,049.20	
	3/2013	Jalan Dang Wangi, Jalan Conlay, Jalan Khoo Teik Ee, Jalan Melati, Jalan Horley, Sebahagian Jalan Pahang Barat	3.50	3,750,447.90	
JUMLAH			12.80	14,600,977.10	-
2014	1/2014	Sebahagian Jalan Sultan Ismail, Sebahagian Changkat Raja Chulan, Sebahagian Changkat Bukit Bintang, Sebahagian Jalan Hang Jebat	3.70	4,440,028.90	
	2/2014	Sebahagian Jalan Imbi, Lorong Merbau, Lorong Meranti 3, dan Sebahagian Merlimau; Jalan San Peng	4.40	5,540,028.20	
	3/2014	Sebahagian Jalan Cemur, Jalan Lumut dan Jalan Datuk Hj. Eusoff; Sebahagian Jalan Tunku Abdul Rahman Lengkok Raja Laut dan Jalan Sri Amar, Jalan Doraisamy	4.60	6,350,501.60	
JUMLAH			12.70	16,330,558.70	-
JUMLAH KESELURUHAN				55,728,832.88	5,414,379.99

Sumber: Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran Dan Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL

14.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan Projek *Pedestrian Network*, DBKL. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai berkaitan juga dijalankan di lokasi yang terlibat. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 16 Mac 2015. Wakil Pengurusan DBKL, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan turut hadir bersama dalam *Exit Conference* tersebut.

14.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan bagi tahun 2011 hingga 2014 mendapati objektif projek untuk menerapkan konsep laluan pejalan kaki yang bersepadu dan mudah diakses secara umumnya telah tercapai dalam 8 daripada 11 (73%) pakej yang telah disiapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani seperti berikut:

- i. kelemahan dalam pelaksanaan sebahagian kerja pembinaan seperti rangkaian laluan pejalan kaki masih tidak bebas daripada halangan tetap dan sementara, terutamanya daripada golongan penunggang motosikal. Didapati juga tidak semua laluan pejalan kaki dibina dengan reka bentuk yang menerapkan ciri-ciri keselamatan untuk memudahkan pengguna orang kurang upaya (OKU);
- ii. penyenggaraan sebahagian infrastruktur dan landskap lembut di laluan pejalan kaki tidak dilaksanakan dengan memuaskan;
- iii. penyenggaraan terhadap laluan pejalan kaki tidak diselaraskan, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS) dan Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB) menjalankan penyenggaraan masing-masing mengikut tahun pelaksanaan projek; dan
- iv. tiada pemantauan dan koordinasi antara JKAWS serta JPB, DBKL bagi tindakan susulan terhadap masalah seperti kerosakan harta awam oleh pihak ketiga.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui serta ulasan DBKL adalah seperti perenggan berikut:

14.5.1. Prestasi Projek

14.5.1.1. Pencapaian Fizikal

- a. Daripada 11 Pakej yang disemak, didapati 3 projek bagi tahun 2013 tidak dapat disiapkan mengikut tarikh siap asal mengakibatkan kelewatan antara 39 hingga 78 hari. Bagi ketiga-tiga projek tersebut, pihak JPB telah mengeluarkan Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja dan telah mengenakan Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) masing-masingnya berjumlah RM58,500, RM54,600 dan RM49,700 bagi projek Pakej 1, 2 dan 3 Tahun 2013. Selain itu, tiada maklumat berhubung prestasi projek bagi 2 Tambahan Kerja pada tahun 2011 dikemukakan kepada pihak Audit. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.3
PRESTASI PROJEK PEDESTRIAN NETWORK BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2014

TAHUN	PAKEJ	KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP	LANJUTAN MASA (EOT)	KELEWATAN (Hari)
2011	1/2011	Planbig Sdn. Bhd.	6,951,682.50	20.06.2011 - 06.11.2011 (20 Minggu)	06.11.2011	Tiada	Tiada
	2/2011	Siantan Trading	5,516,228.10	06.07.2011 - 22.11.2011 (20 Minggu)	22.11.2011	Tiada	Tiada
	Kerja Tambahan	Rekanix Sdn. Bhd.*	380,000.00	TB	TB	TB	TB
	Kerja Tambahan	Siantan Trading**	350,000.00	TB	TB	TB	TB
Satria Property & Development*		380,000.00	TB	TB	TB	TB	
2012	1/2012	Midland Classic Sdn. Bhd.	4,629,575.00	10.05.2012 - 24.10.2012	24.10.2012	Tiada	Tiada
	2/2012	DS Sepakat Sdn. Bhd.	3,956,786.00	10.05.2012 - 24.10.2012	24.10.2012	Tiada	Tiada
	3/2012	AM Rich Constructions And Development Sdn. Bhd.	8,356,675.00	10.05.2012 - 19.12.2012	19.12.2012	Tiada	Tiada
2013	1/2013	Zeme Trade (M) Sdn. Bhd.	7,000,480.00	27.05.2013 - 24.11.2013 (26 Minggu)	02.01.2014	Tiada	39
	2/2013	T & D Construction Sdn. Bhd.	3,850,049.20	25.05.2013 - 13.10.2013 (20 Minggu)	30.12.2013	Tiada	78
	3/2013	Pro M Builders Sdn. Bhd.	3,750,447.90	25.05.2013 - 13.10.2013 (20 Minggu)	23.12.2013	Tiada	71
2014	1/2014	T & D Construction Sdn. Bhd.	4,440,028.90	26.05.2014 - 07.12.2014 (28 Minggu)	TB	TB	TB
	2/2014	Kejuruteraan Elektrik Zumangto Sdn. Bhd.	5,540,028.20	26.05.2014 - 21.12.2014 (30 Minggu)	TB	TB	TB
	3/2014	Mahligai Impian Sdn. Bhd.	6,350,501.60	26.05.2014 - 04.01.2015 (32 Minggu)	TB	TB	TB

Sumber : JKAWs Dan JPB, DBKL

Nota : TM - Tiada Maklumat

TB - Tidak Berkaitan

(*) - Tiada Kontrak Baru Memandangkan Dilaksanakan Oleh Kontraktor Berjadual

(**) - Tiada Kontrak Baru Memandangkan Dilaksanakan Oleh Kontraktor Pakej 2/2011

- b. Berdasarkan Minit Mesyuarat *Task Force* dan *Joint Development Committee* peringkat DBKL pada 12 Disember 2011, JPB melaporkan prestasi sebenar projek *Pedestrian Network* untuk tahun 2011 yang berjaya dilaksanakan adalah sepanjang 10 km berbanding 12.6 km yang dirancang berikutan berlaku pembatalan tender bagi Pakej 3 dan 4 yang melibatkan jajaran asal 8.6 km. Pakej 3 dan 4 tersebut didapati digantikan dengan Kerja Tambahan laluan pejalan kaki di laluan ditetapkan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.4
PERBANDINGAN JARAK YANG DIRANCANG DENGAN JARAK SEBENAR
BAGI PROJEK PEDESTRIAN NETWORK PADA TAHUN 2011

PAKEJ	LOKASI	JARAK (KM)		
		DIRANCANG	SEBENAR	PERBEZAAN
1/2011	Jalan Raja Laut (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Tun Perak ke simpang Jalan Sultan Ismail	2.00	2.00	-
2/2011	Jalan P.Ramlee (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Raja Chulan ke simpang Jalan Ampang	2.00	2.00	-
3/2011 (Dibatalkan dan Diganti Dengan Kerja Tambahan)	Jalan Tuanku Abdul Rahman (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Tun Perak hingga simpang Jalan Sultan Ismail	2.20	2.00	0.20
4/2011 (Dibatalkan dan Diganti Dengan Kerja Tambahan)	Jalan Sultan Ismail (Kedua-dua belah) - Dari simpang Jalan Raja Laut hingga simpang Jalan Imbi	6.40	4.00	2.40
JUMLAH		12.60	10.00	2.60

Sumber : Minit Mesyuarat Task Force Dan Joint Development Committee Peringkat DBKL

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek pada umumnya adalah baik dan tindakan telah diambil terhadap projek yang lewat disiapkan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

Pembatalan Pakej 3 dan Pakej 4 pada tahun 2011 adalah atas sebab teknikal seperti pertindihan dengan kerja yang dilaksanakan dalam projek NKRA serta laluan yang dirancang telah dihalang oleh kerja pembangunan lain yang telah dimulakan.

14.5.1.2. Pencapaian Kewangan

- a. Bagi 11 pakej projek yang diaudit untuk tempoh tahun 2011 hingga Oktober 2014, jumlah perbelanjaan adalah berjumlah RM51.14 juta (91.8%) daripada peruntukan projek berjumlah RM55.73 juta. Peratusan perbelanjaan pada tahun 2011 adalah 74.2% disebabkan oleh pembatalan Pakej 3 dan 4 pada tahun tersebut. Kedudukan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 14.5
PRESTASI PROJEK PEDESTRIAN NETWORK
BAGI TAHUN 2011 HINGGA BULAN OKTOBER 2014

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN BELANJA (%)
2011	7,854,261.08	5,826,127.96	74.2
2012	16,943,036.00	16,000,000.00	94.4
2013	14,600,977.10	13,830,000.00	94.7
2014	16,330,558.70	15,482,579.54	94.8
JUMLAH	55,728,832.88	51,138,707.50	91.8

Sumber : Jabatan Kewangan DBKL

- b. JLR melalui surat (7)dlm.JLR/2011/1-3/24 bertarikh 13 Oktober 2011 kepada JPB telah mengemukakan tuntutan bagi tujuan penyelarasan menggunakan vot 'EPP8:Pedestrian Network' berjumlah RM713,941 untuk kerja-kerja membekal dan menanam pokok serta pembinaan pagar *anti-climb* bagi sebahagian Pakej 1 dan 2 Tahun 2011. Semakan Audit di Jabatan Kewangan mendapati tiada tuntutan perbelanjaan diselaraskan bawah vot EPP8 untuk kerja-kerja landskap oleh JLR. Sehubungan itu, tuntutan berjumlah RM713,941 tidak dapat disahkan oleh pihak Audit berikutan JLR tidak mengemukakan maklumat pembayaran kos keseluruhan yang lengkap bagi kerja landskap dan pemasangan pagar *anti-climb* bawah vot EPP8 seperti diperlukan.

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan untuk melaksanakan projek *Pedestrian Network* di bawah EPP8 pada umumnya adalah baik.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015 Dan 6 April 2015

Peratusan perbelanjaan pada tahun 2011 ini pada kadar 74.2% adalah berasaskan kepada jumlah peruntukan kepada jarak 12.6 km. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan adalah 100% sekiranya peruntukan ini adalah untuk jarak laluan 10km sahaja. Bagi kerja-kerja membekal dan menanam pokok serta pemasangan pagar anti-climb di Jalan Raja Laut, Jalan P.Ramlee, Jalan Puncak dan Jalan Bonus, Kuala Lumpur, Jabatan Kewangan DBKL mengesahkan ia adalah sebahagian dari perbelanjaan di bawah projek NKEA Greater KL/KV EPP8 Pedestrian Network. Pelarasan kepada Kumpulan Wang berjumlah RM713,941.45 akan dilaksanakan dalam Akaun Penamat DBKL 2015 sebagaimana diputuskan dalam Jawatankuasa yang telah bermesyuarat pada 20 Mac 2015 dan 3 April 2015.

14.5.2. Konsep Bandar Selamat Dan Bebas Halangan

14.5.2.1. Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Tidak Bebas Halangan

Salah satu ciri rangkaian pejalan kaki yang dibina bawah EPP8 adalah, ia perlu bebas halangan bagi memudahkan pejalan kaki terutama kepada pengguna OKU untuk berjalan/bergerak dengan selamat dan selesa. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati terdapat kawasan yang terdedah kepada penyalahgunaan terutamanya oleh penunggang motosikal dan pemandu kenderaan. Selain itu, terdapat juga perabot jalan, papan tanda iklan dan papan tanda arah jalan yang masih tidak dialihkan sehingga menjadi halangan kepada pengguna seperti yang berikut:

a. Penunggang Motosikal

Lawatan Audit mendapati penunggang motosikal sering kali menggunakan laluan pejalan kaki terutama pada waktu puncak sebagai jalan pintas. Di semua kawasan yang dilawati juga terdapat sejumlah besar motosikal yang

diletakkan di atas lintasan dan laluan pejalan kaki. Keadaan tersebut secara langsung telah menyekat/menghadkan akses kepada pejalan kaki yang menggunakannya. Perkara ini bukan sahaja merosakkan infrastruktur rangkaian pejalan kaki yang baru dibina atau dinaik taraf tetapi juga telah membahayakan dan menjejaskan keselamatan pejalan kaki yang terpaksa menggunakan jalan raya sebagai laluan alternatif. Adalah didapati papan tanda amaran tidak banyak dipasang untuk melarang penunggang motosikal dari menggunakan laluan pejalan kaki. Antara lokasi halangan adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.1

*Jalan Tuanku Abdul Rahman
- Penunggang Motosikal Menggunakan Laluan
Pejalan Kaki Sebagai Laluan Motosikal
(21.10.2014)*

GAMBAR 14.2

*Jalan Raja Laut
- Motosikal Diparkir Di Laluan Pejalan Kaki
(20.10.2014)*

GAMBAR 14.3

*Jalan P.Ramlee
- Motosikal Yang Diparkir Di Laluan Pejalan Kaki
(20.10.2014)*

GAMBAR 14.4

*Jalan Pudu
- Motosikal Diparkir Di Laluan Pejalan Kaki
(21.10.2014)*

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL telah memasang 20 papan tanda melarang penunggang motosikal menggunakan laluan pejalan kaki di Jalan TAR dan Jalan Raja Laut antara tahun 2013 dan 2014. Tindakan tegas DBKL adalah dengan menyenaraihitamkan pesalah trafik yang gagal menjelaskan bayaran kompaun trafik.

b. Penghalang Motosikal

Antara langkah untuk menghalang penyalahgunaan laluan pejalan kaki oleh penunggang motosikal, JPB telah mencadangkan untuk meletakkan penghalang motosikal di atas laluan pejalan kaki. Lawatan Audit mendapati tiang penghalang motosikal telah dipasang seperti di dalam **Gambar 14.5**. Tujuan pemasangan tiang penghalang motosikal oleh DBKL adalah langkah

proaktif bagi mengelakkan penyalahgunaan laluan pejalan kaki oleh penunggang motosikal. Bagaimanapun, struktur tiang penghalang didapati tidak selaras dengan objektif untuk mewujudkan jajaran laluan pejalan kaki yang bebas halangan seperti ditetapkan, malah boleh menghalang dan menyukarkan pergerakan pengguna terutamanya pengguna OKU, khususnya yang berkerusi roda dan cacat penglihatan. **Gambar 14.6** pula menunjukkan tiang penghalang motosikal yang telah diubahsuai selepas teguran Audit.

SEBELUM

GAMBAR 14.5



*Jalan Raja Laut [Sekolah Kebangsaan (L) Jalan Batu]
- Tiang Penghalang Motosikal Menjadi Halangan Kepada Pengguna OKU
(20.10.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 14.6



*Pejalan Kaki Dan OKU Boleh Melalui Hadangan Dengan Selesa
(Sumber: DBKL)*

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL mengkaji kesesuaian reka bentuk penghalang laluan motosikal yang telah dipasang supaya ia mesra OKU. DBKL mengesahkan laluan pejalan kaki mematuhi lebar minima OKU yang diperlukan.

c. Pemilik Kenderaan/Kereta

Didapati kebanyakan pemilik kenderaan seperti di Jalan Raja Laut, Jalan Ampang, Jalan P.Ramlee dan Jalan Sultan Ismail mengambil jalan mudah dengan meletakkan kenderaan/kereta di laluan dan lintasan pejalan kaki. Sikap ini telah menyebabkan halangan sementara kepada pejalan kaki terutama kepada pengguna OKU seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.7



*Jalan P. Ramlee
- Lori Diparkir Di Laluan Pejalan Kaki
(21.10.2014)*

GAMBAR 14.8



*Jalan Sultan Ismail
- Teksi Diparkir Di Laluan Pejalan Kaki
(21.10.2014)*

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL sentiasa melakukan pemantauan dan tindakan secara menyeluruh di sekitar pusat bandar dan juga memperbanyakkan tindakan khas angkut di lokasi-lokasi titik tumpuan orang awam. Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan dari tahun 2011 hingga 2014 adalah 490,045 kes.

d. Perabot Jalan

Lawatan Audit juga mendapati halangan tetap dari perabot jalan seperti papan tanda arah jalan dan papan tanda iklan yang masih tidak dialihkan dan boleh menjejaskan keselamatan serta keselesaan pengguna. Memandangkan kerja pengalihan adalah termasuk dalam skop kerja kontrak pelaksanaan Projek *Pedestrian Network* untuk tahun 2011 dan 2012, adalah tidak dapat dipastikan bagaimana halangan tersebut masih dikekalkan di laluan pejalan kaki terlibat. Kerja pengalihan halangan terhadap perabot jalan didapati tidak dijalankan dengan sempurna. Antaranya terdapat papan tanda arah jalan di Jalan Bukit Bintang yang dipasang agak rendah iaitu hanya berukuran 1.72 meter dan menjejaskan keselesaan pengguna seperti di dalam **Gambar 14.9**. Terdapat juga tiang penunjuk arah lain seperti di persimpangan Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan tiang-tiang iklan yang merupakan halangan kepada pejalan kaki terutamanya kepada pengguna OKU. Antaranya seperti **Gambar 14.11** hingga **Gambar 14.14**.

SEBELUM

GAMBAR 14.9



Jalan Bukit Bintang
- Papan Tanda Arah Jalan Yang Rendah Ketinggiannya
iaitu Hanya 1.72 Meter Dari Tanah
(21.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 14.10



Jalan Bukit Bintang
- Papan Tanda Telah Ditanggalkan
(26.02.2014)

SEBELUM

GAMBAR 14.11



Jalan Tuanku Abdul Rahman
- Halangan Papan Tanda Arah Jalan Dan Pasu Bunga
(11.11.2014)

SELEPAS

GAMBAR 14.12



Jalan Tuanku Abdul Rahman
- Hadangan Tiang Penunjuk Arah Telah Dialihkan
(06.03.2015)

GAMBAR 14.13



Jalan Tuanku Abdul Rahman (Maju Junction)
- Halangan Papan Tanda Iklan
(11.11.2014)

GAMBAR 14.14



Jalan Tuanku Abdul Rahman
- Halangan Papan Tanda Kemudahan Pejalan Kaki
(11.11.2014)

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan seperti mengenakan kompaun atau menunda motosikal/kenderaan yang menggunakan/menghalang laluan pejalan kaki. Sebagai amaran, DBKL perlu memperbanyakkan pemasangan papan tanda untuk melarang penyalahgunaan laluan pejalan kaki. Selain itu, rekaan penghalang motosikal perlu dikaji semula agar strukturnya lebih sesuai dan praktikal supaya lebih mesra kepada pengguna pejalan kaki termasuk pengguna OKU. Perabot jalan yang menjadi halangan tetap juga perlu dialih semula lokasi penempatannya bagi memastikan keadaan laluan pejalan kaki bebas daripada halangan dan memberi keselesaan kepada pengguna.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

Tindakan menurunkan papan tanda tersebut di Jalan Bukit Bintang telah diambil oleh DBKL pada 26 Februari 2015 dan halangan tiang penunjuk arah di persimpangan Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman telah dialihkan pada 6 Mac 2015.

14.5.2.2. Reka Bentuk Laluan Pejalan Kaki Kurang Mesra Kepada Pengguna Orang Kurang Upaya (OKU)

Pihak DBKL telah berusaha untuk mereka bentuk dan melaksanakan satu rangkaian laluan pejalan kaki yang mempunyai ciri yang memberi tumpuan kepada keperluan, keselamatan dan keselesaan pengguna OKU. Lawatan Audit mendapati sungguhpun usaha telah dibuat oleh DBKL namun masih terdapat laluan yang kurang mesra kepada pengguna OKU. Antaranya, bagi salah satu laluan pejalan kaki di Jalan P. Ramlee, usaha telah diambil dengan mengubah suai sebahagian tangga untuk dibina semula menjadi *ramp* yang curam bagi kemudahan pengguna OKU. Bagaimanapun, laluan pejalan kaki yang dibina didapati tidak sesuai digunakan oleh pengguna OKU terutama yang berkerusi roda dan cacat penglihatan kerana permukaannya agak curam. Tiada susur tangan/*hand railing* dipasang untuk mengawal keselamatan dan pergerakan

pengguna tersebut seperti dalam **Gambar 14.15**. Selain itu, didapati juga masih terdapat jalan yang tidak dibina *kerb ramp/drop kerb* dan tiada bollard bagi tujuan keselamatan seperti dalam **Gambar 14.17** dan **Gambar 14.18**.

SEBELUM

GAMBAR 14.15



Jalan P.Ramlee
- Ramp Curam Dan Tiada Susur Tangan Serta Membahayakan Pengguna OKU
(20.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 14.16



Jalan P.Ramlee
- Susur Tangan Telah Dipasang Untuk Kemudahan Pengguna OKU
(11.03.2015)

GAMBAR 14.17



Jalan Tuanku Abdul Rahman
- Tiada Kerb Ramp/Drop Kerb Dibina Di Lintasan Jalan
(11.11.2014)

GAMBAR 14.18



Persimpangan Berhadapan Bangunan Bank Rakyat Dan Bangunan UMNO Jalan Ipoh
- Laluan Pejalan Kaki Di Simpang Jalan Ke PWTC Hall 2 Curam Dan Tiada Bollard Bagi Tujuan Keselamatan
(09.10.2014)

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL ambil maklum dan akan merujuk kepada Jawatankuasa Sekretariat OKU DBKL untuk memberi maklum balas reka bentuk kesesuaian dan piawaian yang diperlukan selaras dengan reka bentuk laluan pejalan kaki bebas halangan untuk membuat penambahbaikan terhadap laluan yang tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan. Bagi ramp curam di Jalan P.Ramlee, DBKL telah memasang pagar keselamatan tangga pada 11 Mac 2015.

14.5.3. Penyenggaraan

14.5.3.1. Infrastruktur Laluan Pejalan Kaki

- a. Melalui lawatan Audit yang dijalankan, adalah diperhatikan terdapat laluan pejalan kaki yang tidak disenggara dengan memuaskan. Antaranya seperti kerja melepai semula permukaan laluan pejalan kaki yang tidak kemas; laluan dan *kerb* yang berlokap/pecah; laluan yang kotor dan air bertakung di lintasan jalan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 14.6
PENYENGGARAAN LALUAN PEJALAN KAKI YANG KURANG MEMUASKAN**

LOKASI	BUTIRAN PENYENGGARAAN YANG KURANG MEMUASKAN
Jalan Chow Kit	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja melepai semula permukaan yang tidak kemas (Gambar 14.19) • Kerb yang telah pecah (Gambar 14.20)
Jalan Raja Laut	<ul style="list-style-type: none"> • Penutup longkang yang pecah di laluan pejalan kaki • Air bertakung di lintasan jalan
Jalan Tuanku Abdul Rahman	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan pejalan kaki yang berlopak • Jubin yang rosak di kawasan Maju Junction
Jalan P.Ramlee	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja tampalan yang tidak kemas • Tampalan tidak kemas dan laluan yang kotor
Jalan Raja Chulan	<ul style="list-style-type: none"> • Air bertakung di lintasan jalan
Jalan Dang Wangi	<ul style="list-style-type: none"> • Kecerunan <i>ramp</i> yang curam dan licin • <i>Slab</i> longkang yang pecah
Jalan Ipoh	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan pejalan kaki yang rosak (Gambar 14.21) • Penutup kabel elektrik hilang (Gambar 14.22) • <i>Anti-climb fence</i> yang rosak • Pagar keselamatan telah hilang (Gambar 14.23) • Pemasangan sinki dan perpaipan dipasang secara haram melalui laluan pejalan kaki (Gambar 14.24)
Jalan Doraisamy	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan pejalan kaki yang rosak
Laluan pejalan kaki melintasi Sungai Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Pagar keselamatan tidak dipasang sepenuhnya (Gambar 14.25)
Jalan Datuk Haji Eusoff	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan meter air yang membahayakan pejalan kaki (Gambar 14.26)

Sumber : Pemerhatian Audit Semasa Lawatan Tapak

GAMBAR 14.19



*Jalan Chow Kit
- Kerja Melepai Semula Permukaan Tidak Kemas
(21.10.2014)*

GAMBAR 14.20



*Jalan Chow Kit - Jalan Pahang
- Kerb Yang Telah Pecah
(21.10.2014)*

GAMBAR 14.21



*Di Laluan Pejalan Kaki, Jalan Ipoh
- Laluan Pejalan Kaki Yang Rosak
(09.10.2014)*

GAMBAR 14.22



*Di Laluan Pejalan Kaki, Jalan Ipoh
- Penutup Kabel Elektrik Yang Hilang
(09.10.2014)*

GAMBAR 14.23



Di Hadapan Bilik Pameran Nissan Jalan Ipoh
- Pagar Keselamatan Telah Hilang
(09.10.2014)

GAMBAR 14.24



Di Bahagian Luar Kedai Makan Berdepan
Dengan Jalan Ipoh
- Pemasangan Sinki Dan Perpaipan Dipasang
Secara Haram Melalui Laluan Pejalan Kaki
(09.10.2014)

GAMBAR 14.25



Laluan Pejalan Kaki Melintasi Sungai Gombak
- Pagar Keselamatan Tidak Dipasang Sepenuhnya
(09.10.14)

GAMBAR 14.26



Di Laluan Pejalan Kaki Jalan Datuk Haji Eusoff
- Keadaan Meter Air Yang Membahayakan Pejalan Kaki
(09.10.2014)

- b. Berdasarkan amalan sedia ada, penyenggaraan laluan pejalan kaki yang telah siap dilaksanakan oleh JKAWs adalah dipertanggungjawabkan kepada JKAWs. Bagi laluan yang dilaksanakan oleh JPB, penyenggaraannya pula akan diuruskan oleh JPB. Adalah didapati tiada satu jabatan yang khusus dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan kerja penyenggaraan terhadap semua laluan pejalan kaki sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Pada pendapat Audit, aspek penyenggaraan semua laluan pejalan kaki perlu diselaraskan di bawah satu Jabatan pelaksana. Misalnya JPB yang pada hakikatnya adalah Jabatan yang bertanggungjawab terhadap semua kemudahan pengangkutan bandar di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL telah bersetuju bahawa penyenggaraan laluan pejalan kaki dari tahun 2011 hingga 2012 dilaksanakan oleh JKAWs akan disenggara oleh JKAWs manakala dari tahun 2013 hingga 2014 yang dilaksanakan oleh JPB akan disenggara oleh JPB. Walaupun JKAWs dan JPB adalah Jabatan yang berasingan namun masih berada di bawah satu sektor yang sama iaitu Sektor Pelaksanaan Projek dan Penyenggaraan.

14.5.3.2. Landskap Lembut

- a. Projek *Pedestrian Network* di bawah EPP8 yang berkonsepkan bandar selamat telah direka bentuk dengan penanaman landskap lembut serta pemasangan pagar *anti-climb*. Lawatan Audit di beberapa laluan pejalan kaki yang telah siap dilaksanakan mendapati secara umumnya penyenggaraan landskap lembut tidak dijalankan dengan memuaskan. Antaranya seperti di laluan pejalan kaki sekitar kawasan Menara DBKL di Jalan Raja Laut, adalah didapati kebanyakan kawasan landskap kini tidak diuruskan dan pokok tanaman telah mati dan tidak diganti. Perbezaan keadaan asal dan semasa adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.27



Jalan Raja Laut Di Hadapan TNB
- Keadaan Landskap Lembut Pada Tahun 2011
(Sumber: JLR)

GAMBAR 14.28



Jalan Raja Laut Di Hadapan TNB
- Keadaan Landskap Lembut Pada Tahun 2014
(20.10.2014)

GAMBAR 14.29



Jalan Raja Laut Di Hadapan Menara DBKL 1
- Keadaan Landskap Lembut Pada Tahun 2011
(Sumber: JLR)

GAMBAR 14.30



Jalan Raja Laut Di Hadapan Menara DBKL 1
- Keadaan Landskap Lembut Pada Tahun 2014
(20.10.2014)

- b. Keadaan landskap lembut di Jalan Chow Kit, Jalan Raja Laut, Jalan Ipoh dan Jalan Putra juga didapati tidak memuaskan. Semakan Audit mendapati penyenggaraan landskap lembut di kawasan-kawasan tersebut telah diberikan kepada Tetuan Embun Trading dengan kontrak bernilai RM430,000 bagi tempoh 2 tahun dari 2 September 2013 hingga 1 September 2015. Adalah didapati pihak kontraktor tidak menjalankan penyenggaraan dengan baik dan teratur seperti diperlukan. Keadaan landskap lembut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.31

Jalan Putra
- Keadaan Landskap Yang Tidak Memuaskan
(21.10.2014)

GAMBAR 14.32

Jalan Ipoh
- Keadaan Landskap Yang Tidak Memuaskan
(21.10.2014)

- c. Lawatan Audit di Jalan Pudu dan Jalan Ampang mendapati penyenggaraan landskap lembut juga tidak dilaksanakan dengan sempurna dan baik seperti dalam **Gambar 14.33** hingga **Gambar 14.36**. Penyenggaraan landskap lembut di sekitar kawasan tersebut telah diberikan kepada 2 kontraktor iaitu Mayaza Niaga dan D'Lina Heritage seperti **Jadual 14.7**. Memandangkan penyenggaraan landskap lembut bagi laluan di sekitar jalan-jalan tersebut telah diserahkan kepada kontraktor luar, sewajarnya keadaan landskap yang lebih sempurna dapat dinikmati oleh orang awam daripada perkhidmatan penyenggaraan yang telah dibayar.

GAMBAR 14.33

Jalan Pudu
- Keadaan Landskap Yang Tidak Disenggara Dengan Baik
(21.10.2014)

GAMBAR 14.34**GAMBAR 14.35**

Jalan Ampang
- Keadaan Landskap Yang Tidak Disenggara Dengan Baik
(21.10.2014)

GAMBAR 14.36

JADUAL 14.7
KAWASAN YANG TELAH DIOUTSOURCE KEPADA
KONTRAKTOR BAGI KERJA PENYENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT

BIL.	KONTRAKTOR	KAWASAN	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK
1.	Mayaza Niaga	Jalan Pudu ke Maybank, Wisma Cosway ke Hospital Pudu, Jalan Nagasari ke Jalan Alur dan Jalan Bukit Nenas ke AMBank	427,350	2 tahun (02.09.2013 hingga 01.09.2015)
2.	D' Lina Heritage	Jalan Ampang	449,160	2 tahun (02.09.2013 hingga 01.09.2015)

Sumber : Jabatan Landskap Dan Rekreasi, DBKL

- d. Lawatan Audit di Jalan P. Ramlee, Jalan Puncak, Jalan Raja Chulan dan Jalan Tun Perak mendapati terdapat kawasan yang tidak disenggara dengan baik seperti **Gambar 14.37** hingga **Gambar 14.38**. Bagi laluan pejalan kaki di jalan-jalan tersebut, penyenggaraan landskap lembut dijalankan oleh DBKL sendiri. Adalah difahamkan pihak DBKL menghadapi kekurangan kakitangan untuk memastikan penyenggaraan landskap lembut dapat dilaksanakan dengan baik. Dari maklumat JLR, keluasan kawasan sekitar Segi Tiga Emas tersebut yang meliputi Jalan P. Ramlee, Jalan Puncak, Jalan Imbi ke Bulatan Kg. Pandan, Jalan Davis ke Jalan Imbi, Jalan Stonor, Persiaran Stonor, Jalan Conlay, Jalan Kia Peng, Istana Terengganu dan Persiaran KLCC adalah seluas 8,500 meter persegi (m²). Penyenggaraan kawasan seluas 8500m² dilaksanakan oleh 10 pekerja awam dengan nisbah 1 pekerja awam perlu menyenggara kawasan seluas 850 m² di mana keadaan ini difahamkan memberi bebanan kerja kepada mereka untuk melaksanakannya.

GAMBAR 14.37



Jalan P. Ramlee
 - Keadaan Landskap Lembut Tidak Memuaskan
 (21.10.2014)

GAMBAR 14.38



Jalan Tun Perak
 - Keadaan Landskap Lembut Tidak Memuaskan
 (21.10.2014)

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL sentiasa membuat pemantauan kerja penyenggaraan landskap di tapak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. DBKL telah mengambil tindakan pemotongan bayaran setiap bulan melalui tuntutan bulanan dalam mesyuarat prestasi pembayaran kontraktor. Setiap kali pemotongan melebihi

10%, surat amaran dikeluarkan. Tindakan penamatan kontraktor dikeluarkan sekiranya surat amaran telah dikeluarkan sebanyak 3 kali. Penambahbaikan adalah dengan membaiki semula kawasan rosak (penggemburan tanah yang padat), penggunaan woodchip, baja dan hormon penyuburan serta penggunaan blower di kawasan berlandskap dan berumput untuk meminimalkan kerosakan kawasan berlandskap.

14.5.3.3. Kawasan Landskap Digunakan Sebagai Kawasan Parkir Motosikal

Lawatan Audit mendapati kawasan *furniture zone* yang merangkumi kawasan landskap lembut dan pagar *anti-climb* tidak disenggarakan dengan baik. Dengan ini kawasan tersebut telah disalah gunakan sebagai tempat parkir motosikal seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 14.39



SEBELUM

GAMBAR 14.40



Jalan Ampang
- Kawasan Landskap Lembut Digunakan Sebagai Tempat Parkir Motosikal
(21.10.2014)

SELEPAS

GAMBAR 14.41



SELEPAS

GAMBAR 14.42



Jalan Ampang
- DBKL Meletakkan Pasu Bagi Menghalang Motosikal Diletakkan Di Kawasan Landskap Lembut



GAMBAR 14.43

Jalan Putra
- Kawasan Furniture Zone Digunakan Sebagai Tempat Parkir Motosikal
(21.10.2014)

Pada pendapat Audit, pemantauan yang lebih rapi perlu dijalankan terhadap penyenggaraan landskap di kawasan yang telah dikontrakkan kepada kontraktor luar untuk memastikan DBKL mendapat *best value for money* daripada pembayaran yang telah dibuat. Sekiranya kontraktor terlibat tidak menunaikan tanggungjawabnya seperti ketetapan kontrak, tindakan tegas seperti potongan bayaran; pengenaan penalti serta menyenaraihitamkan kontraktor perlu dibuat oleh DBKL. Bagi kawasan yang disenggara oleh kakitangan DBKL, kajian/analisis perlu dijalankan untuk menetapkan norma produktiviti yang bersesuaian dalam menjalankan penyenggaraan. Selain itu, pemilihan tanaman yang sesuai juga perlu diberi perhatian supaya memudahkan kerja penyenggaraan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 16 Februari 2015

DBKL telah meletakkan pasu bagi menghalang motosikal diletakkan di kawasan landskap di Jalan Ampang.

14.5.4. Pemantauan

14.5.4.1. Pada umumnya, pemantauan terhadap pengurusan Projek *Pedestrian Network* telah dibuat oleh Jabatan yang bertanggungjawab khususnya JKAWA dan JPB. Sungguhpun demikian, didapati beberapa kaedah pemantauan terutama kerja kawal selia di tapak yang lebih rapi serta pengurusan aduan awam perlu ditambah baik. Selain itu, koordinasi antara Jabatan-Jabatan tersebut juga perlu dipertingkatkan. Berdasarkan semakan rekod, didapati setiap Jabatan yang bertanggungjawab hanya cenderung melaksanakan skop kerja/tanggungjawab masing-masing. Tiada maklum balas disalurkan kepada Jabatan lain yang terlibat sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam menyelesaikan masalah yang telah berbangkit khususnya berhubung kerosakan yang telah dilakukan oleh pihak kontraktor yang tidak bertanggungjawab.

14.5.4.2. Semakan Audit mendapati kerja untuk membaik pulih landskap lembut yang telah dirosakkan tidak dilaksanakan selepas selesainya kerja pengorekan yang dibuat oleh kontraktor utiliti dan lain-lain agensi sama ada milik Kerajaan atau swasta. Sewaktu pengauditan dijalankan di laluan pejalan kaki di Jalan Raja Laut berhadapan Sekolah Kebangsaan Lelaki Jalan Batu umpamanya, masih terdapat bekas kerja pengorekan tanah di kawasan zon landskap lembut oleh syarikat telekomunikasi DiGi.Com Berhad yang masih tidak dibaikpulih. Keadaan yang sama juga berlaku di laluan pejalan kaki di Jalan Putra yang dirosakkan oleh Tenaga Nasional Berhad, Jalan P. Ramlee dan Jalan Puncak yang dirosakkan oleh kontraktor seperti gambar berikut:

GAMBAR 14.44



*Jalan Raja Laut, Berdekatan Sekolah Kebangsaan (L) Jalan Batu
- Furniture Zone Dirosakkan Oleh Syarikat DiGi Tidak Dibaik Pulih Selepas Pengorekan Dijalankan
(20.10.2014)*

GAMBAR 14.45



GAMBAR 14.46



*Jalan Putra
- Furniture Zone Yang Telah Dirosakkan Oleh TNB
Tidak Dibaik Pulih Selepas Pengorekan Dijalankan
(21.10.2014)*

GAMBAR 14.47



*Jalan Puncak
- Furniture Zone Yang Telah Dirosakkan
Oleh Kontraktor Tidak Dibaik Pulih
(21.10.2014)*

Pada pendapat Audit, koordinasi yang lebih baik perlu diwujudkan antara semua Jabatan supaya dapat mengurangkan salah laku pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab dalam merosakkan harta dan kemudahan Kerajaan dan orang awam secara amnya. Tindakan tegas perlu diambil oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap pihak yang berkenaan supaya kerja membaiki pulih dijalankan.

Maklum Balas DBKL Yang Diterima Pada 28 April 2015

Kontraktor utiliti telah membaiki kawasan 'green zone' yang rosak dengan menanam semula rumput pada 16 September 2014 atas arahan DBKL.

GAMBAR 14.48



*Jalan Raja Laut Berdekatan Sekolah Kebangsaan (L) Jalan Batu
- Penanaman Semula Rumput Telah Dilaksanakan
(16.09.2014)*

GAMBAR 14.49



14.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan projek laluan pejalan kaki yang lain di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur, adalah disyorkan supaya DBKL mempertimbangkan perkara yang berikut:

14.6.1. tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan terhadap penyalahgunaan laluan pejalan kaki. Tindakan penempatan semula halangan laluan pejalan kaki juga perlu dibuat segera bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pejalan kaki;

14.6.2. aspek penyenggaraan semua laluan pejalan kaki perlu diselaraskan di bawah satu Jabatan pelaksana iaitu JPB yang pada hakikatnya adalah Jabatan yang bertanggungjawab terhadap semua kemudahan pengangkutan bandar di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur;

14.6.3. pemantauan yang lebih rapi perlu dijalankan terhadap kerja penyenggaraan landskap di kawasan yang telah dikontrakkan kepada kontraktor untuk memastikan DBKL mendapat *best value for money* daripada pembayaran yang telah dibuat. Sekiranya kontraktor terlibat tidak menunaikan tanggungjawabnya seperti ketetapan kontrak, tindakan tegas seperti mengenakan potongan bayaran; pengenaan penalti serta menyenaraihitamkan kontraktor perlu dibuat oleh DBKL. Bagi kawasan yang disenggarakan oleh kakitangan DBKL, kajian/analisis perlu dijalankan untuk menetapkan norma produktiviti yang bersesuaian dalam menjalankan penyenggaraan; dan

14.6.4. koordinasi yang lebih bersepadu perlu diwujudkan antara semua Jabatan DBKL supaya dapat mengurangkan salah laku pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab dalam merosakkan harta dan kemudahan awam Kerajaan. Tindakan tegas perlu diambil oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap pihak berkenaan supaya kerja membaik pulih dapat dijalankan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

15. JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

- PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN DAN SEWAAN PESAWAT SWASTA

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) berfungsi sebagai penasihat Kerajaan dalam bidang ukur dan pemetaan di samping menjalankan kerja-kerja pengukuran dan pemetaan sebagai asas pembangunan sosioekonomi dan kedaulatan negara. Bagi memastikan kerja ukur dapat dijalankan dengan efektif dan efisien, JUPEM di bawah RMKe-10, telah diperuntukkan sejumlah RM231.59 juta bagi melaksanakan 9 projek utama JUPEM seperti **Jadual 15.1**. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM230.44 juta (99.5%) telah dibelanjakan di mana sebahagiannya telah digunakan bagi tujuan pembelian peralatan ukur dan pemetaan serta sewaan pesawat swasta.

JADUAL 15.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DI BAWAH RMKe-10 MENGIKUT PROJEK

NAMA PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Penentuan Dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa (Darat Dan Maritim) Malaysia Dengan Negara Jiran	28.03	27.29	97.4
<i>ICT Enterprise Integrated System (IEIS)</i>	14.36	14.36	100.0
<i>Marine Geodetic Infrastructures In Malaysian Waters (MAGIC)</i>	15.03	15.00	99.8
Pembinaan Pejabat Baru Pejabat Topografi Cawangan Wilayah Selatan, Segamat, Seksyen Topografi Semenanjung	2.59	2.53	97.7
Perolehan Sistem Geospasial Medan	1.68	1.68	100.0
Pemerkasaan Pengkalan Data Kadaster Digital Kebangsaan	58.48	58.47	100.0
<i>e-Pemetaan</i>	99.14	98.86	99.7
Sistem Pangkalan Data Geodetik (SPDG)	10.78	10.76	99.8
Projek Meneruskan Keupayaan Sistem Pembangunan Maklumat Geospasial Untuk Keselamatan	1.50	1.49	99.3
JUMLAH	231.59	230.44	99.5

Sumber : Bahagian Perancangan Dan Korporat, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

15.1.2. Pengurusan perolehan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Perancangan Dan Korporat JUPEM. Perolehan secara Tender/Rundingan Terus adalah diluluskan oleh Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar manakala perolehan secara sebut harga diluluskan di peringkat JUPEM. Sistem perolehan yang dilaksanakan adalah selaras dengan peraturan kewangan dan terbahagi kepada dua kategori iaitu peralatan ICT dan bukan ICT.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan dan sewaan pesawat telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan peralatan dan sewaan pesawat yang dibuat di bawah vot Pembangunan RMKe-10 iaitu dari tahun 2011 hingga bulan Oktober 2014. Sejumlah 6 kontrak perolehan peralatan dan 3 kontrak sewaan pesawat di bawah 4 projek RMKe-10 bernilai RM55.70 juta telah dipilih untuk diaudit. Butiran lanjut mengenai kontrak yang diaudit adalah seperti yang berikut:

JADUAL 15.2
SENARAI KONTRAK YANG DIAUDIT

NAMA PROJEK	NO. KONTRAK	NAMA KONTRAK	OBJEKTIF PEROLEHAN/KONTRAK	KOS KONTRAK (RM Juta)
<i>ICT Enterprise Integrated System (IEIS)</i>	SH4/2012	Perolehan Komputer Riba	Bertujuan memenuhi keperluan Pengurusan Atasan di Bahagian Kadaster, JUPEM dan JUPEN untuk mempercepatkan sistem penyampaian Kerajaan.	0.41
<i>Marine Geodetic Infrastructures In Malaysian Waters (MAGIC)</i>	T3/2013	Perolehan Projek <i>Marine Geodetic Infrastructures In Malaysian Waters (MAGIC)</i>	Bertujuan untuk menanda, memonumentasi, mengukur dan menentududukan <i>Global Positioning System (GPS)</i> atas pulau-pulau dan entiti geografi di kawasan perairan berhampiran sempadan antarabangsa.	14.89
Pemeriksaan Pengkalan Data Kadaster Digital Kebangsaan	T5/2011	Perolehan Peralatan Ukur <i>Global Navigation Satellite System (GNSS) Field Communicator</i> Dan Aksesori Untuk Bahagian Kadaster	Bertujuan mewujudkan sekurang-kurangnya 8,000 tanda <i>Cadastral Reference Mark (CRM)</i> di kawasan yang telah dirancang dan ditetapkan oleh Jabatan serta mengukuhkan jaringan kawalan CRM seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan.	1.71
	T1/2013	Perolehan Membekal, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Ukur <i>Total Station</i> Bagi Pasukan Ukur Kadaster, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	Bertujuan menggantikan peralatan ukur sedia ada yang telah mencapai tempoh <i>end-of-life</i> . Melibatkan penggantian sebanyak 100 unit <i>Total Station</i> daripada 300 unit sedia ada.	3.31
<i>E-Pemetaan</i>	T14/2012	Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sabah	Bertujuan menggantikan kamera analog sedia ada yang berasaskan filem bagi meningkatkan kecekapan aktiviti penawanan data pemetaan menggunakan pesawat udara serta dapat memendekkan proses penawanan data untuk pemetaan pelbagai siri.	9.49
	T23/2012	Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sarawak		9.39
	T2/2011	Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Subang, Selangor	Bertujuan mendapatkan data bawaan udara di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.	7.50
	T3/2011	Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Miri, Sarawak		4.50
	T4/2012	Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Di Sabah		4.50
JUMLAH				55.70

15.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Temu bual dan soal selidik juga telah dibuat terhadap pegawai yang terlibat. Selain itu, lawatan fizikal juga telah dibuat bagi melihat peralatan yang dibekalkan. *Exit Conference* bersama dengan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan telah diadakan pada 9 Mac 2015. Wakil Jabatan Peguam Negara; Kementerian Kewangan serta Ketua Unit Audit Dalam, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar turut hadir bersama dalam *Exit Conference* tersebut.

15.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga bulan September 2014 mendapati secara umumnya perolehan peralatan ukur dan sewaan pesawat di bawah kendalian JUPEM telah diurus dengan baik. Peralatan ukur dan sewaan pesawat juga didapati telah dibekalkan dan disediakan sebagaimana yang ditetapkan. Selain itu, pencapaian *outcome* bagi peralatan ukur dan sewaan pesawat yang diterima JUPEM juga adalah memuaskan dan memenuhi sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan di dalam aspek pengurusan rekod dan aset yang perlu diberi perhatian oleh JUPEM seperti yang berikut:

- i. rekod bagi sebahagian transaksi sewaan pesawat tidak disenggara dengan teratur bagi menyokong urusan pembayaran; dan
- ii. pengurusan aset bagi sebahagian peralatan yang dibeli khususnya dari aspek pendaftaran aset; pelabelan dan penggunaan aset masih perlu dipertingkatkan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Selain itu, penyimpanan aset oleh pegawai yang bergantung kepada keadaan rumah pegawai dan tempat bermalam pegawai ketika menjalankan kerja pengukuran mendedahkan kepada risiko kehilangan aset. Secara purata, setiap pegawai menyimpan sendiri antara 4 hingga 5 unit peralatan ukur berserta aksesori bernilai antara RM54,049 sehingga RM70,366 bagi memudahkan mobiliti kerja pengukuran.

Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui serta ulasan JUPEM adalah seperti perenggan berikut:

15.5.1. Prestasi Perolehan

15.5.1.1. Pencapaian *Output* Perolehan

Bagi 6 projek yang diaudit melibatkan perolehan peralatan, kesemua kontrak telah dibekalkan dengan kuantiti peralatan sebagaimana ketetapan kontrak. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.3
PENCAPAIAN *OUTPUT* PROJEK YANG DIAUDIT
MELIBATKAN PEROLEHAN PERALATAN

NAMA PROJEK	KUANTITI PERALATAN		CATATAN
	KONTRAK (Unit)	SEBENAR (Unit)	
T5/2011 - Perolehan Peralatan Ukur GNSS <i>Field Communicator</i> Dan Aksesori Untuk Bahagian Kadaster	20	20	Diagihkan kepada Ibu Pejabat JUPEM dan Pejabat Negeri (JUPEN).
SH4/2012 - Perolehan Komputer Riba	86	86	Diagihkan kepada Ibu Pejabat JUPEM dan Pejabat Negeri (JUPEN).
T14/2012 - Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sabah	1	1	-
T23/2012 - Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sarawak	1	1	-
T3/2013 - Perolehan Projek <i>Marine Geodetic Infrastructure In Malaysia Water</i> (MAGIC) - Monumen	16	16	Lokasi Monumen: Beting Patinggi Ali, Pulau Layang-layang, Terumbu Laya, Terumbu Ubi, Terumbu Matanani, Terumbu Siput, Terumbu Peninjau, Terumbu Mangsi Besar, Terumbu Bankungan Kechil, Terumbu Balung, Pulau Mabul, Pulau Ligitan, Pulau Bohayen, Pulau Sipadan, Pulau Lankayan & Terumbu Mangsi Besar, Sabah.
- Stesen Kekal Aktif GNSS	3	3	Lokasi Stesen Kekal Aktif GNSS: Pulau Layang-layang, Pulau Matakang & Pulau Balambangan, Sabah.
T1/2013 - Perolehan Membekal, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Ukur <i>Total Station</i> Bagi Pasukan Ukur Kadaster, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	100	100	Diagihkan kepada Ibu Pejabat JUPEM dan Pejabat Negeri (JUPEN).

Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Pencapaian *output* bagi perolehan sewaan pesawat swasta di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang melibatkan 3 kontrak pula, pada umumnya jumlah masa penerbangan tahunan adalah di antara 25 hari 28 jam dan 20 minit hingga 258 hari dan 345 jam. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.4
PENCAPAIAN *OUTPUT* BAGI PROJEK
PEROLEHAN SEWAAN PERKHIDMATAN PESAWAT

NAMA KONTRAK	TAHUN	JUMLAH MASA PENERBANGAN			CATATAN
		HARI	JAM	MINIT	
T2/2011 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Subang, Selangor	2011	40	43	15	Jumlah masa penerbangan pada tahun 2014 adalah sehingga 6 Ogos 2014.
	2012	130	155	5	
	2013	223	299	10	
	2014	96	129	50	
T3/2011 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Sewaan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Miri, Sarawak	2011	75	66	10	Jumlah masa penerbangan pada tahun 2014 adalah sehingga 9 Ogos 2014.
	2012	258	345	-	
	2013	106	131	25	
	2014	25	28	20	

NAMA KONTRAK	TAHUN	JUMLAH MASA PENERBANGAN			CATATAN
		HARI	JAM	MINIT	
T4/2012 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Di Sabah	2012	-	-	-	<i>Safety and Survival Training</i> telah dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 2012 dan 2013.
	2013	207	471	5	
	2014	153	383	25	

Sumber : Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

Pada pendapat Audit, pencapaian *output* perolehan peralatan pada umumnya adalah baik.

15.5.1.2. Pencapaian Kewangan

Bagi 6 sampel kontrak perolehan peralatan yang diaudit, didapati kesemua kontrak mempunyai peratusan perbelanjaan sebanyak 100%. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI KONTRAK
PEROLEHAN PERALATAN YANG DIAUDIT

NAMA KONTRAK	TEMPOH PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T5/2011 - Perolehan Peralatan Ukur GNSS <i>Field Communicator</i> Dan Aksesori Untuk Bahagian Kadaster	30.06.2011 – 29.12.2011 (18 Bulan Termasuk 12 Bulan Tempoh Jaminan)	1.71	1.71	100
T14/2012 - Perolehan Sistem Kamera Udara Digital	04.07.2012 – 03.12.2013 (Termasuk 12 Bulan Tempoh Jaminan)	9.49	9.49	100
T1/2013 - Perolehan Membekal, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Ukur <i>Total Station</i> Bagi Pasukan Ukur Kadaster, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)	04.04.2013 – 03.10.2014 (18 Bulan Termasuk 12 Bulan Tempoh Jaminan)	3.31	3.31	100
T3/2013 - Perolehan Projek <i>Marine Geodetic Infrastructure In Malaysia Water (MAGIC)</i>	02.04.2013 – 01.04.2016 (36 Bulan Termasuk 12 Bulan Tempoh Jaminan)	14.89*	14.89	100
T23/2012 - Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sarawak	05.04.2013- 11.10.2014 (19 Bulan Termasuk 12 Bulan Tempoh Jaminan)	9.39	9.39	100
SH4/2012 - Perolehan Komputer Riba	04.10.2012 – 03.01.2014 (15 Bulan)	0.41	0.41	100

Nota : (*) - Termasuk Perubahan Kerja Berjumlah RM0.07 Juta

Bagi projek sewaan pesawat pula, siling peruntukan telah diberikan mengikut tahun berdasarkan kepada kontrak yang ditandatangani. Semakan Audit mendapati secara amnya peratus perbelanjaan bagi kesemua kontrak sewaan pesawat adalah antara 72.4% hingga 99.1% dengan peratus perbelanjaan tahunan adalah antara 30.8% hingga 106.7%. Adalah didapati peratus perbelanjaan yang rendah (30.8%) bagi kontrak T2/2011 (bulan Ogos 2011 hingga bulan Julai 2012) adalah disebabkan ketidakpatuhan kontraktor yang

dilantik dalam menyediakan pesawat bagi tempoh dari 5 Disember 2011 hingga Mei 2012. Butiran pencapaian kewangan bagi 3 projek yang diaudit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 15.6
SILING PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI KONTRAK SEWAAN PESAWAT SWASTA

KONTRAK	TEMPOH	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T2/2011 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Subang, Selangor	Ogos 2011 – Julai 2012	2.50	0.77	30.8
	Ogos 2012 – Julai 2013	2.50	2.36	94.4
	Ogos 2013 – Julai 2014	2.50	2.30	92.0
JUMLAH		7.50	5.43	72.4
T3/2011 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Sewaan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Miri, Sarawak	Ogos 2011 – Julai 2012	1.50	1.59	106.1
	Ogos 2012 – Julai 2013	1.50	1.50	100.0
	Ogos 2013 – Julai 2014	1.50	1.37	91.3
JUMLAH		4.50	4.46	99.1
T4/2012 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Di Sabah	Mei 2012 – April 2013	1.50	0.70	46.6
	Mei 2013 – April 2014	1.50	1.60	106.7
	Mei 2014 – Disember 2014	1.00	0.89	89.0
JUMLAH		4.00	3.19	79.8

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan bagi perolehan JUPEM pada umumnya adalah baik.

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015

Pencapaian kewangan bagi perolehan T2/2011 hanya mencapai peratus perbelanjaan 31% dalam tempoh Ogos 2011 hingga Julai 2012 berikutan ketidakpatuhan kontraktor dalam menyediakan pesawat dari 5 Disember 2011 hingga 14 Mei 2012. Penalti sejumlah RM0.13 juta telah dikenakan terhadap kontraktor.

15.5.1.3. Pencapaian Outcome

Pencapaian *outcome* bagi projek yang diaudit adalah seperti yang berikut:

- Bahagian Kadaster telah menetapkan justifikasi perolehan peralatan ukur *total station* di bawah kontrak T1/2013, komputer riba di bawah kontrak SH4/2012 dan GNSS di bawah kontrak T5/2011 antara lain adalah bertujuan untuk memendekkan tempoh masa yang diambil untuk menjalankan ukuran bagi penyediaan Pelan Hak Milik tanah. *Key Performance Indicator* (KPI) projek yang ditetapkan adalah berdasarkan tempoh penyiapan kerja ukur (daripada tarikh pendaftaran Permohonan Ukur (PU) sehingga Pelan Hak Milik Tanah dijanakan) iaitu tidak melebihi 2 bulan bagi menilai tahap

keupayaan peralatan. Berdasarkan Laporan Prestasi KPI Ketua Pengarah Ukur Dan Pemetaan Malaysia, adalah didapati KPI yang ditetapkan telah berjaya dicapai bagi tahun 2012 hingga 2014 dengan pencapaian antara 102.5% hingga 112.1%. Butiran lanjut adalah seperti yang berikut:

JADUAL 15.7
STATISTIK PENCAPAIAN PRESTASI JUPEM
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	INDIKATOR PENCAPAIAN - PENYEDIAAN HAK MILIK TANAH	SASARAN (LOT)	PENCAPAIAN (LOT)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2012	Kurang daripada 2 bulan	19,000	21,305	112.1
2013	Kurang daripada 2 bulan	23,750	25,954	109.3
2014	Kurang daripada 2 bulan	33,250	34,073	102.5
JUMLAH		76,000	81,332	107.0

Sumber : TERAS I - Pengurusan Sumber Asli Yang Bernilai Tinggi, Pelan Tindakan Perancangan Strategik Tahun 2014 (RKT 2014), JUPEM

- b. Bagi kontrak sewaan pesawat swasta, prestasi *outcome* ditetapkan berdasarkan lembar yang telah disiapkan seperti yang ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan. Semakan Audit mendapati secara amnya pencapaian bahagian terlibat bagi tahun 2011 hingga 2014 adalah antara 100% hingga 266.7%. Butiran pencapaian adalah seperti yang berikut:

JADUAL 15.8
PENCAPAIAN *OUTCOME* BAGI KONTRAK SEWAAN PESAWAT SWASTA

KONTRAK	TAHUN	JUMLAH LEMBAR		PERATUS PENCAPAIAN (%)	CATATAN
		SASARAN (Unit)	PENCAPAIAN (Unit)		
T2/2011 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Subang, Selangor	2011	62	63	101.6	Pencapaian jumlah lembar di bawah kontrak T2/2011 pada tahun 2014 adalah sejumlah 43 unit (24.6%) dan selebihnya di bawah kontrak baru.
	2012	63	109	173.0	
	2013	145	148	102.1	
	2014	175	175	100.0	
T3/2011 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Sewaan Pesawat Swasta Berpangkalan Operasi Di Miri, Sarawak	2011	15	40	266.7	Pencapaian jumlah lembar di bawah kontrak T3/2011 pada tahun 2014 adalah sejumlah 17 unit (24.6%) dan selebihnya di bawah kontrak baru.
	2012	10	15	150.0	
	2013	20	27	135.0	
	2014	80	98	122.5	
T4/2012 - Perolehan Sewaan Perkhidmatan Pesawat Swasta Di Sabah	2013	43	45	104.7	-
	2014	80	174	217.5	

Sumber : Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

- c. Bagi *outcome* kontrak sistem kamera udara digital, ia berkaitan dengan *outcome* kontrak sewaan pesawat swasta di mana *outcome* bagi kontrak T14/2012 berkaitan dengan kontrak T4/2012 dan *outcome* kontrak T23/2012 adalah berkaitan dengan *outcome* kontrak T3/2011. Peratus pencapaian *outcome* bagi kontrak T14/2012 dan T23/2012 bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah antara 104.7% hingga 217.5% seperti yang berikut:

JADUAL 15.9
PENCAPAIAN *OUTCOME* BAGI KONTRAK SISTEM KAMERA UDARA DIGITAL

KONTRAK	TAHUN	JUMLAH LEMBAR		PERATUS PENCAPAIAN (%)
		SASARAN (Unit)	PENCAPAIAN (Unit)	
T23/2012 - Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sarawak	2013	20	27	135.0
	2014	80	98	122.5
T14/2012 - Perolehan Sistem Kamera Udara Digital Sabah	2013	43	45	104.7
	2014	80	174	217.5

- d. Manakala pencapaian *outcome* bagi kontrak T3/2013 iaitu melibatkan projek *Marine Geodetic Infrastructure In Malaysia Waters (MAGIC)* sehingga 30 Oktober 2014 pada umumnya adalah melebihi sasaran yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti yang berikut:

JADUAL 15.10
PENCAPAIAN *OUTCOME* BAGI KONTRAK MAGIC

BIL.	PERKARA	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
1.	<i>Marine Geodetic Network</i>	16 Pulau	16 Pulau	100.0
2.	<i>Continuously Operating Reference System</i>	3 Pulau	3 Pulau	100.0
3.	<i>Seabed</i>	3 Kawasan	4 Kawasan	133.3
4.	<i>Airborne Gravity</i>	1 Kawasan	1 Kawasan	100.0
5.	<i>Data Centre</i>	1 Lot	1 Lot	100.0

Sumber : Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* perolehan JUPEM pada umumnya adalah baik.

15.5.2. Pengurusan Rekod

Rekod bagi sesuatu perkhidmatan yang diterima hendaklah disediakan, dikemas kini dan disimpan bagi tujuan rujukan dan semak silang. Hasil semakan Audit terhadap pengurusan rekod mendapati perkara seperti yang berikut:

- a. JUPEM tidak menetapkan satu format *standard* bagi merekodkan butiran penerbangan menyebabkan format rekod antara kontrak di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah berbeza.
- b. Bagi kontrak T2/2011, semakan Audit mendapati perbezaan antara rekod JUPEM dan invois tuntutan oleh kontraktor menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerja dan pembayaran yang dibuat seperti yang berikut:

JADUAL 15.11
PERBEZAAN ANTARA REKOD JUPEM DAN INVOIS TUNTUTAN
PEMBEKAL BAGI KONTRAK T2/2011

TAHUN	REKOD PADA BUKU LOG PENERBANGAN JUPEM		REKOD PADA INVOIS PEMBEKAL		LEBIHAN/(KURANGAN) BAYARAN	
	TARIKH	CATATAN	TARIKH	CATATAN	CATATAN	(RM)
2011	06.10.2011	Engine On: 1455 Engine Off: 1810 Total Flight Hours: 3 jam 15 minit	06.10.2011	Engine On: 1455 Engine Off: 1800 Total Flight Hours: 3 jam 5 minit	Ketepatan Total Flight Hours tidak dapat disahkan. Kiraan Audit bagi Total Flight Hours berdasarkan invois adalah 3 jam 5 minit.	665
2012	06.08.2012 – 09.08.2012	06.08.2012: Penerbangan Ke Pulau Pinang Dan menginap 10.08.2012: Penerbangan Balik Ke Kuala Lumpur	06.08.2012 – 09.08.2012	Tiada Night Stop Charges dikenakan pada 06.08.2012 – 09.08.2012	Terkurang Bayar Night Stop Charges Bagi Tempoh 4 Hari.	(4,800)
	24.09.2012	Engine On: 0910 Engine Off: 1050 Total Flight Hours: 1 jam 30 minit	24.09.2012	Total Flight Hours: 1 jam 30 minit	Ketepatan Total Flight Hours tidak dapat disahkan. Kiraan Audit bagi Total Flight Hours adalah 1 jam 40 minit.	(665)

Sumber : Buku Log Sewaan Pesawat Dan Baucar Bayaran

GAMBAR 15.1



- Pesawat King Air Beechcraft Merupakan Antara Pesawat Yang Digunakan Oleh JUPEM
(Sumber: JUPEM)

GAMBAR 15.2



- GAF NOMAD Merupakan Antara Pesawat Yang Digunakan Oleh JUPEM
(Sumber: JUPEM)

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015, 28 April 2015 Dan 29 April 2015

JUPEM mengakui terdapat sedikit perbezaan format rekod penerbangan yang disediakan oleh Seksyen Penawanan Data Ibu Pejabat JUPEM, Seksyen Topografi Sarawak dan Seksyen Topografi Sabah. Tindakan penyeragaman format rekod penerbangan telah dilaksanakan oleh ketiga-tiga Bahagian Topografi Semenanjung, Sabah dan Sarawak mulai 1 Januari 2015. Adalah disahkan bahawa masa penerbangan pada 6 Oktober 2011 yang direkodkan oleh JUPEM dan kontraktor adalah betul dan berlaku typo error yang dicatat oleh kontraktor bagi engine off. Bagi penerbangan pada tarikh 6 hingga 9 Ogos 2012, didapati kontraktor telah melakukan kesilapan kerana tidak menuntut bayaran night stop bagi tarikh tersebut. Selanjutnya, bagi tarikh 24 September 2012, disahkan bahawa jumlah masa penerbangan yang dicatat oleh JUPEM dan kontraktor adalah betul. Bagaimanapun berlaku typo error yang dicatat oleh JUPEM bagi engine off. Pihak JUPEM telah mengambil langkah pencegahan supaya kesilapan

ini tidak berlaku dengan mengarahkan setiap krew penerbangan JUPEM dan pilot di pihak kontraktor menyemak silang waktu sebenar engine on dan engine off bagi setiap penerbangan.

Pada pendapat Audit, JUPEM perlu memastikan rekod perolehan khususnya bagi sewaan pesawat disenggara dengan baik dan teratur bagi menyokong pengendalian urusan perolehan yang berterusan serta memenuhi keperluan perundangan dan akauntabiliti.

15.5.3. Pengurusan Aset

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (PP5/2007) yang dikeluarkan menggariskan mengenai pengurusan Aset Alih Kerajaan. Pekeliling tersebut turut menetapkan agar Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan perlu memastikan pengurusan Aset Alih Kerajaan diuruskan secara teratur, cekap dan berkesan.

15.5.3.1. Pendaftaran Aset

Selaras dengan PP5/2007, setiap aset yang diterima hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Semakan dan lawatan Audit pada 24 hingga 27 Jun 2014 mendapati 10 (27.8%) daripada 36 unit peralatan aksesori kamera udara digital di bawah kontrak T23/2012 yang diterima pada 14 hingga 15 Ogos 2013 tidak mempunyai Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan kesemua 36 unit peralatan tidak mempunyai Senarai Daftar Harta Modal (KEW.PA-4). Selain itu, aksesori yang dibekalkan bagi peralatan tersebut seperti *Cables*, *PAN Camera Head*, *Smart Card Reader* dan *Removeable 320GB Hard Disk Drive* tidak direkodkan di ruangan spesifikasi di KEW.PA-2 serta tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015

JUPEM telah pun mendaftarkan semua aset yang diperolehi melalui kontrak T23/2012 ke dalam KEW.PA-2 dan KEW.PA-4 sebaik teguran Audit diterima.

Pada pendapat Audit, setiap aset yang diterima hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh penerimaan. Daftar hendaklah diisi dengan lengkap bagi memudahkan pengesanan alat dan aksesori. Aset yang tidak didaftarkan akan menyebabkan rekod mengenai aset dan penempatan terkini aset sukar dikesan.

15.5.3.2. Pelabelan Aset

PP5/2007 menetapkan agar semua aset hendaklah diberi tanda pengenalan dengan cara melabel, mengecat atau *emboss* bagi menunjukkan tanda Hak Kerajaan Malaysia (HKM) serta nama Kementerian/Jabatan berkenaan di tempat yang mudah dilihat dan sesuai pada aset berkenaan.

- a. Semakan Audit mendapati masih terdapat sebahagian peralatan di bawah kontrak T23/2012 yang belum dilabelkan (**Gambar 15.3** dan **Gambar 15.4**) manakala sebahagian lagi yang telah didaftarkan menggunakan Sistem Pengurusan Aset (SPA) mempunyai label yang tidak selaras dengan para 11.2, Bab B, PP 5/2007 (**Gambar 15.5** dan **Gambar 15.6**). Berdasarkan temu bual bersama pegawai Aset, pihak Audit dimaklumkan bahawa terdapat masalah semasa mendaftar dan menjana kod label menggunakan sistem SPA. Ini antaranya disebabkan pegawai Aset tidak mahir menggunakan sistem tersebut dan tidak pernah diberikan latihan dan kursus berkaitan.

GAMBAR 15.3



GAMBAR 15.4



*Bilik Stor Pejabat JUPEM Negeri Sarawak
- Peralatan Kamera Udara DMC II Tidak Dilabelkan Menggunakan Sistem SPA
(26.06.2014)*

GAMBAR 15.5



GAMBAR 15.6



*Ruangan Kerja Kakitangan, Pejabat JUPEM Negeri Sarawak
- Peralatan Komputer Yang Mempunyai Label Tidak Seperti Yang Ditetapkan
(26.06.2014)*

- b. Semakan Audit terhadap perolehan peralatan di bawah kontrak T1/2013 dan T23/2012 mendapati perkara seperti yang berikut:
- i. Syarat kontrak bagi kontrak T1/2013 dan T23/2012 antara lainnya menetapkan agar kontraktor yang dilantik melabelkan peralatan yang dibekalkan. Bagaimanapun perincian spesifikasi pelabelan tidak

dinyatakan di dalam kontrak yang berkaitan. Hasil semakan Audit mendapati bagi kontrak T23/2012, kontraktor tidak melabelkan peralatan yang dibekalkan dan pembayaran penuh kepada kontraktor telah dibuat. Manakala bagi kontrak T1/2013, peralatan telah dilabel oleh kontraktor dengan label “JUPEM 2013” seperti **Gambar 15.7** dan **Gambar 15.8**. Kaedah pelabelan tersebut adalah tidak selaras dengan pelabelan aset yang ditetapkan di bawah PP5/2007.

GAMBAR 15.7**GAMBAR 15.8**

Jabatan Ukur Daerah Machang, Kelantan
 - Pelabelan 'JUPEM 2013' Oleh Kontraktor Pada Peralatan Total Station Yang Tidak Mengikut Ketetapan (18.06.2014)

- ii. Pemeriksaan fizikal mendapati sebahagian peralatan dan aksesori yang telah dilabelkan dengan pekat yang dijana dari Sistem Pengurusan Aset (SPA) telah tertanggal. Berdasarkan temu bual, adalah didapati hal ini berlaku disebabkan peralatan digunakan sepenuhnya di tapak kerja pengukuran yang ada kalanya mempunyai persekitaran yang lasak.

Pada pendapat Audit, kaedah pelabelan aset yang sesuai selaras dengan peraturan ditetapkan hendaklah dipatuhi dalam melabel aset bergantung kepada ciri/penggunaan aset tersebut.

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015

Bagi kontrak T23/2012 tindakan melabelkan aset telah diambil serta-merta selepas teguran Audit diterima dan telah selesai dilaksanakan. Selain itu, bagi memastikan Sistem SPA dapat digunakan oleh kakitangan, 5 orang pegawai termasuk pegawai aset telah dihantar untuk menghadiri kursus di Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar pada 3 hingga 6 November 2014 bagi menggantikan pegawai aset yang telah bertukar. Bagi kontrak T1/2013, arahan untuk melabelkan semula peralatan dengan melabelkan “Hak Kerajaan Malaysia” telah dikeluarkan dan tindakan untuk melabel telah selesai diambil.

15.5.3.3. Penggunaan Peralatan

Semakan Audit terhadap penggunaan peralatan mendapati kelemahan seperti berikut:

- a. PP 5/2007 menetapkan penggunaan aset Kerajaan hendaklah mematuhi peraturan, antaranya hendaklah digunakan bagi tujuan rasmi sahaja dan perlu direkodkan. Aset yang dibawa keluar dari pejabat hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan dan hendaklah dipulangkan semula sebaik selesai penggunaannya atau berdasarkan tempoh kelulusan mengikut mana yang lebih awal. Semakan Audit terhadap peralatan dan aksesori *total station* dan GNSS di bawah kontrak T1/2013 dan T5/2011 yang disemak mendapati peralatan tersebut disimpan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Bagaimanapun, tiada bukti kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan diperoleh bagi membenarkan peralatan tersebut digunakan dan disimpan oleh pegawai. Selain itu, pihak Audit turut mendapati tiada kawalan dalam proses penyerahan peralatan dan aksesori ke Pejabat Juru Ukur Daerah (JUD) di mana terdapat peralatan dan aksesori tidak diserahkan ke pejabat apabila pegawai bercuti panjang (melebihi 5 hari) dan terdapat juga peralatan yang diserahkan tetapi tidak direkodkan.

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015

Semua Pengarah Ukur Dan Pemetaan Negeri telah diarahkan mengeluarkan surat kebenaran mengguna dan menyimpan peralatan ukur kepada semua pegawai kerja luar di negeri masing-masing dengan mematuhi kaedah penyimpanan yang ditetapkan melalui Surat Arahan Bil. JUPEM 18/7/2.93 Jld. 3 (25) bertarikh 15 Disember 2014.

- b. Semakan Audit terhadap rekod di Bahagian Kadaster mendapati sejumlah 64 unit peralatan yang diterima (*total station*, *tribrach* dan *prism*) di bawah kontrak T1/2013 yang dibekalkan pada 12 Julai 2013 telah mengalami kerosakan. Jumlah peralatan yang mengalami kerosakan mengikut kategori adalah 57 unit (19%) *tribrach*, 6 unit (6%) *total station* dan 1 unit (0.6%) *prism*. Daripada jumlah peralatan yang rosak tersebut, 30 unit (46.8%) masih belum dibaiki. Butiran lanjut adalah seperti yang berikut:

JADUAL 15.12
KEROSAKAN PERALATAN DAN AKSESORI TOTAL STATION
MENGIKUT NEGERI DAN DAERAH SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2014

NAMA PERALATAN	MODEL/ NO. SIRI	TARIKH KEROSAKAN	KUANTITI (UNIT)	PERIHAL KEROSAKAN	PENEMPATAN	STATUS PEMBAIKAN
<i>Tribrach</i>	GDF112-1	18.04.2014	2	Kerosakan Pada Tapak <i>Prism</i>	Kuala Lipis, Pahang	Belum Dibaiki
		14.08.2014	1			
		15.05.2014	3		Temerloh, Pahang	6 Siap Baik


NAMA PERALATAN	MODEL/ NO. SIRI	TARIKH KEROSAKAN	KUANTITI (UNIT)	PERIHAL KEROSAKAN	PENEMPATAN	STATUS PEMBAIKAN
		23.10.2013	9			7 Belum Baik
		10.09.2014	1			
		16.04.2014	1		Tapah, Perak	Siap Baik
		28.08.2014	1			
		12.02.2014	1		Kinta, Perak	Belum Baik
		11.07.2014	1			
		09.04.2014	2		Pasir Mas, Kelantan	Siap Baik
		TM	2		Alor Setar, Kedah	Siap Baik
		TM	5		Besut, Terengganu	Siap Baik
		TM	3		Kemaman, Terengganu	2 Siap Baik 1 Belum Baik
		TM	13		Kuala Terengganu, Terengganu	Siap Baik
		18.08.2014	6		Muar, Johor	Belum Baik
		04.09.2014	3		Johor Bahru, Johor	Belum Baik
		07.09.2014	2		Kota Tinggi, Johor	Belum Baik
		09.04.2014	1	Bubble Pecah	Machang, Kelantan	Belum Baik
JUMLAH ROSAK (UNIT)			57	JUMLAH SIAP BAIKI (UNIT)		32
JUMLAH PEROLEHAN (UNIT)			300	JUMLAH BELUM BAIKI (UNIT)		25
<i>Total Station</i>	1363272	10.03.2014	1	Skrin Penyilang Kiri Rosak	Temerloh, Pahang	Siap Baik
	1363518	28.08.2014	1	CL/CR Out	Tapah, Perak	Belum Baik
	1362658	15.01.2014	1	Bluetooth Antenna Rosak	Pasir Mas, Kelantan	Belum Baik
	1363502	09.04.2014	1		Machang, Kelantan	
	1363277	15.09.2014	1		Besut, Terengganu	
	1363514	11.11.2013	1	Error 84	Pasir Mas, Kelantan	Siap Baik
JUMLAH ROSAK (UNIT)			6	JUMLAH SIAP BAIKI (UNIT)		2
JUMLAH PEROLEHAN (UNIT)			100	JUMLAH BELUM BAIKI (UNIT)		4
<i>Prism</i>	GPR111	07.09.2014	1	Pemegang Patah	Kota Tinggi, Johor	Belum Baik
JUMLAH ROSAK (UNIT)			1	JUMLAH SIAP BAIKI (UNIT)		0
JUMLAH PEROLEHAN (UNIT)			300	JUMLAH BELUM BAIKI (UNIT)		1

Sumber : Laporan Kerosakan Peralatan Bahagian Kadaster, JUPEM

Nota : TM - Tiada Maklumat

(**) - Pejabat Yang Dilawati Oleh Pasukan Audit Pada Bulan Jun Hingga Ogos 2014

GAMBAR 15.9



Ibu Pejabat JUPEM
- Contoh Tribrach Bernilai RM552 Seunit
(10.06.2014)

GAMBAR 15.10




Ibu Pejabat Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Johor,
Daerah Batu Pahat
- Contoh Prism Bernilai RM622 Seunit
(13.08.2014)

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 20 Januari 2015

Tindakan membaiki 30 unit (46.8%) lagi peralatan yang dilaporkan rosak telah pun diambil. Peralatan tersebut telah siap dibaiki antara 4 Julai 2014 hingga 14 Januari 2015.

- c. Semakan selanjutnya mendapati Seksyen Pengurusan Dan Pembangunan Kadaster, JUPEM telah menjalankan kajian kepuasan pengguna terhadap penggunaan peralatan yang dibekalkan di bawah Kontrak T1/2013 merangkumi *tripod*, *prism*, *tribrach*, bateri, *total station* dan komunikasi. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan, adalah didapati majoriti pengguna (60.4%) tidak berpuas hati dengan peralatan *tribrach* diikuti *prism* (13.8%), *tripod* (4.1%) dan *total station* (1.4%) seperti **Rajah 15.1**. Berdasarkan temu bual bersama pasukan ukur di JUD yang dilawati, antara masalah yang disuarakan adalah seperti kerosakan tapak *tribrach* sehingga menyukarkan kerja pengukuran; *bluetooth antenna* pada *total station* sensitif kepada persekitaran yang lasak dan beg bekas meletak *prism* tidak sesuai dan kurang praktikal.

RAJAH 15.1
STATISTIK PENGGUNAAN PERALATAN YANG
DIBEKALKAN DI BAWAH TENDER JUPEM T1/2013



Sumber : Seksyen Pengurusan Dan Pembangunan Kadaster, JUPEM

GAMBAR 15.11



Ibu Pejabat JUPEM
- Contoh Tripod Bernilai RM529 Seunit
(10.06.2014)

GAMBAR 15.12



Ibu Pejabat Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Negeri Kelantan, Daerah Machang
- Contoh Bateri Bernilai RM477 Seunit
(18.08.2014)

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 16 April 2015

Bagi peralatan tribrach, pihak Ibu Pejabat (Bahagian Kadaster) telah menerima 56 unit tribrach yang dilaporkan rosak kerana skru tapak longgar manakala 1 unit kerana bubble pecah (jumlah keseluruhan 57 unit). Kesemua tribrach tersebut masih di bawah jaminan oleh pembekal dan telah siap dibaiki dan dikembalikan semula kepada pegawai kerja luar berkenaan. Berdasarkan maklum balas daripada Juruukur Daerah yang terlibat kesemua tribrach tersebut berfungsi dengan baik dan kerosakan yang sama tidak berulang. Sehingga kini, Bahagian Kadaster tidak lagi menerima tribrach untuk dibaiki.

Bagi peralatan prism pula, Bahagian Kadaster hanya menerima 1 unit sahaja prism yang dihantar untuk dibaiki kerana pemegangnya patah. Prism tersebut telah diganti baru oleh pembekal kerana masih di dalam tempoh jaminan. Sehingga kini, Bahagian Kadaster tidak lagi menerima aduan kerosakan yang berulang.


Seterusnya bagi peralatan tripod, sehingga kini Bahagian Kadaster tidak pernah menerima tripod yang rosak untuk dibaiki. Ketidakpuasan pengguna bukan kerana kualiti tripod tetapi kerana kedudukan clamp (pengapit) kaki yang berbeza daripada tripod yang digunakan sebelum ini. Bagaimanapun ia tidak memberi kesan kepada pengukuran yang dijalankan.

Bagi peralatan total station, pihak Ibu Pejabat hanya menerima 2 unit total station sahaja yang rosak kerana bluetooth antenna longgar dan patah. Peralatan tersebut telah dibaiki oleh pembekal dan dikembalikan kepada Pengukur. Bagaimanapun kerosakan yang berlaku bukan disebabkan kualiti yang tidak elok tetapi kerana penggunaan dan penjagaan peralatan tidak dibuat mengikut peraturan. Makluman telah diberi kepada setiap Juruukur Daerah supaya memantau penggunaan dan penjagaan peralatan tersebut.

Selain itu, beg prism yang diterima merupakan keluaran asal pihak pembekal alat di mana beg tersebut telah dilengkapi dengan pengikat bagi mengelakkan prism bergerak semasa pengukuran di lapangan atau di dalam kereta. Bekas prism sebelum ini ditempah khas oleh pihak Ibu Pejabat dan bukan dikeluarkan oleh pihak pembekal alat. Penempahan yang baru memerlukan kos yang tinggi kerana bilangan perolehan keseluruhan adalah sejumlah 300 unit.

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod kontrak T3/2013 mendapati perkara seperti yang berikut:
- i. Stesen Kekal Aktif Marin GNSS di Pulau Layang-Layang yang telah mula beroperasi sepenuhnya pada 10 Julai 2013 di mana data satelit GNSS yang dicerap oleh alat penerima GNSS diterima oleh Pusat Kawalan MyRTKnet (proses cerapan data GNSS seperti **Rajah 15.2**). Bagaimanapun, didapati penghantaran data GNSS tersebut mengalami gangguan bermula pada 17 Julai 2013 dan seterusnya pada 26 Ogos 2013 data GNSS tersebut tidak lagi diterima.

RAJAH 15.2
PROSES CERAPAN DATA GNSS



Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015 Dan 28 April 2014

JUPEM telah mengambil keputusan untuk memberhentikan operasi stesen tersebut buat sementara waktu bagi mengelakkan peralatan cerapan GNSS, telekomunikasi dan elektrik mengalami kerosakan teruk. Bagi mengatasi masalah di Pulau Layang-Layang, ujian pembekalan kuasa elektrik alternatif sedang dijalankan secara berterusan. Langkah penyelesaian telah diambil untuk mendapatkan punca kuasa yang lebih stabil iaitu dengan membuat perolehan panel solar tambahan. Kerja pemasangan telah dibuat antara 14 hingga 20 April 2015.

- ii. Berdasarkan kontrak, Sistem Bekalan Kuasa Kecemasan (Uninterruptible Power Supply) mampu membekalkan kuasa kepada peralatan GNSS dalam tempoh 35 jam apabila berlaku masalah terputus bekalan elektrik utama. Selain itu, peralatan GNSS juga akan secara automatik menggunakan sumber kuasa alternatif kepada kuasa bateri yang telah di caj oleh panel solar sebagai punca kuasa kedua tanpa mengganggu data yang dicerap dan data yang telah disimpan. Semakan Audit mendapati sesi penghantaran data GNSS di Pulau Matakang, Sabah telah dihadkan kepada tempoh 2 jam sahaja manakala di Pulau

Balambangan, Sabah telah dihadkan kepada tempoh 3 jam sahaja. Hal ini berlaku disebabkan gangguan terhadap penghantaran data ke Pusat Kawalan MyKRTnet, Kuala Lumpur yang berpunca daripada bekalan elektrik yang tidak stabil, litar pintas serta bekalan kuasa elektrik yang tidak mencukupi menyebabkan peralatan GNSS gagal berfungsi. Perkara tersebut telah menyebabkan objektif projek untuk membolehkan peralatan cerapan GNSS yang dipasang bagi mencerap data satelit selama 24 jam dan menghantar data tersebut ke Pusat Kawalan Ibu Pejabat JUPEM tidak tercapai.

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015 Dan 29 April 2015

Sistem Uninterruptible Power Supply (UPS) mampu membekalkan kuasa kepada peralatan GNSS dalam tempoh 35 jam dengan syarat ia mendapat bekalan kuasa elektrik AC yang berterusan bagi tujuan mengecap kuasanya. Set generator di Pulau Balambangan dan Pulau Matakating kepunyaan Kem Tentera Angkatan Tugas Bersama 2 yang merupakan satu-satunya sumber kuasa elektrik yang ada tidak berupaya membekalkan tenaga elektrik secara berterusan selama 24 jam sehari kerana tidak di senggara dengan baik. Selain itu, pihak Markas ATB2 turut menjelaskan yang pihak mereka tidak dapat membekalkan tenaga elektrik untuk kegunaan Stesen Aktif Marin GNSS di Pulau Balambangan dan Pulau Matakating. Justeru, dengan ketiadaan bekalan elektrik utama dari kem tentera tersebut, dua (2) set panel solar bagi setiap stesen adalah diperlukan sebagai tambahan untuk membolehkan kedua-dua stesen tersebut beroperasi secara berterusan. Mulai 30 September 2014 data cerapan GNSS dari kedua-dua pulau tersebut telah berjaya dihantar tanpa sebarang masalah.

- iii. Lawatan Audit ke Stesen Kekal Aktif Pulau Matakating, Sabah pada 25 Jun 2014 mendapati peralatan GNSS yang ditempatkan di stesen tersebut tidak berfungsi disebabkan punca bekalan kuasa elektrik yang diperolehi daripada bateri lemah dan tidak dapat menampung keperluan tenaga elektrik yang diperlukan oleh peralatan. Berdasarkan maklum balas pegawai, keadaan tersebut telah berlarutan selama seminggu dan data GNSS tidak diterima di Pusat Kawalan Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur.

GAMBAR 15.13



*Pulau Matakating, Sabah
- 3 Unit Panel Solar Berfungsi Mengecap Bateri
(Fasa I x 1 Unit RM16,500) Dan (V.O x 2 Unit
RM33,000) Yang Tidak Berfungsi
(25.06.2014)*

GAMBAR 15.14



*Pulau Matakating, Sabah
- Bateri Dan Aksesori Bekalan Tenaga Elektrik Kedua
Bernilai RM25,000 Yang Tidak Dapat Membekalkan
Elektrik Yang Diperlukan
(25.06.2014)*

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 29 April 2015

Masalah punca bekalan kuasa elektrik yang tidak mencukupi di Stesen Kekal Aktif Pulau Mataking, Sabah telah dapat diatasi mulai bulan 30 September 2014.

Pada pendapat Audit, peralatan perlu dimanfaatkan sebagaimana tujuan perolehannya. Bagi peralatan yang mengalami kerosakan dalam tempoh waranti, tindakan pembaikan kerosakan perlu dibuat sebelum Bon Pelaksanaan dipulangkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Selain itu, JUPEM disaran untuk mengkaji punca kerosakan agar langkah selanjutnya dapat diambil dengan segera.

15.5.3.4. Penyimpanan Dan Kawalan Keselamatan Peralatan

- a. Bagi tujuan penyimpanan, PP5/2007 antaranya menetapkan agar Aset Kerajaan disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, bagi tujuan kawalan dalaman, Pekeliling Ketua Pengarah JUPEM Bil. 2 Tahun 2009 telah dikeluarkan. Perkara 5.5.1 menetapkan agar penyimpanan peralatan *total station*, *though book* dan *field communicator* serta aksesori yang sangat menarik hendaklah disimpan di dalam almari kayu atau besi berkunci, tidak lut sinar dan berada dalam bilik berkunci. Peralatan yang tidak dapat dimuatkan dalam almari perlu disimpan dalam bilik berkunci. Semakan Audit bagaimanapun tidak dapat mengesahkan sama ada peraturan tersebut telah dipenuhi sepenuhnya kerana peralatan dan aksesori bagi *total station*, *though book* dan *field communicator* yang digunakan oleh pegawai sentiasa dibawa bersama pegawai bagi menjalankan kerja ukur selain memudahkan mobiliti pegawai. Bagi tujuan penyimpanan peralatan tersebut, ia bergantung pada lokasi serta keadaan rumah pegawai dan tempat bermalam pegawai ketika menjalankan kerja pengukuran.
- b. Semakan selanjutnya mendapati secara amnya seorang Ketua Pasukan Ukur dipertanggungjawabkan untuk menjaga antara 4 hingga 5 unit peralatan ukur berserta aksesori bernilai antara RM54,049 sehingga RM70,366 seperti jadual berikut:

**JADUAL 15.13
PENEMPATAN PERALATAN UKUR DAN AKSESORI
DI BAWAH KAWALAN KETUA PASUKAN UKUR**

PASUKAN	JAWATAN/ GRED PEGAWAI	JENIS PERALATAN	KUANTITI (Unit)	NILAI PERALATAN (RM)
Ukur <i>eTotal Station Module</i> (eTSM)	Penolong Juruukur J29	Tough Book Panasonic CF-19	1	16,852
		Walkie Talkie MOTOROLA GP328	3	4,260
		Total Station/Aksesori Leica TS06	1	32,937
JUMLAH			5	54,049

PASUKAN	JAWATAN/ GRED PEGAWAI	JENIS PERALATAN	KUANTITI (Unit)	NILAI PERALATAN (RM)
Ukur e Cadastral Reference Mark (eCRM)	Penolong Juruukur J29	Toughbook GNSS Panasonic CF19	1	27,338
		Walkie Talkie MOTOROLA GP328	2	2,840
		GNSS/Aksesori R6 RECEIVER	1	40,188
JUMLAH			4	70,366

Sumber : Senarai Aset Di Lokasi (Kew. PA-7) Pegawai

GAMBAR 15.15



Ibu Pejabat JUPEM
- Contoh Peralatan Dan Aksesori Total Station
Yang Keseluruhannya Bernilai RM32,937
(10.06.2014)

GAMBAR 15.16



Ibu Pejabat Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Negeri Kelantan, Daerah Pasir Mas
- Contoh Peralatan Dan Aksesori GNSS
Yang Bernilai RM40,188
(19.06.2014)

- c. Lawatan Audit di Pulau Mataking, Semporna, Sabah mendapati kawalan keselamatan terhadap Stesen Kekal Aktif GNSS dan peralatan adalah kurang memuaskan seperti yang berikut:
- i. pintu pagar utama stesen tidak dikunci disebabkan telinga kunci pintu pagar tersebut tidak dipasang oleh pihak kontraktor;
 - ii. pintu utama stesen tersebut juga telah rosak;
 - iii. pintu *epoxy mountable rack* yang menempatkan peralatan GNSS tidak bertutup dan tidak berkunci disebabkan halangan pada wayar punca kuasa elektrik yang disambungkan pada bateri telah dipasang pada sisi *mountable rack* tersebut; dan
 - iv. sistem pencahayaan stesen pada waktu malam tidak berfungsi disebabkan ketiadaan bekalan elektrik.

GAMBAR 15.17



Pulau Mataking, Sabah
- Kunci Pintu Pagar Utama Stesen Tidak Dipasang
(25.06.2014)

GAMBAR 15.18



Pulau Mataking, Sabah
- Alur Kunci Pintu Stesen Yang Telah Rosak
(25.06.2014)

GAMBAR 15.19



Stesen Kekal Aktif GNSS Pulau Mataking, Sabah
- Sisi Mountable Rack Yang Tidak Dapat Ditutup
(25.06.2014)

GAMBAR 15.20



Stesen Kekal Aktif GNSS Pulau Mataking, Sabah
- Pintu Sisi Epoxy Mountable Rack
Yang Tidak Digunakan
(25.06.2014)

Maklum Balas JUPEM Yang Diterima Pada 6 Januari 2015

Tindakan sewajarnya telah diambil seperti membaiki telinga kunci pintu pagar dan pintu utama selain menutup epoxy mountable rack. Bagaimanapun, lampu stesen hanya akan beroperasi sekiranya mendapat bekalan kuasa elektrik dari generator milik markas tentera.

Pada pendapat Audit, JUPEM perlu mengkaji semula kaedah penyimpanan peralatan sedia ada oleh pegawai serta menetapkan mekanisme yang bersesuaian dan lebih efisien bagi mengurangkan risiko kehilangan dan penyalahgunaan peralatan tersebut. Selain itu, JUPEM juga hendaklah memastikan kawalan keselamatan terhadap stesen dan peralatannya berada pada tahap optimum.

15.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya JUPEM mempertimbangkan perkara yang berikut:

15.6.1. memastikan rekod perolehan disenggara dengan baik dan teratur bagi menyokong pengendalian urusan perolehan yang berterusan serta memenuhi keperluan perundangan dan akauntabiliti; dan

15.6.2. memastikan pengurusan aset khususnya dari aspek pendaftaran, pelabelan, penggunaan, penyimpanan dan kawalan keselamatan aset pada masa akan datang dibuat dengan teratur serta selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

16. JABATAN PENERBANGAN AWAM - PENGURUSAN KUARTERS

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Pembinaan Kwarters Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) adalah salah satu usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kebajikan dan kualiti kemudahan bagi warga DCA demi meningkatkan prestasi dan penyampaian perkhidmatan keseluruhannya serta mobilisasi anggotanya khususnya bagi Pegawai Kawalan Trafik Udara. Pembinaan kuarters adalah bersekali dengan pembangunan lapangan terbang yang diuruskan oleh pihak Kementerian Pengangkutan (Kementerian) dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Kwarters DCA merangkumi rumah pangsa, rumah berkembar, rumah panjang (kayu) dan rumah banglo. Sehingga bulan September 2014, DCA memiliki sebanyak 541 unit kuarters. Pengurusan kuarters adalah aspek yang penting bagi memastikan ke semua kuarters sentiasa dapat diduduki secara kondusif dan selamat.

16.1.2. Penyenggaraan kuarters pula diurus dan diselia oleh Ibu Pejabat DCA di Putrajaya melalui permohonan yang dibuat oleh Pejabat Wilayah I (Semenanjung), Wilayah II (Sabah) dan Wilayah III (Sarawak) dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kuarters bagi Jabatan Penerbangan Awam telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan kuarters DCA bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat DCA, Pejabat Wilayah DCA Subang, DCA Langkawi, DCA Johor Bahru, DCA Kuching, DCA Sibul dan DCA Kota Kinabalu. Pemilihan sampel Audit adalah berdasarkan statistik bilangan kuarters yang meliputi 66% daripada bilangan keseluruhan kuarters.

16.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen terhadap pengurusan serta penyenggaraan kuarters. Pihak Audit juga telah menemu bual pegawai di Ibu Pejabat DCA dan mengadakan lawatan fizikal ke kuarters terpilih. Selain itu, borang soal selidik telah diedarkan kepada penghuni bagi mendapatkan maklum balas. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan telah diadakan pada 23 Februari 2015 yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia serta wakil daripada Unit Audit Dalam, Unit Integriti dan Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pengangkutan.

16.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kuarters adalah memuaskan kerana DCA dapat menyediakan kuarters kepada kakitangan DCA dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan kebajikan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters yang dikenal pasti seperti yang berikut:

- i. pengisian kuarters adalah pada kadar 61.6% dan tiada peruntukan khas disediakan bagi kerja penyenggaraan kuarters;
- ii. pengurusan rekod permohonan, pendaftaran, surat tawaran kuarters tidak seragam dan berlaku kelemahan dalam proses agihan serta penamatan penyewaan kuarters;
- iii. kuarters yang tidak diduduki dibiarkan kotor, rosak dan bersepah dengan barang peninggalan penghuni;
- iv. pengubahsuaian kuarters seperti penambahan ruang fizikal di belakang, anjung dan parkir telah dibuat tanpa kebenaran;
- v. persekitaran kuarters yang kurang memuaskan seperti longkang tersumbat, rumput/lalang yang panjang dan sampah sarap tidak diuruskan dengan baik;
- vi. kelemahan dalam proses penyewaan kuarters kepada pihak luar antaranya tiada perjanjian formal dibuat yang akhirnya tunggakan sewa kuarters sukar dituntut dan memberi kesan terhadap baki Akaun Belum Terima; dan
- vii. tiada unit/bahagian ditubuhkan untuk memantau pengurusan kuarters secara khusus.

Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

16.5.1. Prestasi Pengurusan Kuarters

16.5.1.1. Pengisian Kuarters DCA

- a. Semakan Audit mendapati DCA memiliki 541 unit kuarters di seluruh negeri. Secara keseluruhannya daripada 541 unit kuarters, sebanyak 333 unit

(61.6%) diduduki manakala 208 unit (38.4%) masih kosong dan sebahagiannya mengalami kerosakan. Butiran lanjut unit kuarters dan pengisiannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.1
BILANGAN UNIT DAN PENGISIAN KUARTERS MENGIKUT
PEJABAT WILAYAH DCA PADA BULAN SEPTEMBER 2014

DCA	BILANGAN KUARTERS DIDAFTAR	BIL. PENGISIAN		BIL. KEKOSONGAN	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)
Johor Bahru	183	105	57.4	78	42.6
Alor Setar	5	3	60.0	2	40.0
Kuala Terengganu	37	36	97.3	1	2.7
Ipoh	7	2	28.6	5	71.4
Langkawi	69	52	75.4	17	24.6
Tioman	3	2	66.7	1	33.3
Pulau Pinang	61	53	86.9	8	13.1
Kota Kinabalu	7	6	85.7	1	14.3
WP Labuan	6	6	100	0	0
Sandakan	33	15	45.5	18	54.5
Sibu	83	25	30.1	58	69.9
Bintulu	6	0	0	6	100.0
Kuching	15	9	60.0	6*	40.0
Miri	12	6	50.0	6	50.0
Mulu	14	13	92.9	1	7.1
JUMLAH	541	333	61.6	208	38.4

Sumber : DCA Ibu Pejabat, DCA Langkawi, Kota Kinabalu, Sibu, Kuching Dan Johor Bahru

Nota : (*) - Untuk Dilupakan

- b. Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap 5 DCA yang dilawati, sebanyak 160 unit (44.8%) daripada 357 unit kuarters adalah kosong. 134 unit (83.8%) daripada jumlah unit kosong tersebut adalah rosak dan tidak dapat diduduki. Bilangan kuarters yang rosak dan tidak diduduki adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.2
BILANGAN KUARTERS YANG DIISI, KOSONG DAN ROSAK
BAGI DCA YANG DILAWATI

DCA	JUMLAH KUARTERS	ISI		KOSONG		ROSAK	
		BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Johor Bahru	183	105	57.4	78	42.6	78	100
Langkawi	69	52	75.4	17	24.6	17	100
Kota Kinabalu	7	6	85.7	1	14.3	1	100
Kuching	15	9	60.0	6	40.0	6	100
Sibu	83	25	30.1	58	69.9	32	55.2
JUMLAH	357	197	55.2	160	44.8	134	83.8

Sumber : DCA Ibu Pejabat, DCA Langkawi, Kota Kinabalu, Sibu, Kuching Dan Johor Bahru

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Sehingga 24 April 2015, bilangan kuarters yang diisi telah bertambah daripada 333 unit kepada 341 unit. Jabatan akan mengkaji inisiatif baru bagi menangani isu kuarters yang tidak berpenghuni sebagaimana cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Kerajaan peringkat Kementerian yang telah diadakan pada 24 April 2015.

- c. Semakan Audit mendapati pada bulan September 2014 hanya 51 (25.9%) unit daripada 197 kuarters yang telah diduduki adalah kakitangan DCA. Berdasarkan analisis, DCA Johor Bahru mempunyai penghuni yang bukan pegawai DCA yang paling tinggi iaitu 89 unit kuarters daripada jumlah keseluruhan iaitu 105 unit kuarters. Komposisi penghuni kuarters DCA pada bulan September 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.3
KOMPOSISI PENGHUNI KUARTERS DCA PADA BULAN SEPTEMBER 2014

DCA	BILANGAN PENGHUNI KUARTERS						JUMLAH
	KERAJAAN		SWASTA				
	DCA	LAIN-LAIN	MAHB	SATS	AAT	LAIN-LAIN	
Johor Bahru	16	5	-	84	-	-	105
Langkawi	15	7	25	-	2	3	52
Kota Kinabalu	6	-	-	-	-	-	6
Kuching	9	-	-	-	-	-	9
Sibu	5	9	9	-	2	-	25
JUMLAH	51	21	34	84	4	3	197

Sumber : DCA Ibu Pejabat, DCA Langkawi, Kota Kinabalu, Sibu, Kuching Dan Johor Bahru

16.5.1.2. Kuarters Yang Tidak Diduduki

- a. Perintah Am Bab E menetapkan sekiranya Kerajaan ada menyediakan rumah kediaman yang berhampiran dengan tempat bertugas pegawai dengan tujuan supaya mereka tinggal di situ atau Kerajaan mendirikan rumah khas untuk sesebuah Jabatan, maka Ketua Jabatan boleh menghendaki seseorang pegawai itu tinggal di rumah tersebut jika ia adalah untuk kepentingan perkhidmatan. Selain itu, Perintah Am tersebut juga menetapkan bahawa sekiranya Kerajaan telah sedia ada mempunyai rumah kediaman yang kosong, pegawai yang bekerja dalam kawasan tersebut adalah layak memohon untuk menduduki rumah mengikut peraturan dan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
- b. Pada September 2014, daripada 160 unit kuarters DCA yang tidak diduduki di lima Pejabat DCA yang dilawati mendapati bilangan kuarters yang tidak diduduki melebihi 10 tahun adalah 66 unit dan 6 hingga 10 tahun adalah 67 unit. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.4
TEMPOH KUARTERS JABATAN TIDAK DIDUDUKI
MENGIKUT LOKASI SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2014

DCA	TEMPOH TIDAK DIDUDUKI (BIL. TAHUN)				JUMLAH (Unit)
	<1	1 - 5	6 - 10	>10	
Johor Bahru	-	4	10	64	78
Langkawi	2	7	7	1	17
Kota Kinabalu	1	-	-	-	1
Kuching	1	4	1	-	6
Sibu	2	6	49	1	58
JUMLAH	6	21	67	66	160

Sumber : DCA Langkawi, Kota Kinabalu, Sibu, Kuching Dan Johor Bahru

Pada pendapat Audit, kuarters yang kosong dalam tempoh yang lama akan menyumbang kepada kes kecurian, kerosakan dan persekitaran yang tidak kondusif serta kotor. DCA perlu mengkaji semula keperluan kuarters yang kosong terlalu lama dan ia mungkin boleh disewa kepada agensi luar supaya pengisian kuarters dapat dioptimumkan di samping dapat menjana hasil kepada Kerajaan. Selain itu, DCA perlu menetapkan perancangan penyenggaraan yang wajar supaya kuarters berada dalam keadaan baik dan sempurna.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Semua pejabat DCA termasuk 5 lokasi yang diaudit telah mengambil tindakan untuk membersihkan segala kuarters yang kosong dan juga kawasan persekitaran. Jabatan telah meminta, satu kajian kesesuaian bangunan dilakukan oleh pihak JKR bermula pada tahun 2012 di mana sehingga kini kuarters di DCA Johor Bahru, Sibu dan Langkawi telah diaudit. DCA Pulau Pinang sedang dalam proses untuk diaudit oleh pihak JKR (masih dalam tindakan). Jawatankuasa Perumahan Peringkat Kementerian dan Jabatan telah dilantik oleh YBhg Datuk Dr. KSU Kementerian pada 17 April 2015 dan 28 April 2015. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perumahan Peringkat Kementerian telah diadakan pada 24 April 2015 dan mesyuarat pertama peringkat Jabatan telah diadakan pada 28 April 2015.

Jabatan akan mengkaji inisiatif baru bagi menangani isu kuarters yang tidak berpenghuni sebagaimana cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Rumah Kerajaan peringkat Kementerian yang telah diadakan pada 24 April 2015. Dimaklumkan dengan adanya cadangan penambahbaikan yang dikenal pasti ini, Jabatan optimis bahawa kuarters yang mana keadaannya boleh dihuni akan dapat diisi dan bagi kuarters yang kerosakannya tiada nilai ekonomi untuk dinaiktaraf/diselenggara akan disyor untuk dilupuskan.

16.5.1.3. Prestasi Kewangan

Peruntukan kewangan penyenggaraan kuarters DCA daripada Kementerian disalurkan oleh Ibu Pejabat DCA kepada Pejabat Wilayah I, II dan III dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus. Penyenggaraan kuarters DCA diurus dan diselia di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk kerja penyenggaraan kuarters bagi tahun 2012 hingga 2014 berjumlah RM1.52 juta merangkumi:

- Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, DCA telah membelanjakan RM1.43 juta (0.6%) daripada jumlah peruntukan Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil Objek Sebagai (OS) 28000 yang berjumlah RM222.59 juta. Keadaan ini berlaku kerana tiada bajet khusus diperuntukkan bagi tujuan kerja pembaikan dan penyenggaraan bangunan kuarters.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati Pejabat Wilayah I juga menggunakan OS23000 (Perhubungan Dan Utiliti), OS26000 (Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan Penyelenggaraan Dan Pembaikan) dan OS29000 (Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti) bagi tujuan kerja pembaikan dan penyenggaraan bangunan kuarters yang berjumlah RM87,800 bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014.

Butiran peruntukan dan perbelanjaan mengikut Pejabat Wilayah bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.5
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PENYENGGARAAN KUARTERS
MENGIKUT WILAYAH BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	PEJABAT WILAYAH	PERUNTUKAN OS 28000 (RM)	PERBELANJAAN KUARTERS MENGIKUT KOD OBJEK			JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
			OS 28000 (RM)	(%)	OS 23000, OS 26000 DAN OS 29000 (RM)	
2012	I	68,215,600	331,703	0.5	21,770	353,473
	II	2,568,900	163,973	6.4	-	163,973
	III	1,120,000	67,544	6.0	-	67,544
Jumlah		71,904,500	563,220	0.8	21,770	584,990
2013	I	76,934,990	267,567	0.3	50,780	318,347
	II	4,315,200	323,135	7.5	-	323,135
	III	1,331,000	82,373	6.2	-	82,373
Jumlah		82,581,190	673,075	0.8	50,780	723,855
2014	I	65,608,400	93,010	0.1	15,250	108,260
	II	1,611,750	63,500	3.9	-	63,500
	III	884,000	36,805	4.2	-	36,805
Jumlah		68,104,150	193,315	0.3	15,250	208,565
JUMLAH KESELURUHAN		222,589,840	1,429,610	0.6	87,800	1,517,410

Sumber : Laporan Penyata Perbelanjaan

Pada pendapat Audit, peruntukan yang khusus bagi sesuatu jenis perbelanjaan akan membantu dalam perancangan penyenggaraan kuarters secara lebih komprehensif dan berkesan.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Jabatan menerima syor Audit bahawa peruntukan yang khusus bagi sesuatu jenis perbelanjaan akan membantu dalam perancangan penyenggaraan kuarters secara lebih komprehensif dan berkesan. Permohonan peruntukan khusus tahun 2015 berjumlah RM565,000 bagi penyelenggaraan di 183 unit kuarters DCA (yang dimohon pada tahun 2014) adalah tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Oleh yang demikian, permohonan peruntukan khusus tahun 2016 bagi preventive maintenance di 162 unit kuarters DCA telah dikemukakan di dalam Anggaran Belanja Mengurus DCA. Permohonan peruntukan preventive maintenance untuk kuarters DCA berjumlah RM554,000 bagi tahun 2016 telah diperaku oleh Pegawai Pengawal pada 31 Mac 2015 dan dibentangkan untuk kelulusan Belanjawan MOF pada 5 Mei 2015.

16.5.2. Pentadbiran Pengurusan Kuarters

Pengurusan kuarters DCA secara umumnya tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Pejabat) di samping pekeliling lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati pentadbiran pengurusan kuarters berhubung dengan pemprosesan permohonan, pengagihan, masuk dan keluar kuarters serta penyenggaraan tidak didokumentasikan dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan rujukan. Pihak Audit juga dimaklumkan pihak Jabatan masih dalam peringkat perbincangan berkaitan dengan penetapan polisi berhubung dengan pengurusan kuarters selepas laporan Unit Audit Dalam Kementerian berkaitan pengurusan kuarters yang dikeluarkan pada tahun 2013. Kesan daripada ketiadaan/ketidakpatuhan prosedur kerja/polisi ini menyebabkan Daftar Kuarters, kaedah permohonan menduduki kuarters, penggunaan Sijil Akuan Masuk Rumah, Surat Tawaran Menduduki Kuarters, pengagihan kuarters dan penamatan penyewaan kuarters tidak diuruskan dengan baik seperti berikut:

- a. Manual Prosedur Kerja hanya menyatakan prosedur bagi proses permohonan kuarters sahaja dan tidak merangkumi pengurusan kuarters secara menyeluruh seperti penyenggaraan dan penguatkuasaan.
- b. Semakan Audit mendapati Daftar Kuarters ada disediakan di pejabat DCA namun tidak kemas kini. Semakan selanjutnya mendapati, pejabat DCA Langkawi, Johor Bahru dan Kota Kinabalu hanya menyediakan senarai masuk keluar penghuni kuarters semasa sahaja. Tiada rekod keseluruhan yang mengandungi rekod penghuni terdahulu.
- c. Surat Pejabat Pengarah Wilayah I bertarikh 11 Mei 2006 kepada semua Pengurus Lapangan Terbang di bawah kawalannya (Semenanjung Malaysia) memaklumkan tentang keperluan pemohon untuk mengisi borang permohonan bagi tujuan menduduki kuarters dan Sijil Akuan Masuk Kuarters. Semakan Audit

mendapati pemohon yang memohon untuk menduduki kuarters di DCA Langkawi dan Johor Bahru tidak menggunakan borang permohonan seperti yang ditetapkan sebaliknya hanya menggunakan surat permohonan. Semakan Audit selanjutnya mendapati, borang permohonan kuarters di DCA Kota Kinabalu adalah tidak seragam di antara DCA Kuching dan Sibul.

- d. Penggunaan Sijil Akuan Masuk Rumah adalah tidak seragam antara pejabat DCA Wilayah 1 (Langkawi dan Johor Bahru) dan Wilayah II (Kuching dan Sibul). Pejabat DCA Wilayah I mengguna pakai format borang di Perintah Am Bab E. Manakala Pejabat Wilayah II menggunakan borang PTD.001/95 (Surat Masuk Rumah Kerajaan - Rumah Khas Jabatan Penerbangan Awam). Borang ini diisi dan ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan atau Pegawai yang menguntukkan Rumah Kerajaan.
- e. Format Surat Tawaran Menduduki Kuarters yang dikeluarkan tidak seragam antara pejabat DCA yang dilawati antaranya tempoh kelulusan sah penyewaan yang hanya diguna pakai oleh DCA Langkawi.
- f. Seseorang pegawai yang akan berpindah dari rumah Kerajaan hendaklah melaporkan hal itu kepada pegawai perumahan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh ia bercadang hendak mengosongkan rumah tersebut. Pegawai juga dikehendaki menyerahkan semua kunci rumah dan menandatangani Sijil Akuan Keluar Rumah (SAKR). Semakan Audit di pejabat yang dilawati mendapati 7 penyewa di DCA Langkawi tidak menyerahkan kunci dan 4 daripadanya tidak menyerahkan SAKR. Lawatan Audit ke DCA Johor Bahru pada 10 September 2014 pula mendapati sebanyak 76 daripada 78 kuarters (97.4%) unit kuarters yang kosong, tidak mempunyai kunci rumah. Pihak Audit dimaklumkan, DCA Johor Bahru tidak dapat menentukan kakitangan yang tidak menyerahkan kunci kerana tidak mempunyai rekod kakitangan yang menduduki kuarters.

Pada pendapat Audit, urusan kemasukan dan penamatan penghuni kuarters serta urusan dokumentasi adalah kurang memuaskan dan tidak kemas kini. Selain itu, wujud kelemahan penguatkuasaan DCA dalam memastikan penyerahan kunci dan mengeluarkan Sijil Akuan Keluar Rumah akan menyebabkan kerugian pada Kerajaan, kurang pemantauan terhadap penghuni kuarters dan penghuni yang melanggar peraturan. Suatu daftar yang lengkap hendaklah disediakan dan dikemas kini bagi memudahkan rujukan, pemantauan serta pengesanan pergerakan penghuni supaya pemilihan dan pengagihan dapat dilakukan secara lebih telus dan berkesan.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Garis Panduan Pengurusan Kuarters telah dimuktamadkan diperingkat Kementerian pada 24 April 2015 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan yang

dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. KSU. Proses penyeragaman dan penggunaan dokumen yang sama bagi keseluruhan DCA telah dimulakan iaitu Jabatan telah mengeluarkan arahan kepada semua pengurusan DCA untuk menguna pakai garis panduan dan dokumen-dokumen yang berkaitan pada 27 April 2015. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Peringkat Jabatan yang telah diadakan pada 28 April 2015.

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Peringkat Kementerian turut memutuskan bahawa bagi penghuni bukan Kerajaan, Arahan Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan oleh Kementerian - Arahan PTP 1 2013 akan diguna pakai. Segala permohonan perjanjian melibatkan penghuni bukan Kerajaan akan diuruskan oleh Jawatankuasa Premis Demis Kementerian.

16.5.3. Pengurusan Penyenggaraan Dan Pembaikan

16.5.3.1. Penyenggaraan Kuarters

- a. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 dan Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009 (Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan) menetapkan Jabatan/ Agensi hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan terancang dan menyeluruh terhadap aset Kerajaan yang terbahagi kepada penyenggaraan pembaikan/pemulihan dan penyenggaraan pencegahan.
- b. Semakan Audit terhadap operasi dan penyenggaraan kuarters DCA mendapati perkara yang berikut:
 - i. Pelan Operasi dan Penyenggaraan Aset kuarters tidak disediakan di semua pejabat DCA yang dilawati. Penyenggaraan berjadual/berkala hanya dilaksanakan bagi kerja pembersihan seperti pemotongan rumput. Tindakan penyenggaraan terhadap kerosakan kuarters hanya diambil berdasarkan aduan atau terdapat permintaan untuk menduduki kuarters.
 - ii. Keadaan kuarters adalah tidak memuaskan dan telah mengalami kerosakan sehingga tidak sesuai diduduki. Terdapat kuarters yang mengalami kerosakan kritikal dan memerlukan tindakan pembaikan senggaraan seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.1



*Blok G, Kuarters DCA Langkawi
- Bumbung Kuarters Rosak
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.2



*Blok Cempaka, Kuarters DCA Sibuluan
- Bumbung Kuarters Rosak
(27.08.2014)*

GAMBAR 16.3



Unit DCA/KK/009, Kwarters DCA Kota Kinabalu
- Siling Rosak
(25.09.2014)

GAMBAR 16.4



Unit G005, Kwarters DCA Langkawi
- Siling Dapur Pecah
(23.07.2014)

GAMBAR 16.5



Blok Mawar, Kwarters DCA Sibul
- Kesan Kebocoran Air Di Parkir
(27.08.2014)

GAMBAR 16.6



Blok Mawar, Kwarters DCA Sibul
- Saluran Air Bocor Menyebabkan Air Bertakung
(27.08.2014)

Pada pendapat Audit, kuarters yang tidak dibuat senggaraan berkala akan menyebabkan kerosakan menjadi bertambah serius yang akhirnya memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Garis Panduan Pengurusan Kwarters telah dimuktamadkan diperingkat Kementerian pada 24 April 2015 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. KSU. Proses penyeragaman dan penggunaan dokumen yang sama bagi keseluruhan DCA telah dimulakan iaitu Jabatan telah mengeluarkan arahan kepada semua pengurusan DCA untuk menguna pakai garis panduan dan dokumen-dokumen yang berkaitan pada 27 April 2015.

Bermula pada tahun 2012, Jabatan telah menjemput pihak JKR (Bahagian Senggaraan dan Fasiliti Bangunan) untuk membuat penilaian teknikal. Sehingga kini, JKR telah memberi kos bagi penyenggaraan dan baik pulih kuarters DCA Johor sejumlah RM10 juta, DCA Sibul RM2.65 juta dan DCA Langkawi RM1.68 juta. DCA Pulau Pinang telah meminta JKR Pulau Pinang untuk membuat penilaian teknikal ke atas kuarters Pulau Pinang dan masih dalam tindakan. Pada masa yang sama Jabatan sedang menyediakan laporan pengemaskinian data kuarters bagi keseluruhan kuarters yang telah bermula pada 9 April 2015. Laporan berkenaan perlu menyediakan maklumat penghuni, maklumat kerosakan, pengelasan kuarters, kadar deposit dan kadar penilaian terkini JPPH. Laporan

ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan yang ditetapkan pada penghujung bulan Mei 2015. Hasil pengesyoran ini seterusnya akan diangkat ke Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian untuk tindakan seterusnya.

Dimaklumkan dengan adanya cadangan penambahbaikan yang dikenal pasti ini, Jabatan optimis bahawa kuarters yang mana keadaannya boleh dihuni akan dapat diisi dan bagi kuarters yang kerosakannya tiada nilai ekonomi untuk dinaik taraf maka akan disyor untuk dilupuskan.

16.5.3.2. Penyenggaraan Kemudahan Dan Kawasan Persekitaran Luaran/Dalaman Kuarters

- a. Mengikut Perintah Am 11 Bab E, adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap pegawai yang mendiami rumah Kerajaan menjaga dengan sebaik-baiknya kebersihan dalam rumah dan juga dalam kawasan rumahnya dan membuang sampah sarap.
- b. Lawatan Audit ke DCA Langkawi dan Johor Bahru mendapati kawasan kuarters dilengkapi dengan kemudahan seperti padang, taman permainan dan gelanggang, namun ia tidak disenggara dengan sempurna dan memerlukan pembaikan seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.7



*Kuarters DCA Langkawi
- Lantai Gelanggang Tenis Rosak
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.8



*Kuarters DCA Johor Bahru
- Rumput Di Kawasan Padang Permainan
Kanak-Kanak Bersemaak
(09.12.2014)*

- c. Semakan lanjut terhadap rekod bayaran penyenggaraan mendapati tiada pembaikan/penyenggaraan dilaksanakan bagi tahun 2012 hingga Ogos 2014 terhadap kemudahan yang disediakan. Penyenggaraan yang dilaksanakan hanya melibatkan penyenggaraan kebersihan seperti pemotongan rumput di kawasan sekitar kuarters.
- d. Lawatan Audit di DCA Kuching, Sibul, Langkawi, Johor Bahru dan Kota Kinabalu mendapati kawasan persekitaran kuarters tidak diurus dengan baik di mana pengairan seperti longkang tersumbat, sampah sarap berulat dan najis burung/kelawar dibiarkan tanpa dibersihkan. Keadaan ini menjejaskan imej Jabatan di samping mengundang kepada penularan penyakit. Selain itu,

sikap penghuni yang tidak menjaga kuarters dengan baik serta tidak prihatin terhadap amalan menjaga kebersihan persekitaran dan kurang tindakan penguatkuasaan menyumbang kepada permasalahan ini. Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.9

*Blok Mawar, Kuarter DCA Sibul
- Najis Burung Di Depan Pintu Kuarters
Kosong Tidak Dibersihkan
(27.08.2014)*

GAMBAR 16.10

*Blok G, Kuarters DCA Langkawi
- Barang-Barang Lama Dibiarkan
Di Tepi Tangga
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.11

*Kuarters DCA Kuching
- Sistem Perparitan Tidak Sempurna
Menyebabkan Air Bertakung
(21.08.2014)*

GAMBAR 16.12

*Unit G005 Blok G, Kuarters DCA Langkawi
- Najis Kelawar Dibiarkan Dan Tidak Dibersihkan
(23.07.2014)*

e. Lawatan Audit mendapati kuarters di DCA Langkawi, Johor Bahru dan Sibul yang ditinggalkan oleh penghuni tidak terurus dan bersepeh dengan barangan yang ditinggalkan seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.13

*Unit G005, Kuarters DCA Langkawi
- Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.14

*Unit G012, Kuarters DCA Langkawi
- Keadaan Kuarters Yang Ditinggalkan
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.15



*Unit G2 Blok Cempaka, Kwarters DCA Sibu
- Keadaan Kwarters Yang Ditinggalkan
(27.08.2014)*

GAMBAR 16.16



*Unit G2 Blok Cempaka, Kwarters DCA Sibu
- Keadaan Kwarters Yang Ditinggalkan
(27.08.2014)*

GAMBAR 16.17



*Unit 3918 Blok E, Kwarters DCA Johor Bahru
- Kwarters Dipenuhi Barangan Terbuang
(09.12.2014)*

GAMBAR 16.18



*Blok G, Kwarters DCA Johor Bahru
- Barangan Terpakai Yang Diletakkan Di Tangga
(09.12.2014)*

GAMBAR 16.19



*Unit 3994, Kwarters DCA Johor Bahru
- Keadaan Kwarters Yang Ditinggalkan
Dipenuhi Najis Kelawar
(09.12.2014)*

GAMBAR 16.20



*Unit 3904, Kwarters DCA Johor Bahru
- Keadaan Kwarters Yang Ditinggalkan
Dipenuhi Sampah Sarap
(09.12.2014)*

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan di persekitaran kuarters akan menyebabkan keadaan kuarters bertambah kotor dan tidak selamat yang akhirnya akan meningkatkan kos penyenggaraan. Selain itu, tindakan penguatkuasaan yang tegas akan memastikan penghuni sentiasa turut serta menjaga kebersihan persekitaran luaran dan dalaman kuarters.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

DCA akur dengan perkara ini dan akan memastikan pemantauan berterusan dilakukan bagi memastikan perkara ini tidak berulang. Dalam masa yang sama perkara ini turut telah diberi penekanan dalam Garis Panduan Pengurusan

Kuarters di mana penghuni yang akan menghuni kuarters kerajaan perlu menjalankan tanggungjawab mereka bagi menjaga kebersihan dalam rumah dan juga di luar kawasan rumah.

Garis panduan telah dimuktamadkan pada 24 April 2015 dalam Jawatankuasa Perumahan Peringkat Kementerian. Jabatan telah mengarahkan semua pengurusan DCA untuk mengunapakai garis panduan dan dokumen-dokumen yang berkaitan pada 27 April 2015.

16.5.3.3. Tindakan Terhadap Aduan Kerosakan

Daftar Aduan Kerosakan kuarters disediakan untuk memastikan semua aduan kerosakan diuruskan dengan baik dan diambil tindakan penyenggaraan segera. Semakan Audit mendapati Borang Aduan Kerosakan ada disediakan dan direkodkan oleh semua pejabat DCA yang dilawati. Aduan yang dikemukakan kepada Pejabat DCA akan dikumpulkan dan diambil tindakan. Aduan yang diterima akan dikelaskan mengikut tahap kerosakan untuk tindakan kontraktor selanjutnya. Namun, format borang aduan yang diguna pakai oleh setiap pejabat adalah tidak seragam dan tidak difailkan secara tersusun. Semakan Audit mendapati, semua pejabat DCA yang dilawati tidak menetapkan tempoh masa untuk menjalankan penyenggaraan berdasarkan tahap keseriusan kerosakan dan ia bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh Pejabat DCA.

Pada pendapat Audit, tindakan segera terhadap sesuatu aduan kerosakan akan mengelakkan kerosakan yang lebih serius yang mana dapat menjimatkan kos pembaikan dan mengutamakan keselamatan dan keselesaan penghuni.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Garis panduan telah dimuktamadkan pada 24 April 2015 dalam Jawatankuasa Perumahan Peringkat Kementerian. Jabatan telah mengarahkan semua pengurusan DCA untuk mengunapakai garis panduan dan dokumen-dokumen yang berkaitan pada 27 April 2015. Pada masa yang sama Jabatan sedang menyediakan laporan pengemaskinian data kuarters bagi keseluruhan kuarters yang telah bermula pada 9 April 2015. Laporan berkenaan perlu menyediakan maklumat penghuni, maklumat kerosakan, pengkelasan kuarters, kadar deposit dan kadar penilaian terkini oleh JPPH. Laporan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan yang ditetapkan pada penghujung bulan Mei 2015. Hasil pengesyoran ini seterusnya akan diangkat ke Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian untuk tindakan seterusnya.

Dimaklumkan dengan adanya cadangan penambahbaikan yang dikenal pasti ini, Jabatan optimis bahawa kuarters yang mana keadaannya boleh dihuni akan dapat diisi dan bagi kuarters yang kerosakannya tiada nilai ekonomi untuk dinaiktarafkan maka akan disyorkan untuk dilupuskan.

16.5.4. Pengubahsuaian Kuarters

Kuarters Kerajaan adalah aset tidak alih dan hendaklah diuruskan dengan sempurna. Sebarang pengubahsuaian terhadap kuarters perlu mendapat kelulusan pihak tertinggi. Sekiranya pengubahsuaian tersebut melibatkan tambahan dan pindaan struktur kepada mana-mana bahagian dalam atau luar rumah, kelulusan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) tempatan perlu diperolehi seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab E. Lawatan Audit mendapati perkara yang berikut:

16.5.4.1. Penambahan Struktur Bangunan Secara Tidak Rasmi

Lawatan Audit mendapati terdapat penambahan struktur di bahagian luar kuarters oleh penghuni seperti tambahan ruang/bilik di bahagian belakang kuarters, anjung dan pembinaan parkir kenderaan seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.21



*Kuarters DCA Langkawi
- Tambahan Anjung Dan Bahagian Belakang
Di Unit Kwarters
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.22



*Unit G019, Kwarters DCA Langkawi
- Tambahan Struktur/Ruang Pada
Bahagian Belakang Kwarters
(23.07.2014)*

GAMBAR 16.23



*Unit 3925, Kwarters DCA Johor Bahru
- Tambahan Parkir Di Unit Kwarters
(10.09.2014)*

GAMBAR 16.24



*Blok G, Kwarters DCA Johor Bahru
- Tambahan Parkir Di Unit Kwarters
(10.09.2014)*

Pada pendapat Audit, keselamatan penghuni sentiasa perlu diutamakan. Dengan itu, sebarang pengubahsuaian/tambahan perlu dipandang serius oleh DCA.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Perkara ini telah diberi perhatian yang sewajarnya dalam penyediaan Garis Panduan Pengurusan Kwarters. Jabatan akan memastikan keselamatan penghuni sentiasa diutamakan. Kwarters DCA ini kebanyakannya telah dibina sejak tahun

1970an. Reka bentuk bangunan ini ada yang tidak mengikut Dasar Perumahan Negara yang terkini. Kedudukan tandas di luar adalah tidak bersesuaian dengan keadaan semasa dan keselamatan penghuni. Laporan pengemaskinian rekod kuarters yang sedang disediakan oleh semua pengurusan DCA yang terlibat akan membantu Jabatan untuk melihat keperluan kuarters DCA secara holistik. Perancangan serta proses pelupusan kuarters yang dikategorikan sebagai tiada nilai ekonomi akan ditentukan setelah proses ini selesai. Jabatan akan membincangkan perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan pada penghujung bulan Mei 2015 sebelum diangkat ke Jawatankuasa Perumahan Peringkat Kementerian.

16.5.4.2. Kuarters Dijadikan Stor

Lawatan Audit mendapati kuarters unit DCA/LGK/002, DCA Langkawi telah dijadikan stor barang-barang yang hendak dilupuskan di mana barangan tersebut tidak tersusun dengan sempurna seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.25



GAMBAR 16.26



*Kuarters DCA Langkawi
- Keadaan Barang Yang Disimpan Dengan Tidak Tersusun Di Unit DCA/LGK/002
(23.07.2014)*

Pada pendapat Audit, kuarters yang dijadikan stor dalam tempoh masa yang lama dan tidak tersusun akan menjejaskan kesempurnaan ruang-ruang kuarters berkenaan. Ia juga dapat mengundang binatang/serangga perosak.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Jabatan telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini. Jabatan menerima syor Pihak Audit dan akan memastikan perkara ini tidak berulang di masa akan datang.

16.5.4.3. Larangan Memelihara Haiwan Di Kawasan Kuarters

Perintah Am Bab E menetapkan larangan kepada penghuni daripada memelihara binatang-binatang ternakan, termasuk ayam, itik, di mana-mana bahagian rumah atau dalam kawasannya. Lawatan Audit mendapati penghuni di kuarters DCA Johor Bahru dan DCA Sibu memelihara haiwan di kawasan kuarters seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.27



*Kwarters DCA Johor Bahru
- Haiwan Yang Dipelihara Di
Kawasan Kwarters
(09.12.2014)*

GAMBAR 16.28



*Kwarters DCA Sibul
- Sarang/Tempat Haiwan Dipelihara
Di Kawasan Kwarters
(27.08.2014)*

Pada pendapat Audit, pemeliharaan haiwan boleh menjejaskan ketenteraman, keselamatan dan kebersihan di kawasan kuarters.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Tindakan telah diambil dan surat arahan telah dikeluarkan bagi penghuni kuarters DCA Sibul dan Johor Bharu. Dalam masa yang sama perkara ini turut telah diberi penekanan dalam Garis Panduan Pengurusan Kwarters dimana penghuni yang akan menghuni kuarters Kerajaan perlu menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang telah dijelaskan.

16.5.5. Perkhidmatan Pemotongan Rumput

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menetapkan bahawa perolehan bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM50,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkenaan. Semakan Audit mendapati, perkhidmatan pembersihan pemotongan rumput di Langkawi telah diberikan kepada 2 Kontraktor yang berbeza secara pembelian terus dengan nilai bayaran RM78,000 untuk tempoh 18 bulan (Februari 2012 hingga Julai 2013) dan RM66,000 untuk tempoh 15 bulan (Oktober 2013 hingga Disember 2014). Ini menunjukkan nilai kerja tersebut telah melebihi had nilai yang ditetapkan oleh pekeliling.

Pada pendapat Audit, prosedur perolehan perkhidmatan pemotongan rumput adalah kurang teratur. Perolehan perkhidmatan yang melebihi RM50,000 perlu melalui pelaksanaan sebut harga selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Perkhidmatan pemotongan rumput telah dihentikan pada Januari 2015. Kerja-kerja pemotongan rumput di kawasan kuarters dijalankan sehingga bulan Disember 2014 sahaja. Pihak DCA Wilayah I dalam proses penilaian sebut harga dan penyediaan kontrak bagi perkhidmatan ini akan dilakukan dalam masa terdekat. Kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput ini akan bermula pada 1 Mei 2015. Pihak Kementerian telah mengarahkan Unit Integriti DCA pada 28 April 2015 untuk melakukan satu siasatan bagi perkara ini dan ianya masih dalam tindakan.

- b. Semakan Audit mendapati skop kerja pembersihan yang ditetapkan untuk kerja pemotongan rumput di DCA Kuching hanya di kawasan yang menuju ke kuarters sahaja. Ini menyebabkan terdapat semak samun di sekitar kawasan kuarters terutamanya di kuarters yang sedang dalam permohonan pelupusan. Rumput yang tidak dipotong boleh mengundang binatang merbahaya yang boleh membahayakan penghuni. Keadaan rumput panjang dan semak samun adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 16.29



*Berek Merpati, Kuarters DCA Kuching
- Semak Samun Berhampiran Kuarters
(21.08.2014)*

GAMBAR 16.30



GAMBAR 16.31



*Kuarters DCA Kuching
- Semak Samun Berhampiran Kuarters
(21.08.2014)*

GAMBAR 16.32



Pada pendapat Audit, persempadanan kawasan untuk dibersihkan perlu praktikal dengan mengambil kira zon dan faktor persekitaran yang sesuai supaya penghuni kuarters sentiasa berada dalam keadaan selesa dan selamat.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Pihak DCA Kuching telah mengambil tindakan.

- c. Semakan Audit mendapati di DCA Johor Bahru, kerja pemotongan rumput, lalang dan pokok renek dilaksanakan secara berjadual dan ada yang dilaksanakan secara *ad hoc* bila perlu. Kerja secara berkala tersebut dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik bagi tempoh 1 Mei 2013 hingga 30 April 2015 dengan kos RM1,600 sebulan. Manakala kerja secara bila perlu bagi kawasan padang dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik pada 20 Mei 2013 dengan bayaran RM2,400 dan pada 16 Februari 2014 dengan bayaran RM3,200. Bagaimanapun kerja-kerja yang dilaksanakan adalah tidak sempurna, di mana sisa rumput dan pokok yang dipotong dibiarkan di satu tempat yang berhampiran sehingga ditumbuhi lalang seperti **Gambar 16.34**. Ini menunjukkan tidak ada pemantauan yang rapi bagi memastikan kerja-kerja kontraktor telah sempurna sebelum dibuat bayaran.

GAMBAR 16.33



*Kuarters DCA Johor Bahru
- Sisa Pokok Yang Dipotong
(10.09.2014)*

GAMBAR 16.34



*Kuarters DCA Johor Bahru
- Lawatan Susulan Pada Bulan Disember 2014
Mendapati Sisa Pokok Ditumbuhi Semak
(09.12.2014)*

Pada pendapat Audit, DCA Johor Bahru hendaklah melaksanakan kerja pemotongan rumput secara berkala di kawasan sekitar kuarters supaya berada dalam keadaan bersih dan selamat. Selain itu, kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor hendaklah ditentukan skop dengan jelas dan dipantau sepenuhnya sebelum pembayaran dibuat.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Februari 2015

Jabatan akan menerima syor pihak Audit bagi perkara ini. Jabatan turut telah mengambil tindakan pembersihan kawasan yang terlibat.

16.5.6. Penyewaan Kuarters

Mengikut surat Ketua Pengarah Penerbangan Awam bertarikh 19 September 1995 kepada Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad yang memaklumkan bahawa beliau merujuk kepada mesyuarat Kementerian Pengangkutan bertarikh

8 September 1995 memutuskan bahawa keputusan Kabinet bertarikh 23 September 1992 hendaklah dipatuhi. Antara keputusan yang perlu dipatuhi ialah semua kakitangan DCA yang memilih untuk menyertai MAHB dan sedang menduduki kuarters pada atau sebelum 31 Oktober 1992 dibenarkan terus menduduki dengan kadar sewa Kerajaan untuk selama 2 tahun bermula dari 1 November 1992. Selepas tempoh 2 tahun iaitu bermula 1 November 1994, mereka boleh menduduki tetapi dengan sewa kadar pasaran (penilaian dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta). Mana-mana kuarters yang dikosongkan pada atau selepas 1 November 1992, hendaklah diserahkan kepada DCA dan akan menimbang serta memberi keutamaan kepada kakitangan DCA, MAHB dan kakitangan Kerajaan yang lain.

16.5.6.1. Kelulusan Penyewaan Kuarters

- a. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah dipertanggungjawabkan bagi menjalankan kuasa-kuasa memiliki dan melupuskan tanah-tanah kepada dan daripada Kerajaan Persekutuan. Pelupusan ini termasuk memberi atau menerima sewaan ke atas tanah tersebut. Segala harta tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan adalah terletak hak dan didaftarkan hak milik atas nama PTP sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 (Akta 349). Mengikut Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1/2013 - Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis), semua permohonan penyewaan perlulah di hantar kepada Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) yang berkaitan. Permohonan penyewaan hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Perumahan KJP. Peraturan penyewaan ini terpakai untuk penyewaan ruang bangunan yang disewakan kepada individu atau syarikat/organisasi bukan Kerajaan.
- b. Semakan Audit mendapati hak milik bagi 4 lapangan terbang yang dilawati (Langkawi, Johor Bahru, Kuching dan Sibul) kecuali Kota Kinabalu adalah atas nama PTP. Semakan selanjutnya mendapati Jawatankuasa Perumahan KJP belum ditubuhkan. Selain itu, kelulusan permohonan menduduki kuarters bagi kakitangan swasta di DCA Langkawi dan Johor Bahru telah diluluskan oleh Pengurus Lapangan Terbang yang dilantik oleh Ketua Pengarah DCA sebagai Pegawai Pentadbir Tanah dan Ahli Jawatankuasa Aset Tak Alih dan bukannya oleh Jawatankuasa Perumahan KJP.

Pada pendapat Audit, arahan PTP tidak dipatuhi di mana proses kelulusan penyewaan kuarters tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Perumahan KJP seperti peraturan berkuat kuasa.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian telah ditubuhkan pada 17 April 2015 dan telah bersidang pada 24 April 2015 yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. KSU. Manakala Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan telah ditubuhkan pada 28 April 2015 dan mesyuarat Bil1/2015 turut telah diadakan pada tarikh berkenaan. Garis Panduan Pengurusan Kwarters telah dimuktamadkan diperingkat Kementerian dan telah dipanjangkan kepada semua pengurusan DCA pada 27 April 2015 untuk tujuan pengadaptasian. Mesyuarat turut telah menetapkan bahawa bagi penyewaan kepada penjawat bukan Kerajaan, DCA perlu mengunapakai Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis). Perkara ini perlu dibawa ke Jawatankuasa Premis Demis di Peringkat Kementerian.

16.5.6.2. Perjanjian Penyewaan Kwarters DCA

- a. Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1 Tahun 2013 – Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis Demis) menyatakan bangunan Kerajaan Persekutuan ialah mana-mana bangunan yang diduduki oleh Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) di atas tanah PTP. Dasar penyewaan yang dinyatakan di antaranya ialah mana-mana ruang bangunan (premis demis) termasuk kawasan lingkungannya adalah diproses oleh KJP dan kadar sewaan hendaklah ditentukan oleh nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Dokumen perjanjian Penyewaan adalah berdasarkan format yang dikeluarkan oleh PTP. Semua perjanjian penyewaan hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh PTP dan penyewa.
- b. Selain itu, mengikut Minit Mesyuarat Perbincangan Penyenggaraan Tanah-tanah Lapangan Terbang Dan Isu-isu Berkaitan Kementerian Pengangkutan Bil. 2/2010 bertarikh 24 November 2010 menyatakan mesyuarat mengambil keputusan mulai 1 Januari 2011, pihak DCA dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) akan mengeluarkan perjanjian baru untuk kakitangan MAHB dan Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. (SATS) yang sedang dan akan menduduki kwarters DCA.
- c. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian dibuat sehingga kini untuk penyewaan kakitangan swasta yang menduduki kwarters DCA Langkawi dan DCA Johor Bahru. Manakala bagi DCA Sibu pula perjanjian penyewaan telah dibuat di antara kakitangan swasta dengan PTP yang telah tamat tempoh pada 30 April 2013 dan tiada pembaharuan semula. Ketiadaan perjanjian telah menyebabkan masalah untuk mengutip bayaran sewa kwarters yang seterusnya telah meningkatkan baki Akaun Belum Terima. Status perjanjian adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.6
PERJANJIAN PENYEWAAN KUARTERS ANTARA
PENYEWA SWASTA DENGAN KERAJAAN

DCA	PIHAK SWASTA	BIL. KUARTERS	PERJANJIAN DISEDIAKAN (Ya/Tidak)	BUTIRAN
Johor Bahru	SATS	84	Tidak	Tiada perjanjian penyewaan ditandatangani antara penghuni dengan Kerajaan.
Langkawi	MAHB	25	Tidak	
	AAT	2	Tidak	
	Telekom	2	Tidak	
	Petronas	1	Tidak	
	Kolej Vokasional	1	Tidak	
Sibu	MAHB	9	Ya	Perjanjian antara penghuni dan PTP telah tamat pada 30.04.2013.
	AAT	2	Ya	

Sumber: Dokumen Perjanjian Utama Penyewaan Ruang Bangunan

Pada pendapat Audit, perjanjian adalah penting supaya dapat diwujudkan satu ikatan antara penyewa dengan Kerajaan serta tindakan boleh diambil ke atas penyewa sekiranya berlaku perlanggaran perjanjian dan menjamin kepentingan Kerajaan. Dengan itu, DCA hendaklah menyegerakan penyediaan perjanjian tersebut.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

DCA Sibu yang telah menghantar semula perjanjian kepada pihak JKPTG untuk ditandatangani perjanjian baru berdasarkan kepada Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1/2013. Perkara ini telah dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian, dimana bagi penghuni bukan Kerajaan format perjanjian PTP digunakan berdasarkan kepada Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 1/2013. Proses Penyeragaman dan penggunaan dokumen yang sama bagi keseluruhan DCA termasuk format dan dokumen yang berkaitan untuk penghuni bukan Kerajaan telah dimulakan. Jabatan telah mengeluarkan arahan kepada semua pengurusan DCA untuk mengunapakai garis panduan dan dokumen-dokumen yang berkaitan melalui email Jabatan bertarikh 27 April 2015.

Proses perjanjian ini akan dilaksanakan secara berfasa bermula dengan penjawat awam dan seterusnya dengan penghuni bukan Kerajaan. Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan pada 28 April 2015 bagi meneliti semula kadar sewaan kuarters yang tidak sama dengan penjawat awam. Semua Pejabat Wilayah diminta untuk menyemak kadar JPPH bagi setiap kuarters serta dibandingkan dengan kadar yang dikenakan untuk penjawat awam. Jawatankuasa menetapkan laporan ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan Bil 2/2015 yang dijadualkan pada penghujung bulan Mei 2015.

16.5.6.3. Penetapan Kadar Sewa Kuarters Kepada Pihak Luar

Penetapan kadar sewa kuarters kepada pihak luar adalah berdasarkan kadar sewaan yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Semakan Audit mendapati, DCA Langkawi telah mengenakan caj sewa menggunakan kadar lama untuk 30 unit kuarters (Kelas F = RM180 dan G = RM150) berbanding kadar baru yang ditetapkan oleh JPPH melalui surat bertarikh 24 Oktober 2013 (Kelas F = RM210 dan G = RM180). Berdasarkan kiraan Audit, hasil sewaan yang terkurang kutip adalah sejumlah RM7,200 untuk 8 bulan iaitu mulai bulan November 2013 hingga Jun 2014.

Pada pendapat Audit, hasil sewaan yang terkurang kutip ini menyebabkan hasil Kerajaan berkurangan.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian telah memutuskan untuk Jabatan menyemak kadar sewa dan deposit bagi penjawat awam dan bukan awam supaya selaras dengan kadar sewa dan deposit yang dikenakan. Kadar sewa yang dicadangkan akan dibawa untuk perbincangan dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian. Kertas cadangan ini akan dibincangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan pada penghujung bulan Mei 2015.

16.5.7. Pengurusan Kutipan Hasil Sewa Dan Wang Deposit Kuarters

16.5.7.1. Hasil Sewa Kuarters

Penswastan operasi lapangan terbang kepada MAHB, mengakibatkan pengurangan bilangan kakitangan DCA di mana ia menyebabkan lebih bilangan kuarters sedia ada. Kuarters ini telah diduduki oleh kakitangan DCA yang telah bertukar ke MAHB dengan kadar sewa mengikut kadar perkhidmatan awam bagi tempoh 2 tahun dan mengikut kadar pasaran selepas tempoh tersebut dan kutipan sewaan di akaunkan sebagai hasil Kerajaan. Semakan Audit terhadap hasil sewaan kuarters mengikut pejabat DCA yang dilawati adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 16.7
HASIL SEWAAN KUARTERS BAGI TAHUN 2012 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2014**

DCA	TAHUN			JUMLAH (RM)
	2012 (RM)	2013 (RM)	SETAKAT SEPTEMBER 2014 (RM)	
Johor Bahru*	155,700	171,920	149,420	477,040
Langkawi	69,780	52,680	30,540	153,000
Kota Kinabalu**	47,515	46,450	27,910	121,875
Kuching	7,206	450	1,200	8,856
Sibu	63,480	51,860	23,680	139,020

Nota : *Laporan Ringkasan Jumlah Terimaan Bulanan Dan Terkumpul (TK150)*

(*)- *Hasil Sewa Kuarters Bagi Tahun 2012 – 2014 Telah Dibayar Secara Terus Kepada Ibu Pejabat DCA, Di Putrajaya.*

(**)- *Hasil Sewa Kuarters DCA Sandakan, Tawau Dan Labuan Dihantar/Direkod Oleh DCA Kota Kinabalu.*

16.5.7.2. Pengurusan Wang Deposit

- a. Berdasarkan kepada Arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 1 Tahun 2012 - Garis Panduan Pengurusan Penyewaan Tanah Persekutuan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna Bagi Ruang Bangunan (Premis Demis), bayaran deposit bersamaan tiga (3) bulan sewaan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Tawaran diterima. Manakala pengembalian deposit hanya akan dibuat setelah perjanjian penyewaan tamat dan jawatankuasa berpuas hati dengan pematuhan syarat-syarat perjanjian.
- b. Semakan Audit terhadap rekod deposit bagi penyewa yang sedang menduduki kuarters DCA mendapati perkara yang berikut:
 - i. tiada deposit dikenakan ke atas penghuni bagi 9 unit kuarters DCA Kuching dan 7 unit kuarters DCA Kota Kinabalu;
 - ii. rekod deposit tidak diselenggara terhadap 11 unit kuarters DCA Langkawi yang diduduki oleh kakitangan swasta; dan
 - iii. rekod deposit tidak diselenggara terhadap 84 unit kuarters DCA Johor Bahru yang diduduki oleh kakitangan swasta. Semakan lanjut mendapati terdapat penyewa yang telah lama menduduki kuarters iaitu sejak tahun 1983 iaitu semasa pengendalian lapangan terbang masih belum diswastakan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan rekod deposit menunjukkan pelanggaran syarat yang telah ditetapkan oleh peraturan berkuat kuasa. Pihak Audit tidak dapat membuktikan bahawa deposit telah dikutip dari penyewa kuarters.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Proses penyeragaman dan penggunaan dokumen yang sama bagi keseluruhan DCA telah dimulakan dimana Jabatan telah mengeluarkan arahan kepada semua pengurusan DCA untuk mengunapakai garis panduan dan dokumen-dokumen yang berkaitan melalui email Jabatan bertarikh 27 April 2015. Berdasarkan kepada Arahan Kementerian, Jabatan akan menyediakan kadar deposit bagi penghuni Kerajaan dan bukan Kerajaan dengan mengambil kira garis panduan JKPTG. Kertas cadangan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Perumahan peringkat Kementerian akan datang.

16.5.8. Akaun Belum Terima Bagi Hasil Sewaan Kuarters

- a. Baki Akaun Belum Terima (ABT) adalah menunjukkan jumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan pada suatu ketika tetapi belum diterima berasaskan kepada bil atau melalui dasar dan keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. Bil merangkumi invois, nota, pentaksiran atau notis lain yang dikeluarkan

kepada penghutang. Arahan Perbendaharaan (AP) 89A menyatakan, Pegawai Pengawal hendaklah menyenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima dan menjadi tanggungjawab semua Pemungut dan Pegawai Pengawal bagi mengambil tindakan untuk memungut semua Akaun Belum Terima. Sekiranya terdapat hutang lapuk untuk dihapus kira, tindakan hendaklah diambil selaras dengan AP 328.

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Penyata Akaun Belum Terima Pejabat Wilayah I, II dan III yang dikemukakan kepada Kementerian bagi hasil sewaan kuarters sehingga bulan September 2014 adalah berjumlah RM3.46 juta di mana ABT Pejabat Wilayah I sahaja telah mencecah RM3.33 juta. Butiran terperinci mengikut Wilayah dan tahun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.8
AKAUN BELUM TERIMA BAGI PEJABAT WILAYAH I, WILAYAH II DAN WILAYAH III
BAGI TAHUN 2012, 2013 DAN SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2014

PEJABAT WILAYAH	SEHINGGA TAHUN 2012 (RM)	SEHINGGA TAHUN 2013 (RM)	SEHINGGA SEPTEMBER TAHUN 2014 (RM)
Pejabat Wilayah I	3,313,910	3,635,190	3,325,210
Pejabat Wilayah II	100,865	119,170	127,300
Pejabat Wilayah III	12,883	7,783	3,783
JUMLAH	3,427,658	3,762,143	3,456,293

Sumber : Laporan Penyata Akaun Belum Terima Yang Dikemukakan Ke Kementerian

16.5.8.1. Jumlah Tunggakan Sewaan Kuarters Di DCA Johor Bahru

- a. Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. (SATS) telah mengambil alih sepenuhnya operasi Lapangan Terbang Senai daripada Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) pada 1 November 2003. Berdasarkan pengiraan DCA Johor Bahru, SATS mempunyai tunggakan sewa kuarters berjumlah RM3.21 juta bagi tempoh bulan November 2003 hingga Mac 2011. Perkiraan secara terperinci adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 16.9
PENGIRAAN TUNGGAKAN KUARTERS OLEH SATS DI DCA JOHOR BAHRU

KELAS KUARTERS	BILANGAN (UNIT)	TEMPOH 01.11.2003 – 31.10.2005 (24 BULAN)		TEMPOH 01.11.2005 – 31.03.2011 (65 BULAN)		JUMLAH (RM) (C) = A+B
		KADAR SEBULAN (RM)	JUMLAH (RM) (A)	KADAR SEBULAN (RM)	JUMLAH (RM) (B)	
C	1	660	15,840	670	43,550	59,390
E	10	465	111,600	520	338,000	449,600
F	11	280	73,920	340	243,100	317,020
G	91	240	524,160	240	1,419,600	1,943,760
H	33	150	118,800	150	321,750	440,550
JUMLAH	146	-	844,320	-	2,366,000	3,210,320

Sumber: Semakan Dokumen

Nota : Kadar Sewa Adalah Berdasarkan Penilaian Oleh JPPH

- b. Perkiraan tersebut adalah dengan mengambil kira SATS mengambil alih keseluruhan unit dari MAHB iaitu sebanyak 146 unit. Bagaimanapun tunggakan berkenaan tidak mengambil kira bayaran yang telah dijelaskan oleh SATS secara terus kepada ibu pejabat DCA yang berjumlah RM424,786. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak Jabatan sedang membuat pelarasan terhadap perkara ini.

Pada pendapat Audit, pengiraan tunggakan hasil kuarters hendaklah mengambil kira bayaran yang telah dilakukan oleh pihak SATS. Penyelarasan tunggakan hendaklah dilakukan bagi memastikan tunggakan yang dilaporkan dalam laporan Akaun Belum Terima (ABT) menunjukkan jumlah tunggakan yang sebenar.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Pelarasan rekod tunggakan DCA Johor Bahru disebabkan pembayaran oleh pihak SATS secara terus kepada DCA Ibu Pejabat berjumlah RM424,786 tersebut telah diselaraskan di dalam Laporan ABT Jabatan pada Oktober 2010. Pada Oktober 2014, satu task force telah ditubuhkan oleh Jabatan bagi pemutihan rekod tunggakan di DCA Johor Bahru. Penelitian mendapati terdapat amaun berjumlah RM2,664,654 yang terkandung dalam Laporan ABT Jabatan turut memerlukan pelarasan rekod. Jabatan telah menyediakan satu Laporan Hutang & Tunggakan Hasil DCA Johor Bahru bagi tujuan permohonan pelarasan rekod tunggakan kuarters.

Berikut adalah pecahan bagi amaun tunggakan yang memerlukan pelarasan:

- i. Amaun tunggakan disebabkan terlebih nyata bilangan kuarters: RM1,606,790.*
- ii. Amaun tunggakan disebabkan terlebih nyata tempoh menduduki kuarters: RM574,850.*
- iii. Amaun tunggakan disebabkan terkurang bayar mengikut kelas kuarters: RM483,014.*

Permohonan pelarasan rekod ABT Jabatan berjumlah RM2,664,654 tersebut telah dikemukakan untuk kelulusan Pegawai Pengawal pada 17 Februari 2015 dan terkini, pihak Kementerian telah mengambil maklum perkara ini dan bersetuju agar ianya dilaporkan dalam Laporan ABT bagi bulan Mac 2015.

16.5.8.2. Tunggakan Yang Melebihi RM10,000 Dan Masih Menduduki Kuarters

- a. Penghuni yang menyewa kuarters adalah bertanggungjawab untuk membayar sewa kuarters sepanjang menduduki kuarters tersebut kepada Jabatan dengan kadar yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati 9 penyewa yang masih menduduki kuarters di DCA Langkawi mempunyai tunggakan melebihi RM10,000 iaitu antara RM10,650 hingga RM14,400 yang meliputi tempoh tunggakan adalah antara 60 hingga 80 bulan.

Pada pendapat Audit, tunggakan sewa kuarters sepatutnya diselesaikan sebelum ia berlarutan supaya amaun tunggakan tidak meningkat.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Surat Notis Tuntutan bayaran telah dihantar kepada penyewa pada 28 Januari 2014. Surat amaran telah dihantar dari masa ke semasa kepada penyewa yang gagal membayar sewa kuarters. Surat peringatan juga telah dihantar kepada syarikat MAHB untuk mengambil tindakan terhadap kakitangan mereka serta menjelaskan tunggakan mereka di DCA Langkawi.

16.5.8.3. Tunggakan Sewa Oleh Penyewa Yang Telah Keluar Kuarters

Semakan terhadap rekod tunggakan dan rekod penghuni mendapati 13 penyewa yang telah keluar kuarters tetapi masih mempunyai tunggakan sewa dengan DCA Langkawi berjumlah antara RM540 hingga RM12,420. Pihak DCA menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tunggakan tersebut disebabkan ketiadaan perjanjian penyewaan antara Kerajaan dan penyewa kerana tiada ikatan undang-undang.

Pada pendapat Audit, perjanjian hendaklah disediakan pada awal penghuni menduduki kuarters bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Surat Notis Tuntutan bayaran telah dihantar kepada penyewa pada 28 Januari 2014.

16.5.9. Pemantauan

- a. Bahagian/unit khusus dalam memantau dan menyelaras pengurusan kuarters diperlukan bagi memastikan pengurusan kuarters dilaksanakan secara menyeluruh dan terancang meliputi urusan tadbir kuarters, penguatkuasaan, pengurusan utiliti dan pengurusan penyenggaraan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada satu bahagian/unit khusus yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelaras pengurusan kuarters. Sebaliknya, tugas dan tanggungjawab bagi memantau dan menyelaras pengurusan kuarters dilaksanakan oleh pegawai daripada bahagian/unit pentadbiran dan kewangan di pejabat DCA di negeri masing-masing. Manakala Bahagian Pembangunan di Ibu Pejabat telah diberi tanggungjawab dalam penyelarasan (consolidation) hal bagi semua kuarters di bawah DCA. Semakan terhadap minit mesyuarat yang diadakan di peringkat DCA mendapati masalah kuarters ada dibincangkan sejak pengendalian operasi lapangan terbang dikorporatkan kepada MAHB. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah hal

penyewaan, perjanjian, penyenggaraan dan tunggakan sewa kuarters. Bagaimanapun isu tersebut masih berlarutan sehingga kini dan ini menunjukkan pemantauan yang ada tidak berkesan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan satu bahagian/unit yang khusus dalam pengurusan kuarters menyebabkan kesukaran dalam proses pemantauan dan penguatkuasaan peraturan kuarters. Ini juga penting bagi memastikan setiap keputusan mesyuarat dan polisi yang telah ditetapkan oleh DCA dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Maklum Balas DCA Yang Diterima Pada 8 Mei 2015

Jabatan bersetuju dengan pendapat Audit bahawa perlunya satu Bahagian/Unit khas untuk menguruskan kuarters. Bagaimanapun Jabatan telah mengambil langkah positif dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Tak Alih di setiap Pejabat Wilayah dan Pejabat DCA di Lapang Terbang bagi menguruskan hal-hal berkaitan aset tak alih Jabatan. Jawatankuasa Perumahan peringkat Kementerian telah diwujudkan pada 17 April 2015 dan telah bersidang pada 24 April 2015 manakala Jawatankuasa Perumahan peringkat Jabatan telah dilantik pada 28 April 2015 dan telah bersidang pada tarikh berkenaan.

16.5.10. Penilaian Tahap Kepuasan Penghuni Kuarters

- a. Bagi menilai tahap kepuasan penghuni terhadap pengurusan kuarters, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada seramai 84 penghuni kuarters di DCA Langkawi, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Sibul. Soal selidik Tahap Kepuasan Penghuni Terhadap Pengurusan Kuarters meliputi aspek kemudahan/perkhidmatan yang disediakan, pengurusan kuarters, kebersihan kuarters dan keselamatan persekitaran kuarters.
- b. Secara keseluruhannya, 50.3% berpuas hati dengan pengurusan kuarters, 56.8% responden berpuas hati dengan kemudahan/perkhidmatan yang disediakan dan 57.1% berpuas hati dengan kebersihan kuarters. Manakala 65.1% responden tidak berpuas hati terhadap tahap keselamatan persekitaran kuarters.
- c. Antara cadangan penambahbaikan yang diterima adalah seperti menyediakan pagar dan pengawal keselamatan untuk mengelakkan kecurian dan gangguan haiwan berbahaya; menyediakan perkhidmatan pembersihan oleh kontraktor untuk membuang sampah, membersihkan parit dan memotong rumput di kawasan sekitar; mengambil tindakan membaik pulih sistem saluran buangan di kuarters DCA Sibul; mengecat bangunan kuarters yang kelihatan usang; menyediakan perkhidmatan talian telefon dan internet di dalam kuarters; dan mengganti tingkap dan pintu yang sudah usang.

16.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan kuarters DCA, adalah disyorkan supaya DCA mengambil tindakan yang berikut:

16.6.1. mewujudkan unit khusus bagi mengurus hal berkaitan kuarters serta menyediakan peruntukan khusus bagi tujuan penyenggaraan kuarters dan kemudahannya;

16.6.2. memastikan penghuni kuarters mematuhi Perintah Am Bab E dan kuarters sentiasa dalam keadaan selamat, bersih dan terurus;

16.6.3. mengambil tindakan segera untuk mengutip balik tunggakan sewa kuarters dan menyiasat hasil yang terkurang kutip serta mengambil tindakan untuk mendapatkannya;

16.6.4. menyediakan garis panduan yang komprehensif, polisi/prosedur pengurusan diguna pakai secara seragam, menyedia/memuktamadkan perjanjian penyewaan dan menyelenggara *data base*/rekod kuarters dengan lengkap dan kemas kini; dan

16.6.5. memastikan arahan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sentiasa dipatuhi.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

17. PENGURUSAN BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR DI NEGERI SARAWAK

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Infrastruktur Asas Luar Bandar merupakan salah satu daripada enam bidang NKRA. Matlamat NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar adalah untuk menambah baik penyediaan infrastruktur asas bagi rakyat di kawasan luar bandar melalui program Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

17.1.2. Projek BELB dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik 24 jam ke rumah di kawasan luar bandar Negeri Sarawak melalui kaedah sambungan berasaskan talian grid dari Sarawak Energy Berhad (SEB). Bagi kawasan luar bandar yang terletak jauh daripada infrastruktur penjanaan dan transmisi elektrik, sistem alternatif seperti mikro hidro dan solar hibrid sedang dipergiatkan pelaksanaannya. Skop projek BELB talian grid merangkumi pembinaan infrastruktur ke had maksima talian penghantaran 33kv, penyambungan talian bekalan voltan rendah ke rumah pemohon dan peningkatan sistem dan kualiti bekalan dari 12 jam kepada 24 jam. Projek BELB mula dilaksanakan pada tahun 1982 di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RMKe-4). Peruntukan dan perbelanjaan projek BELB bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah berjumlah RM2.15 bilion.

17.1.3. Perancangan dan pemilihan projek BELB dijalankan di peringkat daerah dengan penglibatan wakil rakyat dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berasaskan kepada Garis Panduan Pemilihan Projek BELB. Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKAS) akan menyelaraskan dan memuktamadkan senarai projek BELB di Negeri Sarawak untuk cadangan pelaksanaan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Peranan SEB ialah sebagai penasihat teknikal untuk KKLW dan KKAS bagi perkara yang berkaitan dengan penyambungan BELB di Sarawak. Di samping itu SEB juga bertanggungjawab meluluskan reka bentuk sistem yang dikemukakan oleh perunding BELB dilantik dan menguji serta mentauliah setelah projek siap dibina.

17.1.4. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, KKLW telah melaksanakan 751 projek melibatkan 37,867 pemohon dengan kos kontrak sebenar berjumlah RM1.69 bilion di Negeri Sarawak. Pelaksana dan pemantau projek BELB adalah KKLW dan perunding yang dilantik oleh kontraktor. Kaedah perolehan projek BELB adalah secara rundingan terus dan tender terbuka dan dikendalikan oleh Bahagian Infrastruktur, KKLW.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek BELB di Negeri Sarawak telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

17.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek BELB di Negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Sebanyak 94 (12.5%) projek bernilai RM703.18 juta (41.9%) daripada 751 projek fizikal bernilai RM1.69 bilion telah dipilih sebagai sampel Audit iaitu di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Betong, Sibul, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Pengauditan juga dijalankan di Bahagian Infrastruktur KKLW Putrajaya, Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek KKLW Cawangan Negeri Sarawak, KKAS dan SEB.

17.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data, laporan prestasi projek, dokumen, laporan, minit mesyuarat dan fail berkaitan dengan projek BELB di Negeri Sarawak. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek telah dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek dan mengukur kepatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai daripada KKLW, SEB, KKAS, perunding dan kontraktor. *Exit Conference* bersama dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) KKLW, wakil Kementerian Kemudahan Awam Sarawak dan Unit Audit Dalam KKLW telah diadakan pada 30 Mac 2015.

17.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pencapaian pelaksanaan projek BELB di Negeri Sarawak secara fizikal dan kewangan adalah memuaskan. Setakat 31 Oktober 2014, liputan bekalan elektrik 24 jam di luar bandar telah berjaya memberi manfaat kepada seramai 536,278 (92.8%) orang pemohon di Negeri Sarawak. Di samping itu, purata peratusan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2011 hingga 31 Disember 2014 ialah 100% daripada peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun daripada 94 sampel projek yang dipilih untuk pengauditan, terdapat kelemahan seperti yang berikut:

- i. pengurusan projek kurang memuaskan bagi 9 kontrak kerana dari segi pelaksanaannya tidak disiapkan mengikut jadual dan 5 projek berstatus projek sakit;
- ii. 23 projek telah dikeluarkan daripada senarai kontrak BELB;

- iii. tanaman (pokok sawit) di bawah laluan talian grid kabel elektrik tidak ditebang walaupun masalah izin lalu telah diselesaikan dan deretan gerai dibina tidak dirobuhkan;
- iv. kualiti kerja kurang memuaskan kerana pemantauan projek BELB kurang berkesan; dan
- v. premis agensi Kerajaan tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam daripada Projek Sistem Mikro Hidro di Long Banga, Ulu Baram.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian adalah seperti perenggan berikut:

17.5.1. Prestasi Projek

17.5.1.1. Prestasi Fizikal

- a. Kerajaan Negeri Sarawak mensasarkan sebanyak 92% bagi bekalan elektrik ke seluruh Negeri Sarawak dan 84% untuk kawasan luar bandar menjelang tahun 2014. Sehingga kini, projek BELB telah berjaya memberi manfaat kepada seramai 536,278 (92.8%) pemohon di Negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati setakat Oktober 2014, sejumlah 41,588 (7.2%) daripada 577,866 pemohon belum mendapat bekalan elektrik 24 jam di luar bandar Negeri Sarawak. Ini melibatkan populasi seramai 207,940 orang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.1
PEMOHON / POPULASI YANG TIADA BEKALAN ELEKTRIK 24 JAM
DI LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK SETAKAT BULAN OKTOBER 2014

BIL.	BAHAGIAN	PEMOHON	TIADA BEKALAN ELEKTRIK 24 JAM	
			PEMOHON	POPULASI
1.	Kuching	167,470	457	2,285
2.	Samarahan	59,391	931	4,655
3.	Sri Aman	22,100	2,432	12,160
4.	Betong	25,646	681	3,405
5.	Sarikei	27,261	3,618	18,090
6.	Sibu	67,782	5,643	28,215
7.	Mukah	26,924	2,731	13,655
8.	Kapit	25,668	9,734	48,670
9.	Bintulu	50,820	4,966	24,830
10.	Miri	84,139	9,191	45,955
11.	Limbang	20,665	1,204	6,020
JUMLAH		577,866	41,588	207,940

Sumber : Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

- b. Pihak KKLW telah menetapkan sasaran tempoh penyediaan bagi 18 kontrak untuk 751 projek BELB di Negeri Sarawak adalah antara 12 hingga 24 bulan. Analisis Audit mendapati 8 (44.4%) kontrak berjaya disiapkan yang mana

4 kontrak disiapkan dalam tempoh kontrak manakala 4 kontrak lagi disiapkan selepas diluluskan antara 1 hingga 4 lanjutan masa (EOT) yang melibatkan tempoh antara 4 hingga 23 bulan iaitu di Serian, Samarahan, Pakan, Kanowit dan Selangau. Setakat 30 November 2014, sebanyak 10 projek masih dalam pelaksanaan yang mana 1 (0.3%) projek mendahului jadual, 4 (22.2%) projek lewat jadual dan 5 (27.8%) projek berstatus projek sakit. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.2
SENARAI PROJEK YANG DALAM PELAKSANAAN SETAKAT 30 NOVEMBER 2014

BIL.	NOMBOR KONTRAK/ NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH KONTRAK ASAL (Bulan)	LANJUTAN MASA DILULUSKAN		TARIKH SIAP BARU SELEPAS LANJUTAN MASA	STATUS		
			BIL.	TEMPOH (Bulan)		SASARAN (%)	PENCAPAIAN SEBENAR	
							(%)	CATATAN
1.	KKLW/BELB/02/2013	01.02.2013 - 01.02.2015 (24)	0	0	Tidak Berkenaan	91.7	92	Dahului Jadual sebanyak 0.3%
2.	KKLW/BELB/10/2011	04.07.2011 - 03.01.2013 (18)	3	20	03.09.2014	100	93	Lewat Jadual (7%)
3.	KKLW/BELB/12/2012	01.06.2012 - 02.06.2014 (24)	1	5	02.11.2014	100	86	Lewat Jadual (14%)
4.	KKLW/BELB/03/2013	01.02.2013 - 01.02.2015 (24)	0	0	Tidak Berkenaan	91.7	59	Projek Sakit (32.7%)
5.	KKLW/BELB/10/2012	01.06.2012 - 02.12.2013 (18)	2	11	02.11.2014	100	98	Lewat Jadual (2%)
6.	KKLW/BELB/04/2013	01.02.2013 - 01.02.2015 (24)	0	0	Tidak Berkenaan	91.7	71	Projek Sakit (20.7%)
7.	KKLW/BELB/16/2011	15.08.2011 - 14.02.2013 (18)	3	23	14.01.2015	96.4	72	Projek Sakit (24.4%)
8.	KKLW/BELB/16/2013	01.11.2013 - 31.10.2015 (24)	0	0	Tidak Berkenaan	54.2	7.1	Projek Sakit (47.1%)
9.	KKLW/BELB/01/2013	01.02.2013 - 01.02.2015 (24)	0	0	Tidak Berkenaan	91.7	80.7	Lewat Jadual (11%)
10.	KKLW/BELB/15/2013	23.10.2013 - 22.10.2015 (24)	0	0	Tidak Berkenaan	55.2	27.1	Projek Sakit (28.1%)

Sumber : Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Nota : PAC - Provisional Acceptance Certificate (Dikeluarkan Oleh SEB)

FAC - Final Acceptance Certificate (Dikeluarkan Oleh SEB)

CPC - Certificate Of Practical Completion (Dikeluarkan Oleh KKLW)

Semakan Audit mendapati sebanyak 41 (43.6%) projek daripada 94 sampel projek yang di Audit berjaya disiapkan dengan perbelanjaan berjumlah RM1.62 bilion tidak melebihi peruntukan yang diluluskan berjumlah

RM1.81 bilion dan 23 (24.5%) projek melibatkan 936 pemohon telah menikmati bekalan elektrik 24 jam. Antara gambar rumah pemohon projek BELB yang telah menerima bekalan elektrik adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.1

*Rumah Dok, Miri
- Meter Telah Dipasang
(01.10.2014)*

GAMBAR 17.2

*Rumah Dok, Miri
- Bekalan Elektrik Telah Digunakan
(01.10.2014)*

GAMBAR 17.3

*Rumah Charles Saratok, Betong
- Meter Telah Dipasang
(23.10.2014)*

GAMBAR 17.4

*Kampung Meranek, Samarahan
- Meter Telah Dipasang
(07.11.2014)*

GAMBAR 17.5

*Kampung Long Banga B, Ulu Baram, Miri
- Meter Telah Dipasang
(11.12.2014)*

GAMBAR 17.6

*Kampung Long Banga B, Ulu Baram, Miri
- Bekalan Elektrik Telah Digunakan
(11.12.2014)*

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 13 April 2015

Berdasarkan kepada penemuan Audit mengenai 10 kontrak yang masih dalam pelaksanaan, 2 kontrak telah disiapkan dan hanya menunggu jadual pengujian dan pentauliahannya daripada SEB. Manakala 7 kontrak lagi sedang dalam pelaksanaan dan telah diluluskan lanjutan masa. Baki 1 kontrak lagi sedang mendahului jadual dan akan dapat disiapkan lebih awal daripada tempoh kontrak.

Pada pendapat Audit, prestasi projek BELB di luar bandar Negeri Sarawak adalah memuaskan kerana telah berjaya memberi manfaat bekalan elektrik kepada seramai 536,278 (92.8%) orang pemohon. Dari aspek prestasi fizikal 8 kontrak berjaya disiapkan yang mana 4 kontrak disiapkan dalam tempoh kontrak, manakala 4 kontrak lagi disiapkan selepas diluluskan antara 1 hingga 4 lanjutan masa (EOT) yang melibatkan tempoh antara 4 hingga 23 bulan dan 10 projek masih dalam pelaksanaan.

17.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Bagi tempoh tahun 2011 sehingga 31 Disember 2014, jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi projek BELB ialah berjumlah RM1.81 bilion. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 17.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2014

BIL.	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Bilion)	PERBELANJAAN (RM Bilion)	PERATUSAN (%)
1.	2011	0.57	0.57	100
2.	2012	0.47	0.47	100
3.	2013	0.38	0.38	100
4.	2014	0.39	0.39	100
JUMLAH		1.81	1.81	100

Sumber: Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan projek BELB adalah baik kerana purata prestasi perbelanjaan adalah 100% berbanding peruntukan.

17.5.2. Projek BELB Lewat Jadual Berbanding Tempoh Kontrak

Mengikut perjanjian kontrak, semua projek BELB hendaklah disiapkan dalam tempoh antara 12 hingga 24 bulan. Semakan Audit mendapati 10 kontrak (55.6%) daripada 18 kontrak lewat jadual setakat 30 November 2014. Analisis lanjut Audit mendapati satu kontrak VT/VR Untuk Pemohon-Pemohon Di Kranji, KM 13 Dan Kampung Bukit Kranji Jalan Outer Ring Ke Batu 15 Jalan Kuching-Serian telah mengalami kelewatan selama 25 bulan. Mengikut penjelasan KKLW antara sebab yang menyumbang kepada kelewatan penyediaan projek ialah masalah izin lalu dan kelemahan dalam perancangan serta pengurusan projek di pihak kontraktor. Selain itu, terdapat kes vandalisme/kecurian kabel elektrik dan alat ubah yang menyumbang kepada kelewatan penyediaan projek seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.7



*KM 13 Dan Kampung Bukit Kranji Jalan Outer Ring
Ke Batu 15 Jalan Kuching - Serian
- Kecurian Kabel Elektrik
(07.11.2014)*

GAMBAR 17.8



*Kampung Kakeng Serian
- Kecurian Wayar Pembumian
(18.09.2014)*



GAMBAR 17.9

*Rumah Wilson Rampai, Jagoi, Kanowit
- Kecurian Kabel Alat Ubah
(23.10.2014)*

GAMBAR 17.10



*Sepanjang Jalan Sibul-Bintulu (Batu 52 – Batu 62)
- Projek Lewat Jadual - Kabel Elektrik Belum Dipasang Dan Tiang Elektrik Belum Didirikan
(23.12.2014)*

GAMBAR 17.11



GAMBAR 17.12



*Sepanjang Jalan Sibul - Bintulu (Batu 52 - Batu 62)
- Projek Lewat Jadual - Kabel Elektrik Belum Dipasang
(23.12.2014)*

GAMBAR 17.13



Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 13 April 2015

Pelaksanaan projek BELB di Kranji, KM13 dan Kg. Bukit Kranji Jalan Outer Ring ke Bt. 15 Jalan Kuching Serian telah disiapkan mengikut jadual dan penduduk kampung telah mendapat manfaat daripada projek ini.

Isu yang berbangkit ialah apabila alat ubah dan kabel yang telah mula tugas (energized) dicuri dan mengakibatkan bekalan elektrik kepada pengguna terputus. Kerja penyambungan bekalan elektrik yang terputus telah dibuat secara berperingkat-peringkat dan hampir semua pengguna telah mendapat bekalan elektrik. Berdasarkan kepada rekod SEB Siburan hanya 16 buah rumah sahaja yang belum disambung dengan bekalan elektrik kerana pemohon masih belum mengemukakan permohonan penyambungan bekalan elektrik kepada SEB.

Pada pendapat Audit, perancangan awal terutamanya yang melibatkan izin lalu hendaklah diselesaikan sebelum projek bermula dan pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan kelewatan projek dapat dielakkan serta dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak.

17.5.3. Projek Yang Dikeluarkan Daripada Senarai Projek

Pembinaan projek BELB hendaklah mengikut senarai yang telah ditetapkan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati 23 projek bernilai RM44.84 juta melibatkan 1,044 pemohon telah dikeluarkan dari kontrak di kawasan Padawan, Betong, Lubok Antu, Tatau, Bawang Assan, Sri Aman dan Bintulu. Analisis lanjut Audit mendapati 23 projek ini telah dicadangkan untuk dikeluarkan oleh kontraktor, disahkan oleh pihak perunding dan pihak KKAS serta diluluskan oleh KKLW di dalam mesyuarat bulanan pemantauan projek. Oleh itu projek tersebut ditangguhkan setakat tarikh pengauditan dijalankan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 17.5
SENARAI PROJEK BELB YANG DIKELUARKAN**

BIL.	NAMA PROJEK DAN NOMBOR KONTRAK	KOS PROJEK (RM Juta)	BILANGAN PEMOHON (Orang)	SEBAB
1.	VT/VR untuk pemohon tambahan di Kpg. Asum dan Kpg. Parang, Padawan (KKLW/BELB/1/2013)	1.83	92	Disebabkan pembinaan dan penyiapan jalan raya dan jambatan oleh JKR yang dijadualkan akan siap pada Februari 2015
2.	VT/VR untuk pemohon-pemohon di Rh. Aka Tapeh, Spak dan Rh. Engkalat Spak, Betong (KKLW/BELB/1/2013)	2.50	57	Pembinaan dan penyiapan pembinaan talian elektrik akan terganggu oleh pembinaan dan penyiapan jalan raya oleh JKR
3.	VT/VR untuk pemohon-pemohon di Rh. Mujau, Ng. Lawih, Spak, Betong (KKLW/BELB/1/2013)	1.94	20	Pembinaan dan penyiapan pembinaan talian elektrik akan terganggu oleh pembinaan dan penyiapan jalan raya oleh JKR
4.	VT/VR untuk pemohon-pemohon di Rh. Jepo dan Rh. Sunggong, Dulang Merebung, Betong (KKLW/BELB/1/2013)	0.99	7	Hanya Rh. Jepo digugurkan daripada senarai projek disebabkan masalah izin lalu

BIL.	NAMA PROJEK DAN NOMBOR KONTRAK	KOS PROJEK (RM Juta)	BILANGAN PEMOHON (Orang)	SEBAB	
5.	VT/VR untuk pemohon-pemohon di Rh. Jabu, Ng. Terbat, Ulu Skrang, Lubok Antu (KKLW/BELB/1/2013)	1.30	22	Pertindihan senarai projek dengan kontraktor BELB yang lain	
6.	VT/VR untuk pemohon-pemohon di Rh. Untung, Rh. Suai dan Rh. Udam di kawasan Sg. Kelawit, Tatau, Bintulu (KKLW/BELB/1/2013)	2.77	40		
7.	VT/VR untuk pemohon-pemohon di Rh. Kopl (B) Mili Nelson Jana dan rumah-rumah persendirian ke Jalan Bawang Assan/Lebaan, Jalan Bawang Assan/Tjg. Manis, Sibul (KKLW/BELB/1/2013)	1.97	5	Pertindihan dengan projek paip air Lembaga Air Sibul. Hanya sebahagian daripada skop asal projek dikeluarkan daripada kontrak BELB 1/13	
8.	Rumah panjang Menalang Nibong, Sri Aman (KKLW/BELB/10/2012)	7.17	165	Bertindih dengan projek Shorefield Sdn. Bhd. Tahun 2010 & 2011	
9.	Kampung Bukong Bangat, Betong (KKLW/BELB/10/2012)	1.44	9	Masalah izin lalu	
10.	SK Kuala Annau, Rh. Daniel, Rh. To, Rh. Robert, Rh. Lunsu, Bintulu (KKLW/BELB/13/2012)	6.59	66		
11.	Rh. Sapit Ak Luang, Rh. Antau Ak Nabau, Rh. Philip Ak Tom, Rh. Jerukan Ak Bom, Ulu Sebauh Bintulu (KKLW/BELB/13/2012)	3.44	80		
12.	SK Bukit Balai Tubau dan pemohonan tambahan kawasan Tubau, Bintulu (KKLW/BELB/13/2012)	0.49	49		
13.	Kampung Opak Bekenu, Miri (KKLW/BELB/13/2012)	0.53	4		
14.	Rh. Galau, Rh. Jingga Rh. Ugak, Rh. Unsam, Rh. Ruang, Rh. Ringgie Sg. Nat, Rh. Anchum, Bukit Limau/ Rh. Tindit, Ng. Lamah, Rh. Merdan, Jambatan Lamah Marudi Miri (KKLW/BELB/13/2012)	7.24	224		
15.	Rumah Ubei Anak Mujap Marudi Miri (KKLW/BELB/13/2012)	0.72	8		
16.	Rumah Langkup, Marudi Miri (KKLW/BELB/13/2012)	0.22	33		
17.	Kampung Kerumboi Kuching (KKLW/BELB/11/2011)	0.29	8		Rumah pemohon tidak memenuhi syarat
18.	Rumah Raba Penyelanih (KKLW/BELB/11/2011)	0.65	23		LOU reject by SEB no access road
19.	Rumah Renggei Sungai Ilas (KKLW/BELB/11/2011)	0.83	21		
20.	Kampung Hulu Bako, Kuching (KKLW/BELB/11/2011)	0.01	3	Bertindih dengan projek Esawin Sdn. Bhd.	
21.	Kampung Muara Tebas, Kuching (KKLW/BELB/11/2011)	0.06	11		
22.	Rh. Unok Ak Linggoh, Kpg, Aboi Baru, Penan Batu, Lingga Sri Aman (KKLW/BELB/11/2011)	1.64	78		
23.	Pemohon Tambahan Kampung Krian, Kuching (KKLW/BELB/11/2011)	0.22	19	Bertindih dengan projek Shorefield Sdn. Bhd.	
JUMLAH		44.84	1,044		

Sumber : Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Perkara ini berlaku antara lain disebabkan SEB tidak mahu meluluskan projek yang tiada kemudahan jalan ke kawasan berkenaan dan kerja survei pelanggan tidak dijalankan dengan menyeluruh serta teliti mengakibatkan pertindihan skop kerja. SEB hanya menerima projek BELB di mana terdapat jalan penghubung. Di samping itu, pihak KKAS dan KKLW tidak mendapat maklum balas terlebih dahulu daripada SEB sebelum projek tersebut diluluskan. Jalan adalah penting bagi SEB supaya kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan oleh mereka dengan cekap dan berkesan. Kesannya bekalan elektrik tidak dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan yang terlibat.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 13 April 2015

Secara amnya, projek-projek BELB yang dibatalkan/ditangguhkan disebabkan isu-isu berikut:

- i. Bertindih dengan kerja pembinaan jalan oleh JKR;*
- ii. Masalah izin lalu; dan*
- iii. Ketiadaan jalan (akses) yang sempurna ke kampung.*

Pembatalan/penangguhan pelaksanaan projek BELB yang terlibat dengan alasan di atas hanya dibuat oleh KKLW selepas segala usaha untuk menyelesaikan isu-isu terlibat tidak berjaya atau mengambil masa yang terlalu panjang dan menjangkau tempoh kontrak. Dalam kes-kes begini, KKLW dengan kerjasama KKAS dan SEB akan menggantikan kampung-kampung yang ditangguhkan/dibatalkan dengan kampung-kampung lain yang layak untuk disambung bekalan elektrik.

KKLW mengambil maklum akan teguran Audit supaya maklum balas SEB diperoleh terlebih dahulu sebelum senarai projek dimuktamadkan.

Pada pendapat Audit, pihak KKLW dan KKAS hendaklah mendapatkan maklum balas terlebih dahulu daripada SEB sebelum projek tersebut diluluskan dan kerja survei pelanggan dijalankan dengan menyeluruh serta teliti untuk memastikan tiada pertindihan skop kerja antara kontraktor.

17.5.4. Laluan Bawah Talian Grid Kabel Elektrik Tidak Dibersihkan/Dikosongkan

Kawasan bawah dan tepi sepanjang talian grid hendaklah bebas daripada tanaman dan struktur pembinaan bagi tujuan keselamatan. Lawatan Audit mendapati tanaman di bawah talian grid tidak ditebang walaupun masalah izin lalu telah diselesaikan dan deretan gerai dibina tidak dirobohkan di bawah talian grid seperti gambar berikut:

GAMBAR 17.14



Kuala Niah, Miri
- Pokok Kelapa Sawit Tidak Ditebang
(01.10.2014)

GAMBAR 17.15



GAMBAR 17.16



Rumah Rokiah Banseng Bakong, Sri Aman
- Pokok Kelapa Sawit Tidak Ditebang
(21.10.2014)

GAMBAR 17.17



Rumah Kandawang Jepak, Bintulu
- Pokok Kelapa Tidak Ditebang
(29.09.2014)

GAMBAR 17.18



Kampung Serikin, Bau
- Gerai Dibina Di Bawah Talian Grid
(18.09.2014)

GAMBAR 17.19



Perkara tersebut berlaku kerana pemilik tanah tidak membenarkan tanaman (kelapa dan kelapa sawit) ditebang dan deretan gerai didirikan oleh penduduk kampung di atas bahu jalan kampung di bawah talian grid. Keadaan ini menyukarkan kontraktor untuk menyerahkan projek BELB kepada SEB serta boleh mengundang bahaya kebakaran jika berlaku litar pintas.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 13 April 2015

KKLW mengambil maklum akan teguran Audit berhubung perkara ini. Sukacita dimaklumkan bahawa kerja rentis dan pembersihan di bawah koridor laluan talian elektrik telah dijalankan oleh kontraktor. Bagaimanapun, penduduk kampung

yang tidak bertanggungjawab telah menanam semula pokok-pokok dan membina gerai di bawah talian berkenaan.

Bagi isu penanaman pokok di bawah talian VT/VR yang siap dibina, kontraktor terlibat akan menjalankan semua kerja rentis semula sebelum penyerahan terakhir projek dibuat kepada SEB.

KKLW berpandangan bahawa perkara ini memerlukan tindakan penguatkuasaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk merobohkan gerai-gerai yang dibina secara haram. KKLW tidak berupaya untuk mengambil tindakan kepada isu ini.

Pada pendapat Audit, perancangan awal terutamanya yang melibatkan izin lalu hendaklah diselesaikan sebelum projek bermula.

17.5.5. Kualiti Kerja Yang Kurang Memuaskan

Kualiti kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas, sempurna dan mengikut tahap piawaian yang telah ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Lawatan Audit pada 11 Disember 2014 ke projek Sistem Mikro Hidro di Long Banga, Ulu Baram mendapati berlaku tanah runtuh di sekitar Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) Substation. Manakala lawatan Audit pada 1 Oktober 2014 ke projek di Rumah Wak dan pada 20 Oktober 2014 di Rumah Dok, Miri serta di Rumah Sare, Repok Sarikei, Sarawak mendapati berlaku hakisan tanah pada dasar tiang elektrik dan tiang elektrik condong. Tiang elektrik yang condong jelas menunjukkan spesifikasi kontrak tidak dipatuhi kerana kualiti pembinaan dasar tiang elektrik tidak memuaskan. Perkara ini dijelaskan seperti gambar berikut:



GAMBAR 17.21



*Rumah Wak Dan Rumah Dok, Miri
- Tanah Terhakis Pada Dasar Tiang Elektrik
(01.10.2014)*

GAMBAR 17.20

*Sistem Mikro Hidro Di Long Banga, Ulu Baram
- Tanah Runtuh Di Sekitar SESCO Substation
(11.12.2014)*

GAMBAR 17.22



*Rumah Sare, Repok Sarikei
- Tiang Elektrik 9 Meter Condong
(20.10.2014)*

Antara faktor yang menyebabkan tanah runtuh adalah kerana kualiti kerja pembinaan cerun kurang memuaskan dan ini boleh menyebabkan pagar perimeter runtuh. Tiang elektrik juga berisiko tumbang disebabkan hakisan tanah pada dasarnya.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Semua kerja pembinaan projek BELB mematuhi spesifikasi dan standard yang ditetapkan oleh SEB dan KKLW. Bagi kerja pembaikan tanah runtuh, pihak kontraktor menjangkakan kerja pembaikan akan dapat disiapkan sebelum penghujung bulan April 2015.

Selain itu, semua kerja di tapak bina di Rh. Wak dan Rh. Dok, Miri serta di Rh. Sare, Sarikei telah disiapkan sepenuhnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun disebabkan oleh hakisan tanah, tiang besi yang ditanam telah condong. Kerja pembaikan akan dijalankan oleh kontraktor kerana semua projek ini masih di bawah tempoh tanggungan kecacatan (DLP) oleh pihak kontraktor.

Sekiranya projek BELB telah diserahkan kepada SEB untuk operasi dan senggara, kerja pembaikan akan dijalankan oleh SEB.

Pada pendapat Audit, pihak KKLW dan perunding hendaklah memastikan kualiti kerja adalah baik, mengikut spesifikasi kontrak dan kontraktor mengambil tindakan segera terhadap semua kerja yang kurang memuaskan. Ini bagi memastikan kos penyenggaraan tidak meningkat pada masa hadapan, tempoh hayat fasiliti bertahan seperti sepatutnya dan Kerajaan mendapat nilai wang sewajarnya.

17.5.6. Premis Agensi Kerajaan Tidak Mendapat Bekalan Elektrik Daripada Projek Sistem Mikro Hidro Di Long Banga, Ulu Baram

Projek Sistem Mikro Hidro di Long Banga Ulu Baram Miri merupakan kaedah alternatif untuk membekalkan bekalan elektrik 24 jam di kawasan Long Banga Ulu Baram. Kos kontrak untuk membina projek tersebut berjumlah RM27.47 juta. Projek ini bermula pada 1 Disember 2011 hingga 31 Mei 2013 (18 bulan). Tarikh siap sebenar projek ialah pada 30 September 2013 setelah diberi kelulusan EOT selama 4 bulan. Kemudahan asas projek BELB yang dibina oleh Kerajaan hendaklah dibekalkan ke semua premis agensi Kerajaan dan rumah individu di kawasan projek berkenaan. Lawatan Audit pada 11 Disember 2014 ke projek Sistem Mikro Hidro di Long Banga, Ulu Baram mendapati premis agensi Kerajaan iaitu Klinik Kesihatan Long Banga, Sekolah Kebangsaan Long Banga dan Pejabat Malaysia Airports Holdings Berhad tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam daripada projek Sistem Mikro Hidro di Long Banga, Ulu Baram, Miri, Sarawak.

GAMBAR 17.23**GAMBAR 17.24**

*Klinik Kesihatan Long Banga, Ulu Baram, Miri
- Tidak Disambung Dengan Projek Sistem Mikro Hidro
(11.12.2014)*

GAMBAR 17.25**GAMBAR 17.26**

*Sekolah Kebangsaan Long Banga, Ulu Baram, Miri
- Tidak Disambung Dengan Projek Sistem Mikro Hidro
(11.12.2014)*

Premis agensi Kerajaan tidak mendapat bekalan elektrik selama 24 jam berlaku kerana penyambungan bekalan elektrik daripada projek Sistem Mikro Hidro tidak diambilkira dalam skop kerja semasa perancangan projek disediakan memandangkan premis agensi Kerajaan tersebut mendapat bekalan elektrik daripada genset yang dibekalkan oleh jabatan masing-masing di mana bekalan elektrik adalah kurang konsisten dan tidak beroperasi 24 jam. Hasil temu bual pihak Audit dengan pegawai Klinik Kesihatan Long Banga dan Pejabat Malaysia Airports Holdings Berhad memaklumkan bahawa bekalan elektrik tidak dibekalkan untuk tempoh 24 jam kerana masalah kekurangan bekalan diesel dan kapasiti genset. Manakala Sekolah Kebangsaan menikmati bekalan elektrik 24 jam yang dibekalkan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Semakan Audit juga mendapati Pejabat Kesihatan Bahagian Miri telah membuat permohonan penyambungan bekalan elektrik ke berek kakitangan di Klinik Kesihatan Long Banga melalui surat PKB4/KKLB/ () bertarikh 15 Oktober 2014. Bagaimanapun penyambungan bekalan elektrik masih belum dilakukan setakat 23 Mac 2015. Akibatnya premis agensi Kerajaan tersebut tidak dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik yang konsisten dan selama 24 jam daripada projek Sistem Mikro Hidro.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 13 April 2015

Perancangan projek BELB mengambil kira keperluan permintaan tenaga semua rumah dan bangunan awam yang ada di lokasi projek. Penyambungan bekalan elektrik disambung terus kepada rumah-rumah penduduk kampung manakala bagi bangunan awam pula, jabatan terlibat perlu mengemukakan permohonan kepada SEB untuk membuat penyambungan bekalan dan pemasangan meter. Semua kos yang dikenakan oleh SEB bagi tujuan penyambungan kepada bangunan awam perlu ditanggung oleh jabatan terlibat.

Khusus bagi penyambungan bekalan elektrik ke bangunan klinik kesihatan, sekolah kebangsaan serta pejabat Malaysia Airport Berhad (MAB) di Long Banga, KKLW semasa sesi dialog pelaksanaan projek telah pun memaklumkan mengenai tanggungjawab pihak mereka untuk membuat permohonan penyambungan kepada SEB. Lanjutan daripada teguran Audit ini, KKLW melalui surat bertarikh 10 Mac 2015 sekali lagi telah memaklumkan tanggungjawab jabatan terlibat untuk membuat permohonan penyambungan bekalan elektrik daripada SEB.

Pada pendapat Audit, perancangan awal projek perlu mengambil kira keperluan premis agensi Kerajaan untuk dibekalkan dengan bekalan elektrik 24 jam.

17.5.7. Pemantauan Projek BELB Kurang Memuaskan

Ketua Setiausaha (KSU) KKLW pada 4 Jun 2009 telah mengarahkan Pasukan Pemantauan & Flying-Squad diperkukuhkan dalam membuat pemeriksaan dan pemantauan pelaksanaan projek pembangunan Kementerian agar lebih berkesan. Pemantauan terhadap projek BELB di Negeri Sarawak hendaklah dilakukan secara rapi dan berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak dan selaras dengan objektif projek BELB di Negeri Sarawak. Pelaksanaan projek BELB dipantau oleh Bahagian Infrastruktur di Ibu Pejabat KKLW, Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek KKLW Cawangan Sarawak dan perunding yang dilantik oleh kontraktor dan KKLW. Kaedah pemantauan projek BELB telah dilaksanakan melalui lawatan tapak secara bulanan, Mesyuarat Pemantauan Projek, Mesyuarat Tapak dan Laporan Kemajuan Bulanan. Semakan Audit mendapati pemantauan secara manual ada dilakukan tetapi kurang berkesan kerana masih terdapat kelemahan seperti yang dibangkitkan di atas.

Maklum Balas Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Yang Diterima Pada 13 April 2015

Pelaksanaan projek BELB dilaksanakan secara reka dan bina. Penyeliaan projek dibuat oleh perunding yang dilantik dan pihak perunding bertanggungjawab membuat semakan serta pengesahan kerja di tapak bina, memantau kemajuan kerja di tapak dan mengesahkan tuntutan kontraktor.

Bahagian Teknikal KKLW memantau pelaksanaan projek melalui pelaporan yang dibuat semasa mesyuarat koordinasi tapak bulanan serta lawatan tapak yang dibuat secara rawak sahaja. Perkara ini disebabkan bilangan kakitangan teknikal KKLW yang terlibat dengan pengurusan projek BELB hanya seramai 5 orang berbanding dengan bilangan projek yang terlalu banyak di Negeri Sarawak.

Pada masa yang sama, pegawai dari Bahagian Infrastruktur dan Bahagian Pemantauan Projek juga dari masa ke semasa menjalankan kerja pemantauan secara berkala kepada projek-projek BELB terpilih.

Selaras dengan teguran Audit berhubung perkara ini, KKLW akan berusaha untuk memperbaiki mekanisme pemantauan yang dijalankan bagi memastikan semua projek yang ditawarkan dapat dipantau dan diselia dengan berkesan.

Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang lebih berkesan perlu dikenal pasti bagi memastikan masalah kelewatan penyiapan dan kualiti projek dapat dikurangkan.

17.6. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan projek BELB di Negeri Sarawak dan mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan pihak bertanggungjawab melaksanakan perkara seperti berikut:

17.6.1. KKLW dan kontraktor hendaklah memastikan projek BELB dapat disiapkan mengikut tempoh serta kualiti kerja menepati standard yang ditetapkan dalam kontrak;

17.6.2. KKLW hendaklah menjalankan kerja survei yang tepat, terperinci serta menyeluruh supaya masalah izin lalu di peringkat awal perancangan projek dapat diselesaikan;

17.6.3. KKLW hendaklah memastikan laluan bawah talian grid kabel elektrik dibersihkan/dikosongkan daripada deretan gerai dan tanaman (pokok sawit);

17.6.4. KKLW hendaklah membuat perancangan yang holistik dan rapi untuk memastikan semua premis agensi Kerajaan mendapat bekalan elektrik daripada projek BELB; dan

17.6.5. KKLW hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan dengan mewujudkan kaedah pemantauan projek menggunakan kaedah sistem komputer serta mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang terhadap kontraktor dan perunding bagi memastikan masalah kelewatan penyediaan projek dapat dikurangkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT

KERAJAAN PERSEKUTUAN



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

18. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyasiat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat serta pengawasan syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia, pengauditan turut dilakukan terhadap pengurusan bagi 3 syarikat iaitu JKP Sdn. Bhd., Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. Hasil daripada pengauditan yang dilakukan adalah seperti di perenggan 19 hingga 21.

KEMENTERIAN KEWANGAN

19. PENGURUSAN JKP SDN. BHD.

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) telah ditubuhkan pada 12 Julai 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan modal dibenarkan berjumlah RM48 juta dan modal berbayar berjumlah RM10.25 juta. Fungsi utama JKPSB adalah untuk melaksanakan projek sosioekonomi yang telah dikenal pasti oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) bagi menjaga kepentingan masyarakat Bumiputera di Pulau Pinang supaya tidak tersisih daripada arus pembangunan ekonomi negeri yang berkembang dengan pesat. Objektif utama JKPSB adalah membangunkan projek dengan cekap dan berkesan untuk mencapai minimum 70% penyertaan Bumiputera dalam semua aktiviti utama yang dilaksanakan oleh JKPSB iaitu sebagai pemaju, pengurus dan pemegang hartanah di samping memegang sebanyak 5 syarikat subsidiari yang mempunyai pelbagai kepentingan perniagaan.

19.1.2. JKPSB mempunyai 8 orang Ahli Lembaga Pengarah dengan komposisi 3 orang ahli politik dan 5 lima orang mewakili sektor awam. Pengurusan JKPSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 93 orang pegawai dan kakitangan. Senarai Ahli Lembaga Pengarah JKPSB sehingga Disember 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.1
AHLI LEMBAGA PENGARAH JKPSB SEHINGGA DISEMBER 2014

NAMA	JAWATAN	TARIKH KUATKUASA
YBhg. Datuk Seri Zainal Abidin bin Osman	Pengerusi (Bukan Eksekutif)	16.06.2008 - 11.07.2015
YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	Pengarah	20.07.2010 - 18.12.2014
YBhg. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad	Pengarah	14.11.2011 - 23.11.2015
YB Senator Norliza binti Abdul Rahim	Pengarah	07.02.2014 - 06.02.2017
En. Mohd. Esa bin Abd Manaf	Pengarah	24.06.2011 - 09.11.2016
En. Rafizal bin Abdul Rahim	Pengarah	04.07.2014 - 03.07.2017
En. Mohd Noor bin Rejab	Pengarah	09.07.2014 - 08.07.2017
YB Sr Muhamad Farid bin Saad	Pengarah	11.02.2014 - 10.02.2017

19.1.3. Sebagai sebuah syarikat milik penuh Kerajaan, JKPSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa. Penyata Kewangan JKPSB bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 telah diaudit oleh Tetuan MNZWAJ Associates.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- 19.2.1. prestasi kewangan syarikat adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;
- 19.2.2. pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan;
- 19.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan; dan
- 19.2.4. syarikat subsidiari telah dipantau oleh JKPSB selaras dengan objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan, tadbir urus korporat dan aktiviti utama JKPSB bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2011, 2012 dan 2013 yang telah diaudit. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan telah dibuat di pejabat JKPSB di Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia. Bagi prestasi aktiviti JKPSB, 3 aktiviti utama telah disemak iaitu sebagai pemaju hartanah, pengurus harta dan syarikat pegangan harta.

19.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod berkaitan serta menganalisis data maklumat syarikat dan mengadakan perbincangan serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di JKPSB dan agensi yang berkaitan. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap sampel projek siap, kerja dalam pembinaan dan premis perniagaan turut dijalankan. Isu-isu yang ditemui telah dibincangkan dengan Ketua Pegawai Eksekutif JKPSB, pegawai-pegawai kanan JKPSB dan wakil Penasihat Undang-Undang Jabatan Audit Negara dalam *Exit Conference* pada 23 April 2015. Namun begitu wakil Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan dan Jabatan Peguam Negara tidak dapat menghadiri diri.

19.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2014 hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan JKPSB adalah memuaskan. Syarikat JKPSB berjaya mencatatkan peningkatan dalam keuntungan bersih bagi tahun 2012 sebanyak 66.8% (RM1.99 juta) berbanding tahun 2011 dan sebanyak 26.6% (RM1.32 juta) yang mana ia menjadikan keuntungan bersih berjumlah RM6.30 juta pada tahun 2013. Dari tarikh penubuhannya hingga bulan Julai 2014, JKPSB telah menyiapkan sebanyak 12,653 unit rumah kos rendah/kos sederhana rendah/kos sederhana dan 526 unit komersial/rumah kedai/kedai pejabat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 10,142 (80%) unit rumah telah dijual kepada Bumiputera. Ini menunjukkan JKPSB telah mencapai 70% penyertaan Bumiputera dalam aktiviti pemaju hartanah. Pemantauan terhadap subsidiari juga adalah memuaskan. Namun begitu, beberapa kelemahan daripada pelaksanaan aktiviti tersebut serta pengurusan kewangan perlu diberi perhatian dan ditambah baik oleh pengurusan JKPSB seperti yang berikut:

- i. pengurusan kontrak mengambil masa antara 95 hingga 335 hari untuk ditandatangani;
- ii. permohonan lanjutan masa lewat diproses dan kelulusan lanjutan masa dikeluarkan selepas tarikh penyiapan yang ditetapkan dalam kontrak;
- iii. Pengurus Projek yang dilantik bagi Projek Guar Perahu tidak menjalankan peranan dalam pembangunan projek;

- iv. *Housing Development Account* (HDA) tidak dibuka secara berasingan bagi projek yang dijalankan secara berperingkat;
- v. pengurusan dan penyenggaraan premis perniagaan tidak dilaksanakan dengan sempurna;
- vi. penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) belum diselesaikan;
- vii. tindakan hapus kira pendahuluan perbelanjaan pengurusan pangsapuri berjumlah RM6.04 juta masih belum diambil;
- viii. tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pemantauan tanah milik JKPSB; dan
- ix. kelemahan dalam pengurusan kewangan yang perlu diperbaiki segera seperti proses perolehan dan pembayaran kurang teratur serta kelemahan dalam pengurusan aset.

Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, aktiviti, tadbir urus, pengurusan kewangan dan maklum balas JKPSB adalah seperti di perenggan berikut:

19.5.1. Prestasi Kewangan

19.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, prestasi kewangan JKPSB keseluruhannya adalah memuaskan dengan mencatatkan peningkatan dalam keuntungan bersih. JKPSB mencatatkan peningkatan dalam keuntungan bersih bagi tahun 2012 sebanyak 66.8% (RM1.99 juta) berbanding tahun 2011 dan sebanyak 26.6% (RM1.32 juta) yang mana ia menjadikan keuntungan bersih berjumlah RM6.30 juta pada tahun 2013. Peningkatan keuntungan bersih sebahagian besar daripadanya disumbangkan oleh peningkatan pendapatan pembangunan hartanah, jualan tanah dan bangunan siap serta hasil penyewaan. Keuntungan terkumpul bagi tahun 2013 adalah berjumlah RM48.94 juta dengan peningkatan keuntungan terkumpul sejumlah RM9.49 juta (24.1%) berbanding tahun 2012 berjumlah RM39.45 juta. Keuntungan terkumpul yang positif membolehkan sesebuah syarikat itu mengembangkan lagi perniagaan untuk kekal kompetitif dalam industri dan ia dapat digunakan sebagai rizab untuk pembayaran hutang atau perolehan harta modal kepada syarikat. Kedudukan kewangan JKPSB bagi tempoh tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI JKPSB
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011 HINGGA 2013

BUTIRAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	46.77	92.90	84.37
Kos Jualan	(42.35)	(82.43)	(74.18)
Untung/(Rugi) Kasar	4.42	10.47	10.19

BUTIRAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan Lain	6.30	4.61	10.45
Perbelanjaan Pentabiran dan Operasi	(7.33)	(9.10)	(10.20)
Perbelanjaan faedah	(0.62)	(0.53)	(0.62)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	2.77	5.45	9.82
Pelarasan Cukai	0.21	(0.48)	(3.52)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	2.98	4.97	6.30

Sumber : Penyata Kewangan JKPSB Tahun 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

19.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan JKPSB, analisis nisbah semasa, margin keuntungan, nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.3
ANALISA NISBAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2011, 2012 DAN 2013

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
	2011	274.89	32.34	8.50:1
2012	286.15	35.67	8.02:1	
2013	297.67	32.94	9.04:1	

Tahap kecairan JKPSB bagi tempoh 3 tahun adalah baik meskipun berlaku sedikit penurunan sejumlah 0.48 kali pada 2012. Peningkatan kecairan pada 2013 disebabkan peningkatan jumlah dividen diterima dan penurunan dalam jumlah pemiutang.

MARGIN KEUNTUNGAN	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH (RM) (a/b)
	2011	2.98	46.77	0.64
2012	4.97	92.90	0.53	
2013	6.30	84.37	0.75	

Margin keuntungan bersih JKPSB adalah baik walaupun mengalami sedikit penurunan dari RM0.64 kepada RM0.53 pada tahun 2012. Namun begitu, pada tahun 2013 margin keuntungan telah meningkat sebanyak RM0.22 kepada RM0.75 bagi setiap ringgit hasil pendapatan.

NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)x100
	2011	2.98	458.09	0.65
2012	4.97	480.14	1.04	
2013	6.29	500.92	1.26	

Bagi setiap ringgit aset yang digunakan, JKPSB mencatatkan keuntungan selepas cukai antara 0.65% hingga 1.26%. Ini menunjukkan aset telah digunakan dengan cekap bagi menghasilkan keuntungan sepanjang tahun 2011 hingga 2013.

NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)x100
	2011	2.98	226.73	1.31
	2012	4.97	231.44	2.15
	2013	6.29	240.92	2.61

Sepanjang tahun 2011 hingga 2013, JKPSB mencatatkan keuntungan selepas cukai antara 1.31% hingga 2.61% bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham.

Sumber : Penyata Kewangan JKPSB Tahun 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

19.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasinya serta keupayaan menampung perbelanjaan. Kedudukan aliran tunai JKPSB bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 19.4
PENYATA ALIRAN TUNAI JKPSB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2011, 2012 DAN 2013**

BUTIRAN/TAHUN	2011	2012	2013
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi			
Untung Sebelum Cukai	2.76	5.46	9.82
Pelarasan	1.99	1.87	(2.01)
Aliran Keluar	(0.08)	(16.04)	(25.28)
Faedah Diterima	0.24	0.30	0.38
Dividen Diterima	3.00	-	(3.00)
Cukai Pendapatan	1.49	(0.73)	0.01
Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	9.40	(9.14)	(20.08)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Aliran Masuk Tunai	0.04	0.05	0.04
Aliran Masuk Keluar	(2.01)	(1.15)	(0.51)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(1.97)	(1.10)	(0.47)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	-	13.90	24.61
Aliran Masuk Keluar	(4.95)	(3.13)	(5.00)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	(4.95)	10.77	19.61
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	2.48	0.53	(0.94)
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	28.49	30.97	31.51
Tunai Dan Persamaan Tunai Akhir Tahun	30.97	31.50	30.57

Sumber : Penyata Kewangan JKPSB Tahun 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

Aliran tunai bagi JKPSB adalah stabil bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Bagaimanapun, berlaku defisit tunai bersih dalam aktiviti operasi berjumlah

RM9.14 juta pada tahun 2012 dan RM20.08 juta pada tahun 2013. Defisit tunai bersih dalam aktiviti operasi ditampung oleh aktiviti pembiayaan melalui pengambilan pinjaman berjangka. JKPSB perlu meningkatkan kecekapan dalam mengurus perbelanjaan pentadbiran dan operasinya agar defisit dalam aliran tunai aktiviti operasi dapat dielakkan. JKPSB mempunyai tunai dan persamaan tunai pada akhir tahun berjumlah RM30.97 juta pada tahun 2011, RM31.50 juta pada tahun 2012 dan RM30.57 juta pada tahun 2013. Baki tunai ini terdiri daripada simpanan tetap, baki tunai di tangan dan di bank. Baki tunai di bank adalah termasuk baki Akaun Pemajuan Perumahan (HDA).

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan JKPSB adalah memuaskan dengan mencatatkan peningkatan dalam keuntungan bersih bagi tahun 2012 sebanyak 66.8% (RM1.99 juta) berbanding tahun 2011 dan sebanyak 26.6% (RM1.32 juta) yang menjadikan keuntungan bersih berjumlah RM6.30 juta pada tahun 2013. Namun begitu, keuntungan bersih ini tidak dapat menampung defisit tunai bersih yang tinggi dalam aktiviti operasinya iaitu RM20.08 juta pada tahun 2013 dan RM9.14 juta pada tahun 2012. Keadaan ini menyebabkan JKPSB terpaksa mengambil pinjaman bagi memastikan kelangsungan operasinya.

19.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

19.5.2.1. Prestasi Aktiviti

19.5.2.1.1. Pemaju Hartanah

Objektif JKPSB dalam bidang pembangunan hartanah di Pulau Pinang adalah untuk membina rumah mampu milik di mana sekurang-kurangnya 70% pemilikan rumah adalah kepada Bumiputera. Dari tarikh penubuhan (12 Julai 1995) hingga 20 Julai 2014, JKPSB telah menyiapkan sebanyak 12,653 unit rumah kos rendah/kos sederhana rendah/kos sederhana dan 526 unit komersial/rumah kedai/kedai pejabat. Daripada jumlah itu, sebanyak 12,557 (99.2%) dan 477 (90.7%) unit komersial/rumah kedai/kedai pejabat telah dapat dijual. Sebanyak 10,142 (80%) unit rumah yang telah dijual adalah kepada Bumiputera dan 2,415 (19%) telah dijual kepada Bukan Bumiputera. Ini menunjukkan aktiviti pemaju hartanah JKPSB yang dijalankan bagi tempoh tahun 1995 hingga 2014 telah dapat mencapai objektif seperti ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.5
PENCAPAIAN PROJEK PEMBINAAN DARI TAHUN 1995 HINGGA 2014

PREMIS	SIAP DIBINA (Unit)	PEMILIKAN (Unit)			BELUM DIJUAL
		BUMIPUTERA	LAIN-LAIN	JUMLAH	
Rumah Kos Rendah/ Kos Sederhana Rendah/ Kos Sederhana	12,653	10,142	2,415	12,557	96
Premis Komersial/Rumah Kedai/Kedai Pejabat	526	326	151	477	49
JUMLAH	13,179	10,468	2,566	13,034	145

Sumber : Rekod JKPSB

19.5.2.1.2. Pengurus Harta Bagi Rumah Pangsa/Pangsapuri

- a. Bahagian Pengurusan Harta bertanggungjawab dalam mengurus dan menyenggara 13 rumah pangsa/pangsapuri yang diambil alih daripada Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan 3 rumah pangsa/pangsapuri melalui projek penswastaan/JKPSB sebagai Agen Pengurusan. JKPSB merancang untuk melepaskan tanggungjawab pengurusan dan penyenggaraan rumah pangsa/pangsapuri melalui penubuhan Perbadanan Pengurusan (MC) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB). Setakat 30 Jun 2014, hanya 10 rumah pangsa/pangsapuri yang telah menubuhkan MC dan JMB manakala baki 6 rumah pangsa/pangsapuri masih dalam proses perbincangan dan mesyuarat penubuhannya.
- b. JKPSB terlibat secara langsung dalam pengurusan dan penyenggaraan bangunan rumah-rumah pangsa/pangsapuri. Caj penyenggaraan rumah pangsa/pangsapuri dikenakan kepada penduduk adalah pada kadar RM25 hingga RM80 seunit. Di samping itu, JKPSB turut melaksanakan kerja-kerja penyediaan bil dan kutipan caj perkhidmatan; pengurusan akaun dan penyediaan laporan beraudit; mengurus dan membayar bil-bil berkaitan; penyenggaraan terancang (preventive and corrective) ke atas sistem-sistem bangunan dan mengambil langkah yang perlu terhadap kejadian kecemasan serta kerosakan kemudahan bangunan.
- c. Pada tahun 1998, JKPSB telah mengambil alih pengurusan rumah pangsa daripada pengurusan UDA Holdings Berhad (UHB) melalui *Power Of Attorney* (PA) yang diperolehi berikutan pengkorporatan UHB. Perbelanjaan pengurusan bagi rumah pangsa tidak dapat ditampung melalui jumlah kutipan caj penyenggaraan yang dikenakan kepada penduduk. Ini menyebabkan JKPSB perlu membuat bayaran pendahuluan terhadap perbelanjaan yang sepatutnya ditanggung oleh penduduk. Setakat 31 Disember 2013, jumlah pendahuluan oleh JKPSB kepada keseluruhan 16 rumah pangsa dan pangsapuri di bawah pengurusan JKPSB adalah berjumlah RM12.20 juta.

19.5.2.1.3. Sewaan Ruang Di Premis Perniagaan

- a. Setakat 31 Ogos 2014, JKPSB menguruskan sebanyak 578 unit premis perniagaan di 23 kompleks perniagaan. Kadar sewa bulanan yang ditetapkan oleh JKPSB bagi premis berkenaan adalah antara RM90 hingga RM12,500 seunit.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Ogos 2014, bilangan ruang niaga yang disewakan adalah memuaskannya di mana sebanyak 426 (73.7%) ruang niaga telah disewakan berbanding ruang niaga di 23 kompleks perniagaan yang berjumlah 578. Antara faktor yang menyebabkan premis berkenaan tidak dapat disewakan adalah kerana lokasi yang kurang menarik, tempat letak kereta yang tidak bersesuaian dan mencukupi serta premis tidak disenggarakan dengan baik. JKPSB harus meningkatkan usaha pemasaran dan penyenggaraan bagi memastikan semua premis perniagaannya menarik, berdaya saing dan berpotensi untuk disewakan. Kegagalan menyewakan premis perniagaan mengakibatkan JKPSB perlu menanggung kos penyenggaraan menggunakan sumber kewangan lain disebabkan tiada hasil daripada sewaan ruang niaga.

19.5.2.2. Pengurusan Aktiviti**19.5.2.2.1. Pemaju Hartanah**

Semakan telah dijalankan terhadap 7 projek yang dipilih merangkumi daripada peringkat perancangan sehinggalah ke peringkat penyerahan rumah kepada pembeli. Tujuh projek berkenaan terdiri daripada 2 projek yang sedang dalam pembinaan dan 5 projek yang telah siap. Di samping itu semakan juga telah dijalankan terhadap pembangunan projek di Guar Perahu sebagai susulan kepada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2011. Butiran lanjut mengenai senarai projek berkenaan dan perkara-perkara yang telah berbangkit adalah seperti jadual dan perenggan-perenggan berikut:

**JADUAL 19.6
SENARAI PROJEK YANG TELAH DIAUDIT**

NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	STATUS
Taman Seri Putera – 49 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1A)	4,251,640.87	Siap
Taman Seri Saujana – 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (A) (Fasa 1A) Taman Seri Saujana – 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (B) (Fasa 1A)	9,147,402.73	Siap
Taman Ilmu – 72 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2B/2D)	9,758,026.50	Siap
Taman Seri Akasia – 4 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Taman Seri Akasia – 17 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 3A & 4)	3,488,597.70	Siap
Taman Seri Akasia – 80 Unit Rumah Kluster Kos Rendah 2 Tingkat (Fasa 1D)	6,331,895.53	Siap

NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	STATUS
Taman Seri Anggun – 33 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Taman Seri Anggun –1 Blok 15 Tingkat Rumah Kos Rendah	18,699,868.85	Siap Belum Siap
Taman Seri Saujana – 10 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Taman Seri Saujana – 22 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Fasa 1D/1E)	4,743,435.00	Belum Siap

Sumber : Fail Projek

a. Perjanjian Kontrak Lewat Disempurnakan

Perjanjian Kontrak merupakan suatu dokumen yang merekodkan terma-terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang menandatangani kontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan kerja pembinaan. Perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Perenggan 4.5 Prosedur Penyediaan Dokumen Perjanjian (04A-PK) menyatakan setelah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, Pengurus/ Eksekutif/Kerani Pembangunan Korporat akan mendapatkan tandatangan bagi dokumen perjanjian berkaitan. Setelah ditandatangani, dokumen perjanjian tersebut akan disetem. Semakan Audit terhadap 5 perjanjian kontrak antara JKPSB dengan kontraktor terlibat mendapati JKPSB mengambil masa antara 95 hingga 335 hari untuk ditandatangani. Keadaan ini boleh menjejaskan kepentingan JKPSB. Butirannya adalah seperti jadual seperti berikut:

JADUAL 19.7
PERJANJIAN KONTRAK MENGAMBIL MASA
YANG LAMA UNTUK DISEMPURNAKAN

NAMA PROJEK	TARIKH SST (a)	TARIKH PERJANJIAN (b)	TEMPOH TANDA TANGAN (HARI) (b) – (a) = (c)
Taman Seri Putera – 49 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1A)	04.09.2012	25.06.2013	294
Taman Seri Saujana – 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (A) (Fasa 1A)	11.12.2009	11.11.2010	335
Taman Seri Saujana – 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (B) (Fasa 1A)			
Taman Ilmu – 72 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2B/2D)	07.06.2012	11.09.2012	95
Taman Seri Akasia – 4 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat	06.01.2012	06.01.2012	0
Taman Seri Akasia – 17 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 3A & 4)			
Taman Seri Akasia – 80 Unit Rumah Kluster Kos Rendah 2 Tingkat (Fasa 1D)	23.10.2012	22.07.2013	272

Sumber : Fail Projek

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015 Dan 5 Mei 2015

Perjanjian kontrak lewat disempurnakan disebabkan oleh kurang pemantauan memandangkan tiada SOP yang jelas dari segi penyempurnaan kontrak dokumen. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi JKPSB telah mewujudkan SOP yang jelas dan telah mendapat pengiktirafan ISO 9001 : 2008. Penambahbaikan SOP yang selaras dengan prosedur ISO 9001 : 2008 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk ISO untuk diperakukan selewat-lewatnya pada Jun 2015.

b. Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Lewat Diproses

Klausa 43 Syarat Kontrak menghendaki kontraktor memberi notis kepada Pegawai Penguasa sebaik sahaja terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja dan memohon lanjutan masa untuk menyiapkan projek. Sekiranya Pegawai Penguasa berpuas hati dengan alasan dan tempoh yang dimohon, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) kepada kontraktor dengan menyatakan tarikh siap baru yang dibenarkan. EOT hendaklah dikeluarkan sebelum tamat tarikh siap asal atau tarikh siap yang dibenarkan oleh EOT sebelumnya.

Semakan terhadap permohonan EOT oleh kontraktor dan Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah mendapati proses penilaian terhadap permohonan EOT tidak dibuat sebaik saja ia diterima. Sebaliknya permohonan EOT berkenaan dinilai apabila projek berkenaan hampir siap dan kertas Lembaga Pengarah disediakan untuk dibentang bagi memperoleh kelulusan Ahli Lembaga Pengarah. Semakan juga mendapati kelulusan EOT dikeluarkan selepas berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Butiran mengenai permohonan dan kelulusan EOT adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.8
PERMOHONAN PERAKUAN KELAMBATAN DAN
LANJUTAN MASA LEWAT DIPROSES

NAMA PROJEK	TARIKH SIAP MENGIKUT KONTRAK	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH MOHON LANJUTAN MASA (EOT)	TARIKH DIBAWA KE LEMBAGA PENGARAH	TARIKH KELULUSAN	NAMA KONTRAKTOR
Taman Seri Saujana	27.07.2011	15.06.2012	22.06.2011	05.07.2012 (MLP Bil. 5/2012)	05.07.2012	Lembaran Setia Sdn. Bhd.
			03.12.2012			
			05.06.2012	21.01.2013 (MLP Bil. 1/2013)	21.01.2013	
Taman Seri Anggun	02.03.2014	Belum Siap	24.06.2013	Belum Bawa	Belum Lulus	Image Facade
	08.07.2013	Belum Siap	TB	TB	TB	
Taman Seri Saujana Fasa 1D dan E	31.05.2014	-	28.04.2014	Belum Proses	Belum Proses	CDZ Enterprise

Sumber : Fail Projek

Nota : TB - Tidak Berkenaan

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

JKPSB mengambil pendekatan membentangkan permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) lewat pada penghujung projek atau serentak dengan pembentangan Penyata Akaun Akhir kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan ganti rugi yang dibayar kepada pembeli dikontrakan dengan Denda Lewat Penyediaan yang dikenakan ke atas kontraktor tersebut. Pindaan bagi penambahbaikan terhadap SOP berkaitan dalam tindakan JKPSB.

Pada pendapat Audit proses kelulusan lanjutan masa yang diamalkan oleh JKPSB adalah tidak teratur kerana dikhuatiri masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak tersebut dan kontraktor tidak lagi bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak.

c. Perakuan Bayaran Interim Tidak Diperaku/Diluluskan

Bayaran Interim dibayar bagi nilai kerja yang terlaksana dan bahan-bahan atau barang-barang yang dibawa masuk ke tapak bina. Perakuan ini dibuat dengan menggunakan borang Perakuan Bayaran Interim yang mengandungi ruangan Bayaran Disyorkan untuk pengesahan Juruukur Bahan dan Arkitek. Di samping itu terdapat juga ruangan Bayaran Diperakukan yang memerlukan tandatangan daripada pihak yang bertanggungjawab untuk memperaku dan meluluskan bayaran. Semakan terhadap 13 baucar bayaran bernilai RM3.61 juta bagi 4 projek mendapati JKPSB menggunakan Borang JKR 66 (Pin.3/1999) dan Borang JKR 66 (Pin.4/2000). Semakan juga mendapati ruangan perakuan dan kelulusan bayaran di borang Perakuan Bayaran Interim berkenaan tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dan Pegawai Penguasa. Butiran borang Perakuan Bayaran Interim yang tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.9
PERAKUAN BAYARAN INTERIM YANG TIDAK DIPERAKU/DILULUSKAN

NAMA PROJEK	BAYARAN INTERIM	BAYARAN DIPERAKUKAN (RM)	NO. BAUCAR	JKR 66 YANG DIGUNAKAN	KELULUSAN			
					JURUUKUR BAHAN	ARKITEK	PEGAWAI YANG MEMPERAKUKAN	PEGAWAI YANG MELULUSKAN
Taman Seri Akasia	1	153,097.60	28922	JKR 66 (Pind. 4/2000)	TB	TB	/	/
	4	51,316.85	29884	JKR 66 (Pind. 4/2000)	TB	TB	/	/
	12	122,132.50	32759	JKR 66 (Pind. 4/2000)	TB	TB	/	/
	17	241,208.29	35206	JKR 66 (Pind. 4/2000)	TB	TB	/	/
Taman Seri Saujana - 49 Unit Rumah Teres 2 Tingkat	9	755,907.65	33826/33825	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	TB	TB
	16	324,847.93	36657	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	TB	TB

NAMA PROJEK	BAYARAN INTERIM	BAYARAN DIPERAKUKAN (RM)	NO. BAUCAR	JKR 66 YANG DIGUNAKAN	KELULUSAN			
					JURUUKUR BAHAN	ARKITEK	PEGAWAI YANG MEMPERAKUKAN	PEGAWAI YANG MELULUSKAN
Taman Seri Saujana - 10 Unit Rumah Teres 2 Tingkat	3	267,685.40	36923	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x
Taman Ilmu - 72 Unit Rumah Teres 2 Tingkat	1	263,551.50	30797	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x
	2	240,471.70	31146	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x
	3	392,707.50	31278	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x
	4	147,528.90	31409	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x
	15	187,710.67	33409	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x
	26	460,972.16	35932	JKR 66 (Pin. 3/1999)	/	/	x	x

Sumber : Fail Bayaran

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015 Dan 5 Mei 2015

JKPSB mempunyai format Sijil Bayaran Interim yang ditandatangani oleh pegawai JKPSB. JKPSB hanya memerlukan pihak Juruukur Bahan dan Arkitek/Konsultan sebagai Pegawai Penguasa untuk meluluskan perakuan bayaran (Borang JKR 66) tersebut dan dikemukakan kepada JKPSB. JKPSB dalam tindakan membuat penyeragaman penggunaan borang perakuan interim [Borang JKR 66 (Pind. 3/1999)] bagi semua konsultan JKPSB selaras dengan ISO 9001 : 2008. Penyeragaman tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk ISO untuk diperakukan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2015.

d. Kelewatan Memperoleh Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) Bagi Projek Yang Telah Siap

Setiap projek yang dibangunkan perlu diserahkan dengan segera kepada pembeli tidak lewat daripada tarikh pemilikan kosong (vacant possession) yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli. Kegagalan pemaju menyerahkan unit berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan pemaju perlu membayar ganti rugi kepada pembeli. JKPSB sebagai pemaju sepatutnya berusaha untuk mendapatkan sijil CCC secepat mungkin sebaik saja Perakuan Siap Sebenar (CPC) dikeluarkan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati semasa pengauditan dijalankan CCC bagi 4 projek masih belum diperoleh walaupun tarikh CPC telah melebihi antara 6 hingga 26 bulan. Butiran mengenai senarai projek yang belum memperoleh CCC adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.10
SENARAI PROJEK BELUM MEMPEROLEH CCC
WALAUPUN CPC TELAH DIKELUARKAN

PROJEK	TARIKH CPC
Taman Seri Putera – 49 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 1A)	29.11.2013
Taman Seri Saujana – 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (A) (Fasa 1A) Taman Seri Saujana – 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (B) (Fasa 1A)	15.06.2012
Taman Ilmu – 72 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2B/2D)	10.03.2014
Taman Seri Akasia – 4 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat Taman Seri Akasia – 17 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 3A & 4)	28.02.2014

Sumber : Fail Status Kemajuan Projek

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

- i. Pihak Berkuasa Tempatan telah mengenakan syarat-syarat tambahan terhadap pemaju sebelum mempertimbangkan kelulusan permohonan CCC.*
- ii. JKPSB diberi layanan kurang memuaskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang menyukar dan melambatkan proses permohonan CCC.*
- iii. TNB mengambil tempoh yang lama untuk perakuan CCC.*

e. Projek Guar Perahu

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang bertarikh 8 Februari 2002 telah meluluskan Cadangan Pembangunan Projek Perumahan di Lot Pt. No 83, Mukim 20, Guar Perahu, Seberang Perai Tengah secara usaha sama di antara Koperasi Wanita Kepala Batas Berhad (KWKBB) dan Koperasi Tenaga Maju Berhad (KTMB). Perjanjian Pengurusan Projek antara JKPSB dengan koperasi berkenaan ditandatangani pada 30 Ogos 2005 yang mana KWKBB dan KTMB bertindak sebagai pengurus projek akan menerima bayaran yuran berjumlah RM1,669,350 dengan nisbah pembahagiannya ialah 50:50. Di samping itu, KWKBB dan KTMB juga telah melantik Bulkens Corporation Sdn. Bhd. (BCSB) sebagai kontraktor melalui perjanjian *Turnkey* dengan kos projek berjumlah RM51.60 juta. Namun begitu, pada 10 Disember 2010 kontrak telah ditamatkan melalui *Deed of Mutual Rescission* yang ditandatangani bersama oleh JKPSB, KWKBB, KTMB dan BCSB akibat kegagalan BCSB melaksanakan projek berkenaan. BCSB telah menerima bayaran berjumlah RM0.4 juta sebagai kos awalan untuk sebahagian projek yang telah dilaksanakan. Seterusnya, JKPSB mengambil alih projek berkenaan dan pelaksanaannya ditangguhkan kerana keadaan ekonomi semasa.

Semasa pengauditan dijalankan pada 27 Jun 2011 hingga 29 Julai 2011 berdasarkan permintaan Kementerian Kewangan Malaysia agar pengurusan dan pelaksanaan projek JKPSB diaudit mendapati faktor utama kegagalan projek JKPSB adalah kerana Pengurus Projek iaitu KWKBB dan KTMB tidak memantau pelaksanaannya. Namun begitu, pada 23 Mei 2012 Perjanjian

Pengurusan Projek yang baru telah ditandatangani untuk pembangunan lot berkenaan dengan mengekalkan konsep Pengurusan Projek di antara JKPSB dengan KWKBB. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 22 Oktober 2012 telah bersetuju untuk melantik Wanland Sdn. Bhd. sebagai kontraktor untuk melaksanakan kerja tanah dan pengeluaran tanah di atas lot berkenaan dengan imbuhan bersih kepada JKPSB berjumlah RM894,628. Pada 13 Ogos 2014, pihak KWKBB telah mengemukakan tuntutan sejumlah RM200,000 sebagai bayaran kemajuan projek terhadap kerja tanah dan pengeluaran tanah yang telah dilakukan.

Lawatan pihak Audit pada 9 September 2014 ke tapak kerja tanah dan pengeluaran tanah di Lot PT. 83, Mukim 20, Seberang Perai Tengah mendapati tiada bukti menunjukkan Pengurus Projek terlibat dalam pemantauan projek berkaitan. Selain itu, Mesyuarat Taklimat Projek Guar Perahu Di Atas Lot PT. 83, Mukim 20, Seberang Perai Tengah pada 15 Ogos 2014 dengan dihadiri oleh peguam syarikat iaitu Sabri & Co telah diadakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan peguam berkenaan implikasi kepada JKPSB sekiranya Perjanjian Pengurusan Projek dibatalkan.

Di samping itu, Klausa 4.05 Perjanjian Pengurusan Projek menetapkan JKPSB sebagai Pemilik-Pemaju dan perlu melaksanakan perkara seperti berikut *“may exercise its sole discretion to guide, supervise and generally exercise its total control over the implementation of the Development Project and shall at all reasonable times be entitled to enter upon the said Land or construction site to view the state and progress of the Development Project until its completion”*. Pihak Audit berpendapat skop kerja yang telah ditetapkan bagi JKPSB sebagai Pemaju Hartanah bertindih dengan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Pengurus Projek. Sehubungan itu, JKPSB perlu memastikan Pengurus Projek Guar Perahu melaksanakan tanggungjawabnya dan tidak bertindih dengan peranan yang dimainkan oleh JKPSB serta memastikan projek tidak mengalami kegagalan seperti projek-projek terdahulu yang menggunakan konsep Pengurus Projek.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Cadangan pembangunan Projek Guar Perahu tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang pada 8 Februari 2002 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah JKPSB Bil. 1/2005 pada 14 Februari 2005 masing-masing melalui perjanjian Turnkey.

Perjanjian Turnkey tersebut telah ditamatkan melalui Deed of Mutual Rescission pada 10 Disember 2010. Walau bagaimanapun, satu perjanjian menggunakan konsep Pengurusan Projek telah ditandatangani di antara JKPSB dengan KWKBB pada 23 Mei 2012. Namun demikian, pihak JKPSB kini sedang dalam tindakan untuk menyemak semula Perjanjian Pengurusan Projek tersebut bagi memastikan

perjalanan projek yang lebih lancar tanpa sebarang pertindihan fungsi kerja/tugasan di antara JKPSB dengan KWKBB. Dalam hubungan berkaitan, JKPSB tidak lagi melaksanakan projek pembangunan berkonsepkan Pengurusan Projek seperti yang dinyatakan.

f. Akaun Pemajuan Perumahan (HDA)

Perenggan 7A (2) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] menetapkan sekiranya sesuatu pemajuan perumahan hendak dilaksanakan dalam fasa-fasa berlainan, Akaun Pemajuan Perumahan hendaklah dibuka bagi setiap fasa tersebut. Semakan Audit mendapati JKPSB tidak membuka akaun HDA secara berasingan bagi setiap projek perumahan walaupun JKPSB telah melaksanakan pemajuan perumahan secara berfasa. Butiran lanjut mengenai pembukaan Akaun HDA dan projek terlibat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.11
JADUAL AKAUN PEMAJUAN PERUMAHAN

PROJEK/FASA	NO. AKAUN HDA
Taman Ilmu Fasa 1C & 1D	08022010030574
Taman Ilmu Fasa 2B & 2D	07025010031792
Taman Ilmu Fasa 1A & 1B	08022010029193

Sumber : Rekod Akaun HDA

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

HDA dibuka berdasarkan Lesen Pemaju yang diluluskan oleh KPKT bagi setiap projek, kecuali pembangunan projek perumahan di Taman Ilmu dibuat mengikut fasa pembinaan. Perkara ini telah dipraktikkan sejak penubuhan JKPSB dan tiada halangan daripada KPKT walaupun Garis Panduan KPKT menyatakan HDA dibuka mengikut peringkat.

JKPSB akan memastikan akaun HDA untuk semua projek baru dibuka selaras dengan arahan Seksyen 7A(2) Akta Pemajuan Perumahan 1966 dan akan memohon pengecualian berkaitan perkara tersebut.

19.5.2.2.2. Pengurusan Aktiviti JKPSB Sebagai Pengurus Hartanah

a. Premis Perniagaan Tidak Disenggara

Sebanyak 4 sampel premis perniagaan telah dipilih berdasarkan kriteria bilangan unit premis tersebut disewa yang terlalu rendah. Lawatan ke premis perniagaan yang dipilih telah dilakukan pada 10 September 2014 iaitu di Menara UMNO, Kompleks Bukit Mertajam, Padang Benggali dan Kompleks Bagan. Hasil lawatan Audit mendapati kebanyakan premis tidak disenggara dengan sempurna seperti gambar-gambar berikut:

GAMBAR 19.1



*Tingkat 2 Kompleks Bagan
- Aras 2 Terbiar Dan Tidak Disenggara
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.2



*Tingkat 2 Kompleks Bagan
- Siling Terkopak Dan Tidak Diperbaiki
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.3



*Tingkat 1 Kompleks Bagan
- Pintu Tandas Tercabut
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.4



*Tingkat 1 Kompleks Bagan
- Lif Tidak Berfungsi
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.5



*Tingkat 19 Menara UMNO
- Keretakan Dinding
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.6



*Tingkat 19 Menara UMNO
- Permaidani Rosak Di Ruang Legar
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.7



*Pejabat 5 Tingkat Di Padang Benggali
- Premis Berkunci
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.8



*Pejabat 5 Tingkat Di Padang Benggali
- Bekalan Elektrik Telah Diputuskan
(10.09.2014)*

GAMBAR 19.9

Kompleks Bukit Mertajam
- **Pendawaian Switchboard Tidak Teratur**
(10.09.2014)

GAMBAR 19.10

Kompleks Bukit Mertajam
- **Tingkat Top Hung Pecah**
(10.09.2014)

GAMBAR 19.11

Kompleks Bukit Mertajam
- **Lampu Tiada Mentol**
(10.09.2014)

GAMBAR 19.12

Kompleks Bukit Mertajam
- **Siling Pecah**
(10.09.2014)

Pada pendapat Audit, keadaan premis yang terbiar dan tidak disenggara dengan sempurna merupakan salah satu faktor yang menyebabkan premis berkenaan tidak menarik dan berdaya saing untuk disewakan. Selain itu, JKPSB perlu melakukan tindakan membaik pulih premis berkenaan supaya dapat menarik lebih ramai penyewa untuk membuka perniagaan di lokasi-lokasi tersebut.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

JKPSB telah mengambil tindakan seperti berikut bagi menyelesaikan masalah ini:

- i) Menamatkan perkhidmatan kontraktor pencucian dan tidak akan menyambung kontrak syarikat kawalan keselamatan di premis-premis yang berkaitan. Bagi kontrak pencucian, pihak JKPSB dalam proses melantik kontraktor yang baru dan akan memastikan kontraktor yang dilantik akan lebih berwibawa.*
- ii) Pihak JKPSB telah mengenal pasti beberapa premis perniagaan yang akan melaksanakan konsep single operator di mana segala urusan penyenggaraan akan dilaksanakan sendiri oleh pengusaha yang dilantik.*
- iii) Tindakan tegas telah diambil ke atas penyelia-penyelia bangunan yang gagal untuk memantau kerja-kerja penyenggaraan premis-premis yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Sehingga kini, dua (2) Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada penyelia bangunan yang gagal menjalankan tugas.*

- iv) JKPSB dalam tindakan bagi memperuntukkan bajet bagi kerja-kerja penambahbaikan premis-premis tersebut dan dikemukakan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan. Selain daripada itu, JKPSB telah menyediakan kertas kerja untuk memohon peruntukan menaik taraf premis-premis untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang.

b. Tuntutan Tunggakan Sewa dan Caj Penyenggaraan

Standard Operating Procedure (SOP) bagi Prosedur Tuntutan Tunggakan Sewa dan Caj Penyenggaraan (10-Harta-02A) menetapkan Eksekutif/Kerani Harta hendaklah mengeluarkan notis Peringatan 1 bagi penyewa yang mempunyai tunggakan melebihi dua bulan. Notis Peringatan 2 akan dikeluarkan selepas tamat 14 hari tempoh masa yang diberikan. Selepas jumlah 28 hari dari tempoh notis Peringatan 1 dikeluarkan, Pengurus/Eksekutif Harta akan mengarahkan peguam syarikat mengeluarkan notis tuntutan kepada penyewa yang masih gagal menjelaskan tunggakan setelah mendapat persetujuan Ketua Pegawai Eksekutif. Tindakan mahkamah akan diambil sekiranya penyewa masih tidak menjelaskan tunggakan setelah notis tuntutan dikeluarkan. Semakan Audit terhadap sampel fail bagi 27 penyewa yang mempunyai tunggakan mendapati JKPSB hanya mengeluarkan beberapa kali surat Peringatan Pertama tanpa disusuli dengan surat Peringatan Kedua atau tindakan mahkamah seperti yang ditetapkan oleh SOP. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.12
BILANGAN SURAT PERINGATAN PERTAMA
DIKELUARKAN KEPADA PENYEWAWA/PENGHUNI

NAMA PENYEWAWA	PREMIS PERNIAGAAN	BIL. NOTIS PERTAMA DIKELUARKAN (Kali)	TARIKH NOTIS TERAKHIR	JUMLAH TERTUNGGAK (RM)
Penyewa 1	Unit A-G-03, Kedai Rumah Pangsa Seri Bagan	24	01.01.2014	12,325
Penyewa 2	Unit A-G-05, Kedai Rumah Pangsa Seri Bagan	26	01.03.2014	13,425
Penyewa 3	No. 4 Medaniaga Bayan Lepas	18	01.07.2014	8,650
Penyewa 4	No. 5 Medaniaga Bayan Lepas	13	01.05.2014	1,450
Penyewa 5	Kedai Tiga Tingkat, Taman Air Tawar Indah	21	01.02.2014	2,700
Penyewa 6	Kedai Tiga Tingkat, Taman Air Tawar Indah	13	01.01.2014	6,080
Penyewa 7	Kedai Tiga Tingkat, Taman Air Tawar Indah	21	01.08.2014	6,811
Penyewa 8	Kompleks Kepala Batas	17	01.06.2014	8,243
Penyewa 9	Kompleks Kepala Batas	15	01.03.2014	2,909
Penyewa 10	Kompleks Tasek Gelugor	18	01.08.2014	14,470
Penyewa 11	Kedai Padang Benggali	15	01.03.2014	2,800
Penyewa 12	Menara UMNO	20	01.08.2014	8,620
Penyewa 13	Permatang Rawa	18	01.05.2014	46,032
Penyewa 14	Medaniaga Bayan Lepas	28	01.08.2014	1,500
Penyewa 15	Medaniaga Bayan Lepas	20	01.06.2014	6,546

NAMA PENYEWA	PREMIS PERNIAGAAN	BIL. NOTIS PERTAMA DIKELUARKAN (Kali)	TARIKH NOTIS TERAKHIR	JUMLAH TERTUNGGAK (RM)
Penyewa 16	Medaniaga Bayan Lepas	17	01.06.2014	9,000
Penyewa 17	Sungai Bakap	12	01.08.2014	5,000
Penyewa 18	Pusat Komersial Tasek Gelugor	1	01.01.2013	1,400
Penyewa 19	Pusat Komersial Tasek Gelugor	16	01.03.2014	3,500
Penyewa 20	IKS Teluk Air Tawar Indah	11	01.05.2014	6,000
Penyewa 21	Pusat Komersial Permatang Pauh (Pekan Rabu)	26	01.03.2014	8,750
Penyewa 22	Pusat Komersial Permatang Pauh (Pekan Rabu)	26	01.03.2014	5,950
Penyewa 23	Permatang Pauh	14	01.03.2014	7,300
Penyewa 24	Pusat Komersial Permatang Pauh	14	01.03.2014	8,400
Penyewa 25	Permatang Pauh	14	01.03.2014	7,300
Penyewa 26	Kompleks Bukit Mertajam	19	01.08.2014	6,510
Penyewa 27	Kompleks Balik Pulau	19	01.08.2014	1,270

Sumber : Fail Penyewa Premis

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

KERJA-kerja kutipan sebelum ini dilakukan oleh Agen Kutipan yang dilantik oleh JKPSB. Walau bagaimanapun, didapati Agen Kutipan yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya. Oleh yang demikian, JKPSB telah menamatkan perkhidmatan Agen-Agen Kutipan berkenaan. Susulan daripada itu, JKPSB telah melaksanakan sendiri urusan kutipan dan caj penyenggaraan seperti berikut:

- i) Menempatkan Mobile Team di setiap premis untuk mengutip sewa dan caj penyelenggaraan semasa serta caj tunggakan sewaan dan caj penyenggaraan.*
- ii) Mana-mana penyewa dan pemilik pangsapuri yang gagal membayar sewaan dan caj penyenggaraan dalam tempoh tertentu akan diberikan Notis Peringatan.*
- iii) JKPSB akan melaksanakan kutipan sewa dan caj penyenggaraan secara Auto Debit untuk mempertingkatkan prestasi kutipan.*
- iv) JKPSB akan mengambil tindakan perundangan sekiranya tunggakan terkumpul melebihi RM10,000. Rasional tindakan ini dibuat adalah kerana kos guaman yang terlibat lebih tinggi berbanding jumlah tunggakan yang dituntut. Berhubung dengan perkara ini, pindaan terhadap SOP ISO 9001 : 2008 akan dilakukan.*

c. Badan Pengurusan Bersama (JMB) Belum Ditubuhkan

Sebagai pemaju perumahan yang memajukan rumah pangsa/pangsapuri, maka pemaju bertanggungjawab secara langsung terhadap pengurusan hanya sehingga penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB). Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) menetapkan

dua keadaan dalam memastikan penubuhan JMB bagi rumah pangsa/pangsapuri seperti berikut:

- bagi bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk pecah bahagi yang telah disiapkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan pemilikan kosong petak telah diserahkan oleh pemaju kepada pembeli tetapi perbadanan pengurusan belum wujud, JMB hendaklah ditubuhkan apabila mesyuarat pertama diadakan tidak lewat daripada 12 bulan dari permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- bagi bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, JMB hendaklah ditubuhkan apabila mesyuarat pertama diadakan tidak lewat daripada 12 bulan dari tarikh penyerahan pemilikan kosong petak kepada pembeli.

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Ogos 2014 sebanyak 16 buah rumah pangsa/pangsapuri yang dimajukan atau diambil alih oleh JKPSB. Daripada jumlah ini sebanyak 6 (37.5%) buah rumah pangsa/pangsapuri masih belum menubuhkan JMB iaitu Medan Tengku Blok 1, Mutiara Idaman 1, Wakaf Khan, Halaman Damai Blok 10, Pangsapuri Indah 1A/1B dan Sri Bagan.

Kegagalan menubuhkan JMB bagi rumah pangsa/pangsapuri berkenaan telah menyebabkan JKPSB terpaksa menanggung kesemua perbelanjaan pengurusan dan penyenggaraan rumah pangsa/pangsapuri berkenaan. Sehingga 31 Disember 2013, JKPSB telah membelanjakan sejumlah RM12.20 juta sebagai pendahuluan belanja pengurusan dan penyenggaraan. Di samping itu, kegagalan JKPSB memanggil mesyuarat pertama kesemua pembeli bagi tujuan penubuhan JMB merupakan pelanggaran seksyen 5(1) Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) yang boleh menyebabkan pemaju dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Setakat ini terdapat 16 rumah pangsa/pangsapuri di bawah seliaan JKPSB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 rumah pangsa/pangsapuri telah memiliki MC, 5 rumah pangsa/pangsapuri telah memiliki JMB dan 3 dalam proses penubuhan JMB. Manakala 3 lagi rumah pangsa/pangsapuri telah diserahkan kepada pemilik asal iaitu Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP), State Secretary Incorporated (SSI) dan UDABINA Sdn. Bhd.. Bagi rumah pangsa/pangsapuri yang dalam proses penubuhan JMB adalah dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2015.

d. Pengurusan Pangsapuri Selepas Penubuhan JMB/MC

Selepas penubuhan JMB/MC (Management Corporation), pengurusan rumah pangsapuri seperti urusan bayaran dan terimaan perlu dilaksanakan oleh JMB/MC termasuk nama akaun bank dan invois adalah di atas nama JMB/MC. Namun begitu, semakan Audit mendapati daripada 10 pangsapuri yang telah mempunyai JMB/MC sendiri hanya 4 (40%) JMB/MC yang melaksanakan pengurusan pangsapuri berkenaan. Pengurusan bagi 6 lagi pangsapuri masih di bawah kawalan JKPSB. Semua akaun bekalan air dan elektrik masih atas nama JKPSB. Selain itu, urusan bil dan kutipan caj penyenggaraan masih dibuat oleh JKPSB dan dimasukkan ke akaun bank JKPSB. Manakala bagi bayaran utiliti seperti air, elektrik dan insurans, ia turut dilakukan oleh JKPSB. Jumlah bayaran yang ditanggung oleh JKPSB adalah melebihi amaun bil caj penyenggaraan. Akibatnya JKPSB terpaksa menanggung tunggakan bil air dengan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang berjumlah RM374,533 dan tunggakan elektrik yang berjumlah RM57,754. JKPSB juga perlu melantik agen pengutip hutang untuk mendapatkan semula tunggakan caj penyenggaraan daripada pemilik pangsapuri dan terpaksa menanggung komisen agen pengutip hutang. Di samping itu, berlaku pembaziran sumber tenaga JKPSB kerana kakitangan JKPSB terpaksa menjalankan urusan yang sepatutnya dijalankan oleh JMB/MC.

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun 2011 hingga 2013, mendapati tiada laporan mengenai prestasi penubuhan JMB/MC dan pengurusannya dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah. Pada pendapat Audit, pihak Lembaga Pengarah perlu dimaklumkan dan seterusnya menetapkan polisi berhubung penglibatan JKPSB terhadap rumah pangsa/pangsapuri yang telah mewujudkan JMB/MC.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015 Dan 5 Mei 2015

JKPSB dalam tindakan membuat penyerahan semua pengurusan pangsapuri/rumah pangsa kepada JMB/MC yang telah ditubuhkan dan akan diselesaikan pada penghujung tahun 2015

e. Hapus Kira Pendahuluan Perbelanjaan Pengurusan Pangsapuri

Sehingga 31 Disember 2013, JKPSB telah melakukan perbelanjaan pendahuluan berjumlah RM12.20 juta kepada 16 rumah pangsa dan pangsapuri. Daripada jumlah itu, RM6.04 juta merupakan tunggakan caj penyenggaraan. Dalam Kertas Lembaga Pengarah untuk Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 4/2014 bertarikh 30 Jun 2014, pihak pengurusan mencadangkan untuk melupuskan jumlah tersebut dari Penyata Kewangan JKPSB. Namun begitu, tiada kelulusan diperolehi daripada Ahli Lembaga Pengarah mengenai cadangan untuk melupuskan jumlah RM12.20 juta dari Penyata Kewangan JKPSB. Jumlah tunggakan pendahuluan yang tinggi adalah disebabkan kurangnya pemantauan di peringkat awal dan juga amalan memberi pendahuluan bagi pengurusan

rumah pangsa dan pangsapuri terlibat. Di samping itu, caj penyenggaraan yang rendah dan tidak dapat menampung kos sebenar pengurusan rumah pangsa/pangsapuri menyebabkan JKPSB terpaksa menanggung baki kos sebenar yang perlu dibayar. **Mengikut piawaian perakaunan, JKPSB dengan kelulusan Lembaga Pengarah boleh mengiktiraf tunggakan caj penyenggaraan berjumlah RM6.04 juta sebagai belanja hapus kira disebabkan kesukaran mengutip semula dan usaha kutipan telah mencapai tahap maksimum prosedur yang ditetapkan oleh SOP JKPSB. Namun begitu, JKPSB masih perlu berterusan mengutip tunggakan caj penyenggaraan tersebut walaupun dari segi perakaunan ia telah dihapus kira.**

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Setakat hari ini, JKPSB tidak pernah membuat sebarang hapus kira wang pendahuluan perbelanjaan pengurusan pangsapuri/rumah pangsa memandangkan cadangan hapus kira yang telah dikemukakan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah JKPSB Bil. 4/2014 pada 30 Jun 2014 tiada keputusan. Cadangan pihak Audit untuk menghapus kira perbelanjaan pengurusan pangsapuri/rumah pangsa hanya akan dilaksanakan setelah semua usaha tindakan kutipan dilaksanakan. Bagi tujuan kutipan tunggakan tersebut, JKPSB telah mengambil tindakan drastik dengan melantik peguam untuk membuat kutipan tunggakan kepada JMB Pangsapuri Blok 1C, Taman Air Tawar Indah.

19.5.2.2.3. Pemegang Hartanah

a. Pemantauan Terhadap Tanah Milik JKPSB

JKPSB sebagai pemilik tanah perlu memantau tanah-tanah milik syarikat untuk memastikan ia tidak diceroboh dan disalah guna oleh pihak lain. Semakan Audit mendapati sehingga Mei 2014, JKPSB tidak memantau tanah-tanah milik mereka dan tidak terdapat SOP mengenai pemantauan tanah disediakan. Namun begitu, mulai bulan Mei 2014, Bahagian Harta telah mula membuat lawatan di tanah-tanah milik JKPSB untuk memantau keadaan tanah. Setakat Ogos 2014, sebanyak 14 lawatan telah diadakan. Kegagalan memantau tanah milik JKPSB boleh mengakibatkan tanah-tanah milik JKPSB diceroboh dan dijadikan penempatan setinggan. Kejadian sedemikian akan menimbulkan kesusahan kepada JKPSB apabila mahu menjual atau memajukan tanah tersebut dan akan melibatkan pembayaran imbuhan atau pampasan atau menyediakan penempatan sementara bagi setinggan. Oleh itu disyorkan agar disediakan keperluan memantau tanah ini dalam SOP syarikat.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Kelemahan pemantauan terhadap tanah milik JKPSB berkaitan dengan tiadanya SOP yang jelas. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan penambahbaikan, JKPSB

akan mewujudkan SOP berkaitan selaras dengan keperluan ISO 9001 : 2008 dan diintegrasikan dengan Sistem MyAsset.

19.5.3. Tadbir Urus Korporat

Pada umumnya JKPSB telah mematuhi peraturan berkenaan tadbir urus korporat iaitu bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan kekerapan mesyuarat lembaga pengarah. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan tadbir urus korporat yang memerlukan penambahbaikan seperti yang berikut:

19.5.3.1. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi mengukur pencapaian dan prestasi sebenar syarikat, JKPSB telah mewujudkan dua jenis KPI meliputi pencapaian keseluruhan syarikat dan pencapaian mengikut bahagian-bahagian. Daripada laporan yang dikemukakan, pihak Audit mendapati perkara berikut:

- a. Pencapaian KPI syarikat adalah KPI yang digunakan untuk mengukur sama ada JKPSB telah mencapai skor minimum yang ditetapkan oleh Bahagian MKD, Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, surat makluman keputusan KPI bagi tahun 2012 dan 2013 yang dihantar kepada Kementerian Kewangan tidak menyatakan skor pencapaian KPI syarikat sebaliknya hanya menyatakan skor pencapaian statistik keseluruhan bahagian. KPI syarikat bagi tahun 2012 dan 2013 didapati lebih rendah pencapaiannya dan tidak selaras dengan KPI setiap Bahagian di JKPSB. KPI syarikat adalah didapati *stand alone/isolated* daripada KPI bahagian dan KPI kakitangan.
- b. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.13
LAPORAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA SYARIKAT

TAHUN	PENCAPAIAN KPI (%)		SURAT KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN		
	*PENCAPAIAN KPI SYARIKAT	**STATISTIK KESELURUHAN BAHAGIAN	TARIKH SURAT	NO. RUJUKAN	***KEPUTUSAN PENCAPAIAN KESELURUHAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) (%)
2011	85.14	84.86	03.01.2012	(37) JKPSB/PKPK/KK/11-2000 PT.9	85.14
2012	51.15	90.46	02.01.2013	(26) JKPSB/PKPK/KK/11-2000 PT.9	90.46
2013	57.98	91.29	03.01.2014	(36) JKPSB/PKPK/KK/11-2000 PT.12	91.29

Sumber : (*) - Laporan Company KPI Achievement (Set by MOF)

(**) - Laporan Company Performance Based On Department's KPI Achievement

Nota : (***) - Dinyatakan Dalam Surat Makluman Kepada Kementerian Kewangan

Semakan selanjutnya mendapati antara justifikasi permohonan pemberian bonus kepada tenaga kerja JKPSB bagi tahun kewangan 2013 dan 2012 yang dihantar kepada Kementerian Kewangan juga adalah berdasarkan skor statistik keseluruhan bahagian dan bukannya skor pencapaian KPI syarikat.

- c. Surat Arahan Kementerian Kewangan bertarikh 12 Januari 2012 menetapkan pencapaian KPI bagi syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan adalah sekurang-kurangnya 85% daripada KPI bagi tahun 2012 yang telah ditetapkan/diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Pencapaian KPI JKPSB bagi tahun 2012 dan 2013 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Semakan Audit juga mendapati penetapan sasaran KPI bagi tahun 2013 tidak memperoleh kelulusan daripada Lembaga Pengarah JKPSB.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan hendaklah memastikan keputusan pencapaian keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dihantar kepada Kementerian Kewangan hendaklah berdasarkan skor pencapaian KPI syarikat.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Laporan KPI tahun 2012 dan 2013 yang dikemukakan kepada MKD MOF sepatutnya berdasarkan kepada skor pencapaian syarikat iaitu 51.15% dan 57.98% masing-masing. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi, pencapaian KPI JKPSB hendaklah berdasarkan skor pencapaian syarikat selaras dengan arahan MKD MOF.

19.5.3.2. Struktur Organisasi

Berdasarkan perkara 25 *Limits of Authority (LOA)*, setiap perubahan pada struktur organisasi hendaklah disokong oleh Ketua Pegawai Eksekutif sebelum dibawa ke mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan semua ahli mesyuarat. Semakan Audit mendapati sebanyak 94 perjawatan telah diisi iaitu tambahan 12 pengisian jawatan berbanding 82 perjawatan yang diluluskan dalam Rancangan Perniagaan 5 Tahun JKPSB dari 2011 hingga 2015. Perbezaan antara Rancangan Perniagaan dan perjawatan yang telah diisi adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.14
PERBEZAAN PERJAWATAN YANG DILULUSKAN DALAM
RANCANGAN PERNIAGAAN DENGAN JUMLAH YANG DIISI OLEH JKPSB

BAHAGIAN	RANCANGAN PERNIAGAAN	JAWATAN YANG DIISI	PERBEZAAN +/-
Ketua Pegawai Eksekutif	1	1	-
Setiausaha	1	1	-
Harta	14	18	+4
Kewangan	12	10	-2
Pemasaran Dan Jualan	13	16	+3
Pembangunan Korporat	16	24	+8
Projek	25	24	-1
JUMLAH	82	94	+12

Sumber : Rancangan Perniagaan JKPSB Dan Perjawatan

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Rancangan 5 Tahun JKPSB berkaitan perjawatan tidak dibuat semakan semula selaras dengan keperluan perjawatan tahunan syarikat. Bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang lagi, semakan tahunan akan dibuat dan dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

19.5.4. Pengurusan Kewangan Syarikat

Syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan memperkemas peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan kos operasi perlu dibuat dengan syarikat swasta yang terlibat dalam aktiviti yang sama. Bagi syarikat yang terlibat dalam tanggungjawab sosial, pencapaian objektif dan implikasi kewangannya perlu diperjelaskan. Ini adalah perlu bagi mengimbangi pencapaian objektif. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam pengurusan kewangan JKPSB seperti yang berikut:

19.5.4.1. Pengurusan Perolehan

Semakan Audit terhadap 77 sampel perolehan JKPSB bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014 mendapati perkara berikut:

a. Prosedur Pengeluaran Dan Penerimaan Pesanan Belian Tidak Dipatuhi

Prosedur Pengeluaran dan Penerimaan Pesanan Belian menetapkan Pesanan Belian yang telah disahkan oleh Pengurus Pembangunan Korporat dan diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dikeluarkan kepada pembekal. Manakala, perenggan 4.2.1 Prosedur berkenaan menghendaki Eksekutif/Kerani Pembangunan Korporat menyemak barangan yang diterima dengan senarai dalam Nota Penghantaran (pembekal) dan Pesanan Belian yang telah dikeluarkan kepada pembekal untuk memastikan barangan yang diterima menepati kuantiti dan kualiti yang dipesan. Bagaimanapun, semakan Audit

mendapati 14 dari 21 perolehan bernilai RM201,545 dibuat tanpa pengeluaran Pesanan Belian. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 19.15
PEROLEHAN TANPA PESANAN BELIAN**

TARIKH	NO. BAUCAR	PERIHAL	AMAUN (RM)
07.10.2013	34036	1 unit telefon bimbit Nokia 206 - kegunaan Bahagian Biling Kewangan	250
23.05.2013	32675	Bayaran <i>call centre implementation</i> M.UMNO pembelian <i>digital signage, Logitech wireless mouse, CCTV</i> untuk <i>call centre</i>	60,012
28.09.2011	26252	Bekal perabot Bangunan JKPSB	77,250
04.05.2012	28454	Kerja pembaikan lampu & bekal meja sisi di JKPSB	2,842
26.01.2012	27408	Kerja membekal & memasang <i>partition</i> Bahagian Koporat & memasang <i>pigeon hole</i> di Bahagian Kewangan	2,250
20.04.2012	28290	Kerja memasang <i>tinted</i> dan hiasan dalaman di Bahagian Kewangan	20,960
10.02.2014	35150	Pembelian <i>toner/catridge</i>	2,810
10.07.2014	36833	Pembelian <i>toner</i>	3,033
18.04.2014	35903	Pembelian <i>toner</i>	2,103
10.06.2014	36331	Bekal kerusi kerani 2 unit	990
16.06.2011	25286	Membekal <i>glass mug</i> berlogo JKPSB & <i>refil metal pen black</i>	4,580
20.06.2012	29121	Membekal tong sampah P.Rabu PMTG Pauh, T. Gelugor & Taman Sepadu	18,352
17.05.2013	32622	Pembelian alat tulis	3,986
20.06.2013	33007	Pembelian alat tulis	2,127
JUMLAH			201,545

Sumber : Analisis Audit

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015 Dan Pada 5 Mei 2015

Untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi, JKPSB:

- i) Telah mewujudkan Jawatankuasa Sebut Harga pada 18 Ogos 2014.***
- ii) Proses pembelian juga telah dimasukkan antara salah satu proses dalam pencapaian ISO 9001 : 2008 dan akan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk ISO untuk diperakukan selewat-lewatnya pada Jun 2015.***

b. Prosedur Pemanggilan Sebut Harga Tidak Dipatuhi

Perenggan 4.0 Prosedur Pemanggilan Sebut harga antara lain menetapkan penyediaan dokumen sebut harga, pengeluaran Surat Pemanggilan Sebut harga serta penyediaan kertas kerja/Borang Pembelian RM50,000 dan ke bawah bagi kelulusan/persetujuan pengurusan bagi pelantikan konsultan/kontraktor/agen/pembekal/lain-lain. Manakala, surat pelantikan konsultan/kontraktor/agen/pembekal/lain-lain akan disediakan setelah sebut harga yang dipilih dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif.

Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penilaian dan pemilihan pembekal (vendor) serta kelulusan telah diperolehi kerana tiada dokumen dikemukakan. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.16
PEROLEHAN TIDAK MENGIKUT PROSEDUR

PEROLEHAN	AMAUN (RM)	DOKUMEN SEBUTHARGA	SURAT PEMANGGILAN SEBUT HARGA	KERTAS KERJA/ BORANG PEMBELIAN RM50,000 & KE BAWAH	KELULUSAN KPE	SURAT PERLANTIKAN / PERJANJIAN
Kerja pengubahsuaian di Bahagian Pemasaran & Jualan, Bahagian Korporat	9,500	X	X	✓	X	X
Kerja baiki kerosakan bumbung di Tingkat 3 serta kebocoran di Bahagian Harta	18,000	X	X	X	X	✓
Kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat tingkat 3 Bahagian Pembangunan Korporat	49,800	X	X	X	X	✓
Kerja-kerja <i>wiring, piping, plaster ceiling & relocation air conditioner</i> Bahagian Pembangunan Korporat di Bangunan JKP	7,550	X	X	X	X	✓
Kerja-kerja pengubahsuaian di Tingkat 1, 2 dan 3 bangunan pejabat JKPSB	31,200	X	X	X	X	X
Kerja penyelenggaraan JKP Feb. 2013, bekal <i>pigeon hole</i> set, pintu bahagian bawah, meja, <i>drawer, side table</i>	8,455	X	X	X	X	X
Kerja memasang bumbung <i>membrane</i> di parking Bangunan JKPSB	29,500	X	X	X	X	X
Kerja baiki kerosakan di Tgkt. 2 & 3 Bangunan JKP	29,895	X	X	✓	✓	X
Kerja membina sebuah tandas di Bahagian Harta	16,997	X	X	X	X	✓
Kerja pengubahsuaian di Bahagian Kewangan & hiasan dalaman Bahagian Harta	52,390	X	X	X	X	✓
Kerja tambahan lantai besi di Bahagian Harta	22,800	X	X	X	X	✓
Kerja tambahan lantai besi di Tingkat Mezzanine JKPSB	33,850	X	X	X	X	X
Kerja mengubahsuaui dinding bilik <i>server</i>	2,340	X	X	X	X	X
Kerja memasang <i>tinted</i> & hiasan dalaman di Bahagian Kewangan	20,960	X	X	X	X	X
Kerja membaiki ensel pintu utama &	3,474	X	X	X	X	X

PEROLEHAN	AMAUN (RM)	DOKUMEN SEBUTHARGA	SURAT PEMANGGILAN SEBUT HARGA	KERTAS KERJA/ BORANG PEMBELIAN RM50,000 & KE BAWAH	KELULUSAN KPE	SURAT PERLANTIKAN / PERJANJIAN
memasang <i>partition</i> di Bahagian Korporat Bgn. Pej. JKPSB						
Yuran <i>professional auditor remuneration for due diligence studies on Mutiara Smart Computing Sdn. Bhd.</i>	18,550	X	X	X	X	X

Sumber : Analisis Audit

Nota : (✓) - Ada
(x) - Tiada

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Tiada proses SOP yang jelas berhubung prosedur pemanggilan sebut harga. Untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi, JKPSB:

- i) **Telah mewujudkan Jawatankuasa Sebut Harga pada 18 Ogos 2014.**
- ii) **Penambahbaikan Prosedur Pemanggilan Sebut Harga selaras dengan ISO 9001 : 2008.**

c. Bahagian D, *Limits of Authority* (LOA) Tidak Dipatuhi

LOA Bahagian Kontrak dan Projek menetapkan sekurang-kurangnya 1 sebut harga perlu diperolehi bagi perolehan bernilai RM50,000 dan ke bawah. Selain itu, sekurang-kurangnya 5 sebut harga perlu diperolehi bagi perolehan bernilai RM50,001 sehingga RM500,000. Semakan Audit mendapati 30 perolehan bernilai RM650,555 dibuat tanpa sebut harga sepertimana yang ditetapkan dalam LOA. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 19.17
PEROLEHAN TANPA SEBUT HARGA**

TARIKH	NO. BAUCAR	PERIHAL	AMAUN (RM)
PEROLEHAN BERNILAI RM50,000 DAN KE BAWAH			
20.06.2013	33067	Bayaran 50% <i>upon confirmation on sales order for new server</i>	24,478
16.08.2013	33519	Kerja penyelenggaraan JKPSB Jun 2013 & bekal meja eksekutif 1 set, meja kerani 3 set	14,010
20.06.2013	33005	Pembelian <i>custom made half height steel cupboard</i> 8 unit, sewa mesin fotostat Mei 2013	5,705
20.04.2013	32313	Kerja penyelenggaraan JKP Feb. 2013, bekal <i>pigeon hole set</i> , pintu bahagian bawah, meja, <i>drawer</i> , <i>side table</i>	8,455
04.05.2012	28454	Kerja pembaikan lampu & bekal meja sisi di JKPSB	2,842
19.12.2012	30889	kerja memasang bumbung <i>membrane</i> di parking Bangunan JKPSB	29,500
13.07.2012	29350	Kerja membina sebuah tandas di Bahagian Harta	16,997
20.06.2012	29122	Kerja tambahan lantai besi di Bahagian Harta	22,800
04.05.2012	28447	Kerja tambahan lantai besi di Tingkat Mezzanine JKPSB	33,850
14.05.2012	28528	Kerja mengubahsuai dinding bilik <i>server</i>	2,340

TARIKH	NO. BAUCAR	PERIHAL	AMAUN (RM)
10.02.2012	27505	Kerja pembaikan ensel pintu utama & memasang <i>partition</i> di Bahagian Korporat Bgn. Pej. JKPSB	3,474
24.02.2014	35315	Yuran <i>professional auditor remuneration for due diligence studies</i> on Mutiara Smart Computing Sdn. Bhd.	18,550
20.03.2014	35544	Tuntutan bayaran penyenggaraan	1,630
09.05.2014	36062	Pendahuluan 50% untuk kursus tenaga kerja JKPSB di Teluk Batik, Lumut, Perak	18,480
14.07.2011	25552	Kerja pengubahsuaian di Bhgn. Pemasaran & Harta	30,700
26.03.2013	32097	Bekal <i>paper bag</i> 3,000 unit	18,000
01.08.2013	33455	Cetak <i>Annual Report A4 Size Booklet</i>	42,000
20.12.2011	27053	Membekal <i>toner/catridge</i>	11,262
21.06.2012	29136	Bekal makan/minum untuk mesyuarat BOD Bil. 4/2012 pada 04.06.2012	7,791
20.06.2012	29121	Membekal tong sampah P.Rabu PMTG Pauh, T. Gelugor & Taman Sepadu	18,352
02.02.2011	24047	Pembelian <i>toner & pendrive</i>	2,009
14.05.2012	28535	Pembelian alat tulis	2,255
17.05.2013	32622	Pembelian alat tulis	3,987
20.06.2013	33007	Pembelian alat tulis	2,127
23.01.2013	31372	Kerja-kerja pembaikan unit C-07-05, P.Tmn. Sri Pinang	14,920
16.06.2011	25297	Pendaftaran kursus <i>How to build empowered workforce</i> pada 26 & 27.07.2011 – Bhg. Korporat	1,590
PEROLEHAN BERNILAI RM50,001 SEHINGGA RM500,000			
23.05.2013	32675	Bayaran <i>call centre implementation</i> M.UMNO pembelian <i>digital signage, Logitech wireless mouse, CCTV</i> untuk <i>call centre</i>	75,661
28.09.2011	26252	Bekal perabot Bangunan JKPSB	77,250
05.07.2012	29270	Kerja pengubahsuaian di Bahagian Kewangan & hiasan dalaman Bahagian Harta	52,390
20.12.2011	27024	Kerja-kerja pengubahsuaian ruang galeri di Bhg. Mezzanie Bangunan Pejabat Sg. Pinang	87,150
JUMLAH			650,555

Sumber : Analisis Audit

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan hendaklah memastikan penilaian dan pemilihan pembekal (vendor) serta kelulusan telah diperolehi sepertimana prosedur yang berkuat kuasa. Prosedur bagi perolehan bernilai RM50,001 sehingga RM500,000 hendaklah disediakan agar dapat dijadikan panduan kepada kakitangan yang terlibat dengan perolehan.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Tiada proses SOP yang jelas berhubung prosedur pemanggilan sebut harga. Untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi, JKPSB:

- i) Telah mewujudkan Jawatankuasa Sebut Harga pada 18 Ogos 2014.*
- ii) Penambahbaikan Prosedur Pemanggilan Sebut Harga selaras dengan ISO 9001 : 2008.*

19.5.4.2. Pengurusan Perbelanjaan

Untuk menentukan sama ada semua perbelanjaan telah dilulus dan dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa aspek utama Kawalan Perbelanjaan, iaitu Had Kuasa Belanja dan Pengurusan Bayaran. Hasil semakan Audit adalah seperti berikut:

a. Had Kuasa (Limits of Authority)

JKPSB telah menyediakan senarai had kuasa kewangan yang jelas dan terperinci menerusi dokumen *Limits of Authority* (LOA). LOA ini merangkumi had kuasa untuk pelaksanaan aktiviti syarikat, kelulusan perolehan, pembayaran dan tugas kewangan lain. Perenggan 40 Bahagian G, LOA menetapkan penandatanganan bagi kelulusan Borang Pesanan Belian adalah Ketua Pegawai Eksekutif. Selain itu, Prosedur Pengeluaran Dan Penerimaan Pesanan Belian yang diluluskan pada 1 Julai 2011 menetapkan sebut harga dengan Pesanan Belian hendaklah dikemukakan untuk pengesahan Pengurus Pembangunan Korporat dan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif. Semakan Audit mendapati 31 Pesanan Belian bernilai RM359,540 dikeluarkan kepada pembekal tanpa kelulusan yang sepatutnya daripada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) seperti prosedur LOA. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.18
PESANAN BELIAN TANPA KELULUSAN OLEH KPE JKPSB

TARIKH	NO. BAUCAR	PERIHAL	AMAUN (RM)
25.11.2013	34386	Pembelian 1 unit HP Colour Laser Printer - Bahagian Projek	1,099
15.07.2013	33255	Pembelian <i>filling pocket trolley</i> Bahagian Pemasaran & Jualan	847
17.05.2013	32626	Pembelian <i>Key Panel & E-ladder</i> Bahagian Pemasaran & Jualan	447
10.04.2013	32204	Pembelian 1 Unit <i>Canon Powershot SX5001s</i> bagi kegunaan Bahagian Pemasaran & Jualan	950
10.03.2013	31772	Pembelian <i>toner, Epson Projector, Logitech Wireless Presenter</i>	8,485
15.07.2013	33248	<i>External Harddisk</i> 1 unit, HP <i>Single - Hard Disk & Hard Drive</i>	1,933
19.01.2012	27361	Membekal & memasang meja sisi & laci Bahagian Kewangan	2,205
10.12.2013	34563	Pembelian meja & kerusi bulat (3 set) Model C-06-0B-KAR	1,530
15.07.2013	33249	Bekal kurma tunis 1,000 kotak, pengubahsuaian untuk pemasangan partition bahagian koporat	19,450
20.06.2013	33005	Pembelian <i>custom made half height steel cupboard</i> 8 unit, sewa mesin fotostat Mei 2013	5,705
17.05.2013	32625	Pembelian <i>AIO Heavy Duty Puncher & full leather presidential high back chair</i>	1,810
20.04.2013	32321	Pembelian <i>drawer filing cabinet</i>	600
10.03.2013	31780	Pembelian kerusi untuk bahagian pembangunan korporat	1,400
03.07.2012	29258	Bekal <i>drawer & meja sisi</i> Bahagian Pemasaran	2,565
14.05.2012	28534	Kerja pembekalan meja sisi & kerusi kerja	3,750
04.05.2012	28454	Kerja pembaikan lampu & bekal meja sisi di JKPSB	2,842
10.02.2012	27508	Pembelian 1 unit <i>wheeled bin</i>	240

TARIKH	NO. BAUCAR	PERIHAL	AMAUN (RM)
14.05.2012	28528	Kerja mengubahsuai dinding bilik server	2,340
10.02.2014	35154	Pembelian alat tulis	1,164
10.02.2014	35149	Kerja mencetak <i>payment voucher</i> 100 buku resit rasmi sewaan 100 buku	3,390
15.01.2014	35003	Pembelian alat tulis	2,330
10.07.2014	36834	Pembelian <i>western digital hard disk 2 unit & mouse 1 unit</i>	780
31.03.2014	35693	Pembelian kenderaan baru JKPSB (Honda Accord 2.4 VTI-L)	172,494
20.05.2014	36168	Tuntutan pembelian <i>half leather highback chair black</i> untuk CEO	376
15.01.2014	34982	Bekal <i>file folder</i> 2000 unit	14,000
26.03.2013	32097	Bekal <i>paper bag</i> 3000 unit	18,000
05.09.2012	29831	Pembelian <i>rubberstamp</i> & alat tulis	1,910
21.06.2012	29135	Bekal <i>Thermos Mug</i> & Tuala JKPSB	16,450
21.05.2012	28708	Bayaran baki pembelian jam tangan staf JKPSB	19,448
01.07.2011	25453	Pembelian 5 <i>Users property.net License</i>	24,000
28.06.2013	33069	Bayaran bekal 600 T-shirt & 500 unit tuala	27,000
JUMLAH			359,540

Sumber : Analisis Audit

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Tiada proses SOP yang jelas mengenai Prosedur Pembelian bawah RM50,000. JKPSB telah mengambil tindakan bermula 15 Mac 2015 untuk Ketua Pegawai Eksekutif memberi kelulusan bagi setiap Pesanan Belian selaras dengan LOA dan ISO 9001 : 2008.

b. Pengurusan Baucar Bayaran

Semakan Audit terhadap 218 baucar bayaran berjumlah RM3,914,182 bagi tempoh tahun 2011 sehingga Ogos 2014 mendapati perkara seperti jadual berikut:

**JADUAL 19.19
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN BAUCAR BAYARAN**

BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	PENEMUAN AUDIT	KESAN
20 (9.2%)	297,338	Tiada cap tarikh terima.	Tanpa rekod tarikh terima bil atau inouis, pihak pengurusan JKPSB tidak dapat memantau keberkesanan proses bayaran yang diuruskan oleh bahagian yang terlibat dengan penyediaan memo bayaran dan bahagian kewangan.
51 (23.4%)	1,152,362	Tidak dicap "telah dibayar" atau kaedah lain bagi membatalkan dokumen berkenaan.	Perkara ini penting sebagai kawalan dalaman supaya dokumen berkenaan tidak digunakan semula untuk bayaran.
21 (9.6%)	85,683	Tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti bil, inouis, keterangan kerja dan lain-lain dokumen.	Tanpa dokumen sokongan yang lengkap, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada semua perbelanjaan berkenaan telah dibuat dengan sewajarnya.
25 (11.5%)	318,828	Tidak diluluskan berdasarkan LOA JKPSB	Pembayaran tanpa kelulusan.

BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)	PENEMUAN AUDIT	KESAN
39 (17.9%)	934,827	Prosedur Penyediaan Bayaran menetapkan tempoh penyediaan bayaran adalah 30 hari dari tarikh terima. Adalah didapati baucar bayaran lewat diproses antara 5 hingga 523 hari dari tarikh penerimaan memo bayaran daripada bahagian. Manakala, secara keseluruhan proses bayaran mengambil masa 24 hingga 623 hari dari tarikh bahagian menerima bil atau invoice daripada pembekal/vendor.	Menjejaskan kredibiliti dan imej syarikat.

Sumber : Analisis Audit

Pada pendapat Audit, Pengurusan JKPSB perlu mengambil tindakan segera menangani perkara ini. Prosedur Penyediaan Bayaran hendaklah dikemas kini dengan mengambil kira kawalan dalaman yang diperlukan bagi setiap proses pembayaran untuk memastikan bayaran dibuat terhadap perkhidmatan/bekalan/kerja yang telah sebenar-benarnya dilaksanakan. Di samping itu, kawalan dalaman semasa meluluskan baucar bayaran perlu dipatuhi untuk mengelakkan berlaku salah guna kuasa dan penyelewengan.

19.5.4.3. Pengurusan Aset

Prosedur Pengurusan Aset dan Inventori adalah perlu dalam memastikan semua aset dan inventori kepunyaan syarikat diakaunkan dan penyesuaian dibuat dengan sewajarnya. Ini adalah untuk memastikan aset syarikat terutamanya yang ditakrifkan sebagai aset tetap diurus dan digunakan dengan sewajarnya. Ketiadaan polisi dan prosedur berkaitan pengurusan aset telah menyebabkan berlaku beberapa kelemahan dalam pengurusan aset JKPSB seperti yang berikut:

a. Pelupusan Aset

Berdasarkan Perenggan 4.7, Prosedur Melupuskan Aset Tetap yang berkuat kuasa 1 Julai 2011, aset dilupuskan setelah mendapat kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif. Semakan Audit terhadap Laporan Pelupusan Aset mendapati 5 aset dilupuskan daripada sistem MyAsset dari tahun 2011 sehingga 18 Jun 2014. Namun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pelupusan aset telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif JKPSB kerana tiada dokumen dikemukakan. Menurut maklum balas JKPSB, aset berkaitan telah dikeluarkan daripada senarai keseluruhan aset kerana tidak sepatutnya dikategorikan sebagai aset JKPSB. Butiran aset yang dilupuskan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 19.20
PELUPUSAN ASET TANPA KELULUSAN**

BIL.	NO. ASET	KETERANGAN	TARIKH LUPUS	CARA LUPUS
1.	00000001	Aset rosak dan telah melebihi 15 tahun	10.10.2013	Tiada Maklumat
2.	00000002	Tiada Maklumat	15.11.2011	Tukar Beli
3.	00000030	Tiada Maklumat	26.09.2013	Lain-lain
4.	00000145	Aset tidak ditemui kemungkinan telah rosak atau telah dilupuskan	17.07.2013	Lain-lain
5.	00000426	Rosak	17.07.2013	Lain-lain

Sumber : Laporan Pelupusan Aset, JKPSB

b. Aset Tidak Dapat Dikesan

Pemeriksaan fizikal yang dijalankan pada 18 dan 19 September 2014 mendapati 17 aset tidak dapat dikesan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 19.21
ASET TIDAK DAPAT DIKESAN**

BIL.	NO. ASET	NAMA ASET	TAHUN PEROLEHAN	HARGA BELIAN (RM)
1.	00000240	Sony Digital Camera DCR-TRV15E	2002	2,500
2.	00000419	Canon Laserjet LBP 2000	2005	3,300
3.	00000480	Notebooks Compaq Presario V3202	2007	3,447
4.	00000628	Chubb Electronic Homesafe - Horizontal	2008	1,250
5.	00000725	Nokia N97	2009	2,199
6.	00001033	Canon B-155 Fax Machine	2001	1,300
7.	00001078	Panasonic KXTD Digital Key Telephone System	2004	5,000
8.	00001083	KXTVP 50 Voice Processing System	2004	2,550
9.	00001085	O2 XDA II Mini	2005	2,488
10.	00001091	PDA Nokia	2006	2,658
11.	00001092	PDA Nokia	2006	2,658
12.	00001093	PDA Nokia	2006	2,658
13.	00001105	Sony DSC P200	2007	1,499
14.	00001113	Nokia E90 Communicator	2008	3,999
15.	00001131	Sony Ericson G900	2008	1,778
16.	00001246	Filling Cabinet (6' 6" x 8' 2" x 18")	2010	4,750
17.	00001281	Sony Ericson P800	2003	2,630

Sumber : Daftar Aset JKPSB

Pada pendapat Audit, prosedur pengurusan aset yang lengkap merangkumi proses pelabelan dan verifikasi aset secara berkala perlu disediakan agar dijadikan panduan kepada kakitangan yang terlibat dengan pengurusan aset. Aset perlu dilabelkan secepat mungkin supaya mengelak risiko berlaku kehilangan aset di samping teguran yang sama tidak berulang apabila pengauditan dijalankan. Selain itu, pelabelan dan pelaksanaan verifikasi aset berkala memudahkan proses penilaian semula aset dan pelupusan.

Maklum Balas JKPSB Yang Diterima Pada 20 Mac 2015

Tiada proses SOP yang jelas berhubung Prosedur Pengurusan Aset. Untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi, JKPSB dalam tindakan mewujudkan SOP berkaitan Pengurusan Aset dengan penambahbaikan sistem MyAsset sedia ada.

19.5.5. Pengurusan Subsidiari JKP

19.5.5.1. JKPSB mempunyai lima buah subsidiari dengan tiga daripadanya adalah berstatus aktif manakala dua berstatus dorman. Jumlah pegangan dan aktiviti perniagaan subsidiari adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 19.22
PEGANGAN JKPSB DALAM SUBSIDIARI

NAMA SYARIKAT	AKTIVITI PERNIAGAAN	MODAL (RM)	PERATUS PEGANGAN EKUITI (%)	STATUS
ICT Associates (M) Sdn. Bhd.	Institusi Pendidikan	10,000,000	100	Aktif
JKP Trading Sdn. Bhd.	-	2	100	Dorman
Mutiara JKP Properties Sdn. Bhd.	-	2	100	Dorman
Mutiara Com Sdn. Bhd.	Teknologi Maklumat dan Infrastruktur Telekomunikasi	1,000,000	70	Aktif
Mutiara Smart Computing Sdn. Bhd.	Pemasangan <i>software</i> dan <i>hardware computer</i> bagi tujuan jualan dan sewaan	10,000,000	100	Aktif

Sumber : Suruhanjaya Syarikat Malaysia

19.5.5.2. Dari segi pengurusan dan pemantauan syarikat subsidiari, JKPSB telah melantik Ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan kakitangan syarikat untuk menjadi ALP dalam syarikat subsidiari. Selain itu, laporan kewangan dan masalah subsidiari dibincangkan dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah JKPSB. Antara perkara yang dibincangkan dan dibentangkan berkaitan syarikat subsidiari adalah seperti kedudukan kewangan, pelan perancangan, bonus, kenaikan gaji kakitangan, penambahan Ahli Lembaga Pengarah dan pindahan milik pegangan saham.

19.6. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan JKPSB melaksanakan aktivitinya dengan lebih berkesan dan meningkatkan pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya pengurusan JKPSB mempertimbangkan perkara berikut:

19.6.1. proses penyediaan kontrak perlu diperbaiki agar tidak berlaku lagi kelewatan dalam menyempurnakan dokumen perjanjian;

19.6.2. keputusan permohonan lanjutan masa projek oleh kontraktor perlu dikeluarkan sebelum tamat tempoh sesuatu kontrak;

19.6.3. memantau pelaksanaan projek yang menggunakan kaedah Pengurus Projek agar diuruskan dengan lebih teratur;

19.6.4. mematuhi semua peraturan berhubung pembukaan Akaun Pemajuan Perumahan (HDA);

19.6.5. pengurusan premis perniagaan perlu dipertingkatkan agar tidak berlaku unit yang tidak disewa, tidak disenggara dan tunggakan sewa;

19.6.6. mempercepatkan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) rumah pangsa/pangsapuri; dan

19.6.7. menambah baik atau menyedia prosedur yang jelas berkaitan dengan pengurusan perolehan, perbelanjaan dan aset bagi meningkatkan lagi kawalan dalaman syarikat.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

20. PENGURUSAN BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (AGROBANK)

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Bank Pertanian Malaysia telah dikorporatkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan didaftarkan atas nama Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB). BPMB ditubuhkan melalui Rang Undang-Undang BPMB 2007 yang diluluskan pada 19 Disember 2007 dan bagi mempertingkatkan imej korporat, BPMB dijenamakan dengan nama komersialnya sebagai Agrobank. Ia adalah sebuah bank milik Kerajaan (GLC) di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Modal dibenarkan berjumlah RM2 bilion manakala modal berbayar berjumlah RM1 bilion. Bagaimanapun, dasar pembiayaan bagi sektor pertanian adalah berpandukan polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA). Agrobank adalah sebuah bank yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan yang menyeluruh di 190 cawangan meliputi 14 negeri di Malaysia.

20.1.2. Objektif penubuhan Agrobank antaranya adalah bagi menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan dengan fokus kepada sektor pertanian; meningkat dan menggalakkan pembiayaan pertanian oleh sektor perbankan komersial; menjadi salah satu ejen bagi program pembangunan Kerajaan; menjadi pusat kepakaran pertanian dan menyediakan penarafan kredit pertanian. Jumlah pembiayaan terkumpul Agrobank sehingga Disember 2014 adalah berjumlah RM6.814 bilion.

20.1.3. Agrobank mempunyai 7 ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan Syarikat pula diketuai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 6 Pegawai Pengurusan Eksekutif Kumpulan dan lebih 3,000 pegawai dan kakitangan. Penyata kewangan Agrobank bagi tahun 2011 hingga 2013 telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young. Agrobank mempunyai 6 bahagian terdiri daripada Perkhidmatan Kewangan, Pengurusan Operasi, Kewangan, Sumber Manusia, Pengurusan Kredit dan Pengurusan Risiko.

20.1.4. Aktiviti utama Agrobank adalah menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan, dengan kewangan yang mampan untuk kumpulan sasar tertentu, usahawan agro, usahawan mikro, kecil dan sederhana serta individu persendirian yang dikenal pasti selaras dengan dasar pembangunan Negara.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

20.2.1. prestasi kewangan Agrobank adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

20.2.2. pengurusan aktiviti Agrobank telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan; dan

20.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat Agrobank adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

20.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan, kewangan dan aktiviti utama Agrobank dari tahun 2012 hingga 2014. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2011, 2012 dan 2013 yang diaudit. Semakan terhadap dokumen telah dibuat di pejabat Agrobank, MKD dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

20.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pengurusan Agrobank kepada pihak Audit. Metodologi pengauditan meliputi semakan sampel dokumen; fail serta rekod; analisis data syarikat; testimoni melalui temu bual dan pemeriksaan fizikal terhadap aset dan syarikat peminjam. *Exit Conference* bersama dengan Pengarah Urusan Syarikat telah diadakan pada 15 April 2015. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil daripada MOA, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara.

20.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2014 mendapati pada umumnya, Agrobank telah menjalankan perkhidmatan selaras dengan mandat yang diberikan. Bagaimanapun, beberapa aspek pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti perlu ditambah baik seperti yang berikut:

- i. penurunan pendapatan dengan mencatat keuntungan kasar masing-masingnya berjumlah RM552.55 juta, RM518.23 juta dan RM504.90 juta bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala penurunan baki tunai dan bersamaan tunai bagi tiga tahun berturut-turut iaitu RM3.413 bilion, RM1.827 bilion dan RM1.273 bilion;
- ii. pembiayaan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dengan peratusan 93.2% dan 87.4% bagi tahun 2012 dan 2013. Penggunaan dana pembiayaan pada kadar 84.2% hingga 91.3% bagi tempoh tahun 2012 dan 2013. Manakala, keseluruhan pencapaian pada tahun 2013 menurun kepada 87.4% berbanding tahun 2012 iaitu 93.2%. Seterusnya, pencapaian pertumbuhan pembiayaan yang disasarkan pada kadar 17.5% dan 10.9% bagi tahun 2013 dan 2014 tidak dapat dicapai. Pertumbuhan pembiayaan sebenar pada kadar 0.5% dan 7.7%;

- iii. terdapat beberapa hala tuju yang dirancang masih belum dilaksanakan dan dicapai bagi membolehkan strategi yang dirangka berjaya mengakibatkan prestasi permohonan pembiayaan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 menunjukkan trend penurunan iaitu sejumlah RM298.44 juta dan seterusnya menurun lagi sejumlah RM450.45 juta. Bagi kelulusan permohonan pembiayaan pula, peratus penurunan yang tinggi bagi tiga tahun berturut-turut dengan kadar 29.2% dan 20.7%; dan
- iv. penggunaan dana pembiayaan dan geran Kerajaan pada tahun 2012 hingga 2014 bagi *consessionary* pada kadar 83.7% hingga 88% berbanding keseluruhan dana tersebut. Adalah didapati 117,675 peminjam telah diluluskan bagi keseluruhan pembiayaan tersebut dengan nilai RM5.573 bilion dan pengeluaran sejumlah RM4.929 bilion telah dibuat kepada peminjam.

Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti Agrobank serta maklum balas daripada Agrobank adalah seperti perenggan berikut:

20.5.1. Prestasi Kewangan

Prestasi kewangan Agrobank adalah baik di mana Agrobank berjaya mencatat keuntungan bersih sebelum cukai bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013 sejumlah RM377 juta, RM355 juta dan RM319 juta dengan keuntungan terkumpul sejumlah RM251 juta, RM516 juta dan RM725 juta. Bagi tahun 2014, Agrobank telah mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai berjumlah RM192.61 juta. Semakan Audit terhadap aspek prestasi kewangan Agrobank adalah seperti yang berikut:

20.5.1.1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

- a. Dalam tempoh tahun 2011 hingga 2013, Agrobank telah mencatat keuntungan kasar masing-masingnya berjumlah **RM552.55 juta**, **RM518.23 juta** dan **RM504.90 juta**. Kedudukan prestasi kewangan Agrobank bagi tempoh tahun kewangan 2011 hingga 2013 seperti jadual berikut:

JADUAL 20.1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN AGROBANK
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2011 HINGGA 2013

BUTIRAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	705.45	797.54	696.13
Kos Keuntungan	(152.90)	(279.31)	(191.23)
Keuntungan Kasar	552.55	518.23	504.90
Margin Keuntungan (%)	78.3	65.0	72.5
Pendapatan Operasi Lain	62.77	260.01	192.99
Perbelanjaan Pentadbiran	(310.02)	(368.28)	(359.63)
(Peruntukan)/ <i>Writeback</i> Pembiayaan Terjejas	57.10	(87.29)	(35.84)
Geran Kerajaan	15.06	32.43	20.81

BUTIRAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
(Peruntukan)/Writeback Pelaburan Terjejas	(0.89)	0.26	(3.92)
Keuntungan Sebelum Cukai	376.57	355.36	319.31
Cukai	18.61	(7.35)	(77.73)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai	395.18	348.01	241.58
Keuntungan Berkumpul	250.93	516.43	724.69

Sumber : Penyata Kewangan Agrobank 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

- b. Secara keseluruhannya margin keuntungan kasar bagi tiga tahun tersebut adalah pada kadar 78.3%, 65.0% dan 72.5% dan terdapat peningkatan kepada 74.1% pada tahun 2014. Analisis Audit mendapati berlaku peningkatan pendapatan fi yang ketara pada tahun 2012 iaitu berjumlah RM40.30 juta (24.5%) berbanding tahun 2011. **Perbelanjaan pentadbiran telah meningkat sejumlah RM58.26 juta (18.8%) pada tahun 2012 menjadi RM368.28 juta (18.8%) berbanding dengan tahun 2011 yang berjumlah RM310.02 juta seterusnya menurun sejumlah RM8.65 juta bagi tahun 2013.** Bagaimanapun terdapat peningkatan perbelanjaan pentadbiran bagi tahun 2014 kepada RM371.51 juta (3.3%).
- c. Analisis selanjutnya bagi tempoh 3 tahun tersebut mendapati nisbah perbelanjaan pentadbiran berbanding pendapatan pembiayaan yang meningkat dari setahun ke setahun sebanyak 43.9% hingga 51.7% dan elemen terbesar daripada perbelanjaan overhead adalah gaji.
- d. Pendapatan keuntungan kasar Agrobank dalam tempoh 2011 hingga 2013, selepas mengambil kira kos keuntungan mencatatkan penurunan sejumlah RM34.32 juta (6.2%) pada tahun 2012 dan RM13.33 juta (2.6%) pada tahun 2013 adalah akibat pelarasan fungsi dan peranan yang dimandatkan. Pada tahun 2014, terdapat peningkatan keuntungan kasar sejumlah RM22.50 juta (4.5%) berbanding tahun 2013.
- e. Mulai tahun 2012, Agrobank memberi lebih penekanan terhadap pembiayaan sektor pertanian berbentuk pembiayaan perniagaan berbanding dengan sektor konsumer seperti Ar-Rahnu dan Agrocash-i. Agrobank juga menumpukan operasi kepada pembiayaan rantai nilai (value chain) yang lebih berdaya saing di dalam pasaran perbankan. Penumpuan terhadap sektor *primary agriculture* terus ditingkatkan dari setahun ke setahun iaitu pada kadar 7.3% (2012), 5.9% (2013) dan 12.5% (2014). Keutamaan diberikan kepada isu-isu pematuhan dan proses dalaman serta projek-projek di bawah Pelan Transformasi.
- f. Analisis Audit juga mendapati sejumlah RM22.5 juta dan RM31.5 juta pulangan dividen telah diberikan kepada Kerajaan pada tahun 2012 dan 2013 masing-masing.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Selaras dengan peranan yang dimandatkan, mulai tahun 2012, Agrobank telah memberi lebih penekanan terhadap pembiayaan sektor pertanian berbentuk pembiayaan perniagaan dibandingkan dengan sektor konsumer seperti Ar-Rahnu dan Agrocash-i. Agrobank turut menumpukan kepada pembiayaan rantaian nilai (value chain) yang lebih berdaya saing dalam pasaran perbankan.

Untuk memastikan aset pembiayaan dan cagaran yang berkualiti, Agrobank telah memperketatkan polisi dan garis panduan sedia ada untuk pembiayaan sebagai langkah prudent di mana Agrobank telah memperkenalkan piawaian penilaian kredit yang lebih terperinci dan penambahbaikan ke atas garis panduan pembiayaan dengan syarat pra pengeluaran pembiayaan (pre-disbursement conditions). Agrobank juga telah memperkenalkan pengesahan melalui dokumen, bukti sumbangan ekuiti dan pengeluaran secara berperingkat mengikut kemajuan projek.

Agrobank juga telah menyediakan peruntukan tambahan agihan keuntungan bagi deposit Mudharabah selaras dengan pematuhan kepada garis panduan BNM dan prinsip Syariah. Jumlah yang diperuntukkan pada tahun 2012 adalah sejumlah RM84.42 juta yang merangkumi jumlah peruntukan bagi tahun-tahun sebelumnya dan RM52.15 juta pada tahun 2013.

Peningkatan perbelanjaan overhead bagi tahun 2012 sejumlah RM40.24 juta (2012: RM350.26 juta; 2011: RM310.02 juta) adalah terutamanya disumbangkan oleh:

- i. gaji dan sumbangan berkanun (KWSP dan PERKESO) berjumlah RM26.74 juta (2012: RM187.70 juta; 2011: RM160.96 juta);*
- ii. penyenggaraan perisian komputer RM3.06 juta (2012: RM9.85 juta; 2011: RM6.79 juta); dan*
- iii. susut nilai harta tetap RM4.25 juta (2012: RM40.55 juta; 2011: RM36.30 juta).*

Peningkatan gaji dan sumbangan berkanun adalah kesan daripada pertambahan kakitangan seramai 307 orang dari 3,181 orang pada 31 Disember 2011 kepada 3,488 orang pada 31 Disember 2012. Pada keseluruhannya, pertambahan bilangan kakitangan adalah bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus dan prestasi keseluruhan Agrobank.

20.5.1.2. Analisis Nisbah

- a. Bagi menilai prestasi kewangan Agrobank, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, *average financing rate*, *average cost of fund* dan *gross impaired loans* telah dijalankan berdasarkan butiran yang ditunjukkan pada lembaran imbalan serta penyata pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.2
ANALISIS NISBAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2011 HINGGA 2013

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
	2011	6,378.80	4,636.10	1.38
	2012	5,210.80	3,471.90	1.50
	2013	5,008.81	3,549.30	1.41
<p>Jumlah aset semasa adalah termasuk deposit jangka pendek dan liabiliti jangka pendek untuk tempoh satu tahun. Aset semasa dalam tempoh satu tahun meliputi tunai, peletakan di institusi kewangan, pelaburan dan pembiayaan jangka pendek. Manakala, liabiliti semasa meliputi deposit daripada pelanggan dalam tempoh satu tahun. Nisbah Semasa syarikat adalah 1.38 kali pada tahun 2011 dan meningkat kepada 1.50 kali pada tahun 2012. Bagaimanapun, nisbah ini telah menurun kepada 1.41 kali pada tahun 2013.</p>				
MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	TAHUN	UNTUNG SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
	2011	395.18	698.65	0.57
	2012	348.01	865.64	0.40
	2013	241.58	734.60	0.33
<p>Agrobank menunjukkan penurunan margin keuntungan bersih dari RM0.57 dan RM0.40 pada tahun 2011 dan 2012 kepada RM0.33 pada tahun 2013. Ini disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan operasi pada tahun 2012 dan perbelanjaan cukai pada tahun 2013.</p>				
AVERAGE FINANCING RATE	TAHUN	PENDAPATAN FAEDAH (RM Juta) (a)	AVERAGE LOAN ASSETS (RM Juta) (b)	AVERAGE FINANCING RATE (%)
	2011	520.62	6,197.82	8.40
	2012	530.91	6,350.60	8.36
	2013	457.70	6,330.50	7.23
<p><i>Average Financing Rate</i> pada tahun 2013 menurun kepada 7.23% berbanding 8.36% pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan penurunan pendapatan faedah bagi pendapatan financing rate pembiayaan yang bernilai tinggi.</p>				
AVERAGE COST OF FUND	TAHUN	PERBELANJAAN FAEDAH (RM Juta) (a)	AVERAGE LIABILITIES (RM Juta) (b)	AVERAGE COST OF FUND (a/b) (%)
	2011	83.34	33.34	2.50
	2012	87.41	32.25	2.71
	2013	36.71	17.48	2.10
<p><i>Average Cost Of Fund</i> pada tahun 2013 menurun kepada 2.10% berbanding 2.71% pada tahun 2012. Seterusnya menurun kepada 2.03% pada tahun 2014. Penurunan ini berkadar dengan peningkatan komposisi deposit bagi kos rendah.</p>				
GROSS IMPAIRED LOANS	TAHUN	GROSS IMPAIRED LOANS (RM Juta) (a)	GROSS LOAN PORTFOLIO (RM Juta) (b)	GROSS IMPAIRED LOANS (a/b) (%)
	2011	834.71	6,042.90	13.81
	2012	807.02	6,493.12	12.43
	2013	636.86	6,393.33	9.96
<p><i>Gross Impaired Loans</i> menurun dari tahun ke setahun. Penurunan ini adalah disebabkan oleh proses kelulusan dan kualiti pembiayaan diperketatkan. Mulai tahun 2013 <i>Gross Impaired Loans</i> berada pada paras di bawah 10%.</p>				

Sumber : Penyata Kewangan Agrobank 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

Analisis nisbah bagi 3 tahun menunjukkan prestasi kewangan syarikat adalah sederhana. Agrobank perlu memastikan pengurusan kos operasi dan aset sedia ada digunakan lebih cekap supaya syarikat dapat menjana prestasi yang lebih baik.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Agrobank mengambil maklum atas penemuan Audit. Agrobank memandang serius terhadap usaha-usaha pengurusan kos operasi dan aset dengan memberi penekanan kepada peningkatan aset berkualiti di samping melaksanakan inisiatif perbelanjaan berhemat. Nisbah Semasa sentiasa dipantau dan aset semasa mencukupi untuk menampung dan melunaskan liabiliti jangka pendek.

20.5.1.3. Aliran Tunai

- a. Prestasi aliran tunai Agrobank bagi tempoh tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.3
PENYATA ALIRAN TUNAI AGROBANK BAGI TEMPOH
TAHUN KEWANGAN 2011 HINGGA 2013**

BUTIRAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	1,003.09	(903.18)	(292.77)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(258.33)	(517.49)	(183.87)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(88.02)	(165.35)	(76.98)
Tambahan/(Kurangan) Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	656.74	(1,586.03)	(553.62)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	2,756.30	3,413.04	1,827.01
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	3,413.04	1,827.01	1,273.40

Sumber : Penyata Kewangan Agrobank 2011, 2012 Dan 2013 Yang Diaudit

- b. Secara keseluruhannya, didapati aliran tunai Agrobank adalah **memuaskan** bagi tempoh 3 tahun bagaimanapun **pada tahun 2012 dan 2013, berlaku defisit dalam aktiviti operasi berjumlah RM903.18 juta dan RM292.77 juta masing-masing**. Bagi tahun 2014 pula, berlaku peningkatan aliran tunai masuk dari aktiviti operasi berjumlah RM8.49 juta. Pada akhir tahun kewangan 2013 dan 2014, Agrobank mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM1.273 bilion dan RM1.303 bilion yang terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank, deposit dan keuntungan.
- c. **Semakan Audit** mendapati aliran tunai keluar daripada aktiviti pelaburan yang tinggi pada tahun 2012 adalah berjumlah RM1.807 bilion disebabkan pertambahan sekuriti pelaburan walaupun diimbangi oleh penjualan sekuriti pelaburan sejumlah RM1.310 bilion.

Lebih aliran keluar sejumlah RM0.517 bilion adalah merupakan sebahagian daripada aset pelaburan yang perlu dikekalkan akibat lebih dana. Seterusnya, pendapatan sekuriti pelaburan telah meningkat berjumlah RM59.98 juta pada tahun 2012 iaitu dari RM59.06 juta pada tahun 2011 kepada RM119.04 juta pada tahun 2012 dan jumlah ini tidak termasuk pendapatan dari jualan saham CIMB berjumlah RM208.83 juta.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Agrobank bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013 menunjukkan keuntungan terkumpul yang meningkat. Bagaimanapun, trend penurunan pendapatan dan aliran tunai memberi risiko terhadap prestasi kewangan syarikat.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Dalam usaha meningkatkan pendapatan, Agrobank telah merebut peluang pelaburan yang menjanakan margin pulangan yang tinggi. Aktiviti pelaburan merupakan salah satu daripada aktiviti yang dibenarkan di dalam Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad di mana Agrobank perlu melaburkan dana lebih daripada aktiviti harian.

Pelaburan saham CIMB adalah pelaburan legasi dan tidak merupakan pelaburan utama. Penjualan saham CIMB dilaksanakan semasa harga pasaran modal baik dan selaras dengan matlamat Bank ke arah Perbankan Islam sepenuhnya pada tahun 2015. Penglibatan Bank dalam aktiviti pasaran modal adalah untuk membolehkan Bank kekal kompetitif dan mempunyai daya saing. Walaupun keuntungan dari jualan saham CIMB melebihi aktiviti operasi pada tahun 2012, Bank telah berjaya mencapai pertumbuhan bersih pembiayaan sejumlah RM330 juta dari RM5.970 bilion pada 31 Disember 2011 kepada RM6.295 bilion pada 31 Disember 2012. Bagi tahun 2013 dan 2014, baki pembiayaan telah meningkat sejumlah RM480 juta dari RM6.328 bilion kepada RM6.814 bilion.

20.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

Agrobank diberi mandat untuk menyediakan pembiayaan sederhana hingga jangka panjang kepada industri berasaskan pertanian termasuk projek korporat, komersial dan sektor konsumen. Pelbagai skim juga diperkenalkan oleh Agrobank bagi membiayai projek Kerajaan. Produk utama Agrobank dikategorikan sebagai pembiayaan, pajakan dan jaminan yang diklasifikasikan sebagai pembiayaan bercirikan konvensional dan Islam. Prestasi aktiviti Agrobank adalah pada tahap memuaskan dan hasil semakan Audit terhadap aspek prestasi aktiviti Agrobank adalah seperti yang berikut:

20.5.2.1. Perancangan Strategik Dan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- a. Agrobank mempunyai pengukur prestasi KPI Korporat (CKPI) yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Agrobank (BOD) dan MKD pada setiap tahun. Penilaian prestasi korporat Agrobank dibentangkan kepada Pengurusan secara bulanan dan kepada BOD pada setiap suku tahun. Seterusnya, CKPI yang telah diluluskan oleh BOD dikemukakan kepada MKD untuk pemantauan pada setiap suku tahun. Pencapaian prestasi tahunan adalah berasaskan kepada CKPI Agrobank bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 disediakan mengikut 4 perspektif iaitu Kewangan & Pemegang Kepentingan, Pelanggan, Proses Dalam dan Latihan & Pembangunan. **Bagi tahun 2012 dan 2013, Agrobank tidak berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan oleh MKD. Bagaimanapun, pada tahun 2014, Agrobank telah berjaya mencapai sasaran CKPI pada kadar 91.9%.** Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.4
PENCAPAIAN SEBENAR CKPI
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014**

TAHUN	SASARAN MKD (%)	PENCAPAIAN SEBENAR (%)
2012	85	84.5
2013	85	74.5
2014	90	91.9

Sumber : Laporan Pencapaian Berbanding Sasaran KPI, Bahagian Korporat

- b. Seterusnya, pihak Audit membuat analisis terhadap 4 kriteria utama tersebut bagi mengukur prestasi pencapaian CKPI Agrobank. Bagi tahun 2012, sebanyak 9 elemen ditetapkan untuk mengukur kriteria Kewangan dan Pemegang Kepentingan; 2 elemen untuk mengukur Kriteria Pelanggan; 4 elemen untuk mengukur kriteria Proses Dalam dan 2 elemen untuk mengukur kriteria Latihan dan Pembangunan. Seterusnya bagi tahun 2013, sebanyak 5 elemen ditetapkan untuk mengukur kriteria Kewangan dan Pemegang Kepentingan; 2 elemen untuk mengukur kriteria Pelanggan; 5 elemen untuk mengukur kriteria Proses Dalam dan 2 elemen untuk mengukur kriteria Latihan dan Pembangunan. Manakala bagi tahun 2014, sebanyak 10 elemen ditetapkan untuk mengukur kriteria Kewangan dan Pemegang Kepentingan; 3 elemen untuk mengukur kriteria Pelanggan; 4 elemen untuk mengukur kriteria Proses Dalam dan 4 elemen untuk mengukur kriteria Latihan dan Pembangunan. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.5
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

KRITERIA	2012			2013			2014		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)
Kewangan & Pemegang Kepentingan	34.0	32.5	Tidak	38.25	34.0	Tidak	49.5	46.0	Tidak
1) Peratus Pembiayaan Pertanian Agrobank kepada Sistem Perbankan	4.25	2.50	Tidak	<i>Diukur di bawah CKPI item 9</i>			<i>Diukur di bawah CKPI item 10 dengan lebih terperinci</i>		
2) Penambahan: • Cawangan Baru • New Banking Corner	2.125 2.125	2.00 2.50	Tidak Ya	<i>Tidak diukur secara khusus dalam CKPI 2013 dan 2014</i>					
3) % Pembiayaan Pertanian kepada Keluaran Nilai Kasar Sektor Pertanian	4.25	4.00	Tidak	<i>Diukur di bawah CKPI item 9</i>			<i>Diukur di bawah CKPI item 10, 11 dan 12</i>		
4) Kadar Pulangan ke atas Ekuiti (ROE)	4.25	5.00	Ya	12.75	10.50	Tidak	9.00	7.0	Tidak
5) Kadar Pembiayaan Terjejas Kasar	4.25	3.50	Tidak	6.375	6.00	Tidak	4.50	4.3	Tidak
6) Pertumbuhan Pembiayaan Yang Dimandatkan	4.25	5.00	Ya	<i>Diukur di bawah CKPI item 9</i>			<i>Diukur di bawah CKPI item 10, 11 dan 12</i>		
7) Kadar Deposit Kos Rendah	4.25	3.50	Tidak	6.375	6.00	Tidak	4.50	0.00	Tidak
8) Komposit Penilaian Risiko	4.25	4.50	Ya	4.25	4.50	Ya	<i>Diukur di bawah Proses Dalaman item 5</i>		
9) % Pembiayaan Pertanian kepada Keluaran Nilai Tambah Kasar Sektor Pertanian	<i>Teloh diukur dalam CKPI 2012 secara menyeluruh pada item 1 di atas</i>			8.50	7.00	Tidak	<i>Diukur di bawah CKPI item 11 dengan lebih terperinci</i>		
10) % Bahagian dari Pembiayaan Pertanian kepada Sistem Perbankan (i) Pembiayaan Berasaskan Makanan (ii) Pembiayaan Berasaskan Komoditi				<i>Diukur secara menyeluruh di bawah CKPI item 9</i>			4.50	5.0	Ya
							4.50	5.3	Ya
11) % Pembiayaan Pertanian kepada Keluaran Nilai Tambah Kasar Sektor Pertanian (i) Pembiayaan Berasaskan Makanan (ii) Pembiayaan Berasaskan Komoditi							4.50	5.4	Ya
	4.50	5.4	Ya						
12) % Penggunaan Dana Kerajaan	<i>Diukur di bawah CKPI item 6</i>						4.50	5.9	Ya
13) Kadar Pulangan ke atas Aset (ROA)	<i>Diukur dalam Pertumbuhan Pembiayaan di bawah CKPI item 6 dan 9</i>						4.50	3.1	Tidak
14) Nisbah Kos Kepada Pendapatan	<i>Diukur dalam CKPI 2012 dan 2013 di bawah kategori Proses Dalaman item 1</i>						4.50	4.6	Ya
Pelanggan	17.0	19.0	Ya	12.75	13.5	Ya	9.0	10.3	Ya
1) Indeks Kepuasan Pelanggan	8.50	9.0	Ya	8.50	9.00	Ya	2.70	3.2	Ya
2) Indeks Kesedaran Pelanggan	8.50	10.0	Ya	4.25	4.50	Ya	2.70	2.9	Ya
3) Kadar Pembiayaan kepada Bumiputera	<i>Diukur di bawah CKPI item 6 dan 9</i>						3.60	4.2	Ya
Proses Dalaman	21.25	22.5	Ya	25.5	19.5	Tidak	18.0	21.1	Ya

KRITERIA	2012			2013			2014		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)
1) Nisbah Kos Kepada Pendapatan	8.50	10.0	Ya	8.50	2.0	Tidak	<i>Diukur di bawah Kewangan & Pemegang Kepentingan item 14</i>		
2) Purata TAT Pembiayaan (Permohonan ke Kelulusan)							<i>Diukur di bawah Kewangan & Pemegang Kepentingan item 10 dan 11</i>		
(i) Pembiayaan Konsumer	4.25	5.0	Ya	4.25	5.0	Ya			
(ii) Pembiayaan Komersil	4.25	5.0	Ya	4.25	5.0	Ya			
(iii) Pembiayaan Korporat	4.25	2.50	Tidak	4.25	4.5	Ya			
3) Laporan Rating bagi Penilaian Kualiti Kredit	<i>Diukur di bawah Kewangan & Pemegang Kepentingan item 5</i>			4.25	3.0	Tidak	4.50	5.4	Ya
4) Purata TAT Pembiayaan Micro	<i>Diukur di bawah Proses Dalam item 2</i>								
(i) Permohonan ke Kelulusan							4.50	6.3	Ya
(ii) Penerimaan Pelanggan ke Pengeluaran Pembiayaan							4.50	4.4	Tidak
5) Komposit Penilaian Risiko	<i>Diukur dalam CKPI 2012 dan 2013 di bawah kategori Kewangan & Pemegang Kepentingan item 8</i>						4.50	5.0	Ya
Latihan & Pembangunan	12.75	10.5	Tidak	8.5	7.5	Tidak	13.5	14.5	Ya
1) Indeks Penglibatan Pekerja	6.375	4.50	Tidak	4.25	3.5	Tidak	4.50	4.4	Tidak
2) % Pekerja Yang Layak Melengkapkan <i>Internal Credit Certification Program</i> (ICCP)	6.375	6.00	Ya	4.25	4.0	Tidak	<i>Diukur dalam CKPI 2014 mengikut level di bawah item 4</i>		
3) % Pekerja Menghadiri Kursus (minimum 2 kursus)	<i>Diukur di bawah Latihan & Pembangunan item 2</i>						4.50	5.7	Ya
4) % Pekerja Lulus <i>Professional Credit Certification</i> (PCC) Examination	<i>Diukur di bawah Latihan & Pembangunan item 2</i>								
(i) PCC Level 1							2.25	3.1	Ya
(ii) PCC Level 2							2.25	1.3	Tidak
JUMLAH	85.0	84.5	Tidak	85.0	74.5	Tidak	90.0	91.9	Ya

Sumber : Laporan Pencapaian Berbanding Sasaran KPI, Bahagian Korporat, Agrobank

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

TB - Tidak Berkenaan

c. Semakan Audit mendapati, daripada 9 elemen yang diukur bagi kriteria Kewangan dan Pemegang Kepentingan, 5 elemen tidak tercapai bagi tahun 2012. Manakala bagi tahun 2013, 4 daripada 5 elemen yang diukur tidak tercapai. Pada tahun 2014, menunjukkan peningkatan pencapaian iaitu 6 daripada 10 elemen yang diukur telah dicapai.

d. Pada tahun 2012 hingga 2014, kesemua elemen untuk mengukur kriteria Pelanggan telah dicapai.

- e. Bagi kriteria Proses Dalaman, 3 daripada 4 elemen yang diukur telah berjaya dicapai bagi tahun 2012, 3 daripada 5 elemen berjaya dicapai bagi tahun 2013 dan 3 daripada 4 elemen berjaya dicapai bagi tahun 2014.
- f. Bagi kriteria Latihan dan Pembangunan, satu daripada 2 elemen yang diukur dicapai bagi tahun 2012, bagaimanapun kedua-dua elemen tersebut tidak tercapai bagi tahun 2013. Manakala bagi tahun 2014, 2 daripada 4 elemen mencapai sasaran yang ditetapkan.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Agrobank telah mewujudkan Remedial & Recovery Department (RRD) untuk memastikan langkah pemulihan pembiayaan segera diambil. Di samping itu, Early Care Management Department juga ditubuhkan untuk mengawasi pembiayaan semasa bagi mengelakkan pembiayaan bertukar kepada pembiayaan terjejas. Pembiayaan di bawah watchlist sentiasa diawasi dan Bank telah mewujudkan polisi untuk melaksanakan Credit Review atas pembiayaan secara tahunan bagi memastikan perkembangan projek/pembiayaan dan kedudukan kewangan peminjam/syarikat adalah sentiasa dipantau.

Pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia untuk menambahbaik Indeks Kepuasan Kerja seperti program di bawah:

- i. Employee Engagement Townhalls & Compliance Culture Campaign seperti Corporate Integrity Pledge;*
- ii. Employee Social Responsibilities Programs/Extended Program for ‘Skuad Kasih Agrobank’;*
- iii. Sport Activities/Agrobank’s Annual Games;*
- iv. Comprehensive Wellness Awareness Program;*
- v. Top Performers Incentive Program; dan*
- vi. Spiritual Program seperti ceramah agama dan pengurusan Emotional Spiritual Quotient.*

20.5.2.2. Prestasi Dana Pembiayaan

- a. Prestasi kewangan bagi bank diukur berdasarkan prestasi pembiayaan dan Agrobank telah menetapkan sasaran bagi pembiayaan tahunan mengikut sektor korporat, komersial, dan pelanggan. Analisis Audit terhadap sasaran dan pencapaian sumber dana pembiayaan Agrobank mendapati pencapaian sumber dana pembiayaan adalah antara 77.9% hingga 509.1% bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Pencapaian sumber dana geran Kerajaan pada tahun 2013 adalah melebihi sasaran sejumlah RM249.24 juta (509.1%) disebabkan pengkelasan Dana Rangsangan untuk program pembiayaan Mikro sebagai geran dan telah disahkan oleh Kementerian Kewangan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.6
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN SEBENAR SUMBER DANA
PEMBIAYAAN AGROBANK BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

SUMBER DANA PEMBIAYAAN	2012			2013			2014		
	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)
Deposit	8,500.10	6,946.40	81.7	8,200.00	6,488.32	79.1	7,130.00	6,732.74	94.4
Pembiayaan Kerajaan	1,580.60	1,639.63	103.7	1,956.86	1,555.35	79.5	2,134.70	2,063.08	96.6
Geran Kerajaan	78.43	79.98	102.0	60.93	310.17	509.1	194.71	299.36	153.7
Lain-Lain Liabiliti	398.54	310.41	77.9	251.92	423.79	168.2	281.25	430.35	153.0
Jumlah Liabiliti	10,557.67	8,976.42	85.0	10,469.71	8,777.63	83.8	9,740.66	9,525.53	97.8
Ekuiti Pemegang Saham	2,664.54	2,468.39	92.6	2,695.24	2,349.39	87.2	2,625.10	2,455.59	93.5
JUMLAH	13,222.21	11,444.81	86.6	13,164.95	11,127.02	84.5	12,365.76	11,981.12	96.9

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran Sumber Dana Pembiayaan, Agrobank
 Nota : S - Sasaran P - Pencapaian

- b. Bagi pelanggan dan dana komponen utama terdiri daripada pembiayaan pendahuluan dan pembiayaan, pembiayaan dan pendahuluan kepada staf, rosot nilai pembiayaan, pelaburan dan aset. **Analisis Audit terhadap prestasi sasaran dan pencapaian penggunaan dana untuk pembiayaan Agrobank mendapati pencapaian pembiayaan adalah antara 87.4% hingga 96.8% bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Manakala, keseluruhan pencapaian pada tahun 2013 menurun kepada 87.4% berbanding tahun 2012 iaitu 93.2%. Ini disebabkan peningkatan sasaran sejumlah RM438.46 juta berbanding peningkatan pencapaian sejumlah RM22.26 juta. Agrobank tidak berjaya mencapai sasaran pertumbuhan kasar pembiayaan portfolio yang ditetapkan pada kadar 17.5% dan 10.9% bagi tahun 2013 dan 2014. Pertumbuhan pembiayaan sebenar pada kadar 0.5% dan 7.7%. Butirannya adalah seperti jadual berikut:**

JADUAL 20.7
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN PELANGGAN DANA AGROBANK
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

JENIS PEMBIAYAAN	2012			2013			2014		
	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)
Pembiayaan dan pendahuluan	6,897.00	6,295.23	91.3	7,400.00	6,328.24	85.5	7,013.00	6,814.39	97.2
Pembiayaan dan pendahuluan kepada staf	52.61	64.06	121.8	67.50	56.82	84.2	70.45	42.33	60.1
Peruntukkan pembiayaan terjejas	(697.34)	(532.37)	76.3	(776.77)	(535.88)	69.0	(543.54)	(566.7)	104.3
Pembiayaan dan pendahuluan bersih	6,252.27	5,826.92	93.2	6,690.73	5,849.18	87.4	6,469.46	6,290.02	96.8
Pelaburan kasar	6,463.95	5,135.64	79.5	5,965.83	4,767.76	79.9	5,310.00	5,156.94	97.1

JENIS PEMBIAYAAN	2012			2013			2014		
	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	(%)
Kerugian pelaburan terjejas	(11.18)	(2.68)	24.0	(10.17)	(6.59)	64.8	(5.00)	(0.25)	5.0
Pelaburan bersih	6,452.77	5,132.96	79.6	5,955.66	4,761.17	79.9	5,305.00	5,156.94	97.2
Lain-lain aset	276.25	273.18	98.9	300.00	294.33	98.1	267.00	329.41	123.4
Aset tetap-kos	468.25	TM	TM	445.89	483.28	108.4	564.66	506.65	89.7
Susut nilai terkumpul	(227.33)	TM	TM	(227.33)	(260.94)	114.8	(310.81)	(301.65)	97.1
Aset tetap bersih	240.92	211.75	87.9	218.56	222.34	101.7	253.85	205.00	80.8
JUMLAH ASET	13,222.21	11,444.81	86.5	13,164.95	11,127.02	84.5	12,365.76	11,981.12	96.9

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran Pelanggan Dana, Bahagian Korporat, Agrobank

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, pencapaian sebenar di bawah sasaran yang ditetapkan memerlukan penambahbaikan dalam melaksanakan strategi yang dirancang. Beberapa indikator penting seperti untung sebelum cukai dan pertumbuhan kasar pembiayaan dalam mengukur prestasi syarikat juga tidak tercapai.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Pencapaian di bawah sasaran adalah disebabkan oleh:

- i. garis panduan pembiayaan peribadi diperketat selaras dengan pengumuman oleh BNM berkaitan "Responsible Financing" pada 5 Julai 2013 di mana tempoh pembiayaan maksimum adalah selama 10 tahun (tempoh pembiayaan maksimum sebelum ini adalah selama 20 tahun) bagi pembiayaan peribadi iaitu melibatkan produk Agrocash/Agrocash-i;*
- ii. hapus kira pembiayaan secara dalaman bagi tahun 2012 dan 2013 berjumlah masing-masing RM256.51 juta dan RM203.83 juta. Hapus kira dilakukan berdasarkan "2 years time triggered" untuk memastikan baki pembiayaan adalah berkualiti. Bagaimanapun, aset pembiayaan adalah merupakan Off Balance Sheet dan proses ini tidak transparent kepada pelanggan di mana penyata tuntutan masih dikemukakan dan usaha kutipan masih diteruskan; dan*
- iii. persaingan dengan institusi kewangan lain. Kadar pembiayaan yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan yang lain adalah lebih rendah berbanding Agrobank, contoh: Bank Rakyat (3.85%) dan MBSB (3.98%).*

20.5.3. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti Agrobank adalah memuaskan. Hasil semakan Audit terhadap aspek pengurusan aktiviti Agrobank adalah seperti yang berikut:

20.5.3.1. Hala Tuju Syarikat

Pelbagai strategi telah digariskan bagi merancang hala tuju dalam mencapai aktiviti yang dimandatkan seperti memberikan tumpuan kepada pembiayaan, menyokong keperluan sektor yang disasarkan, pelaksanaan inisiatif Kerajaan tertentu, memperkenalkan produk baru dan penjenamaan semula produk sedia ada, usaha ke dalam bidang pertumbuhan baru/membiayai aktiviti hiliran/ pembiayaan rangkaian nilai, meningkatkan pendapatan berasaskan fi, modal insan dan servis penghantaran yang optimum, memanfaatkan kemajuan, kesedaran syariah, kualiti aset, pelan pengurusan modal dan pengurusan mudah tunai. Agrobank telah merangka Pelan Perniagaan bagi tahun 2015 dan 2016 yang telah diluluskan oleh BOD Agrobank pada 28 November 2014. Manakala, Pernyataan Niat Korporat (SCI) dan Keperluan Pendanaan Tahunan (AFR) yang telah diluluskan oleh BOD Agrobank pada 27 Februari 2015 dan telah dikemukakan kepada BNM untuk kelulusan.

20.5.3.1.1. Kestabilan Syarikat

- a. Agrobank meletakkan keberlangsungan syarikat sebagai perkara utama dalam menjalankan perniagaan perbankannya. Bagi mengukur keberlangsungan syarikat, Agrobank mensasarkan *Return on Assets* (ROA) sebanyak 5.1%, 2.4% dan 2.5% dan *Return on Equity* (ROE) sebanyak 26.5%, 12.7% dan 12.3% masing-masing bagi tahun 2012, 2013 dan 2014.
- b. **Bagaimanapun, analisis Audit mendapati pencapaian ROA adalah di antara 1.6% hingga 3.3% manakala pencapaian ROE adalah di antara 8.6% hingga 21.0%. Ini menunjukkan terdapat penurunan peratusan ROE berbanding sasaran yang ditetapkan. Butiran adalah seperti jadual berikut:**

JADUAL 20.8
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN ROA DAN ROE
PADA TAHUN 2012, 2013 DAN OKTOBER 2014

TAHUN/ KRITERIA	2012			2013			2014		
	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/Tidak)	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/Tidak)	S (%)	P (%)	CAPAI (Ya/Tidak)
<i>Sustainability Ratios</i>									
ROA	5.1	3.3	Tidak	2.4	2.7	Ya	2.5	1.6	Tidak
ROE	26.5	21.0	Tidak	12.7	14.4	Ya	12.3	8.6	Tidak

Sumber : Pencapaian Dan Sasaran ROA Dan ROE, Bahagian Korporat, Agrobank

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

- c. Peratusan ROA dan ROE bagi tahun 2013 telah mencapai sasaran. **Bagaimanapun, bagi tahun 2014, ROA dan ROE tidak mencapai sasaran disebabkan usaha Agrobank untuk memastikan aset**

pembiayaan dan cagaran yang berkualiti dengan memperketat garis panduan pembiayaan sebagai langkah selamat dengan memperkenalkan piawaian penilaian kredit yang lebih terperinci dan penambahbaikan ke atas garis panduan pembiayaan. Peruntukan perbelanjaan keuntungan belum diagih bagi deposit Mudharabah RM17.69 juta pada tahun 2014 dikekalkan selaras dengan garis panduan BNM di samping peningkatan purata aset kasar dari RM11.29 bilion kepada RM11.75 bilion.

- d. Selaras dengan pelaksanaan Perbankan Islamik, Agrobank mengambil kira dalam pendapatan keuntungan atas jualan aset pelaburan konvensional tersedia untuk dijual berjumlah RM70.47 juta. Memandangkan kedudukan pasaran modal yang lembab, Agrobank telah menanggungkan jualan aset pelaburan konvensional tersebut sehingga tahun 2015.
- e. Seterusnya, dalam memastikan agar Agrobank tidak terus menerus bergantung kepada bantuan kewangan dari Kerajaan dalam menampung operasi syarikat, Agrobank telah mensasarkan beberapa program seperti Entry Point Program (EPP), Pembiayaan Usahawan Pertanian (DPUP 1) dan Dana Pertanian Komersil (GLC) untuk dilaksanakan.
- f. Bagi memastikan impak yang maksimum ke atas pencapaian pembiayaan, Agrobank sebagai bank DFI telah mengambil langkah dengan mengawal kualiti aset dan meminimumkan pembiayaan terjejas. **Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sasaran bagi peningkatan aset pembiayaan dan saiz pembiayaan tidak tercapai bagi ketiga-tiga tahun. Bagi peningkatan kualiti portfolio bermasalah pula, sasaran dapat dicapai pada tahun 2013. Manakala bagi tahun 2012 dan 2014 tidak tercapai.** Butiran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.9
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN
PADA TAHUN 2012 HINGGA 2014**

TAHUN/ KRITERIA	2012 (RM Juta)			2013 (RM Juta)			2014 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)
Peningkatan Aset Pembiayaan	926.80	325.03	Tidak	1,100.00	33.01	Tidak	692.00	486.15	Tidak
Peningkatan Kualiti Portfolio Bermasalah	316.00	115.00	Tidak	34.00	82.99	Ya	116.00	5.180	Tidak
Saiz Pembiayaan	6,897.00	6,295.23	Tidak	7,400.00	6,328.24	Tidak	7,013.00	6,814.39	Tidak

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran, Agrobank

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Agrobank ada melaksanakan pemantauan prestasi bagi kesemua program di bawah dana Kerajaan seperti Entry Point Program (EPP), Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian (DPUP 1) dan Dana Pertanian Komersial (GLC). Laporan dibentangkan secara bulanan ke mesyuarat Pengurusan Aset & Liabiliti (ALCO) dan Jawatankuasa Pengurusan Kredit (MCC) di peringkat Agrobank. Pelaporan prestasi pembiayaan juga dikemukakan kepada MOA secara bulanan juga Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Di samping itu, kedudukan serta perkembangan dana dan pembiayaan dipantau di mesyuarat-mesyuarat Kementerian.

Jabatan khusus telah ditetapkan untuk memantau dana iaitu Central Funding Section di bawah Bahagian Kewangan. Bagi urusan berkaitan pembiayaan kepada pelanggan termasuk pengawalan prestasi pembiayaan adalah diawasi oleh Business Planning & Performance Monitoring Department (BPPMD) di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan. Segala urusan dengan pihak Kementerian secara menyeluruh diawasi dan diwakili oleh Government Relation Section di bawah Pejabat Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank.

20.5.3.1.2. Peranan Yang Dimandatkan

- a. Walaupun Agrobank perlu berdaya saing di pasaran kewangan namun ia hendaklah memastikan mandat penubuhan tidak diabaikan. Keutamaan kelulusan pembiayaan adalah berdasarkan permohonan yang melibatkan pertanian dan rantai makanan kepada Negara. Kriteria pemilihan projek juga menekankan sumbangan terhadap produktiviti sosio-ekonomi, kestabilan ekonomi Negara, pembangunan korporat dan pemuliharaan alam sekitar. Di samping itu, Agrobank juga bertindak sebagai ejen bagi mempromosi dan melaksanakan inisiatif khas Kerajaan kepada kumpulan sasar. Agrobank mensasarkan mandat utama berkaitan pertanian dan makanan sebagai kriteria utama kelulusan pembiayaan dengan nisbah 70 : 30. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.10
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN
PADA TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN/ KRITERIA	2012 (RM Juta)			2013 (RM Juta)			2014 (RM Juta)		
	S	P	(%)	S	P	(%)	S	P	(%)
Mandat	3,627.00	4,465.80	123.1	3,800.00	4,713.80	124.0	3,687.32	5,254.80	142.5
Bukan Mandat	3,270.00	2,027.30	62.0	3,600.00	1,679.50	46.7	3,325.68	1,601.90	48.2

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran, Agrobank

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

- b. Semakan Audit mendapati Agrobank berjaya mencapai sasaran bagi pembiayaan yang dimandatkan untuk ketiga-tiga tahun. Agrobank telah mencapai nisbah pembiayaan yang dimandatkan berbanding pada tahun 2013 (73:27) dan 2014 (77:23). Butiran adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 20.11
BUTIRAN PEMBIAYAAN YANG DIMANDATKAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	PEMBIAYAAN MANDAT (RM Juta)	PEMBIAYAAN BUKAN MANDAT (RM Juta)	PENINGKATAN PEMBIAYAAN MANDAT (RM Juta)	NISBAH MANDAT : BUKAN MANDAT
2012	4,465.80	2,027.30	436.15	69 : 31
2013	4,713.80	1,679.50	248.00	73 : 27
2014	5,254.80	1,601.90	541.00	77 : 23

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran, Agrobank

- c. Analisis Audit mendapati pembiayaan sektor pertanian telah meningkat dari 54.2% pada tahun 2012 kepada 59.7% pada tahun 2014 daripada keseluruhan pembiayaan syarikat. Penumpuan terhadap sektor pertanian meningkat dari tahun ke tahun pada kadar 5.9% (2013) dan 12.5% (2014). Butiran adalah seperti carta berikut:

CARTA 20.1
PEMBIAYAAN BERASASKAN PERTANIAN
BERBANDING KESELURUHAN PEMBIAYAAN



Di samping itu, Agrobank memberi keutamaan kepada usahawan kecil dan sederhana (SME) bagi mendapat kemudahan pembiayaan dan menasaskan perniagaan perbankan sebagai sasaran utama pertumbuhan pembiayaan berbanding perbankan konsumer. Agrobank juga berperanan membantu meningkatkan ekonomi luar bandar dengan menggalakkan penyimpanan deposit oleh penduduk luar bandar. Pelbagai promosi dan cara dibuat bagi merealisasikan sasaran tersebut. Analisis Audit mendapati hanya pada tahun 2014 pencapaian bagi perbankan perniagaan adalah melebihi jumlah yang disasarkan sejumlah RM3,813.60 juta. **Bagi tahun 2012 dan 2013 jumlah sasaran pembiayaan perbankan perniagaan tidak tercapai dan sasaran bagi perbankan konsumer bagi tahun 2013 dan 2014 juga tidak tercapai.**

Selain itu, pemantauan prestasi bagi aktiviti pembiayaan dilaporkan dalam mesyuarat *Budget Tracking* yang diadakan setiap bulan. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.12
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN PADA TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN/ KRITERIA	2012 (RM Juta)			2013 (RM Juta)			2014 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)
Perbankan Perniagaan	5,567.30	2,935.78	Tidak	3,724.24	3,248.28	Tidak	3,687.32	3,813.60	Ya
Perbankan Konsumer	1,329.70	3,359.45	Ya	3,675.76	3,079.96	Tidak	3,325.68	3,000.79	Tidak
JUMLAH	6,897.00	6,295.23	Tidak	7,400.00	6,328.24	Tidak	7,013.00	6,814.39	Tidak

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran Pembiayaan Perniagaan, Agrobank

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

Pada pendapat Audit, pencapaian perbankan berasaskan perniagaan hendaklah ditingkatkan. Ini kerana pengukuran pencapaian peranan yang dimandatkan bagi produk yang berasaskan pertanian dapat dilaksanakan dengan lebih jelas berbanding perbankan konsumer.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Struktur organisasi juga telah dimantapkan dengan penambahbaikan penetapan jabatan khusus untuk sesuatu tugas. Antaranya ialah penubuhan Credit Administration Department (CAD) yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pengeluaran pembiayaan mengikut turnaround time yang ditetapkan. Manakala, Early Care Management Department (ECMD) ditugaskan untuk mengawasi dan menilai status aliran masuk dan aliran keluar pembiayaan dari beralih kepada delinquent.

20.5.3.1.3. Produk Baru Dan Penjenamaan Semula

- a. Selaras dengan dasar pengkorporatan, Agrobank memperkenalkan produk baru dan penjenamaan semula. Beberapa produk baru dan penjenamaan semula dilakukan bagi merealisasikan Agrobank sebagai bank korporat seperti Pembiayaan Berkumpulan - Pertanian Kontrak (Pembiayaan berkumpulan – Pertanian Kontrak), Struktur Pembiayaan “Kelompok”, *Trade Finance & Cash Line-i facilities*, Pembiayaan - i Mesin & Peralatan, Hartani-i, *Trade Finance Machinery & Equipment Financing-i* (MAEF-i), *MPPB - HUB*, *Customer Loyalty Extension Program* (CLEP) dan Tanaman Semula Kelapa Sawit-i (TASK-i).
- b. Agrobank juga merancang untuk melabur dalam pelaburan baru, aktiviti hiliran baru dan aktiviti berkaitan seperti Dasar Laluan Hijau [*Green Lane Policy* (GLP)] – tanaman organik, Industri Halal dan Usahawan Teraju

berpotensi, Produk nilai tinggi - Herba & Rempah Ratus serta Akuakultur selaras dengan Dasar Agromakanan Negara, *Fast Moving Consumer Goods* (FMCG) pengedar - Nestle, F&N dan Makanan Berasaskan Pengeluar - *Malayan Flour Mill* - Ayam Dindings. **Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengukur kesan peningkatan terhadap pertumbuhan pembiayaan baru.**

Pada pendapat Audit, tindakan yang lebih komprehensif hendaklah dibuat bagi mengkaji keberkesanan pengurusan hala tuju syarikat. Walaupun pemantauan program dilakukan, tetapi masih terdapat program yang belum mencapai sasaran dan peranan yang dimandatkan perlu diberi tumpuan bagi memastikan ekonomi golongan sasaran dapat dicapai.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Pemantauan merupakan sebahagian daripada proses penilaian kredit. Ia bermula dari permohonan hingga kelulusan pembiayaan. Pembiayaan perlu melalui proses penilaian kredit yang dilaksanakan oleh Credit Evaluation & Review Department (CERD) dan khidmat nasihat mengenai industri dari Economic & Industry Research Management Department (EIRMD) di bawah Bahagian Pengurusan Risiko. Bagi produk sedia ada dan baru, jabatan khusus iaitu Product Research & Development Department (PRDD) di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi produk tersebut.

20.5.3.2. Pembiayaan

Aktiviti pembiayaan merupakan antara aktiviti utama Agrobank. Sebarang peningkatan atau penurunan dalam aktiviti ini memberi kesan yang penting terhadap prestasi syarikat. Pembiayaan dikategorikan sebagai pembiayaan konsesi dan pembiayaan komersial. Pembiayaan konsesi merupakan pembiayaan kepada pelanggan di mana dana diperoleh melalui pembiayaan Kerajaan. Manakala pembiayaan komersial dibiayai oleh dana sendiri daripada deposit, pembiayaan dan lain-lain.

- a. Agrobank menetapkan sasaran setiap tahun bagi setiap kategori pembiayaan agar pendapatan syarikat dapat dipertingkatkan sekaligus pembayaran pembiayaan kepada Agrobank dapat dilaksanakan. Sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan liabiliti syarikat adalah dana yang diperoleh daripada bantuan Kerajaan manakala 80% adalah dana yang terhasil daripada deposit, pembiayaan dan lain-lain.
- b. Komposisi pembiayaan adalah 80% terdiri daripada pembiayaan komersial dan 20% adalah pembiayaan konsesi. Analisis Audit mendapati Agrobank telah mencapai sasaran komposisi pembiayaan yang ditetapkan bagi kedua-dua pembiayaan pada tahap baik antara 83.9% hingga 101.5%.

Bagaimanapun, pencapaian pembiayaan keseluruhan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 masih kurang daripada sasaran yang ditetapkan iaitu berjumlah RM601.74 juta, RM1,071.76 juta dan RM198.61 juta berbanding jumlah yang disasarkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.13
PENCAPAIAN PEMBIAYAAN SEBENAR BERBANDING SASARAN
BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014**

JENIS PEMBIAYAAN	2012 (RM Juta)			2013 (RM Juta)			2014 (RM Juta)		
	S	P	(%)	S	P	(%)	S	P	(%)
Jumlah pembiayaan konsesi	1,329.68	1,115.51	83.9	1,300	1,190.02	91.5	1,175.25	1,193.45	101.5
Jumlah pembiayaan komersial	5,567.29	5,179.72	93	6,100	5,138.22	84.2	5,837.75	5,620.94	96.3
JUMLAH PEMBIAYAAN	6,896.97	6,295.23	91.3	7,400	6,328.24	85.5	7,013.00	6,814.39	97.2

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran Pembiayaan, Agrobank


Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

- c. **Pembiayaan konsesi tidak dapat mencapai nilai sasaran bagi tahun 2012 dan 2013 tetapi mencatatkan peningkatan sejumlah RM74.51 juta (6.7%) pada tahun 2013 dan RM3.43 juta (0.3%) pada tahun 2014.** Pada tahun 2014, pembiayaan konsesi melebihi sasaran pada kadar 1.5%. Pencapaian pada tahun 2012 dan 2013 adalah di bawah sasaran masing-masing pada kadar 16.1% dan 8.5% disebabkan tiada peruntukan dana pembiayaan baru yang diterima daripada Kerajaan pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Pada tahun 2014, sumber dana Kerajaan diperoleh melalui kutipan balik pembiayaan di bawah peruntukan RMKe-9 (DPUP 1) yang dijadual semula berkuat kuasa pada 15 Mei 2014. Dana sejumlah RM150 juta (DPUP 2) diterima pada 23 Disember 2014.
- d. **Pembiayaan komersial mencatatkan penurunan pada tahun 2013 berjumlah RM41.50 juta (0.8%) akibat dari penurunan pembiayaan Ar-Rahnu berjumlah RM309.33 juta.** Manakala pada tahun 2014 mencatatkan peningkatan berjumlah RM482.72 juta (9.4%). Antara penyumbang kepada peningkatan pembiayaan adalah pembiayaan projek berjumlah RM527.17 juta dan Agrocash-i berjumlah RM64.15 juta.
- e. **Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, sebanyak 7 (43.8%) daripada 16 produk pembiayaan komersial tidak mencapai sasaran sepenuhnya.** Produk tersebut berserta pencapaian adalah Agrocash (95%), MUST-i (92%), BBA Projek (90%), Pendidikan Insani (90%), MUST (83%), Pembiayaan Projek (47%) dan Ar-Rahnu (38%). Manakala bagi tahun 2014 antara produk yang tidak mencapai sasaran adalah Agrocash (90.4%), BBA Vehicle (64.9%), Ar-Rahnu (53.9%), Padi Cash-i (72.8%), MUST-i (88.6%), Modal Pusingan-i (54.0%), Trade Finance (82.9%) dan Pendidikan Insani (91.6%).

- f. Antara punca produk tidak mencapai sasaran di bawah pembiayaan komersial adalah disebabkan pelaksanaan *Responsible Financing* seperti yang diumumkan oleh BNM pada 5 Julai 2013 dengan tempoh pembiayaan maksimum selama 10 tahun berbanding sebelum ini selama 20 tahun bagi produk Agrocash-i. Bagi Ar-Rahnu pula, Agrobank telah memperketatkan garis panduan pembiayaan untuk memastikan aset pembiayaan dan cagaran yang berkualiti. Kemerosotan Pembiayaan Projek/BBA Projek dan pencapaian di bawah sasaran adalah disebabkan oleh penumpuan diberikan kepada pembiayaan modal pusingan dan pembiayaan perdagangan manakala pembiayaan perdagangan merupakan produk baru dan cawangan memerlukan masa untuk memahami modus operandi produk.
- g. Seterusnya, semakan bagi konsesi pula mendapati pada tahun 2013 pencapaian yang memuaskan dengan 16 (69.6%) daripada 23 produk pembiayaan mencapai sasaran. Bagaimanapun, semakan mendapati Agrobank telah menurunkan sasaran bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 berjumlah RM29.68 juta (2.2%).
- h. **Semakan Audit terhadap prestasi permohonan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 menunjukkan trend penurunan yang ketara sejumlah RM298.44 juta dan seterusnya menurun berjumlah RM450.45 juta. Bagi kelulusan pula, peratus penurunan yang tinggi dengan kadar 29.2% dan 20.7%. Butirannya adalah seperti carta berikut:**

CARTA 20.2
PERBANDINGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PEMBIAYAAN AGROBANK
BAGI TAHUN 2012, 2013 DAN 2014



Sumber : Laporan Jumlah Permohonan Dan Kelulusan Pembiayaan, Agrobank

- i. Agrobank telah memperkenalkan piawaian penilaian kredit yang lebih terperinci dan penambahbaikan ke atas garis panduan pembiayaan dengan syarat pra pengeluaran pembiayaan. Agrobank juga memperkenalkan pengesahan dokumen, bukti sumbangan ekuiti dan pengeluaran secara berperingkat mengikut kemajuan projek.
- j. Penekanan kepada pemantauan kredit tahunan ke atas pembiayaan yang memberi kesan kepada pengurangan kadar pembiayaan mutu rendah dari 6.5% pada 31 Disember 2013 kepada 5% pada 31 Disember 2014. Baki pembiayaan bermutu rendah telah berkurangan sejumlah RM7.76 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013.

Pada pendapat Audit, bagi memastikan kualiti pembiayaan berada pada tahap yang baik, bilangan peminjam baru yang ramai dan berkualiti adalah penting. Kebergantungan terhadap peminjam lama memberi risiko kepada peningkatan pembiayaan terjejas dan prestasi syarikat.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan prestasi produk-produk tersebut adalah:

- i. memberi tumpuan kepada sektor pertanian secara kontrak dan rantaian, terutama untuk mendapatkan pelanggan bagi pembiayaan berjangka dan pembiayaan mikro;*
- ii. memberi pendedahan kepada cawangan untuk mempelopori produk kepenggunaan [Fast Moving Consumer Food (FMCG)] dari peringkat pengilang hingga pengedar;*
- iii. mengadakan pakatan strategik dengan agensi Kerajaan dan berasaskan Kerajaan seperti TERAJU dan Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER); dan*
- iv. menambahbaik penilaian kertas cadangan kelulusan bagi pembiayaan Mikro untuk mengenalpasti peminjam yang layak untuk diluluskan pembiayaan.*

20.5.3.3. Pendapatan Fi

- a. Pendapatan fi terdiri daripada pendapatan aktiviti pembiayaan, Ar-Rahnu dan pendapatan perbankan. Agrobank mensasarkan pendapatan Aktiviti Pembiayaan sebagai sasaran utama pertumbuhan berbanding perbankan perniagaan dan Ar-Rahnu. Agrobank mensasarkan jumlah pendapatan bagi ketiga-tiga jenis fi ini berjumlah RM180 juta bagi tahun 2012, RM175 juta bagi tahun 2013 dan RM115 juta bagi tahun 2014.

- b. Secara keseluruhannya, pendapatan fi ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi 3 tahun berturut-turut walaupun sasaran yang diluluskan bagi tahun 2013 dan 2014 telah dikurangkan berjumlah RM5 juta (2.8%) dan RM60 juta (34%). Terdapat penurunan pencapaian jumlah pendapatan fi berbanding yang disasarkan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 iaitu berjumlah RM17.5 juta, RM79.24 juta dan RM51.26 juta masing-masing. Manakala, Ar-Rahnu mencatatkan penurunan pencapaian yang amat ketara pada tahun 2013 berjumlah RM66.52 juta (57%) berbanding tahun 2012 dan seterusnya menurun kepada RM24.16 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati pencapaian pendapatan fi aktiviti pembiayaan telah meningkat pada tahun 2013 iaitu berjumlah RM4.28 juta berbanding tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 20.14
PENCAPAIAN FI SEBENAR BERBANDING SASARAN
PADA TAHUN 2012, 2013 DAN 2014

TAHUN/ KRITERIA	2012 (RM Juta)			2013 (RM Juta)			2014 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)
Pendapatan Aktiviti Pembiayaan	43.05	19.04	Tidak	29.79	23.32	Tidak	20.53	14.03	Tidak
Ar-Rahnu	102.30	116.63	Ya	112.21	50.11	Tidak	60.00	24.16	Tidak
Aktiviti Perbankan	34.65	26.83	Tidak	33.00	22.33	Tidak	34.47	25.55	Tidak
JUMLAH PENDAPATAN FI	180.00	162.50	Tidak	175.0	95.76	Tidak	115.00	63.74	Tidak

Sumber : *Pendapatan Fi Sebenar Berbanding Sasaran, Agrobank*

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

- c. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan pencapaian pendapatan fi adalah kerana Agrobank melaksanakan peraturan yang ditetapkan oleh BNM berkenaan dengan fi pembiayaan, fi Interbank Giro (IBG) dan penurunan caj daripada RM2 kepada RM0.10 per transaksi bermula pada tahun 2013 bagi produk/perkhidmatan pembiayaan kepada Individu dan SME. Di samping itu, tempoh pembiayaan maksimum telah dikurangkan kepada 10 tahun berbanding 20 tahun.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Garis panduan BNM melalui BNM/RH/GL 016-2 pada tahun 2012 telah melaksanakan peraturan baru atas fi dan caj bagi produk/perkhidmatan pembiayaan atas Individu dan SME di mana fi tidak lagi boleh dikenakan bagi tujuan bayaran pemprosesan pembiayaan, fi tahunan untuk pembaharuan pembiayaan modal pusingan dan bayaran pemprosesan untuk pelepasan pembiayaan. BNM melaksanakan peraturan baru atas fi Interbank Giro (IBG) iaitu pengurangan fi daripada RM2 kepada RM0.10 per transaksi bermula pada 2 Mei 2013. Penglibatan Agrobank dalam perkhidmatan kiriman wang melalui Western Union dikaji semula.

Pada pendapat Audit, penurunan keseluruhan pembiayaan telah memberi kesan kepada penurunan pendapatan fi. Oleh itu, pihak Agrobank hendaklah meningkatkan prestasi pembiayaan bagi meningkatkan pendapatan fi.

20.5.3.4. Deposit

Deposit memainkan peranan penting dalam menentukan kos pembiayaan dan seterusnya menentukan kadar pembiayaan yang akan dikenakan kepada peminjam. Penentuan kos pembiayaan Agrobank mengambil beberapa perkara dalam pengiraan seperti *minimum statutory reserves*, *minimum liquid asset ratio*, *weighted average cost of deposit*, *weighted return on liquid asset* dan kos. Kadar kos dana pembiayaan adalah merupakan **kadar kos dana efektif** di mana pengiraan kos dana efektif merangkumi kos dana deposit dengan mengambil kira kos pentadbiran dan mengurangkan wajaran pulangan atas aset cair. Perkiraan kos dana pembiayaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.15
PENGIRAAN KOS DANA PEMBIAYAAN
BAGI TEMPOH PADA 31 DISEMBER 2012 HINGGA 2014

PERKARA	2012 (%)	2013 (%)	2014 (%)
Kos Dana Pembiayaan	2.41	2.18	2.30

Sumber : Statement Of Financial Position (Financing), Agrobank

- a. Analisis Audit mendapati **kos pembiayaan meningkat pada tahun 2014 kepada 2.3% berbanding 2.18% pada tahun 2013. Peningkatan ini disumbangkan oleh *weighted average cost of deposit* yang telah meningkat sebanyak 6% pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya dan peningkatan *weighted return on liquid asset* pada kadar 7% berbanding tahun 2012.**
- b. Kos dana efektif telah meningkat sebanyak 12 mata asas iaitu peningkatan pada kadar 6% dari 2.18% pada tahun 2013 kepada 2.30% pada tahun 2014. Ini adalah berpunca dari peningkatan deposit kos tinggi dari RM3.510 bilion (2013) kepada RM4.040 bilion (2014) manakala deposit kos rendah menurun daripada RM2.980 bilion (2013) kepada RM2.690 bilion (2014).
- c. Agrobank menetapkan Nisbah Pembiayaan/Deposit di antara 65% hingga 85% ($\pm 10\%$). Di samping itu, sasaran terhadap pertumbuhan peratusan simpanan berkadar rendah dan tinggi yang sesuai. Agrobank telah menasarkannya supaya depositnya berada pada tahap yang memuaskan iaitu di antara RM3.200 bilion, RM3.800 bilion dan RM3.140 bilion bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Bagi tahun 2012, 2013 dan 2014, Agrobank mencatatkan nisbah pembiayaan/deposit iaitu 75%, 77% dan 76%.

- d. **Semakan Audit** mendapati kesemua jenis deposit iaitu deposit kos rendah dan deposit kos tinggi tidak mencapai sasarannya pada tahun 2012 dan 2013. Tahap pencapaian bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah antara RM2.690 bilion hingga RM3.170 bilion bagi deposit kos rendah manakala bagi deposit kos tinggi adalah antara RM3.510 bilion hingga RM4.040 bilion. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.16
PENCAPAIAN DEPOSIT SEBENAR BERBANDING SASARAN
PADA TAHUN 2012, 2013 HINGGA 2014


TAHUN/ KRITERIA	2012 (RM Bilion)			2013 (RM Bilion)			2014 (RM Bilion)		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak)
Deposit Kos Rendah	3.200	3.170	Tidak	3.800	2.980	Tidak	3.140	2.690	Tidak
Deposit Kos Tinggi	4.400	3.780	Tidak	4.400	3.510	Tidak	3.990	4.040	Ya
Nisbah Pembiayaan/ Deposit	72%	75%	Tidak	74%	77%	Tidak	82%	76%	Tidak

Sumber : *Sasaran Dan Pencapaian Deposit, Agrobank*


Nota : S - Sasaran P - Pencapaian

- e. **Bagi deposit kos rendah, pencapaian bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah di bawah sasaran kerana deposit Micro ESP yang berjumlah RM107 juta dipindahkan ke Geran Kerajaan pada Disember 2013.** Manakala, pada tahun 2014, deposit bagi Dana Pertanian Komersial (GLC) berjumlah RM300 juta turut dipindahkan ke Pembiayaan Kerajaan pada 27 Mei 2014.
- f. Bagi deposit kos tinggi tertakluk kepada keperluan tambahan sumber dana untuk menampung operasi semasa. Bagaimanapun, keutamaan diberi kepada penggunaan deposit kos rendah untuk membiayai aktiviti pembiayaan. Di samping itu, Bank sentiasa memastikan nisbah pembiayaan/deposit adalah dipatuhi mengikut polisi sebagai sebahagian daripada pengurusan liabiliti dan pengawalan pendedahan risiko kecairan. Peningkatan kos deposit tinggi adalah untuk memenuhi keperluan aktiviti pembiayaan komersial di peringkat cawangan dan wilayah pada ketika itu. Walaupun nisbah pembiayaan/deposit (FDR) di peringkat korporat menepati had ditetapkan mengikut polisi antara 65% hingga 85%, nisbah tersebut adalah selepas mengambil kira deposit pasaran wang.
- g. Analisis Audit seterusnya mendapati **deposit kos tinggi berjumlah RM3.780 billion pada tahun 2012.** Bagaimanapun, jumlah ini didapati berkurangan kepada RM3.510 bilion pada tahun 2013. Bagi deposit kos rendah, sebanyak 39% daripada jumlah keseluruhan terdiri daripada **Agro-i Saving pada tahun 2013.** Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 20.3



CARTA 20.4



- h. Baki deposit kos tinggi pada tahun 2013 menurun berjumlah RM0.270 bilion (7.1%) dan ini adalah sepadan dengan pemberian pembiayaan komersial yang berbaki RM5.179 bilion pada tahun 2012 dan RM5.138 bilion pada 2013 iaitu penurunan berjumlah RM0.041 bilion (0.8%). Pada tahun 2013, pembiayaan komersial menggunakan deposit kos rendah sebagai sumber dana. Bank memberi penekanan kepada Pengurusan Aset Liabiliti yang cekap dan berkesan.
- i. Jurang pendanaan iaitu FDR dan *mismatch* sentiasa dipantau oleh Jabatan Pasaran Risiko di bawah Bahagian Pengurusan Risiko secara harian dan dilaporkan ke mesyuarat Pengurusan Aset Liabiliti setiap bulan. Tahap pematuhan dilaporkan kepada *Board Risk Management Committee* (BRMC) pada setiap bulan.

Pada pendapat Audit, pihak Agrobank perlu membuat perancangan yang teliti dalam merangka komposisi deposit rendah yang baik. Kemudahan perkhidmatan yang boleh menjana deposit rendah seperti *current account* perlu dikaji dan dilaksanakan bagi menjamin dana pembiayaan dengan kos yang rendah.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Sebagai langkah untuk mengawal dana kos tinggi, Agrobank telah menetapkan Single Depositor Limit di mana jumlah baki deposit tidak melebihi RM500 juta bagi setiap pelanggan, Deposit Concentration Limit untuk pendeposit dihadkan (capped) pada kadar 25% daripada portfolio deposit, bilangan dan jumlah pendeposit yang menyimpan lebih dari 1% dari jumlah deposit sentiasa dikawal dan pada masa yang sama, Agrobank terus meningkatkan baki pembiayaan untuk mengoptimalkan deposit kos tinggi. Jabatan Pasaran Risiko di bawah Bahagian Pengurusan Risiko sentiasa mengawasi perkara di atas dan pelaporan dibentangkan ke mesyuarat Pengurusan Aset & Liabiliti (ALCO) secara bulanan.

20.5.3.5. Prestasi Pembiayaan Terjejas

Pembiayaan terjejas berlaku sekiranya peminjam gagal dalam membuat bayaran pada tarikh yang dijadualkan atau ditetapkan oleh pihak bank. Akaun mereka akan dikategori sebagai *month in arrears* (MIA) atau dikategorikan sebagai ingkar. Pembayaran pembiayaan yang tidak teratur berkemungkinan berisiko tinggi untuk tidak dibayar balik sepenuhnya. Oleh itu, pembiayaan tidak berbayar akan mengakibatkan implikasi kewangan serta untung dan rugi syarikat.

- a. Semakan Audit mendapati penurunan pembiayaan terjejas pada kadar 13.8%, 11.5% dan 0.8% masing-masing bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Penurunan ini disumbangkan oleh peningkatan aliran keluar daripada pembayaran, pengelasan semula dan hapus kira.
- b. Jumlah pembiayaan yang terjejas telah menunjukkan trend yang lebih baik untuk tahun 2012, 2013 dan 2014. Pada tahun 2012, jumlah pembiayaan yang terjejas adalah RM719.85 juta dan telah berkurangan kepada RM631.68 juta pada tahun 2014. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pembiayaan baru, penurunan pembiayaan terjejas baru dan usaha pemulihan/kutipan (recovery) yang dijalankan.
- c. Kadar pembiayaan terjejas baru adalah 6.3% bagi tahun kewangan 2012, 4.9% bagi tahun kewangan 2013 dan 3.75% bagi tahun kewangan 2014. Pada keseluruhannya menunjukkan peningkatan berterusan dalam trend bagi 3 tahun berturut-turut.
- d. **Semakan selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2014, jumlah keseluruhan pembiayaan terjejas adalah RM631.68 juta. Pembiayaan korporat menyumbang kepada jumlah pembiayaan terjejas yang tertinggi iaitu RM309.71 juta diikuti dengan pembiayaan komersial RM245.95 juta. Bagaimanapun, pembiayaan komersial turut menyumbang peningkatan jumlah pembiayaan terjejas yang tinggi iaitu RM162.11 juta (63%) daripada keseluruhan jumlah peningkatan pembiayaan terjejas tahunan.**

- e. Jumlah yang telah dihapus kira bagi tahun kewangan 2014 adalah RM67.54 juta. Daripada jumlah ini, RM41.98 juta dihapus kira berdasarkan *2 year and 7 year time triggered write off* dan geran yang mana Agrobank akan meneruskan tindakan pemulihan dan kutipan daripada peminjam. Walaupun hapus kira dibuat, akaun peminjam masih dikemas kini dan tuntutan bayaran masih terus dikeluarkan.
- f. Kadar pembiayaan terjejas telah menurun dari 9.96% pada tahun 2013 kepada 9.20% pada tahun 2014. Sasaran bagi tahun 2015 telah ditetapkan pada kadar 5.54%. Antara faktor yang menyumbang kepada pembiayaan terjejas ialah penumpuan skop pembiayaan Agrobank adalah untuk sektor berkaitan dengan pertanian yang sememangnya berisiko tinggi; punca kegagalan peminjam membayar balik pembiayaan secara amnya, adalah kerana kegagalan projek/perniagaan akibat kemerosotan industri berkaitan pertanian, serangan penyakit atau perosak, bencana alam seperti banjir atau kemarau, kurang kepakaran dalam aspek teknikal projek; terdapat juga pengendalian/pengurusan yang lemah, peningkatan dalam kos operasi dan masalah pasaran; pembiayaan mikro yang tidak mempunyai cagaran; cagaran berbentuk tanah pertanian dan sukar untuk dimaterialisasikan kerana perubahan keadaan tanah (seperti pembinaan kolam telah dibuat), kedudukan tanah yang jauh di pedalaman dan proses pelelongan tanah mengambil masa yang lama.
- g. Sejumlah pembayaran balik RM142.70 juta telah diperoleh sepanjang tahun 2014 dengan pengelasan semula berjumlah RM99.65 juta. Sejumlah RM67.54 juta (10.7%) daripada keseluruhan jumlah pembiayaan terjejas telah dihapus kira. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.17
PEMBIAYAAN TERJEJAS BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014

KETERANGAN	TAHUN KEWANGAN 2014 (RM Juta)		
	2012	2013	2014
Baki Pembiayaan Terjejas (a)	834.71	719.85	636.85
Pembayaran Balik	222.56	231.32	142.70
Pengelasan Semula	121.59	90.13	99.65
Pindahan dana kepada <i>Off Balance Sheet</i>	-	23.78	-
Hapus Kira	256.51	203.76	67.54
Jumlah (b)	600.66	548.99	309.89
Aliran masuk pembiayaan baru terjejas	401.03	314.88	257.52
Keuntungan/caj lain-lain	84.77	53.75	47.19
Geran kerajaan <i>transfer to Islamic Loan</i>	-	97.36	-
Jumlah (c)	485.80	465.997	304.72
BAKI STOK PEMBIAYAAN TERJEJAS (a-b+c)	719.85	636.85	631.68

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran House Keeping

- h. Jumlah hapus kira didapati menurun dari setahun ke setahun iaitu dari RM256.51 juta pada tahun 2012 kepada RM203.76 juta pada 2013 dan seterusnya RM67.54 juta pada tahun 2014.
- i. Semakan Audit terhadap 410 fail pembiayaan komersial yang terjejas atau MIA dengan jumlah keseluruhan RM76.55 juta mendapati sebanyak 275 fail atau lebih 60% pembiayaan terjejas melibatkan tempoh antara 0 - 25 bulan manakala 26.6% melibatkan jumlah RM20.39 juta dalam tempoh 26 - 50 bulan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.18
BILANGAN FAIL PEMBIAYAAN YANG TERJEJAS
SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2014

BIL. FAIL	BULAN TERJEJAS	BAKI SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2014 (RM Juta)	(%)
275	0 - 25	50.06	65.4
97	26 - 50	20.39	26.6
33	51 - 75	5.41	7.1
5	76 - 110	0.69	0.9
410		76.55	100

Sumber : Laporan Bulanan Admin And Support Department, Agrobank

- j. Berdasarkan sampel 410 akaun tarikh mula MIA adalah dari 1 Januari 2000 sehingga 31 Ogos 2014. Pihak Audit mendapati tempoh MIA tertinggi mencapai 14 tahun dan didapati tindakan kutipan pembiayaan masih berjalan.
- k. **Semakan terhadap 410 fail pembiayaan sehingga bulan September 2014 mendapati jumlah baki RM76.55 juta melibatkan 9 wilayah iaitu Johor/Melaka, Kedah/Perlis, Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Terengganu/Kelantan. Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan mempunyai peminjam tertinggi iaitu berjumlah RM23.96 juta (31.3%).**
- l. Kesemua 9 *Credit Recovery Centre* (CRC) adalah dipertanggungjawabkan untuk mengurus pembiayaan terjejas di bawah portfolio komersial dan portfolio konsumer serta dipantau oleh *Remedial & Recovery Department* (RRD) berdasarkan garis panduan pembiayaan terjejas dan tindakan pemulihan sedia ada daripada BNM dan Agrobank sendiri.
- m. **Analisis Audit berdasarkan jenis produk pembiayaan pula mendapati produk pembiayaan BBA 3F (Specific) berjumlah RM23.38 juta (30.5%) diikuti oleh BBA Projek (Normal) berjumlah RM17.04 juta (22.3%) dan *Non Comp-Niagatani* berjumlah RM11.35 juta (14.8%) merupakan penyumbang utama terhadap pembiayaan terjejas berjumlah RM51.77 juta (67.6%) daripada jumlah keseluruhan.**

Pada pendapat Audit, prestasi pembiayaan terjejas diurus dengan baik. Bagaimanapun, pemantauan yang berterusan dalam mencapai impak yang baik terhadap pembayaran balik dan pembiayaan baru terjejas hendaklah dipertingkatkan.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Agrobank terus mengambil langkah agresif untuk membendung aliran masuk pembiayaan baru bagi mengekalkan portfolio dari berpindah ke pembiayaan terjejas. Usaha yang telah diambil untuk mengekalkan kualiti aset (preserving assets quality) adalah seperti berikut:

- i. menjalankan semakan kredit tahunan (yearly credit review) ke atas pembiayaan termasuk lawatan ke tapak projek. Syarat ini telah ditetapkan dalam polisi Kredit Agrobank MO-01 (seksyen 3.26);*
- ii. bagi menjamin kualiti aset, syarat-syarat ditambahbaik termasuk pengeluaran pembiayaan mengikut jadual keperluan projek, lawatan ke tapak projek dan mengemukakan ekuiti sebagai komitmen peminjam ke atas projek.*
- iii. melaksanakan penilaian semula cagaran (collateral review) pada setiap dua tahun untuk memastikan nilai cagaran dapat menampung baki pembiayaan;*
- iv. menyemak dan mengkaji semula pembiayaan yang diberi untuk memastikan tidak berlaku mismatch antara produk yang ditawarkan dengan tempoh penghasilan projek (tempoh bayaran balik sepadan dengan penghasilan projek);*
- v. menyediakan kemudahan untuk menerima bayaran balik pembiayaan melalui cawangan dan kiosk di seluruh Malaysia dan sistem bayaran elektronik (ATM/Internet Banking);*
- vi. Early Care Monitoring Section (ECMS) di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk memainkan peranan dalam mengawal kualiti aset pembiayaan berada di tahap yang baik; dan*
- vii. Jawatankuasa Pengurusan Kredit pada bulan Februari 2015 telah meluluskan penubuhan unit baru iaitu CGC di bawah Credit Administration Department untuk mengawasi pembiayaan bagi program Government Linked Companies.*

20.5.3.5.1. Penstrukturan/Penjadualan Semula

Penjadualan semula pembiayaan adalah salah satu proses ubah suai pembayaran balik tanpa mengubah terma dan syarat utama kontrak dengan ketara. Antara cara yang digunakan oleh Agrobank adalah melanjutkan tempoh pembayaran balik pembiayaan, pembiayaan atau permodalan keuntungan sebagai prinsipal dan penangguhan atau tempoh moratorium. Ini dapat membantu peminjam mengatasi masalah pembiayaan kewangan jangka pendek terutamanya prospek jangka panjang perniagaan atau projek dianggap berdaya maju.

- a. **Sebanyak 36 pembiayaan telah diluluskan penstrukturan dan penjadualan semula. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 31 pembiayaan yang dijadual dan distrukturkan semula masih gagal dalam pembayaran balik pembiayaan dan dikategorikan sebagai terjejas.** Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.19
PEMINJAM YANG GAGAL MEMBAYAR PEMBIAYAAN SETELAH
PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA

BILANGAN PEMINJAM	BULAN	JUMLAH BAKI (RM Juta)	(%)
13	1 - 12	2.34	45.9
5	13 - 24	0.74	14.5
7	25 - 36	1.21	23.7
2	37 - 48	0.30	5.9
1	49 - 60	0.14	2.7
2	61 - 72	0.27	5.3
-	73 - 84	-	-
1	85 - 96	0.11	2.1
31	-	5.11	-

Sumber : Laporan Bulanan Admin And Support Department, Agrobank

- b. Terdapat satu pembiayaan yang telah dijelaskan sepenuhnya dan 23 pembiayaan masih lagi meneruskan pembayaran balik sama ada penjadualan semula atau pun pembayaran secara ansuran (payment arrangement). Bagi pembiayaan yang telah diluluskan penjadualan semula, hanya selepas 6 ansuran bulanan dibuat secara teratur akan dikategorikan sebagai pembiayaan aktif. Manakala, pembiayaan yang telah memperoleh penghakiman dan telah diluluskan pembayaran secara ansuran tidak akan sama sekali dikategorikan sebagai pembiayaan aktif.
- c. Bagi baki 7 akaun lagi, 5 akaun telah diletakkan di bawah program AKPK yang mana peminjam akan membuat bayaran balik baki pembiayaan secara bulanan. Seandainya mereka gagal, mereka akan dikeluarkan daripada program AKPK. Walau bagaimanapun, mereka telah gagal membuat bayaran dan telah dikeluarkan daripada program AKPK. Sehubungan dengan itu, Agrobank telah melaksanakan tindakan sivil atau penguatkuasaan ke atas cagaran bagi mendapatkan semula baki pembiayaan.

Pihak Audit berpendapat, penilaian yang teliti hendaklah dibuat terhadap peminjam sebelum sebarang pengelasan semula pembiayaan dapat diluluskan. Ini dapat dilakukan dengan menyemak dan menambah baik SOP bagi memastikan kualiti peminjam dapat ditentukan dengan baik sebelum diluluskan untuk pengelasan semula pembiayaan.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Pemulihan pembiayaan yang terjejas telah ditugaskan kepada Remedial & Recovery Department (RRD) di Ibu Pejabat serta 9 Credit Recovery Centre (CRC) di peringkat negeri. Berbagai usaha dilakukan untuk mengurangkan nilai pembiayaan terjejas. Langkah-langkah utama adalah seperti berikut:

- i. mempertimbangkan untuk pengelasan semula atau payment arrangement bagi pembiayaan bermasalah tetapi mempunyai potensi untuk membayar balik sama ada dari sumber lain;*
- ii. memperkenalkan khidmat SDRS & AKPK;*
- iii. mempertimbangkan pemberian tempoh moratorium bagi projek-projek yang benar-benar menghadapi masalah berpunca dari bencana alam;*
- iv. bagi kes di mana peminjam tidak memberi kerjasama atau projek telah gagal/berhenti, Bank akan meneruskan tindakan sivil dan lelongan tanah cagaran sehingga peringkat maksima (exhausted) bagi mengutip semula pembiayaan; dan*
- v. bagi pembiayaan Ar-Rahnu, proses pelelongan dipercepatkan dan sentiasa dipantau oleh Jabatan Perbankan Konsumer di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan.*

20.5.3.5.2. Hapus Kira

Hapus kira secara dasarnya berfungsi untuk mengurus segala aktiviti pemulihan pembiayaan yang telah terjejas secara berkesan bagi mengurangkan pembiayaan terjejas. Agrobank mengambil usaha yang berterusan bagi mengutip baki tunggakan bayaran balik pembiayaan melalui pelbagai cara seperti penstrukturan semula dan tindakan undang-undang. Selain itu, berdasarkan polisi yang ditetapkan, cagaran dari pembiayaan terjejas yang diklasifikasikan sebagai *foreclosed* boleh dihapus kira melalui lelongan.

- a. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 terdapat 4 kes pembiayaan di bawah penyelesaian penuh dan terakhir yang berjumlah RM0.70 juta. Butirannya adalah seperti jadual berikut:**

JADUAL 20.20
AKTIVITI PEMULIHAN (PENYELESAIAN PEMBIAYAAN PENUH DAN TERAKHIR) SEHINGGA SEPTEMBER 2014

NO. RUJUKAN AKAUN	PEMBIAYAAN TERJEJAS (Bulan)	TARIKH TERJEJAS	JUMLAH BAKI (RM Juta)
40211007194100000	25	17.12.2012	0.17
46911001253500000	30	18.07.2012	0.11
42201002889600000	37	01.12.2011	0.31
42201002429700000	20	19.05.2013	0.11
JUMLAH			0.70

Sumber : Laporan Bulanan Admin And Support Department

- b. Setakat 31 Januari 2015, 2 peminjam telah menyelesaikan pembiayaan tersebut iaitu pada 23 Disember 2014 (RM0.17 juta) dan 29 Januari 2015 (RM0.11 juta). Semakan Audit mendapati bagi baki yang tidak dapat diselesaikan melalui aktiviti pemulihan akan dilakukan melalui perundangan. **Sehingga bulan September 2014, sebanyak 187 peminjam yang telah disaman dan sedang diadili melalui undang-undang. Ia melibatkan baki pembiayaan berjumlah RM36.61 juta yang melibatkan kes saman berjumlah RM10.29 juta dan kes yang masih di peringkat pengadilan berjumlah RM26.32 juta.** Butirannya adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.21
PEMBIAYAAN DI BAWAH KES PERUNDANGAN**

TEMPOH PEMBIAYAAN TERJEJAS (Bulan)	JUMLAH		JUMLAH	
	BILANGAN PEMINJAM	SAMAN (RM Juta)	BILANGAN PEMINJAM	MASIH DI PERINGKAT PENGADILAN (RM Juta)
1 - 12	25	4.58	25	4.08
13 - 24	16	3.25	41	8.41
25 - 36	5	0.72	28	4.84
37 - 48	4	1.61	15	3.62
49 - 60	-	-	14	1.90
61 - 72	-	-	9	1.56
73 - 84	-	-	3	1.80
85 - 96	-	-	1	0.11
97 - 108	1	0.13	-	-
JUMLAH	51	10.29	136	26.32

Sumber : Laporan Dari Legal Department, Agrobank

- c. Daripada sampel 410 akaun, 51 akaun telah sampai ke peringkat saman dengan jumlah baki RM10.29 juta. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 20.21 di atas, sebanyak 41 akaun berada dalam kategori pembiayaan terjejas selama 24 bulan dengan baki berjumlah RM7.83 juta (76.1%). Data ini adalah selaras dengan amalan Bank kerana kebanyakan akaun yang tidak boleh dipulihkan akan diambil tindakan undang-undang. Didapati juga tindakan sivil lambat diambil setelah usaha pemulihan gagal dalam penjadualan semula dan penstrukturan semula.
- d. Bagi 136 akaun yang berjumlah RM26.32 juta, dikategorikan tidak boleh dipulihkan dan tindakan sivil telah sampai ke peringkat penghakiman. Agrobank akan menguatkuasakan penghakiman yang diberikan sama ada melalui tindakan kebangkrapan dan lain-lain tindakan yang sesuai.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Aktiviti kutipan bermula dengan usaha untuk memulihkan akaun pembiayaan terjejas baru (NCIA). Jika usaha tersebut gagal, contohnya perniagaan telah terhenti dan tidak beroperasi lagi, tiada kerjasama daripada pelanggan, pengurusan yang cuai dan salah guna pembiayaan yang diberikan, maka pihak Agrobank akan meneruskan tindakan sivil dan pelepasan untuk mendapatkan (recovery) ke atas pembiayaan tersebut.

Walaupun setelah penghakiman diperolehi oleh Agrobank, ini tidak menghalang Agrobank untuk mempertimbangkan cadangan bayaran balik daripada peminjam. Untuk kes-kes tersebut yang telah diluluskan, ianya akan berada dalam kategori payment arrangement dan peminjam dikehendaki membuat bayaran bulanan yang telah dipersetujui/diluluskan. Di dalam kategori ini, akaun tersebut masih berada dalam status pembiayaan terjejas dan tidak sama sekali akan dikategorikan sebagai aktif walaupun bayaran yang diterima adalah konsisten dengan jadual bayaran yang diberikan.

20.5.3.5.3. Pengurusan Cagaran Pembiayaan

Cagaran adalah satu kaedah keselamatan yang diguna pakai oleh pihak bank sebagai jaminan atas pembiayaan yang diberikan.

- a. Cagaran yang diterima oleh Agrobank adalah seperti tanah, bangunan, kapal nelayan dan ke atas aset lain kepunyaan pelanggan yang nilainya sama atau lebih dari pembiayaan tersebut. Sekiranya pembiayaan tersebut tidak dapat dibayar, aset yang dicagarkan akan dilelong bagi membayar semula jumlah yang dipinjam.
- b. **Analisis Audit** mendapati sejumlah **RM35.08** juta pembiayaan melibatkan **158** peminjam (pending auction) dan **20** peminjam (lelongan) daripada **410** peminjam yang tersenarai di dalam kategori pembiayaan terjejas akan dilelong dan telah dilelong cagarannya. Butirannya adalah seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 20.22
PERBANDINGAN JUMLAH DILULUS DAN JUMLAH CAGARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	2012	2013	2014
Bilangan Peminjam (pelbagai peringkat tindakan pelepasan)	73	126	158
Jumlah Pembiayaan (RM Juta)	15.66	25.76	30.77
Bilangan Peminjam (Lelongan)	17	18	20
Jumlah Pembiayaan (RM Juta)	3.95	4.05	4.31
Jumlah Cagaran Keseluruhan (RM Juta)	23.35	39.58	49.3
JUMLAH CAGARAN (%) (Jumlah Pembiayaan/Jumlah Cagaran)	119	133	141

Sumber : Laporan Bulanan Admin And Support Department, Agrobank

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Kemajuan tindakan lelongan pada awalnya agak lambat kerana usaha/tindakan CRC untuk memulihkan akaun-akaun tersebut melalui penjadualan semula dan penstrukturan semula. Ada kalanya juga, tindakan lelongan hanya akan diambil setelah peminjam gagal membuat bayaran balik semasa pembiayaan tersebut dijadualkan semula.

Pada pendapat Audit, proses hapus kira hendaklah dipertingkatkan terutama dari sudut masa yang diambil dalam menyelesaikan akaun peminjam. Ini bagi memastikan pihak Agrobank dapat memaksimumkan sebarang pendapatan hasil serta dapat mengurangkan kos yang terlibat daripada proses hapus kira tersebut.

20.5.3.6. Dana Pembiayaan Kerajaan

Kerajaan menetapkan peruntukkan keseluruhan berjumlah RM7.617 bilion daripada pelbagai pembiayaan seperti dana luar, dana Kerajaan, dana Bank Negara dan lain-lain. Pembiayaan yang dikategorikan sebagai pembiayaan seperti Tabung Untuk Makanan ('3F'), Perdagangan Bumiputera dan Skim Komuniti Perindustrian ("MPPB"), Skim Kredit Padi, Skim Kredit Pengeluaran Makanan ("SKPM"), Skim Pembiayaan Bot Perikanan ("SPBP"), Skim Usahawan Siswazah ("SUTKS-Pembiayaan"), Pembiayaan Kecil dan Sederhana Saiz Industries ("PKS"), Skim Kredit Pengeluaran Bukan Makanan ("SKPBM") dan Tabung Perusahaan Mikro manakala Geran Kerajaan – Operasi, Geran Kerajaan – Pelancaran, Program Pembangunan Untuk Miskin Tegar ("PPRT"), Skim Usahawan Siswazah ("SUTKS"), Tabung Khas Terengganu Perikanan ("DKSP"), Dana Untuk Kementerian Belia Dan Sukan ("DKBS"), Perdagangan Bumiputera Dan Skim Komuniti Perindustrian HUB ("MPPB HUB"), Kawasan Ekonomi Utama Negara ("NKEA") dan Mikro Pakej Rangsangan Ekonomi ("Micro - Esp").

- a. **Semakan Audit** mendapati sumber dana Kerajaan terdiri daripada geran, pembiayaan dan tabung. Jumlah terkumpul dana Kerajaan yang diperuntukkan adalah berjumlah RM7.188 bilion bagi tahun 2012, RM7.488 bilion bagi tahun 2013 dan RM7.617 bilion bagi tahun 2014. Didapati pada tahun 2012, 2013 dan 2014 jumlah dana Kerajaan masih berbaki RM845.39 juta, RM777.24 juta dan RM673.67 juta. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.23
PERBANDINGAN PERUNTUKAN DANA KERAJAAN DITERIMA DAN DISBURSE
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

SUMBER DANA KERAJAAN	2012			2013			2014		
	TERIMA (RM Juta)	DISBURSE (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	TERIMA (RM Juta)	DISBURSE (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	TERIMA (RM Juta)	DISBURSE (RM Juta)	BAKI (RM Juta)
Geran	88.21	50.46	37.75	88.21	51.13	37.08	516.71	427.46	89.25
Pembiayaan	3,851.14	3,718.51	132.64	4,109.80	3,984.74	125.06	4,086.33	4,140.50	(54.18)
Tabung	1,300.00	625.00	675.00	1,300.00	684.90	615.10	1,000.00	361.40	638.60
JUMLAH	5,239.35	4,393.97	845.39	5,498.01	4,720.77	777.24	5,603.04	4,929.36	673.67

Sumber : Laporan Pencapaian Dan Sasaran Sumber Dana Pembiayaan, Agrobank

- b. Pencapaian pembiayaan di bawah dana Kerajaan adalah kurang berbanding sasaran kerana tiada dana pembiayaan baru diperuntukkan kepada Agrobank mulai tahun 2011 hingga 2013 walaupun permohonan ada dikemukakan.
- c. Bagi tahun 2014, peruntukan dana berjumlah RM150 juta (DPUP 2) di bawah RMKe-10 telah diluluskan tetapi pembiayaan hanya diterima pada 23 Disember 2014. Agihan sasaran telah dibuat mengikut negeri tetapi hanya dapat dilaksanakan pada tahun 2015.
- d. Semakan selanjutnya ke atas 11 jenis pembiayaan dana Kerajaan mendapati bagi tahun 2013 Tabung Untuk Makanan ("3F") mempunyai jumlah tertinggi iaitu RM1.003 billion manakala Skim Usahawan Siswazah (SUTKS-Pembiayaan) mempunyai jumlah terendah iaitu RM6.015 juta. Butiran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.24
BAKI DANA PEMBIAYAAN KERAJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014

TAHUN	2012 (RM '000)	2013 (RM '000)	2014 (RM '000)
Tabung Untuk Makanan ("3F")	970,463	1,003,316	1,074,249
Perdagangan Bumiputera dan Skim Komuniti Perindustrian Masyarakat ("MPPB")	70,486	51,134	51,134
Skim Tanam Semula Kelapa Sawit ("TASK")	14,000	13,000	12,000
Skim Kredit Padi	105,715	76,701	76,701
Skim Kredit Pengeluaran Makanan ("SKPM")	100,744	74,923	74,923
Skim Pembiayaan Bot Perikanan ("SPBP")	140,000	140,000	140,000
Skim Usahawan Siswazah ("SUTKS-Pembiayaan")	8,010	6,015	6,015
Pembiayaan Kecil dan Sederhana Saiz Industries ("PKS")	100,730	73,048	73,048
Skim Kredit Pengeluaran Bukan Makanan ("SKPBM")	25,073	22,594	22,594
Tabung Perusahaan Mikro	83,767	94,616	83,494
Dana Pertanian Komersial (DPK)	-	-	299,700
Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian 2 (DPUP 2)	-	-	150,016

Sumber : Penyata Kewangan Agrobank Bagi Tahun 2012, 2013 Dan 2014

- e. **Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 9 jenis dana pembiayaan geran Kerajaan mendapati Mikro Pakej Rangsangan Ekonomi ("Micro-ESP") mempunyai jumlah tertinggi bagi 3 tahun berturut-turut iaitu RM157.74 juta bagi tahun 2012, RM147.47 juta bagi tahun 2013 dan RM149.72 juta bagi tahun 2014.** Butiran adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 20.25
BAKI DANA GERAN KERAJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014**

TAHUN	2012 (RM '000)	2013 (RM '000)	2014 (RM '000)
Geran Kerajaan - Operasi	41,872	35,402	29,948
Geran Kerajaan - Pelancaran	21,598	17,269	11,967
Program Pembangunan Untuk Miskin Tegar ("PPRT")	2,560	2,560	2,560
Skim Usahawan Siswazah ("SUTKS")	785	1,358	1,226
Tabung Khas Terengganu Perikanan ("DKSP")	1,391	587	155
Dana Untuk Kementerian Belia Dan Sukan ("DKBS")	11,772	11,689	7,710
Perdagangan Bumiputera Dan Skim Komuniti Perindustrian HUB ("MPPB HUB")	-	40,000	38,957
Kawasan Ekonomi Utama Negara ("NKEA")	55,000	53,832	57,124
Mikro Pakej Rangsangan Ekonomi ("Micro - Esp")	157,742	147,474	149,722

Sumber : Penyata Kewangan Agrobank Bagi 2012, 2013 Dan 2014

- f. **Baki pembiayaan terjejas di bawah dana Kerajaan sehingga 30 April 2014 adalah berjumlah RM183.45 juta (3.7%) dari jumlah pembiayaan.** Agrobank mempunyai jabatan khusus yang memantau dan mengawal pembiayaan tertunggak dan pembiayaan terjejas iaitu *Early Care Management Department* (ECMD) di bawah Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Remedial & Recovery Department (RRD) di bawah Pejabat Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Sehingga bulan April 2014, sebanyak 23 dana pembiayaan Kerajaan telah diluluskan berjumlah RM5.573 bilion dengan bilangan 117,675 peminjam. Sejumlah RM4.929 bilion telah dikeluarkan kepada 115,886 peminjam.
- g. Analisis Audit mendapati dana Mengkomersilkan Sektor Pertanian Negara hanya mencapai RM361.40 juta (57%) dan dana Masyarakat Perdagangan & Perindustrian Bumiputra (MPPB-HUB) hanya mencapai RM3.27 juta (31.6%) berbanding jumlah yang diluluskan RM634.50 juta dan RM10.36 juta masing-masing. Manakala Masyarakat Perdagangan & Perindustrian Bumiputra (MPPB) telah mencapai jumlah yang dikeluarkan melebihi yang diluluskan iaitu RM208.85 juta (123.4%) berbanding RM169.28 juta. **Keseluruhan pencapaian dana pembiayaan Kerajaan pada kadar 31.6% hingga 123.4% dengan kadar bilangan peminjam di antara 39.5% hingga 118.2%.**

- h. Antara punca yang menyebabkan penurunan di bawah pembiayaan konsesi bagi Pembiayaan Dana Untuk Makanan (3F) adalah disebabkan tiada dana pembiayaan baru di bawah Kementerian yang diterima mulai tahun 2011 hingga 2013. Dana yang digunakan adalah baki dana 3F di bawah pengendalian BNM pada tahun 2014 berjumlah RM137.86 juta sahaja. Mulai 19 Februari 2014, Agrobank telah mendapat kelulusan penjadualan semula dana pembiayaan di bawah RMKe-9 termasuk dana 3F (DPUP 1). Mulai dari tarikh tersebut, Agrobank dibenarkan untuk mengguna semula kutipan balik dari pembiayaan di bawah RMKe-9 yang dianggarkan berjumlah RM15 juta sebulan. Sehingga 31 Disember 2014, semua dana tersebut telah habis diperuntukkan untuk pembiayaan baru. Bagi Pembiayaan SKPBM dan Padi Bai Al Inah, tiada dana baru diterima bagi tahun 2011 hingga 2013. Dana kutipan bagi pembiayaan di bawah RMKe-9 hanya boleh diguna semula pada 19 Februari 2014.
- i. Sebanyak 10 jenis dana pembiayaan di bawah peruntukan dana luar yang melibatkan 90,970 peminjam yang telah diluluskan nilai RM4.099 bilion. Pengeluaran pembiayaan berjumlah RM3.736 bilion telah dibuat kepada 89,951 peminjam manakala sejumlah RM2.989 bilion telah dibayar balik oleh peminjam menjadikan jumlah tertunggak berjumlah RM746.64 juta. **Bagaimanapun, sejumlah RM366.90 juta (8.9%) dari jumlah pembiayaan telah dikategorikan sebagai pembiayaan terjejas melibatkan 3,710 peminjam. Analisis Audit mendapati dana tanam semula kelapa sawit individu mempunyai jumlah pembiayaan terjejas tertinggi iaitu RM184.87 juta melibatkan 1,961 peminjam.**

Pada pendapat Audit, sasaran pengeluaran geran perlu ditingkatkan agar baki pembiayaan dan geran Kerajaan dapat digunakan kepada golongan yang disasarkan sepenuhnya.

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan prestasi produk-produk konsesi tersebut adalah seperti berikut:

- i. tumpuan melalui sasaran pertanian utama dalam bidang pengeluaran makanan dan ternakan diperhebatkan dengan tawaran kepada pelanggan baru dan pelanggan sedia ada;*
- ii. menjalinkan hubungan strategik dengan pihak agensi Kerajaan seperti FELDA, FAMA dan MARDI untuk mendapatkan peluang perniagaan dan rujukan pelanggan; dan*
- iii. menjalinkan hubungan strategik dengan agensi seperti MADA, BERNAS dan KADA untuk tawaran pembiayaan kepada pesawah padi, pengilang padi, pengedar padi berlesen dan terokai kawasan pertanian padi baru.*

20.5.3.7. Penilaian Pelanggan

Penilaian pelanggan yang tepat dan sistematik dapat memudahkan pihak bank memantau dan meneliti serta mengambil tindakan pantas bila wujudnya amaran bagi memastikan pihak bank tidak kerugian di masa hadapan.

- a. Pihak Agrobank **belum lagi menggunakan sistem penilaian atau gred terhadap pelanggan mereka.** Sebaliknya sistem yang diguna pakai adalah berdasarkan sistem akaun di mana pelanggan akan dibahagikan berdasarkan portfolio. Sistem akaun ini akan dipantau oleh penjaga akaun di setiap cawangan, wilayah dan Ibu Pejabat Agrobank. Pemantauan terhadap akaun pelanggan akan dipantau berdasarkan prestasi pembayaran mereka. Pemantauan dibuat secara bulanan. Sekiranya terdapat tunggakan pembayaran, akaun pelanggan tersebut akan diletakkan di bawah akaun *watchlist* dan dipantau secara terperinci.
- b. Semakan Audit mendapati garis panduan bertarikh 26 Ogos 2014 menghendaki pemantauan dibuat berdasarkan *watchlist* yang dikenal pasti supaya akaun tidak terjerumus ke dalam kategori *delinquent*. Senarai *watchlist* yang diterima di peringkat cawangan juga diwajibkan untuk dijalankan Semakan Kredit Tahunan. Penilaian Risiko Kredit digredkan berdasarkan dalam jadual berikut:

**JADUAL 20.26
PENILAIAN GRED RISIKO KREDIT**

BULAN YANG TERTUNGGAK	TANGGUNGJAWAB
MIA 0 (Active)	Cawangan dan dipantau oleh Bahagian Perbankan Perniagaan
MIA 1-3 (Delinquent)	<i>Early Care</i> & Unit Pemantauan
MIA 4 & ke atas	SAMD (HQ)/CRC (<i>Region</i>)

Sumber : SOP Bahagian Risiko, Agrobank

- c. Selain itu, sekiranya perniagaan peminjam adalah dikategori sebagai perniagaan berisiko tinggi, *vulnerable sector* dan *shiflet business*, secara automatiknya ia akan diletakkan di bawah kategori akaun *watchlist*. Kaedah pemantauan yang dijalankan adalah *desk supervision* iaitu panggilan telefon, lawatan ke tapak projek/rumah pelanggan dan mengambil tindakan perundangan sewajarnya mengikut MIA.
- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Agrobank belum menguna pakai sistem penilaian ini. Bagaimanapun, didapati *rating* sistem bagi konsumer telah pun siap dan akan diguna pakai dalam masa terdekat. Manakala, bagi pembiayaan mikro, sistem penilaian sedang dalam pembinaan dan bagi sistem pembiayaan korporat dan komersial masih dalam perbincangan. Jumlah baki setiap portfolio bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti berikut:

JADUAL 20.27
LAPORAN BULANAN PEMBIAYAAN BERDASARKAN PORTFOLIO

BUTIRAN	BAKI PEMBIAYAAN					
	2012		2013		2014	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Perbankan Perniagaan	2,936.7	46.7	3,249.1	51.3	3,764.1	55.2
Korporat	1,046.9	16.6	1,173.3	18.5	1,353.3	19.8
Komersial	1,643.3	26.1	1,799.5	28.1	2,154.3	31.6
Pembiayaan Mikro	246.5	3.9	276.3	4.4	256.5	3.8
Perbankan Konsumer	3,361.7	53.3	3,081.1	48.7	3,058.1	44.8
JUMLAH BESAR	6,298.4	100.0	6,330.2	100.0	6,822.2	100.0

Sumber : Laporan Bulanan Pembiayaan, Agrobank

Nota : (*) - Pembahagian Portfolio Dalam Sistem Dijana Bermula Pada Bulan April 2014 iaitu Selepas Dana Diterima

- e. Sistem penilaian bagi pembiayaan peribadi telah disempurnakan dan dilancarkan pada bulan Disember 2014 iaitu secara bersepadu dengan *Financing Origination System* untuk Agrocash-i (e-CAS). Sistem penilaian bagi Pembiayaan Mikro sedang dibangunkan. *Data Gap Analysis* telah disempurnakan dan sedang dalam peringkat pengumpulan data bagi merapatkan jurang data (data gap).

Maklum Balas Daripada Agrobank Yang Diterima Pada 5 Mei 2015

Pembangunan sistem penilaian bagi Pembiayaan Korporat/Komersial dirancang dan untuk fasa berikutnya.

20.5.4. Tadbir Urus Korporat

Pengurusan tadbir urus korporat Agrobank adalah baik. Hasil semakan Audit terhadap aspek pengurusan tadbir urus korporat Agrobank adalah seperti berikut:

20.5.4.1. Ahli Lembaga Pengarah

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat antaranya adalah menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Pengarah juga perlu membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat dengan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Secara puratanya, Ahli Lembaga Pengarah digalakkan bertemu untuk mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 6 hingga 8 kali setahun. Syarikat Kerajaan mestilah tidak melebihi daripada 10 orang Ahli Lembaga Pengarah dengan ahlinya mestilah tidak lebih dari 2 orang pengarah eksekutif dan sekurang-kurangnya satu per tiga ahli adalah bebas. Semakan Audit mendapati perkara seperti yang berikut:

- a. Mesyuarat Lembaga Pengarah Agrobank telah diadakan sebanyak 15 kali, 16 kali dan 14 kali setahun bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah seperti prestasi tahunan syarikat, prestasi kewangan, prestasi cawangan, aktiviti pembiayaan, pengurusan risiko dan khidmat sokongan.
- b. Jumlah keahlian Lembaga Pengarah Agrobank adalah seramai 9 orang bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah ke mesyuarat bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah antara 60% hingga 100%.
- c. Berdasarkan surat MOF dengan rujukan KK/BMKD(S)27/696/384/2 Jd.6 Sk.2(8) bertarikh 7 Disember 2011 menyatakan tentang semakan semula kadar elaun bagi Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Institusi-Institusi Kewangan Pembangunan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.28
KADAR ELAUN PENGARAH BAGI INSTITUSI KEWANGAN
PEMBANGUNAN YANG DILULUSKAN OLEH MKD

JAWATAN	ELAUN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH (RM)	ELAUN MESYUARAT JAWATANKUASA (RM)	ELAUN TETAP BULANAN (RM)
Pengerusi	1,500 - 3,000	1,000 - 2,000	8,000 - 10,000
Ahli	1,000 - 2,000	1,000 - 2,000	1,500 - 3,000

Sumber : Surat Pelantikan Daripada Bahagian Setiausaha Syarikat

- d. Berdasarkan kelulusan terbaru tersebut, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan kadar bayaran elaun baru mulai bulan Mei 2012. Kadar tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 20.29
KADAR ELAUN BARU AHLI LEMBAGA PENGARAH

JAWATAN	ELAUN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH (RM)	ELAUN MESYUARAT JAWATANKUASA (RM)	ELAUN TETAP BULANAN (RM)
Pengerusi	3,000	2,000	10,000
Ahli	2,000	2,000	3,000

Sumber : Surat Pelantikan Daripada Bahagian Setiausaha Syarikat

- e. Dari semakan didapati pembayaran elaun kepada Ahli Lembaga Pengarah dan elaun tetap bulanan diterima oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Manakala elaun mesyuarat Lembaga Pengarah dan elaun mesyuarat Jawatankuasa diberikan berdasarkan kehadiran. Pembayaran elaun dibuat oleh Bahagian Kewangan berdasarkan senarai kehadiran mesyuarat yang ditandatangani oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang hadir. Tiada bayaran akan dibuat bagi Ahli Lembaga Pengarah yang tidak hadir ke mesyuarat tersebut.

20.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus organisasi serta memastikan penubuhan Agrobank mencapai objektifnya, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

20.6.1. Lembaga Pengarah serta pengurusan Agrobank perlu merealisasikan setiap strategi yang dirancang dalam meningkatkan pertumbuhan pembiayaan dan memantau pencapaian strategi tersebut;

20.6.2. pemasaran produk baru dan penjenamaan semula hendaklah giat dijalankan agar prestasi pembiayaan dapat ditingkatkan di samping hubungan baik terhadap pelanggan diteruskan;

20.6.3. pengurusan Agrobank perlu merangka strategi bagi mendapatkan deposit rendah sebagai dana pembiayaan agar keuntungan yang ditawarkan berdaya saing berbanding syarikat perbankan yang lain; dan

20.6.4. menambah baik proses penilaian yang teliti terhadap permohonan pinjaman supaya risiko pinjaman terjejas dapat dikurangkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

KEMENTERIAN KEWANGAN

21. PENGURUSAN RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD.

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSM) telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada bulan April 1994 sebagai agensi pelaksana bagi menguruskan hotel kos sederhana. Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) merupakan pemegang saham terbesar RHSM berjumlah RM125.20 juta (78.5%) daripada modal berbayar berjumlah RM159.56 juta. Pemegang saham yang lain terdiri daripada Kerajaan Negeri di mana terletak lokasi Hotel Seri Malaysia (HSM). RHSM bertanggungjawab menentukan dasar pengurusan hotel kos sederhana secara sistem francais bagi menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Antara objektif utama syarikat adalah menggalakkan pengusaha kecil khususnya pengusaha Bumiputera untuk berkecimpung dalam industri pelancongan secara teratur; menyediakan kemudahan penginapan sederhana untuk pelancong tempatan dan antarabangsa; meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberi oleh hotel kategori kos sederhana serta menjadi *catalyst* kepada pengusaha swasta untuk melabur dalam bidang ini.

21.1.2. Aktiviti utama RHSM adalah sebagai franchisor dan juga pemilik HSM. Di bawah Sistem Francais HSM, RHSM adalah franchisor iaitu pemilik kepada sistem ini dan juga pemilik HSM. Manakala franchisi (Pengendali Hotel) pula merupakan individu perseorangan Bumiputera yang dilantik menguruskan HSM dengan menggunakan Sistem Francais HSM. Mulai tahun 2009, Lembaga Pengarah membenarkan RHSM menguruskan satu pertiga premis HSM bagi menjana pendapatan RHSM. Sehingga kini, terdapat 21 lokasi Hotel Seri Malaysia (HSM) di seluruh Malaysia iaitu di Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Perlis dan Sarawak. Sebanyak 13 HSM diuruskan oleh franchisi dan 8 HSM diuruskan sendiri oleh RHSM. Butiran lengkap adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.1
SENARAI HOTEL SERI MALAYSIA YANG DIURUSKAN OLEH FRANCAISI

LOKASI	TARIKH PERMULAAN	TARIKH OPERASI	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK
HSM Ipoh, Perak	03.10.1995	01.12.1995	26.07.1996
HSM Melaka	05.12.2005	01.03.2006	28.02.2007
HSM Kangar, Perlis	29.07.2011	29.07.2011	13.09.2011
HSM Sungai Petani, Kedah	21.01.1995	28.02.1995	23.06.1995
HSM Temerloh, Pahang	01.06.1999	01.06.1999	25.04.2000

LOKASI	TARIKH PERMULAAN	TARIKH OPERASI	TARIKH TANDATANGAN KONTRAK
HSM Bagan Lalang, Selangor	01.11.1995	01.11.1995	26.07.1996
HSM Genting Highland, Pahang	19.01.1996	25.03.1998	23.11.1999
HSM Alor Setar, Kedah	22.01.1995	28.02.1995	23.06.1995
HSM Seremban, Negeri Sembilan	09.02.1995	28.02.1995	28.06.1995
HSM Kuantan, Pahang	07.01.2008	16.02.2008	23.04.2008
HSM Johor Bahru, Johor	01.08.2004	01.08.2004	14.01.2005
HSM Taiping, Perak	04.10.1995	01.12.1995	26.07.1996
HSM Port Dickson, Negeri Sembilan	13.01.1995	28.02.1995	28.06.1995

Sumber : Dokumen Kontrak Antara Francaisi Dan RHSM

JADUAL 21.2
SENARAI HOTEL SERI MALAYSIA YANG DIURUSKAN OLEH RHSM

LOKASI	TARIKH OPERASI	TARIKH AMBIL ALIH DARI FRANCAISI	CATATAN
HSM Kuala Terengganu, Terengganu	23.01.1995	07.11.2010	Lembaga Pengarah memutuskan hotel diuruskan oleh RHSM sejak hari pertama beroperasi.
HSM Marang, Terengganu	28.02.1995	10.05.2012	
HSM Rompin, Pahang	25.02.1995	06.01.2012	
HSM Pulau Pinang	01.12.1995	25.06.2012	
HSM Mersing, Johor	01.12.1995	09.10.2013	
HSM Kulim, Kedah	01.05.2004	21.09.2013	
HSM Kepala Batas, Kedah	20.02.2009	TB	
HSM Lawas, Sarawak	01.02.2011	TB	

Sumber : Dokumen Kontrak Dan Laporan Bahagian Operasi RHSM

Nota : TB - Tidak Berkenaan

21.1.3. RHSM mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah, iaitu 3 orang merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan; masing-masing seorang wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan dan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia serta 3 orang wakil daripada Kerajaan Negeri di mana terdapatnya lokasi HSM. Pengurusan syarikat RHSM diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 2 orang Pengurus Besar, 16 orang kakitangan eksekutif dan 9 orang bukan eksekutif. Juruaudit yang mengaudit penyata kewangan RHSM bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 ialah Tetuan Adam & Co. Kedudukan komposisi Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai kanan RHSM adalah seperti dalam jadual berikut:

JADUAL 21.3
SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH
RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA (RHSM) SDN. BHD. SEHINGGA JUN 2014

BIL.	NAMA	TARIKH KUATKUASA
1.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Dr Hj. Shafie Bin Hj. Mohd Salleh - Pengerusi RHSM (Mantan Menteri dan Ahli Politik)	02.06.2008
2.	YM Tengku Dato' Seri Hasmuddin Bin Tengku Othman (Ahli Perniagaan)	28.01.2011

BIL.	NAMA	TARIKH KUATKUASA
3.	YBhg. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan (Wakil Kerajaan Negeri Perak)	19.09.2013
4.	YBhg. Dato' Hj. Abdul Razak Bin Ismail (Wakil Kerajaan Negeri Terengganu)	19.09.2013
5.	YBhg. Dato' Mohd Nasir Bin Noryakin (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)	20.08.2013
6.	YBhg. Dato' Hj. Mohamad Roslan Bin Sakiman (Wakil Kerajaan Negeri Selangor)	19.09.2013
5.	En. Mazli Bin Mohamed (Pengarah Urusan RHSM)	01.11.2014
7.	YBhg. Dato' Rashidi Bin Hasbullah (Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia)	19.08.2011
8.	Pn. Nik Roslini Binti Raja Ismail (MKD, Kementerian Kewangan)	18.09.2013

21.1.4. Sebagai syarikat milik penuh Syarikat Kerajaan, RHSM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (Kementerian) dari semasa ke semasa.

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- 21.2.1. Prestasi kewangan RHSM adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;
- 21.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- 21.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

21.3. SKOP PENGAUDITAN

21.3.1. Skop pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan, tadbir urus korporat dan aktiviti utama RHSM bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2011, 2012 dan 2013 yang telah diaudit. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap isu-isu yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lepas untuk memastikan ia telah diambil tindakan penyelesaian.

21.3.2 Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat RHSM dan Kementerian Kewangan. Lawatan ke 6 lokasi HSM turut dilaksanakan iaitu 3 buah hotel masing-masing yang diuruskan oleh francais iaitu di Kangar, Melaka dan Ipoh serta yang diurus sendiri oleh RHSM iaitu di Kuala Terengganu, Kepala Batas dan Bayan Baru, Pulau Pinang.

21.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan terhadap dokumen, fail dan rekod yang dikemukakan oleh pengurusan RHSM kepada pihak Audit. Selain itu, pihak Audit juga menjalankan analisis terhadap data syarikat; menemu bual pegawai berkaitan dan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aktiviti yang dijalankan. Isu-isu yang ditemui telah dibincangkan dengan Pengarah Urusan RHSM, Pegawai-pegawai Kanan RHSM, wakil dari Kementerian Kewangan Malaysia, wakil dari Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia dan wakil dari Jabatan Peguam Negara dalam *Exit Conference* yang telah diadakan pada 22 April 2015.

21.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2014 mendapati prestasi kewangan RHSM bagi tempoh tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah memuaskan dengan mencatatkan keuntungan tiga tahun berturut-turut. Bagaimanapun, secara keseluruhannya prestasi aktiviti adalah kurang memuaskan kerana sasaran yang telah ditetapkan seperti Pendapatan Kasar Operasi (GOR) dan juga Purata Kadar Penginapan (AOR) tidak dapat dicapai. Selain itu, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat RHSM juga mempunyai beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Antara penemuan Audit adalah seperti yang berikut:

- i. maklumat KPI bagi tahun 2013 yang dikemukakan oleh pihak RHSM kurang jelas kerana kaedah penetapan dan pengiraan pencapaiannya tidak lengkap serta wajaran bagi setiap petunjuk prestasi utama tidak dinyatakan. Selain itu, penetapan KPI bagi tahun 2013 juga tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah;
- ii. tiada bukti perolehan berjumlah RM1.09 juta menggunakan Dana Iklan dan Promosi (A&P) diluluskan oleh Jawatankuasa A&P dan perolehan melebihi RM50,000 dengan menggunakan dana A&P telah dibuat mengikut tatacara perolehan RHSM. Selain itu, surat kelulusan perolehan bagi 3 daripada 7 baucar berjumlah RM0.89 juta menggunakan Dana Baik Pulih (RF) tidak dilampirkan bersama baucar bayaran;
- iii. semua francais tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian francais dan perjanjian premis seperti tidak mengemukakan laporan berkala, tidak mengemukakan akaun tahunan, tidak membuka akaun berasingan bagi sumbangan iklan dan promosi, manakala 3 sampel francais yang disemak tidak menyerahkan salinan dokumen insurans kepada RHSM;
- iv. 3 sampel HSM di bawah pengendalian francais yang disemak dan 3 sampel HSM di bawah pengendalian RHSM tidak menyenggara dan menjaga kebersihan premis serta kelengkapan hotel dengan baik dan sempurna;
- v. pengurus HSM tidak menghantar laporan berkala dan pelan perniagaan yang lengkap;
- vi. pemeriksaan pengurusan operasi (MOR) tidak dilaksanakan oleh RHSM bagi tujuan pemantauan terhadap HSM seperti yang ditetapkan dalam Prosedur

Kawalan Dalaman. Francaisi juga lewat mengemukakan maklum balas MOR antara 15 hingga 110 hari;

- vii. pindah milik tanah bagi 7 lokasi HSM belum diselesaikan semenjak dari tahun 1997;
- viii. penstrukturan semula organisasi tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah RHSM;
- ix. proses perolehan sewaan penghawa dingin dan televisyen berjumlah RM3.51 juta dan RM3.41 juta masing-masing tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan; dan
- x. perolehan kerja membaik pulih dan menaik taraf HSM Pulau Pinang berjumlah RM3.97 juta tidak mematuhi prosedur dan kemasan perabot yang kurang berkualiti.

Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu ditambah baik terutamanya seperti tiada analisis lanjut terhadap maklum balas pelanggan, proses perolehan yang tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan, fail perolehan yang tidak lengkap, baucar bayaran tidak disahkan mengikut tatacara pengendalian akaun yang ditetapkan dan pengurusan aset tidak mengikut prosedur yang ditetapkan.

Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat serta maklum balas RHSM adalah seperti perenggan berikut:

21.5.1. Prestasi Kewangan

21.5.1.1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

- a. Bagi tahun kewangan 2013, RHSM telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.10 juta dengan penurunan keuntungan sejumlah RM0.58 juta (12.4%) berbanding tahun 2012 yang berjumlah RM4.68 juta. Keuntungan terkumpul bagi tahun 2013 berjumlah RM11.83 juta dengan peningkatan keuntungan terkumpul sejumlah RM2.19 juta (22.7%) berbanding tahun 2012 berjumlah RM9.64 juta. Keuntungan terkumpul yang positif membolehkan sesebuah syarikat itu mengembangkan lagi perniagaan untuk kekal kompetitif dalam industri dan sebagai rizab untuk pembayaran hutang atau perolehan harta modal kepada syarikat.
- b. Pendapatan utama RHSM terdiri daripada aktiviti francais hotel (sewa premis hotel, royalti, pendapatan tertanggung daripada francais dan fi servis IT kepada francais) dan daripada aktiviti operasi hotel yang diuruskan oleh RHSM (sewa bilik, jualan makanan dan minuman serta sewa dewan). Antara faktor penurunan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2013 adalah disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan operasi RHSM.


- c. Pada tahun 2013, perbelanjaan RHSM telah meningkat secara mendadak kesan daripada perbelanjaan yang tidak dirancang iaitu perolehan penghawa dingin dan televisyen LCD secara sewaan berjumlah RM6.91 juta. Selain itu, peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012 turut disumbangkan oleh kos gaji kakitangan (82.3%), kos penyenggaraan pejabat (72.3%), sewa pejabat (105.4%), yuran profesional (356.6%) dan Insurans kakitangan (86.7%). Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi RHSM bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 21.4
PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN UNTUNG RUGI AKAUN RHSM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2011, 2012 DAN 2013

BUTIRAN	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan	17.69	21.05	25.69
Hasil Lain-lain	2.39	1.37	1.96
Jumlah Pendapatan	20.08	22.42	27.65
Belanja Am & Pentadbiran	8.34	12.03	17.26
Belanja Lain-lain	6.93	5.71	6.29
Jumlah Perbelanjaan	15.27	17.74	23.55
Keuntungan Sebelum Cukai	4.81	4.68	4.10
Belanja Cukai	0.28	0.70	0.92
Cukai Terakru	0.55	0.81	0.76
Untung Bersih Bagi Tahun Kewangan	3.98	3.17	2.42

Sumber : Penyata Kewangan RHSM Tahun 2011, 2012 Dan 2013 Yang Telah Diaudit

CARTA 21.1
TREND PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN KEUNTUNGAN
RHSM BAGI TAHUN KEWANGAN 2011, 2012 DAN 2013



21.5.1.2. Analisis Nisbah

Prestasi kewangan RHSM diukur melalui analisis terhadap nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan:

JADUAL 21.5
ANALISIS NISBAH BAGI TAHUN KEWANGAN 2011, 2012 DAN 2013

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a) / (b)
	2011	46.08	17.10	2.69 : 1
	2012	47.13	33.18	1.42 : 1
	2013	55.04	18.32	3.00 : 1
Bagi tempoh tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013, kecairan RHSM adalah stabil di mana nisbah kecairan mencapai tahap minimum iaitu 1 : 1 dengan aliran tunai positif. Ia menggambarkan RHSM mempunyai aset semasa yang mencukupi untuk menjelaskan tanggungan semasa.				
MARGIN KEUNTUNGAN	TAHUN	UNTUNG SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a) / (b)
	2011	3.98	17.69	0.22
	2012	3.17	21.05	0.15
	2013	2.42	25.70	0.09
Bagi tempoh tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013, RHSM hanya menjana keuntungan berjumlah antara RM0.09 hingga RM0.22 bagi setiap ringgit hasil pendapatan. Walaupun jumlah pendapatan RHSM meningkat pada tahun 2012 dan 2013, namun peningkatan dalam perbelanjaan operasi telah menyebabkan margin keuntungan menurun berbanding tahun 2011. Ini menunjukkan RHSM kurang cekap dalam menguruskan perbelanjaan operasi.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET	TAHUN	UNTUNG SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) [(a) / (b) x 100]
	2011	3.98	171.92	2.32
	2012	3.17	191.87	1.65
	2013	2.42	197.28	1.23
Bagi pulangan bersih diperolehi bagi setiap ringgit aset digunakan, analisis menunjukkan pada tahun 2012 dan 2013 tahap kecekapan menggunakan aset telah menurun berbanding tahun 2011. Ini juga disebabkan terdapat peningkatan dalam perbelanjaan operasi yang menyebabkan untung selepas cukai menurun.				
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI	TAHUN	UNTUNG SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) [(a) / (b) x 100]
	2011	3.98	149.82	2.66
	2012	3.17	152.66	2.08
	2013	2.42	171.38	1.41
Bagi pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal digunakan, tahap kecekapan menguruskan modal semakin menurun pada tahun 2012 dan 2013 berbanding tahun 2011. Prestasi RHSM dalam menjana pendapatan daripada setiap ringgit modal yang telah dikeluarkan masih berada pada tahap yang memuaskan.				

21.5.1.3. Prestasi Aliran Tunai

Penyata aliran tunai memberikan maklumat berkaitan keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan. Berdasarkan kepada penyata aliran tunai syarikat, didapati aliran tunai RHSM daripada aktiviti operasi mengalami defisit pada tahun 2011 dan 2013 manakala surplus pada tahun 2012. Bagaimanapun, aliran tunai syarikat secara keseluruhannya masih berbaki positif terutamanya pada tahun 2013 di mana ia telah meningkat kesan daripada peningkatan aliran tunai daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan. Kedudukan aliran tunai HSM bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.6
PENYATA ALIRAN TUNAI RHSM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2011, 2012 DAN 2013

BUTIRAN	TAHUN		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pengoperasian			
Untung Bersih Sebelum Cukai	4.82	4.68	4.10
Pelarasan	1.36	2.97	2.57
(Peningkatan)/Pengurangan Inventori	(0.02)	(0.23)	0.03
(Peningkatan)/Pengurangan Lain-lain Terimaan	(1.78)	1.91	0.16
(Peningkatan)/Pengurangan Deposit	(2.19)	(3.57)	(9.02)
(Peningkatan)/Pengurangan Terimaan Dari Aktiviti Perniagaan	(1.98)	1.63	(1.51)
Peningkatan/(Pengurangan) Pendapatan Francais Tertanggung	0.01	0.24	0.63
Peningkatan/(Pengurangan) Lain-lain Bayaran	(2.59)	16.03	(15.40)
Peningkatan/(Pengurangan) Bayaran Bagi Aktiviti Perniagaan	0.92	(0.75)	(0.11)
Dividen	-	(0.40)	-
Cukai	(0.85)	(0.76)	(1.00)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pengoperasian	(2.30)	21.75	(19.55)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan			
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(7.85)	(22.36)	(0.90)
Pemindahan Aset Ke Cawangan	-	0.07	-
Faedah	1.13	1.30	1.64
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(6.72)	(20.99)	0.74
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan			
Aliran Masuk Tunai	5.43	0.01	16.73
Aliran Keluar Tunai	3.71	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	9.14	0.01	16.73
Penambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Persamaan Tunai	0.12	0.77	(2.08)
Tunai Dan Persamaan Tunai Awal Tahun	5.37	5.49	6.26
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI AKHIR TAHUN	5.49	6.26	4.18

Sumber : Penyata Kewangan RHSM Tahun 2011, 2012 Dan 2013 Yang Telah Diaudit

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan RHSM bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah memuaskan. RHSM mencatatkan keuntungan dari setahun ke setahun serta mempunyai aliran tunai yang positif dengan baki tunai dan persamaan tunai berjumlah RM4.18 juta pada tahun 2013. Di samping itu, aset semasa RHSM pada tahun 2013 adalah berjumlah RM55.04 juta dan mampu menampung liabiliti semasanya yang hanya berjumlah RM18.32 juta. Ini menunjukkan RHSM mempunyai kecairan 3 kali ganda dalam menampung tanggungan semasanya.

21.5.2. Prestasi Aktiviti

RHSM adalah merupakan antara rangkaian hotel yang terbesar di Malaysia, di mana dalam tempoh 20 tahun RHSM telah mempunyai hotel di 21 lokasi dengan bilangan bilik melebihi 2,095 unit. Semakan Audit terhadap prestasi RHSM mendapati perkara berikut:

21.5.2.1. Tempoh Pengendalian Premis Hotel Seri Malaysia

- a. Pada peringkat awal operasi HSM iaitu dari tahun 1995 sehingga 2011 sebanyak 19 buah hotel diuruskan oleh francais. Semakan Audit mendapati 11 (57.9%) daripada 19 buah hotel tersebut telah diperbaharui tempoh perjanjannya, manakala satu HSM belum tamat tempoh perjanjian dan satu HSM baru beroperasi. Sebanyak 6 HSM pula tidak diperbaharui tempoh perjanjannya dan telah diambil alih serta diuruskan oleh RHSM kerana francais tidak membayar yuran seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian dan juga kerana francais telah memulangkan semula pengurusan HSM kepada RHSM. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.7
KEDUDUKAN TEMPOH PENGENDALIAN HOTEL SERI MALAYSIA
SETAKAT 31 DISEMBER 2014

HOTEL SERI MALAYSIA	TEMPOH ASAL				TEMPOH PEMBAHARUAN TERKINI		
	TEMPOH (Tahun)	TARIKH MULA FRANCAIS	TARIKH TAMAT FRANCAIS (PERTAMA)	TARIKH TAMAT PEMBAHARUAN (KEDUA)	TEMPOH (Tahun)	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
Alor Setar	8	22.01.1995	21.01.2003	21.01.2011	8	22.01.2011	21.01.2019
Kuantan	5	07.01.1995	06.11.2013	-	5	07.01.2013	06.01.2018
Sungai Petani	8	21.01.2008	20.11.2013	20.01.2011	8	21.01.2011	20.01.2019
Port Dickson	8	13.01.1995	12.01.2003	12.01.2011	8	13.01.2019	12.01.2019
Seremban	8	09.02.1995	08.02.2003	08.02.2011	8	09.02.2011	08.02.2019
Temerloh	8	01.06.1999	31.05.2007	31.05.2015	8	01.01.2013	31.12.2020
Bagan Lalang	8	01.11.1995	30.10.2003	30.10.2011	8	01.11.2011	31.10.2019
Ipoh	8	03.10.1995	02.10.2003	02.10.2011	8	03.10.2011	02.10.2019
Johor Bahru	8	01.08.2004	31.07.2012	-	8	01.08.2012	31.07.2020
Taiping	8	02.10.1995	01.10.2003	01.10.2011	8	02.10.2011	01.10.2019

HOTEL SERI MALAYSIA	TEMPOH ASAL				TEMPOH PEMBAHARUAN TERKINI		
	TEMPOH (Tahun)	TARIKH MULA FRANCAIS	TARIKH TAMAT FRANCAIS (PERTAMA)	TARIKH TAMAT PEMBAHARUAN (KEDUA)	TEMPOH (Tahun)	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
Genting Highland	8	19.01.1998	18.01.2006	18.01.2014	8	01.01.2013	31.12.2020
Melaka	5	05.12.2005	04.12.2010	04.12.2015	-	-	-
Kangar	10	29.07.2011	29.07.2021	-	-	-	-
Mersing	8	01.12.1995	09.10.2013	RHSM ambil alih kerana francais tidak membayar yuran yang telah ditetapkan dalam perjanjian			
Pulau Pinang	8	01.11.1995	30.10.2003				
Kulim	8	01.04.2004	31.03.2012				
Marang	8	02.02.2004	01.02.2012				
Rompin	8	02.02.2004	01.02.2012				
Kuala Terengganu	8	23.01.1995	30.12.2002	Francaisi memulangkan semula pengurusan HSM kepada RHSM			
Kepala Batas	Diuruskan Oleh RHSM Sejak Mula Beroperasi iaitu Kepala Batas pada bulan Februari 2009 dan Lawas pada bulan Februari 2011.						
Lawas							

Sumber : Laporan Daripada Bahagian Undang-undang RHSM

Pada pendapat Audit, Pengurusan RHSM perlu mengkaji semula *exit policy* francais/pengendali HSM agar dapat memberi peluang kepada francais/pengendali hotel lain yang berpotensi di samping memastikan pengendali sedia ada kekal dalam industri perhotelan selaras dengan objektif RHSM untuk menggalakkan pengusaha Bumiputera terlibat dalam industri perhotelan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Berdasarkan kepada pemerhatian Audit berhubung produk Hotel Seri Malaysia serta ulasan Pengauditan Khas (Operasi) yang dikendalikan oleh perunding yang dilantik, fokus utama pengurusan RHSM adalah untuk memantapkan penawaran produk HSM bagi membolehkan ia terus kekal relevan dan mengekalkan tahap persaingannya di dalam industri perhotelan.

Sehubungan itu, pengurusan RHSM akan membentangkan kertas cadangan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan pada 12 Mei 2015 bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf produk serta kemudahan di Hotel Seri Malaysia.

Pengurusan RHSM berharap, dengan terhasilnya produk yang berkualiti, peluang dan potensi perniagaan yang ditawarkan kepada usahawan-usahawan Bumiputera akan dapat dioptimumkan.

Kajian semula terhadap 'exit policy' telah dilaksanakan bermula pada Disember 2014 di mana Jabatan Undang-Undang dan panel peguam syarikat telah meneliti Perjanjian Francais, Perjanjian Pengurusan Premis serta polisi-polisi yang berkaitan. Selain itu, ia juga turut mengambilkira faktor-faktor kewangan, pulangan perniagaan serta kelestarian perniagaan bagi membolehkan matlamat

penubuhan RHSM serta penglibatan usahawan Bumiputera dicapai. Pengurusan RHSM akan membentangkan kajian ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Julai 2015 untuk pertimbangan dan kelulusan.

21.5.2.2. Prestasi Kumpulan Hotel Seri Malaysia

- a. RHSM telah menetapkan sasaran hasil aktiviti semasa penyediaan bajet tahunan. Pada umumnya pencapaian keseluruhan Pendapatan Kasar Kumpulan Hotel Seri Malaysia bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran Pendapatan Operasi Kasar (GOR) yang telah ditetapkan. Selain itu, bilangan HSM yang mencapai GOR yang disasarkan adalah kurang daripada 40%. Bagi tempoh tahun 2012 hingga November 2014 bilangan HSM yang mencapai sasaran GOR yang ditetapkan ialah 8 HSM (38.1%) pada tahun 2012, 7 HSM (33.3%) pada tahun 2013 dan 2 HSM (9.5%) pada tahun 2014. Selain itu, didapati perbandingan peratusan pencapaian GOR bagi tempoh tahun 2012 hingga November 2014 antara HSM di bawah kendalian francais dan juga HSM di bawah kendalian RHSM juga adalah menurun, iaitu daripada 46.2% pada tahun 2012 kepada 7.7% pada tahun 2014 bagi HSM di bawah kendalian francais dan daripada 25.0% pada tahun 2012 kepada 12.5% pada tahun 2014 bagi HSM di bawah kendalian RHSM. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.8
PENCAPAIAN KESELURUHAN PENDAPATAN OPERASI KASAR (GOR) KUMPULAN RHSM
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA NOVEMBER 2014**

HOTEL SERI MALAYSIA	PENDAPATAN KASAR MENGIKUT TAHUN					
	2012		2013		2014	
	S (RM Juta)	P (RM Juta)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	S (RM Juta)	P (RM Juta)
HSM Yang Diuruskan Oleh Francaisi						
Johor Bahru	4.75	4.76	5.00	4.24	5.00	3.15
Genting Highlands	5.12	5.23	5.10	4.35	4.90	3.08
Kuantan	3.60	3.65	3.78	3.37	3.97	3.06
Alor Setar	3.67	3.56	6.43	3.43	3.99	2.95
Sungai Petani	1.97	1.66	2.33	2.85	2.52	2.53
Ipoh	3.53	3.47	3.80	3.63	3.83	3.03
Port Dickson	2.94	2.87	3.49	2.81	3.30	2.32
Bagan Lalang	4.00	4.19	4.01	4.34	4.25	3.45
Temerloh	3.46	2.14	2.15	1.96	2.66	1.68
Taiping	1.66	1.87	1.89	1.72	1.71	1.40
Seremban	1.60	1.57	1.85	1.49	1.82	1.16
Melaka	5.39	5.53	5.48	6.27	5.81	4.76
Kangar	5.84	5.57	5.34	6.09	6.16	5.18

HOTEL SERI MALAYSIA	PENDAPATAN KASAR MENGIKUT TAHUN					
	2012		2013		2014	
	S (RM Juta)	P (RM Juta)	S (RM Juta)	P (RM Juta)	S (RM Juta)	P (RM Juta)
HSM Yang Diuruskan Oleh RHSM						
Terengganu	3.84	4.04	4.14	4.42	4.85	4.21
Pulau Pinang	3.14	2.96	3.84	3.07	3.40	2.17
Mersing	2.54	2.42	2.52	2.57	2.76	1.97
Marang	0.64	0.97	1.29	0.96	1.36	0.82
Rompin	1.16	1.11	1.30	1.23	1.32	1.12
Kulim	2.08	1.84	2.27	2.06	2.42	1.83
Kepala Batas	3.67	3.51	3.89	4.04	4.20	3.29
Lawas	2.48	2.33	3.89	3.11	3.44	3.55
JUMLAH	67.08	65.25	73.79	68.01	73.67	56.71

Sumber : Laporan Pencapaian Keseluruhan RHSM

Nota: S - Sasaran P - Pencapaian

- b. Di samping itu, prestasi sebenar sesebuah hotel boleh diukur melalui petunjuk purata kadar penginapan (Average Occupancy Rate – AOR) yang mengambil kira jumlah pendapatan dan jumlah bilik yang ada di hotel bagi tempoh yang tertentu. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya bilangan HSM yang mencapai sasaran AOR adalah kurang daripada 40%. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan November 2014, didapati hanya 7 HSM (33.3%) yang telah mencapai sasarannya pada tahun 2012 manakala pada tahun 2013 dan 2014 hanya 2 HSM (9.5%) yang mencapai sasaran. Selain itu, didapati peratus pencapaian AOR bagi tempoh tahun 2012 hingga November 2014 bagi HSM di bawah kendalian francais adalah menurun iaitu daripada 46.2% pada tahun 2012 kepada 7.7% pada tahun 2014, manakala bagi HSM di bawah kendalian RHSM peratus pencapaian AOR tiada peningkatan langsung dari tahun 2012 hingga 2014 iaitu hanya 12.5% sahaja yang mencapai sasaran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.9
KADAR PENGINAPAN PURATA (AOR) HOTEL SERI MALAYSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA NOVEMBER 2014

HOTEL SERI MALAYSIA	KADAR PENGINAPAN PURATA MENGIKUT TAHUN						JUMLAH BILIK
	2012		2013		2014		
	S (%)	P (%)	S (%)	P (%)	S (%)	P (%)	
HSM Yang Diuruskan Oleh Francaisi							
Johor Bahru	47.46	47.64	50.00	38.02	45.00	32.91	200
Genting Highlands	56.06	57.36	56.00	48.87	52.00	42.99	124
Kuantan	60.43	60.64	62.58	52.83	60.07	51.85	100
Alor Setar	60.33	56.21	66.00	47.98	57.00	45.16	100
Sungai Petani	32.33	28.84	40.00	52.97	42.00	49.81	100
Ipoh	50.75	46.86	54.92	47.79	57.00	45.62	100
Port Dickson	54.24	48.74	63.25	45.33	55.00	43.08	100

HOTEL SERI MALAYSIA	KADAR PENGINAPAN PURATA MENGIKUT TAHUN						JUMLAH BILIK
	2012		2013		2014		
	S (%)	P (%)	S (%)	P (%)	S (%)	P (%)	
Bagan Lalang	62.00	63.66	70.15	62.09	71.00	53.17	100
Temerloh	55.39	57.68	60.50	52.40	60.00	49.71	50
Taiping	63.81	63.40	65.08	56.14	58.00	49.80	50
Seremban	62.44	62.61	73.50	51.31	73.00	43.82	50
Melaka	73.29	68.12	74.00	63.45	72.00	59.67	100
Kangar	58.00	51.11	65.42	56.84	58.00	51.04	144
HSM Yang Diuruskan Oleh RHSM							
Terengganu	56.46	57.23	56.00	56.01	59.00	58.33	150
Pulau Pinang	43.00	37.86	48.00	40.01	89.00	51.57	150
Mersing	51.99	44.60	49.58	39.31	55.00	33.68	100
Marang	42.00	35.76	45.75	33.48	48.00	41.60	50
Rompin	43.96	42.20	46.69	41.93	46.00	41.99	50
Kulim	48.67	45.62	60.11	49.13	54.00	45.04	71
Kepala Batas	53.00	50.95	55.83	54.93	55.00	53.33	100
Lawas	39.96	33.15	46.50	40.39	42.00	48.56	104

Sumber : Laporan Pencapaian Keseluruhan RHSM

Nota: S - Sasaran P - Pencapaian

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas yang telah dianalisis antara punca dan sebab 60% HSM tidak mencapai sasaran GOR dan AOR yang telah ditetapkan adalah berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan, kebersihan bilik, kecekapan pekerja, kualiti makanan dan juga kemudahan yang disediakan. RHSM perlu mengkaji semula dan mengambil tindakan tertentu untuk mengatasinya.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM telah mengambil tindakan proaktif seawal Disember 2014 dengan melantik Juruaudit Asiana Inspirasi PLT melaksanakan pengauditan khas terhadap Sistem Pengoperasian HSM dan Sistem Pengurusan RHSM. Laporan pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada pengurusan RHSM. Pemerhatian Audit tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah ke-98 pada 16 Februari 2015.

Di antara pemerhatian Audit yang dibentangkan adalah seperti berikut:

- i) Average Occupancy Rate (AOR) has remained stagnant at an average of 50% for the last 10 years;*
- ii) Most of the hotels are old;*
- iii) Not competitive in product & organization structure;*
- iv) Questionable integrity of revenue.*

Bagi menangani perkara (iv) di atas berserta pematuhan kepada peraturan berhubung CBP, RHSM telah mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah bagi penukaran Sistem 'Front Office', Sistem 'Point-of-Sale' dan Sistem Perakaunan. Keseluruhan kerja penukaran sistem di kesemua 21 HSM telah selesai pada pertengahan April 2015.

Bagi perkara (ii) dan (iii) di atas, pengurusan RHSM telah membentangkan kertas kerja berhubung cadangan menaik taraf kemudahan HSM di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-99 pada 12 Mei 2015. Lembaga Pengarah pada dasarnya bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan.

Bagi tujuan menangani prestasi yang tidak memuaskan, bermula Disember 2014, pengurusan RHSM telah melakukan penambahbaikan kepada sistem 'Management Operation Review' (MOR) sedia ada kepada sistem pengauditan 'Quality Standard & Assurance Review' (QSAR).

Butiran QSAR merangkumi senarai semak yang ditambah baik, pemeriksaan secara bulanan terhadap kesemua HSM, 'spot check' terhadap HSM yang telah dikenal pasti, penambahbaikan kepada program/siri latihan dan 'Quality Assurance Review'. QSAR ini adalah bersifat berterusan dan maklum balas serta syor mengenainya akan dibentangkan di dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Lembaga Pengarah.

21.5.2.3. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- a. Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan RHSM telah mewujudkan KPI berdasarkan kepada beberapa objektif strategik antaranya strategi perniagaan, prestasi kewangan syarikat, prestasi perniagaan Hotel Seri Malaysia, Pembangunan Modal Insan, Tadbir Urus Korporat dan Inovasi yang masing-masing mengandungi beberapa elemen penilaian. Secara keseluruhan, pencapaian KPI syarikat adalah memuaskan di mana telah memenuhi pencapaian minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu syarikat Kerajaan hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85% daripada sasaran KPI. Butiran pencapaian KPI untuk tempoh tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.10
PENCAPAIAN KPI BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2013**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN KPI					
	2011		2012		2013	
	WAJARAN (%)	PENCAPAIAN (%)	WAJARAN (%)	PENCAPAIAN (%)	WAJARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
Strategi Perniagaan	30	22	20	20	TM	TL
Prestasi Kewangan Syarikat	25	17	25	20	TM	TL
Prestasi Perniagaan Hotel Seri Malaysia	15	13	30	30	TM	TL
Pembangunan Modal Insan	15	10	5	5	TM	TL

PETUNJUK PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN KPI					
	2011		2012		2013	
	WAJARAN (%)	PENCAPAIAN (%)	WAJARAN (%)	PENCAPAIAN (%)	WAJARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
Tadbir Urus Korporat	5	5	20	20	TM	TL
Inovasi	10	10	-	-	TM	TL
JUMLAH	100	77	100	95	TM	TL

Sumber : Laporan KPI RHSM

Nota: TM - Tiada Maklumat

TL - Tidak Lengkap

- b. Selain dari itu, KPI pada tahun 2011 hingga 2012 telah mencapai lebih 50% daripada KPI yang ditetapkan oleh syarikat. Bagaimanapun bagi tahun 2013, maklumat KPI yang dikemukakan oleh pihak RHSM adalah kurang jelas kerana kaedah penetapan dan pengiraan pencapaiannya yang dikemukakan untuk semakan Audit tidak lengkap dengan wajaran bagi setiap petunjuk prestasi utama tidak dinyatakan. Semakan terhadap minit Mesyuarat Lembaga Pengarah pula mendapati penetapan KPI bagi tahun 2013 juga tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Namun begitu, pencapaian bagi KPI 2013 ada dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-91 pada tahun 2014.

Pada pendapat Audit, kaedah penetapan KPI perlulah boleh diukur serta boleh dicapai serta selaras dengan misi dan visi syarikat. Penetapan KPI syarikat perlu dibincangkan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah agar pencapaian syarikat dapat dinilai dan dipantau oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.


Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 15 April 2015

Pengurusan RHSM akan memastikan kaedah penetapan dan pengiraan KPI bagi tahun seterusnya adalah lengkap dan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

21.5.2.4. Analisis Kepuasan Pelanggan

Salah satu aspek yang diambil kira dalam Elemen Strategi Perniagaan dalam KPI RHSM ialah kepuasan pelanggan. Setiap hotel di bawah RHSM ada mengedarkan borang maklum balas kepuasan pelanggan bagi melihat apakah ulasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh HSM. Semakan Audit mendapati borang kepuasan pelanggan tersebut akan dihantar kepada pihak RHSM untuk disemak oleh Bahagian Operasi yang kemudiannya akan mengarahkan pihak HSM mengambil tindakan jika terdapat sebarang aduan daripada pelanggan dan akan disusuli dengan Laporan Pengurusan (MOR). Bagaimanapun pihak Audit mendapati tiada analisis lanjut dibuat terhadap maklum balas kepuasan pelanggan tersebut bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan. Butiran kepuasan pelanggan adalah seperti carta berikut:

CARTA 21.2
PERBANDINGAN ANALISIS KEPUASAN PELANGGAN RHSM
BAGI TAHUN 2012, 2013 DAN 2014



Analisis Audit terhadap 2702 maklum balas pelanggan yang diterima daripada 21 HSM bagi tahun 2012 hingga 2014, secara keseluruhan pelanggan mendapati HSM telah memberikan perkhidmatan yang memuaskan. Bagaimanapun terdapat penurunan peratusan kepuasan pelanggan bagi tahun 2014 berbanding tahun 2012 dan 2013. Bagi tahun 2014 tiada pelanggan yang memberikan tahap cemerlang dan hanya 29% pelanggan memberikan tahap baik berbanding tahun 2012 (57%) dan tahun 2013 (47%). Selain itu terdapat antara 8 hingga 14 peratus pelanggan yang tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan HSM dan antara 1 hingga 5 peratus pelanggan HSM amat tidak berpuas hati dengan perkhidmatan HSM. Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh RHSM adalah daripada segi kecekapan perkhidmatan pekerja hotel, keadaan perabot bilik hotel, kebersihan bilik, kemudahan peralatan di bilik hotel, kebersihan bilik air, kualiti makanan dan juga perkhidmatan pekerja di restoran.

Pihak Audit berpendapat maklum balas yang diberikan oleh pelanggan HSM ini perlu diambil perhatian untuk menambah baik perkhidmatan HSM pada masa hadapan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM telah mengambil tindakan bermula Disember 2014 dengan menyedia dan memproses maklum balas/komen pelanggan yang diperolehi melalui Borang Maklum Balas Pelanggan dan maklumat atas talian (tripadvisor, emel dan laman web) secara harian/mingguan. Laporan maklum balas pelanggan diambil tindakan secara segera oleh Bahagian/Jabatan yang berkaitan sama ada kepada pelanggan dan juga HSM. Maklum balas pelanggan ini akan dipantau melalui QSAR.

21.5.3. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama yang menyumbang kepada pendapatan RHSM ialah aktiviti francais hotel dan aktiviti operasi hotel yang diuruskan oleh RHSM. Semakan Audit terhadap aktiviti-aktiviti tersebut mendapati perkara berikut:

21.5.3.1. Francais Hotel

Kerajaan telah memutuskan bahawa konsep perniagaan secara Sistem Francais adalah merupakan konsep terbaik untuk mencapai objektif projek Hotel Kos Sederhana yang dikenali sebagai Sistem Francais Hotel Seri Malaysia. Bagi memastikan pengendalian operasi Sistem Francais serta penyenggaraan premis dan kelengkapan hotel diuruskan dengan teratur, francais dikehendaki menandatangani Perjanjian Francais dan Perjanjian Pengurusan Premis. Kedua-dua perjanjian ini menyenaraikan peranan dan tanggungjawab RHSM sebagai francaisor dan tanggungjawab Pengendali Hotel sebagai francais. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Pengurusan Dana Iklan Dan Promosi Serta Dana Baik Pulih

RHSM bertanggungjawab untuk menguruskan Dana Iklan Dan Promosi (A&P) serta Dana Baik Pulih (RF) yang disumbangkan secara bulanan oleh francais. Dana A&P ialah sebanyak 2% daripada jumlah pendapatan operasi kasar (GOR), manakala Dana RF sebanyak 1.5% daripada kos pembangunan hartanah. Semakan Audit mendapati RHSM telah menguruskan Dana A&P seperti yang ditetapkan dalam perjanjian, telah dimasukkan dalam satu akaun khas dan juga telah diaudit oleh Juruaudit yang dilantik. Manakala Dana RF juga telah diuruskan dengan baik. Bagaimanapun terdapat perkara yang perlu diambil perhatian oleh RHSM seperti yang berikut:

- i. Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengiklanan dan Promosi Bil. 1/2011 bertarikh 14 Oktober 2011 menyatakan terma rujukan Jawatankuasa A&P adalah juga sebagai garis panduan pengurusan dan perolehan menggunakan Dana A&P. Objektif jawatankuasa ini ialah untuk merancang dan meluluskan penggunaan serta perbelanjaan Dana A&P, manakala polisi dan tatacara penggunaan dana pula berdasarkan kepada peraturan kewangan RHSM. Semakan Audit terhadap 24 baucar bayaran berkaitan perolehan menggunakan Dana A&P berjumlah RM1.09 juta mendapati tiada bukti semua perbelanjaan Dana A&P tersebut diluluskan oleh jawatankuasa A&P dan penggunaan dana melebihi RM50,000 dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam tatacara perolehan RHSM.
- ii. Manual Operasi Bab 9, ada menyatakan pihak RHSM akan memberikan kelulusan melalui surat sekiranya didapati terdapat keperluan penggantian dalam permohonan. Semakan Audit mendapati 3 daripada

7 baucar perolehan berjumlah RM0.89 juta yang menggunakan dana RF ini tidak melampirkan surat kelulusan bersama baucar bayaran. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.11
SENARAI PEROLEHAN MENGGUNAKAN DANA BAIK PULIH YANG
TIDAK MELAMPIRKAN SURAT KELULUSAN DARIPADA RHSM

HOTEL SERI MALAYSIA	TARIKH INVOIS	TARIKH KELULUSAN	JUMLAH (RM)	PERKARA
Genting Highlands	03.09.2012	Tiada surat kelulusan	17,430.00	Penggantian TV Booster (HSM membuat pembayaran dahulu dan membuat tuntutan dengan RHSM)
Melaka	13.08.2013	Tiada surat kelulusan	2,500.00	Mbaiki paip bocor (HSM membuat pembayaran dahulu dan membuat tuntutan dengan RHSM)
Ipoh	06.03.2014	Tiada surat kelulusan	68,986.13	Kerja-kerja penggantian permaidani di Dewan (Hanya dilampirkan tuntutan bayaran selepas kerja siap)
JUMLAH			88,916.13	

Sumber : Baucar Bayaran RHSM

Pada pendapat Audit, RHSM perlu mengkaji semula *Standard Operating Procedure (SOP)* pengurusan dana A&P dan dana RF yang sedia ada agar lebih terperinci dan lengkap. RHSM juga perlu memastikan SOP tersebut dipatuhi bagi mengelakkan risiko berlakunya ketirisan. Pemantauan terhadap pengurusan dana perlu dibuat secara berkala oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan penggunaannya dibuat dengan teratur, telus dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Standard Operating Procedure (SOP) berkaitan pengurusan dan penggunaan dana A&P dan dana RF telah sedia ada dan dilaksanakan. Prosedur dan tatacara kelulusan serta pembayaran telah ditambah baik melalui Manual Perolehan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 11 September 2014.

Selain daripada itu, laporan berkaitan pengurusan dana telah dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Lembaga Pengarah secara suku tahunan. Pengurusan RHSM akan meneliti SOP penggunaan dana A&P dan dana RF dari semasa ke semasa dan akan membentangkan sebarang pindaan untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Lembaga Pengarah.

b. Syarat Perjanjian Yang Tidak Dipatuhi Oleh Pengendali Hotel (Francaisi)

i. Tidak mengemukakan Laporan Berkala

Fasal 6.25 dalam Perjanjian Francaisi menyatakan Francaisi hendaklah mengemukakan kepada Francaisor, ejen atau wakilnya pada sepanjang Tempoh Perjanjian mengikut ketetapan di dalam Manual Operasi khususnya laporan-laporan berikut:

- Laporan Bulanan Pusing Ganti Pekerja (Monthly Staff Turnover Report)
- Akaun Bulanan (Monthly Accounts)
- Laporan Bulanan Pengurus/Perniagaan (Monthly Manager's/Business Report)
- Statistik Bulanan Penjualan Bilik (Monthly Room Sales Statistics)
- Laporan Bulanan Aliran Tunai (Monthly Cash Flow)
- Penyata Bank (Bank Statement)
- Pelan Perniagaan (Business Plan)

Semakan Audit terhadap dokumen laporan berkala bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati semua francais tidak menghantar laporan berkala ataupun laporan yang dihantar tidak lengkap; semua francais tidak mengemukakan Pelan Bisnes yang lengkap (Bajet dan Pelan Pemasaran) seperti yang dikehendaki dalam perjanjian, Laporan Aliran Tunai Bulanan dan Penyata Bank tidak pernah dikemukakan oleh semua francais.

ii. Akaun Tahunan Tidak Dikemukakan Kepada RHSM

Fasal 6.26.2 dalam Perjanjian Francaisi menyatakan bahawa francais hendaklah menyerahkan kepada franchisor, ejen, wakil, kakitangan dan pekerjanya laporan Akaun Tahunan yang telah diaudit oleh juruaudit bertauliah dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tahun kewangan ditutup. Semakan Audit mendapati hanya 8 (61.5%) francais yang telah menubuhkan syarikat Sendirian Berhad dan mempunyai Penyata Kewangan Beraudit. Pada tahun 2013, sebanyak 6 (75%) daripada 8 francais tersebut tidak mengemukakan Akaun Tahunan yang diaudit ke RHSM.

iii. Tidak Menyerahkan Salinan Dokumen Insurans Kepada RHSM

Fasal 6.9.1 dalam Perjanjian Francais menetapkan francais perlu mengambil insurans dengan kosnya sendiri meliputi perlindungan terhadap kebakaran; kecurian liabiliti awam; kemudahan peribadi berkumpulan dan *money insurance*. Manakala Fasal 6.9.3 dalam Perjanjian Francais menetapkan francais perlu menyerahkan kepada franchisor dokumen polisi insurans yang disahkan sebagai rujukan kepada pihak franchisor. Semakan Audit semasa lawatan ke HSM Melaka, HSM Ipoh dan HSM Kangar mendapati ketiga-tiga pengendali hotel (francaisi) telah mengambil insurans yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan mendapati ketiga-tiga HSM ini tidak mengemukakan salinan nota perlindungan insurans tersebut mengikut keperluan untuk rujukan dan simpanan RHSM.

Pada pendapat Audit, RHSM perlu mengkaji semula fasal perjanjian francais berkenaan jenis laporan yang perlu dikemukakan kepada RHSM dan juga kekerapan laporan ini perlu dikemukakan. Selain itu, RHSM juga perlu memantau serta menguatkuasakan terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian francais dan perjanjian premis bagi menjaga kepentingan RHSM secara khusus dan pelaburan Kerajaan amnya.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM dalam mesyuarat bersama francais pada 16 Mac 2015 telah mengarahkan francais mematuhi fasal-fasal di dalam Perjanjian sepenuhnya. Mesyuarat bersetuju menetapkan tarikh 14hb pada setiap bulan untuk penghantaran laporan-laporan berkaitan. Peretujuan juga dicapai untuk mengecualikan penghantaran Penyata Bank. Pemantauan secara bulanan akan dilakukan melalui 'Quality Standard and Assurance Review' (QSAR) secara berterusan.

Selain itu, Jabatan Undang-Undang dan panel peguam syarikat sedang meneliti dan mengkaji dokumen perjanjian yang berkaitan. Hasil kajian dan syor akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Julai 2015.

21.5.3.2. Pengurusan Operasi HSM

Fasal 8.5, 8.7 dan 8.9, menetapkan agar francais mengekal, menyenggara dan menjaga kebersihan premis dan kelengkapan dengan kosnya sendiri. Lawatan Audit ke 3 buah hotel HSM yang dikendalikan oleh francais iaitu HSM Melaka (27 hingga 29 Oktober 2014); HSM Kangar (2 hingga 5 Disember 2014) dan HSM Ipoh (1 hingga 3 Disember 2014) serta 3 buah hotel HSM yang dikendalikan oleh RHSM sendiri iaitu HSM Kuala Terengganu (10 hingga 14 November 2014), HSM Kepala Batas dan HSM Pulau Pinang (17 hingga 20 November 2014) mendapati kesemua hotel tersebut telah diuruskan dengan baik seperti **Gambar 21.1** hingga **Gambar 21.6**.

GAMBAR 21.1



*Hotel Seri Malaysia Melaka
- Ruang Lobi Yang Disusun Dengan Kemas Dan Teratur
(27.10.2014)*

GAMBAR 21.2



*Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Kaunter Front Office Tersusun Kemas
(02.12.2014)*

GAMBAR 21.3




**Hotel Seri Malaysia Kangar
- Kawasan Gazebo Berkonsep Bali
(03.12.2014)**

GAMBAR 21.4



**Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Susunan Di Kafeteria Yang Teratur
(11.11.2014)**

GAMBAR 21.5



**Hotel Seri Malaysia Kepala Batas, Pulau Pinang
- Coffee House Delima Restoran
(19.11.2014)**

GAMBAR 21.6



**Hotel Seri Malaysia Bayan Baru, Pulau Pinang
- Ruang Lobi
(19.11.2014)**

- a. Berdasarkan lawatan Audit terdapat kelemahan yang perlu diambil tindakan segera di HSM Ipoh, HSM Kangar, HSM Melaka, HSM Kuala Terengganu, HSM Kepala Batas dan juga HSM Bayan Baru seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.12
SENARAI LOKASI DAN KETERANGAN**

LOKASI	KETERANGAN	MAKLUM BALAS YANG DITERIMA PADA 13 MEI 2015	GAMBAR
HSM Ipoh			
Premis Hotel	<ul style="list-style-type: none"> Siling yang telah tertanggal di menara hotel 	<p><i>Tindakan telah diambil dengan menghantar surat kepada Francaisi HSM Ipoh pada 09.04.2015 bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu yang berkaitan. Maklum balas dari Francaisi HSM Ipoh juga telah diperolehi dan tindakan penggantian telah dilaksanakan semasa pemeriksaan oleh pegawai QA pada 05.05.2015.</i></p>	Gambar 21.7 dan 21.8
Kawasan Pembentungan	<ul style="list-style-type: none"> Lubang penutup pembetulan yang telah berkarat dan reput Kawasan pembetulan yang tidak berpagar 	<p><i>Tindakan telah diambil dengan menghantar surat kepada Francaisi HSM Ipoh pada 09.04.2015 bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu yang berkaitan. Maklum balas dari Francaisi HSM Ipoh juga telah diperolehi dan tindakan penggantian lubang penutup pembetulan yang telah berkarat dan reput telah dilaksanakan semasa pemeriksaan oleh pegawai QA pada 28.04.2015.</i></p>	Gambar 21.9 hingga 21.12

LOKASI	KETERANGAN	MAKLUM BALAS YANG DITERIMA PADA 13 MEI 2015	GAMBAR
HSM Kangar			
Dewan Seri Anggerik	<ul style="list-style-type: none"> Keadaan lantai yang kotor di kawasan luar Dewan Seri Anggerik 1, 2 & 3 	<p><i>Tindakan telah diambil dengan menghantar surat kepada Francaisi HSM Kangar pada 09.04.2015 bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu yang berkaitan.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Lantai yang kotor di kawasan luar Dewan Seri Anggerik 1, 2 & 3 juga telah dibersihkan dan arahan supaya memastikan kebersihan premis sentiasa dijaga juga telah dikeluarkan kepada Francaisi melalui surat bertarikh 09.04.2015.</i> <i>Rekahan di bahagian luar lantai hotel dan kepingan jubin yang tertanggal juga telah dibaikpulih.</i> 	Gambar 21.13 dan 21.14
	<ul style="list-style-type: none"> Kepingan jubin telah tertanggal di hadapan Dewan Seri Anggerik 		Gambar 21.15 dan 21.16
HSM Kuala Terengganu			
Dapur	<ul style="list-style-type: none"> Persekitaran dapur yang kotor dan lantai dapur yang basah dan licin 	<p><i>Tindakan telah diambil dengan menghantar surat kepada HSM Kuala Terengganu pada 09.04.2015 bagi mendapatkan maklum balas berhubung isu yang berkaitan. Maklum balas dari HSM Kuala Terengganu juga telah diperolehi dan tindakan membersihkan lantai dapur yang basah dan licin telah dilaksanakan semasa pemeriksaan pegawai QA pada 28.04.2015.</i></p>	Gambar 21.17 dan 21.18
HSM Bayan Baru, Pulau Pinang			
Restoran	<ul style="list-style-type: none"> Siling di luar Restoran berlubang 	<p><i>Kerja-kerja ini termasuk dalam projek naik taraf di mana pihak kontraktor dalam proses pembaikan. Tempoh kecacatan berakhir pada 24.10.2015.</i></p>	Gambar 21.19 hingga 21.21
	<ul style="list-style-type: none"> Tembok di tepi restoran tidak dibaiki setelah dipecahkan 	<p><i>Berdasarkan Mesyuarat Kecacatan pada 16.12.2014 dan perbincangan dengan pihak Hotel pada 26.03.2015, tembok yang dipecahkan hanya perlu dibaiki tanpa perlu dinaikkan semula. Ini bagi memudahkan pemunggahan barang dilakukan oleh pihak Hotel. Pihak Kontraktor dalam proses pembaikan di mana tempoh kecacatan berakhir pada 24.10.2015.</i></p>	
HSM Kepala Batas, Pulau Pinang			
Restoran	<ul style="list-style-type: none"> Penyaman udara di restoran rosak walaupun telah beberapa kali dibaiki 	<p><i>Pihak hotel telah mengambil tindakan membaiki penyaman udara tersebut. Bahagian Operasi telah membuat pemeriksaan di lokasi pada 28.04.2015 dan mendapati penghawa dingin tersebut telah dibaiki.</i></p>	Gambar 21.22

SEBELUM

GAMBAR 21.7



Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Siling Yang Telah Tertanggal Di Menara Hotel
(02.12.2014)

SELEPAS

GAMBAR 21.8



Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Siling Menara Telah Di Baik Pulih
(05.05.2015)

SEBELUM

GAMBAR 21.9



*Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Kawasan Pembetulan Tidak Berpagar
(02.12.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 21.10



*Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Kawasan Pembetulan Tidak Berpagar
Dalam Proses Baik Pulih
(28.04.2015)*

SEBELUM

GAMBAR 21.11



*Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Lubang Penutup Pembetulan
Sudah Reput Dan Berkarat
(02.12.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 21.12



*Hotel Seri Malaysia Ipoh
- Lubang Penutup Pembetulan Sudah Reput
Dan Berkarat Telah Diganti
(28.04.2015)*

SEBELUM

GAMBAR 21.13



*Hotel Seri Malaysia Kangar
- Keadaan Lantai Yang Kotor Di Kawasan
Luar Dewan Seri Anggerik 1, 2 & 3
(02.12.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 21.14



*Hotel Seri Malaysia Kangar
- Keadaan Lantai Yang Kotor Di Kawasan Luar
Dewan Seri Anggerik 1, 2 & 3 Telah Dibersihkan
(29.04.2015)*

SEBELUM

GAMBAR 21.15



*Hotel Seri Malaysia, Kangar
- Kepingan Jubin Telah Tercabut Di Hadapan
Dewan Seri Anggerik
(02.12.2014)*

SELEPAS

GAMBAR 21.16



*Hotel Seri Malaysia, Kangar
- Kepingan Jubin Telah Tercabut Di Hadapan
Dewan Seri Anggerik Telah Di Baik Pulih
(29.04.2015)*

SEBELUM**GAMBAR 21.17**

*Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Lantai Dapur Yang Basah
(11.11.2014)*

SELEPAS**GAMBAR 21.18**

*Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Lantai Dapur Yang Telah Dibersihkan
(28.04.2015)*

SEBELUM**GAMBAR 21.19**


*Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang
- Siling Berlubang Di Luar Café House
(18.11.2014)*

SELEPAS**GAMBAR 21.20**

*Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang
- Siling Berlubang Di Luar Café House Telah Di Baik Pulih
(29.04.2015)*

GAMBAR 21.21

*Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang
- Tembok Di Tepi Restoran Yang Dipecahkan Belum
Dibaiki Semula (Dalam Proses Pembaikan)
(18.11.2014)*

GAMBAR 21.22

*Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas, Pulau Pinang
- Penyaman Udara Rosak Di Restoran Menyebabkan
Air Menitik Atas Meja Makan (Telah Dibaiki)
(19.11.2014)*

- b. Lawatan Audit ke HSM Melaka mendapati tahap kebersihan dan keselesaan bilik yang dipilih sebagai sampel Audit berada pada tahap yang baik walaupun hotel ini telah beroperasi selama 8 tahun. Persekitaran hotel telah dijaga dan disenggarakan dengan baik. Francaisi Melaka telah menggunakan Sistem *Holycare*, di mana fail bagi setiap bilik disenggarakan oleh unit *Housekeeping* untuk tujuan memastikan tahap kecacatan dan kebersihan bilik terjaga. Sistem ini juga dapat menjimatkan kos penyenggaraan kerana tahap kecacatan dan kebersihan sentiasa dijaga. Sistem ini juga telah dilaksanakan oleh HSM Kangar.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Arahan telah diberikan kepada semua HSM pada 16 Januari 2015 semasa mesyuarat Francaisi bagi memastikan pengendali hotel mematuhi arahan bagi mengekal, menyenggara dan menjaga kebersihan premis dan kelengkapan seperti yang dikehendaki di dalam Manual Operasi. RHSM juga membuat kajian terperinci untuk mendapatkan sistem yang sesuai bagi HSM dalam menyenggara premis HSM.

- c. Ujian penentukuran *main switch board* yang sepatutnya dibuat 2 tahun sekali tidak dibuat di HSM Ipoh, HSM Kangar dan HSM Kepala Batas. Pihak Audit mendapati kali terakhir ujian tersebut dilaksanakan di HSM Ipoh adalah pada tahun 2005, HSM Kangar pula pada tahun 2010 manakala HSM Kepala Batas pula pada tahun 2012. Ujian penentukuran adalah bagi memastikan sistem elektrik di premis adalah baik dan tepat serta mampu menampung keperluan semasa premis.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

*Tindakan telah diambil pada 26 Mac 2015, dengan memaklumkan kepada semua HSM agar membuat penyenggaraan berkala bagi semua peralatan/perkakasan berkaitan melalui surat bertarikh 30 Mac 2015. Senarai Semak bagi kerja-kerja pemeriksaan QA juga telah diberi penambahbaikan dan pegawai QA akan memeriksa dan menyemak ujian penentukuran *main switch board* ini semasa sesi pemeriksaan dijalankan.*

- d. Perenggan 9.5 dalam Manual Operasi ada menyatakan antara tanggungjawab Ketua Jabatan Penyenggaraan adalah untuk melaksanakan program penyenggaraan dan merekodkan penyenggaraan. Bagaimanapun semasa lawatan Audit ke 6 lokasi HSM mendapati rekod (*log book*) berhubung setiap pengubahsuaian, pembaikan atau penyenggaraan yang dibuat ke atas kelengkapan atau bangunan premis hotel bagi pengendali hotel ada disediakan, bagaimanapun, *log book* untuk Program Penyenggaraan Pencegahan (PMP) tidak dikemukakan kepada pihak Audit semasa lawatan Audit dijalankan di HSM Ipoh, HSM Bayan Baru, HSM Kepala Batas dan HSM Kuala Terengganu. Ini telah menyebabkan pengesahan terhadap penyenggaraan yang dilaksanakan tidak dapat dilakukan kerana pihak HSM tidak mengemukakan rekod penyenggaraan pencegahan untuk semakan bagi memastikan penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Senarai Semak bagi kerja-kerja pemeriksaan QA telah diberi penambahbaikan dan pegawai QA akan memeriksa dan menyemak semua Jadual PMP. Beberapa HSM telah mengambil inisiatif untuk menyediakan Log Book bagi memastikan kakitangan mereka melaksanakan tugas mengikut perancangan yang telah dibuat pada sepanjang tahun. Surat kepada HSM bertarikh 30 Mac 2015 juga telah diedarkan bagi memastikan semua peralatan/perkakasan berkaitan dipelihara dan disenggara mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

- e. Pengurusan HSM yang diuruskan oleh RHSM sendiri juga perlu menghantar laporan berkala seperti yang ditetapkan dalam Manual Operasi seperti Laporan yang diberikan oleh francais. Semakan Audit mendapati pengurusan hotel yang dikendalikan oleh RHSM tidak mengemukakan Pelan Perniagaan yang lengkap seperti yang telah ditetapkan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pelan Perniagaan HSM di bawah Pengurusan RHSM telah diperolehi seperti yang telah dibincangkan semasa mesyuarat bersama Ketua Jabatan pada Disember 2014. Semakan dan penyusunan semula format sedang diusahakan oleh pihak Pengurusan RHSM dan penggunaannya akan dikuatkuasakan bermula bagi Pelan Perniagaan tahun 2016.

Pada pendapat Audit, RHSM mahupun francais sebagai pengendali hotel hendaklah mengekal, menyenggara dan menjaga kebersihan premis dan kelengkapan seperti yang dikehendaki dalam perjanjian premis dan juga Manual Operasi. Di samping itu, RHSM sebagai francaisor hendaklah menguatkuasakan syarat perjanjian yang telah ditetapkan agar premis dan kelengkapan hotel sentiasa terjaga dan mempunyai hayat yang lebih panjang serta mengurangkan kos penyenggaraan premis dan kelengkapan hotel. RHSM perlu mengkaji semula sistem penyenggaraan premis hotel, sebagai contoh Sistem *Holycare* yang diguna pakai oleh HSM Melaka dan HSM Kangar bagi memastikan premis hotel HSM berada pada tahap yang baik dan juga dapat mengurangkan kos penyenggaraan jangka panjang. Selain itu, RHSM juga perlu menguatkuasakan semua terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian serta mengkaji semula terma dan syarat tersebut bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa untuk menjaga kepentingan syarikat dan juga Kerajaan. Bagi kekal kompetitif dalam industri perhotelan RHSM perlu memberi perhatian terhadap maklum balas pelanggan untuk menambah baik perkhidmatan HSM.

21.5.3.3. Pemantauan Francaisi**a. Pemantauan Pemeriksaan Pengurusan Operasi (MOR) Tidak Dilaksanakan Mengikut Ketetapan**

Selain daripada menguruskan 8 HSM, menguruskan Dana A&P dan juga Dana RF, RHSM juga bertanggungjawab memantau prestasi francaisi yang telah dilantik bagi menguruskan 13 HSM. Berdasarkan Prosedur Kawalan Dalaman (Versi 2012), Bahagian B: Operasi Hotel, Bab 8, Manual Pemantauan Operasi, Pemantauan Pemeriksaan Pengurusan Operasi (MOR) akan dilaksanakan secara berkala untuk memastikan HSM mengikut standard dan piawai yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Francais dan Perjanjian Pengurusan Premis. MOR akan dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun bagi setiap lokasi. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. Pada tahun 2012, sebanyak 15 daripada 21 HSM telah dilaksanakan MOR sebanyak 2 kali oleh RHSM. Manakala 5 HSM hanya sekali sahaja MOR dilaksanakan dan satu HSM tiada MOR dilaksanakan. Pada tahun 2013, RHSM telah melaksanakan MOR sebanyak 2 kali bagi kesemua HSM seperti yang ditetapkan.
- ii. Pada tahun 2014 hanya 12 daripada 21 HSM dapat dilaksanakan MOR sebanyak 2 kali, manakala 9 HSM lagi hanya sekali MOR yang dapat dilaksanakan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM pada tahun 2012 telah mengarahkan semua hotel di bawah RHSM tidak perlu melaksanakan pemeriksaan MOR dua (2) kali setahun tetapi pemeriksaan secara mengejut akan dilakukan oleh Pengurusan RHSM. Bagi tahun 2014, semasa Jabatan Audit Negara membuat pemeriksaan Pengurusan RHSM masih dalam proses menyempurnakan pusingan kali kedua bagi setiap hotel yang belum cukup dua (2) kali pusingan. Berdasarkan rekod akhir pada Disember 2014 Jadual Pergerakan dan Maklum balas MOR 2014, kesemua HSM telah dilakukan MOR sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2014. Berkuat kuasa mulai Januari 2015, Pengurusan RHSM telah memutuskan agar MOR ditambah baik dan digantikan dengan 'Quality Standard & Assurance Review' (QSAR).

b. Francaisi Tidak Mengemukakan Maklum Balas MOR Dalam Masa Yang Ditetapkan

- i. Prosedur Kawalan Dalaman (Versi 2012), Bahagian B: Operasi Hotel, Bab 8, Manual Pemantauan Operasi, Pemantauan Pemeriksaan Pengurusan Operasi (MOR) perenggan 8.5.4 (b) menetapkan francaisi perlu mengemukakan maklum balas terhadap laporan tersebut dalam masa 14 hari mengikut format MOR yang telah ditetapkan. Jika francaisi gagal menjawab laporan tersebut dalam tempoh 14 hari surat peringatan

akan dikeluarkan dan jika masih gagal menjawab dalam masa 7 hari, notis kemungkiran akan dikeluarkan kepada francais tersebut.

- ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2012 hingga 2014, sebanyak 20 daripada 21 HSM telah memberi maklum balas melebihi dari tempoh yang ditetapkan iaitu antara 15 hingga 120 hari. Selain itu, terdapat francais yang tidak mengemukakan maklum balas terhadap laporan MOR iaitu 6 francais bagi tahun 2012, 5 francais bagi tahun 2013 dan 6 francais bagi tahun 2014. Bagaimanapun tiada bukti 'Notis Kemungkiran' telah dihantar kepada francais yang telah lewat mengemukakan maklum balas dan juga yang tidak memberikan maklum balas terhadap laporan MOR.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Tindakan serta merta telah diambil bagi memastikan HSM mengemukakan maklum balas terhadap Pemeriksaan Pengurusan Operasi dengan menyediakan senarai semak bagi memastikan ia tidak berulang. Pada tahun 2014 tindakan segera telah diambil dengan mengeluarkan surat-surat peringatan kepada Francaisi yang lewat memajukan maklum balas MOR.

Pada pendapat Audit, pengurusan RHSM perlu memastikan MOR dilaksanakan seperti ditetapkan dan maklum balas terhadap MOR tersebut dikemukakan dalam masa yang ditetapkan agar pemantauan terhadap HSM adalah lebih berkesan bagi menjamin kepentingan RHSM dan juga Kerajaan.

21.5.3.4. Kelewatan Pindah Milik Tanah

- a. Mengikut Perjanjian Pemegang Saham, (Shareholders Agreement) yang ditandatangani pada bulan Oktober 1997, Kerajaan Negeri yang terlibat dalam kerjasama pembinaan hotel akan diberikan saham RHSM bersamaan dengan nilai tapak tanah berkenaan sebaik sahaja tanah dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan. Nilai saham RM1.00 sebagai *token* akan diberikan kepada Kerajaan Negeri sehingga pindah milik dan *capitalization* saham selesai.
- b. Semakan Audit mendapati 14 daripada 21 tapak tanah hotel telah dipindah milik kepada RHSM antara tempoh 1996 hingga 2012, manakala 7 lagi tapak tanah masih belum dibuat pindah milik. Perkara ini adalah disebabkan kelewatan dalam urusan *Memorandum Of Transfer* dan juga tapak tanah hotel yang terlibat tidak termasuk dalam Perjanjian Pemegang Saham yang ditandatangani pada bulan Oktober 1997. Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008. Pihak Audit mendapati 7 daripada 10 pindah milik tapak tanah telah dapat diselesaikan. Butiran lanjut status pindah milik tanah yang terlibat adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 21.13
STATUS PINDAH MILIK TANAH HOTEL**

PIHAK KERAJAAN NEGERI	NEGERI	PINDAH MILIK TANAH HOTEL YANG BELUM SELESAI	STATUS TERKINI
<i>State Secretary Incorporated</i> – Kedah	Kedah	Alor Setar	Pecah sempadan telah diselesaikan tetapi terdapat sekatan tanah kerana tanah tersebut merupakan tanah Rezab Melayu
Menteri Besar Incorporated – Negeri Sembilan	Negeri Sembilan	Port Dickson	Pindah Milik Tanah daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan Menteri Besar <i>Incorporated</i> belum disempurnakan.
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	Pulau Pinang	Kepala Batas	Perjanjian Pemegang Saham yang baru atau <i>Supplementary Agreement</i> hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum tanah tersebut boleh dipindah milik kepada RHSM.
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	Pahang	Genting Highlands	
<i>State Secretary Incorporated</i> – Kedah	Kedah	Kulim	
Borneo Development Corporation	Sarawak	Lawas	
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	Perlis	Kangar	

Sumber : Kertas 95/12/14, Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-95

Pada pendapat Audit RHSM adalah penting mempercepatkan proses pindah milik kesemua tanah tapak hotel berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan dengan segera bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM telah memastikan bahawa laporan status pindahmilik tanah dibentangkan secara konsisten/tetap di dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat.

Status pindah milik tanah sehingga 7 Mei 2015:

i) Alor Setar

Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Kedah pada 16 April 2015 telah memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan State Secretary Incorporated (Kedah) pada 22 Januari 2015 tidak bersetuju untuk mengecualikan syarat yang telah ditetapkan iaitu supaya RHSM memasukkan sekatan hak untuk memindah milik saham kepada Bukan Melayu ke dalam memorandum seperti yang dibenarkan menurut Seksyen 15(1)(a) dan Peraturan 2 Jadual Keempat Susunan Daftar A Akta Syarikat 1965.

PTG Kedah selanjutnya memaklumkan bahawa permohonan pengisytiharan Melayu hanya akan dikeluarkan selepas RHSM mematuhi syarat tersebut.

ii) Port Dickson

Urusan pindah milik telah selesai sepenuhnya pada 8 April 2015.

iii) Kepala Batas, Genting Highlands, Kulim, Lawas Dan Kangar

Kelima-lima tapak ini tidak disenaraikan di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang ditandatangani pada Oktober 1997 dan isu berkaitan pindah milik telah

diketengahkan kepada pasukan khas dari Prokhas yang menjalankan 'due-dilligence' dari bulan September hingga Disember 2014 kerana ia melibatkan isu-isu berkaitan kepentingan para Pemegang Saham syarikat. Pengurusan RHSM dimaklumkan bahawa laporan tersebut telah dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan untuk arahan lanjut.

Pengurusan RHSM telah membentangkan cadangan pindaan kepada Memorandum & Artikel syarikat serta Perjanjian Pemegang Saham untuk perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 11 Mei 2015 dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 12 Mei 2015. Lembaga Pengarah memutuskan agar pengurusan RHSM menubuhkan 'task force' untuk meneliti perkara-perkara yang berkaitan serta mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan datang.

21.5.4. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Kewangan Dan Tadbir Urus Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan urus tadbir korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, RHSM telah mewujudkan beberapa jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Remunerasi dan Nominasi, Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Pembangunan. Jawatankuasa tersebut mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan peraturan pengurusan, operasi dan kewangan syarikat yang sedia ada sentiasa dipatuhi manakala sebarang kelemahan diatasi dengan segera. Penilaian Audit terhadap tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan RHSM mendapati perkara berikut:

21.5.4.1. Prosedur/Peraturan Pengurusan

Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. RHSM ada mempunyai SOP yang dinamakan Prosedur Kawalan Dalaman (PKDAK) yang menumpukan kepada 3 bahagian iaitu Pentadbiran dan Hal Ehwal Korporat, Operasi dan Kewangan yang merangkumi 12 Bab iaitu antaranya Manual Hal Ehwal Korporat, Manual Pentadbiran, Manual Pemasaran, Manual Sumber Manusia, Manual Pemantauan Operasi, Manual Pengurusan Fasiliti dan Aset serta Manual Akaun Dan Kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati SOP ataupun Garis Panduan berkenaan pemilihan dan pelantikan francais adalah tidak terperinci dan terlalu umum.

Pihak Audit berpendapat RHSM perlu mengkaji semula garis panduan (SOP) berkaitan pemilihan dan pelantikan francais agar proses tersebut adalah lebih sistematik dan telus.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM mengambil maklum teguran dan cadangan Audit untuk menyediakan SOP yang lebih terperinci berkenaan pemilihan dan pelantikan francais agar proses yang terlibat dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, telus dan adil serta mengelak berlakunya conflict of interest dan akan dibentangkan untuk pertimbangan Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan pada bulan Julai 2015.

21.5.4.2. Tadbir Urus Korporat

Pihak Audit mendapati pada umumnya RHSM telah mematuhi peraturan yang ditetapkan berkenaan tadbir urus korporat iaitu bagi pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan kekerapan mesyuarat. Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan syarikat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat dapat dicapai. Semakan Audit terhadap amalan tadbir urus RHSM mendapati syarikat ada menyediakan Pelan Perniagaan (Transformasi) 2013 hingga 2020 yang diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-85 pada 20 Disember 2012. Manakala bagi tujuan kawalan dalaman perancangan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit telah ditubuh di RHSM pada tahun 2011 dan telah menjalankan fungsinya sebagaimana yang ditetapkan. Selain itu, bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, RHSM telah mencatat keuntungan dalam operasinya dan bayaran dividen berjumlah RM0.81 juta telah dibuat kepada Kerajaan dalam tempoh 3 tahun berkenaan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

a. Penstrukturan Semula Organisasi Tidak Mendapat Kelulusan

- i. Mesyuarat Pengurusan RHSM pada bulan November 2012 telah membuat penyusunan semula struktur organisasi RHSM. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 jawatan baru telah diwujudkan, yang melibatkan pertambahan perbelanjaan gaji kakitangan sejumlah RM1.12 juta (82.3%). Semakan Audit selanjutnya mendapati cadangan penstrukturan semula ini ada dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Remunerasi dan Nominasi (MJRN) Bil. 5/2012 pada 7 November 2012 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 84 pada 19 November 2012, bagaimanapun tiada sebarang keputusan dibuat. Pihak Audit mendapati pengurusan RHSM telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi pada 16 November 2012 walaupun belum mendapat sebarang keputusan dari Lembaga Pengarah.

- ii. Selain itu, satu memorandum bertarikh 25 September 2012 telah dihantar kepada Kementerian Kewangan bagi memaklumkan tentang cadangan penstrukturan semula tersebut. Bagaimanapun, pihak Kementerian Kewangan melalui e-mel bertarikh 29 Januari 2014 menyatakan kertas kerja yang disediakan oleh RHSM adalah tidak lengkap kerana tidak menyatakan implikasi kewangan terhadap penstrukturan semula tersebut. Kementerian Kewangan memaklumkan akan mengkaji secara terperinci cadangan RHSM ini dan satu sesi pembentangan perlu dilaksanakan oleh RHSM kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, sesi pembentangan tersebut masih belum dibuat.

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan RHSM perlu merekodkan kelulusan dari Lembaga Pengarah dan juga perlu mendapat persetujuan Kementerian Kewangan untuk penstrukturan semula organisasi kerana melibatkan implikasi kewangan terhadap operasi RHSM.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pihak pengurusan telah pun mengusulkan cadangan penstrukturan semula organisasi di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-98 pada 16 Februari 2015. Pihak Lembaga Pengarah mengarahkan agar ia dikaji semula dan dibentangkan kepada Ahli Jawatankuasa Remunerasi & Nominasi untuk kelulusan seterusnya kepada Kementerian Kewangan.

Cadangan pertama tentang Perjawatan dan Skala Gaji Baru RHSM yang dicadangkan oleh pihak perunding yang dilantik iaitu Etoffe Solutions Sdn. Bhd. tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. RHSM telah meminta Etoffe mengemukakan cadangan baru namun kos tambahan telah dikenakan. Oleh itu, RHSM memutuskan untuk tidak meneruskan kajian tersebut dengan Etoffe.

Tindakan selanjutnya, RHSM akan mengkaji semula skala gaji sedia ada dan dalam proses menyempurnakan Cadangan Perjawatan dan Skala Gaji Baru RHSM dan Hotel di bawah naungan RHSM dan dijangka disempurnakan selewat-lewatnya pada suku tahun ketiga 2015. Seterusnya akan membuat sesi pembentangan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

21.5.4.3. Pengurusan Kewangan Syarikat

Syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat supaya dapat mengurangkan kos operasi syarikat dan mengelakkan pembaziran. Perbandingan perlu dibuat dengan kos operasi syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti yang sama sebagai penanda aras kecekapan syarikat. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam pengurusan kewangan RHSM seperti yang berikut:

a. Pengurusan Perbelanjaan

Semakan terhadap 204 baucar bayaran bernilai RM4.78 juta bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati antara jenis perbelanjaan yang dilakukan ialah bayaran pengiklanan dan promosi, bayaran pembukaan hotel, bayaran makan malam korporat, bayaran penyewaan televisyen dan penyaman udara, belanja pelbagai, tuntutan perjalanan serta lain-lain perbelanjaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Baucar Bayaran Tidak Disahkan Mengikut Tatacara Ditetapkan

Tatacara Pengendalian Akaun, Penandatanganan Cek, Arahan Kewangan dan Suratcara Bolehniaga menetapkan bagi amaun baucar bayaran yang melebihi RM150,000 hendaklah ditandatangani secara bersama oleh mana-mana dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati semua baucar bayaran telah diproses mengikut peraturan yang ditetapkan kecuali dua baucar bayaran berjumlah RM1.38 juta yang hanya disahkan oleh Ketua Pegawai Kewangan dan diluluskan oleh Pengarah Urusan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.14
BAUCAR BAYARAN YANG TIDAK DISAHKAN DAN
DILULUSKAN MENGIKUT KETETAPAN

NO BAUCAR	TARIKH	AMAUN (RM)	PERKARA
025/05/2013	06.05.2013	681,240	Membekal, memasang dan menyelenggara Televisyen 32" – deposit 20%
024/05/2013	06.05.2013	702,902	Membekal, memasang dan menyelenggara Penghawa Dingin – deposit 20%
JUMLAH		1,384,142	

Sumber : Baucar Bayaran

ii. Perolehan Bagi Penganjuran Majlis Rasmi Tidak Melalui Jawatankuasa Sebut Harga

Menurut Prosedur Perolehan, Perenggan 1.9 Tatacara Perolehan bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Dan Jamuan Rasmi menetapkan bagi perolehan yang bernilai antara RM50,000 hingga RM500,000 perlu dibuat melalui sebut harga dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga RHSM. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti perolehan bagi penganjuran Majlis Malam Korporat RHSM 2013 dibuat melalui sebut harga walaupun nilai perolehan tersebut adalah melebihi RM50,000. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.15
SENARAI BAUCAR BAYARAN BAGI PEROLEHAN YANG
TIDAK DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA PEROLEHAN

NAMA VENDOR	NO BAUCAR	TARIKH	AMAUN (RM)	PERKARA
VD 001	022/12/2012	05.12.2012	44,000.00	Artist management dinner show
	046/12/2012	11.12.2012	10,000.00	Artist management dinner show
JUMLAH PEROLEHAN			54,000.00	
VD 002	024/12/2012	11.12.2012	47,499.40	Corporate Dinner
	RHB 071/11/2012	23.11.2012	27,405.00	Corporate Dinner
	051/12/2012	17.12.2012	1,044.00	Teabreak on 12.12.2012
JUMLAH PEROLEHAN			75,948.40	
VD 003	060/10/2012	11.10.2012	22,044.20	Brainstorming (package) - full payment
	104/09/2012	28.09.2012	39,091.50	Brainstorming (package) (RM55,845 x 70% = RM39,091.50)
JUMLAH PEROLEHAN			61,135.70	

Sumber : Baucar Bayaran

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah dan Pengurusan RHSM perlu memastikan semua prosedur perbelanjaan dipatuhi bagi mengelakkan daripada berlakunya ketirisan.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM telah mengambil tindakan terhadap perkara berkaitan perolehan bermula April 2014 untuk mengemas kini Manual Perolehan Syarikat. Manual Perolehan Syarikat telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-95 pada 11 September 2014 dan dikuatkuasakan dengan serta merta. Salinan Manual Perolehan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Pengurusan RHSM akan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap prosedur dan tatacara perolehan selaras dengan ketetapan dan peraturan mengenainya di dalam Manual Perolehan tersebut.

b. Pengurusan Perolehan

Perkara 12.4.3 dalam Manual Perolehan dan Kontrak menetapkan kaedah perolehan yang perlu dipatuhi dalam urusan perolehan adalah pembelian terus, sebut harga, tender, perolehan darurat atau kecemasan dan penyumberan tunggal. Semakan Audit hanya dijalankan terhadap perolehan tahun 2013 dan 2014 sahaja kerana perolehan bagi tahun 2012 tidak dikemukakan oleh pihak RHSM. Perkara ini berlaku disebabkan semasa penubuhan Jabatan Aset dan Fasiliti pada tahun 2013, tiada senarai perolehan 2012 diserahkan kepada pegawai di jabatan berkenaan dan juga tiada penyerahan tugas secara rasmi dilakukan oleh pegawai terdahulu. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam pengurusan perolehan RHSM seperti yang berikut:

i. Perolehan Secara Pembelian Terus

Perkara 12.4.4. dalam Manual Perolehan dan Kontrak RHSM menyatakan proses pembelian secara terus adalah untuk perolehan bagi satu item yang nilainya tidak melebihi RM50,000. Perolehan perlu dibuat dengan syarikat yang berdaftar dengan RHSM dan kuasa meluluskan perolehan ini ialah Pengarah Urusan. Semakan Audit terhadap 34 sampel berkaitan pembelian terus bagi tempoh tahun 2013 hingga bulan Jun 2014 mendapati semua pembelian dan perkhidmatan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan kecuali:

- dua kes di mana bayaran dibuat sebelum barang diterima bagi dua pesanan belian yang melibatkan jumlah RM11,181 seperti jadual berikut:

JADUAL 21.16
SENARAI PESANAN BELIAN YANG TELAH DIBAYAR DAHULU
SEBELUM BARANG DITERIMA

NO. PESANAN BELIAN	TARIKH PESANAN BELIAN	TARIKH BARANG DITERIMA	TARIKH BAYARAN	JUMLAH HARI AWAL	JUMLAH (RM)
0074/25	September 2013	20.10.2013	27.09.2013	11	8,181
1584/9	April 2013	19.04.2013	08.04.2013	6	3,000
JUMLAH					11,181

- borang semakan siap kerja tidak ditandatangani oleh Pengurus Besar Operasi untuk pengesahan terhadap satu pesanan belian berjumlah RM18,300 dengan nombor pesanan belian 0242 bertarikh 23 April 2014.
- Terdapat 21 kes di mana perolehan berjumlah RM738,316 dibuat dengan syarikat yang tidak berdaftar dengan RHSM.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM telah mengambil tindakan terhadap perkara berkaitan perolehan bermula April 2014 untuk mengemas kini Manual Perolehan Syarikat. Manual Perolehan syarikat telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-95 pada 11 September 2014 dan dikuatkuasakan dengan serta merta. Salinan Manual Perolehan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Pengurusan RHSM akan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap prosedur dan tatacara perolehan selaras dengan ketetapan dan peraturan mengenainya di dalam Manual Perolehan tersebut.

ii. Perolehan Secara Sebut harga Dan Tender

Perkara 12.4.5 dalam Manual Perolehan dan Kontrak menyatakan perolehan secara sebut harga adalah bagi nilai perolehan RM50,001 hingga RM500,000. Pelawaan dibuat pada semua vendor yang berdaftar dengan

RHSM dan Kementerian Kewangan. Pertimbangan dan tawaran boleh dilaksanakan hanya sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 3 sebut harga. Jawatankuasa Sebut harga ditubuhkan bagi meluluskan perolehan ini. Perkara 12.4.6 pula menyatakan perolehan melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa melalui perolehan secara tender iaitu tender terhad atau terbuka. Semakan Audit terhadap 9 sampel berkaitan perolehan secara sebut harga bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2014 dan 2 tender bagi tahun 2013 mendapati perkara seperti berikut:

a) Perolehan Sewaan Penghawa Dingin Dan Televisyen Tidak Mematuhi Prosedur Yang Ditetapkan

- Pada tahun 2013, RHSM telah membuat perolehan untuk program penggantian/pemasangan alat penghawa dingin berjumlah RM3.51 juta dan televisyen LED 32 inci berjumlah RM3.41 juta. Perolehan ini merupakan sebahagian daripada Program Penambahbaikan seperti yang terkandung dalam Pelan Perniagaan (Transformasi) 2013 hingga 2020 RHSM dan Anggaran Belanjawan (Bajet) RHSM tahun 2013 yang diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-85 pada 20 Disember 2012.
- Semakan Audit mendapati kertas Lembaga Pengarah yang dibentangkan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-85 adalah tidak lengkap di mana tiada kajian dibuat terhadap implikasi kewangan syarikat di mana tiada *cost of benefit analysis* (CBA) dibuat oleh pihak pengurusan RHSM bagi perbandingan harga antara membeli secara terus dan sewaan dan tiada penjelasan yang terperinci berkenaan penggunaan sebahagian Dana RF dan Dana A&P bagi membiayai perolehan. Selain itu, laporan penilaian tender tidak menyatakan bilangan unit peralatan yang diperlukan untuk penggantian.
- Semakan Audit juga mendapati RHSM telah membayar deposit sebanyak 20% daripada jumlah kontrak iaitu RM702,900 kepada Vendor AC003 dan RM681,240 bagi Vendor TV004 yang mana telah melebihi bajet 2013 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ke-85 pada 20 Disember 2012. Butiran lanjut seperti dalam jadual berikut:

**JADUAL 21.17
JUMLAH BAYARAN YANG DIBUAT KEPADA
PEMBEKAL PENYAMAN UDARA DAN TELEVISYEN**

PERKARA	VENDOR AC003 (RM)	VENDOR TV004 (RM)
Deposit	273,000	246,000
Ansuran Tahun Pertama	273,000	246,000
Jumlah Bajet Yang Diluluskan	546,000	492,000

PERKARA	VENDOR AC003 (RM)	VENDOR TV004 (RM)
Jumlah Yang Telah Dibayar (Baucar RHB 024/05/2013 dan Baucar RHB 025/05/2013 bertarikh 6 Mei 2013)	702,900	681,240
Beza Dengan Bajet Yang Diluluskan	156,900	189,240

- Perkara 12.4.6 (h) dalam Manual Perolehan dan Kontrak menghendaki syarikat yang berjaya membayar wang cagaran/bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak. Semakan Audit mendapati Vendor AC003 dan Vendor TV004 membayar bon pelaksanaan berdasarkan 5% daripada wang deposit yang diterima daripada RHSM berbanding amaun yang sepatutnya dibayar iaitu 5% daripada harga kontrak. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.18
JUMLAH BON PELAKSANAAN TERKURANG BAYAR

NAMA VENDOR	HARGA KONTRAK (RM)	JUMLAH DEPOSIT (RM)	JUMLAH SEPATUT BAYAR (RM)	JUMLAH SEBENAR BAYAR (RM)
Vendor AC003	3,514,500	702,900	175,725	35,145
Vendor TV004	3,406,200	681,240	70,310	34,062

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

- *Pengurusan RHSM juga telah mengambil tindakan terhadap perkara berkaitan perolehan bermula April 2014 untuk mengemas kini Manual Perolehan Syarikat. Manual Perolehan syarikat telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-95 pada 11 September 2014 dan dikuatkuasakan dengan serta merta. Salinan Manual Perolehan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Pengurusan RHSM akan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap prosedur dan tatacara perolehan selaras dengan ketetapan dan peraturan mengenainya di dalam Manual Perolehan tersebut.*
- *Cadangan perolehan kelak, akan disertakan bersama analisis impak kos kepada RHSM serta akan menggunakan format baru Laporan Penilaian Tender yang telah ditetapkan dalam Manual Perolehan Syarikat.*
- *Bayaran Deposit (Bajet) – RHSM ambil maklum berkenaan lebih perbelanjaan untuk deposit dalam bajet syarikat, dan untuk sebarang projek kelak, ia akan dimasukkan dalam bajet dengan kelulusan Lembaga Pengarah terlebih dahulu.*
- *Bayaran Deposit (Kontrak) – Pembayaran adalah berdasarkan Surat Lantikan dan Kontrak Pajakan di antara pembekal dan RHSM.*

b) Perolehan Pelantikan Perunding Tidak Mematuhi Prosedur Yang Ditetapkan

Perkara 12.4.18 dalam Manual Perolehan dan Kontrak menyatakan pelantikan perunding hendaklah dibuat berasaskan kepada kepakaran, keupayaan profesional, kedudukan kewangan, prestasi perkhidmatan, pengalaman firma dan kriteria lain yang bersesuaian. Tiga kaedah boleh dibuat dalam pelantikan perunding iaitu lantikan terus berserta kos siling, tender terhad dan tender terbuka. Semakan Audit terhadap 5 fail perolehan berkaitan pelantikan perunding mendapati perkara berikut:

- Perkara 12.4.19 dalam Manual Perolehan dan Kontrak menetapkan bagi urusan pelantikan perunding, RHSM hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) dengan ahlinya dilantik secara bertulis oleh Pengarah Urusan/Pegawai yang diturunkan kuasa. Penubuhan JPP boleh dilaksanakan secara tetap atau *ad hoc* mengikut keperluan projek/kajian dan kapasiti organisasi RHSM. Semakan Audit mendapati 4 daripada 5 fail perolehan pelantikan perunding yang dipilih tidak mematuhi prosedur pelantikan perunding di mana JPP tidak ditubuhkan bagi pelantikan perunding. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.19
JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING TIDAK DITUBUHKAN

NAMA PERUNDING	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN	JENIS KERJA	JUMLAH KONTRAK (RM)
Perunding 001	20.02.2013	Pelantikan perunding untuk kerja penilaian hartanah terhadap premis Hotel Seri Malaysia.	95,000
Perunding 002	25.04.2013	Pelantikan perunding bagi Pembangunan Sumber Manusia RHSM.	135,000
Perunding 003	08.05.2014	Pelantikan perunding bagi kerja naik taraf sistem pendawaian elektrik di HSM Alor Setar.	4% daripada jumlah keseluruhan projek.
Perunding 004	18.04.2013	Pelantikan Perunding Arkitek dan Ukur Bahan bagi membaik pulih dan menaik taraf hotel-hotel Seri Malaysia.	Perunding 004 – 6% daripada jumlah keseluruhan projek. Juruukur Bahan Utama – 1.5% daripada jumlah keseluruhan kos projek termasuk 6% cukai perkhidmatan.

Sumber : Dokumen Perolehan RHSM

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Bagi pelantikan Perunding 001, Perunding 002 dan Perunding 004 hanya dibentangkan di dalam Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)/Jawatankuasa Pengurusan (JKP) untuk kelulusan. Manakala bagi pelantikan Perunding 003 ia telah dibentangkan di dalam JKSH 4/2014 sahaja kerana urus setia telah memaklumkan kepada Jawatankuasa Penilaian Perunding (JKPP) bahawa Pengurus Kanan Bahagian Operasi tidak dapat hadir dan bercuti pada hari

mesyuarat. Oleh itu, urus setia mencadangkan agar pembentangan dilakukan serentak bagi JKPP dalam mesyuarat JKSH memandangkan ahli yang hadir adalah juga merupakan ahli JKSH. JKSH bersetuju ia dibentangkan memandangkan kerja naik taraf sistem pendawaian elektrik di HSM Alor Setar adalah kritikal.

Jawatankuasa Penilaian Perunding telah dilantik pada 20 Julai 2013, selepas pengemaskinian prosedur selari dengan PKD RHSM pada masa itu. Keahlian terdiri daripada keahlian yang sama seperti JKSH yang terdiri daripada Pengarah Urusan, Pengurus Besar, Pengurusan Aset dan Fasiliti, Pengurus Kanan Akaun, Pengurus Besar Perancangan Korporat dan Pegawai undang-undang serta penambahan seorang ahli iaitu Pengurus Kanan Bahagian Operasi. Disebabkan pertindihan keahlian JKSH dan JKPP, semakan semula keahlian telah diadakan, dan pelantikan keahlian baru bagi JKPP telah dibuat pada Jun 2014, di mana keahliannya terdiri daripada eksekutif kanan dan ke atas bagi setiap Bahagian/Jabatan. JKPP ini dipengerusikan oleh Pengurus Kanan, Bahagian Operasi.

- Bagi menjamin kepentingan RHSM, dokumen perjanjian perlulah dimeterai dengan pihak perunding yang dilantik. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada perjanjian kontrak telah dimeterai antara RHSM dengan 2 perunding yang dilantik. Hanya Surat Setuju Terima sahaja dikeluarkan bagi mengesahkan pelantikan perunding tersebut. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 21.20
KONTRAK TIDAK DITANDATANGANI

PERUNDING DILANTIK	PROJEK	YURAN PERUNDING (RM)	BAYARAN YANG DIBUAT (RM)
Perunding 001	Pelantikan perunding untuk kerja penilaian hartanah terhadap premis-premis Hotel Seri Malaysia.	95,000	95,000
Perunding 002	Pelantikan perunding bagi Pembangunan Sumber Manusia RHSM.	135,000	128,500

Sumber : Dokumen Perolehan RHSM

Pada pendapat Audit, ketiadaan perjanjian rasmi menyebabkan tanggungjawab perunding tidak dapat dinyatakan dengan terperinci dan tindakan penguatkuasaan berkemungkinan tidak dapat diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 15 April 2015

RHSM mengambil maklum berkaitan penemuan ini dan akan melaksanakan prosedur ini untuk lantikan perunding di masa akan datang.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati pelantikan perunding untuk kerja penilaian hartanah terhadap premis HSM tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-88 pada 27 Mei 2013 hanya dimaklumkan tentang pelantikan perunding penilaian hartanah setelah kerja awalan penilaian hartanah dilaksanakan. Bagaimanapun Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (Khas) Sebut harga Bil. 7/2013 yang diadakan pada 6 Februari 2013 telah memperakukan sebut harga daripada Perunding 001 dengan yuran sejumlah RM95,000.

c) Perolehan Kerja Membaik Pulih Dan Menaik Taraf HSM Pulau Pinang Tidak Mematuhi Prosedur Dan Kemasan Perabot Yang Tidak Berkualiti

Cadangan membaik pulih dan menaik taraf HSM Pulau Pinang telah diperakukan pelaksanaannya dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan RHSM Bil. 13/2013 pada 14 Jun 2013. Cadangan baik pulih dan naik taraf ini telah dibentangkan dan diluluskan pelaksanaannya secara tender terbuka dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bil. 1/2013 pada 16 Julai 2013 dengan kos pembangunan keseluruhan yang dianggarkan berjumlah RM3.97 juta. Ia juga dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 89 pada 10 Oktober 2013 untuk makluman sahaja. Semakan Audit mendapati:

- Perkara 12.4.6.(b)(i) menyatakan tender terbuka hendaklah diiklankan dalam surat khabar dan terbuka kepada semua syarikat untuk perolehan dalam kes-kes tertentu seperti tiada syarikat berdaftar dengan RHSM yang memenuhi syarat bekalan, perkhidmatan atau kontrak yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati tender untuk projek naik pulih dan naik taraf RHSM Pulau Pinang tidak diiklankan dalam surat khabar. Bagaimanapun ia ada disiarkan di laman sesawang RHSM.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Pengurusan RHSM mengambil maklum teguran ini dan akan memastikan perancangan yang lebih teliti dilaksanakan untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf. RHSM mengambil maklum akan teguran ini dan akan melaksanakan mengikut prosedur perolehan di masa akan datang.

- Semakan Audit selanjutnya dan lawatan ke lokasi HSM Pulau Pinang telah dijalankan pada 17 hingga 20 November 2014 mendapati pemasangan *built in furniture* dan *loose furniture* adalah menggunakan *laminated finish plywood backing* bagi *writing table with mini fridge area, writing table and TV panel, walk in wardrobe, wall*

mounted and side table di mana bahan yang digunakan tersebut adalah kurang sesuai bagi kegunaan hotel bagi tempoh jangka panjang jika dibandingkan dengan *solid wood*. Pemasangan perabot menggunakan *solid wood* adalah lebih tahan lasak dan kukuh untuk tempoh jangka panjang. Gambar *built in furniture* dan *loose furniture* adalah seperti dalam **Gambar 21.23** hingga **Gambar 21.24**.

GAMBAR 21.23



Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang
- Perabot Di Bilik 116 (Family Room)
(18.11.2014)

GAMBAR 21.24



Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang
- Perabot Di Bilik 320 & 321 (Suite Room)
(18.11.2014)

- Semakan Audit juga mendapati Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 7/2013 bertarikh 27 September 2013 telah meluluskan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf 5 buah bilik di HSM Kuala Terengganu. Pengubahsuaian tersebut bagi 2 bilik VIP *Suite*, 3 bilik Junior *Suite* dan Dewan Muara 3. Lawatan Audit ke HSM Kuala Terengganu pada 10 hingga 14 November 2014 mendapati pemasangan perabot dalam bilik berkenaan turut menggunakan bahan yang sama seperti di HSM Bayan Baru. Adalah didapati ada perabot yang sudah melengkung walaupun proses naik taraf baharu dibuat pada tahun 2013 seperti **Gambar 21.25** dan **Gambar 21.26**.

GAMBAR 21.25



Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Perabot Kelihatan Agak Melengkung
(12.11.2014)

GAMBAR 21.26



Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Bermula pada Januari 2015, Pengurusan RHSM telah melaksanakan perancangan yang lebih teliti untuk kerja-kerja baik pulih dan naik taraf HSM selaras dengan Prosedur yang terkandung di dalam Manual Perolehan. Pemeriksaan oleh pegawai QA juga telah dijalankan pada 28 April 2015 dan mengesahkan tidak ada

kabinet tv yang melengkung. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil dengan memasang alat bagi menyokong kabinet tersebut sebagaimana yang telah dilaksanakan di HSM Pulau Pinang. Pengurusan RHSM sedang dalam proses penyediaan spesifikasi alat sokongan tersebut dan menjangkakan keseluruhan kerja yang berkaitan akan dapat disiapkan selewat-lewatnya sebelum 30 Jun 2015.

d) Perolehan Penyewaan Ruang Pejabat Tidak Mematuhi Prosedur Perolehan

Pihak pengurusan RHSM telah menyewa ruang pejabat tambahan yang terletak di aras yang sama dengan pejabat sedia ada untuk tempoh penyewaan selama 2 tahun. Perjanjian telah ditandatangani antara RHSM dengan pemilik ruang pejabat tersebut pada 17 Oktober 2012 dengan kadar sewaan RM18,000 sebulan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- penyewaan ruang pejabat ini hanya diluluskan oleh Pengerusi tetapi tidak dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyewaan ini mematuhi proses perolehan yang ditetapkan kerana maklumat berkaitan perolehan tahun 2012 tidak dikemukakan oleh pihak RHSM. Pihak RHSM hanya mengemukakan perjanjian sewaan sahaja.
- Permohonan untuk kerja pengubahsuaian ini ada dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan RHSM Bil. 1/2012 pada 24 Oktober 2012. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah tahun 2012 mendapati tiada bukti anggaran keperluan bajet untuk pengubahsuaian ini dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada perolehan bagi pengubahsuaian ini diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga kerana maklumat berkaitan perolehan tahun 2012 tidak dikemukakan oleh RHSM kepada pihak Audit. RHSM telah membelanjakan sejumlah RM229,719 iaitu melebihi anggaran kos pengubahsuaian berjumlah RM218,002 dengan lebihan perbelanjaan sejumlah RM11,717.

Maklum Balas RHSM Yang Diterima Pada 13 Mei 2015

Selepas semakan dilakukan, disahkan bahawa penyewaan ini tidak mematuhi proses perolehan yang ditetapkan. Pihak Pengurusan RHSM tidak membentangkan keperluan bajet pengubahsuaian kepada Lembaga Pengarah. Pengubahsuaian ini tidak dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga untuk kelulusan. Bagaimanapun telah bincangkan di dalam Jawatankuasa Pengurusan Bil. 01/2012 pada 24 Oktober 2012. Pengurusan RHSM telah

memastikan perkara ini diberi perhatian melalui Manual Perolehan yang lebih lengkap, terperinci dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 11 September 2014. Pengurusan RHSM akan memastikan Manual Perolehan ini dipatuhi sepenuhnya di dalam setiap perolehan yang akan dijalankan.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan RHSM secara keseluruhan adalah kurang memuaskan di mana RHSM tidak mematuhi prosedur perolehan yang telah ditetapkan dalam Manual Perolehan dan Kontrak bagi perolehan secara pembelian terus, Sebut Harga dan tender. Lembaga Pengarah dan pengurusan RHSM juga perlu memastikan semua prosedur perolehan yang ditetapkan dipatuhi bagi mengelakkan berlakunya ketirisan dan memastikan adanya kawalan dalaman semasa proses perolehan dijalankan. Selain itu, RHSM perlulah membuat perancangan yang teliti dan rapi, serta membuat kajian pasaran sebelum perolehan kerja baik pulih dan naik taraf HSM dilaksanakan bagi memastikan proses baik pulih dan kualiti bahan yang digunakan bersesuaian untuk kegunaan hotel kerana ia melibatkan kos yang tinggi.

21.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan RHSM dicapai dan memantapkan keupayaan tadbir urus organisasi, adalah disyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

21.6.1. Lembaga Pengarah RHSM perlu memastikan setiap KPI yang telah ditetapkan dan sasaran KPI dipantau pencapaiannya serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Penetapan KPI syarikat juga perlu dibincangkan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi membantu Lembaga Pengarah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan syarikat serta merangka strategi perniagaan yang lebih relevan dan komprehensif;

21.6.2. Pengurusan RHSM perlu mengkaji semula *exit policy* francais/pengendali HSM agar dapat memberi peluang kepada francais/pengendali hotel lain yang berpotensi di samping memastikan pengusaha sedia ada terus kekal dalam bisnes perhotelan. Ini seterusnya mencapai objektif RHSM untuk menggalakkan pengusaha Bumiputera terlibat dalam industri perhotelan;

21.6.3. RHSM juga perlu menguatkuasakan semua terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Di samping itu, kajian semula terma dan syarat perjanjian perlu dilakukan agar bersesuaian dengan keadaan semasa bagi menjaga kepentingan syarikat serta Kerajaan; dan

21.6.4. pengurusan RHSM perlulah menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lebih terperinci berkaitan pengurusan Dana A&P dan Dana RF. Selain itu, Lembaga Pengarah dan pengurusan RHSM perlu mematuhi semua prosedur yang ditetapkan terutamanya prosedur berhubung proses perolehan dan perbelanjaan agar kawalan dalaman proses tersebut dapat dipertingkatkan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Dalam Buku Laporan Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Serta Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

- a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan;
- b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (best value for money) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:
 - i. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan

teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (best value for money);

- ii. *integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembedungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, Pejabat Tanah serta Kerajaan Negeri perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;
- iii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawai Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan;
- iv. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah mahir dalam prosedur Perolehan Kerajaan dan memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan. Langkah ini penting untuk mengelakkan salah laku, ketirisan dan kepentingan Kerajaan terpelihara serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap perolehan.
- v. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemas kini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan;
- vi. Ketua Perkhidmatan/Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatan kuasa Siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian;
- vii. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan, dan pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan; dan

- viii. Sebagai bukti komitmen yang tinggi, Pegawai-Pegawai Pengawal di Pejabat Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan hendaklah mengambil tindakan terhadap teguran Ketua Audit Negara dan membuat laporan segera kepada Bahagian Susulan Audit, Jabatan Audit Negara agar segala tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem Dashboard Jabatan Audit Negara.
- c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah.**

**Jabatan Audit Negara
Putrajaya
13 Mei 2015**



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2015
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my